

Permulaan (Kejadian) Terjemahan Melayu Standard Harfiah (MSH)

Huruf coklat menunjukkan maklumat tersirat yang ditulis untuk membuat ayat lebih jelas.

Huruf biru menunjukkan maklumat tersirat yang tidak diperlukandalam bahasa Melayu tetapi mungkin diperlukan dalam bahasa lain.

Kami tidak menggunakan huruf besar dalam kata ganti nama untuk Allah atau Tuhan, tetapi supaya pembaca boleh pasti kata ganti nama yang manakah merujuk kepada Allah atau Tuhan, kami menandakannya dengan garis titik di bawahnya. Sebenarnya, sistem ini lebih jelas daripada huruf besar, sebab kata ganti nama yang memulakan ayat pun jelas adakah ia merujuk kepada Tuhan atau tidak.

Kata penghubung biasanya tidak dicondongkan, tetapi pelbagai kata penyambung digunakan untuk menggantikan perkataan Ibrani “dan” (“w-”).



Creative Commons
©kitabsucimelayu.org 2014

Permulaan (Kejadian) Terjemahan Melayu Standard Idiomatik (MSI)

Genesis World English Bible (WEB)

Tajuk-tajuk telah ditambah ke teks ini sesuai dgn tajuk dlm bahasa Melayu. (Teks aslinya tiada tajuk.) Ada juga tempat di mana perenggan ditambah. Tafsiran terjemahan ini tdk selalu sama dgn terjemahan b. Melayu.

Titles have been added here to correspond to the Malay text. (The original text has no titles.) There are also places where paragraphs breaks have been added. The exegesis in this translation is not always the same as that of the Malay.



Creative Commons
©kitabsucimelayu.org 2014

<p><i>Dunia Dicipta Allah Baik Tetapi Manusia Memberontak Terhadapnya (1:1 – 11:26)</i> Allah Mencipta Alam Semesta dan Melihat Ia Baik</p> <p>^{1:1} Pada mulanya,^j Allah mencipta langit dan bumi.^{j 1:2} Bumi belum terbentuk^h dan kosong,^t dan di atas permukaan air yang dalam^j ada kegelapan, tetapi^t Roh Allah berada di atas permukaan air.^{j P P}</p> <p>^{1:3} Lalu Allah berkata, “Jadilah cahaya,”^j maka cahaya pun terjadi.^{1:4} Allah melihat bahawa cahaya itu baik,^P dan <i>diā</i> memisahkan terang dan kegelapan itu.^{j 1:5} Allah memanggil cahaya itu “siang” dan memanggil kegelapan itu “malam”. Maka datanglah^j malam dan pagi, <i>itulah</i> satu hari.^{j P}</p>	<p><i>Dunia Dicipta Allah Baik Tetapi Manusia Memberontak Terhadapnya (1:1 – 11:26)</i> Allah Mencipta Alam Semesta dan Melihat Ia Baik</p> <p>^{1:1} Pada mulanya, Allah mencipta langit dan bumi.^{1:2} Bumi belum terbentuk dan belum berisi. Kegelapan menyelubungi permukaan samudera, tetapi Roh Allah berada di atas permukaan air <i>bersiap-sedia untuk bertindak</i>.</p> <p>^{1:3} Lalu Allah berkata, “Jadilah cahaya”, maka cahaya pun terjadi.^{1:4} Allah melihat bahawa cahaya yang <i>diciptakannya</i> itu baik dan memisahkan waktu terang dan waktu gelap.^{1:5} Allah menamakan waktu terang “siang” dan waktu gelap “malam”. Maka malam berlalu dan pagi pun menjelang; <i>dengan demikian</i></p>	<p><i>God Creates the World Good but Mankind Rebels Towards God (1:1 – 11:26)</i> God Creates the Universe and Sees that it is Good</p> <p>^{1:1} In the beginning God created the heavens and the earth.^{1:2} Now the earth was formless and empty. Darkness was on the surface of the deep. God’s Spirit was hovering over the surface of the waters.</p> <p>^{1:3} God said, “Let there be light,” and there was light.^{1:4} God saw the light, and saw that it was good. God divided the light from the darkness.^{1:5} God called the light “day,” and the darkness he called “night.” There was evening and there was morning, one day.</p>
--	--	---

^{j 1:1} Pada mulanya, **trjmh lain:** Pada permulaan *segala sesuatu*,

^{j 1:1} mencipta langit dan bumi. **trjmh lain:** mencipta alam semesta.

^{h 1:2} belum terbentuk **hrfh:** tidak terbentuk. Frasa *tidak terbentuk* lebih harfiah, tetapi ia tdk berbunyi baik dlm ayat ini.

^{t 1:1-2} Pada mulanya, Allah mencipta langit dan bumi. Bumi belum terbentuk dan kosong ... **Tfsrn lain:** Pada permulaan penciptaan langit dan bumi oleh Allah, bumi belum terbentuk dan kosong ... Dlm tfsrn kedua ini, penciptaan langit dan bumi tdk disebut secara langsung; ayat ini hanya menyebut keadaannya sewaktu permulaan penciptaan. Terjemahan kuno spt Septuaginta mengikuti tfsrn dlm teks. Pada lumrahnya orang berhaluan konservatif memilih tafsiran dlm teks manakala orang berhaluan liberal memilih tafsiran dlm nota kaki ini.

^{j 1:2} air yang dalam **trjmh lain:** pendalaman / lautan / samudera. Perkataan ini merupakan perkataan puitis utk lautan. Waktu itu seluruh bumi diliputi lautan dan langsung tiada darat.

^{t 1:2} tetapi **tfsrn lain:** dan. Kedua-dua tafsiran ini boleh diterima.

^{j 1:2} berada di atas permukaan air. **trjmh 2:** hadir di atas permukaan air. **trjmh 3:** berlegar-legar di atas permukaan air. **trjmh 4:** melayang-layang di atas permukaan air. Kata kerja *berada* ini menggambarkan burung yg hinggap di siring sarangnya untuk menjaga anaknya. Makna *atas* di sini, spt bahasa Inggeris *above* dan bukan *on*, atau spt burung terbang di atas, bukan spt perahu berada di atas air.

^{P 1:2} Perkataan yg digunakan membawa implikasi bahawa Roh Allah berada di situ dan siap-sedia bertindak dlm pembentukan bumi.

^{P 1:2} Proses *membentuk* itu yg dilakukan dr hari pertama sampai hari ketiga melibatkan ungkapan *memisahkan* atau *membezakan* (Inggeris: *differentiate, differentiation*); memisahkan terang dr gelap, air di bawah dr air di atas, dan tanah dr laut (1:3-13). Proses mengisi yg dilakukan pada hari keempat sampai hari keenam melibatkan *penciptaan*: mencipta benda di langit, binatang (termasuk burung dan ikan), dan manusia (1:14-27). Seterusnya manusia diberi tugas menyambung kerja yg dilakukan Tuhan utk membentuk bumi dan mengisi bumi (1:28).

^{j 1:3} cahaya **trjmh lain:** terang

^{P 1:4} Bukan rupanya yg baik, tetapi kewujudannya.

^{j 1:4} *diā* memisahkan terang dan kegelapan itu. **trjmh lain:** *diā* memisahkan waktu terang dan waktu gelap. **tfsrn lain:** *diā* memisahkan tempat terang dan tempat gelap. Dlm konteks dunia jasmani, agaknya ini merujuk kpd masa terang dan gelap, tetapi mungkin juga ia menunjukkan sifat Tuhan hendak memisah terang rohani drpd kegelapan rohani.

^{j 1:5} Maka datanglah ... **trjmh lain:** Maka hadirilah ... Sama dlm ayat 8 dsb.

^{j 1:5} satu hari **trjmh lain:** hari pertama. Dlm ayat ini b. Ibrani menggunakan nombor kardinal (*satu*, bukan *pertama*) sedangkan dlm ayat-ayat yg berikut ia menggunakan nombor ordinal (*kedua*, bukan *dua* dsb.). Kalau ia berbunyi ganjil, ia boleh diterjemah sebagai *hari pertama*.

^{P 1:5} Fahaman kami bahawa Tuhan berkerja pd waktu siang, dan berhenti pd waktu malam. Jadi, waktu kerja itu ditambah dgn waktu malam menjadi genap satu hari. Frasa *hadirlah malam dan pagi* menentukan waktu malam berlalu. (Di kemudian hari, orang Yahudi menganggap hari bermula dgn terbenamnya matahari tetapi mungkin pd waktu kenyataan ini ditulis, mereka

<p>^{1:6} Kemudian Allah berkata, “Biarlah ada ruang^j di antara air sehingga memisahkan air dari air.” ^{1:7} Demikianlah Allah mewujudkan ruang itu serta memisahkan air yang di bawah ruang itu dan air yang di atas ruang itu. Maka terjadilah begitu. ^{1:8} Allah memanggil ruang itu “langit”. Maka datanglah malam dan pagi, itulah hari kedua.</p> <p>^{1:9} Kata Allah, “Biarlah air di bawah langit terkumpul pada suatu tempat^p dan biarlah darat muncul, maka terjadilah begitu. ^{1:10} Allah memanggil darat, “tanah”^j dan dia memanggil kumpulan air di bawah, “laut-laut”.^j Allah melihat bahawa ia baik. ^{1:11} Lalu Allah berkata, “Biarlah tanah mengeluarkan^j tumbuh-tumbuhan di bumi, iaitu tumbuh-tumbuhan berbiji dan pokok buah-buahan yang berbiji di dalam buahnya, menurut jenisnya.”^t Terjadilah demikian. ^{1:12} Maka tanah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan: tumbuhan berbiji menurut jenisnya dan pokok buah-buahan yang berbiji di dalam buah menurut jenisnya. Allah melihat bahawa ia baik. ^{1:13} Maka datanglah malam dan pagi, itulah hari ketiga.</p> <p>^{1:14} Kemudian Allah berkata, “Jadilah benda penerang di ruang</p>	<p>genaplah satu hari.</p> <p>^{1:6} Kemudian Allah berkata, “Jadilah ruang di antara air agar ia terpisah menjadi dua.” ^{1:7} Maka begitulah yang terjadi. Allah mewujudkan ruang tersebut dan memisahkan air di bawah ruang dan air di atas ruang itu. ^{1:8} Allah menamakan ruang itu “langit.” Maka malam berlalu dan pagi pun menjelang; dengan demikian genaplah hari kedua.</p> <p>^{1:9} Kata Allah, “Biarlah darat muncul dan air di bawah langit itu terkumpul pada tempat tertentu sahaja. Maka terjadilah begitu. ^{1:10} Allah menamakan darat, “tanah” dan air yang di bawah langit, “laut.” Allah melihatnya baik. ^{1:11} Lalu Allah berkata, “Biarlah tumbuh-tumbuhan merecup dari tanah di bumi, iaitu tumbuh-tumbuhan berbiji biasa dan pokok buah-buahan yang berbiji di dalam buahnya, masing-masing menurut jenisnya sendiri.” Terjadilah demikian. ^{1:12} Maka merecuplah tumbuh-tumbuhan dari tanah: tumbuh-tumbuhan yang berbiji biasa, masing-masing menurut jenisnya sendiri dan pokok buah-buahan yang berbiji di dalam buahnya, masing-masing menurut jenisnya sendiri. Allah melihatnya baik. ^{1:13} Maka malam berlalu dan pagi pun menjelang; dengan demikian genaplah hari ketiga.</p> <p>^{1:14} Kemudian Allah berkata, “Jadilah benda penerang di langit</p>	<p>^{1:6} God said, “Let there be an expanse in the middle of the waters, and let it divide the waters from the waters.” ^{1:7} God made the expanse, and divided the waters which were under the expanse from the waters which were above the expanse; and it was so. ^{1:8} God called the expanse “sky.” There was evening and there was morning, a second day.</p> <p>^{1:9} God said, “Let the waters under the sky be gathered together to one place, and let the dry land appear”; and it was so. ^{1:10} God called the dry land “earth,” and the gathering together of the waters he called “seas.” God saw that it was good. ^{1:11} God said, “Let the earth yield grass, herbs yielding seed, and fruit trees bearing fruit after their kind, with its seed in it, on the earth”; and it was so. ^{1:12} The earth yielded grass, herbs yielding seed after their kind, and trees bearing fruit, with its seed in it, after their kind; and God saw that it was good. ^{1:13} There was evening and there was morning, a third day.</p> <p>^{1:14} God said, “Let there be lights in the expanse of sky to</p>
---	--	--

menganggap hari yg baru bermula dgn terbitnya matahari.) Ia tdk ditentukan samada *hari* itu 24 jam, atau jangka masa panjang yg digambarkan sbg hari biasa.

^{j 1:6} *ruang* **trjmh** 2: *kubah* **trjmh** 3: *cakerawala* **trjmh** 4: *lengkung*. Bentuk ini spt sebuah kuili besar yg terbalik, spt bentuk langit biru yg kita lihat sekarang ini. Di dalamnya termasuk udara dr permukaan bumi sampai ke langit biru, sebab burung-burung dan serangga dikatakan terbang ‘di langit’ walhal kebanyakannya hanya terbang di paras udara yg agak dekat dgn permukaan bumi.

^{p 1:9} Sebelum ini, air menutupi seluruh permukaan bumi. Sekarang ia *terkumpul* pada tempat tertentu saja.

^{j 1:10} Allah memanggil darat itu ‘tanah,’ **trjmh** lain: Allah memanggil bahagian yang bukan laut itu ‘darat/tanah’,

^{j 1:10} *laut-laut* **trjmh** lain: *lautan-lautan*. B. Ibrani tdk membezakan di antara laut, lautan dan tasik; semuanya satu istilah saja. Istilah b. Ibrani ini berbentuk jamak (laut-laut) tetapi ia boleh juga diterjemah sebagai mufrad (laut), spt di dalam beberapa terjemahan bahasa Inggeris.

^{j 1:11} *mengeluarkan* **trjmh** lain: *mencambahkan / menumbuhkan*

^{t 1:11} **Tfsrn** lain: “Biarlah tumbuh-tumbuhan merecup dari tanah di bumi; **iaitu** tumbuh-tumbuhan berbiji **biasa**, dan pokok buah-buahan yang ada biji di dalam buahnya, **setiap tumbuh-tumbuhan dengan biji yang menghasilkan jenis tumbuhan yang sama.**”

* Dlm tfsrn ini, menurut jenisnya merujuk kpd benih, dan bukan kpd tumbuh-tumbuhan. Sama dlm ayat 1:12.

<p>langit untuk memisahkan di antara siang dengan malam. Ia akan menjadi tanda untuk menunjukkan musim, ^t hari dan tahun. ^{1:15} Ia akan menjadi benda penerang di ruang langit^j untuk memberi cahaya kepada bumi. Maka terjadilah begitu. ^{1:16} Dengan demikian Allah menjadikan dua benda penerang yang besar; penerang yang lebih terang^h dijadikan untuk menguasai siang dan penerang yang kurang terang^h untuk menguasai malam, bersama dengan bintang-bintang. ^t ^{1:17} Allah menempatkan semuanya di ruang langit untuk menerangi bumi, ^{1:18} menguasai siang dan malam, serta memisahkan terang daripada gelap. Allah melihat bahawa ia baik. ^{1:19} Maka datanglah malam dan pagi, itulah hari keempat.</p> <p>^{1:20} Kemudian Allah berkata, “Biarlah air berkeriapan dengan makhluk hidup^h jenis mengeriap, dan biarlah unggas^p berterbangan di atas bumi dan di bawah permukaan ruang langit. ^{1:21} Demikian Allah menciptakan makhluk laut yang besar, dan setiap makhluk yang hidup dan bergerak-gerak dan yang mengeriapi air menurut jenisnya, serta setiap makhluk bersayap^p menurut jenisnya. Allah melihat bahawa ia baik. ^{1:22} Maka Allah memberkatinya dengan berkata, “Berkembangbiaklah dan bertambah banyak serta penuhi air laut-laut dan biarkan makhluk yang terbang berkembangbiak di bumi.” ^{1:23} Maka datanglah malam</p>	<p>untuk membezakan siang dengan malam. Ia akan menjadi tanda untuk menunjukkan musim, hari dan tahun. ^{1:15} Ia akan menjadi benda penerang di langit untuk memberi cahaya kepada bumi. Maka terjadilah begitu. ^{1:16} Dengan demikian Allah menjadikan dua penerang besar agar yang lebih terang menguasai siang hari dan yang kurang terang menguasai malam, bersama dengan bintang-bintang. ^{1:17} Allah menempatkan semuanya di langit untuk menerangi bumi, ^{1:18} menguasai siang dan malam, serta membezakan di antara siang dengan malam. Allah melihatnya baik. ^{1:19} Maka malam berlalu dan pagi pun menjelang; dengan demikian genaplah hari keempat.</p> <p>^{1:20} Kemudian Allah berkata, “Biarlah air dipenuhi dengan makhluk hidup yang mengeriap dan biarlah unggas berterbangan di atas bumi di ruang langit. ^{1:21} Demikian Allah menciptakan makhluk laut yang besar, dan setiap makhluk hidup yang bergerak-gerak serta memenuhi air, masing-masing menurut jenisnya sendiri, dan setiap makhluk bersayap, masing-masing menurut jenisnya sendiri. Allah melihatnya baik. ^{1:22} Maka Allah memberkatinya dengan berkata, “Wahai makhluk air, berkembangbiaklah dan bertambah banyak serta penuhi air laut. Wahai makhluk yang terbang, berkembangbiaklah di bumi.” ^{1:23} Maka malam berlalu dan pagi pun menjelang; dengan demikian genaplah</p>	<p>divide the day from the night; and let them be for signs, and for seasons, and for days and years; ^{1:15} and let them be for lights in the expanse of sky to give light on the earth”; and it was so. ^{1:16} God made the two great lights: the greater light to rule the day, and the lesser light to rule the night. He also made the stars. ^{1:17} God set them in the expanse of sky to give light to the earth, ^{1:18} and to rule over the day and over the night, and to divide the light from the darkness. God saw that it was good. ^{1:19} There was evening and there was morning, a fourth day.</p> <p>^{1:20} God said, “Let the waters swarm with swarms of living creatures, and let birds fly above the earth in the open expanse of sky.” ^{1:21} God created the large sea creatures, and every living creature that moves, with which the waters swarmed, after their kind, and every winged bird after its kind. God saw that it was good. ^{1:22} God blessed them, saying, “Be fruitful, and multiply, and fill the waters in the seas, and let birds multiply on the earth.” ^{1:23} There was evening and there was morning, a fifth day.</p>
--	--	--

^t 1:14 *musim tfsrn lain: masa perayaan ugama.* Perkataan ini boleh merujuk kepada hari-hari perayaan ugama atau musim. Kebanyakan perayaan Yahudi mengikut mata hari dan bulan, dan oleh itu ia menjadi tanda.

^j 1:15 *ruang langit trjmh lain: ruang angkasa*

^h 1:16 *lebih terang hrhf: besar*

^h 1:16 *kurang terang hrhf: kecil*

^t 1:16 *bersama dengan bintang-bintang. tfsrn lain: Dia menciptakan juga bintang-bintang.*

^h 1:20 *makhluk hidup hrhf: jiwa hidup.* Sama dlm ayat 21.

^p 1:20 Istilah ini merangkumi burung dan serangga bersayap, dll spt kelawar – apa sahaja haiwan yg boleh terbang. Istilah ini dipakai seterusnya.

^p 1:21 Istilah di sini sama dgn yg diterjemah sebagai *unggas* dlm ayat 1:20.

dan pagi, **itulah** hari kelima.

^{1:24} Kemudian Allah berkata, “Biarlah bumi mengeluarkan makhluk menurut jenisnya: ternakan,^j makhluk melata dan binatang **di** tanah, **masing-masing** menurut jenisnya.” Maka terjadilah begitu. ^{1:25} **Begitulah** Allah menjadikan binatang liar^h menurut jenisnya, ternakan mengikut jenisnya dan semua makhluk melata, menurut jenisnya. Allah melihat bahawa ia baik.

^{1:26} Kemudian Allah berkata, “Mari **kita**^P menjadikan manusia dalam cerminan^j **kita** dengan persamaan **kita**. Biarlah mereka berkuasa ke atas ikan di laut,^P burung^P di langit, ternakan, serta seluruh bumi dan semua makhluk yang bergerak di atas bumi. ^j ^{1:27} Jadi, Allah mencipta manusia dalam cerminan **dirinya sendiri**, **sememangnya** dalam cerminan Allah **dia** menciptanya. **Dia** mencipta mereka, lelaki dan perempuan. ^{1:28} Allah memberkati mereka **dengan** berkata, “Beranaklah^j dan bertambah banyak serta penuhilah bumi dan taklukinya. Berkuasa ke atas ikan di laut, burung di langit, ternakan, dan semua makhluk yang bergerak di atas bumi.”

^{1:29} Allah berkata **lagi**, “Nah, **aku** memberi kepada kamu sebagai makanan semua tumbuhan yang berbiji yang ada di seluruh muka bumi, dan semua pokok buah-

hari kelima.

^{1:24} Kemudian Allah berkata, “Jadilah di bumi **pelbagai** jenis makhluk: ternakan, makhluk **kecil** dan binatang liar, masing-masing menurut jenisnya sendiri.” Maka terjadilah begitu. ^{1:25} **Begitulah** Allah menjadikan binatang liar, ternakan, dan segala macam makhluk kecil, **masing-masing** menurut **jenisnya** sendiri. Allah melihat bahawa ia baik.

^{1:26} Kemudian Allah berkata, “Mari **kita** menjadikan manusia dalam cerminan dan persamaan **kita**. Biarlah mereka berkuasa ke atas ikan di laut, burung **yang terbang** di langit, ternakan serta **atas** seluruh bumi dan semua makhluk **lain** yang bergerak di atas bumi. ^{1:27} Jadi, Allah mencipta manusia yang mencermi **dirinya sendiri**. **Sememangnya** dalam cerminan **dirinya dia** mencipta lelaki dan perempuan. ^{1:28} Allah memberkati mereka **dengan** berkata, “Beranaklah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi. Berkuasalah ke atas ikan di laut, burung **yang terbang** di langit, ternakan dan semua makhluk **lain** yang bergerak di atas bumi.”

^{1:29} Allah berkata **lagi**, “Nah! **aku** berikan kamu semua tumbuhan yang berbiji **biasa** dan semua buah-buahan dari pokok yang berbiji di dalam buahnya yang ada di seluruh muka

^{1:24} God said, “Let the earth produce living creatures after their kind, livestock, creeping things, and animals of the earth after their kind”; and it was so.

^{1:25} God made the animals of the earth after their kind, and the livestock after their kind, and everything that creeps on the ground after its kind. God saw that it was good.

^{1:26} God said, “Let us make man in our image, after our likeness: and let them have dominion over the fish of the sea, and over the birds of the sky, and over the livestock, and over all the earth, and over every creeping thing that creeps on the earth.” ^{1:27} God created man in his own image. In God’s image he created him; male and female he created them. ^{1:28} God blessed them. God said to them, “Be fruitful, multiply, fill the earth, and subdue it. Have dominion over the fish of the sea, over the birds of the sky, and over every living thing that moves on the earth.”

^{1:29} God said, “Behold, I have given you every herb yielding seed, which is on the surface of all the earth, and every tree, which bears fruit yielding seed.

^j ^{1:24} ternakan **trjmh** lain: *binatang jinak* atau: *binatang peliharaan*. Selain ternakan, istilah ini merangkumi binatang jinak spt anjing dan kucing.

^h ^{1:24} binatang liar **hrfh**: *makhluk bumi*

^P ^{1:26} Penggunaan *kita* di sini mungkin cara Tuhan bertutur kpd diri sendiri. Ada yg berfikir ini pembayang akan Allah Tri-Tunggal, iaitu salah satu drpd Allah Tri-Tunggal bercakap kpd yg lain. Mungkin Allah Bapa bercakap dgn Yesus dan Roh Kudus. Orang lain fikir Allah bercakap kpd ketua-ketua malaikat, tetapi setahu kita, 1) malaikat tdk terlibat dlm penciptaan manusia dan 2) manusia tdk dicipta dlm cerminan malaikat, hanya cerminan Allah.

^j ^{1:26} cerminan **trjmh** lain: *bayangan*

^P ^{1:26} Istilah *laut* di sini merangkumi *lautan*, *laut*, dan *tasik*. Ia tidak membezakan di antara air masin dgn air tawar.

^P ^{1:26} Istilah *burung* di sini merangkumi semua makhluk bersayap yang boleh terbang, termasuk serangga dan kelawar.

^j ^{1:26} Biarlah mereka berkuasa ke atas ikan di laut, burung di langit, ternakan, serta seluruh bumi dan semua makhluk yang bergerak di atas bumi. **Trjmh** lain: Biarlah mereka berkuasa ke atas ikan di laut, burung di langit, ternakan, dan semua makhluk yang bergerak di atas bumi serta seluruh bumi.

^j ^{1:28} beranak **trjmh** lain: *jadi subur*

<p>buah yang berbiji di dalam buahnya. ^{1:30} Kepada semua binatang di bumi, semua burung di langit dan semua mahluk yang bergerak di atas bumi – semua yang ada nafas kehidupan^h dalamnya – aku memberikan tumbuh-tumbuhan hijau sebagai makanan.” Maka terjadilah begitu. ^{1:31} Allah melihat semua yang dibuatnya, dan wah!^h memang sangat baik. Maka datanglah malam dan pagi. Itulah hari keenam.</p> <p>^{2:1} Dengan begitu, selesailah penciptaan langit dan bumi serta segala sesuatu di dalamnya.^h ^{2:2} Pada hari yang ketujuh Allah sudah menyelesaikan pekerjaan yang dibuatnya, dan dia berehat^j pada hari yang ketujuh daripada segala pekerjaan yang dibuatnya. ^{2:3} Maka Allah memberkati hari ketujuh dan mengekshaskannya^j kerana pada hari itu dia telah berehat daripada segala kerja penciptaan yang dibuatnya.</p> <p><i>Manusia Pertama Mengingkari Perintah Allah (2:4 – 4:26)</i></p> <p>Penciptaan Lelaki dan Perempuan</p> <p>^{2:4} Inilah riwayat tertentu dalam penciptaan langit dan bumi, iaitu pada hari Yahweh Allah menjadikan bumi dan langit. ^{2:5} Belum ada tumbuh-tumbuhan liar^p yang tumbuh di tanah di situ,^t dan belum ada tanaman ladang yang tumbuh di bumi kerana Yahweh</p>	<p>bumi ini sebagai makanan kamu. ^{1:30} Aku memberikan tumbuh-tumbuhan hijau sebagai makanan kepada semua binatang di bumi, kepada semua burung di langit dan kepada semua mahluk lain yang bergerak di atas bumi – semua yang dalamnya ada nafas kehidupan,” katanya. Maka terjadilah begitu. ^{1:31} Allah melihat bahawa semua yang dibuatnya itu, wah! memang sangat baik. Maka malam berlalu dan pagi pun menjelang; dengan demikian genaplah hari keenam.</p> <p>^{2:1} Dengan begitu, selesailah penciptaan langit dan bumi serta segala sesuatu di dalamnya. ^{2:2} Pada hari yang ketujuh Allah sudah menyelesaikan pekerjaan yang dibuatnya, dan dia berhenti membuat segala pekerjaan yang telah dibuatnya. ^{2:3} Maka Allah memberkati hari yang ketujuh dan mengekshaskannya kerana pada hari itu dia telah berehat daripada segala kerja penciptaan yang dibuatnya.</p> <p><i>Manusia Pertama Mengingkari Perintah Allah (2:4 – 4:26)</i></p> <p>Penciptaan Lelaki dan Perempuan</p> <p>^{2:4} Berikut adalah riwayat tertentu dalam penciptaan bumi dan langit, pada jangka masa Yahweh Allah menciptanya. ^{2:5} Pada waktu penciptaan manusia, belum tumbuh apa-apa tanaman dan juga belum ada huma di bumi yang ditumbuhi tumbuhan liar, kerana Yahweh Allah</p>	<p>It will be your food. ^{1:30} To every animal of the earth, and to every bird of the sky, and to everything that creeps on the earth, in which there is life, I have given every green herb for food”; and it was so.</p> <p>^{1:31} God saw everything that he had made, and, behold, it was very good. There was evening and there was morning, a sixth day.</p> <p>^{2:1} The heavens and the earth were finished, and all their vast array. ^{2:2} On the seventh day God finished his work which he had made; and he rested on the seventh day from all his work which he had made. ^{2:3} God blessed the seventh day, and made it holy, because he rested in it from all his work which he had created and made.</p> <p><i>The First Humans Disobey God's Command (2:4 – 4:26)</i></p> <p>The Creation of Man and Woman</p> <p>^{2:4} This is the history of the generations of the heavens and of the earth when they were created, in the day that Yahweh God made the earth and the heavens. ^{2:5} No plant of the field was yet in the earth, and no herb of the field had yet sprung up; for Yahweh God had not</p>
--	--	--

^h 1:30 *ada nafas kehidupan hrhf: ada nafas hidup dalamnya*

^h 1:31 *wah! hrhf: lihat. Di sini perkataan Ibrani lihat membawa makna seperti kata seru wah.*

^h 2:1 *segala sesuatu di dalamnya hrhf: tenteranya. Kadang-kadang istilah ini merujuk kpd bintang-bintang, atau malaikat-malaikat. Ia merujuk kpd kumpulan apapun sesuatu yg teratur.*

^j 2:2 *berehat trjmhn lain: berhenti / berhenti bekerja. Sama dlm ayat 2:3.*

^j 2:3 *mengekshaskannya trjmhn lain: menguduskannya*

^p 2:5 *tumbuhan liar rupanya merujuk kpd tumbuh-tumbuhan yg tdk diingini, spt rumput-rumpai, semak duri dan rumput duri. Bandingkan dgn 3:18.*

^t 2:5 *ladang tfsrn lain: padang. Perkataan ini merujuk kpd tanah yg tdk berhutan, spt ladang, padang rumput, tanah yg terbiar, atau padang gurun. Kalau ayat ini dibandingkan dgn 3:18, ayat ini boleh dianggap merujuk kpd ladang, tetapi kebanyakan terjemahan menterjemahkan ini sebagai padang.*

<p>Allah belum menyebabkan hujan turun ke bumi^t dan belum ada manusia yang mengusahakan tanah.^{2:6} Wap naik dari bumi dan mengairi seluruh permukaan bumi.^{t 2:7} Nah, Yahweh Allah membentuk seorang manusiaⁱ daripada sedikit tanah gembur^p dari permukaan bumi. Kemudian dia menghembuskan nafas kehidupan ke dalam hidung manusia itu, dan dia menjadi makhluk hidup.</p> <p>^{2:8} Yahweh Allah menanam^t sebuah taman^j di `Eden yang terletak di sebelah timur^p dan dia menempatkan manusia yang telah dibentuknya itu di situ.^{2:9} Dan dari tanah, Yahweh Allah mengeluarkan bermacam jenis pokok^h yang menyenangkan mata serta baik untuk dimakan. Di tengah-tengah taman itu pula ada pokok kehidupan dan juga pokok pengetahuan^j mengenai yang baik dan yang jahat.</p> <p>^{2:10} Ada sebatang sungai yang mengairi taman `Eden. Dari situ ia mengalir keluar dan terbahagi kepada empat punca sungai.^{h t 2:11} Sungai yang pertama bernama Pisyon. Ia mengalir mengelilingi seluruh tanah Hawilah, tempat</p>	<p>belum menurunkan hujan di bumi. Lagipun, belum ada manusia yang mengusahakan tanah.^{2:6} Waktu itu wap naik dari bumi dan mengairi seluruh permukaan bumi.^{2:7} Nah, Yahweh Allah membentuk seorang lelaki daripada sedikit tanah yang diambilnya dari permukaan bumi. Kemudian dia menghembuskan nafas kehidupannya ke dalam hidung lelaki itu sehingga menyebabkan dia hidup.</p> <p>^{2:8} Yahweh Allah telahpun menanam sebuah taman di `Eden yang terletak di sebelah timur. Lalu dia menempatkan lelaki yang telah dibentuknya itu di situ.^{2:9} Dia mengeluarkan dari tanah bermacam jenis pokok yang kelihatan indah serta baik untuk dimakan. Di tengah-tengah taman itu pula ada seponok pokok yang memberi kehidupan, dan juga seponok pokok yang memberi pengetahuan mengenai yang baik dan yang jahat.</p> <p>^{2:10} Ada sebatang sungai yang mengairi taman `Eden. Dari situ ia mengalir keluar dari taman itu dan terbahagi menjadi empat punca sungai.^{2:11} Sungai yang pertama bernama Pisyon. Ia mengalir mengelilingi seluruh tanah Hawilah,</p>	<p>caused it to rain on the earth. There was not a man to till the ground,^{2:6} but a mist went up from the earth, and watered the whole surface of the ground.^{2:7} Yahweh God formed man from the dust of the ground, and breathed into his nostrils the breath of life; and man became a living soul.</p> <p>^{2:8} Yahweh God planted a garden eastward, in Eden, and there he put the man whom he had formed.^{2:9} Out of the ground Yahweh God made every tree to grow that is pleasant to the sight, and good for food; the tree of life also in the middle of the garden, and the tree of the knowledge of good and evil.</p> <p>^{2:10} A river went out of Eden to water the garden; and from there it was parted, and became four heads.^{2:11} The name of the first is Pishon: this is the one which flows through the whole land of Havilah, where there is</p>
---	--	--

^{t 2:5} Tfsrn lain: Pada waktu penciptaan manusia, belum ada apa-apa yang tumbuh di tanah yang jauh dari sungai, baik tumbuhan liar mahupun tanaman ladang. Trjmhn lain: Pada waktu penciptaan manusia, belum ada apa-apa yang tumbuh di tanah yang jauh dari sungai, baik tumbuh-tumbuhan yang tidak boleh dimakan, ataupun yang boleh dimakan. *

^{t 2:6} Tfsrn lain: Air dalam bumi terbit dari dalam bumi dan mengairi seluruh permukaan tanah. Para pentafsir tdk setuju samada perkataan ini bermakna mata air atau wap. Ia hanya digunakan di sini dan di Ayub 36:27.

^{i 2:7} Perkataan manusia (atau lelaki) dlm b. Ibrani ialah *adam*, dan dr situlah kita mendapat nama peribadi Adam.

^{p 2:7} tanah gembur trjmhn lain: debu. Istilah ini merujuk kpd tanah gembur, samada ia lembab atau kering.

^{t 2:8} menanam tfsrn lain: menumbuhkan *

^{j 2:8} taman trjmhn lain: dusun. Ternyata drpd yg berikut bahawa yg ditanam adalah pokok buah-buahan, bermakna ia boleh dipanggil dusun.

^{p 2:8} Iaitu timur dari Israel.

^{h 2:9} pelbagai jenis pokok hrfh: semua pokok atau: setiap pokok

^{j 2:9} pengetahuan trjmhn lain: kefahaman

^{h 2:10} Hrfh: Dan ada sungai keluar dari `Eden untuk mengairi taman itu. Dan dari situ ia terbahagi menjadi empat punca sungai. Ada yg percaya bahawa empat sungai itu bertemu di kuala di luar `Eden, kemudian mengalir memasuki `Eden, sebab sungai biasanya bergabung dan bukannya terpisah. Tetapi yg dinyatakan dlm teks lebih selaras dgn Ibrannya.

^{t 2:10} Tfsrn lain: Ada sebatang sungai yang mengairi taman `Eden. Di luar `Eden ia terbahagi kepada empat batang sungai. Hrfh: Dan ada sungai keluar dari `Eden untuk mengairi taman itu. Dan dari situ ia terbahagi menjadi empat punca sungai. Ada yg percaya bahawa empat sungai itu bertemu di kuala di luar `Eden, kemudian mengalir memasuki `Eden, sebab sungai biasanya bergabung dan bukannya terpisah. Tetapi yg dinyatakan dlm teks lebih selaras dgn b. Ibrannya.

<p>yang ada emas. ^{2:12} Dan emas di tanah itu bagus. Di situ ada juga damar^t bedolah dan batu permata oniks. ^{j 2:13} Nama sungai yang kedua adalah Gihon; ia mengalir mengelilingi seluruh daerah Kusy. ^{p 2:14} Nama sungai yang ketiga adalah Tigris; ^e ia mengalir di sebelah timur Assyur. Dan sungai yang keempat bernama Efrat. ^e</p> <p>^{2:15} Yahweh Allah mengambil manusia itu dan menempatkan dia di taman `Eden untuk mengusahakan dan memeliharanya. ^{2:16} Kemudian Yahweh Allah memerintahkan manusia itu dengan berkata, “Kamu memang bebas makan^j daripada semua pokok dalam taman ini. ^{2:17} Cuma kamu tidak boleh makan daripada pokok pengetahuan mengenai yang baik dan yang jahat, kerana kamu memang akan mati pada hari kamu makan daripadanya.”</p> <p>^{2:18} Kemudian Yahweh Allah berkata, “Tidak baik manusia ⁱ hidup bersendirian; aku akan menjadikan penolong yang sesuai baginya.” ^{2:19} Sebelum itu, Yahweh Allah telah membentuk daripada tanah semua makhluk di tanah ^p dan semua burung di langit. ^t Maka dia membawa semuanya kepada manusia itu untuk melihat panggilannya bagi setiap satunya. Apapun panggilan manusia bagi setiap makhluk itu, maka itulah namanya. ^{2:20} Manusia itu menamakan semua ternakan,</p>	<p>sebuah tempat yang ada emas. ^{2:12} Emas di tanah itu bagus. Di situ ada juga damar bedolah dan batu permata oniks. ^{2:13} Nama sungai yang kedua adalah Gihon; ia mengalir mengelilingi seluruh daerah Kusy. ^{2:14} Sungai yang ketiga bernama Tigris yang mengalir di sebelah timur bandar Assyur. Manakala sungai yang keempat bernama Efrat.</p> <p>^{2:15} Jadi Yahweh Allah menempatkan lelaki itu di taman `Eden untuk mengusahakan dan memeliharanya. ^{2:16} Kemudian Yahweh Allah memerintahkan lelaki itu dengan berkata, “Kamu memang bebas makan buah-buahan daripada semua pokok dalam taman ini. ^{2:17} Cuma buah daripada pokok yang memberi pengetahuan mengenai yang baik dan yang jahat tidak boleh dimakan kerana pada hari kamu memakannya, kamu pasti akan mati.”</p> <p>^{2:18} Kemudian dia berkata, “Tidak baik manusia hidup bersendirian; aku akan menjadikan penolong yang sesuai baginya.” ^{2:19} Sebelum itu, Yahweh Allah telah membentuk daripada tanah semua makhluk di tanah dan semua burung di langit. Maka dia membawa semuanya kepada lelaki itu untuk melihat panggilannya bagi setiap daripadanya. Apapun panggilannya bagi setiap makhluk itu, maka itulah namanya. ^{2:20} Lelaki itu menamakan semua ternakan, burung di langit dan semua binatang liar. Tetapi lelaki itu tidak menemui</p>	<p>gold; ^{2:12} and the gold of that land is good. There is aromatic resin and the onyx stone. ^{2:13} The name of the second river is Gihon: the same river that flows through the whole land of Cush. ^{2:14} The name of the third river is Hiddekel: this is the one which flows in front of Assyria. The fourth river is the Euphrates.</p> <p>^{2:15} Yahweh God took the man, and put him into the garden of Eden to dress it and to keep it. ^{2:16} Yahweh God commanded the man, saying, “Of every tree of the garden you may freely eat; ^{2:17} but of the tree of the knowledge of good and evil, you shall not eat of it; for in the day that you eat of it you will surely die.”</p> <p>^{2:18} Yahweh God said, “It is not good that the man should be alone; I will make him a helper suitable for him.” ^{2:19} Out of the ground Yahweh God formed every animal of the field, and every bird of the sky, and brought them to the man to see what he would call them. Whatever the man called every living creature, that was its name. ^{2:20} The man gave names to all livestock, and to the birds of the sky, and to every animal of the field; but for man there</p>
---	---	--

^{t 2:12} damar tfsrn lain: *sejenis permata*

^{j 2:12} oniks trjmhn lain: *krisopras*.

^{p 2:13} Biasanya dlm Alkitab *Kusy* merujuk kpd kawasan Etiopia dan Sudan, tetapi di sini mungkin ia merujuk kepada tempat lain.

^{e 2:14} Tigris ejaan Ibrani: *Ḥideqel*. Nama moden *Tigris* digunakan utk sungai ini.

^{e 2:14} Efrat ejaan Ibrani: *Ferat / Perat*. Nama moden *Efrat* digunakan utk sungai ini.

^{j 2:16} bebas makan trjmhn lain: *boleh makan*

^{i 2:18} manusia Ibrani: *adam / Adam*

^{p 2:19} Di tempat lain *makhluk tanah* merujuk kpd binatang liar, tetapi di sini ia merujuk kpd semua jenis makhluk melainkan yg boleh terbang.

^{t 2:19} Tfsrn lain: Para pentafsir lain percaya ayat ini bermakna semua makhluk dicipta pada masa itu juga, dan bukan sebelumnya, tetapi ternyata bahawa dlm bab 1, semua binatang dicipta sebelum manusia.

<p>burung di langit, dan semua binatang hutan.^j Tetapi bagi manusia itu, tidak ditemukan penolong yang sesuai.</p> <p>2:21 Lalu Yahweh Allah membuat manusia itu terlena.^h Setelah dia terlena, Tuhan mengambil sebahagian daripada rusuknya,^j lalu menutupi tempat itu dengan daging.^{2:22} Dengan bahagian rusuk daripada manusia itu, Yahweh Allah membentuk^h seorang perempuan dan membawanya kepada manusia itu.</p> <p>2:23 Manusia itu berkata, “Wah, barulah! Inilah tulang daripada tulangku, dan daging daripada dagingku; dia^h akan kupanggil ‘perempuan’, kerana dia diambil daripada lelaki.”ⁱ 2:24 Oleh yang demikian, lelaki akan meninggalkan ibu bapanya, bersatu dengan^h isterinyaⁱ dan mereka akan menjadi satu daging.</p> <p>2:25 Pada waktu itu, kedua-dua manusia dan isterinya telanjang, tetapi mereka tidak berasa malu.</p> <p>Adam dan Hawah Melanggar Perintah Allah</p> <p>3:1 Daripada semua binatang hutan^h yang dicipta oleh Yahweh Allah, ularlah^t yang paling pintar. Kata si ular kepada perempuan itu, “Adakah Allah berkata bahawa kamu tidak boleh makan buah daripada mana-mana pokok di taman ini?”^{3:2} Kata perempuan</p>	<p>satupun penolong yang sesuai baginya.</p> <p>2:21 Lalu Yahweh Allah melenakan lelaki itu. Setelah dia tertidur, Tuhan mengambil sebahagian daripada rusuknya, lalu menutup bahagian itu dengan daging dan kulit.^{2:22} Dengan bahagian rusuk daripada lelaki itu, Yahweh Allah membentuk seorang perempuan dan membawanya kepada lelaki itu.^{2:23} Lelaki itu berkata, “Wah, barulah! Inilah tulang daripada tulangku dan daging daripada dagingku; dia akan kupanggil ‘perempuan’ kerana dia diambil daripada lelaki.”^{2:24} Oleh yang demikian, lelaki akan meninggalkan ibu bapanya, bersatu dengan isterinya dan mereka akan menjadi seperti satu peribadi.</p> <p>2:25 Pada waktu itu, kedua-dua lelaki dan isterinya telanjang, tetapi mereka tidak berasa malu di hadapan Tuhan atau satu sama yang lain.</p> <p>Adam dan Hawah Melanggar Perintah Allah</p> <p>3:1 Daripada semua binatang liar yang dicipta oleh Yahweh Allah, ularlah yang paling licik. Pada suatu hari, si ular datang kepada perempuan itu dan berkata, “Adakah Allah berkata bahawa kamu tidak boleh makan buah daripada mana-mana pokok di taman ini?”^{3:2} Jawab</p>	<p>was not found a helper suitable for him.</p> <p>2:21 Yahweh God caused a deep sleep to fall on the man, and he slept; and he took one of his ribs, and closed up the flesh in its place.^{2:22} He made the rib, which Yahweh God had taken from the man, into a woman, and brought her to the man.^{2:23} The man said, “This is now bone of my bones, and flesh of my flesh. She will be called ‘woman,’ because she was taken out of Man.”^{2:24} Therefore a man will leave his father and his mother, and will join with his wife, and they will be one flesh.</p> <p>2:25 They were both naked, the man and his wife, and were not ashamed.</p> <p>Adam and Eve Violate God’s Command</p> <p>3:1 Now the serpent was more subtle than any animal of the field which Yahweh God had made. He said to the woman, “Has God really said, ‘You shall not eat of any tree of the garden?’”^{3:2} The woman said to the</p>
---	--	---

^j **2:20** *binatang hutan* **trjmh** lain: *binatang liar* **hrfh**: *binatang padang*

^h **2:21** *terlena* **hrfh**: *jatuh tidur nyenyak*

^j **2:21** *sebahagian rusuknya* **trjmh** lain: *tulang rusuk*. Ada tradisi menterjemah istilah ini sebagai *tulang rusuk*, tetapi *sebahagian rusuk* lebih tepat dgn b. Ibraninya, dan ternyata dr **2:23** bahawa ada juga daging bersama tulang.

^h **2:22** *membentuk* **hrfh**: *membina*

^h **2:23** *dia* **hrfh**: *yang ini*

ⁱ **2:23** *lelaki & perempuan* **Ibrani**: *isy & isyah*. Bunyi *perempuan* dlm b. Ibrani spt bunyi *lelaki* tetapi dgn penambahan imbuhan *-ah* yg menunjukkan genus feminin. Oleh itu nama *perempuan* terbit dr nama *lelaki*.

^h **2:24** *bersatu dengan* **hrfh**: *melekat kepada*

ⁱ **2:24** *isterinya* **atau**: *perempuannya*. B. Ibrani tdk membezakan di antara *perempuan* dan *isteri*.

^h **3:1** *binatang hutan* **trjmh** lain: *binatang liar* **hrfh**: *binatang padang*

^t **3:1** *ular* **tfsrn** lain: *makhluk yang gemerlapan*. Berdasarkan **Yes 14:12** dan **Yeh 28:7, 17** ada yg mentafsirkan istilah b. Ibrani *nahash* (yg biasa diterjemah sbg *ular*) sbg *makhluk yang gemerlapan*. Tdk mustahil Iblis yg dipanggil *makhluk yang gemerlapan* telah merasuk ular biasa. Kalau begitu, istilah ini ada dua rujukan, iaitu makhluk nyata (ular), dan makhluk halus (Iblis).

kepada ular, “Kami boleh makan buah daripada pokok-pokok di taman ini. ^{3:3} Cuma Allah berkata, ‘Kamu tidak boleh makan buah daripada pokok di tengah-tengah taman, malahan tidak boleh menyentuhnya supaya kamu tidak mati,’ katanya.” ^{3:4} Tetapi kata ular itu kepada perempuan, “Kamu sekali-kali tidak akan mati. ^{3:5} Sebab Allah tahu bahawa pada hari kamu memakannya, mata kamu akan terbuka dan kamu akan menjadi seperti Allah kerana mengetahui hal yang baik dan jahat.” ^{3:6} Perempuan itu melihat bahawa buah pokok itu baik dimakan, dan bahawa ia kelihatan elok, ^h serta memikat kerana membuat bijak. Maka dia memetik buah itu, memakannya dan memberikannya juga kepada suaminya, ^t dan diapun memakannya. ^{3:7} Mata hati kedua-duanya terus terbuka, dan mereka tahu bahawa mereka telanjang. Lalu mereka menyemat daun pokok fig ^j dan membuat cawat untuk diri mereka sendiri.

^{3:8} Mereka terdengar bunyi Yahweh Allah berjalan-jalan di dalam taman itu pada waktu angin biasanya bertiup. Lalu manusia dan isterinya menyembunyikan diri daripada hadirat ^h Yahweh Allah di antara pokok-pokok di taman itu. ^{3:9} Tetapi Yahweh Allah memanggil manusia dengan

perempuan kepada si ular, “Kami boleh makan buah daripada pokok-pokok di taman ini. ^{3:3} Cuma Allah berkata, ‘Kamu tidak boleh makan buah daripada pokok di tengah-tengah taman, malahan tidak boleh menyentuhnya kerana akibatnya kamu akan mati,’ katanya.” ^{3:4} Si ular menjawab perempuan, “Kamu tentu tidak akan mati. ^{3:5} Allah berkata begitu sebab dia tahu bahawa pada hari kamu memakannya, mata hati kamu akan terbuka dan kamu akan menjadi seperti Allah kerana kamu akan memahami hal yang baik dan jahat. Dia tidak mahu kamu menjadi sama seperti dia.” ^{3:6} Perempuan itu melihat bahawa buah pokok itu nampak bagus dan elok dimakan. Lagipun, ia menginginkan kebijaksanaan yang dia boleh peroleh daripada buah pokok itu. Maka dia memetik buah itu, memakannya dan memberikannya juga kepada suaminya, dan diapun memakan buah itu. ^{3:7} Mata hati kedua-duanya terus terbuka dan mereka menyedari bahawa mereka telanjang. Lalu mereka menyemat daun besar dan membuat cawat untuk diri mereka sendiri.

^{3:8} Pada waktu angin biasanya bertiup, lelaki dan isterinya terdengar bunyi Yahweh Allah berjalan-jalan di dalam taman itu. Lalu mereka menyembunyikan diri daripada hadirat Tuhan di antara pokok-pokok di taman itu. ^{3:9} Tetapi Tuhan memanggil lelaki itu dengan berkata kepadanya, “Adam, di manakah engkau?” ^{3:10} Jawab lelaki

serpent, “Of the fruit of the trees of the garden we may eat, ^{3:3} but of the fruit of the tree which is in the middle of the garden, God has said, ‘You shall not eat of it, neither shall you touch it, lest you die.’”

^{3:4} The serpent said to the woman, “You won’t surely die, ^{3:5} for God knows that in the day you eat it, your eyes will be opened, and you will be like God, knowing good and evil.”

^{3:6} When the woman saw that the tree was good for food, and that it was a delight to the eyes, and that the tree was to be desired to make one wise, she took of its fruit, and ate; and she gave some to her husband with her, and he ate. ^{3:7} The eyes of both of them were opened, and they knew that they were naked. They sewed fig leaves together, and made themselves aprons.

^{3:8} They heard the voice of Yahweh God walking in the garden in the cool of the day, and the man and his wife hid themselves from the presence of Yahweh God among the trees of the garden.

^{3:9} Yahweh God called to the man, and said to him, “Where

^h ^{3:6} kelihatan elok hrhf: baik untuk mata

^t ^{3:6} juga kepada suaminya tfsrn lain: kepada suaminya yang bersamanya. Perkataan bersamanya boleh difahami sebagai (suaminya) yang bersamanya atau (makan) bersamanya. Tafsiran yg kedua ini diikuti oleh kebanyakan terjemahan Inggeris. Ada terjemahan Melayu yg mengikut kedua-dua tafsiran ini.

^j ^{3:7} daun pokok fig trjmhn 2: daun pokok fikus trjmhn 3: daun pokok buah tin [http://id.wikipedia.org/wiki/Tin] trjmhn 4: daun besar/lebar. Spesies yg dimaksudkan mungkin *Ficus carica*, yg ada daun besar spt pokok tarap. Dlm b. Inggeris ia dipanggil pokok fig. Ada juga beberapa jenis pokok ara di Malaysia yg termasuk jenis *Ficus*, tetapi ia lain drpd jenis yg terdapat di Timur Tengah. Terjemahan pokok ara yg biasanya dipakai dlm b. Melayu dapat mengelirukan sebab 1) daunnya tdk besar 2) buahnya tdk dapat dimakan (jenis yang disebut dlm Alkitab boleh dimakan: lihat Mt 21:18-22) 3) rupanya berlainan sekali sebab ia tiada akar yg menjulur ke bawah dari dahannya dan 4) pokok ara dianggap tempat tinggal roh jahat oleh banyak masyarakat di Malaysia, dan oleh itu ia bukan lambang yg sesuai utk Israel (lihat Mt 21:18-22). Pokok fig ini menjadi lambang Israel dlm Alkitab.

^h ^{3:8} hadirat hrhf: muka

berkata kepadanya, “Di manakah engkau?” ^{3:10} Kata lelaki itu, “Saya terdengar bunyi *mu* di dalam taman dan *saya* ketakutan sebab saya telanjang; jadi saya bersembunyi.” ^{3:11} Kata Tuhan, “Siapakah yang memberitahu bahawa kau telanjang? Adakah kau memakan daripada pokok yang *aku* perintahkan jangan makan?” ^{3:12} Kata lelaki, “Perempuan yang kau beri kepada saya, dialah yang memberikan kepada saya *buah* dari pokok itu dan saya pun makanlah.” ^{3:13} Kemudian Yahweh Allah berkata kepada perempuan, “Apa yang kau buat ini?” Kata perempuan itu, “Ular itulah yang menipu saya, lalu saya pun memakannya.”

^{3:14} Yahweh Allah berkata kepada si ular, “Oleh sebab kau telah membuat *tindakan* ini, terkutuklah kau lebih daripada semua ternakan dan semua binatang hutan. ^j Pada perutmu kau akan menjalar dan kau akan memakan habuk seumur hidupmu. ^h ^{3:15} *Aku* akan menaruh permusuhan di antara kau dengan perempuan itu dan di antara zuriatmu ⁱ dengan zuriatnya. ^p Dia ^p akan menyerang kepalamu, sedangkan kau akan menyerang tumitnya.” ^p ^{3:16} Kepada perempuan itu *dia* berkata, “*Aku* akan sangat menambahkan kesakitanmu *ketika* bersalin; kau akan melahirkan anak-anak dalam kesakitan. ^t Kau akan ingin

itu, “Hamba terdengar bunyi Tuhan di dalam taman lalu bersembunyi ketakutan sebab hamba telanjang.” ^{3:11} Tuhan bertanya, “Siapakah yang memberitahu bahawa kau telanjang? Adakah kau memakan *buah* daripada pokok yang aku larang itu?” ^{3:12} Jawab lelaki, “Perempuan yang Tuhan berikan kepada hamba itu, dialah yang memberikan kepada hamba *buah* dari pokok itu dan hamba pun makanlah.” ^{3:13} Kemudian Tuhan bertanya kepada perempuan, “Apa yang kau buat ini?” Perempuan itu menyahut, “Ular itu yang menipu hamba sehingga hamba memakannya.”

^{3:14} Tuhan berkata kepada si ular, “Oleh sebab kau telah membuat sebegini, terkutuklah kau lebih daripada semua ternakan dan binatang liar. Sepanjang hayatmu kau akan menjalar pada perutmu dan habuk akan memasuki mulutmu. ^{3:15} *Aku* akan membuat kau dan perempuan itu saling bermusuhan, dan juga keturunanmu dengan keturunannya. Kau akan mematak tumitnya sedangkan dia akan menginjak kepalamu.” ^{3:16} Kepada perempuan itu Tuhan berkata, “*Sebagai hukumanmu*, aku akan menambahkan kesakitanmu *ketika* bersalin dengan amat sangat; kau akan berasa *amat* sakit semasa bersalin. Kau akan ingin *menguasai* suamimu, tetapi dia akan berkuasa ke atas kau. ^{3:17} Lalu *dia* berkata kepada

are you?” ^{3:10} The man said, “I heard your voice in the garden, and I was afraid, because I was naked; and I hid myself.” ^{3:11} God said, “Who told you that you were naked? Have you eaten from the tree that I commanded you not to eat from?” ^{3:12} The man said, “The woman whom you gave to be with me, she gave me of the tree, and I ate.” ^{3:13} Yahweh God said to the woman, “What is this you have done?”

The woman said, “The serpent deceived me, and I ate.” ^{3:14} Yahweh God said to the serpent, “Because you have done this, you are cursed above all livestock, and above every animal of the field.

On your belly you shall go, and you shall eat dust all the days of your life. ^{3:15} I will put enmity between you and the woman, and between your offspring and her offspring. He will bruise your head, and you will bruise his heel.”

^{3:16} To the woman he said, “I will greatly multiply your pain in childbirth. In pain you will bear children. Your desire will be for your husband, and he will rule over you.” ^{3:17} To Adam he said, “Because you have

^j ^{3:14} *binatang hutan trjmh n lain: binatang liar hrffh: binatang padang*

^h ^{3:14} *seumur hidupmu hrffh: semua hari dalam hayat mu*

ⁱ ^{3:15} Perkataan b. Ibrani *zera`* yg digunakan di sini hampir sama dgn kata seasal *zuriat* yg dipinjam dr b. Arab oleh bahasa Melayu.

Trjmh n lain: *benihmu / keturunanmu.*

^p ^{3:15} *zuriatnya.* Perkataan ini boleh merujuk kpd semua keturunan perempuan itu, dan juga kpd satu keturunan, iaitu Kristus (lihat Gal 4:4).

^p ^{3:15} *Dia.* Kata ganti nama ini selaras dgn perkataan *zuriat/benih*, dan juga boleh merujuk kpd Kristus (lihat Gal 4:4). *Dia* juga boleh merujuk kpd lebih drpd satu, kerana ia merujuk kpd *keturunan*.

^p ^{3:15} Ramai percaya nubuat ini ada dua makna. Makna kedua yg tersirat ialah ttg Kristus dan Iblis. *benih* perempuan bermakna Kristus (lihat Gal 3:16). Iblis (iaitu ular) berjaya membunuh Kristus sementara (menyerang tumitnya), tetapi Kristus akan mengalahkan Iblis buat selamanya (menyerang kepalanya). Hal yg kurang jelas ialah siapakah *zuriat* Iblis itu? Mungkinkah Anti-Kristus nanti atau Nefilim (Per/Kej 6:4) atau semua yg menentang Allah (lihat Yoh 8:44).

^t ^{3:16} **Tfsrn lain:** “*Saya akan sangat menambah kesusahan waktu hamil, dan kesakitanmu bersalin.*”

<p>menguasai suamimu, tetapi dia akan berkuasa ke atas kau. ^{t 3:17} Dan kepada Adam^j dia berkata, “Oleh sebab kau mendengar isterimu^h dan memakan daripada pokok yang aku perintahkan kau dengan berkata, ‘Jangan makan daripadanya,’ maka terkutuklah tanah disebabkan kau. Dalam kesakitan kau akan mencari makan seumur hidupmu. ^{h 3:18} Tanah^h akan menghasilkan semak duri dan rumput duri bagimu. Walau bagaimanapun, kau akan memakan tanaman ladang juga. ^{t 3:19} Dengan peluh mukamu kau akan makan roti sehingga kau kembali ke tanah, kerana kau telah diambil daripadanya. Kau^h adalah tanah dan kepada tanah juga kau akan kembali.”</p> <p>^{3:20} Adam^j memanggil nama isterinya Hawah kerana dia ibu kepada semua orang yang hidup. ^{n 3:21} Lalu Yahweh Allah membuatkan jubah daripada kulit binatang bagi Adam dan isterinya serta memakaikannya kepada mereka.</p> <p>^{3:22} Kemudian Yahweh Allah berkata, “Nah, manusia itu^t telah menjadi sama seperti salah satu daripada kita, dengan mengetahui yang baik dan yang jahat. Jadi, sekarang tindakan harus diambil agar ia tidak menghulurkan tangannya dan mengambil buah dari pokok kehidupan serta memakannya sehingga ia hidup</p>	<p>Adam, “Oleh sebab kau mematuhi isterimu daripada aku dan memakan buah daripada pokok yang telah aku larang kau makan, maka terkutuklah tanah disebabkan perbuatanmu. Dengan susah payah kau akan mencari makan sepanjang hayatmu. ^{3:18} Semak duri dan rumput duri akan tumbuh di ladangmu. Walau bagaimanapun, kau akan memakan hasil tanamannya juga. ^{3:19} Kau akan berpeluh membanting tulang untuk mendapatkan makanan sehingga kau kembali ke tanah. Kau telah dibentuk daripada tanah. Oleh itu, kau memang tanah dan akan kembali menjadi tanah semula.”</p> <p>^{3:20} Adam menamakan isterinya Hawah. Nama itu sesuai kerana dia ialah ibu kepada semua orang yang pernah hidup. ^{3:21} Lalu Yahweh Allah membuatkan jubah daripada kulit binatang bagi Adam dan Hawah untuk dipakai mereka.</p> <p>^{3:22} Kemudian Yahweh Allah berkata kepada dirinya sendiri, “Nah, manusia itu telah menjadi sama seperti kita, dengan mengetahui yang baik dan yang jahat. Jadi, sekarang jangan sampai ia menghulurkan tangannya dan mengambil buah dari pokok yang memberi kehidupan serta memakannya sehingga ia hidup selama-lamanya. ^{3:23} Dengan itu</p>	<p>listened to your wife’s voice, and have eaten of the tree, of which I commanded you, saying, ‘You shall not eat of it,’ cursed is the ground for your sake. In toil you will eat of it all the days of your life. ^{3:18} It will yield thorns and thistles to you; and you will eat the herb of the field.</p> <p>^{3:19} By the sweat of your face will you eat bread until you return to the ground, for out of it you were taken. For you are dust, and to dust you shall return.”</p> <p>^{3:20} The man called his wife Eve, because she was the mother of all living. ^{3:21} Yahweh God made coats of skins for Adam and for his wife, and clothed them.</p> <p>^{3:22} Yahweh God said, “Behold, the man has become like one of us, knowing good and evil. Now, lest he reach out his hand, and also take of the tree of life, and eat, and live forever...” ^{3:23} Therefore Yahweh God sent him out from the garden of Eden, to till the ground from which he was</p>
---	--	--

^{t 3:16} *Kamu akan ingin menguasai suamimu, tetapi dia akan berkuasa ke atas engkau. ~Tfsrn 2: Walau bagaimanapun kamu akan tetap berahi kepada suamimu. Dan dia akan berkuasa ke atas engkau. * Dlm Kej 4:7 ada penggunaan perkataan ingin yg sama dgn makna spt tafsiran dlm teks ini.*

^{j 3:17} *Adam trjmhn lain: manusia atau: lelaki. Menurut nahu Ibrani, nama Adam yg dimaksudkan di sini, dan bukannya manusia atau lelaki kerana artikel tidak dipakai. Walau bagaimanapun, terjemahan lain boleh digunakan.*

^{h 3:17} *mendengar isterimu hrfh: mendengar suara isterimu*

^{h 3:17} *seumur hidupmu. hrfh: menjangkau hari-hari hidup mu.*

^{h 3:18} *Tanah hrfh: Ia*

^{t 3:18} *Walaupun bagaimanapun, kau akan memakan tanaman ladang juga. Tfsrn lain: Walau bagaimanapun, kau akan memakan tumbuhan padang juga. Tfsrn kedua bermakna mereka akan makan tumbuhan yg tumbuh sendiri di padang pasir atau hutan.*

^{h 3:19} *Kau ... hrfh: Kerana kau ...*

^{j 3:20} *Adam trjmhn lain: lelaki trjmhn lain: manusia. Ibraninya: Adam.*

^{n 3:20} *Dalam b. Ibrani Hawah bermakna yang hidup atau pemberi hidup.*

^{t 3:22} *manusia itu ~tfsrn 2: lelaki itu **

selama-lamanya. ^{3:23} Dengan itu Yahweh Allah mengusirnya dari taman `Eden untuk mengusahakan tanah yang darinya dia diambil. ^P ^{3:24} Setelah manusia ^j itu diusir, dia menempatkan kerub-kerub ^P di sebelah timur taman `Eden serta pedang berapi yang berputar-putar^t untuk mengawal jalan ke pokok kehidupan. ^P

Adam, Hawah dan Tiga Orang Anaknya

^{4:1} Selepas itu Adam bersetubuh dengan ^h isterinya Hawah. Dia menjadi hamil dan melahirkan Qain. ⁿ Katanya, “Saya telah mencipta seorang lelaki sama seperti yang telah dibuat oleh Yahweh.” ^t ^{4:2} Sekali lagi dia melahirkan seorang anak iaitu Habel, adik lelaki Qain. ^h Habel adalah gembala kawanan domba ^j manakala Qain adalah pengusaha tanah. ^{4:3} Pada suatu masa tertentu, ^t Qain membawa hasilnya dari tanah kepada Yahweh sebagai persembahan. ^{4:4} Habel juga membawa beberapa ekor anak sulung daripada kawanan dombanya yang paling gemuk ^t dan Yahweh memandang persembahan Habel itu baik ^{4:5} sedangkan persembahan Qain tidak dipandang baik. Maka hati

Yahweh Allah mengusir mereka dari taman `Eden untuk mengusahakan tanah, tempat dia telah diambil. ^{3:24} Setelah manusia itu diusir, Tuhan menempatkan kerub-kerub di sebelah timur taman `Eden sebagai pengawal dan pedang berapi yang berputar-putar secara sendiri di udara untuk menjaga jalan ke pokok yang memberi kehidupan supaya orang tidak memakan buahnya.

Adam, Hawah dan Tiga Orang Anaknya

^{4:1} Selepas itu Adam bersetubuh dengan isterinya Hawah. Dia menjadi hamil dan melahirkan seorang anak yang dinamainya Qain. Untuk menjelaskan pemberian nama itu, dia berkata, “Saya telah mencipta seorang lelaki sama seperti yang telah dibuat oleh Yahweh.” ^{4:2} Dia melahirkan seorang anak lagi yang dinamainya Habel, iaitu adik lelaki kepada Qain. Setelah mereka membesar, Habel bekerja sebagai gembala domba, sedangkan Qain bekerja sebagai petani. ^{4:3} Pada suatu ketika, Qain membawa hasil tanamannya sebagai persembahan kepada Yahweh. ^{4:4} Demikian juga Habel membawa beberapa ekor anak sulung yang paling gemuk daripada kawanan dombanya sebagai persembahan kepada Yahweh. Yahweh berkenan dengan persembahan Habel, ^{4:5}

taken. ^{3:24} So he drove out the man; and he placed Cherubs at the east of the garden of Eden, and the flame of a sword which turned every way, to guard the way to the tree of life.

Adam and Eve and Their Three Sons

^{4:1} The man knew Eve his wife. She conceived, and gave birth to Cain, and said, “I have gotten a man with Yahweh’s help.” ^{4:2} Again she gave birth, to Cain’s brother Abel. Abel was a keeper of sheep, but Cain was a tiller of the ground. ^{4:3} As time passed, it happened that Cain brought an offering to Yahweh from the fruit of the ground. ^{4:4} Abel also brought some of the firstborn of his flock and of its fat. Yahweh respected Abel and his offering, ^{4:5} but he didn’t respect Cain and his offering. Cain was very angry, and the expression on his face fell. ^{4:6} Yahweh said to Cain, “Why are you angry? Why has the expression of your face fallen?” ^{4:7} If you do well,

^P ^{3:23} Ayat ini hanya menyebut ttg pengusiran lelaki (Adam), tetapi sudah tentu kedua-dua mereka diusir.

^j ^{3:24} manusia trjmh lain: Adam trjmh lain: lelaki. B. Ibraninya: Adam.

^P ^{3:24} Kerub: Sejenis makhluk rohani (spt malaikat) yg bersayap dan bertugas menjaga. Ia boleh juga dianggap sebagai salah satu jenis malaikat.

^t ^{3:24} kerub-kerub di sebelah timur taman `Eden serta pedang berapi yang berputar-putar tfsrn lain kerub-kerub di sebelah timur taman `Eden yang memegang pedang berapi yang diputar-putarkannya

^P ^{3:24} Para penafsir tdk setuju samada pedang itu berjalan sendiri atau dipegang oleh kerub itu. Terjemahan ini menganggap bahawa pedang itu dapat berputar-putar secara sendiri.

^h ^{4:1} bersetubuh dengan hrffh: mengenal

ⁿ ^{4:1} Nama Qain bermakna mencipta atau membentuk. Tfsrn lain: Nama Qain bermakna mendapat.

^t ^{4:1} “Saya telah mencipta seorang lelaki sama seperti yang telah dibuat oleh Yahweh.” Tfsrn lain: “Saya telah mendapat seorang anak lelaki dengan pertolongan Yahweh.” *

^h ^{4:2} Qain hrffh: dia / nya

^j ^{4:2} domba trjmh lain: kambing biri-biri. Istilah domba digunakan di sini kerana perkataannya pendek, walaupun ia lebih biasa digunakan di Indonesia drpd di Malaysia.

^t ^{4:3} Pada suatu masa tertentu tfsrn lain: Pada masa yang ditentukan tfsrn lain: Pada waktu penuaian

^t ^{4:4} dombanya yang paling gemuk tfsrn lain: dombanya dan bahagian-bahagian berlemak daripadanya

Qain sangat panas dan mukanya menjadi muram.^{h 4:6} Maka Yahweh berkata kepada Qain, “Kenapakah **hatimu** panas dan kenapa **pula** air mukamu muram?”^{j 4:7} Bukankah jikalau kau berbuat baik, maka baik-baik juga **keadaanmu**?^t Tetapi kalau kau tidak berbuat yang baik, **ketahuilah bahawa** dosa^p sudah mendekam dekat pintu. Ia mahu **menguasaimu**, tetapi kau harus menaklukinya.”^j

^{4:8} Tetapi tidak lama kemudian Qain berkata kepada adiknya, “Mari kita ke ladang.”^m Sewaktu mereka berada di ladang, Qain menyerang dan membunuh adiknya Habel.^{4:9} Selepas itu Yahweh berkata kepada Qain, “Di manakah adikmu Habel?” Dia berkata, “Saya tidak tahu. Adakah saya ini penjaga^j saudaraku?”^{4:10} Kata Yahweh, “Apakah yang telah kau lakukan ini?”^j Suara darah adikmu berseru kepada **aku** dari tanah **meminta pembalasan**.^{4:11} Jadi, terkutuklah kau **sehingga terhalau** dari tanah^t yang telah membuka mulutnya menerima darah adikmu dari tanganmu.^{4:12} Kerana apabila kau mengusahakan tanah, ia tidak akan memberi hasil lagi. Kau akan menjadi pengembara dan musafir di bumi.

^{4:13} Kata Qain kepada Yahweh, “Hukumanku **terlalu** berat^h untuk

sedangkan **dia** tidak berkenan dengan persembahan Qain. Qain menjadi marah sekali dan mukanya muram.^{4:6} Maka Yahweh berkata kepada Qain, “Kenapa pula kau marah-marah dan bermuka muram sahaja?”^{4:7} Kalau kau buat **perkara** yang baik, baik-baik juga **keadaanmu**, betul tidak? Tetapi kalau kau tidak berbuat yang baik, **ketahuilah bahawa** dosa sudah mendekam di pintu. Ia mahu **menguasaimu**, tetapi kau harus menaklukinya.”

^{4:8} Tetapi tidak lama kemudian Qain berkata kepada adiknya, “Marilah kita **keluar** ke ladang.” Sewaktu mereka berada di ladang, Qain menyerang Habel dan membunuhnya.^{4:9} Selepas itu Yahweh bertanya kepada Qain, “Di manakah adikmu Habel?” Jawabnya **kepada Yahweh**, “Entah! Mana saya tahu? Adakah saya ini penjaga saudaraku?”^{4:10} Kata Yahweh, “Apakah yang telah kau lakukan ini? Darah adikmu di dalam tanah **seolah-olah bersuara dan berseru** kepada **aku** meminta pembalasan.^{4:11} Jadi, terkutuklah engkau **sehingga terhalau** dari tanah yang telah menyerap darah adikmu **yang ditumpahkan oleh** tanganmu.^{4:12} **Engkau terkutuk** kerana apabila kau mengusahakan tanah, ia tidak akan berhasil lagi. Kamu akan mengembara di **muka** bumi ini tanpa tempat tinggal.

^{4:13} Qain menjawab Yahweh, “Hukumanku **yang telah Tuhan**

will it not be lifted up? If you don't do well, sin crouches at the door. Its desire is for you, but you are to rule over it.”

^{4:8} Cain said to Abel, his brother, “Let's go into the field.” It happened when they were in the field, that Cain rose up against Abel, his brother, and killed him.

^{4:9} Yahweh said to Cain, “Where is Abel, your brother?” He said, “I don't know. Am I my brother's keeper?”

^{4:10} Yahweh said, “What have you done? The voice of your brother's blood cries to me from the ground.^{4:11} Now you are cursed because of the ground, which has opened its mouth to receive your brother's blood from your hand.^{4:12} From now on, when you till the ground, it won't yield its strength to you. You shall be a fugitive and a wanderer in the earth.”

^{4:13} Cain said to Yahweh, “My punishment is greater than

^{h 4:5} mukanya menjadi muram **hrfh**: mukanya jatuh

^{j 4:6} **Trjmh lain**: ‘Tidak baik kau marah dan bermuka muram begitu.’

^{t 4:7} baik-baik pula **keadaan** kamu. **tfsrn lain**: kamu dan persembahan kamu akan diterima. * **Hrfh**: kamu akan diangkat.

^{p 4:7} Di sini dosa digambarkan sebagai binatang buas atau roh jahat.

^{j 4:7} **ketahuilah bahawa** dosa sudah mendekam dekat pintu. Ia mahu **menguasaimu**, tetapi kau harus menaklukinya. **trjmh 2**: **ketahuilah bahawa** bila-bila saja kau akan diserang percubaan sehingga kau melakukan dosa. Kau dapat dikuasai dosa, tetapi kau harus mengatasinya. **trjmh 3**: **ketahuilah bahawa** percubaan menunggu peluang menyergap kau untuk membawamu ke dalam dosa. Kau dapat dikuasai dosa, tetapi kau harus mengatasinya.

^{m 4:8} Frasa *Mari kita ke ladang* tiada dlm teks Ibrani, mungkin kerana kesilapan menyalin, tetapi ia ada dlm terjemahan purba bahasa lain.

^{j 4:9} penjaga **trjmh lain**: pengawas

^{j 4:10} Apakah yang telah kau lakukan ini? **trjmh lain**: Kenapa kau telah membuat **kejahatan** ini? **trjmh lain**: Kau telah melakukan sesuatu yang jahat betul.

^{t 4:11} Jadi, terkutuklah engkau **sehingga terhalau** dari tanah ~**tfsrn 2**: Jadi, kutuk mu **timbul** dari tanah **trjmh lain**: Jadi, terkutuklah engkau sehingga tidak dapat menanam lagi di tanah

^{h 4:15} berat **hrfh**: besar

ditanggung.”^{4:14} Tengok; hari ini juga kau akan mengusir saya dari permukaan tanah^p dan saya akan tersembunyi dari depan mukamu.^t Saya akan menjadi seorang pengembara dan musafir di bumi dan semua yang terjumpa saya akan cuba membunuh saya.”^{4:15} Lalu Yahweh berkata kepadanya, “Beginilah;^m sesiapa yang membunuh Qain akan dibalas tujuh kali.”^t Maka Yahweh menaruh tanda pada Qain agar sesiapa yang terjumpanya tidak akan membunuhnya.^{h 4:16} Kemudian Qain pergi dari depan Yahweh dan tinggal di tanah Nodⁿ di sebelah timur Taman `Eden.^t

^{4:17} Selepas itu Qain bersetubuh dengan^h isterinya. Dia menjadi hamil dan melahirkan Hanokh. Pada waktu itu dia sedang membina sebuah kota^t dan dia menamakan kota itu menurut nama anaknya Hanokh.^{4:18} `Irada dilahirkan kepada Hanokh. `Irada menjadi bapa Mehuyael. Mehuyael memperanakkan Metusyael. Metusyael memperanakkan Lamekh.^{4:19} Lamekh mengambil dua orang isteri. Yang pertama bernama `Adah, dan nama yang kedua `Silah.^{4:20} `Adah melahirkan Yabal. Dia adalah bapa^t orang yang tinggal dalam khemah dan memelihara ternakan.^{4:21} Nama adiknya Yubal. Dia adalah bapa

berikan terlalu berat untuk ditanggung.”^{4:14} Tengok; hari ini juga Tuhan akan mengusir saya dari huma ini dan saya akan sentiasa terpisah daripada hadirat mu. Saya akan menjadi seorang pengembara di muka bumi, dan sesiapa yang terjumpa saya akan cuba membunuh saya.”^{4:15} Lalu Yahweh menjawabnya, “Beginilah; sesiapa yang membunuh kau akan kubalas tujuh kali lebih teruk daripada hukuman yang dikenakan kepadamu.” Maka Yahweh meletakkan suatu tanda pada Qain agar sesiapa yang terjumpanya tidak akan membunuhnya.^{4:16} Kemudian Qain pergi daripada hadirat Yahweh dan menetap di tanah Nod yang terletak di sebelah timur Taman `Eden.

^{4:17} Selepas itu Qain bersetubuh dengan isterinya. Dia pun hamil dan melahirkan seorang anak yang dinamainya Hanokh. Pada waktu itu Qain sedang mengasaskan sebuah kota, dan dia menamakan kota itu Hanokh menurut nama anaknya.^{4:18} Bertahun-tahun selepas itu `Irada, anak Hanokh dilahirkan. `Irada menjadi bapa Mehuyael. Mehuyael menjadi bapa Metusyael. Metusyael menjadi bapa Lamekh.^{4:19} Lamekh mengahwini dua orang isteri. Isteri pertama bernama `Adah dan madunya bernama `Silah.^{4:20} `Adah melahirkan seorang anak bernama Yabal. Dia adalah bapa leluhur orang yang tinggal dalam khemah dan memelihara ternakan.^{4:21} Nama adiknya Yubal. Dia adalah bapa

I can bear.^{4:14} Behold, you have driven me out this day from the surface of the ground. I will be hidden from your face, and I will be a fugitive and a wanderer in the earth. It will happen that whoever finds me will kill me.”

^{4:15} Yahweh said to him, “Therefore whoever slays Cain, vengeance will be taken on him sevenfold.” Yahweh appointed a sign for Cain, lest any finding him should strike him.

^{4:16} Cain went out from Yahweh’s presence, and lived in the land of Nod, east of Eden.

^{4:17} Cain knew his wife. She conceived, and gave birth to Enoch. He built a city, and called the name of the city, after the name of his son, Enoch.^{4:18}

To Enoch was born Irad. Irad became the father of Mehujael. Mehujael became the father of Methushael. Methushael became the father of Lamech.

^{4:19} Lamech took two wives: the name of the one was Adah, and the name of the other Zillah.^{4:20}

Adah gave birth to Jabal, who was the father of those who dwell in tents and have livestock.^{4:21} His brother’s name was Jubal, who was the father of all who handle the

^{p 4:14} tanah: iaitu, tanah yg sesuai utk penanaman gandum dsb.

^{t 4:14} saya akan tersembunyi dari depan mukamu trjmh lain: saya akan sentiasa terpisah daripada hadiratmu. / Tuhan telah mengusir saya dari hadiratmu. tfsn lain: saya akan terpaksa sembunyikan diri dari hadirat mu.

^{m 4:15} Beginilah Lain makna dr trjmh kuno: Tidak! atau: Tidaklah demikian! *

^{t 4:15} tujuh kali Tfsn 1: tujuh kali lebih teruk daripada hukuman yang dikenakan kepada mu. Tfsn 2: tujuh kali dengan pembunuhan tujuh orang, termasuk si pembunuh. Tfsn 3: Nombor tujuh hanya lambang balasan yg dibuat secara sempurna.

^{h 4:15} membunuh hrhf: memukul

^{n 4:16} Nod bermakna pengembaraan dlm b. Ibrani.

^{t 4:16} Tfsn lain: ‘Qain keluar dari depan Yahweh dan hidup dalam keadaan sentiasa mengembara di sebelah timur Taman `Eden.’ (Maklumlah, b. Ibrani tiada huruf besar dan kecil, jadi kita tdk tahu samada ‘Nod’ itu nama tempat atau perkataan biasa.)

^{h 4:17} bersetubuh dengan hrhf: mengenali

^{t 4:17} Pada waktu itu Qain sedang mengasaskan sebuah kota, tfsn lain: Selepas itu Qain mengasaskan sebuah kota, *

^{t 4:20} bapa tfsn 1: bapa leluhur: ~tfsn 2: pengasas

kepada semua yang main kecapi dan seruling. ^{4:22} Şilah melahirkan juga Tubal-Qain, yang menempa bermacam-macam alat daripada tembaga dan besi. ^t Adik perempuan Tubal-Qain ialah Na`amah.

^{4:23} Kata Lamekh kepada isterinya, “`Adah dan Şilah, dengarlah suaraku; ^h isteri-isteri Lamekh, pasanglah telinga kepada kata-kataku. Aku ^h telah membunuh seorang lelaki untuk kecederaanku, seorang pemuda untuk pemukulanku. ^t ^{4:24} Kerana kalau Qain harus dibalas tujuh kali, Lamekh akan dibalas tujuh puluh tujuh kali.

^{4:25} Sekali lagi Adam bersetubuh dengan ^h isterinya. Dia melahirkan seorang anak lelaki dan memanggil namanya Syet. ⁿ ^e Dia berkata, “Saya menamainya begitu kerana Allah telah memberikan kepada saya keturunan ^h lain sebagai pengganti Habel, sebab Qain telah membunuhnya.” ^{4:26} Dan kepada Syet juga seorang anak lelaki dilahirkan dan dia memanggil namanya Enosy. Pada ketika itulah orang mulai memanggil ^t nama Yahweh. ^j

Keturunan Adam Melalui Syet

^{5:1} Inilah riwayat bertulis Adam dan keturunannya. Pada hari Allah mencipta manusia, dia menjadikannya dengan persamaan Allah. ^{5:2} Dia ciptakan mereka, lelaki dan perempuan, memberkati

leluhur kepada semua orang yang main kecapi dan seruling. ^{4:22}

Madunya Şilah melahirkan juga seorang anak bernama Tubal-Qain. Dialah orang pertama yang menempa bermacam-macam alat daripada tembaga dan besi. Adik perempuan Tubal-Qain ialah Na`amah.

^{4:23} Pada suatu hari Lamekh berkata kepada isterinya, “Wahai isteriku, `Adah dan Şilah. Dengarlah baik-baik, hiraukan kata-kataku. Saya telah membunuh seorang lelaki kerana dia mencederakan saya. Sesungguhnya saya bunuh pemuda itu kerana dia memukul saya. ^{4:24} Jikalau pembunuh Qain harus dibalas tujuh kali, maka orang yang mengapa-apakan saya pula akan dibalas tujuh puluh tujuh kali.”

^{4:25} Sekali lagi Adam bersetubuh dengan isterinya dan isterinya melahirkan seorang anak lelaki yang dinamainya Syet. Dia berkata, “Saya menamainya begitu kerana Allah telah memberikan kepada saya keturunan lain sebagai pengganti Habel yang telah dibunuh oleh Qain.” ^{4:26} Seorang anak lelaki dilahirkan pula bagi Syet dan dia menamainya Enosy. Pada ketika itulah orang mula memanggil nama Yahweh dalam doa.

Keturunan Adam Melalui Syet

^{5:1} Inilah riwayat Adam dan keturunannya. Sewaktu Allah mencipta manusia, dijadikannya dia dengan persamaan dirinya sendiri. ^{5:2} Dia menciptanya sebagai lelaki dan perempuan. Setelah mereka dicipta,

harp and pipe. ^{4:22} Zillah also gave birth to Tubal Cain, the forger of every cutting instrument of brass and iron. Tubal Cain’s sister was Naamah.

^{4:23} Lamech said to his wives, “Adah and Zillah, hear my voice. You wives of Lamech, listen to my speech, for I have slain a man for wounding me, a young man for bruising me. ^{4:24} If Cain will be avenged seven times, truly Lamech seventy-seven times.”

^{4:25} Adam knew his wife again. She gave birth to a son, and named him Seth, “for God has appointed me another child instead of Abel, for Cain killed him.” ^{4:26} There was also born a son to Seth, and he named him Enosh. Then men began to call on Yahweh’s name.

Descendants of Adam Through Seth

^{5:1} This is the book of the generations of Adam. In the day that God created man, he made him in God’s likeness. ^{5:2} He created them male and female, and blessed them, and called

^t ^{4:22} Tfsrn lain: Tubal-Qain, yang mengajar semua yang membina alat dari tembaga dan besi.

^h ^{4:23} dengarlah saya hrhf: dengarlah suara ku

^h ^{4:23} Saya ... hrhf: Kerana saya ...

^t ^{4:23} Tfsrn lain: Saya akan membunuh sesiapaupun lelaki yang mencederai saya, atau pemuda yang memukul saya. Dgn tfsrn ini, kenyataan Lamekh merupakan satu amaran, dan bukannya tindakan yg telah dilakukan.

^h ^{4:25} bersetubuh dengan hrhf: mengenali

ⁿ ^{4:25} Nama Syet berbunyi spt beri, taruh atau dasar dlm b.Ibrani.

^e ^{4:25} Syet ejaan lain: Set. Ejaan Ibrani ialah Şyēt, manakala ejaan Set dipakai dlm terjemahan lain b. Melayu.

^h ^{4:25} keturunan hrhf: zuriat / benih

^t ^{4:26} memanggil tfsrn lain: menyebut / mengatakan

^j ^{4:26} orang mulai memanggil nama Yahweh. trjmhn 2: orang mulai memanggil nama Yahweh dalam doa. trjmhn 3: orang mulai memanggil Allah dengan namanya, “Yahweh” sewaktu berdoa.

mereka dan memanggil nama mereka, “manusia”¹ pada hari **dia** menciptakan mereka.

^{5:3} Adam hidup **selama** 130 tahun, kemudian memperanakkan **seorang** anak dalam cerminannya dengan persamaannya dan dia memanggil namanya Syet. ^{5:4} Hari-hari yang ada pada Adam adalah 800 tahun selepas dia memperanakkan Syet, dan dia **juga** memperanakkan anak lelaki dan perempuan. ^{5:5} Semua hari yang Adam hidup adalah 930 tahun, lalu dia meninggal.

^{5:6} Syet hidup **selama** 105 tahun dan dia memperanakkan Enosy. ^{5:7} Syet hidup selama 807 tahun selepas memperanakkan Enosy, dan memperanakkan anak lelaki dan perempuan. ^{5:8} Semua hari Syet adalah 912 tahun, lalu dia meninggal.

^{5:9} Enosy hidup **selama** 90 tahun, dan memperanakkan Qenan. ^{5:10} Enosy hidup **selama** 815 tahun selepas dia memperanakkan Qenan, dan memperanakkan anak lelaki dan perempuan. ^{5:11} Semua hari Enosy adalah 905 tahun, lalu dia meninggal.

^{5:12} Qenan hidup **selama** 70 tahun dan memperanakkan Mahalalel. ^{5:13} Selepas Qenan memperanakkan Mahalalel, dia hidup **selama** 840 tahun **lagi** dan memperanakkan anak lelaki dan perempuan. ^{5:14} Semua hari Qenan adalah 910 tahun, lalu dia meninggal.

^{5:15} Mahalalel hidup **selama** 65 tahun, dan memperanakkan Yared. ^{5:16} Mahalalel hidup **selama** 830 tahun **lagi** selepas dia memperanakkan Yared dan memperanakkan anak lelaki dan perempuan. ^{5:17} Semua hari Mahalalel adalah 895 tahun, lalu

dia memberkati dan memanggil mereka “manusia.”

^{5:3} Sewaktu Adam berumur 130 tahun, dia menjadi bapa kepada seorang anak dalam cerminan dan persamaannya dan dia menamainya Syet. ^{5:4} Adam hidup selama 800 tahun selepas Syet dilahirkan. **Dalam jangka masa itu** dia menjadi bapa kepada anak-anak **lain juga**, lelaki dan perempuan. ^{5:5} Jadi seluruh hayat Adam menjangkau 930 tahun sehingga dia menemui ajalnya.

^{5:6} Sewaktu berumur 105 tahun Syet menjadi bapa kepada **anak pertamanya** Enosy. ^{5:7} Syet hidup selama 807 tahun selepas dia menjadi bapa kepada Enosy dan **dalam jangka masa itu** dia menjadi bapa kepada anak-anak lelaki dan perempuan **lain juga**. ^{5:8} Jadi seluruh hayat Syet menjangkau 912 tahun sehingga dia meninggal.

^{5:9} Sewaktu berumur 90 tahun, Enosy menjadi bapa kepada **anak pertamanya**, Qenan. ^{5:10} Selepas itu Enosy hidup selama 815 tahun lagi, dan **dalam jangka masa itu dia turut** menjadi bapa kepada anak-anak lelaki dan perempuan **lain juga**. ^{5:11} Jadi seluruh hayat Enosy menjangkau 905 tahun sehingga dia meninggal.

^{5:12} Sewaktu berumur 70 tahun Qenan menjadi bapa kepada **anak pertamanya** Mahalalel. ^{5:13} Selepas itu Qenan hidup selama 840 tahun lagi dan **dalam jangka masa itu** dia menjadi bapa kepada anak-anak lelaki dan perempuan **lain juga**. ^{5:14} Jadi seluruh hayat Qenan menjangkau 910 tahun sehingga dia meninggal.

^{5:15} Sewaktu berumur 65 tahun Mahalalel menjadi bapa kepada **anak pertamanya**, Yared. ^{5:16} Selepas itu Mahalalel hidup selama 830 tahun lagi dan **dalam jangka masa itu dia** menjadi bapa kepada anak-anak lelaki dan perempuan **lain juga**. ^{5:17} Jadi seluruh hayat Mahalalel menjangkau

their name “Adam,” in the day when they were created.

^{5:3} Adam lived one hundred thirty years, and became the father of a son in his own likeness, after his image, and named him Seth. ^{5:4} The days of Adam after he became the father of Seth were eight hundred years, and he became the father of sons and daughters. ^{5:5} All the days that Adam lived were nine hundred thirty years, then he died.

^{5:6} Seth lived one hundred five years, and became the father of Enosh. ^{5:7} Seth lived after he became the father of Enosh eight hundred seven years, and became the father of sons and daughters. ^{5:8} All the days of Seth were nine hundred twelve years, then he died.

^{5:9} Enosh lived ninety years, and became the father of Kenan. ^{5:10} Enosh lived after he became the father of Kenan, eight hundred fifteen years, and became the father of sons and daughters. ^{5:11} All the days of Enosh were nine hundred five years, then he died.

^{5:12} Kenan lived seventy years, and became the father of Mahalalel. ^{5:13} Kenan lived after he became the father of Mahalalel eight hundred forty years, and became the father of sons and daughters ^{5:14} and all the days of Kenan were nine hundred ten years, then he died.

^{5:15} Mahalalel lived sixty-five years, and became the father of Jared. ^{5:16} Mahalalel lived after he became the father of Jared eight hundred thirty years, and became the father of sons and daughters. ^{5:17} All the days of Mahalalel were eight hundred

ⁱ ^{5:2} *manusia* Ibrannya: *Adam / adam*. (dalam b. Ibrani tiada huruf kecil dan besar.)

<p>dia meninggal.</p> <p>^{5:18} Yared hidup selama 162 tahun dan memperanakkan Hanokh. ^{5:19} Yared hidup selama 800 tahun selepas dia memperanakkan Hanokh dan memperanakkan anak lelaki dan perempuan. ^{5:20} Semua hari Yared adalah 962 tahun, lalu dia meninggal.</p> <p>^{5:21} Hanokh hidup selama 65 tahun dan memperanakkan Metusyelaḥ. ^{e 5:22} Hanokh berjalan dengan Allah selama 300 tahun selepas dia memperanakkan Metusyelaḥ, dan memperanakkan anak-anak lelaki dan perempuan. ^{5:23} Semua hari Hanokh adalah 365 tahun. ^{5:24} Hanokh berjalan dengan Allah, lalu dia hilang kerana Allah mengambilnya.</p> <p>^{5:25} Metusyelaḥ hidup selama 187 tahun dan memperanakkan Lamekh. ^{5:26} Metusyelaḥ hidup selama 782 tahun selepas dia memperanakkan Lamekh dan memperanakkan anak-anak lelaki dan perempuan. ^{5:27} Semua hari Metusyelaḥ adalah 969 tahun, lalu dia meninggal. ^p</p> <p>^{5:28} Lamekh hidup selama 182 tahun dan memperanakkan seorang anak lelaki. ^{5:29} Dia memanggil namanya Noah ^{n e} dengan berkata, “Dia ini akan melegakan hati kita ^t semasa pekerjaan dan kesakitan tangan kita disebabkan tanah yang dikutuki Yahweh.” ^{t p 5:30} Lamekh</p>	<p>895 tahun sehingga dia meninggal.</p> <p>^{5:18} Sewaktu berumur 162 tahun, Yared menjadi bapa kepada anak pertamanya, Hanokh. ^{5:19} Selepas itu Yared hidup selama 800 tahun lagi dan dalam jangka masa itu menjadi bapa kepada anak-anak lelaki dan perempuan lain juga. ^{5:20} Jadi seluruh hayat Yared menjangkau 962 tahun sehingga dia meninggal.</p> <p>^{5:21} Sewaktu berumur 65 tahun Hanokh menjadi bapa kepada anak pertamanya, Metusyelaḥ. ^{e 5:22} Selepas itu Hanokh hidup akrab dengan Allah selama 300 tahun dan dalam jangka masa itu dia menjadi bapa kepada anak-anak lelaki dan perempuan lain juga. ^{5:23} Jadi seluruh hayat Hanokh di bumi menjangkau 365 tahun. ^{5:24} Hanokh hidup akrab dengan Allah, lalu lenyap dari bumi kerana dia diambil oleh Allah.</p> <p>^{5:25} Sewaktu berumur 187 tahun Metusyelaḥ menjadi bapa kepada anak pertamanya, Lamekh. ^{5:26} Selepas itu Metusyelaḥ hidup selama 782 tahun dan dalam jangka masa itu dia menjadi bapa kepada anak-anak lelaki dan perempuan lain juga. ^{5:27} Jadi seluruh hayat Metusyelaḥ menjangkau 969 tahun sehingga dia meninggal.</p> <p>^{5:28} Sewaktu berumur 182 tahun Lamekh menjadi bapa kepada anak lelakinya yang pertama. ^{5:29} Dia berkata, “Saya akan menamakan anak ini Noah kerana dia akan melegakan hati kita semasa kita bersusah-payah mengusahakan tanah yang telah dikutuk oleh Yahweh,” ^{5:30} Selepas itu</p>	<p>ninety-five years, then he died.</p> <p>^{5:18} Jared lived one hundred sixty-two years, and became the father of Enoch. ^{5:19} Jared lived after he became the father of Enoch eight hundred years, and became the father of sons and daughters. ^{5:20} All the days of Jared were nine hundred sixty-two years, then he died.</p> <p>^{5:21} Enoch lived sixty-five years, and became the father of Methuselah. ^{5:22} Enoch walked with God after he became the father of Methuselah three hundred years, and became the father of sons and daughters. ^{5:23} All the days of Enoch were three hundred sixty-five years. ^{5:24} Enoch walked with God, and he was not, for God took him.</p> <p>^{5:25} Methuselah lived one hundred eighty-seven years, and became the father of Lamech. ^{5:26} Methuselah lived after he became the father of Lamech seven hundred eighty-two years, and became the father of sons and daughters. ^{5:27} All the days of Methuselah were nine hundred sixty-nine years, then he died.</p> <p>^{5:28} Lamech lived one hundred eighty-two years, and became the father of a son, ^{5:29} and he named him Noah, saying, “This same will comfort us in our work and in the toil of our hands, because of the ground which Yahweh has</p>
--	--	---

^{e 5:21} *Metusyelaḥ ejaan lain: Metusalāḥ.* Ejaan dlm b. Ibrani ialah *Metusyelaḥ*, manakala ejaan *Metusalah* dipakai dlm terjemahan lain b. Melayu.

^{p 5:27} Iaitu hayat yg paling panjang dirakam dlm Alkitab.

^{n 5:29} Nama *Noāḥ* berbunyi spt perkataan yg bermakna *menghibur* atau *melegakan* dlm b. Ibrani.

^{e 5:29} *Noāḥ ejaan lain: Nuh.* Ejaan asli b. Ibrani ialah *Noāḥ*, manakala ejaan *Nuh* (atau lebih tepat *Nuḥ*) berasal dr b. Arab, dan dipinjam seterusnya ke dlm b. Melayu. Dlm b. Ibrani, huruf ‘a’ ditambah disebabkan peraturan fonologi. Oleh itu asas ejaan b. Ibrani ialah *Noḥ*. Oleh sebab tiada huruf ‘o’ dlm b. Arab, secara automatik ia akan menjadi *Nuḥ*.

^{t 5:29} *Dia ini akan melegakan kita ... ~tfsrn lain: Semoga dia melegakan hati kita ...*

^{t 5:29} *Tfsrn lain: “Dia ini akan melegakan pekerjaan dan kesakitan tangan kita yang disebabkan tanah yang dikutuki Yahweh.”*

<p>hidup selama 595 tahun selepas dia memperanakkan Noah dan memperanakkan anak lelaki dan perempuan. ^{5:31} Oleh itu, semua hari Lamekh hidup adalah 777 tahun, lalu dia meninggal.</p> <p>^{5:32} Apabila Noah berumur 500 tahun, Noah memperanakkan Syem, ^e Ham dan Yafet. ^p</p> <p>Keputusan Allah untuk Membinasakan Segala Makhluk</p> <p>^{6:1} Apabila manusia mula menjadi ramai di muka bumi dengan anak perempuan dilahirkan bagi mereka, ^{6:2} anak-anak Allah ^{tj} melihat bahawa anak-anak perempuan manusia menawan ^h dan mereka mengambil isteri ^t untuk diri mereka sendiri, sesiapa pun yang dipilihnya dari antara semua. ^{6:3} Maka Yahweh berkata, “Nafas daripadaku ^t tidak akan selama-lamanya tinggal tetap di dalam manusia kerana mereka sememangnya daging dan hari-hari</p>	<p>Lamekh hidup 595 tahun dan dalam jangka masa itu dia menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan lain juga. ^{5:31} Oleh itu seluruh hayat Lamekh menjangkau 777 tahun sehingga dia meninggal.</p> <p>^{5:32} Apabila Noah berumur 500 tahun, dia menjadi bapa kepada anaknyanya yang pertama daripada tiga orang anak lelaki: Syem Ham dan Yafet.</p> <p>Keputusan Allah untuk Membinasakan Segala Makhluk</p> <p>^{6:1} Apabila manusia mula menjadi ramai di muka bumi, anak perempuan mereka pun ramai. ^{6:2} Dan malaikat-malaikat jahat melihat bahawa anak-anak perempuan manusia menawan. Lalu dengan sesuka hati mereka mengambil isteri daripada kalangan gadis itu untuk diri mereka sendiri. ^{6:3} Maka Yahweh berkata, “Nafas kehidupan daripada ku tidak akan selama-lamanya tinggal tetap di dalam manusia. Mereka sememangnya fana dan hayatnya yang paling panjang akan hanya menjangkau 120 tahun.”</p>	<p>cursed.” ^{5:30} Lamech lived after he became the father of Noah five hundred ninety-five years, and became the father of sons and daughters. ^{5:31} All the days of Lamech were seven hundred seventy-seven years, then he died.</p> <p>^{5:32} Noah was five hundred years old, and Noah became the father of Shem, Ham, and Japheth.</p> <p>God's Decision to Destroy All Life</p> <p>^{6:1} It happened, when men began to multiply on the surface of the ground, and daughters were born to them, ^{6:2} that God's sons saw that men's daughters were beautiful, and they took for themselves wives of all that they chose. ^{6:3} Yahweh said, “My Spirit will not strive with man forever, because he also is flesh; yet will his days be one hundred twenty years.” ^{6:4} The Nephilim were in the earth in those days, and</p>
---	--	--

^{p 5:29} Tdk jelas bila nubuat/ramalan Lamekh ini digenapi. Ada cadangan apabila Noah membuat wain (lihat 9:20-21), itulah yg melegakan hati orang. Ada yg mencadangkan bahawa Noah mencipta bajak, dan dgn demikian ia meringankan kerja tanah. (Cadangan ini tdk ada apa-apa buktinya.) Lihat juga nota di 9:20 utk cadangan lain.

^{e 5:21} **Metusyelah ejaan lain:** *Metusalah*. Ejaan Ibrani ialah *Metusyelah*, manakala ejaan *Metusalah* dipakai dlm terjemahan Melayu lain.

^{e 5:32} **Syem ejaan lain:** *Sem*. Ejaan Ibrani ialah *Syem*. Ejaan *Sem* sering digunakan dlm terjemahan Melayu. (Ejaan Inggeris pun mengikut ejaan Ibrani dgn ejaan *Shem*.)

^{p 5:32} Ada pentafsir yg percaya menurut urutan umur, ia Yafet, Syem dan Ham.

^{t 6:2} **anak-anak Allah tfsrn lain:** *anak-anak allah-allah*. Frasa *anak-anak Allah* selalu merujuk kpd malaikat atau makhluk rohani yg lebih tinggi pangkatnya drpd malaikat biasa. (Istilah *anak Allah* ini selalu merujuk kpd makhluk yg dicipta Allah secara langsung, termasuk semua malaikat dan Adam. Orang yg lahir selepas itu tdk dipanggil *anak Allah* sebab mereka tdk dicipta secara langsung.) Utk fahaman lanjut ttg apa yg berlaku kpd *anak-anak Allah* ini, sila lihat 2 Pet 2:4 & Yudas 1:6.

^{j 6:2} **anak-anak Allah trjmhn lain:** *makhluk-makhluk ilahi / makhluk-makhluk rohani / dewa-dewa / malaikat-malaikat jahat / roh-roh jahat*. Sama dlm ayat 4. Dlm Perjanjian Lama istilah *anak Allah* selalu merujuk kpd segala jenis malaikat atau makhluk rohani, termasuk yg telah jatuh ke dlm dosa (lihat *Ayub 1:6, 2:1, 38:7*). Makhluk yg dimaksudkan di sini, kuasanya dan pangkatnya lebih tinggi drpd malaikat biasa spt *dewa*. Istilah b. Inggeris *incubus* (yg berasal dr b. Latin) merujuk kpd roh jahat spt ini yg suka bersetubuh dgn perempuan manusia, tetapi makhluk ini dapat menghamilkan dan anak yg dilahirkannya ialah gergasi.

^{h 6:2} **menawan hrhf:** *baik*

^{t 6:2} **mengambil isteri tfsrn lain:** *mengambil gadis secara paksa*. Tfsrn kedua ini menganggap mereka mengambil secara paksa dan tdk mengahwini perempuan itu. Istilah *mengambil* biasanya digunakan utk perkahwinan (iaitu secara rela), tetapi di 34:2 ia mungkin digunakan utk perogolan juga. Kalau perempuan (dgn persetujuan bapanya) setuju berkahwin dgn makhluk itu, ia merupakan dosa besar yg dilakukan oleh manusia, iaitu bercampur dgn spesies lain secara rela.

^{t 6:3} **nafas daripada ku ~tfsrn lain:** *Roh daripada ku*

<p>kehidupan mereka akan hanya menjangkau 120 tahun.”^{t 6:4} Gergasi-gergasi^p berada di bumi pada zaman^h itu (dan selepas itu juga). Sebab apabila anak Allah bersetubuh dengan^h anak perempuan manusia, mereka melahirkan anak bagi mereka. Mereka adalah pahlawan-pahlawan pada zaman kuno, orang-orang kenamaan.^p</p> <p>6:5 Yahweh melihat bahawa kejahatan manusia di bumi sangat besar, dan setiap tujuan yang difikirkan oleh hati manusia pun jahat belaka sepanjang masa.^{h 6:6} Maka Yahweh sangat menyesal bahawa dia telah menjadikan manusia di bumi dan dia betul-betul berdukacita.^{6:7} Lalu Yahweh berkata, “Aku akan menyapu bersih manusia ciptaanku dari muka tanah; dari manusia sampai binatang, binatang yang bergerak di atas tanah, dan unggas di langit kerana aku menyesal menjadikannya.^{6:8} Namun Noaḥ berkenan di mata Yahweh.</p> <p><i>Riwayat Noaḥ dan Keturunannya (6:9-9:29)</i> Allah Menyelamatkan Noaḥ^e 6:9 Ini riwayat Noaḥ dan keturunannya. Noaḥ adalah seorang yang sadik,^j dan sempurna pada zamannya.^t Noaḥ berjalan</p>	<p>6:4 Setelah malaikat-malaikat jahat tersebut bersetubuh dengan perempuan manusia, mereka melahirkan anak. Anak-anak itulah gergasi yang ada di bumi pada zaman sebelum banjir besar dan selepas banjir besar juga. Mereka adalah pahlawan-pahlawan pada zaman kuno dan orang-orang kenamaan.</p> <p>6:5 Yahweh melihat bahawa kejahatan manusia berleluasa dan sangat teruk di bumi. Setiap tujuan dan fikiran dalam hati manusia juga sentiasa jahat sahaja.^{6:6} Maka Yahweh sangat menyesal kerana menciptakan manusia.^{6:7} Katanya, “Aku akan menghapuskan manusia yang telah aku ciptakan dari muka bumi ini; manusia, ternakan, binatang liar, dan unggas di angkasa – kesemua makhluk hidup – kerana aku menyesal menciptanya.^{6:8} Namun Noaḥ memperoleh rahmat Yahweh.</p> <p><i>Riwayat Noaḥ dan Keturunannya (6:9-9:29)</i> Allah Menyelamatkan Noaḥ 6:9 Berikut adalah riwayat Noaḥ dan keturunannya. Noaḥ adalah seorang yang benar; pada zamannya dia</p>	<p>also after that, when God’s sons came in to men’s daughters. They bore children to them. Those were the mighty men who were of old, men of renown.</p> <p>6:5 Yahweh saw that the wickedness of man was great in the earth, and that every imagination of the thoughts of his heart was only evil continually.^{6:6} Yahweh was sorry that he had made man on the earth, and it grieved him in his heart.^{6:7} Yahweh said, “I will destroy man whom I have created from the surface of the ground; man, along with animals, creeping things, and birds of the sky; for I am sorry that I have made them.”^{6:8} But Noah found favor in Yahweh’s eyes.</p> <p><i>The Story of Noah (6:9-9:29)</i> God Saves Noah 6:9 This is the history of the generations of Noah. Noah was a righteous man, blameless</p>
--	---	--

^{t 6:3} dan hari-hari kehidupan mereka akan hanya menjangkau 120 tahun. ~tfsrn 2: dan hari-hari kehidupan mereka akan hanya 120 tahun sehingga datang banjir besar memusnahkan mereka semua. Oleh sebab banjir besar terjadi 120 tahun selepas masa itu, maka tdk mustahil tafsiran 2 ini adalah tepat.

^{p 6:4} gergasi-gergasi trjmhn lain: raksasa-raksasa Ibraninya: nefilim atau nepilim. Rupanya nefilim ini merujuk kpd orang besar (lihat Bil 13:33) yg keturunan manusia dan makhluk ilahi atau roh jahat. Nefilim sering diterjemah sebagai gergasi-gergasi atau raksasa-raksasa. Dlm kebanyakan Alkitab Inggeris ia tdk diterjemah, tetapi istilah b. Ibrani nefilim sahaja digunakan.

^{h 6:4} zaman hrhf: hari-hari

^{h 6:4} bersetubuh dengan hrhf: datang kepada

^{p 6:4} Menurut 2 Pet 2:4 dan Yud 1:6, malaikat-malaikat jahat yg membuat hal ini kemudiannya dipenjarakan di tempat bernama tartarus, yg biasanya diterjemah sebagai neraka. Tartarus ini mungkin sama dgn jurang maut (abussos) di Lk 8:31, tempat yg menakutkan bagi roh-roh jahat.

^{h 6:5} masa hrhf: hari

^{e 6:9} Noaḥ ejaan lain: Nuh. Ejaan asli b. Ibrani ialah Noaḥ, manakala ejaan Nuh/Nuh berasal dr bahasa Arab, dan dipinjam seterusnya ke dlm b. Melayu.

^{j 6:9} sadik trjmhn lain: siddiq / muhsin / salih / benar

^{t 6:9} sempurna pada zamannya tfsrn 2: sempurna dalam leluhurnya tfsrn 3: tidak bercela dari segi darah keturunannya hrhf: sempurna/tidak bercela dalam generasinya/keturunannya. Pentafsir yg ikut tfrn 3 percaya bahawa dlm nenek-moyang Noaḥ

<p>bersama Allah. ^{6:10} Noah memperanakkan tiga orang anak lelaki: Syem, ^e Ham dan Yafet. ^{6:11} Dunia dicemari sama sekali di depan Allah, dan penuh dengan keganasan. ^j ^{6:12} Allah memandang ke dunia dan melihat bahawa ia sama sekali tercemar kerana semua makhluk di atas bumi telah mencemarkan jalan hidupnya. ^t</p> <p>^{6:13} Jadi, Allah berkata kepada Noah, “Penghabisan semua makhluk ^h telah hadir di depanku kerana mereka memenuhi dunia dengan kedurjanaan. ^h Aku akan membinasakan mereka bersama bumi. ^{6:14} Buatlah untuk dirimu sendiri sebuah bahtera ^h dari kayu sipres. ^j Buatlah bilik-bilik ^j dalam bahtera itu. Lapiskan di dalam dan di luarnya dengan tar. ^j ^{6:15} Dan inilah cara kamu harus membuatnya: bahtera itu seluas 300 hasta panjang, 50 hasta lebar dan tingginya 30 hasta. ^{6:16} Buat bumbung ^t dengan tepinya melebihi dinding bahtera satu hasta. ^t Tempatkan pintu bahtera di sisinya. Buatlah tingkat pertama, kedua dan ketiga. ^{6:17} Aku akan</p>	<p>menonjol sebagai orang yang tidak bercela. Dia hidup akrab dengan Allah. ^{6:10} Noah mempunyai tiga orang anak lelaki: Yafet, Syem dan Ham. ^{6:11} Pada pandangan Allah, selain keluarga Noah, semua orang di seluruh bumi langsung tidak berakhlak, malahan tingkah-laku jahat dan ganas berleluasa. ^{6:12} Allah melihat bahawa sememangnya bumi sama sekali tercemar kerana semua makhluk di dunia mencemarkan cara hidup mereka.</p> <p>^{6:13} Jadi, Allah berkata kepada Noah, “Aku sudah memutuskan untuk mengakhiri hidup semua makhluk di muka bumi kerana manusia telah memenuhi bumi dengan kejahatan dan keganasan. Aku akan membinasakan semuanya bersama permukaan bumi. ^{6:14} Buatlah sebuah bahtera dari kayu sipres. Buatlah bilik-bilik di dalam bahtera itu. Lapiskan di dalam dan di luarnya dengan tar. ^{6:15} Binalah bahtera itu dengan ukuran begini: panjangnya 300 hasta, lebarnya 50 hasta dan ketinggiannya 30 hasta. ^{6:16} Buat bumbung dengan tepinya melebihi dinding bahtera satu hasta. Tempatkan pintu bahtera di sisinya. Buatlah tiga tingkat: tingkat bawah, tingkat kedua dan tingkat ketiga. ^{6:17} Aku akan mendatangkan banjir ke atas</p>	<p>among the people of his time. Noah walked with God. ^{6:10} Noah became the father of three sons: Shem, Ham, and Japheth. ^{6:11} The earth was corrupt before God, and the earth was filled with violence. ^{6:12} God saw the earth, and saw that it was corrupt, for all flesh had corrupted their way on the earth.</p> <p>^{6:13} God said to Noah, “The end of all flesh has come before me, for the earth is filled with violence through them. Behold, I will destroy them with the earth. ^{6:14} Make a ship of gopher wood. You shall make rooms in the ship, and shall seal it inside and outside with pitch. ^{6:15} This is how you shall make it. The length of the ship will be three hundred cubits, its breadth fifty cubits, and its height thirty cubits. ^{6:16} You shall make a roof in the ship, and you shall finish it to a cubit upward. You shall set the door of the ship in its side. You shall make it with lower, second, and third levels. ^{6:17} I, even I, do bring the flood</p>
--	---	--

tiada kacukan dgn roh jahat (atau malaikat jahat) spt disebut dlm ayat 6:2-4, dan oleh itu Noah adalah manusia yg murni darahnya. Walaupun tdk disebut, agaknya isterinya juga berdarah murni.

^e ^{6:10} Syem ejaan lain: Sem. Ejaan b. Ibrani ialah *šēm*. Ejaan Sem sering digunakan dlm terjemahan Melayu. (Ejaan b. Ingeris pun mengikut ejaan b. Ibrani dgn ejaan *Shem*.)

^j ^{6:11} keganasan trjmhn lain: *kejahatan*. Perkataan ini merujuk kpd aktiviti atau tindakan yg sangat jahat. Ia tidak merujuk kpd kejahatan yg pasif saja. Sama dlm ayat 6:13.

^t ^{6:12} segala makhluk di atas bumi mencemarkan jalan hidupnya tfsrn 2: semua manusia di atas bumi mencemarkan cara hidupnya hrffh: semua daging mencemarkan jalannya di atas bumi. trjmhn lain tfsrn 2: semua manusia di atas bumi hidup tidak berakhlak. Istilah *daging* boleh ditafsir sbg manusia dan semua binatang atau sbg manusia saja, tetapi rupanya ia selalu merangkum binatang di Kej 6-9. Keadaan ini lawan keadaan waktu penciptaan (1:31) apabila ia sangat baik.

^h ^{6:13} makhluk hrffh: daging hidup tidak berakhlak.

^h ^{6:13} kerana mereka memenuhi bumi dengan kedurjanaan. hrffh: kerana bumi penuh dengan kedurjanaan disebabkan mereka.

^h ^{6:14} bahtera hrffh: tabut / peti / kotak. Perkataan ini sama dgn yg dipakai utk tabut perjanjian (Kel 16:34). Bentuknya spt kotak besar, bukan bahtera, kerana bahagian bawah leper, bukan macam bahtera. Lagipun tiada cara mengemudinya. Trjmhn lain: kapal.

^j ^{6:14} sipres Ibrani: *gopher*. Trjmhn lain: kayu yang tahan / kayu keras. Tdk diketahui apa jenis kayu ini sebenarnya.

^j ^{6:14} bilik-bilik trjmhn lain/tfsrn lain: petak-petak

^j ^{6:14} tar trjmhn lain: bitumen

^t ^{6:16} bumbung tfsrn 2: jendela tfsrn 3: jendela langit. Tdk diketahui apa makna sebenar perkataan yg dipakai di sini.

^t ^{6:16} Buat bumbung dengan tepinya melebihi dinding bahtera satu hasta. Tfsrn 2: Buat bumbung dengan puncaknya satu hasta lebih tinggi dari tepinya. Tfsrn 3: Buat bumbung untuk bahtera dengan jarak satu hasta di antara bumbung dengan dinding untuk tempat masuk angin. *

<p>mendatangkan banjir air ke atas bumi untuk membinasakan segala makhluk^h di bawah langit yang ada nafas^t kehidupan di dalamnya. Segala-gala yang ada di bumi akan mati. ^{6:18} Aku akan memeteraikan perjanjianku dengan kau^t dan kau akan masuk ke dalam bahtera; kau bersama dengan anak-anakmu, isterimu, dan isteri-isteri anakmu. ^{6:19} Daripada semua makhluk yang hidup,^h dua daripada kesemuanya harus kamu bawa ke dalam bahtera supaya terus hidup bersamamu; ia haruslah jantan dan betina. ^{6:20} Daripada unggas menurut jenisnya, daripada ternakan menurut jenisnya, daripada makhluk yang bergerak di atas tanah menurut jenisnya, dua daripada semua akan datang kepada mu supaya terus hidup. ^{6:21} Kau ambillah untuk dirimu semua jenis makanan yang dimakan dan simpanlah.^h Ia akan menjadi makanan bagimu dan mereka.”</p> <p>^{6:22} Seterusnya Noah melakukan sesuai dengan semua yang Allah perintahkan; begitulah yang dia buat.</p> <p>^{7:1} Selepas itu Yahweh berkata kepada Noah, “Masuklah ke dalam bahtera, kau dan seluruh keluarga^h mu, kerana saya telah melihat bahawa kaulah yang sadik di depan saya dalam generasi ini. ^{7:2} Daripada semua binatang halal^j ambillah untuk diri sendiri tujuh pasang^h jantan dan betinanya.^h</p>	<p>bumi untuk membinasakan segala makhluk yang bernafas di bawah langit. Segala-gala yang ada di bumi akan mati. ^{6:18} Aku akan memeteraikan perjanjianku dengan kau untuk menyelamatkan kamu. Kau akan masuk ke dalam bahtera itu dan yang ikut bersama kau ialah isterimu, anak-anakmu dan isteri mereka. ^{6:19} Kau harus menempatkan bersamamu di dalam bahtera sepasang jantan dan betina daripada setiap jenis makhluk tanpa pengecualian, untuk memastikan ia tidak pupus. ^{6:20} Dua daripada setiap jenis makhluk akan datang kepada mu supaya terus hidup: daripada setiap jenis burung, daripada setiap jenis ternakan dan daripada setiap jenis makhluk dan binatang liar. ^{6:21} Kumpulkanlah semua jenis makanan manusia dan makhluk lain serta simpan semuanya dalam bahtera. Ia akan menjadi makanan bagi keluargamu dan makhluk itu.”</p> <p>^{6:22} Seterusnya Noah benar-benar mematuhi semua perintah Allah kepadanya.</p> <p>^{7:1} Selepas itu Yahweh berkata kepada Noah, “Masuklah ke dalam bahtera, kau dan seluruh keluarga mu, kerana aku telah mendapati bahawa dalam generasi ini hanya kaulah yang benar. ^{7:2} Daripada semua jenis binatang yang dikira halal, bawa masuk tujuh pasang jantan dan betina. Manakala daripada binatang yang</p>	<p>of waters on this earth, to destroy all flesh having the breath of life from under the sky. Everything that is in the earth will die. ^{6:18} But I will establish my covenant with you. You shall come into the ship, you, your sons, your wife, and your sons’ wives with you. ^{6:19} Of every living thing of all flesh, you shall bring two of every sort into the ship, to keep them alive with you. They shall be male and female. ^{6:20} Of the birds after their kind, of the livestock after their kind, of every creeping thing of the ground after its kind, two of every sort shall come to you, to keep them alive. ^{6:21} Take with you of all food that is eaten, and gather it to yourself; and it will be for food for you, and for them.”</p> <p>^{6:22} Thus Noah did. According to all that God commanded him, so he did.</p> <p>^{7:1} Yahweh said to Noah, “Come with all of your household into the ship, for I have seen your righteousness before me in this generation. ^{7:2} You shall take seven pairs of every clean animal with you, the male and his female. Of the</p>
---	--	---

^h 6:17 **makhluk hrhf:** daging

^t 6:17 **nafas tfsrn lain:** roh

^t 6:18 *Saya akan membuat perjanjian dengan kau tfsrn 2: Saya akan memberi janjiku kepada kau tfsrn 3: Saya akan menggenapi perjanjianku melalui kau. Kalau tfsrn ke-3 ini tepat, agaknya ia bermakna berkat yg diberi kepada Adam akan digenapi melalui Noah, iaitu yang dlm ayat 1:28: Berkembangbiaklah dan bertambah banyak serta memenuhi bumi dan menaklukinya ...*

^h 6:19 *Daripada semua makhluk yang hidup, hrhf: Daripada semua yang hidup, daripada semua daging,*

^h 6:21 *Saya simpannya hrhf: kumpulkan kepada mu*

^h 7:1 *keluarga hrhf: rumah*

^j 7:2 *halal trjmhn lain: tahir / bersih lbrani: tahor. Perkataan ini seasal dgn perkataan b. Arab, tahir; yg dipinjam oleh b. Melayu, tetapi penggunaannya lain sedikit drpd tahir dlm b. Melayu. Perkataan halal di sini bermakna halal dlm fahaman orang Yahudi, iaitu binatang yg berkuku belah dan memamah biak (lihat lma 11:3). Binatang halal boleh dipersembahkan kpd Tuhan sebagai korban persembahan. Binatang yg halal atau tahir juga merujuk kpd yg halal dimakan, tetapi pd waktu itu manusia belum makan daging.*

^h 7:2 *tujuh pasang hrhf: tujuh tujuh*

<p>Dan daripada binatang yg tidak halal, sepasang^h jantan dan betinanya.^{7:3} Juga daripada unggas langit, tujuh pasang jantan dan betina, supaya terus hidup zuriatnya^{h,j} di seluruh muka bumi.^{7:4} Ini kerana tujuh hari lagi aku akan membuat hujan turun ke bumi selama 40 hari dan 40 malam. Setiap makhluk hidup yang telah aku buat akan ku sapu bersih daripada seluruh permukaan tanah.^{7:5} Maka Noaħ membuat sesuai dengan semua yang Yahweh perintakkannya.^{7:6} Noaħ berumur 600 tahun apabila air banjir datang ke atas bumi.</p> <p>^{7:7} Noaħ masuk bahtera bersama anak-anaknya, isterinya, dan isteri-isteri anaknya untuk melepaskan diri daripada^t air banjir.^{7:8} Daripada binatang^h halal, binatang yang tidak halal^p dan unggas, serta semua yang bergerak di atas tanah,^h ^{7:9} dua demi dua datang kepada Noaħ dalam bahtera, jantan dan betina, sama seperti Allah perintakkan Noaħ.^{7:10} Terjadilah begitu dan selepas tujuh hari, air banjir melanda bumi.</p> <p>^{7:11} Di tahun ke-600 dalam kehidupan Noaħ, pada bulan kedua, di hari ke-17 bulan itu,^p pada hari itu juga, terbelahlah semua mata air dari dalam tanah^h dan tingkap air^j di langit terbuka.^p</p>	<p>dikira tidak halal, bawa sepasang sahaja.^{7:3} Bawa juga tujuh pasang daripada setiap jenis unggas angkasa supaya jenisnya tidak pupus dari seluruh muka bumi.^{7:4} Ini adalah kerana tujuh hari dari sekarang aku akan menurunkan hujan ke atas bumi selama 40 hari, siang dan malam. Dengan demikian aku akan menghapuskan semua makhluk ciptaan ku daripada seluruh muka bumi.^{7:5} Maka Noaħ melaksanakan semua yang diperintakkan Yahweh kepadanya.^{7:6} Sewaktu air banjir datang ke atas bumi, Noaħ berumur 600 tahun.</p> <p>^{7:7} Noaħ masuk ke dalam bahtera bersama isterinya, anak-anaknya dan isteri mereka untuk mengelak daripada air banjir.^{7:8-9} Kemudian sesuai dengan perintah Allah, datanglah kepada Noaħ dalam bahtera setiap jenis makhluk, pasangan demi pasangan, jantan dan betina, termasuk binatang halal, binatang yang tidak halal, unggas dan semua makhluk yang bergerak di atas tanah.^{7:10} Terjadilah seperti yang dikatakan oleh Yahweh bahawa selepas tujuh hari bumi akan dilandai banjir.^{7:11} Sewaktu Noaħ berumur 600 tahun, tepat pada 17 haribulan dua, air tanah terpecah keluar sebagai mata air dan tingkap air di langit pun terbuka.^{7:12} Hujan lebat turun ke atas bumi selama 40 hari, siang dan malam tanpa</p>	<p>animals that are not clean, take two, the male and his female.^{7:3} Also of the birds of the sky, seven and seven, male and female, to keep seed alive on the surface of all the earth.^{7:4} In seven days, I will cause it to rain on the earth for forty days and forty nights. Every living thing that I have made, I will destroy from the surface of the ground.”^{7:5} Noah did everything that Yahweh commanded him.^{7:6} Noah was six hundred years old when the flood of waters came on the earth.</p> <p>^{7:7} Noah went into the ship with his sons, his wife, and his sons’ wives, because of the waters of the flood.^{7:8} Clean animals, animals that are not clean, birds, and everything that creeps on the ground^{7:9} went by pairs to Noah into the ship, male and female, as God commanded Noah.^{7:10} It happened after the seven days, that the waters of the flood came on the earth.^{7:11} In the six hundredth year of Noah’s life, in the second month, on the seventeenth day of the month, on the same day all the fountains of the great deep were burst open, and the sky’s</p>
---	---	--

^h 7:2 jantan dan betinanya **hrfh**: lelaki dan isterinya

^h 7:2 sepasang **hrfh**: dua

^h 7:3 keturunannya **hrfh**: bijinya/benihnya

^j 7:3 zuriatnya **trjmh** lain: benihnya / keturunannya

^t 7:7 untuk melepaskan diri daripada **tfsrn** lain: disebabkan

^h 7:8 binatang **hrfh**: ternakan. B. Ibrani suka mengganti-gantikan istilah supaya teks tdk membosankan. Misalnya, kata *tanah* dan *bumi* silih berganti penggunaannya dlm bahagian Permulaan (Kejadian) ini.

^p 7:8-9 *halal ... tidak halal*. Iaitu, boleh atau tidak boleh dipersembahkan kpd Tuhan sebagai korban persembahan. Binatang yg tahir juga merujuk kpd yg halal dimakan selepas banjir Noaħ, tetapi pd waktu yg dirujuk di sini manusia belum makan daging.

^h 7:8 **hrfh**: Daripada binatang tahir, daripada binatang yang tidak tahir dan daripada unggas dan semua yang bergerak di atas tanah,

^p 7:11 Agaknya ini merujuk kpd haribulan dlm kalender mereka (dan bukan umur Noaħ), menurut kalender orang Yahudi.

^h 7:11 **dari dalam tanah** **hrfh**: pendalaman / yang dalam / yang terdalam. Istilah yg digunakan di sini sama dgn yg diterjemah sebagai *lautan* di 1:2. Ia boleh merujuk kpd lautan atau air di dalam tanah. Di sini ia merujuk kpd air di bawah tanah yg keluar melalui mata air.

^j 7:11 *tingkap air* **trjmh** lain: *pintu air*

<p>^{7:12} Hujan turun ke atas bumi selama 40 hari dan 40 malam.</p> <p>^{7:13} Pada hari itu juga Noah masuk ke dalam bahtera bersama anak-anaknya^h Syem, Ham dan Yafet, isteri Noah dan tiga orang isteri anak-anak Noah.^{7:14} Bersama mereka di dalam bahtera adalah semua binatang liar menurut jenisnya; semua ternakan menurut jenisnya, semua makhluk perangkak yang merangkak di atas bumi menurut jenisnya, semua unggas menurut jenisnya dan semua serangga yang terbang^t – apapun yang bersayap.^{p 7:15} Dua demi dua daripada semua makhluk^h yang ada nafas kehidupan di dalamnya datang kepada Noah di dalam bahtera.^{h 7:16} Makhluk yang masuk adalah jantan dan betina daripada semua makhluk.^h Mereka masuk sama seperti Allah perintahkan dia. Maka Yahweh menutup pintu di belakang Noah.^h</p> <p>Pembinaan Bumi oleh Banjir</p> <p>^{7:17} Banjir itu menimpa ke atas bumi selama 40 hari. Lalu air itu menjadi banyak sehingga mengangkat bahtera yang terangkat^j dari atas tanah.^{7:18} Air bertambah banyak atas bumi dan menguasainya, lalu bahtera itu terapung di^h permukaan air.^{7:19} Dan air itu sangat-sangat berkuasa ke atas bumi dan menutupi semua gunung tinggi yang berada di bawah langit.^{7:20} Air itu naik dan menutupi gunung-gunung sehingga 15 hasta.^{7:21} Semua makhluk yang bergerak di atas tanah mati, termasuk unggas, ternakan,</p>	<p>henti-henti.</p> <p>^{7:13} Pada hari itu juga Noah masuk ke dalam bahtera untuk kali terakhir bersama isterinya, anaknya Syem, Ham dan Yafet, serta isteri ketiga-tiga mereka.^{7:14} Bersama mereka di dalam bahtera adalah semua jenis binatang liar, semua jenis ternakan, semua jenis perangkak yang merangkak di atas bumi, semua jenis unggas, semua serangga yang terbang – apapun jenis makhluk yang bersayap.^{7:15} Pasangan demi pasangan daripada setiap jenis makhluk yang ada nafas kehidupan dalamnya datang kepada Noah di dalam bahtera.^{7:16} Makhluk yang masuk itu adalah pasangan daripada semua makhluk. Kesemuanya masuk ke dalam bahtera sama seperti Allah perintahkan Noah. Selepas sahaja Noah dan keluarganya masuk untuk kali terakhir, Yahweh menutup pintu bahtera di belakang Noah.</p> <p>Pembinaan Bumi oleh Banjir</p> <p>^{7:17} Banjir itu melanda bumi selama 40 hari. Lalu air semakin naik sehingga bahtera terangkat dari kedudukannya di atas bumi dan mengapungkannya.^{7:18} Air di atas bumi bertambah banyak sekali dan menenggelamkan permukaan bumi, sedangkan bahtera itu terapung-apung di atas permukaan air.^{7:19} Air itu menenggelami bumi sepenuhnya sehingga semua gunung tertinggi yang berada di bawah langit pun ditutupi air.^{7:20} Air itu juga naik sehingga menutupi gunung-gunung tertinggi dengan air sedalam 15 hasta.^{7:21} Semua makhluk yang bergerak di atas</p>	<p>windows were opened.^{7:12} The rain was on the earth forty days and forty nights.</p> <p>^{7:13} In the same day Noah, and Shem, Ham, and Japheth, the sons of Noah, and Noah's wife, and the three wives of his sons with them, entered into the ship;^{7:14} they, and every animal after its kind, all the livestock after their kind, every creeping thing that creeps on the earth after its kind, and every bird after its kind, every bird of every sort.^{7:15} They went to Noah into the ship, by pairs of all flesh with the breath of life in them.^{7:16} Those who went in, went in male and female of all flesh, as God commanded him; and Yahweh shut him in.</p> <p>The Destruction of the World with a Flood</p> <p>^{7:17} The flood was forty days on the earth. The waters increased, and lifted up the ship, and it was lifted up above the earth.^{7:18} The waters prevailed, and increased greatly on the earth; and the ship floated on the surface of the waters.^{7:19} The waters prevailed exceedingly on the earth. All the high mountains that were under the whole sky were covered.^{7:20} The waters prevailed fifteen cubits upward, and the mountains were covered.^{7:21} All flesh died that</p>
---	---	--

^{p 7:11} *tingkap air di langit terbuka* adalah bahasa puisi, bermakna hujan yg lebat sekali dilepaskan dr langit.

^{h 7:13} *anak-anaknya hrhf: anak-anak Noah*

^{t 7:14} *semua unggas menurut jenisnya, semua serangga yang terbang ~tfsrn 2: semua jenis burung, besar dan kecil*

^{p 7:14} *bersayap: Ini termasuk serangga bersayap.*

^{h 7:15} *semua makhluk hrhf: semua daging*

^{h 7:15} *datang kepada Noah dalam bahtera. hrhf: datang kepada Noah, kepada bahtera.*

^{h 7:16} *makhluk hrhf: daging*

^{h 7:16} *Noah hrhf: nya / dia*

^{j 7:17} *terangkat trjmhn lain: terangkat tinggi*

^{h 7:18} *terapung di hrhf: pergi ke*

<p>binatang liar, semua pengeriap yang berkeriap atas bumi dan semua manusia. ^{7:22} Semua yang ada nafas kehidupan^h dalam hidungnya yang berada di darat, mati. ^{7:23} Demikian dia menyapu bersih semua yang wujud di atas muka bumi, termasuk manusia, ternakan, makhluk yang berkeriap, dan unggas di langit. Mereka dihapuskan dari bumi; hanya Noah yang tertinggal dan mereka yang berada dengannya di dalam bahtera. ^{7:24} Dan air berkuasa ke atas bumi selama 150 hari.</p> <p>^{8:1} Allah ingat Noah dan semua binatang serta ternakan yang bersamanya dalam bahtera itu dan Allah mengirim angin atas seluruh bumi. Maka air surut. ^{8:2} Kemudian mata air yang mengeluarkan air bawah tanah^h dan tingkap air^j di langit ditutup^p dan hujan ditahan daripada turun dari langit. ^{8:3} Dengan perlahan-lahan air itu menyusut dari bumi. ^t Selepas 150 hari ia telah surut, ^{8:4} sehingga pada bulan ketujuh pada hari ke-17 dalam bulan itu, ^p bahtera itu terdampar di atas pergunungan Ararat. ^{8:5} Air itu semakin menurun sehingga bulan kesepuluh. Dalam bulan kesepuluh, pada hari pertama dalam bulan itu, puncak-puncak gunung kelihatan.</p> <p>^{8:6} Nah, 40 hari selepas itu, Noah</p>	<p>tanah mati lemas, termasuk unggas, ternakan, binatang liar, makhluk kecil yang berkeriap atas bumi dan semua manusia. ^{7:22} Matilah semua makhluk di darat yang bernafas. ^{7:23} Demikianlah Tuhan menghapuskan semua yang berada di muka bumi, termasuk manusia, ternakan, yang bergerak di atas tanah dan unggas yang terbang di langit. Kesemuanya dihapuskan dari muka bumi; hanyalah Noah dan mereka yang berada dengannya dalam bahtera tertinggal. ^{7:24} Seluruh muka bumi diliputi oleh kehebatan air itu selama 150 hari.</p> <p>^{8:1} Sememangnya Allah tidak melupakan Noah sekeluarga dan semua binatang dan ternakan yang bersamanya di dalam bahtera itu. Dia membuat angin bertiup atas seluruh bumi dan air pun mula surut. ^{8:2} Selain itu, Allah menutup mata air yang mengeluarkan air bawah tanah. Tingkap air di langit pun ditutupnya, maka hujan berhenti turun dari langit. ^{8:3} Dengan perlahan-lahan air itu mulai surut dari muka bumi. Selepas 150 hari tersebut air itu sedikit sebanyak telah surut, ^{8:4} sehinggalah bahtera itu terdampar di atas pergunungan di Ararat pada 17 haribulan tujuh. ^{8:5} Air itu semakin menurun sehingga satu haribulan sepuluh dan puncak-puncak gunung mulai kelihatan.</p> <p>^{8:6} Nah, 40 hari selepas itu, Noah</p>	<p>moved on the earth, including birds, livestock, animals, every creeping thing that creeps on the earth, and every man. ^{7:22} All in whose nostrils was the breath of the spirit of life, of all that was on the dry land, died. ^{7:23} Every living thing was destroyed that was on the surface of the ground, including man, livestock, creeping things, and birds of the sky. They were destroyed from the earth. Only Noah was left, and those who were with him in the ship. ^{7:24} The waters prevailed on the earth one hundred fifty days. ^{8:1} God remembered Noah, all the animals, and all the livestock that were with him in the ship; and God made a wind to pass over the earth. The waters subsided. ^{8:2} The deep's fountains and the sky's windows were also stopped, and the rain from the sky was restrained. ^{8:3} The waters receded from the earth continually. After the end of one hundred fifty days the waters decreased. ^{8:4} The ship rested in the seventh month, on the seventeenth day of the month, on Ararat's mountains. ^{8:5} The waters receded continually until the tenth month. In the tenth month, on the first day of the month, the tops of the mountains were seen. ^{8:6} It happened at the end of</p>
--	---	--

^h 7:22 nafas kehidupan hrhf: nafas roh kehidupan

^p 8:1 Peristiwa dlm ayat 8:1-4 berlaku selama 150 hari spt yg disebut dlm 7:24.

^h 8:2 air di dalam/bawah tanah hrhf: pendalaman / yang dalam / yang terdalam. Istilah yg digunakan di sini sama dgn yg diterjemah sebagai lautan di 1:2. Ia boleh merujuk kpd lautan atau air di dalam tanah. Di sini ia merujuk kpd air di bawah tanah yg keluar melalui mata air.

^j 8:2 tingkap air trjmhn lain: pintu air

^p 8:2 tingkap air di langit ditutup adalah bahasa puisi yang sama makna dgn yg berikutnya.

^t 8:3 Perlahan-lahan air surut dari bumi. Tfsrn lain: Perlahan-lahan air surut dari bumi, dan balik ke tempat asalnya. (Iaitu, balik ke langit dan di bawah tanah). Hrhf: Perlahan-lahan air surut dari bumi, pergi dan balik.

^p 8:4 Ini menurut kalender mereka pd masa itu di mana setiap bulan ada 30 hari, dan lima bulan itu berjumlah 150 hari.

^p 8:4 Ararat dipercayai kawasan yg dikenali sebagai Armenia sekarang.

<p>membuka jendela pada bahtera itu yang telah dibuatnya, ^{8:7} dan melepaskan^h seekor burung gagak. Ia terbang^h ke sana-sini^t sehingga air yang di atas tanah menjadi kering. ^{8:8} Kemudian^p dia melepaskan^h seekor burung merpati untuk melihat samada air itu telah surut dari permukaan tanah. ^{8:9} Tetapi burung merpati itu tidak menemukan hinggapan untuk tapak kakinya, jadi ia kembali kepada dia dalam bahtera, kerana air masih lagi berada atas seluruh permukaan bumi. Noah^h menghulurkan tangannya untuk mengambil dan membawanya kepada dirinya dalam bahtera. ^{8:10} Dia menunggu selama tujuh hari lagi dan melepaskan^h burung merpati itu dari bahtera sekali lagi. ^{8:11} Apabila burung merpati itu kembali kepadanya pada waktu senja, nah, ada sehelai daun zaitun^t segar dalam paruhnya. Maka Noah tahu bahawa air telah surut dari atas bumi. ^{8:12} Dia menunggu selama tujuh hari lagi dan melepaskan^h semula burung merpati itu, tetapi ia tidak kembali lagi kepadanya. ^{8:13} Semasa Noah berumur 601 tahun, pada hari pertama dalam bulan pertama, air di atas bumi telah kering. Dia membuka penutup bahtera dan memandang; nah, permukaan bumi telah kering. ^{8:14} Dan dalam bulan kedua, pada hari ke-27 bulan itu,^p tanah telah kering.</p>	<p>membuka jendela buatannya di dalam bahtera itu ^{8:7} dan melepaskan seekor burung gagak. Ia tidak kembali ke bahtera, tetapi terbang ke sana-sini sehingga air di atas tanah mengering. ^{8:8} Tujuh hari sesudah burung gagak itu dilepaskan, dia melepaskan seekor burung merpati pula untuk melihat samada air itu telah surut dari permukaan tanah. ^{8:9} Tetapi burung merpati itu tidak menemukan tempat untuk dihinggap kerana air masih menutupi seluruh permukaan bumi. Oleh itu, ia kembali kepada Noah dalam bahtera. Noah menghulurkan tangannya dari jendela untuk menerimanya dan membawanya masuk ke dalam bahtera. ^{8:10} Noah menunggu lagi selama tujuh hari dan sekali lagi melepaskan burung merpati itu dari bahtera. ^{8:11} Burung merpati itu hanya kembali kepadanya pada waktu senja. Nah, dalam paruhnya terdapat sehelai daun zaitun yang baru sahaja tumbuh. Maka Noah menyedari bahawa air telah surut dari permukaan bumi. ^{8:12} Noah menunggu selama tujuh hari lagi dan melepaskan burung merpati itu untuk kali ketiga, tetapi kali ini ia tidak kembali kepada Noah. ^{8:13} Semasa Noah berumur 601 tahun, pada satu haribulan satu, air di atas permukaan bumi telah kering. Noah membuka penutup bahtera dan memandang; nah, tidak ada lagi air di atas permukaan bumi. ^{8:14} Pada 27 haribulan 2, tanah lumpur telah kering.</p>	<p>forty days, that Noah opened the window of the ship which he had made, ^{8:7} and he sent out a raven. It went back and forth, until the waters were dried up from the earth. ^{8:8} He sent out a dove from him, to see if the waters were abated from the surface of the ground, ^{8:9} but the dove found no place to rest her foot, and she returned to him into the ship; for the waters were on the surface of the whole earth. He put out his hand, and took her, and brought her to him into the ship. ^{8:10} He stayed yet another seven days; and again he sent the dove out of the ship. ^{8:11} The dove came back to him at evening, and, behold, in her mouth was an olive leaf plucked off. So Noah knew that the waters were abated from the earth. ^{8:12} He stayed yet another seven days, and sent out the dove; and she didn't return to him any more. ^{8:13} It happened in the six hundred first year, in the first month, the first day of the month, the waters were dried up from the earth. Noah removed the covering of the ship, and looked. He saw that the surface of the ground was dried. ^{8:14} In the second month, on the twenty-seventh day of the</p>
---	---	---

^{h 8:7} melepaskan hrfh: kirim/utus

^{h 8:7} terbang hrfh: pergi

^{t 8:7} terbang sini sana tfsrn lain: pergi-balik (di antara bahtera dengan tempat lain)

^{p 8:8} Tujuh hari sesudah burung gagak itu dilepaskan ... (Lihat trjmn idiomatik): Ayat 10 berkata tujuh hari lagi, yg rupanya bermakna Noah menunggu tujuh hari selepas pelepasan burung gagak.

^{h 8:8} melepaskan burung merpati hrfh: kirim/utus burung merpati dari dirinya

^{h 8:9} Noah hrfh: Dia

^{h 8:10} melepaskan hrfh: kirim/utus

^{t 8:11} daun zaitun tfsrn lain: daun-daun zaitun

^{h 8:12} melepaskan hrfh: kirim/utus

^{p 8:14} Iaitu, satu tahun selepas permulaan banjir mengikut kalender Meşir atau kalender moden, iaitu 365 hari dlm satu tahun.

<p>Allah Berdamai dengan Manusia ^{8:15} Maka Allah berkata kepada Noaħ dengan berkata, ^{8:16} “Keluarlah dari bahtera, kau dan isterimu, anak-anakmu dan isteri anak-anakmu bersamamu. ^{8:17} Bawalah keluar denganmu semua makhluk yang bersamamu daripada setiap jenis: ^h unggas, binatang, ^h dan semua makhluk perangkak yang merangkak atas tanah, agar mereka berkerumun atas tanah, menjadi subur dan berkembang biak di bumi. ^{8:18} Maka Noaħ keluar bersama anak-anaknya, isterinya dan isteri anak-anaknya. ^{8:19} Semua binatang, semua makhluk yang bergerak dan semua burung; iaitu semua yang bergerak di atas bumi keluar dari bahtera menurut keluarganya. ^{8:20} Kemudian Noaħ membina sebuah mazbah bagi Yahweh. ^j Dia mengambil daripada setiap ternakan halal dan burung halal, ^j dan dia mempersembahkannya sebagai korban bakaran ^h di atas mazbah. ^{8:21} Apabila Yahweh menghidu baunya yang menyenangkan, ^p Yahweh berkata dalam hatinya, ^h “Aku sekali-kali tidak akan memusnahkan ^t bumi lagi disebabkan manusia, walaupun ^t tujuan ^j hati manusia jahat sejak waktu muda lagi. Dan</p>	<p>Allah Berdamai dengan Manusia ^{8:15} Maka Allah berkata kepada Noaħ sekali lagi, ^{8:16} “Keluarlah dari bahtera bersama isterimu, anak-anakmu dan isteri anak-anakmu. ^{8:17} Bawalah keluar bersamamu semua makhluk daripada setiap jenis: burung, binatang dan semua makhluk kecil yang merangkak di atas tanah agar berkembang biak sehingga tersebar luas ke seluruh bumi. ^{8:18} Maka Noaħ keluar bersama isterinya, anak-anaknya dan isteri-isteri anaknya. ^{8:19} Semua yang bergerak di atas bumi keluar dari bahtera: semua binatang, makhluk kecil dan burung, masing-masing dalam kelompoknya sendiri.</p> <p>^{8:20} Kemudian Noaħ membina sebuah mazbah bagi Yahweh. Dia mengambil beberapa ekor daripada setiap jenis ternakan dan burung yang halal dan mempersembahkannya kepada Yahweh sebagai korban bakaran di atas mazbah. ^{8:21} Apabila Yahweh menghidu harum korban yang meredakan kemurkaan, dia memutuskan dalam hatinya, “Aku sekali-kali tidak akan memusnahkan bumi lagi disebabkan kejahatan manusia. Walaupun tujuan hati manusia jahat sejak waktu muda lagi,</p>	<p>month, the earth was dry.</p> <p>God Reconciles with Man ^{8:15} God spoke to Noah, saying, ^{8:16} “Go out of the ship, you, and your wife, and your sons, and your sons’ wives with you. ^{8:17} Bring out with you every living thing that is with you of all flesh, including birds, livestock, and every creeping thing that creeps on the earth, that they may breed abundantly in the earth, and be fruitful, and multiply on the earth.” ^{8:18} Noah went out, with his sons, his wife, and his sons’ wives with him. ^{8:19} Every animal, every creeping thing, and every bird, whatever moves on the earth, after their families, went out of the ship.</p> <p>^{8:20} Noah built an altar to Yahweh, and took of every clean animal, and of every clean bird, and offered burnt offerings on the altar. ^{8:21} Yahweh smelled the pleasant aroma. Yahweh said in his heart, “I will not again curse the ground any more for man’s sake, because the imagination of man’s heart is evil from his youth; neither will I ever again strike everything living, as I have done. ^{8:22} While the earth</p>
--	--	--

^h 8:17 *apapun jenis hrffh: semua daging*

^h 8:17 *binatang hrffh: ternakan. Dlm ayat ini, istilah ini merujuk kpd semua binatang besar.*

^j 8:20 *Kemudian Noaħ membina sebuah mazbah bagi Yahweh. Trjmhn lain: Kemudian Noaħ membuat timbunan batu untuk tempat membakar korban bagi Yahweh.*

^j 8:20 *halal trjmhn lain: tahir / bersih Ibrani: tahor. Perkataan ini seasal dgn perkataan b. Arab tahir yg dipinjam oleh b. Melayu, tetapi penggunaannya berbeza sedikit drpd tahir dlm b. Melayu. Perkataan halal di sini bermakna halal dlm fahaman orang Yahudi, iaitu binatang yg berkuku belah dan memamah biak (lihat lma 11:3). Yg penting di sini, ia binatang yg boleh dikorbankan kpd Allah.*

^h 8:20 *korban bakaran hrffh: korban yang naik. Ia dinamakan begitu kerana seluruh binatang dibakar habis, dan asap daripadanya naik.*

^p 8:21 *Dlm fikiran orang Ibrani, kemarahan dipusatkan dlm hidung (bukan hati), dan oleh itu haruman yg dihidu dapat meredakan kemurkaan.*

^h 8:21 *dalam hatinya hrffh: kepada hatinya sendiri*

^t 8:21 *memusnahkan tfsrn lain: mengutuk tfsrn lain: menghina*

^t 8:21 *walaupun tfsrn lain: kerana*

^j 8:21 *tujuan trjmhn lain: kecenderungan. Lihat juga 6:5.*

<p>aku tidak akan membinasakan semua makhluk lagi seperti yang telah aku lakukan. ^{8:22} Selagi bumi masih wujud, ^h penanaman benih dan penuaian, sejuk dan panas, musim panas dan musim sejuk serta siang dan malam tidak akan berhenti.”</p> <p>^{9:1} Allah memberkati Noah dan anak-anaknya dengan berkata, “Beranaklah ^j dan bertambah banyak serta penuhi bumi. ^{9:2} Ketakutan dan kegentaran terhadap kamu akan ada pada semua makhluk bumi, pada semua unggas di angkasa, semua makhluk yg bergerak di atas tanah dan semua ikan di dalam air; ^h mereka diberikan ke dalam tangan kamu. ^{9:3} Semua yang bergerak, yang hidup adalah makanan kamu. ^p Sama seperti aku telah memberikan tumbuh-tumbuhan hijau kepada kamu, aku beri kesemuanya kepadamu. ^{9:4} Hanya daging dengan kehidupannya ^j iaitu darahnya di dalam tidak boleh dimakan. ^{9:5} Sememangnya aku akan menuntut pembalasan untuk penumpahan darah kehidupan kamu. ^j Daripada semua binatang pembunuh ^h aku akan menuntutnya. Dan daripada setiap manusia pembunuh aku akan menuntut pembalasan untuk nyawa ^j orang yang dibunuh itu yang dikira saudaranya. ^{j p} ^{9:6} Orang yang menumpahkan darah manusia, maka oleh manusia</p>	<p>aku tidak akan membinasakan lagi semua makhluk seperti yang telah aku lakukan kali ini. ^{8:22} Selagi bumi masih wujud, tidak akan berhenti musim penanaman dan penuaian, waktu sejuk dan panas, musim-musim dalam setahun, serta siang dan malam.”</p> <p>^{9:1} Allah memberkati Noah dan anak-anaknya dengan berkata, “Beranaklah dan bertambah banyak serta penuhi bumi. ^{9:2} Semua yang bergerak di atas bumi, iaitu makhluk yang hidup di permukaan bumi dan unggas di angkasa, berserta ikan di dalam air akan takut dan gentar terhadap kamu; semuanya diberikan ke dalam kekuasaan kamu. ^{9:3} Lagipun, semua makhluk yang hidup dan bergerak aku jadikan makanan halal untuk kamu sekarang. Sama seperti dahulu aku telah memberi tumbuh-tumbuhan hijau kepada kamu sebagai makanan, sekarang aku juga memberi kesemua makhluk sebagai makanan kamu. ^{9:4} Hanya daging yang ada darah di dalamnya haram dimakan, kerana darah adalah sumber kehidupan. ^{9:5} Mengenai penumpahan darah kehidupan manusia, sememangnya aku akan menuntut pembalasan untuknya. Aku akan menuntut pembalasan daripada semua binatang pembunuh dan setiap manusia pembunuh untuk nyawa mangsa yang dikira saudaranya. ^{9:6} Orang yang menumpahkan darah manusia, maka darahnya sendiri juga akan ditumpahkan oleh manusia</p>	<p>remains, seed time and harvest, and cold and heat, and summer and winter, and day and night shall not cease.”</p> <p>^{9:1} God blessed Noah and his sons, and said to them, “Be fruitful, and multiply, and replenish the earth. ^{9:2} The fear of you and the dread of you will be on every animal of the earth, and on every bird of the sky. Everything that the ground teems with, and all the fish of the sea are delivered into your hand. ^{9:3} Every moving thing that lives will be food for you. As the green herb, I have given everything to you. ^{9:4} But flesh with its life, its blood, you shall not eat. ^{9:5} I will surely require your blood of your lives. At the hand of every animal I will require it. At the hand of man, even at the hand of every man’s brother, I will require the life of man. ^{9:6} Whoever sheds man’s blood, his blood will be shed by man, for God made man in his own image. ^{9:7} Be fruitful and multiply. Increase abundantly in the earth, and multiply in it.”</p>
---	---	--

^h 8:22 Selagi bumi masih wujud hrfh: Selagi semua hari bumi (berlangsung)

^j 9:1 beranak trjmhn lain: jadi subur

^h 9:2 air hrfh: laut / tasik. (B. Ibrani tdk membezakan di antara laut dan tasik, tetapi ia ada nama lain utk sungai.)

^p 9:3 Sudah tentu manusia tdk termasuk dlm makanan yg dimaksudkan di sini.

^j 9:4 kehidupannya trjmhn lain: nyawanya

^j 9:5 darah kehidupan kamu trjmhn lain: darah nyawa kamu

^h 9:5 pembunuh hrfh: tangan. Tangan merujuk kpd tindakan, dan tindakan yg dimaksudkan di sini ialah membunuh.

^j 9:5 nyawa trjmhn lain: kehidupan

^j 9:5 dikira saudaranya trjmhn lain: sesama manusia. Perkataan saudara di sini bermakna sesama manusia.

^p 9:5 saudara di sini bermakna sesama manusia.

darahnya akan ditumpahkan kerana manusia^j dicipta dalam cerminan Allah.^j 9:7 Tetapi bagi kamu, beranaklah^j dan bertambah banyak, penuhi bumi dan bertambah banyak atasnya.”

9:8 Lalu Allah berkata kepada Noah dan anak-anaknya, katanya: 9:9 “Nah, **aku** memeteraikan perjanjian^{ku} dengan kamu dan keturunan^h kamu yang menyusuli kamu, 9:10 dan dengan semua makhluk^h hidup yang **telah** bersamamu, **termasuk** burung-burung, ternakan dan semua makhluk **liar di** bumi, iaitu semua yang **telah** keluar bersamamu dari bahtera itu **dan** dengan semua makhluk **yang akan hidup di** bumi. 9:11 **Aku** memeteraikan perjanjian^{ku} dengan kamu. Semua makhluk^h tidak akan sekali-kali dihapuskan^h semula oleh air banjir. Tidak akan ada lagi banjir yang membinasakan bumi.” 9:12 Allah berkata lagi, “Inilah^t tanda perjanjian yang **akan ku** buat^h di antara **aku sendiri** dengan kamu dan semua makhluk^h hidup yang bersamamu **di dalam bahtera**. Ia **berkuat-kuasa** turun temurun buat selama-lamanya: 9:13 **Aku** telah menaruh^t pelangi^{ku} di awan-awan dan ia akan menjadi tanda perjanjian di antara **aku** dengan bumi. 9:14 Apabila **aku** membawa awan di atas bumi dan pelangi kelihatan pada awan, 9:15 **aku** akan

kerana manusia adalah ciptaan yang mencerminkan Allah. 9:7 Tetapi bagi kamu, beranaklah dan bertambah banyak; bertambah banyak di atas bumi sehingga **manusia** berganda atasnya.”

9:8 Lalu Allah berkata kepada Noah dan anaknya: 9:9 “Nah, **aku** memeteraikan perjanjian^{ku} dengan kamu dan keturunanmu selepas kamu, 9:10 dan dengan semua makhluk hidup yang **telah** bersamamu, **termasuk** burung-burung, ternakan dan semua makhluk **liar di** bumi, iaitu semua yang **telah** keluar bersamamu dari bahtera itu **dan** semua yang **akan hidup di** bumi **pada masa depan**. 9:11 **Aku** memeteraikan perjanjian^{ku} dengan kamu. Air banjir tidak akan sekali-kali menghapuskan semua makhluk **di bumi**. Tidak akan ada lagi banjir yang membinasakan **seluruh** bumi.” 9:12 Allah berkata lagi, “Inilah tanda **bahawa aku** akan **mengabulkan** perjanjian yang **aku** buat dengan kamu dan semua makhluk hidup yang bersamamu **di dalam bahtera**. Ia **suatu perjanjian yang berkuat-kuasa** turun-temurun buat selama-lamanya: 9:13 Pelangi^{ku} yang **telah aku** taruh di langit akan menjadi tanda perjanjian^{ku} dengan bumi. 9:14 Apabila **aku** memunculkan awan pada langit di atas bumi dan pelangi kelihatan di situ, 9:15 **aku** akan ingat perjanjian ^{ku} dengan kamu dan semua jenis makhluk hidup. Maka aku tidak akan mendatangkan lagi banjir ke atas seluruh bumi

9:8 God spoke to Noah and to his sons with him, saying, 9:9 “As for me, behold, I establish my covenant with you, and with your offspring after you, 9:10 and with every living creature that is with you: the birds, the livestock, and every animal of the earth with you, of all that go out of the ship, even every animal of the earth. 9:11 I will establish my covenant with you: all flesh will not be cut off any more by the waters of the flood, neither will there ever again be a flood to destroy the earth.” 9:12 God said, “This is the token of the covenant which I make between me and you and every living creature that is with you, for perpetual generations: 9:13 I set my rainbow in the cloud, and it will be for a sign of a covenant between me and the earth. 9:14 It will happen, when I bring a cloud over the earth, that the rainbow will be seen in the cloud, 9:15 and I will remember my covenant, which is between me and you and every living creature of all flesh, and the waters will no

^j 9:6 *Orang yang menumpahkan darah manusia, maka darahnya sendiri juga akan ditumpahkan oleh manusia trjmh lain: Orang yang menumpahkan darah manusia, darahnya sendiri akan ditumpahkan oleh manusia juga / Orang yang membunuh manusia, akan dibunuh oleh manusia juga*

^j 9:6 Allah trjmhn lain: Ku

^j 9:7 beranak trjmhn lain: jadi subur

^h 9:9 keturunan hrhf: benih

^h 9:10 makhluk hrhf: jiwa

^h 9:11 makhluk hrhf: daging. “daging” di sini merujuk kpd semua makhluk, termasuk manusia.

^h 9:11 dihapuskan hrhf: dipotong. Bermakna dibunuh.

^t 9:12 Inilah tfsrn lain: Itulah / ‘Tu nah’. Menurut tfsrn ini, pelangi kelihatan pd waktu itu.

^h 9:12 buat hrhf: beri

^h 9:12 makhluk hrhf: jiwa

^t 9:13 telah menaruh ~tfsrn lain: menaruh. Para pentafsir tidak setuju samada pelangi sudah wujud sebelum itu (dan diberi makna yg baru pd waktu itu), atau baru diciptakan pd waktu itu. Di sini kami ikut pendapat bahawa ia baru diciptakan pd waktu itu.

ingat perjanjian^{ku} di antara ^{aku} dengan kamu dan semua makhluk hidup^h daripada segala jenis,^h maka air tidak akan menjadi banjir lagi sehingga menghapuskan semua makhluk.^h ^{9:16} Apabila pelangi berada di awan-awan, ^{aku} akan melihatnya dan mengingati perjanjian yang kekal di antara Allah dengan semua makhluk^h hidup daripada setiap jenis^h yang berada di atas bumi.” ^{9:17}

Kemudian Allah berkata kepada Noah, “Inilah tanda perjanjian yang ^{aku} tetapkan di antara ^{aku} dengan segala makhluk^h di atas bumi.”

Noah Mengutuk Kana`an dan Memberkati Dua Orang Anaknya

^{9:18} Anak-anak Noah yang keluar dari bahtera adalah Shem, Ham dan Yafet. Ham adalah bapa Kana`an.^{t e} ^{9:19} Tiga orang ini adalah anak-anak Noah dan daripada merekalah orang disebarluaskan ke seluruh bumi.

^{9:20} Noah, seorang pengusaha tanah,^t orang pertama yang menanam kebun anggur.^t ^{9:21} Dia meminum wainnya dan menjadi mabuk,^p lalu tertidur telanjang^h di dalam khemahnya. ^{9:22} Kemudian anaknya Ham, bapa kepada Kana`an^t melihat ketelanjangan bapanya dan memberitahu kedua-dua saudaranya yang berada di

sehingga menghapuskan semua makhluk. ^{9:16} Apabila pelangi berada di awan-awan, ^{aku} akan melihatnya dan mengingati perjanjian yang kekal di antara ^{aku} dengan semua makhluk hidup daripada setiap jenis yang berada di atas bumi.” ^{9:17} Kemudian Allah menyelesaikan kata-katanya kepada Noah dengan berkata, “Sememangnya pelangilah tanda perjanjian kekal yang telah ^{aku} buat dengan segala makhluk yang berada di bumi.”

Noah Mengutuk Kana`an dan Memberkati Dua Orang Anaknya

^{9:18} Anak Noah yang keluar dari bahtera adalah Shem, Ham dan Yafet. Ham adalah bapa Kana`an. ^{9:19} Mereka bertiga adalah anak-anak Noah, dan bermula dari merekalah orang disebarluaskan ke seluruh bumi.

^{9:20} Noah adalah seorang petani. Dia ialah orang pertama yang menanam kebun anggur. ^{9:21} Pada suatu hari dia meminum wain yang dibuat daripada buah anggur dari kebunnya. Dia menjadi mabuk lalu tertidur telanjang di dalam khemahnya. ^{9:22} Kemudian anaknya Ham, bapa Kana`an masuk ke khemahnya serta terlihat ketelanjangan bapanya, dan keluar

more become a flood to destroy all flesh. ^{9:16} The rainbow will be in the cloud. I will look at it, that I may remember the everlasting covenant between God and every living creature of all flesh that is on the earth.” ^{9:17} God said to Noah, “This is the token of the covenant which I have established between me and all flesh that is on the earth.”

Noah curses Canaan and blesses two of his sons

^{9:18} The sons of Noah who went out from the ship were Shem, Ham, and Japheth. Ham is the father of Canaan. ^{9:19} These three were the sons of Noah, and from these, the whole earth was populated.

^{9:20} Noah began to be a farmer, and planted a vineyard. ^{9:21} He drank of the wine and got drunk. He was uncovered within his tent. ^{9:22} Ham, the father of Canaan, saw the nakedness of his father, and told his two brothers outside. ^{9:23} Shem and Japheth took a garment, and laid it on both

^h ^{9:15} makhluk hidup hrhf: jiwa yang hidup

^h ^{9:15} jenis hrhf: daging

^h ^{9:15} makhluk hrhf: daging

^h ^{9:16} makhluk hrhf: jiwa

^h ^{9:16} jenis hrhf: daging. Ini tafsiran yg diikuti oleh NET & NIV.

^h ^{9:17} makhluk hrhf: daging. Di sini manusia termasuk dlm istilah ini.

^t ^{9:18} bapa Kana`an tfsrn lain: bapa kepada bangsa Kana`an

^e ^{9:18} Kana`an ejaan Ibrani: Kena`an (dgn e pepet)

^t ^{9:20} Noah adalah pengusaha tanah / petani. tfsrn lain: Noah adalah pendaulat tanah. Kalau tfsrn ini tepat, ia mungkin merujuk kpd ucapan Lamekh, bapa Noah dlm ayat 5:29, dan bermakna kutuk atas tanah dilegakan.

^t ^{9:20} orang pertama yang menanam kebun anggur. tfsrn lain: petani pertama.

^p ^{9:21} Mungkin sebelum ini Noah belum tahu tentang minuman keras dan kesannya yang membuat orang mabuk.

^h ^{9:21} telanjang hrhf: tidak bertutup

^t ^{9:22} bapa Kana`an tfsrn lain: bapa kepada bangsa Kana`an

<p>luar. ^{9:23} Shem dan Yafet mengambil sehelai kain pakaian, ^t memegang ^h sudutnya atas bahu mereka berdua lalu berjalan undur memasuki khemah dan menutupi ketelanjangan bapanya. Muka mereka menghadap ke belakang supaya mereka tidak melihat ketelanjangan bapa mereka.</p> <p>^{9:24} Apabila Noah bangun dari kemabukannya, ^h ia mendapat tahu apa yang dilakukan kepadanya oleh anak bongsunya. ^h ^{9:25} Dia berkata, “Terkutuklah Kana`an; ia akan menjadi abdi terendah ^h kepada saudaranya.” ^p ^{9:26} Dan dia berkata, “Terpujilah ^h Yahweh, Allah Syem; semoga Kana`an menjadi hambanya. ^t ^{9:27} Semoga Allah membesarkan Yafet, dan dia berdiam di antara ^t khemah Syem. ^t Semoga Kana`an menjadi hambanya. ^p</p> <p>^{9:28} Noah hidup selama 350 tahun selepas banjir. ^{9:29} Dan semua hari Noah hidup adalah 950 tahun, lalu dia meninggal.</p> <p><i>Orang Mendiami Seluruh Dunia (10:1-11:26)</i></p> <p>Riwayat Keturunan Noah</p> <p>^{10:1} Ini adalah riwayat keturunan anak-anak Noah; Sem, Ham dan Yafet. Anak-anak dilahirkan bagi</p>	<p>memberitahu kedua orang saudaranya yang berada di luar. ^{9:23} Shem dan Yafet mengambil sehelai kain pakaian, memegang sudutnya atas bahu mereka berdua lalu berundur memasuki khemah untuk menutupi badan bapa mereka. Mereka tidak menoleh ke belakang supaya tidak terlihat ketelanjangan bapanya.</p> <p>^{9:24} Apabila Noah bangun dan tidak mabuk lagi, ia mendapat tahu hal yang dilakukan kepadanya oleh anak bongsunya. ^{9:25} Dia berkata, “Terkutuklah Kana`an; ia akan menjadi abdi terendah kepada saudaranya.” ^{9:26} Dan dia berkata lagi, “Terpujilah Yahweh, Allah kepada Syem; semoga keturunan Kana`an menjadi hamba keturunan Syem. ^{9:27} Semoga Allah membesarkan keturunan dan kawasan Yafet dan hidup berdamai dengan Syem. Semoga keturunan Kana`an menjadi hamba keturunan Jafet.</p> <p>^{9:28} Noah hidup selama 350 tahun lagi selepas banjir. ^{9:29} Jadi seluruh hayat Noah menjangkau 950 tahun sehingga dia meninggal.</p> <p><i>Orang Mendiami Seluruh Dunia (10:1- 11:26)</i></p> <p>Riwayat Keturunan Noah</p> <p>^{10:1} Berikut adalah riwayat keturunan anak Noah; Sem, Ham dan Yafet. Mereka bertiga mendapat anak</p>	<p>their shoulders, went in backwards, and covered the nakedness of their father. Their faces were backwards, and they didn’t see their father’s nakedness.</p> <p>^{9:24} Noah awoke from his wine, and knew what his youngest son had done to him. ^{9:25} He said, “Canaan is cursed. He will be servant of servants to his brothers.”</p> <p>^{9:26} He said, “Blessed be Yahweh, the God of Shem. Let Canaan be his servant. ^{9:27} May God enlarge Japheth. Let him dwell in the tents of Shem. Let Canaan be his servant.”</p> <p>^{9:28} Noah lived three hundred fifty years after the flood. ^{9:29} All the days of Noah were nine hundred fifty years, then he died.</p> <p><i>People inhabit the whole earth (10:1-11:9)</i></p> <p>Noah Descendants</p> <p>^{10:1} Now this is the history of the generations of the sons of Noah and of Shem, Ham, and</p>
--	--	---

^t ^{9:23} *kain pakaian trjmhn lain: selimut.* Ini kain berbentuk empat segi, tetapi digunakan sebagai pakaian.

^h ^{9:23} *memegang hrffh: taruh*

^h ^{9:24} *dari kemabukannya hrffh: dari air anggurnya*

^h ^{9:24} *bongsu hrffh: kecil*

^h ^{9:25} *abdi terendah hrffh: abdi daripada abdi*

^p ^{9:25} *saudaranya* di sini rupanya merujuk kpd keturunan Yafet dan Syem, dan bukannya saudara betul.

^h ^{9:26} *Terpujilah hrffh: Diberkatilah*

^t ^{9:26} *semoga Kana`an menjadi hambanya tfsrn lain: Kana`an akan menjadi hambanya.* Dgn tfsrn kedua ini, kata-kata Noah adalah nubuat, dan bukan harapan. Itu fahaman tradisi orang Yahudi. Kutuk ini merujuk kpd keturunan Syem dan Kana`an, dan bukan mereka sendiri.

^t ^{9:27} *di antara tfsrn lain: dalam*

^t ^{9:27} *dia berdiam di antara khemah Syem. tfsrn 1: hidup berdamai dengan Syem tfsrn 2: menguasai kawasan Syem*

^p ^{9:27} Disebabkan keberatan hukuman ini, ada pentafsir yg berfikir bahawa ada tindakan lain Ham yg lebih jahat selain drpd yg telah disebut. Namun, kami tidak beranggapan begitu; cuma mungkin sikap Ham yg bercakap ttg ketelanjangan bapanya telah menjadi satu penghinaan ke atas bapanya. Sepatutnya, Ham cuma perlu menutupi bapanya dan tdk memperkatakan mengenai ketelanjangan bapanya kpd abangnya.

<p>mereka selepas banjir itu.</p> <p>10:2 Anak-anak Yafet ialah Gomer, Magog, Maday, Yawan, Tubal, Mesyekh, dan Tiras. 10:3 Anak-anak Gomer ialah Asykenaz, Rifat, dan Togarmah. 10:4 Keturunan^h Yawan ialah Elisyah, Tarsyisy,^p orang Kit^p dan orang Dodan. 10:5 Keturunan^h mereka^t terpisah-pisah menjadi negara-negara di pesisir laut dan pulau-pulau dengan tanah, bahasa, suku-kaum dan bangsa mereka masing-masing.</p> <p>10:6 Keturunan Ham ialah Kusy,^p Meşir,^e Puţ^p dan Kana`an. 10:7 Anak-anak Kusy ialah Seba, Hawilah, Sabtah, Ra`mah, Sabtekha. Anak-anak Raemah ialah Syeba dan Dedan. 10:8 Kusy memperanakan Nimrod. ⁿ Dia mula menjadi seorang yang gagah perkasa di bumi. 10:9 Dia seorang pemburu^p yang perkasa^t di hadapan Yahweh. ^t Itu sebabnya dikatakan, “pemburu perkasa di hadapan Yahweh seperti Nimrod”. 10:10 Permulaan pemerintahannya</p>	<p>selepas banjir sedunia itu.</p> <p>10:2 Anak Yafet ialah Gomer, Magog, Maday, Yawan, Tubal, Mesyekh, dan Tiras. 10:3 Anak Gomer ialah Asykenaz, Rifat, dan Togarmah. 10:4 Keturunan Yawan ialah Elisyah, Tarsyisy, orang Kit dan orang Dodan. 10:5 Keturunan Yawan terpisah-pisah menjadi penduduk beberapa buah negara di pesisir laut dan pulau-pulau dengan kawasan, bahasa, suku-kaum dan bangsa mereka masing-masing.</p> <p>10:6 Keturunan Ham ialah Kusy, Meşir, Puţ dan Kana`an. 10:7 Keturunan Kusy ialah Seba, Hawilah, Sabtah, Ra`mah, Sabtekha. Keturunan Raemah ialah Syeba dan Dedan. 10:8 Nah, Kusy menjadi bapa kepada Nimrod. Nimrod ialah orang pertama di bumi yang menjadi pahlawan. 10:9 Dia merupakan seorang pahlawan perkasa yang hebat betul. Itu sebabnya wujud pepatah yang mengatakan, “pemburu perkasa di pandangan Yahweh seperti Nimrod”. 10:10 Permulaan pemerintahan Nimrod meliputi kota</p>	<p>Japheth. Sons were born to them after the flood.</p> <p>10:2 The sons of Japheth: Gomer, Magog, Madai, Javan, Tubal, Meshech, and Tiras. 10:3 The sons of Gomer: Ashkenaz, Riphath, and Togarmah. 10:4 The sons of Javan: Elishah, Tarshish, Kittim, and Dodanim. 10:5 Of these were the islands of the nations divided in their lands, everyone after his language, after their families, in their nations.</p> <p>10:6 The sons of Ham: Cush, Mizraim, Put, and Canaan. 10:7 The sons of Cush: Seba, Havilah, Sabtah, Raamah, and Sabteca. The sons of Raamah: Sheba and Dedan. 10:8 Cush became the father of Nimrod. He began to be a mighty one in the earth. 10:9 He was a mighty hunter before Yahweh. Therefore it is said, “Like Nimrod, a mighty hunter before Yahweh.” 10:10 The beginning of his kingdom was Babel,</p>
--	---	---

^h **10:4** Keturunan hrffh: Anak-anak. Sama dlm ayat 6, 21 dan 31.

^p **10:4** Tarsyisy mungkin bermakna Spanyol.

^p **10:4** Orang Kit mungkin sama dgn orang Siprus. Nama Kit dan Dodan ada akhiran -im, tanda jamak dlm b. Ibrani, bermakna ini bukannya nama seorang anak saja, tetapi nama suku atau bangsa, yg diterjemah sbg orang. Ada terjemahan lain yg mengejanya Kitim dan Dodanim.

^e **10:4** Dodan: Ada juga manuskrip yg mengeja nama tempat ini Rodan (atau Rodanim), yg mungkin merujuk kpd pulau Rodes.

^h **10:5** Keturunan hrffh: Dari

^t **10:5** Keturunan mereka tfsrn 1: Keturunan Yawan tfsrn 2: Keturunan Yafet. Yg diketahui sbg penduduk pulau dan pesisir laut adalah keturunan Yawan sahaja, bukan keturunan Yafet yg lain, dan itu sebabnya Yawan dipilih di sini.

^p **10:6** Tanah Kusy lebih-kurang sama dgn kawasan negara moden Ethiopia dan Sudan.

^e **10:6** Meşir Ejaan Ibrani: Misraim, atau: Misr. (-aim) adalah imbuhan tanda dual dlm Ibrani.) Nama dgn tanda dual itu dipercayai merujuk kpd dua bahagian Meşir, iaitu Meşir Hulu dan Meşir Hilir. Sama dlm ayat 13.

^p **10:6** Tanah Puţ lebih-kurang sama dgn negara moden Libya.

ⁿ **10:8** Dlm b. Ibrani nama Nimrod boleh ditafsir sebagai pemberontak. Ada pentafsir yg percaya Nimrod ini bukan namanya yg sebenar, tetapi gelar yg diberikan kepadanya dlm b. Ibrani utk menunjukkan kelakuannya. Nimrod mungkin sama dgn Raja Enmerkar, pengasas kota Urud yg disenarai dlm daftar raja Sumer. Nama lain yg dianggap merujuk kpdnya ialah Asyur (ayat 11), Osirus, Marduk, Ninus, Apollo, dsb. Ajaran tradisi orang Yahudi menganggap Nimrod sebagai orang jahat, punca penyembahan palsu, dan pengasas menara Babel.

^p **10:9** Perkataan pemburu dlm b. Ibrani boleh juga digunakan ttg memburu orang, dan bukan saja binatang.

^t **10:9** Dia pemburu yang perkasa. tfsrn 1: Dia pahlawan perkasa tfsrn 2: Dia pemburu perkasa Hrfh: Dia pemburu yang perkasa. Perkataan pemburu boleh merangkumi memburu orang (1 Sam 24:12, Yer 16:16, Lam 3:15). Dlm konteks ini ia lebih merujuk kpd kerja pahlawan drpd pemburu binatang.

^t **10:9** di hadapan Yahweh. tfsrn 1: yang hebat betul tfsrn 2: dalam pandangan Yahweh Hrfh: di depan muka Yahweh. Misalnya, seperti sesebuah pasukan dikatakan bertaraf dunia, Nimrod boleh dikatakan bertaraf Yahweh. Bermakna Yahweh menganggap dia hebat.

<p>meliputi Babel, Erekh, Akad dan Kalneh^t di tanah Syin`ar.^{p 10:11} Dari tanah itu dia pergi ke Asyur dan membina kota Nineweh,^t Rehobot-`Ir, Kalah,^{10:12} dan Resen, yang terletak di antara Nineweh dengan Kalah; ia merupakan sebuah bandar besar.^{t 10:13} Meşir menjadi bapa leluhur kepada orang Lud, orang `Anam, orang Lehab, orang Naftuh,^{10:14} orang Patrus, orang Kasluh dan orang Kaftor^t (yang daripadanya asal-usul orang Pelisyti^e).^{10:15} Kana`an memperanakan anak sulungnya, Şidon dan yang kedua Het.^{10:16} Keturunannya yang lain adalah orang Yebus, orang Emor, orang Girgasy,^{e 10:17} orang Hiw, orang `Arq, orang Sin,^{10:18} orang Arwad, orang Şemar, dan orang Hamat. Lama-kelamaan suku kaum orang Kana`an tersebar luas.^{10:19} Kawasan orang Kana`an adalah dari Şidon sejauh Gerar dan Gazah. Dari situ, sejauh Sodom,^e</p>	<p>Babel, Erekh, Akad dan Kalneh di tanah Syin`ar.^{10:11} Dari situ Nimrod pergi ke Asyur pergi membina kota Nineweh, Rehobot-`Ir, Kalah,^{10:12} dan Resen, sebuah bandar besar yang terletak di antara Nineweh dengan Kalah.^{10:13} Meşir menjadi bapa leluhur kepada orang Lud, orang `Anam, orang Lehab, orang Naftuh,^{10:14} orang Patrus, orang Kasluh dan orang Kaftor. (Orang Pelisyti ialah keturunan orang Kaftor.)^{10:15} Kana`an memperanakan anak sulungnya, Şidon dan yang kedua, Het.^{10:16} Keturunannya yang lain adalah orang Yebus, orang Emor, orang Girgasy,^{10:17} orang Hiw, orang `Arq, orang Sin,^{10:18} orang Arwad, orang Şemar, dan orang Hamat. Lama-kelamaan suku kaum orang Kana`an telah tersebar luas.^{10:19} Kawasan orang Kana`an adalah dari kawasan kota Şidon sejauh selatan kawasan kota Gerar dan Gazah. Dari situ, sejauh timur kawasan kota Sodom, Gomorah, Admah, Şeboyim dan Lasya`.^{10:20}</p>	<p>Erech, Accad, and Calneh, in the land of Shinar.^{10:11} Out of that land he went into Assyria, and built Nineveh, Rehoboth Ir, Calah,^{10:12} and Resen between Nineveh and Calah (the same is the great city).^{10:13} Mizraim became the father of Ludim, Anamim, Lehabim, Naphtuhim,^{10:14} Pathrusim, Casluhim (which the Philistines descended from), and Caphtorim.^{10:15} Canaan became the father of Sidon (his firstborn), Heth,^{10:16} the Jebusite, the Amorite, the Girgashite,^{10:17} the Hivite, the Arkite, the Sinite,^{10:18} the Arvadite, the Zemarite, and the Hamathite. Afterward the families of the Canaanites were spread abroad.^{10:19} The border of the Canaanites was from Sidon, as you go toward Gerar, to Gaza; as you go toward Sodom, Gomorrah, Admah, and</p>
--	--	---

- ^{t 10:10} **Tfsrn lain:** '... Babel, Erekh, Akad; kesemuanya di tanah Syin`ar.' Menurut tfsrn ini, kalneh bukan sebuah tempat, tetapi perkataan yg bermakna kesemuanya.
- ^{p 10:10} **Syin`ar** lebih-kurang sama dgn *Babilonia*. Namanya mungkin sama dgn apa yg dipanggil *Sumer* sekarang. Dia dipanggil *Pemulaan pemerintahannya* sebab selepas itu dia mengembangkan kawasan pemerintahannya ke seluruh Asyur.
- ^{t 10:11} **Dari tanah itu dia pergi ke Asyur dan membina Nineweh ... ~Tfsrn 2:** *Dari tanah itu Nimrod (yang juga dikenal sebagai Asyur) pergi membina kota Nineweh ...* Kebanyakan terjemahan moden mengikut Tfsrn 1. Tfsrn 2 lebih bersahaja dlm nahu b. Ibrani, dan ia diikuti oleh Septuaginta (LXX). Kalau tfsrn 2 ini betul, *Asyur* adalah nama kedua utk *Nimrod* (dan bukannya nama tempat dlm ayat ini). *Asyur* yg disebut dlm 10:22 ialah orang lain yg senama. Kota Nineweh itu di negara bernama *Asyur*, yg mungkin mengambil namanya drpd nama *Asyur/Nimrod* itu. Dewa yg disembah di situ pun bernama *Asyur*. Ada yg percaya *Asyur* (iaitu *Nimrod*) itu timbul dlm nubuat-nubuat PL sbg anti-Kristus. Di Meşir Nimrod juga dianggap sama dgn *Osiris* (ejaan lain utk *Asyur*?) yg kononnya dikuburkan di piramid Giza. Buruj Belantik pun dikaitkan dgn *Osiris*. Utk orang Romawi, ia mungkin sama dgn dewa *Apollo*.
- ^{t 10:12} **Tfsrn 1:** ia bandar besar merujuk kpd *Resen*. ~**Tfsrn 2:** ia bandar besar merujuk kpd *Ninewe* (spt *Yonah 3:3*).
- ^{t 10:14} **Tfsrn:** Dlm teks Ibrani frasa ini datang selepas nama Kasluh, tetapi berdasarkan maklumat dlm *Yer 47:4* dan *Amos 9:7*, dianggap ia harus merujuk kpd Kaftor dan bukan Kasluh.
- ^{e 10:14} **Pelisyti ejaan b. Ibrani:** *Pelisyti / Pelisyti / Pelisytim*. Terjemahan lain mengejanya *Filistin*, mungkin sbg tiruan ejaan b. Ingeris. Di sini kami ikut ejaan *Pelisyti* (dengan imbuhan *-i*) sebab ia lebih senang disebut drpd *Pelisyti*. Bangsa ini tiada kaitan dgn orang berbangsa Arab yg dipanggil 'orang *Palestin*' sekarang; cuma sebahagian tempat tinggalnya sama, iaitu di Semenanjung Gaza, dan kedua-duanya boleh dipanggil *musuh ketat* Israel. Dlm Alkitab, kawasan semenanjung Gaza dipanggil *Pelesyet*, misalnya di *Yes 14:29*. Pd tahun 135 Masih Maharaja Hadrian dr kerajaan Roma memberi nama *Palestin* kpd seluruh tanah Israel sbg penghinaan terhadap orang Yahudi, dan nama penghinaan itu tetap dipakai sampai sekarang, terutamanya oleh orang yg hendak menghina Israel. Dlm Alkitab seluruh kawasan itu ada dua nama saja: *Kana`an* dan *Israel*. (Waktu negara Israel dibahagi dua bahagian, utara dipanggil *Israel* manakala bahagian selatan dipanggil *Yehudah*.)
- ^{e 10:16} **Yebus, Emor, Girgasy ejaan Ibrani:** *Yebusi, Emori, Girgasyi*. Imbuhan *-i* itu adalah imbuhan b. Ibrani utk orang. Sama utk nama-nama lain dlm ayat 17-18.
- ^{e 10:19} **Sodom ejaan Ibrani:** *Şedom*, (dgn *e pepet*). Kami ikut ejaan tradisi kerana kalau ia dieja dgn *e*, sudah tentu *e* itu akan difahami sbg *e taling* dan bukan *e pepet*.

<p>Gomorah, Admah, Şeboyim dan Lasya` .^{p 10:20} Demikianlah anak-anak Ham, menurut suku-kaumnya, bahasanya, tanahnya, dan negaranya.</p> <p>^{10:21} Bagi Syem dilahirkan anak juga. Syem adalah adik Yafet^t dan bapa leluhur semua keturunan `Eber.^{p 10:22} Anak-anak Syem adalah `Elam, Asyur, Arpakhşyad, Lud dan Aram.^{10:23} Anak-anak Aram adalah `Uş, Hul, Geter, dan Masy.^{e 10:24} Arpakhşyad memperanakkan Syelaħ dan Syelaħ memperanakkan `Eber.^{10:25} `Eber memperanakkan dua orang anak. Nama yang satu adalah Pelegⁿ kerana pada zamannya^h bumi terbahagi.^p Nama saudaranya, Yoqţan.^{10:26} Yoqţan memperanakkan Almodad, Syelef, Haşar-Mawet, Yeraħ,^{10:27} Hadoram, Uzal, Diqlah,^{10:28} `Obal, Abimael, Syeba,^{10:29} Ofir, Hawilah, dan Yobab. Semua itu anak Yoqţan.^{10:30} Kediaman mereka adalah dari Mesya sejauh Sefar di pergunungan sebelah timur.^{t 10:31} Itulah keturunan Syem menurut suku kaumnya, bahasanya, tanahnya dan negaranya.</p> <p>^{10:32} Itulah suku kaum dan bangsa^h anak-anak Noah menurut garis keturunannya di dalam</p>	<p>Demikianlah keturunan Ham, menurut suku kaum, bahasa, kawasan dan negaranya.</p> <p>^{10:21} Bagi Syem dilahirkan anak juga. Syem adalah adik Yafet dan bapa leluhur semua keturunan `Eber.^{10:22} Anak Syem adalah `Elam, Asyur, Arpakhşyad, Lud dan Aram.^{10:23} Anak Aram adalah `Uş, Hul, Geter, dan Masy.^{10:24} Arpakhşyad menjadi bapa kepada Syelaħ dan Syelaħ menjadi bapa kepada `Eber.^{10:25} Manakala `Eber menjadi bapa kepada dua orang anak. Seorang bernama Peleg yang bermakna pemisahan, kerana pada zamannya bumi terbahagi. Nam adiknya Yoqţan.^{10:26} Yoqţan memperanakkan Almodad, Syelef, Haşar-Mawet, Yeraħ,^{10:27} Hadoram, Uzal, Diqlah,^{10:28} `Obal, Abimael, Syeba,^{10:29} Ofir, Hawilah dan Yobab. Semua itu anak Yoqţan.^{10:30} Kawasan kediaman keturunan mereka adalah dari Mesya sejauh Sefar di pergunungan sebelah timur.^{10:31} Itulah keturunan Syem menurut suku kaum, bahasa, tanah dan negaranya.</p> <p>^{10:32} Itulah suku kaum dan bangsa yang datang daripada anak-anak Noah serta disenaraikan menurut garis</p>	<p>Zeboiim, to Lasha.^{10:20} These are the sons of Ham, after their families, after their languages, in their lands, in their nations.</p> <p>^{10:21} To Shem, the father of all the children of Eber, the elder brother of Japheth, to him also were children born.^{10:22} The sons of Shem: Elam, Asshur, Arpachshad, Lud, and Aram.^{10:23} The sons of Aram: Uz, Hul, Gether, and Mash.^{10:24} Arpachshad became the father of Shelah. Shelah became the father of Eber.^{10:25} To Eber were born two sons. The name of the one was Peleg, for in his days the earth was divided. His brother's name was Joktan.^{10:26} Joktan became the father of Almodad, Sheleph, Hazarmaveth, Jerah,^{10:27} Hadoram, Uzal, Diklah,^{10:28} Obal, Abimael, Sheba,^{10:29} Ophir, Havilah, and Jobab. All these were the sons of Joktan.^{10:30} Their dwelling was from Mesha, as you go toward Sephar, the mountain of the east.^{10:31} These are the sons of Shem, after their families, after their languages, in their lands, after their nations.</p> <p>^{10:32} These are the families of the sons of Noah, after their generations, in their nations. Of</p>
---	--	--

^{p 10:19} Bandar-bandar ini dekat Laut Mati.

^{t 10:21} **Syem adalah** adik Yafet ~**tfsrn 2: Syem adalah** abang Yafet. * **hrfh:** saudara Yafet yang besar Hanya kalau Syem adik Yafet yg satu atau dua tahun lebih muda, nombor dlm 11:10 tepat, iaitu kalau dia dilahirkan sewaktu Noah berumur 501 atau 502 tahun. (Rujuk juga kpd 5:32.)

^{p 10:21} Dari nama **İbrani**, nama bangsa orang Israel. Istilah **Yahudi** ditambah kemudian dr nama satu suku-kaum Israel, iaitu **Yehudah**.

^{e 10:23} Dlm 1 **Taw 1:17** nama **Masy** dieja sebagai **Mesyekh**.

^{n 10:25} Nama **Peleg** bermakna **perpisahan** atau **pemisahan**.

^{h 10:25} **zamannya hrfh:** hari-harinya

^{p 10:25} Jenis pemisahan ini tdk diketahui; ia mungkin merujuk kpd perpisahan orang yg disebabkan bahasa, bangsa, atau negara. Ada juga teori bahawa waktu itu benua-benua di bumi terpisah. Ada juga teori bahawa waktu itu selat Bering ditenggelami air sehingga benua Amerika terpisah dr Eropah. (Ada waktunya orang dapat berjalan kaki dr Eropah ke benua Amerika.)

^{t 10:30} **dari Mesya sejauh Sefar di pergunungan di sebelah timur. ~tfsrn 2: dari Mesya sejauh pergunungan Sefar di sebelah timur. ~tfsrn 3: di pergunungan di sebelah timur dari Mesya sejauh Sefar. ~tfsrn 4: dari Mesya ke arah Sefar sampai pergunungan di sebelah timur.** Tidaklah diketahui di mana kedudukan dua tempat ini.

^{h 10:32} **suku-kaum dan bangsa hrfh:** keluaran / suku-kaum

<p>negaranya. Dan daripada mereka terpisahkan negara-negara di bumi selepas kejadian banjir itu.</p> <p>Kota Babel dan Menaranya</p> <p>^{11:1} Mula-mula, ^h seluruh dunia hanya ada satu bahasa dan kata-kata yang sama. ^p ^{11:2} Sewaktu mereka ^t mengembara di sebelah timur, ^t mereka menemui sebuah dataran di tanah Syin`ar ^p dan menetap di situ. ^{11:3} Mereka berkata kepada satu sama yang lain, “Mari kita buat bata dan betul-betul membakarnya.” ^p</p> <p>Bahan binaan mereka ^h hanya bata dan tar, bukan batu dan simen. ^p</p> <p>^{11:4} Lalu mereka berkata, “Mari kita bina untuk diri kita sendiri sebuah kota dan sebuah menara dengan puncaknya di langit. ^j Dengan demikian kita membuat nama untuk diri kita sendiri dan kita tidak akan terselerak ke seluruh muka bumi.”</p> <p>^{11:5} Tetapi Yahweh turun untuk melihat kota dan menara itu yang sedang dibina oleh anak manusia. ^{11:6} Yahweh berkata, “Wah! Mereka ini satu bangsa ^h dan semua ada satu bahasa, namun mereka sudah mula membuat sesuatu yang begitu hebat. Ternyata selepas ini tidak ada batas bagi apa sahaja hasrat perbuatan mereka. ^{11:7} Mari <u>kita</u> ^p turun dan mengacabilaukan</p>	<p>keturunannya dan negara masing-masing. Keturunan mereka tersebar luas di bumi menjadi banyak negara selepas kejadian banjir itu.</p> <p>Kota Babel dan Menaranya</p> <p>^{11:1} Pada mulanya, semua orang di seluruh dunia mempunyai hanya satu bahasa sahaja, dan perbendaharaan kata yang sama. ^{11:2} Sewaktu mereka mengembara di sebelah timur, mereka menemui sebuah dataran di tanah Syin`ar dan menetap di situ. ^{11:3} Mereka berkata kepada satu sama yang lain, “Mari kita buat bata dan membakarnya sehingga betul-betul keras.” Bahan binaan mereka hanya bata dan tar, bukan batu dan simen. ^{11:4} Lalu mereka berkata, “Mari kita bina untuk diri kita sendiri sebuah kota dan menara dengan puncaknya mencapai ke langit. Dengan demikian kita akan mendapat nama untuk diri kita sendiri dan kita tidak akan terselerak ke seluruh muka bumi.”</p> <p>^{11:5} Tetapi Yahweh turun dari syurga untuk melihat kota dan menara tersebut yang sedang dibina oleh manusia fana. ^{11:6} <u>Dia</u> berkata <u>kepada dirinya sendiri</u>, “Wah! Permulaan pembinaan mereka sudah begitu hebat, ternyata tiada yang mustahil bagi mereka kelak jikalau mereka berhasrat untuk melakukan sesuatu, kerana mereka ini sebangsa dan sebahasa. ^{11:7} Mari <u>kita</u> turun ke situ dan mengacabilaukan bahasa mereka</p>	<p>these were the nations divided in the earth after the flood.</p> <p>The Tower and City of Babel</p> <p>^{11:1} The whole earth was of one language and of one speech. ^{11:2} As they traveled east, they found a plain in the land of Shinar, and they lived there. ^{11:3} They said one to another, “Come, let’s make bricks, and burn them thoroughly.” They had brick for stone, and they used tar for mortar. ^{11:4} They said, “Come, let’s build ourselves a city, and a tower whose top reaches to the sky, and let’s make ourselves a name, lest we be scattered abroad on the surface of the whole earth.”</p> <p>^{11:5} Yahweh came down to see the city and the tower, which the children of men built. ^{11:6} Yahweh said, “Behold, they are one people, and they have all one language, and this is what they begin to do. Now nothing will be withheld from them, which they intend to do. ^{11:7} Come, let’s go down, and there confuse their language, that they may not understand</p>
---	--	---

^h 11:1 *Mula-mula hrhf: Dan adalah*

^p 11:1 Peristiwa fasal ini terjadi selepas banjir sedunia, tetapi sebelum selesainya semua yg terjadi dlm fasal 10. Pengarang tidak menetapkan betul masanya.

^t 11:2 *mereka tfsrn 1: mereka merujuk kpd seluruh umat manusia ~tfsrn 2: mereka merujuk kpd sebahagian manusia saja*

^t 11:2 *di sebelah timur ~tfsrn 2: dari timur * ~tfsrn 3: ke timur. Di sini timur bermakna timur dr Israel.*

^p 11:2 *Syin`ar lebih kurang sama dgn Babilonia.*

^p 11:3 *membakarnya. Bata boleh dijemur di bawah terik matahari atau dibakar dlm tanur. Bata yg dibakar dlm tanur tahan lebih lama.*

^h 11:3 *Bahan binaan mereka hanya bata dan tar hrhf: Mereka ada bata dan tar*

^p 11:3 *Orang Israel menganggap batu dan simen sbg bahan binaan biasa. Rupanya bata dan tar dianggap sbg bahan yg kurang bermutu.*

^j 11:4 *langit trjmh lain: syurga. B. Ibrani (dan b. Yunani) tdk membezakan langit dari syurga; hanya ada satu istilah saja. Ramai pentafsir percaya tujuan membina menara ini berhubungan dgn allah-allah, iaitu dewa-dewi (yg kita fahami adalah roh-roh jahat yg besar).*

^h 11:6 *bangsa hrhf: orang*

^p 11:7 *Kegunaan kita di sini mungkin cara Tuhan bertutur dgn diri sendiri. Ada juga yg berfikir ini merupakan pembayang Allah Tri-Tunggal.*

bahasa mereka sehingga seorangpun tidak dapat memahami bahasa kawannya. ^{11:8} Jadi, Yahweh menyelerakkan mereka dari situ ke seluruh muka bumi dan mereka berhenti membina bandar itu. ^{11:9} Maka nama **kota itu** dipanggil Babelⁿ kerana di situ Yahweh telah mencampuradukkan bahasa seluruh dunia dan dari situ Yahweh telah menyelerakkan **orang** ke seluruh muka bumi.

Keturunan Syem Sehingga Abraham

^{11:10} Inilah riwayat keturunan Syem. Syem berumur 100 tahun dan memperanakkan Arpakhshad, dua tahun selepas banjir itu. ^{11:11} Syem hidup **selama** 500 tahun selepas dia memperanakkan Arpakhshad dan memperanakkan anak-anak **lain juga**, lelaki dan perempuan. ^{11:12} Arpakhshad hidup **selama** 35 tahun dan memperanakkan Syelah. ^{11:13} Arpakhshad hidup **selama** 403 tahun selepas ia memperanakkan Syelah dan memperanakkan anak-anak **lain juga**, lelaki dan perempuan. ^{11:14} Syelah hidup **selama** 30 tahun dan memperanakkan `Eber. ^{11:15} Syelah hidup **selama** 403 tahun selepas dia memperanakkan `Eber dan memperanakkan anak-anak **lain juga**, lelaki dan perempuan. ^{11:16} `Eber hidup **selama** 34 tahun dan memperanakkan Peleg. ^{11:17} `Eber hidup **selama** 430 tahun dan memperanakkan Peleg dan memperanakkan anak-anak **lain juga**, lelaki dan perempuan. ^{11:18} Peleg hidup **selama** 30 tahun dan memperanakkan Re`u. ^{11:19} Peleg hidup **selama** 209 tahun selepas dia memperanakkan Re`u dan memperanakkan anak-anak **lain juga**, lelaki dan perempuan. ^{11:20} Re`u hidup **selama** 32 tahun dan

sehingga mereka tidak dapat memahami bahasa satu sama yang lain. ^{11:8} Jadi, **dengan berbuat demikian**, Yahweh menyelerakkan mereka dari situ ke seluruh muka bumi dan mereka berhenti membina bandar **dan menara** itu. ^{11:9} Maka nama **kota itu** dipanggil Babel kerana di situ Yahweh telah mencampuradukkan bahasa **orang** sedunia dan dari situ Yahweh telah menyelerakkan **orang** ke seluruh muka bumi.

Keturunan Syem Sehingga Abraham

^{11:10} Berikut adalah riwayat keturunan Syem. Pada umur 100 tahun Syem menjadi bapa Arpakhshad, dua tahun selepas banjir itu. ^{11:11} Syem hidup 500 tahun selepas dia menjadi bapa Arpakhshad, dan **dalam jangka masa itu, dia juga** menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan **lain**. ^{11:12} Arpakhshad menjadi bapa Syelah sewaktu berumur 35 tahun. ^{11:13} Dia hidup selama 403 tahun **lagi** selepas Syelah dilahirkan dan **dalam jangka masa itu, dia juga** menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan **lain**. ^{11:14} Syelah menjadi bapa `Eber sewaktu dia berumur 30 tahun. ^{11:15} Dia hidup 403 tahun selepas `Eber dilahirkan, dan **dalam jangka masa itu, dia juga** menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan **lain**. ^{11:16} `Eber menjadi bapa Peleg selepas ia hidup 34 tahun. ^{11:17} Dia hidup 430 tahun selepas Peleg dilahirkan, dan **dalam jangka masa itu, dia juga** menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan **lain**. ^{11:18} Peleg menjadi bapa Re`u sewaktu berumur 30 tahun. ^{11:19} Dia hidup selama 209 tahun selepas Re`u dilahirkan dan **dalam jangka masa itu, dia juga** menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan **lain**. ^{11:20} Re`u menjadi bapa `Serug sewaktu berumur 32 tahun. ^{11:21} Dia hidup selama 207 tahun selepas `Serug dilahirkan, dan

one another's speech." ^{11:8} So Yahweh scattered them abroad from there on the surface of all the earth. They stopped building the city. ^{11:9} Therefore its name was called Babel, because there Yahweh confused the language of all the earth. From there, Yahweh scattered them abroad on the surface of all the earth.

Shem and His Descendants until Abram

^{11:10} This is the history of the generations of Shem. Shem was one hundred years old and became the father of Arpachshad two years after the flood. ^{11:11} Shem lived five hundred years after he became the father of Arpachshad, and became the father of sons and daughters. ^{11:12} Arpachshad lived thirty-five years and became the father of Shelah. ^{11:13} Arpachshad lived four hundred three years after he became the father of Shelah, and became the father of sons and daughters. ^{11:14} Shelah lived thirty years, and became the father of Eber: ^{11:15} and Shelah lived four hundred three years after he became the father of Eber, and became the father of sons and daughters. ^{11:16} Eber lived thirty-four years, and became the father of Peleg. ^{11:17} Eber lived four hundred thirty years after he became the father of Peleg, and became the father of sons and daughters. ^{11:18} Peleg lived thirty years, and became the father of Reu. ^{11:19} Peleg lived two hundred nine years after he became the

^{n 11:9} Bunyi nama *Babel* hampir sama dgn perkataan b. Ibrani yg bermakna *mengelirukan* atau *mencampur-adukkan*. Dlm bahasa aslinya ia bermakna *pintu kepada Allah / pintu kepada allah / pintu kepada dewa-dewa*.

memperanakkan Serug. ^{11:21} Re`u hidup selama 207 tahun selepas dia memperanakkan Serug dan memperanakkan anak-anak lain juga, lelaki dan perempuan. ^{11:22} Serug hidup selama 30 tahun dan memperanakkan Nahor. ^{11:23} Serug hidup selama 200 tahun selepas dia memperanakkan Nahor dan memperanakkan anak-anak lain juga, lelaki dan perempuan. ^{11:24} Nahor hidup selama 29 tahun dan memperanakkan Terah. ^{11:25} Nahor hidup selama 119 tahun selepas dia memperanakkan Terah dan memperanakkan anak-anak lain juga, lelaki dan perempuan. ^{11:26} Terah hidup selama 70 tahun dan memperanakkan Abram, Nahor dan Haran.

Perjanjian Allah dengan Abraham dan Keturunannya (11:27 – 22:24)

Riwayat Terah dan Keturunan

^{11:27} Inilah riwayat Terah dan keturunannya. Terah memperanakkan Abram, Nahor dan Haran. Haran pula memperanakkan Lot. ^{11:28} Haran meninggal di tanah keluarganya di Ur, tempat orang Kasdim, ^p semasa bapanya Terah masih hidup. ^{t 11:29} Abram dan Nahor mengambil seorang isteri untuk diri mereka sendiri. Nama isteri Abram adalah Saray dan nama isteri Nahor, Milkah binti Haran. ^p Haran adalah bapa Milkah dan Yiskah. ^{11:30} Saray adalah seorang yang mandul. Dia tiada anak.

^{11:31} Pada suatu ketika, Terah membawa anaknya Abram dan

dalam jangka masa itu, dia juga menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan lain. ^{11:22} Serug menjadi bapa Nahor sewaktu berumur 30 tahun. ^{11:23} Dia hidup selama 200 tahun selepas Nahor dilahirkan, dan dalam jangka masa itu, dia juga menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan lain. ^{11:24} Nahor menjadi bapa Terah sewaktu berumur 29 tahun. ^{11:25} Dia hidup selama 119 tahun selepas Nahor dilahirkan, dan dalam jangka masa itu, dia juga menjadi bapa kepada anak lelaki dan perempuan lain. ^{11:26} Sewaktu berumur 70 tahun, Terah menjadi bapa kepada anak pertamanya daripada tiga orang anak lelaki: Abram, Nahor dan Haran.

Perjanjian Allah dengan Abraham dan Keturunannya (11:27 – 22:24)

Riwayat Terah dan Keturunan

^{11:27} Berikut adalah riwayat Terah dan keturunannya. Terah menjadi bapa kepada Abram, Nahor dan Haran. Haran pula menjadi bapa kepada Lot. ^{11:28} Haran meninggal di tanah sanak saudaranya di Ur, tempat orang Kasdim, semasa bapanya Terah masih hidup. ^{11:29} Abram dan Nahor masing-masing mengambil seorang isteri; nama isteri Abram ialah Saray dan nama isteri Nahor ialah Milkah binti Haran. Selain Milkah, Haran juga adalah bapa kepada Yiskah, seorang lagi anak perempuannya. ^{11:30} Saray adalah seorang yang mandul. Dia tidak mempunyai anak.

^{11:31} Pada suatu ketika, Terah membawa anaknya Abram dengan

father of Reu, and became the father of sons and daughters. ^{11:20} Reu lived thirty-two years, and became the father of Serug. ^{11:21} Reu lived two hundred seven years after he became the father of Serug, and became the father of sons and daughters. ^{11:22} Serug lived thirty years, and became the father of Nahor. ^{11:23} Serug lived two hundred years after he became the father of Nahor, and became the father of sons and daughters. ^{11:24} Nahor lived twenty-nine years, and became the father of Terah. ^{11:25} Nahor lived one hundred nineteen years after he became the father of Terah, and became the father of sons and daughters. ^{11:26} Terah lived seventy years, and became the father of Abram, Nahor, and Haran.

God's Covenant with Abraham and His Descendants (11:27 – 22:24)

Terah and His Descendants

^{11:27} Now this is the history of the generations of Terah. Terah became the father of Abram, Nahor, and Haran. Haran became the father of Lot. ^{11:28} Haran died before his father Terah in the land of his birth, in Ur of the Chaldees. ^{11:29} Abram and Nahor took wives. The name of Abram's wife was Sarai, and the name of Nahor's wife, Milcah, the daughter of Haran who was also the father of Iscah. 30 Sarai was barren. She had no child.

^{11:31} Terah took Abram his son, Lot the son of Haran, his

^{p 11:28} Orang Kasdim dipercayai mendiami daerah Babilonia ini selepas waktu kehidupan Terah dan Haran. Oleh itu, nama Kasdim diberi hanya sbg penerangan tempatnya, dan bukan sbg nama orang yg tinggal di situ pd waktu itu.

^{t 11:28} semasa bapanya Terah masih hidup tfsrn lain: di hadapan muka bapanya hrhf: di atas muka bapanya Terah

^{p 11:29} Kalau Haran yg disebut di sini rupanya adik Nahor, bermakna Nahor mengahwini anak buahnya.

<p>cucunya Loṭ, anak Haran dan menantunya Śaray iaitu isteri Abram, anaknya. Mereka berangkat bersama dari Ur, tempat orang Kaśdim untuk pergi ke tanah Kana`an. Mereka sampai di kota^P Haran^e dan mereka menetap di situ. ^{11:32} Hari-hari Terah adalah 205 tahun dan dia meninggal di Haran.</p> <p>Panggilan Abram dengan Tujuh Berkat</p> <p>^{12:1} Yahweh berkata kepada Abram, ^j “Berangkatlah dari tanahmu, dari sanak saudaramu, dan dari rumah bapamu ^t ke tanah yang akan aku tunjukkan kepadamu. ^{12:2} Maka aku akan menjadikan engkau sebuah negara ^P yang besar, ^j memberkati engkau, dan membuat namamu besar sehingga engkau menjadi berkat. ^t ^{12:3} Aku akan memberkati orang yang memberkati engkau dan dia yang menghina engkau akan aku kutuki. Di dalam kamu semua suku kaum di dunia akan diberkati.</p> <p>Penerokaan Tanah Kana`an dari Utara ke Selatan</p> <p>^{12:4} Maka Abram berangkat seperti yang dikatakan Yahweh kepadanya dan Loṭ turut sama dengannya. Abram berumur 75 tahun ketika dia keluar dari Haran.</p>	<p>menantunya Śaray iaitu isteri Abram, dan cucunya Loṭ iaitu anak Haran. Mereka berangkat dari Ur, tempat orang Kaśdim dengan tujuan pergi ke tanah Kana`an. Tetapi setibanya di kota Haran, mereka terus menetap di situ. ^{11:32} Hayat Terah adalah 205 tahun dan dia meninggal di Haran.</p> <p>Panggilan Abram dengan Tujuh Berkat</p> <p>^{12:1} Yahweh berkata kepada Abram, “Berangkatlah dari tanah-airmu, sanak saudaramu, dan yang ada talian persaudaraan dengan bapamu dan pergilah ke tanah yang akan aku tunjukkan kepadamu. ^{12:2} Maka aku akan menjadikan engkau bapa leluhur sebuah bangsa besar dengan negaranya sendiri. Aku akan memberkati engkau dan membuat namamu termasyhur sehingga engkau menjadi berkat kepada orang lain. ^{12:3} Aku akan memberkati orang yang memberkati engkau dan dia yang menghina engkau akan aku kutuki. Melalui kamu semua suku kaum di dunia akan diberkati.</p> <p>Penerokaan Tanah Kana`an dari Utara ke Selatan</p> <p>^{12:4} Maka Abram berangkat sesuai dengan perintah Yahweh dan Loṭ turut bersamanya. Abram berumur 75 tahun ketika dia keluar dari pekan Haran. ^{12:5} Mereka yang dibawa bersamanya</p>	<p>son’s son, and Sarai his daughter-in-law, his son Abram’s wife. They went from Ur of the Chaldees, to go into the land of Canaan. They came to Haran and lived there. ^{11:32} The days of Terah were two hundred five years. Terah died in Haran.</p> <p>The Call of Abram with Seven Blessings</p> <p>^{12:1} Now Yahweh said to Abram, “Get out of your country, and from your relatives, and from your father’s house, to the land that I will show you. ^{12:2} I will make of you a great nation. I will bless you and make your name great. You will be a blessing. ^{12:3} I will bless those who bless you, and I will curse him who curses you. All of the families of the earth will be blessed in you.”</p> <p>The Exploration of Canaan from North to South</p> <p>^{12:4} So Abram went, as Yahweh had spoken to him. Lot went with him. Abram was seventy-five years old when he departed out of Haran.</p>
--	--	---

^{P 11:31} Dlm terjemahan ini, istilah kota biasanya digunakan utk bandar yg mempunyai kota benteng di kelilingnya.

^{e 11:31} Ejaan nama *Ḥaran*, dan kota *Ḥaran* berlainan dlm b. Ibrani. Ibrani ada dua jenis *h*. Jenis keras (*khet*, Jawi *ha besar*) digunakan dlm nama kota, sedangkan jenis lembut (*he*, Jawi *ha kecil*) digunakan dlm nama orang. Nama kota itu sedia ada pd waktu mereka tiba di situ, dan tdk datang drpd nama adik Abram.

^{j 12:1} **Trjmh lain:** *Yahweh telah berkata kepada Abram ... Menurut Kisah 7:2*, sebenarnya panggilan ini berlaku semasa Abram masih tinggal di Ur. Panggilan ini dirakam di sini kerana bahagian ini permulaan kisah Abraham (dan bukan kisah bapanya Terah). Seboleh-bolehnya ayat ini harus diterjemah secara tiada implikasi bahawa ini berlaku selepas peristiwa di 11:27-32.

^{t 12:1} *rumah bapamu tfsrn 1: talian keturunan bapamu / dinasti bapamu / wangsa bapamu ~tfsrn 2: keluarga bapamu / rumahtangga bapamu* * Seperti raja Daud memulakan suatu dinasti baru, Abram menjadi pengasas bangsa baru yg tdk bergantung kpd bapanya atau leluhurnya yg wujud sebelumnya. Abram harus berpisah drpd bapanya utk memulakan bangsa baru.

^{P 12:2} Istilah *negara* ini (b. Inggeris *nation*) merangkumi tiga perkara, iaitu 1) ramai orang sebangsa dan sebahasa, 2) tanah, dan 3) kerajaan. Cerita yg berikut mengesahkan bagaimana Allah menggenapi janjinya dgn memberi ketiga-tiga perkara itu kpd keturunan Abraham, satu demi satu.

^{j 12:2} *menjadikan engkau sebuah negara yang besar, trjmh 2: menjadikan engkau bapa leluhur negara yang besar trjmh 3: menjadikan keturunan mu sebuah negara yang besar*

^{t 12:2} *sehingga kau menjadi berkat tfsrn 1: sehingga kau menjadi berkat kepada orang lain tfsrn 2: jadilah berkat kepada orang lain tfsrn 3: saya akan menjadikan engkau berkat kepada semua orang lain tfsrn 4: engkau akan menjadi teladan berkat ilahi.*

<p>^{12:5} Abram membawa bersama-sama isterinya, Saray, anak adiknya, Lot, semua kepunyaannya yang dikumpulkannya dan hamba yang diperolehnya^t di Haran. Mereka bertolak untuk berjalan ke tanah Kana'an dan tiba di tanah Kana'an.</p> <p>^{12:6} Abram menjelajahi tanah Kana'an sampai ke tempat kayu besar^j di More,^p dekat kota Syekhem.^p Pada masa itu orang Kana'an berada di tanah itu.</p> <p>^{12:7} Yahweh menampakkan dirinya kepada Abram dan berkata, "Kepada zuriatmu^j aku akan memberikan tanah ini." Maka dia membina mazbah di situ untuk Yahweh yang telah menampakkan diri kepadanya.</p> <p>^{12:8} Kemudian dia berpindah dari situ ke perbukitan di sebelah timur Bet-El.ⁿ Dia memasang khemahnya dengan Bet-El di sebelah barat dan `Ay di sebelah timur. Di situ dia membina mazbah untuk Yahweh dan memanggil nama Yahweh.^t ^{12:9} Selepas itu, Abram bertolak dan berjalan beransur-ansur ke Negeb.ⁿ</p>	<p>adalah isterinya, Saray, anak adiknya, Lot, semua harta serta ternakannya yang telah dikumpulkannya dan juga hamba yang diperolehnya sewaktu berada di Haran. Mereka berjalan ke tanah Kana'an dan tiba di sana.</p> <p>^{12:6} Abram dan rombongannya menjelajahi tanah Kana'an bermula dari sebelah utara sampai ke suatu tempat berdekatan kota Syekhem, iaitu kayu besar di More. Seluruh tanah itu didiami oleh orang Kana'an pada masa itu.</p> <p>^{12:7} Di situ Yahweh muncul di hadapan Abram dan berkata, "Aku akan memberikan tanah ini kepada keturunanmu." Maka Abram membina mazbah di situ untuk menyembah Yahweh yang telah muncul di hadapannya.</p> <p>^{12:8} Kemudian Abram dan rombongannya meneruskan perjalanan dari situ menuju selatan ke perbukitan di sebelah timur kota Bet-El. Dia berkhemah di antara dua buah kota, iaitu Bet-El di sebelah barat dan `Ay di sebelah timur. Di situlah dia membina mazbah untuk penyembahan kepada Yahweh dan dia menyembah dan berdoa memanggil nama Yahweh Tuhannya. ^{12:9} Selepas itu, Abram dan rombongannya beransur-ansur meneruskan perjalanan dari satu tempat ke tempat berikutnya menuju Negeb di sebelah selatan tanah</p>	<p>^{12:5} Abram took Sarai his wife, Lot his brother's son, all their substance that they had gathered, and the souls whom they had gotten in Haran, and they went to go into the land of Canaan. Into the land of Canaan they came. ^{12:6} Abram passed through the land to the place of Shechem, to the oak of Moreh. The Canaanite was then in the land.</p> <p>^{12:7} Yahweh appeared to Abram and said, "I will give this land to your seed." He built an altar there to Yahweh, who appeared to him.</p> <p>^{12:8} He left from there to the mountain on the east of Bethel, and pitched his tent, having Bethel on the west, and Ai on the east. There he built an altar to Yahweh and called on Yahweh's name. ^{12:9} Abram traveled, going on still toward the South.</p>
---	---	---

^t ^{12:5} hamba yang diperolehnya **hrfh**: jiwa yang dibuat **Tfsrn lain**: Ramai pentafsir Yahudi percaya ini merujuk kpd *mualaf* atau jiwa yang dimenangi Abram menjadi pengikut Yahweh di Haran, dan bukannya hamba.

^j ^{12:6} kayu besar **trjmh lain**: kayu-kayu besar. Lihat UI 11:30.

^p ^{12:6} More bemakna guru atau penilik dlm b. Ibrani, dan mungkin More itu adalah tempat pengajaran orang kafir pd waktu itu, dan kayu itu dianggap kayu keramat. Tdk diketahuilah samada kayu itu berada dlm kota atau di luar.

^p ^{12:6} ke tempat kayu besar More di Syekhem. **hrfh**: ke tempat Syekhem, ke kayu besar More. 'More' bemakna guru atau penilik dlm b. Ibrani, dan mungkin More itu tempat pengajaran orang kafir pd waktu itu, dan kayu itu dianggap kayu keramat. Tdk diketahui samada kayu itu dlm kota atau di luar.

^j ^{12:7} zuriat **trjmh lain**: benih / keturunan

ⁿ ^{12:8} Betel atau Bet-El bemakna bait-Allah atau rumah Allah.

^t ^{12:8} dia memanggil nama Yahweh. **tfsrn 1**: dia **menyembah dan berdoa dengan memanggil nama Tuhannya Yahweh**. **tfsrn 2**: Ada orang Yahudi yg percaya ini bermakna 'dia mengisytiharkan nama Yahweh sebagai Tuhan alam semesta kpd orang lain.' Pd waktu itu, masing-masing suku-kaum ada Tuhannya tersendiri yg dianggap memerintah kawasan tertentu. Kebanyakan yg lain menganggap Yahweh sebagai Tuhan tempatan, dan tidak faham bahawa dia Tuhan seluruh alam semesta.

ⁿ ^{12:9} Negeb adalah sebahagian tanah Kana'an (Israel) di sebelah selatan, yg kebanyakannya padang gurun. Istilah itu bermakna *tanah kering*. Ia juga digunakan dgn makna *selatan*.

<p>Abram Pergi ke Meşir ^{12:10} Kemudian berlakulah kebuluran di tanah Kana`an dan Abram pergi^h ke Meşir untuk menumpang^p di situ, kerana kebuluran di tanah Kana`an sangat teruk.</p> <p>^{12:11} Terjadilah sewaktu dia mendekati sempadan Meşir,^h dia berkata kepada Şaray isterinya, “Tolong dengarlah; saya tahu bahawa engkau seorang perempuan yang cantik rupawan. ^{12:12} Akan timbul^t keadaan di mana orang Meşir melihat engkau dan berkata, ‘Ini isterinya,’ lalu mereka akan membunuh saya, dan membiarkan engkau hidup. ^{12:13} Tolonglah katakan engkau adikku agar saya diperlakukan dengan baik dan dibiarkan hidup^h disebabkan engkau. ^{12:14} Terjadilah apabila Abram memasuki Meşir, orang Meşir melihat bahawa perempuan itu cantik sangat. ^{12:15} Pegawai-pegawai Firaun^e pun melihat dia dan memujinya di hadapan Firaun. Maka perempuan itu dibawa ke istana^h Firaun. ^{12:16} Abram diperlakukan dengan baik disebabkan. Diberikan kepadanya^p kambing, domba,^h sapi-sapi, keledai-keledai jantan, pelayan-pelayan lelaki dan</p>	<p>Kana`an. Abram Pergi ke Meşir ^{12:10} Kemudian berlakulah kebuluran di tanah Kana`an dan Abram serta rombongannya pergi ke selatan iaitu Meşir untuk tinggal sementara di tempat orang. Kebuluran di Kana`an itu memang sangat teruk dan di Meşir masih ada makanan. ^{12:11} Sewaktu mereka mendekati sempadan Meşir, Abram berkata kepada isterinya Şaray, “Tolong dengarlah; abang tahu bahawa engkau seorang perempuan yang jelita. ^{12:12} Sememangnya orang Meşir akan melihat engkau dan berkata, ‘Perempuan ini isterinya,’ lalu akan membunuh abang dan membiarkan engkau hidup supaya dapat mengahwinimu. ^{12:13} Oleh yang demikian, tolonglah katakan bahawa engkau ialah adik abang agar abang diperlakukan dengan baik disebabkan engkau dan dibiarkan hidup. ^{12:14} Betul sangkaan Abram; apabila masuk sahaja Abram ke dalam negeri Meşir, orang Meşir melihat bahawa Şaray sangat cantik. ^{12:15} Pegawai-pegawai raja Meşir melihat Şaray dan memuji kecantikannya kepada raja. Maka raja menyuruh agar dia dibawa ke istananya untuk dimasukkan ke dalam haremnya. ^{12:16} Abram diperlakukan dengan baik oleh raja kerana Şaray yang dianggap adiknya. Raja memberikan kepadanya kambing, domba, sapi, keledai, unta</p>	<p>Abram Goes to Egypt ^{12:10} There was a famine in the land. Abram went down into Egypt to live as a foreigner there, for the famine was severe in the land. ^{12:11} When he had come near to enter Egypt, he said to Sarai his wife, “See now, I know that you are a beautiful woman to look at. ^{12:12} It will happen, when the Egyptians will see you, that they will say, ‘This is his wife.’ They will kill me, but they will save you alive. ^{12:13} Please say that you are my sister, that it may be well with me for your sake, and that my soul may live because of you.”</p> <p>^{12:14} When Abram had come into Egypt, Egyptians saw that the woman was very beautiful. ^{12:15} The princes of Pharaoh saw her, and praised her to Pharaoh; and the woman was taken into Pharaoh’s house. ^{12:16} He dealt well with Abram for her sake. He had sheep, cattle, male donkeys, male servants, female servants, female donkeys, and camels.</p>
--	---	--

^h ^{12:10} *pergi hrhf: turun.* Tanah di Negeb lebih tinggi drpd tanah di Meşir; oleh itu mereka memakai istilah *turun*, walaupun tanahnya tdk curam. Dia meneruskan perjalanannya ke selatan utk sampai ke Meşir, yg selatan dr Kana`an (Israel).

^p ^{12:10} Istilah *menumpang* bermakna tinggal sementara di tempat orang.

^h ^{12:11} *mendekati sempadan Meşir hrhf: mendekati untuk masuk ke Meşir*

^t ^{12:12} *Akan timbul tfsrn 1: Sememangnya akan timbul ... tfsrn 2 Mungkin ...*

^h ^{12:13} *dibiarkan hidup hrhf: hidupku akan hidup*

^e ^{12:14} *Firaun ejaan Ibrani: Fār`oḥ.* Tajuk *Firaun* digunakan oleh semua raja Meşir, sama spt tajuk *Kaisar* digunakan oleh semua raja Roma.

^h ^{12:15} *istana hrhf: rumah.* Sama dlm ayat ^{12:17}.

^p ^{12:16} *Diberikan kepadanya ... hrhf: Ada padanya ...* Para pentafsir tdk setuju samada ini ‘berian’ (mas kahwin) utk perkahwinan, atau hadiah biasa.

^h ^{12:16} *kambing, domba hrhf: kawanan.* Istilah *kawanan* dlm b. Ibrani biasanya merangkumi kambing dan domba (iaitu kambing biri-biri).

<p>perempuan, keledai-keledai betina dan unta-unta.^p</p> <p>12:17 Tetapi Yahweh menimpakan tulaht-tulah besar^j ke atas Firaun dan orang di istananya kerana pengambilan^h Saray,^j isteri Abram.</p> <p>12:18 Kemudian Firaun memanggil Abram dan bertitah, “Apa ini yang kau buat kepada beta!? Kenapakah kau tidak memberitahu beta bahawa dia isterimu? 12:19 Kenapa kau katakan, ‘Dia adikku,’ sehingga beta mengambilnya untuk diri beta sendiri sebagai isteri?^p Sekarang, nah, inilah isterimu, ambillah dia dan beredarlah.”</p> <p>12:20 Kemudian Firaun memberikan perintah kepada orangnya mengenai Abram. Lalu mereka mengiring keluar dia dan isterinya bersama semua yang ada padanya.</p> <p>Abram dan Loṭ Berpisah di Kana`an</p> <p>13:1 Jadi Abram kembali^h dari Meşir ke Negeb; dia, isterinya dan semua kepunyaannya. Loṭ ada bersamanya juga. 13:2 Abram betul-betul kaya^h dengan ternakan, perak dan emas. 13:3 Dia berjalan beransur-ansur dari Negeb sampai sejauh Bet-El, ke tempat khemahnya telah berada kali pertama iaitu di antara Bet-El dengan `Ay 13:4 dan tempat pertama kali dibuatnya sebuah</p>	<p>serta pelayan lelaki dan perempuan.</p> <p>12:17 Tetapi Yahweh menimpakan tulaht-tulah yang dahsyat ke atas raja dan orang-orang di istananya kerana pengambilan Saray, isteri Abram.</p> <p>12:18 Kemudian raja memerintah Abram untuk menghadapnya dan bertitah, “Apa yang kau sudah buat kepada beta ini!? Kenapakah kau tidak memberitahu beta bahawa perempuan itu sebenarnya isterimu? 12:19 Kenapa kau katakan bahawa dia adikku sehingga beta mengambilnya sebagai isteri untuk beta ? Sudahlah! Nah, inilah isterimu, ambillah dia dan beredarlah dari sini.”</p> <p>12:20 Kemudian raja memerintahkan pegawainya mengenai Abram dan mereka mengiring keluar Abram dan isterinya keluar dari Meşir. Tetapi mereka diizinkan membawa bersama mereka semua orang, ternakan dan kepunyaan yang ada padanya.</p> <p>Abram dan Loṭ Berpisah di Kana`an</p> <p>13:1 Jadi Abram kembali dari Meşir ke Negeb di sebelah selatan Kana`an bersama isterinya dan semua miliknya. Anak buahnya Loṭ pun ada bersamanya termasuk orang lain dalam rombongan mereka. 13:2 Sewaktu keluar dari Meşir, Abram sudah menjadi kaya-raya dengan ternakan, perak dan emas. 13:3 Dia dan rombongannya berjalan beransur-ansur dari Negeb sampai sejauh ke utara Bet-El. Dia berkhemah di tempat</p>	<p>12:17 Yahweh plagued Pharaoh and his house with great plagues because of Sarai, Abram’s wife.</p> <p>12:18 Pharaoh called Abram and said, “What is this that you have done to me? Why didn’t you tell me that she was your wife? 12:19 Why did you say, ‘She is my sister,’ so that I took her to be my wife? Now therefore, see your wife, take her, and go your way.”</p> <p>12:20 Pharaoh commanded men concerning him, and they brought him on the way with his wife and all that he had.</p> <p>Abram and Lot Separate in Canaan</p> <p>13:1 Abram went up out of Egypt: he, his wife, all that he had, and Lot with him, into the South. 13:2 Abram was very rich in livestock, in silver, and in gold. 13:3 He went on his journeys from the South even to Bethel, to the place where his tent had been at the beginning, between Bethel and Ai, 13:4 to the place of the altar, which he had made there at the first.</p>
--	---	---

^p **12:16** kambing dan domba, sapi dan keledai jantan dikumpulkan kerana dianggap ternakan. ‘pelayan-pelayan lelaki dan perempuan’ lah yg memelihara ternakan. keledai betina dan unta adalah binatang tunggangan. Para pentafsir tdk setuju samada ini berian (mas kahwin) utk perkahwinan, atau hadiah biasa.

^j **12:17** tulaht-tulah besar **trjmh** lain: tulaht-tulah besar / penyakit-penyakit teruk. Agaknya tulaht ini bermacam jenis penyakit.

^h **12:16** pengambilan **hrfh**: hal / perkara

^j **12:17** kerana pengambilan Saray **trjmh** lain: disebabkan perkara Saray, isteri Abram. / sebab raja telah mengambil Saray isteri Abram sebagai isterinya.

^p **12:19** Ini tidak bermakna raja sudah meniduri Saray, cuma Saray sudah dimasukkan ke dlm harem raja dan dianggap sebagai salah satu daripada isterinya. Kita tdk diberitahu bagaimana raja tahu bahawa penyakit-penyakit itu disebabkan perkara Saray. Mungkin kerana penyakit itu bermula pd masa Saray dimasukkan ke dlm harem raja, dia telah pergi bertanya kpd Saray sendiri keadaan yg sebenar, dan mendapat tahu drpd dia bahawa dia sebenarnya isteri Abram.

^h **13:1** kembali **hrfh**: naik

^h **13:2** kaya **hrfh**: berat / diberatkan

mazbah. Di situlah Abram memanggil nama Yahweh.^j

13:5 Lot yang pergi bersama Abram, mempunyai kambing, domba, sapi, dan khemah juga.^{13:6} Tanah itu tidak dapat menampung keperluan mereka jikalau mereka tinggal bersama kerana milik mereka banyak. Oleh itu, mereka tidak dapat tinggal bersama.^{13:7} Terjadilah pergaduhan di antara gembala-gembala Abram dengan gembala-gembala ternakan Lot. Lagi pun, orang Kana'an dan orang Peris tinggal di tanah Kana'an pada waktu itu.

13:8 Maka Abram berkata kepada Lot, "Janganlah ada perselisihan di antara saya dengan engkau, ataupun di antara gembala saya dengan gembala mu, kerana kita bersaudara."^h **13:9** Bukankah seluruh tanah berada di depan mukamu? Marilah kita berpisah;^h jikalau engkau pergi ke sebelah kiri, saya akan ke sebelah kanan. Kalau engkau ke sebelah kanan, saya akan ke sebelah kiri.

13:10 Lalu Lot melayangkan matanya^h dan melihat seluruh lembah Yordan sejauh Şo`ar,^p bahawa semuanya diairi dengan baik seperti taman Yahweh^p ataupun seperti tanah Mesir. (Itulah keadaannya sebelum

perkhemahannya yang pertama kali di antara kota Bet-El dengan `Ay.^{13:4} Di situlah tempat dia membuat mazbah kali pertama dia sampai di sana. Di situ juga Abram menyembah dan berdoa memanggil nama Yahweh Tuhannya.

13:5 Lot, yang turut serta dengan Abram, pun mempunyai kambing, domba, lembu serta keluarga dan gembala yang tinggal di dalam khemah masing-masing.^{13:6} Oleh sebab milik mereka banyak, khasnya ternakan, maka tanah itu tidak dapat menampung keperluan mereka berdua jika mereka tinggal bersama-sama. Oleh itu, mereka memang tidak dapat tinggal bersama.^{13:7} Lagi pun, keadaan diburukkan lagi kerana orang Kana'an dan orang Peris sudah sedia ada di tanah Kana'an pada waktu itu dan itu menyempitkan lagi tempatnya. Akhirnya, timbullah pergaduhan-pergaduhan di antara gembala Abram dengan gembala Lot.

13:8 Maka Abram berkata kepada Lot, "Bukankah kita bersaudara? Janganlah ada perselisihan di antara pakcik dengan engkau, ataupun di antara gembala pakcik dengan gembala kau."^{13:9} Seluruh tanah di depan matamu boleh dipilih sebagai tempat tinggalmu. Mari kita berpisah; jikalau kau membuat keputusan untuk pergi ke sebelah kiri, pakcik akan ke sebelah kanan. Sebaliknya, jikalau kau pergi ke sebelah kanan, pakcik akan ke kiri sahaja.

13:10 Lalu Lot melayangkan matanya dan melihat bahawa seluruh lembah sungai Yordan diairi dengan baik sejauh selatan ke kota Şo`ar, seperti taman Yahweh ataupun seperti tanah Mesir di lembah sungai Nil. (Itulah keadaannya sebelum Yahweh

There Abram called on Yahweh's name.

13:5 Lot also, who went with Abram, had flocks, and herds, and tents.^{13:6} The land was not able to bear them, that they might live together: for their substance was great, so that they could not live together.^{13:7} There was a strife between the herdsmen of Abram's livestock and the herdsmen of Lot's livestock: and the Canaanite and the Perizzite lived in the land at that time.

13:8 Abram said to Lot, "Please, let there be no strife between me and you, and between my herdsmen and your herdsmen; for we are relatives."^{13:9} Isn't the whole land before you? Please separate yourself from me. If you go to the left hand, then I will go to the right. Or if you go to the right hand, then I will go to the left."

13:10 Lot lifted up his eyes, and saw all the plain of the Jordan, that it was well-watered everywhere, before Yahweh destroyed Sodom and Gomorrah, like the garden of Yahweh, like the land of Egypt,

^j **13:4** memanggil nama Yahweh trjmh lain: menyembah dan berdoa dengan memanggil nama Yahweh Tuhannya / berdoa kepada Yahweh dan menyembahnya.

^h **13:8** kita bersaudara hrhf: kita orang-orang saudara-saudara

^h **13:9** Hrfh: Mari berpisah dari saya.

^h **13:10** melayangkan matanya hrhf: mengangkat matanya / menaikkan matanya

^p **13:10** Kota Zoar terletak berhampiran pantai tenggara Laut Mati.

^p **13:10** taman Yahweh, iaitu Taman Eden, yg diairi oleh sebatang sungai yg menjadi empat (Kej 2:10).

<p>Yahweh membinasakan Sodom dan Gomorah.)^{p 13:11} Maka Lot memilih untuk dirinya sendiri seluruh lembah Yordan dan Lot berangkat berjalan ke timur. Begitulah mereka dua bersaudara berpisah. ^{13:12} Abram tetap tinggal di tanah Kana'an, sedangkan Lot tinggal di antara kota-kota lembah Yordan, menempatkan^h khemahnya berdedatan kota Sodom. ^{13:13} Adapun orang-orang Sodom sangat jahat dan sangat berdosa^h terhadap Yahweh.</p> <p>^{13:14} Yahweh berkata kepada Abram setelah Lot berpisah darinya,^h “Layangkanlah matamu^h dari tempat kau berada dan pandanglah ke utara, ke selatan, ke timur dan ke barat.”^{j 13:15} Kerana seluruh tanah yang engkau lihat akan aku berikan kepada keturunanmu^h buat selama-lamanya. ^{13:16} Aku akan membuat keturunanmu seperti habuk di bumi. Jikalau ada orang yang dapat mengira habuk di bumi, barulah ia dapat mengira keturunanmu. ^{13:17} Bangunlah, jelajahi tanah ini, dalam kepanjangannya dan kelebarannya sebab aku akan memberikannya kepadamu.”</p> <p>^{13:18} Selepas itu, Abram berangkat dan pergi menetap di sisi^t pokok-pokok kayu besar Mamre^t yang dekat^t Hebron. Di situ dia membina sebuah mazbah untuk Yahweh.</p> <p>Abram Menyelamatkan Lot ^{14:1} Peristiwa berikut terjadi</p>	<p>membinasakan Sodom dan Gomorah.)^{13:11} Maka Lot memilih seluruh lembah Yordan dan dia berangkat berjalan ke timur. Begitulah kedua-dua saudara berpisah. ^{13:12} Abram tetap tinggal di tanah Kana'an, sedangkan Lot menetap di antara kota-kota lembah Yordan dengan menempatkan khemahnya berdekatan kota Sodom. ^{13:13} Adapun penduduk kota Sodom sangat jahat dan berdosa terhadap Yahweh.</p> <p>^{13:14} Setelah Lot berangkat, Yahweh berkata kepada Abram, “Layangkanlah matamu dari tempat kau berada dan pandanglah ke utara, ke selatan, ke timur dan ke barat.”^{13:15} Seluruh tanah yang engkau lihat akan aku berikan kepada keturunanmu buat selama-lamanya. ^{13:16} Aku akan membuat jumlah keturunanmu banyak seperti habuk di bumi, sehingga jika orang dapat mengira setiap bintik habuk di bumi, barulah ia dapat mengira keturunanmu. ^{13:17} Jelajahilah tanah ini, dari kepanjangannya sampai kelebarannya, sebab aku akan memberikan semuanya kepadamu.”</p> <p>^{13:18} Selepas itu, Abram berangkat dan menetap di sisi pokok-pokok kayu besar Mamre dekat Hebron. Di situ dia membina sebuah mazbah penyembahan kepada Yahweh.</p> <p>Abram Menyelamatkan Lot ^{14:1} Peristiwa berikut terjadi apabila</p>	<p>as you go to Zoar. ^{13:11} So Lot chose the Plain of the Jordan for himself. Lot traveled east, and they separated themselves the one from the other. ^{13:12} Abram lived in the land of Canaan, and Lot lived in the cities of the plain, and moved his tent as far as Sodom. ^{13:13} Now the men of Sodom were exceedingly wicked and sinners against Yahweh.</p> <p>^{13:14} Yahweh said to Abram, after Lot was separated from him, “Now, lift up your eyes, and look from the place where you are, northward and southward and eastward and westward, ^{13:15} for all the land which you see, I will give to you, and to your offspring forever. ^{13:16} I will make your offspring as the dust of the earth, so that if a man can number the dust of the earth, then your seed may also be numbered. ^{13:17} Arise, walk through the land in its length and in its breadth; for I will give it to you.”</p> <p>^{13:18} Abram moved his tent, and came and lived by the oaks of Mamre, which are in Hebron, and built an altar there to Yahweh.</p> <p>Abram Rescues Lot ^{14:1} In the days of Amraphel,</p>
---	---	---

^{p 13:10} Kota Bet-El itu berada di pekan Beiten sekarang, suatu tempat yg tinggi. Kurang drpd satu batu dr situ ke arah tenggara ada sebuah tempat di mana seluruh lembah Yordan kelihatan. Agaknya di situlah mereka berdiri sewaktu mereka membicarakan pekara ini, dan tempat Abram berada dlm ayat 13:14.

^{h 13:12} *menempatkan hrhf: memasang*

^{h 13:13} *sangat berdosa hrhf: pendosa-pendosa sangat*

^{h 13:14} *darinya hrhf: dari bersamanya*

^{h 13:14} *Layangkanlah matamu ... hrhf: Angkatkanlah matamu ...*

^{j 13:14} *ke utara, ke selatan, ke timur dan ke barat trjmhn lain: ke setiap arah*

^{h 13:15} *keturunanmu hrhf: zuriatmu atau benihmu. Sama dlm 13:16.*

^{t 13:18} *di sisi tfsrn lain: di antara*

^{t 13:18} *Mamre tfsrn 1: Mamre dianggap nama si pemilik tanah tempat kayu itu. tfsrn 2: Mamre dianggap nama kota yg berdekatan.*

^{t 13:18} *dekat tfsrn lain: di*

<p>apabila tentera empat orang raja besar iaitu Amrafel, raja Syin`ar,ⁿ Aryokh raja Elasar, Kedor-La`omer, raja `Elam dan Tid`al, raja Goyimⁿ 14:2 pergi berperang dengan tentera lima orang raja yang masing-masing merupakan raja atas sebuah kota, iaitu Bera`, raja Sodom, Birsya`, raja Gomorah, Syinab, raja Admah, Syemeber, raja Şeboyim dan raja Bela` (iaitu Şo`ar).^{14:3} Kesemua lima orang raja itu bergabung tentera di lembah Sidim (iaitu di kawasan Laut Mati).ⁿ</p> <p>14:4 Selama 12 tahun, lima orang raja itu ditakluki oleh raja Kedor-La`omer, tetapi pada tahun ke-13, mereka memberontak.^{14:5} Menjelang tahun ke-14, raja Kedor-La`omer dan raja-raja yang bersamanya datang menyerang dan mengalahkan orang Refa^t di kota Asyterot-Qarnaim, orang Zuz di Ham, orang Em^e di dataran Qiryataim^t 14:6 dan orang Hor yang tinggal di pergunungan Se`irⁿ yang mereka kejar sejauh El-Paran di pinggir padang gurun.^{14:7} Dari situ mereka berpatah balik dan tiba di En-Misyap^j (iaitu Qadesy),ⁿ dan mereka menakluki seluruh kawasan orang `Amaleq dan orang Emor juga, yang tinggal di Hazon-Tamar.</p>	<p>tentera empat orang raja besar iaitu Amrafel, raja negara Syin`ar, Aryokh, raja negara Elasar, Kedor-La`omer, raja negara `Elam dan Tid`al, raja negara Goyimⁿ 14:2 pergi berperang dengan tentera lima orang raja. Kelima-lima orang raja itu masing-masing adalah raja atas sebuah kota, iaitu Bera`, raja kota Sodom, Birsya`, raja kota Gomorah, Syinab, raja kota Admah, Syemeber, raja kota Şeboyim dan raja kota Bela` (atau nama keduanya, Şo`ar).^{14:3} Kelima-lima orang raja itu bergabung tentera di lembah Sidim (di kawasan Laut Mati).^{14:4} Beginilah latar belakangnya: Selama 12 tahun, kelima-lima raja itu ditakluki oleh raja Kedor-La`omer tetapi pada tahun ke-13, mereka bersama-sama memberontak dan enggan membayar ufti.^{14:5} Menjelang tahun ke-14, raja Kedor-La`omer dan raja-raja sekutunya datang dengan tentera mereka untuk menyerang dan mengalahkan pemberontak yang lain, iaitu orang Refa di kota Asyterot-Qarnaim, orang Zuz di kota Ham, dan orang Em di dataran Qiryataim.^{14:6} Mereka juga mengalahkan orang Hor yang tinggal di pergunungan Se`ir, lalu mengejar mereka sejauh bandar El-Paran di pinggir padang gurun.^{14:7} Dari situ mereka berpatah balik ke utara dan tiba di oasis En-Misyap (atau nama keduanya Qadesy-Barnea), dan mereka menawan seluruh kawasan orang `Amaleq dan orang Emor, yang tinggal di bandar Hazon-Tamar.</p>	<p>king of Shinar, Arioch, king of Ellasar, Chedorlaomer, king of Elam, and Tidal, king of Goiim,^{14:2} they made war with Bera, king of Sodom, and with Birsha, king of Gomorrah, Shinab, king of Admah, and Shemeber, king of Zeboiim, and the king of Bela (the same is Zoar).^{14:3} All these joined together in the valley of Siddim (the same is the Salt Sea).</p> <p>14:4 Twelve years they served Chedorlaomer, and in the thirteenth year, they rebelled.^{14:5} In the fourteenth year Chedorlaomer came, and the kings who were with him, and struck the Rephaim in Ashteroth Karnaim, and the Zuzim in Ham, and the Emim in Shaveh Kiriathaim,^{14:6} and the Horites in their Mount Seir, to Elparan, which is by the wilderness.^{14:7} They returned, and came to En Mishpat (the same is Kadesh), and struck all the country of the Amalekites, and also the Amorites, that lived in Hazazon Tamar.</p>
---	---	--

ⁿ 14:1 Syin`ar sama dgn Babalonia.

ⁿ 14:1 Goyim dlm Ibrani bermakna negara-negara atau bangsa-bangsa, dan oleh itu ada kemungkinan ini bukan nama satu tempat tetapi nama gabungan bangsa.

ⁿ 14:3 Laut Mati hrhf: Laut Garam

^t 14:5 mengalahkan orang Refa ... tfsrn 1: mengalahkan pemberontak yang lain, iaitu orang Refa ... tfsrn 2: bangsa yg hendak ditaklukinya, iaitu Kalau ikut tfsrn kedua ini, bermakna bangsa-bangsa lain yg dikalahkannya belum pernah membayar ufti, tetapi dipaksa membayar selepas mereka dikalahkan.

^e 14:5 Nama orang Refa, Zuz dan Em dieja tanpa imbuhan tanda jamak Ibrani ‘-im’. Nama-nama yg lain ikut prinsip yg sama. Imbuhan ‘-i’ yg dipakai utk nama bangsa tertentu dlm b. Ibrani pun tdk dimasukkan ke dlm ejaan nama.

^t 14:5 dataran Qiryataim tfsrn lain: Syawe-Qiryataim

ⁿ 14:6 Se`ir nama keduanya: Edom

^j 14:7 En-Misyap trjmhn 2: oasis En-Misyap trjmhn 3: bandar En-Misyap trjmhn 4: kampung En-Misyap

ⁿ 14:7 Qadesy juga dikenali sebagai Qadesy-Barnea. Lihat Bil 32:8. Ia terletak di sempadan selatan tanah Kana`an.

<p>^{14:8} Nah, raja Sodom, raja Gomorah, raja Admah, raja Şeboyim, dan raja Bela` (iaitu Şo`ar) dengan tentera mereka keluar ke lembah Sidim dan menyusun barisan perang mereka ^{14:9} terhadap tentera Kedor-La`omer raja `Elam, Tid`al raja Goyim, Amrafel raja Syin`ar, dan Aryokh raja Elasar, iaitu empat raja melawan lima. ^{14:10} Di lembah Sidim, terdapat banyak lubang tar. ^p Apabila raja Sodom dan Gomorah dengan terteranya melarikan diri, ramai di antara mereka terjatuh ^t ke dalam lubang tar itu ^p dan yang lain lari ke pergunungan. ^{14:11} Kemudian keempat-empat orang raja itu ^h mengambil semua harta benda kepunyaan kota Sodom dan Gomorah, beserta semua makanan mereka, lalu beredar. ^{14:12} Mereka turut melarikan Loţ, anak adik Abram serta kepunyaannya kerana dia memang tinggal di Sodom.</p> <p>^{14:13} Kemudian seorang yang terlepas diri datang memberitahu Abram, orang Ibrani itu ^j tentang keadaan Loţ itu. Abram ^h sedang tinggal di antara kayu-kayu besar kepunyaan Mamre, orang Emor yang ada dua saudara, ^t Eskyol dan `Aner. Mereka itu sekutu dalam persetiaan dengan Abram. ^{14:14} Setelah Abram mendengar bahawa saudara-maranya tertawan, dia mengerahkan seramai 318 orangnya yang terlatih yang</p>	<p>^{14:8} Nah, raja Sodom, raja Gomorah, raja Admah, raja Şeboyim, dan raja Bela` (atau nama keduanya Şo`ar) dengan tentera mereka keluar dari kota masing-masing ke lembah Sidim dan menyusun barisan perang mereka ^{14:9} menentang tentera Kedor-La`omer, raja `Elam, Tid`al, raja Goyim, Amrafel, raja Syin`ar, dan Aryokh raja Elasar. Bermakna, ada empat pasukan raja melawan lima pasukan raja. ^{14:10} Akibat peperangan itu, tentera lima raja dikalahkan teruk. Di lembah Sidim, terdapat banyak lubang bertar yang pekat dan lekit. Apabila raja Sodom dan Gomorah dengan terteranya melarikan diri dari tentera empat raja itu, ramai di antara tentera mereka terjatuh ke dalam lubang tar itu, dan yang lain lari ke pergunungan. ^{14:11} Kemudian empat orang raja itu menjarahi semua makanan, harta benda dan ternakan kota Sodom dan Gomorah; lalu beredar. ^{14:12} Loţ, kemanakan Abram juga tinggal di Sodom pada masa itu. Tentera itu melarikan dia bersama orang-orang lain dan merampas semua barangnya yang bernilai serta ternakannya lalu beredar.</p> <p>^{14:13} Nah, seorang Ibrani yang berjaya meloloskan diri dari tentera empat orang raja itu datang kepada Abram orang Ibrani itu dan memberitahunya tentang keadaan Loţ itu. Pada waktu itu, Abram, orang Ibrani itu sedang tinggal di antara kayu-kayu besar kepunyaan Mamre, seorang yang berbangsa Emor. Mamre, bersama adiknya Eskyol dan `Aner, telah membuat persetiaan dengan Abram untuk saling membantu dalam peperangan. ^{14:14} Setelah Abram</p>	<p>^{14:8} The king of Sodom, and the king of Gomorrah, and the king of Admah, and the king of Zeboiim, and the king of Bela (the same is Zoar) went out; and they set the battle in array against them in the valley of Siddim; ^{14:9} against Chedorlaomer king of Elam, and Tidal king of Goiim, and Amraphel king of Shinar, and Arioch king of Ellasar; four kings against the five. ^{14:10} Now the valley of Siddim was full of tar pits; and the kings of Sodom and Gomorrah fled, and they fell there, and those who remained fled to the hills. ^{14:11} They took all the goods of Sodom and Gomorrah, and all their food, and went their way. ^{14:12} They took Lot, Abram's brother's son, who lived in Sodom, and his goods, and departed.</p> <p>^{14:13} One who had escaped came and told Abram, the Hebrew. Now he lived by the oaks of Mamre, the Amorite, brother of Eshcol, and brother of Aner; and these were allies of Abram. ^{14:14} When Abram heard that his relative was taken captive, he led out his trained men, born in his house, three hundred and eighteen, and pursued as far as Dan. ^{14:15} He divided himself against them by night, he and</p>
---	--	---

^{p 14:10} Lubang tar itu ialah lubang yg ada tar pekat (bituman) di dlmnya. Para pengkaji haiwan sering menemukan banyak tulang binatang di dlm lubang seumpama itu yg telah jatuh ke dlmnya dan mati di situ sebab ia tdk dapat melepaskan diri.

^{t 14:10} terjatuh tfsrn lain: sengaja terjun

^{p 14:10} Lubang tar itu ialah lubang yg bertar (bitumen) di dlmnya. Para pengkaji haiwan sering menemui banyak tulang binatang di dlm lubang seumpama itu yg telah jatuh ke dlmnya, dan mati di situ.

^{h 14:11} keempat-empat orang raja itu hrffh: mereka

^{j 14:13} orang Ibrani itu tjmhn lain: yg berbangsa Ibrani. Ini kali pertama dlm Alkitab nama Ibrani disebut.

^{h 14:13} Abram hrffh: Dia

^{t 14:13} saudara tjmhn lain: adik tfsrn lain: saudara-mara

dilahirkan di dalam perkhemahannya^t dan mengejar mereka sejauh kota Dann.^{p 14:15} Dia membahagi-bahagikan^t orangnya^h dan menyerang pada waktu malam sehingga mereka lari.^j Lalu dia mengejar mereka sejauh Hobah, di sebelah utara Damsyik.^{e 14:16} Dia mendapat semula dan membawanya kembali semua barang rampasan itu,^h termasuk kepunyaan Loṭ. Dia juga membawa kembali Loṭ, perempuan-perempuan dan orang-orang yang tertawan.

Malki-Şedeq Memberkati Abram

^{14:17} Setelah Abram^h kembali dari mengalahkan raja Kedor-La`omer dan raja-raja yang bersamanya, raja Sodom keluar untuk menemuinya di Lembah Syaweh (iaitu Lembah Raja).^{14:18} Kemudian Malki-Şedeq,ⁿ raja Syalemⁿ membawa keluar roti dan wain. Dia adalah imam bagi Allah yang Maha Tinggi.^{i 14:19} Maka dia memberkatinya dengan berkata, “Diberkatilah Abram oleh Allah yang Maha Tinggi, pencipta langit dan bumi.^{j 14:20} Terpujilah^h Allah yang Maha Tinggi yang telah menyerahkan musuh-musuhmu ke dalam tanganmu.” Lalu Abram memberikan satu persepuluh

mendengar bahawa kemanakannya tertawan, dia mengerahkan seramai 318 orangnya yang terlatih yang dilahirkan di bawah naungannya orang kesemuanya dan mengejar tentera keempat-empat orang raja itu sejauh kota Dan.^{14:15} Abram membahagi-bahagikan orangnya dan menyerang mereka pada waktu malam sehingga mereka lari. Lalu Abram mengejar mereka sejauh kota Hobah yang terletak di sebelah utara Damsyik.^{14:16} Abram menyelamatkan kemanakannya, Loṭ, perempuan-perempuan dan orang lain yang telah ditawan. Dia juga membawa kembali semua barang dan ternakan yang telah dirampas, termasuk kepunyaan Loṭ.

Malki-Şedeq Memberkati Abram

^{14:17} Setelah Abram kembali dari mengalahkan raja Kedor-La`omer dan raja-raja sekutunya ke Lembah Syaweh (yang sekarang dipanggil Lembah Raja), raja Sodom keluar dari kotanya untuk menemuinya.^{14:18} Malki-Şedeq adalah raja kota Syalem dan imam Allah yang maha-tinggi. Dia juga keluar dari kotanya untuk menyongsong Abram dengan membawa roti dan wain. Dia adalah imam bagi Allah yang Maha Tinggi.^{14:19} Maka dia memberkatinya dengan berkata, “Diberkatilah Abram oleh Allah yang Maha Tinggi, pencipta langit dan bumi.^{14:20} Terpujilah Allah yang Maha Tinggi yang telah memberikan kepadamu kemenangan

his servants, and struck them, and pursued them to Hobah, which is on the left hand of Damascus.^{14:16} He brought back all the goods, and also brought back his relative, Lot, and his goods, and the women also, and the people.

Melchizedek blessed Abram

^{14:17} The king of Sodom went out to meet him, after his return from the slaughter of Chedorlaomer and the kings who were with him, at the valley of Shaveh (that is, the King's Valley).^{14:18} Melchizedek king of Salem brought out bread and wine: and he was priest of God Most High.^{14:19} He blessed him, and said, “Blessed be Abram of God Most High, possessor of heaven and earth:^{14:20} and blessed be God Most High, who has delivered your enemies into your hand.” Abram gave him a tenth of all.

^{t 14:14} orang terlatihnya yang dilahirkan di dalam perkhemahannya **tfsrn 2:** orang dlm kumpulan khas yang terlatih utk berperang

^{p 14:14} Nama Dann yg tertulis dlm teks ini ialah nama yg diberi kemudian (setelah suku-kaum Dann tinggal di situ). Sewaktu peristiwa ini, nama kota itu masih Laisy.

^{t 14:15} membahagi-bahagikan **tfsrn lain:** membahagi dua

^{h 14:15} orangnya **hrfh:** hambanya

^{j 14:15} menyerang ...sehingga mereka lari **trjmhln lain:** mengalahkannya

^{e 14:15} Damsyik **ejaan Ibrani:** *Damaseq*. Kami ikut ejaan moden.

^{h 14:16} barang rampasan itu **hrfh:** kepunyaan itu

^{h 14:17} Abram **hrfh:** dia

^{n 14:18} Malki bermakna rajaku. Şedeq bermakna kebenaran. Seluruh namanya bermakna rajaku adalah kebenaran. Kedua-dua nama ini ada kaitan dgn b. Melayu, sebab Malki hampir sama dgn nama Malik, dan Şedeq hampir sama dgn perkataan sadik. Lihat juga **lbr 7:2**.

^{n 14:18} Syalem sama dgn Yerusalem atau Yerusalaim. Ia mungkin cara meringkaskan namanya.

^{i 14:18} Allah Maha-Tinggi **Ibrani:** *El-Elon*

^{j 14:19} langit dan bumi **trjmhln lain:** alam semesta

^{h 14:20} terpujilah **hrfh:** diberkatilah

<p>daripada semua kepadanya.</p> <p>14:21 Kemudian raja Sodom berkata kepada Abram, “Berikanlah kepada beta orang-orang^h itu dan ambillah untuk diri kamu sendiri barang-barang kepunyaan itu.” 14:22 Tetapi Abram berkata kepada raja Sodom, “Lihatlah, saya telah mengangkat tanganku kepada Yahweh, Allah Maha Tinggi, pencipta langit dan bumi untuk mengangkat sumpah 14:23 bahawa setakat seurat benang atau tali kasut pun saya tidak akan mengambil daripada semua yang ada pada mu, agar kau tidak dapat berkata nanti, ‘Betalah yang membuat Abram kaya.’ 14:24 Saya tidak akan menerima apa-apa kecuali yang sudah dimakan oleh orangku^h dan bahagian orang-orang yang ikut bersama saya, iaitu `Aner, Esykol, dan Mamre. Biarlah mereka mengambil bahagian mereka.”</p> <p>Janji Yahweh kepada Abram untuk Memberi Tanah Kana`an kepada Keturunannya</p> <p>15:1 Selepas peristiwa-peristiwa itu, datanglah firman Yahweh^t kepada Abram^h dalam suatu penglihatan. Katanya, “Janganlah takut hai Abram, ^t akulah perisai^P mu dan ganjaran mu yang sangat besar.”^t</p>	<p>atas musuh-musuhmu.” Lalu Abram memberi persepuluh daripada semua barang dan ternakan yang telah dirampasnya kembali dari empat raja itu kepada Malki-Şedeq.</p> <p>14:21 Kemudian raja Sodom berkata kepada Abram, “Serahkan kepada beta orang-orang tawanan yang kau selamatkan itu; manakala barang dan ternakan yang kau rampas semula itu, kau ambil sajalah.” 14:22 Tetapi Abram pun menjawab raja Sodom, “Lihatlah, hamba telah mengangkat tanganku kepada Yahweh, Allah Maha Tinggi, pencipta langit dan bumi untuk bersumpah 14:23 bahawa hamba tidak akan menyentuh sedikitpun kepunyaan tuanku raja, walau seurat benang atau seutas tali kasut pun, agar tuanku tidak dapat berkata nanti, ‘Betalah yang membuat Abram kaya.’ 14:24 Hamba hanya sanggup menerima yang sudah dimakan oleh orang hamba. Selain itu, sekutu hamba yang telah ikut dalam peperangan yang mengadakan perjanjian dengan hamba iaitu `Aner, Esykol, dan Mamre dan orang mereka harus menerima bahagian mereka daripada rampasan. Biarlah mereka mendapat bahagian mereka.”</p> <p>Janji Yahweh kepada Abram untuk Memberi Tanah Kana`an kepada Keturunannya</p> <p>15:1 Setelah peristiwa-peristiwa tersebut, datanglah firman Yahweh kepada Abram dalam suatu penglihatan. Katanya, “Janganlah takut akan apa-apa pun kerana aku akan melindungi mu seperti perisai melindungi askar. Dan aku akan</p>	<p>14:21 The king of Sodom said to Abram, “Give me the people, and take the goods for yourself.” 14:22 Abram said to the king of Sodom, “I have lifted up my hand to Yahweh, God Most High, possessor of heaven and earth, 14:23 that I will not take a thread nor a sandal strap nor anything that is yours, lest you should say, ‘I have made Abram rich.’ 14:24 I will accept nothing from you except that which the young men have eaten, and the portion of the men who went with me: Aner, Eshcol, and Mamre. Let them take their portion.”</p> <p>Yahweh’s Promise to Give Canaan to Abram’s Descendants</p> <p>15:1 After these things Yahweh’s word came to Abram in a vision, saying, “Don’t be afraid, Abram. I am your shield, your exceedingly great reward.”</p>
---	---	--

^h **14:21** orang **hrfh**: jiwa

^h **14:24** orangku **hrfh**: orang muda

^t **15:1** **firman Yahweh**. Salah satu cara mentafsir ayat ini adalah dlm konteks ini, **firman Yahweh** adalah peribadi yg boleh dilihat Abram dgn mata kasar. Dlm ayat **2 & 7** ternyata bahawa **firman Yahweh** ini ialah **Yahweh** sendiri. Mungkin itulah fahaman Yohanes dlm **Yoh 1:1-14** di mana beliau mewahyukan bahawa **firman Yahweh** ialah **Yesus** dan **Yesus** ialah **Yahweh** atau **Allah**.

^h **15:1** **datanglah firman Yahweh kepada Abram** **hrfh**: kata Yahweh adalah kepada Abram / perkataan Yahweh adalah kepada Abram

^t **15:1** **Janganlah takut hai Abram, tfsrn 1: Janganlah takut akan pembalasan raja-raja itu, atau apa-apa pun**

^p **15:1** Dlm bahasa asli perkataan **perisai** sama kata dasar dgn perkataan **menyerahkan** dlm **14:20**, dan membawa makna bahawa Yahweh telah **menyerahkan** musuh Abram kepadanya, dan oleh itu Abram boleh mengharapkan Yahweh utk melindungi dia.

^t **15:1** **akulah** ... **ganjaran mu yang sangat besar** **tfsrn 1: aku akan memberi kepada mu ganjaran yang sangat besar. trjmhn lain: aku punca/sumber ganjaran mu yang sangat besar. ~tfsrn 2: aku sendiri adalah ganjaran mu yang sangat besar.** Tdk mustahil kedua-dua tfsrn ini terkandung dlm ayat bahasa asli, tetapi tfsrn 1 yg lebih sesuai dgn jawapan Abram. Ada dua tfsrn kenapa

<p>15:2 Tetapi Abram berkata, “Tuhan Yahweh, apakah faedah yang dapat engkau berikan kepadaku, sedangkan aku tetap tiada anak, ^t dan Eli`ezer orang Damsyik adalah pewaris harta milikku.” ^h 15:3 Dan Abram berkata, “Tengok, engkau tidak ada memberi keturunan kepadaku dan jelaslah pengurus rumah tanggaku ^j ^t akan menjadi pewarisku.”</p> <p>15:4 Datanglah firman Yahweh kepadanya yang mengatakan, “Tidak! Bukan orang itu yang menjadi pewaris mu. ^p Dia yang keluar dari badan mu sendiri, dialah yang akan menjadi pewaris mu.” 15:5 Kemudian dia membawanya ke luar, lalu berkata, “Pandang ke langit dan kiralah bintang-bintang kalau kau dapat mengiranya.” Dan dia berkata kepadanya, “Demikianlah jadinya keturunan mu.” 15:6 Nah, Abram mengandalkan Yahweh, ^j^p dan Yahweh ^h mengiranya ^p sebagai kebenaran. ^j</p>	<p>memberi kau ganjaran yang sangat besar atas kesetiaanmu.”</p> <p>15:2 Tetapi Abram menjawab, “Tuhan Yahweh, apapun yang engkau berikan kepada hamba tidak akan bermakna kerana hamba tetap tiada anak, dan oleh itu harta milik hamba akan diwarisi oleh Eli`ezer, orang Damsyik itu dan bukan anak hamba sendiri.” 15:3 Abram mengeluh lagi, “Tuhan belum memberikan hamba keturunan dan oleh yang demikian sudah tentu pengurus pernaungan hamba akan menjadi pewaris ku.”</p> <p>15:4 Yahweh menjawabnya, “Tidak! Bukan orang itu yang menjadi pewaris mu. Yang menjadi pewaris mu ialah darah daging mu sendiri.” 15:5 Kemudian Yahweh mengajak Abram keluar dari khemahnya, lalu berkata, “Cuba tengadah ke langit dan kiralah bintang-bintang sekiranya kau dapat mengiranya. Demikianlah keturunan mu akan terlalu banyak untuk dikira.” 15:6 Nah, begitulah Abram mengandalkan Yahweh dan kata-katanya, dan oleh itu Yahweh mengira Abram sebagai orang benar.</p>	<p>15:2 Abram said, “Lord Yahweh, what will you give me, since I go childless, and he who will inherit my estate is Eliezer of Damascus?” 15:3 Abram said, “Behold, to me you have given no seed: and, behold, one born in my house is my heir.”</p> <p>15:4 Behold, Yahweh’s word came to him, saying, “This man will not be your heir, but he who will come out of your own body will be your heir.”</p> <p>15:5 Yahweh brought him outside, and said, “Look now toward the sky, and count the stars, if you are able to count them.” He said to Abram, “So will your seed be.” 15:6 He believed in Yahweh; and he reckoned it to him for righteousness.</p>
--	--	---

Abraham akan menerima ganjaran besar: **tfsrn 1: atas kesetiaanmu tfsrn 2: atas pengendalianmu kepada ku**. Kenapa Tuhan mengucapkan hal ini kpd Abraham di sini? Berikut adalah satu kemungkinan: **tfsrn 1: Dan jangan menyesal kerana tidak mengambil apa-apa jarahan, sebab aku akan memberi kau ganjaran yang sangat besar.**

^t **15:2** *sedangkan aku tetap tiada anak tfsrn lain: sedangkan aku akan meninggal tanpa anak hrfh: aku pergi tiada anak*

^h **15:2** *waris harta milik ku hrfh: anak waris rumah ku / anak waris rumahtangga ku*

^j **15:3** *rumah tanggaku trjmhn 2: perkhemahanku trjmhn 3: pernaungan hamba hrfh: rumahku*. Istilah ini merangkumi semua orang yg tinggal dan berjalan bersama Abram, termasuk keluarga, sanak-saudara, pelayan dan hamba. Mereka semua tinggal di dlm perkhemahan yg sama, tetapi dlm khemah masing-masing.

^t **15:3** *pengurus rumah tanggaku tfsrn lain: seorang (pelayan) daripada rumahku hrfh: anak rumahku **

^p **15:4** Tuhan tdk menyebut nama Eli`ezer kerana bagi adat mereka, kalau namanya disebut, itu mungkin sudah memberi suatu hak kepadanya sebagai waris.

^j **15:6** *Nah, Abram mengandalkan Yahweh trjmhn 2: Nah, Abram menaruh iman pada Yahweh trjmhn 3: Nah, Abram mengharapkan Yahweh*. Kenyataan ini tdk bermakna *Nah, Abram percaya apa yang dikatakan Yahweh*, tetapi ternyata bahawa kalau Abram mengandalkan Yahweh dia akan juga percaya apa yg dikatakan olehnya.

^p **15:6** Iman Abram diterima sbg pengganti kelakuan yang menyenangkan hati Tuhan. Perkara yg tersirat di situ adalah Abram menerima pengampunan dr segala dosanya melalui iman. Itu caranya dia dibenarkan.

^h **15:6** *Yahweh hrfh: dia*

^p **15:6** *nya* di sini merujuk kpd kepercayaan atau pengendalian ataupun iman Abram atau tindakannya menaruh imannya kpd Yahweh. Ini bermakna iman Abram diterima sebagai pengganti kelakuan yg menyenangkan hati Tuhan.

^j **15:6** *dan Yahweh mengiranya sebagai kebenaran. Trjmhn 2: dan oleh itu Yahweh mengira Abram sebagai orang benar. Trjmhn 3: dan oleh itu Yahweh menerima Abram sebagai orang benar. Trjmhn 4: dan oleh itu Yahweh menganugerahkan kebenaran kepada Abram. Trjmhn 5: dan oleh itu Yahweh membenarkan Abram. Trjmhn 6: dan oleh itu Yahweh menganggap iman Abram sebagai sesuatu yang membenarkan Abram.*

<p>15:7 Kemudiannya ^t dia berkata kepadanya, “Akulah Yahweh yang telah membawamu keluar dari Ur, tempat orang Kaśdim untuk memberikan tanah ini kepadamu sebagai kepunyaan mu.”</p> <p>15:8 Tetapi dia berkata, “Tuhan Yahweh, bagaimanakah saya boleh tahu bahawa saya akan memilikinya?”</p> <p>15:9 Dia berkata kepadanya, “Ambil bagi aku seekor sapi betina yang belum beranak berumur tiga tahun, seekor kambing betina berumur tiga tahun, seekor domba jantan berumur tiga tahun, seekor burung tekukur dan seekor burung merpati muda.”</p> <p>15:10 Jadi dia mengambil untuk Yahweh ^h semua itu lalu membelahnya dengan memotongnya di tengah-tengah. Kemudian dia meletakkan setiap belahan itu bersisian dengan belahan yang kedua. Tetapi burung-burung itu tidak dibelahnya. 15:11 Kemudian burung-burung pemakan bangkai turun ke atas bangkai-bangkai itu tetapi Abram menghalaunya.</p> <p>15:12 Waktu matahari sedang terbenam, Abram tertidur mati. ^h Nah, sedang jatuh atasnya suatu kegelapan yang menggerunkan. 15:13 Kemudian Yahweh ^h berkata kepada Abram, “Ketahuilah dengan pasti bahwa keturunan mu akan menjadi pendatang ^j di tanah yang mereka tidak miliki, dan mereka akan menjadi hamba</p>	<p>15:7 Pada suatu masa, Tuhan berkata kepada Abram lagi, “Akulah Yahweh yang telah membawamu keluar dari Ur, tempat orang Kaśdim untuk memberikan tanah Kana`an ini kepadamu sebagai milik mu.”</p> <p>15:8 Tetapi Abram bertanya, “Tuhan Yahweh, bagaimanakah hamba boleh tahu bahawa hamba akan memperolehnya?”</p> <p>15:9 Yahweh menjawabnya, “Ambilkan aku seekor sapi betina yang belum beranak, seekor kambing betina, dan seekor domba jantan – semuanya berumur tiga tahun. Ambil juga seekor burung tekukur dan seekor burung merpati muda.”</p> <p>15:10 Jadi Abram mengambil semua binatang tersebut untuk Yahweh lalu menyembelih dan membelahnya menjadi dua bahagian. Kemudian dia membuat dua barisan daripada belahan itu, dengan ruang di antaranya. Setiap belahan diletakkannya bersisian dengan belahan yang kedua. Manakala kedua-dua ekor burung itu tidak dibelahnya, tetapi bangkainya disusun seperti dua belahan juga. 15:11 Kemudian burung-burung datang untuk memakan bangkai itu tetapi Abram menghalaunya.</p> <p>15:12 Sementara matahari sedang terbenam, Tuhan membuat Abram tertidur mati. Nah, Abram gerun gemetar disebabkan suatu kegelapan yang sedang datang ke atasnya. 15:13 Kemudian Yahweh berkata kepada Abram, “Ketahuilah dengan pasti bahwa keturunan mu akan menumpang di tanah orang, mereka akan menjadi hamba kepada bangsa di</p>	<p>15:7 He said to him, “I am Yahweh who brought you out of Ur of the Chaldees, to give you this land to inherit it.”</p> <p>15:8 He said, “Lord Yahweh, how will I know that I will inherit it?”</p> <p>15:9 He said to him, “Bring me a heifer three years old, a female goat three years old, a ram three years old, a turtledove, and a young pigeon.”</p> <p>15:10 He brought him all of these, and divided them in the middle, and laid each half opposite the other; but he didn’t divide the birds. 15:11 The birds of prey came down on the carcasses, and Abram drove them away.</p> <p>15:12 When the sun was going down, a deep sleep fell on Abram. Now terror and great darkness fell on him. 15:13 He said to Abram, “Know for sure that your seed will live as foreigners in a land that is not theirs, and will serve them. They will afflict them four hundred years. 15:14 I will also</p>
---	--	---

^t **15:7** *Kemudiannya tfsrn lain: Kemudian.* Kami tdk pasti kalau ini terjadi terus selepas peristiwa di **15:6** atau pada masa yg lain.

^h **15:10** *Yahweh hrhf: dia*

^h **15:12** *Abram tertidur mati hrhf: tidur mati jatuh ke atas Abram.* Ini bermakna Tuhan membuat Abram tidur dengan sangat nyenyak spt dibuat kpd si Adam.

^h **15:13** *Yahweh hrhf: dia*

^j **15:13** *pendatang trjmhn 2: orang asing trjmhn 3: penumpang trjmhn 4: penyinggah.* Perkataan ini merujuk kpd orang yg tinggal dgn bangsa lain, dan mereka tdk ada hak-hak (istimewa) spt orang tempatan.

<p>kepada bangsa lain, dan mereka akan dianiayai oleh bangsa itu^h selama 400 tahun. ^{15:14} Tetapi aku juga akan menghukum bangsa dan negara yang mereka layan sebagai hamba. Selepas terjadi begitu, mereka akan keluar dengan banyak harta benda. ^{15:15} Dan kau sendiri akan pergi kepada nenek-moyang mu dalam damai sejahtera; kau akan dikuburkan pada umur yang cukup tua.^h ^{15:16} Keturunan mu akan kembali ke sini^p selepas empat jangka hayat,^p kerana setakat ini kedurjanaan^j orang Emor^j belum genap.”</p> <p>^{15:17} Setelah matahari terbenam dan malam benar-benar gelap, kelihatan ketuhar arang^p yang berasap dan obor yang bernyalanya lalu di antara belahan-belahan binatang itu.</p> <p>^{15:18} Pada hari itu juga^p Yahweh membuat suatu janji teguh kepada Abram.^p Katanya, “Kepada zuriatmu^j aku berikan^t tanah ini, dari sungai Mesir^p sampai ke sungai besar itu, sungai Efrat, ^{15:19} termasuklah tanah orang Qen, orang Qeniz, orang Qadmon, ^{15:20} orang Het, orang Periz, orang Refa, ^{15:21} orang Emor, orang</p>	<p>situ, dan bangsa itu akan menganiaya mereka selama 400 tahun. ^{15:14} Tetapi aku juga akan menghukum bangsa dan negara yang memperhambakan mereka. Selepas pengalaman itu mereka akan keluar dari negara itu bersama banyak harta benda. ^{15:15} Mengenai kau sendiri, kau akan hidup sampai lanjut usia mu. Kau akan meninggal dalam damai sejahtera lalu dikuburkan dan menyertai nenek-moyang mu. ^{15:16} Mengenai keturunan mu, mereka akan kembali ke sini hanya selepas empat jangka hayat berlalu, sebab setakat ini kedurjanaan penduduk Kana`an belum genap sehingga mereka sesuai dihapuskan oleh keturunan mu.”</p> <p>^{15:17} Setelah matahari terbenam dan malam benar-benar gelap, tiba-tiba Abram melihat ketuhar arang yang berasap dan obor yang bernyalanya lalu di tengah-tengah belahan binatang itu.</p> <p>^{15:18} Seterusnya Yahweh membuat suatu janji teguh kepada Abram. Katanya, “Aku memberikan tanah ini kepada keturunan mu, dari sungai Mesir sampai ke sungai besar Efrat, ^{15:19} termasuklah tanah orang Qen, orang Qeniz, orang Qadmon, ^{15:20} orang Het, orang Periz, orang Refa, ^{15:21} orang Emor, orang Kana`an, orang Girgasy dan orang Yebus.”</p>	<p>judge that nation, whom they will serve. Afterward they will come out with great wealth, ^{15:15} but you will go to your fathers in peace. You will be buried in a good old age. 16 In the fourth generation they will come here again, for the iniquity of the Amorite is not yet full.”</p> <p>^{15:17} It came to pass that, when the sun went down, and it was dark, behold, a smoking furnace, and a flaming torch passed between these pieces.</p> <p>^{15:18} In that day Yahweh made a covenant with Abram, saying, “To your seed I have given this land, from the river of Egypt to the great river, the river Euphrates: ^{15:19} the Kenites, the Kenizzites, the Kadmonites, ^{15:20} the Hittites, the Perizzites, the Rephaim, ^{15:21} the Amorites, the</p>
--	--	---

^h ^{15:13} bangsa lain, dan bangsa itu hrffh: mereka dan mereka

^h ^{15:15} pada umur yang cukup tua hrffh: pada umur tua yang bagus

^p ^{15:16} ke sini, iaitu ke tanah Kana`an.

^p ^{15:16} 100 tahun digunakan di sini sebagai satu jangka hayat, mungkin kerana ajal orang agak panjang pd waktu itu. Istilah ini pun diterjemah sebagai generasi di tempat lain.

^j ^{15:16} kedurjanaan trjmhn 2: dosa trjmhn 3: kejahatan

^j ^{15:16} orang Amor trjmhn 2: orang Kana`an trjmhn 3: penduduk Kana`an. Walaupun orang Amor biasanya merujuk kpd salah satu bangsa yg tinggal di tanah Kana`an, di sini ia merujuk kpd semua bangsa di tanah Kana`an.

^p ^{15:17} ketuhar arang tjmh lain: ketuhar arang. Ini dibuat drpd tanah liat, dan digunakan sebagai tempat memasak (membakar) roti.

^p ^{15:18} Upacara yg dikatakannya Tuhan di sini berkait rapat dgn apa yg berlaku sebelumnya, dan oleh itu Pada hari itu juga difahami di sini dgn makna Seterusnya, kerana Tuhan tdk akan bertangguh membuat janji ini.

^p ^{15:18} Upacara yg dilakukan itu, bersama janji yg diberi Tuhan, merupakan jawapan kpd soalan Abram dlm ayat 8. Ia utk memberi keyakinan kpd Abram bahawa keturunannya memang akan mewarisi tanah itu. Asap dan api yg lalu di antara belahan binatang itu adalah lambang hadirat Tuhan sendiri. Dgn berjalan di antara belahan itu, Tuhan mengikatkan diri dgn janjinya utk melakukan apa yg telah dikatakannya.

^j ^{15:18} zuriatmu trjmhn 2: benihmu trjmhn 3: keturunan mu

^t ^{15:18} saya memberi hrffh: saya telah memberi. Ini cara b. Ibrani bertutur waktu membuat perjanjian yg sah dr segi undang-undang. (Aku berjanji/bersumpah untuk memberikan...)

^p ^{15:18} sungai Mesir ini bukan sungai Nil. Para pentafsir menganggap ia suatu sungai kecil dekat sempadan negara Mesir, mungkin Sungai Sikhor (lihat Yos 13:3).

<p>Kana`an, orang Girgasy dan orang Yebus.”</p> <p>Hagar Melahirkan Yisyma`el</p> <p>16:1 Śaray, isteri Abram, tidak ada^j melahirkan anak bagi dia. Dia mempunyai seorang pelayan peribadi berbangsa Meşir bernama Hagar.</p> <p>16:2 Jadi Śaray berkata kepada Abram, “Dengar ini. Yahweh telah menghalangi saya daripada melahirkan anak. Jadi sila tiduri^h pelayan saya; mungkin keluarga saya akan dibina melalui dia.” Maka Abram mendengar suara Śaray. 16:3 Demikianlah Śaray isteri Abram mengambil pelayannya Hagar orang Meşir dan memberikannya kepada Abram menjadi isteri^j suaminya. Itu terjadi selepas Abram sudah tinggal di tanah Kana`an selama 10 tahun.</p> <p>16:4 Dia meniduri Hagar dan dia pun menjadi hamil. Sesudah dia melihat bahawa dia hamil, puannya menjadi remeh di matanya.</p> <p>16:5 Kemudian Śaray berkata kepada Abram, “Kau yang bertanggungjawab atas kesalahan yang saya deritai ini. ^t Saya telah memberi pelayan saya kepada kau untuk kau tiduri. ^h Setelah dia melihat bahawa dia hamil, saya menjadi remeh di matanya. Biarlah Yahweh mengadili di antara saya dan engkau.”^t</p>	<p>Hagar Melahirkan Yisyma`el</p> <p>16:1 Pada waktu itu, Śaray, isteri Abram, belum lagi melahirkan anak bagi Abram. Śaray mempunyai seorang pelayan peribadi berbangsa Meşir bernama Hagar.</p> <p>16:2 Jadi Śaray berkata kepada Abram, “Ada sesuatu yang hendak saya katakan. Yahweh tidak mengizinkan saya melahirkan anak. Jadi, sila tiduri pelayan saya; mana tahu saya akan mendapat anak melaluinya.” Maka Abram menuruti kata-kata isterinya. 16:3 Demikianlah Śaray memberikan Hagar, pelayannya yang berbangsa Meşir itu kepada Abram untuk dijadikan gundik. Itu terjadi selepas Abram dan orangnya sudah berada di tanah Kana`an selama 10 tahun.</p> <p>16:4 Abram bersetubuh dengan Hagar dan dia pun menjadi hamil. Sesudah Hagar sedar bahawa dia hamil, dia menjadi sombong dan meremehkan puannya Śaray.</p> <p>16:5 Kemudian Śaray berkata kepada Abram, “Saya sedang menderita penghinaan dan abanglah yang bertanggungjawab atasnya. Saya telah memberi pelayan saya untuk ditiduri abang. Apabila dia merasa dirinya sudah hamil, tahukah abang apa yang dia buat? Dia meremehkan saya! Biarlah Yahweh saja yang menentukan siapa di antara kita berdua yang bersalah dan baru kau</p>	<p>Canaanites, the Girgashites, and the Jebusites.”</p> <p>Hagar Gives Birth to Ishmael</p> <p>16:1 Now Sarai, Abram’s wife, bore him no children. She had a handmaid, an Egyptian, whose name was Hagar.</p> <p>16:2 Sarai said to Abram, “See now, Yahweh has restrained me from bearing. Please go in to my handmaid. It may be that I will obtain children by her.” Abram listened to the voice of Sarai. 16:3 Sarai, Abram’s wife, took Hagar the Egyptian, her handmaid, after Abram had lived ten years in the land of Canaan, and gave her to Abram her husband to be his wife.</p> <p>16:4 He went in to Hagar, and she conceived. When she saw that she had conceived, her mistress was despised in her eyes.</p> <p>16:5 Sarai said to Abram, “This wrong is your fault. I gave my handmaid into your bosom, and when she saw that she had conceived, I was despised in her eyes. Yahweh judge between me and you.”</p>
--	---	--

^j **16:1** tidak ada trjmhn lain: belum

^h **16:2** meniduri hrhf: pergi ke, pergi ke adalah eufemisme utk bersetubuh dengan. Sama di 16:4.

^j **16:3** isteri trjmhn lain: gundik. Walaupun bahasa asli menggunakan istilah isteri, (atau perempuan) Hagar memang tdk bersekedudukan dgn Saray, kerana dia masih dianggap pelayan atau hamba. Oleh itu gundik juga sesuai di sini. Dalam adat mereka, gundik adalah hamba yg dikahwini secara sah. Gundik tdk diperlakukan seperti perempuan simpanan. Oleh sebab mereka hamba, status mereka tdk sama tinggi dgn isteri yg berstatus orang bebas.

^t **16:5** Tfsrn lain: Semoga kau dihukum atas kesalahan yang ku alami. Hrfh: Kesalahan yang ku alami di atas kau.

^h **16:5** Saya telah memberi pelayan saya kepada kau untuk kau tiduri. hrhf: Saya telah memberi pelayan saya ke dalam pangkuan kau. Istilah “ke dalam pangkuan” adalah eufemisme yg bermakna “untuk disetubuhi”.

^t **16:5** Biarlah Yahweh mengadili di antara saya dengan engkau. Tfsrn 1: Biarlah Yahweh sahaja yang menentukan siapa di antara kita berdua yang bersalah dan baru kau tahu! Tfsrn 2: Biarlah Yahweh mengadili di antara kita siapa yang benar dan siapa yang salah.

<p>16:6 Abram berkata kepada Saray, “Pelayan mu itu memang^h di bawah kuasa mu;^h buat sajalah kepada dia apa yang baik di mata mu. Jadi Saray menindasnya sehingga dia melarikan diri dari hadapannya.^h</p> <p>16:7 Kemudiannya Pesuruh Yahweh^p pergi menjumpainya di mata air di padang gurun, iaitu mata air yang berhampiran dengan jalan ke tembok Syur.^p 16:8 Dia berkata, “Hagar, pelayan Saray, dari mana kau datang dan ke mana kau pergi?” Katanya, “Saya melarikan diri dari hadapan Saray puanku.” 16:9 Pesuruh Yahweh berkata kepadanya, “Pulanglah kepada puan mu, dan tunduklah kepada dia.”^{j h}</p> <p>16:10 Dan Pesuruh Yahweh berkata kepadanya, “Aku akan membuat keturunan kau betul-betul banyak sehingga ia tidak dapat dikira kerana banyaknya.”</p> <p>16:11 Pesuruh Yahweh juga berkata kepadanya, “Tengok, kau hamil sekarang dan kau akan melahirkan seorang anak lelaki dan memanggil namanya Yisyma`el,^{n e} kerana Yahweh telah mendengar penindasan ke atas kau.^h 16:12 Dia</p>	<p>tahu!”</p> <p>16:6 Abram menjawab, “Sudah tentulah pelayan kau itu berada di bawah kuasa kau; perlakukanlah dia sebagaimana yang kau fikir baik. Jadi Saray terus menindas Hagar sehingga dia melarikan diri dari Saray.</p> <p>16:7 Kemudiannya, Pesuruh Yahweh pergi menjumpai Hagar di mata air di padang gurun yang berhampiran jalan ke tembok Syur. 16:8 Dia berkata, “Hagar, pelayan Saray, dari mana kau datang dan ke mana kau pergi?” Dia jawab, “Hamba melarikan diri dari Saray puan hamba.” 16:9 Kemudian dia menyuruh Hagar, “Pulanglah kepada puan kau, dan tunduklah kepada dia.”</p> <p>16:10 Tambahnya lagi, “Aku akan membuat keturunan kau betul-betul banyak sehingga ia tidak dapat dikira kerana jumlahnya terlalu besar. 16:11 Kau hamil sekarang dan kau akan melahirkan seorang anak lelaki. Kau harus menamakannya Yisyma`el, kerana Yahweh telah mendengar raung-raungan mu disebabkan penindasan yang kau alami dan akan menolong kau. 16:12 Dia akan menjadi orang yang bersifat seperti keldai liar.</p>	<p>16:6 But Abram said to Sarai, “Behold, your maid is in your hand. Do to her whatever is good in your eyes.” Sarai dealt harshly with her, and she fled from her face.</p> <p>16:7 Yahweh’s angel found her by a fountain of water in the wilderness, by the fountain on the way to Shur. 16:8 He said, “Hagar, Sarai’s handmaid, where did you come from? Where are you going?” She said, “I am fleeing from the face of my mistress Sarai.” 16:9 Yahweh’s angel said to her, “Return to your mistress, and submit yourself under her hands.”</p> <p>16:10 Yahweh’s angel said to her, “I will greatly multiply your seed, that they will not be numbered for multitude.”</p> <p>16:11 Yahweh’s angel said to her, “Behold, you are with child, and will bear a son. You shall call his name Ishmael, because Yahweh has heard your affliction. 16:12 He will be like a wild donkey among men. His hand will be against every man,</p>
--	---	--

^h **16:6** memang hrffh: lihat / tengok

^h **16:6** dalam kuasa mu hrffh: dalam tangan mu

^h **16:6** hadirat hrffh: muka / depan. Sama dlm ayat 8.

^p **16:7** Pesuruh Yahweh trjmhn 2: Malaikat Yahweh trjmhn 3: Utusan Yahweh. Istilah pesuruh ini biasanya diterjemah sbg malaikat, tetapi frasa ini mempunyai makna khas, dan oleh itu kami menggunakan istilah khas utk membezakannya. Pesuruh Yahweh ini bukan sahaja pesuruh, tetapi bertindak dgn penuh wibawa Allah sendiri (lihat ayat 10). Ada tiga fahaman ttg istilah Pesuruh Yahweh dlm Perjanjian Lama. 1). Pesuruh Yahweh ini sebenarnya Yesus (anak Allah) sebelum penjelmaannya sebagai manusia. 2). Pesuruh Yahweh ialah Yahweh sendiri yang menjelma sebagai malaikat yg menyerupai manusia. 3). Pesuruh Yahweh hanyalah malaikat saja, tetapi ia diberi kewibawaan penuh utk bertindak bagi pihak Yahweh. Kami percaya fahaman nombor 1). Dlm cara Allah menjelma ini, manusia dapat melihatnya secara bersemuka, sama spt manusia dapat bersemuka dengan Yesus, tetapi berlainan dgn Allah Bapa, sebab orang yg melihat Allah Bapa akan langsung mati (Kel 33:20).

^p **16:7** Kawasan Syur terletak dekat sempadan Mesir, dan di situ ada tembok perlindungan. Jadi, rupanya Hagar menuju ke Mesir, tempat asalnya, tetapi dia belum benar-benar tiba di Mesir.

^j **16:9** tunduk/berserah kepada dia. trjmhn lain: rendahkan diri terhadap dia.

^h **16:9** kepada dia. hrffh: di bawah tangannya. Maksud tangannya adalah kuasa Saray atas Hagar.

ⁿ **16:11** Yisyma`el bermakna Allah mendengar, iaitu dia mempedulikan.

^e **16:11** Yisyma`el ejaan lain Isyma`el: Ejaan pertama ini lebih tepat, tetapi ejaan tradisi tdk menggunakan Y.

^h **16:11** aku hrffh: Yahweh

<p>akan menjadi orang yang bersifat seperti keldai liar.^p Tangannya akan bermusuhan dengan semua orang, dan tangan semua orang akan bermusuhan dengan dia. Dia akan bertentangan dengan saudara-maranya.”^t</p> <p>16:13 Dia memanggil nama Yahweh yang telah bercakap dengannya, “El-Ro’i,”ⁿ sebab katanya lagi, “Betulkah aku telah melihat <u>dia</u> yang melihatku?”^{tj}</p> <p>16:14 Sebab itulah telaga^p itu dipanggil Be'er Lahay Ro'i.ⁿ Tempatnya^h di antara Kadesy dan Bered.</p> <p>16:15 Jadi, Hagar melahirkan anak lelaki untuk Abram, dan Abram memanggil nama anaknya yang telah dilahirkan Hagar Yisyma`el.</p> <p>16:16 Abram berumur 86 tahun sewaktu Hagar melahirkan Yisyma`el untuk Abram.</p> <p>Janji Allah kepada Abram Diulangi dengan Menambah Tanda Sunat</p> <p>17:1 Sewaktu Abram berumur 99 tahun, Yahweh menampakkan diri kepada Abram dan berkata kepadanya, “<u>Akulah</u> El-Syaday;”ⁿ</p>	<p>Dia akan bermusuhan dengan semua orang, dan semua orang akan bermusuhan dengan dia. Dia akan bertentangan dengan saudara-maranya.”</p> <p>16:13 Kata Hagar kepada dirinya sendiri, “Wah, aku ada melihat Allah yang memerhatikan diriku.” Oleh itu dia menyebut nama lain untuk Yahweh yang telah bercakap dengannya. Katanya “Engkau El-Ro'i,” (iaitu Allah yang memerhatikan ku).”^{16:14} Sebab itulah telaga itu dinamakan Be'er Lahay Ro'i, iaitu, “telaga <u>dia</u> yang hidup dan memerhatikan ku”. Tempat telaga itu ialah di antara oasis Kadesy Barnea dan kota Bered.</p> <p>16:15 Jadi, Hagar kembali ke pangkuan Abram dan Saray, dan kemudian dia melahirkan seorang anak lelaki Abram. Abram menamakannya Yisyma`el sesuai dengan kata-kata Pesuruh Yahweh kepada Hagar.^{16:16} Sewaktu Yisyma`el dilahirkan Hagar, Abram berumur 86 tahun.</p> <p>Janji Allah kepada Abram Diulangi dengan Menambah Tanda Sunat</p> <p>17:1 Sewaktu Abram berumur 99 tahun, Yahweh menampakkan diri kepadanya dan berkata, “<u>Akulah</u> El-Syaday – Allah yang Berdaulat;</p>	<p>and every man’s hand against him. He will live opposite all of his brothers.”</p> <p>16:13 She called the name of Yahweh who spoke to her, “You are a God who sees,” for she said, “Have I even stayed alive after seeing him?”</p> <p>16:14 Therefore the well was called Beer Lahai Roi. Behold, it is between Kadesh and Bered.</p> <p>16:15 Hagar bore a son for Abram. Abram called the name of his son, whom Hagar bore, Ishmael. ^{16:16} Abram was eighty-six years old when Hagar bore Ishmael to Abram.</p> <p>God’s Covenant Renewed with the Sign of Circumcision</p> <p>17:1 When Abram was ninety-nine years old, Yahweh appeared to Abram, and said to him, “I am God Almighty.</p>
---	---	--

^p **16:12** Sifat keldai liar yg dimaksudkan agaknya hidup berkelana (mengembara) berjauhan drpd orang lain, tidak kerjasama dan degil.

^t **16:12** *Dia akan bertentangan dengan saudara-maranya. Tfsrn 2: Dia akan tinggal berasingan daripada saudara-maranya. * Tfsrn 3: Dia akan tinggal berdekatan dengan saudara-maranya. Hrfh: Dia akan bertentangan muka saudara-saudaranya.*

ⁿ **16:13** Nama El-Ro'i bermakna Allah yang melihat saya, / Allah yang melihat, / Allah yang memerhati. Ia membawa makna bahawa Allah memerhati dan memelihara kita.

^t **16:13** “Betulkah aku telah melihat dia yang melihatku?” **Tfsrn 2: Dapatkah aku melihat Allah dan masih hidup? / Dapatkah aku melihat Allah dan tidak mati?**

^j **16:13** *memerhati ku trjmhn lain: menjaga ku*

^p **16:14** Di sini dia dipanggil *telaga*, tetapi ia tempat sama yg dipanggil *mata air* dlm ayat 7. Mungkin ia mata air dgn stuktur yg dibina di kelilingnya utk mengandungi airnya.

ⁿ **16:14** Nama Beer Lahay Ro'i bermakna telaga dia yang hidup yang melihat (*saya*).

^h **16:14** *Tempatnya hrfh: Tengok*

ⁿ **17:1** *El-Syaday tsrn 1: Allah yang berdaulat ~tsrn 2: Allah yang maha kuasa. El bermakna Allah, manakala Syaday biasanya dianggap merujuk kpd kuasa, dan sering diterjemah sebagai Mahakuasa dlm b. Melayu. Oleh itu, El-Syaday biasanya diterjemah sebagai Allah Mahakuasa. Ada juga yg menterjemahnya sebagai Allah yang Berdaulat (iaitu Sovereign God dlm b. Inggeris). Walau bagaimanapun, makna betul Syaday tdk diketahui dgn pasti. Nama ini digunakan di 28:3 35:11 dan 48:3 juga. Sila lihat nota panjang dlm NET Bible (<http://bible.org/netbible/>) utk ayat ini bagi penerangan kenapa kami memilih istilah Allah yang Berdaulat.*

<p>berjalanlah di depanku dan menjadi tidak bercela,^{j 17:2} dan aku membuat^j perjanjianku di antara aku dan kau. Aku akan sangat sangat memperbanyakkan keturunan kau.”^{j 17:3} Abram sujud dengan mukanya di tanah.^h</p> <p>Allah berfirman kepadanya dengan berkata,^{17:4} Bagi pihak aku, inilah janjiku kepada kau: Kau akan menjadi bapa banyak bangsa.^{j 17:5} Nama kau tidak akan lagi dipanggil Abram.ⁿ Nama kau akan menjadi Abraham,ⁿ kerana aku akan^h menjadikan kau bapa banyak bangsa.^{17:6} Aku akan membuat kau berbanyak-banyak anak-cucu^h dan membuat keturunan kau menjadi negara-negara, dan raja-raja akan muncul dari keturunan mu.^{17:7} Aku akan memantapkan perjanjianku di antara aku dan kau dan keturunan kau yang seterusnya^h generasi demi generasi, sebagai perjanjian abadi untuk menjadi Allah kau dan Allah keturunan kau yang seterusnya.^{17:8} Dan aku akan^h memberikan tanah tempat kau menumpang sekarang, iaitu keseluruhan tanah Kana'an kepada</p>	<p>jalankanlah hidup mu di sisi ku sebagai orang yang tidak bercela.^{17:2} Sebab aku hendak memantapkan janji ku kepada kau. Aku akan menjadikan keturunan kau banyak sekali.^{17:3} Abram terus sujud dengan mukanya di tanah.</p> <p>Allah berkata kepada Abram,^{17:4} Bagi pihak aku, inilah janjiku kepada kau: Kau akan menjadi bapa banyak bangsa.^{17:5} Kau tidak akan dikenali lagi sebagai Abram. Nama kau kujadikan Abraham, kerana aku sememangnya akan membuat kau bapa banyak bangsa.^{17:6} Aku akan menjadikan anak-cucu kau amat banyak dan keturunan kau akan kujadikan negara-negara. Di antara keturunan kau akan ada juga raja-raja.^{17:7} Aku akan memantapkan perjanjian ku dengan kau dan keturunan kau seterusnya generasi demi generasi, sebagai perjanjian abadi. Janjiku ialah untuk menjadi Allah kau dan Allah keturunan kau yang seterusnya.^{17:8} Selain itu aku akan memberikan tanah tempat kau menumpang sekarang, iaitu keseluruhan tanah Kana'an kepada kau dan keturunan kau yang seterusnya sebagai kepunyaan abadi dan aku akan menjadi Allah keturunan</p>	<p>Walk before me, and be blameless.^{17:2} I will make my covenant between me and you, and will multiply you exceedingly.”^{17:3} Abram fell on his face.</p> <p>God talked with him, saying,^{17:4} “As for me, behold, my covenant is with you. You will be the father of a multitude of nations.^{17:5} Neither will your name any more be called Abram, but your name will be Abraham; for I have made you the father of a multitude of nations.^{17:6} I will make you exceedingly fruitful, and I will make nations of you. Kings will come out of you.^{17:7} I will establish my covenant between me and you and your seed after you throughout their generations for an everlasting covenant, to be a God to you and to your seed after you.^{17:8} I will give to you, and to your seed after you, the land where you are traveling, all the land of Canaan, for an everlasting possession. I will be their God.”</p>
---	---	--

- ^{j 17:1} berjalanlah di depanku dan menjadi tidak bercela. Frasa berjalanlah di depanku dlm bahasa asli adalah frasa yg biasanya digunakan utk kesetiaan atau ketaatan vasal (pembesar negeri) terhadap tuannya/rajanya dlm hidup dan tugas sehari-hari. Ia harus setia seolah-olah dia sentiasa diperhatikan oleh tuannya. Dgn Tuhan dia memang sentiasa diperhatikan. **Trjmhn 2:** jalankanlah hidup mu di sisi ku sebagai orang yang tidak bercela. **Trjmhn 3:** taatilah aku tanpa cela **Trjmhn 4:** hidup mu harus dijalankan dengan taat-setia terhadap ku tanpa bercela. **Trjmhn 5:** berkelakuanlah tidak bercela di sisi ku
- ^{j 17:2} dan saya akan membuat ... **trjmhn 2:** agar saya dapat membuat ... **trjmhn 3:** Sebab aku hendak memantapkan Perkataan memantapkan digunakan di sini kerana ini adalah ulangan janji yg telah dibuat di fasal 15 dgn tambahan juga. **Tfsrn lain:** mengesahkan
- ^{j 17:2} Aku akan sangat sangat memperbanyakkan keturunan kau. **Trjmhn 2:** Aku akan menjadikan keturunan kau banyak sekali. **Trjmhn 3:** Sebab saya hendak memperkukuhkan janji ku kepada mu bahawa saya akan menjadikan keturunan mu banyak sekali.
- ^{h 17:3} Abram sujud dengan mukanya di tanah **hrfh:** Abram jatuh atas mukanya
- ^{j 17:4} bangsa **trjmhn lain:** negara. Istilah b. Ibrani *goyim* yg digunakan di sini biasanya lebih dekat dgn makna negara, kerana ia merangkumi tempat yg diperintah oleh satu kerajaan, dan boleh merangkumi lebih dr satu bangsa. Walau bagaimanapun, istilah bangsa berbunyi lebih sesuai dlm ayat ini. Terjemahan sama digunakan dlm ayat 17:5, tetapi di 17:6 ia diterjemah sebagai negara. Istilah yg sama digunakan di 12:2.
- ^{n 17:5} Nama Abram mungkin bermakna *bapanya mulia*, bermaknya Abram keturunan orang kenamaan. Orang lain mentafsirkannya sebagai Allah bapanya mulia.
- ^{n 17:5} Nama Abraham bermakna sama dgn Abram, tetapi ia berbunyi hampir sama dgn perkataan yg bermakna bapa orang ramai.
- ^{h 17:5} akan **hrfh:** telah. Kegunaan telah di sini menunjukkan kepastian janji Allah akan dikabul.
- ^{h 17:6} berbanyak-banyak anak-cucu **hrfh:** sangat-sangat subur
- ^{h 17:7} seterusnya **hrfh:** selepas kau
- ^{h 17:8} akan **hrfh:** telah. Penggunaan telah di sini menunjukkan kepastian janji Allah akan dikabul.

<p>kau dan keturunan kau yang seterusnya sebagai kepunyaan abadi dan saya akan menjadi Allah bagi mereka.”</p> <p>^{17:9} Allah berkata lagi kepada Abraham, “Bagi pihak kau, kau harus^h mentaati perjanjianku, kau dan keturunan kau yang seterusnya generasi demi generasi. ^{17:10} Inilah perjanjianku di antara aku dan kau dan di antara keturunan kau yang seterusnya yang harus kamu taati: setiap lelaki di antara kamu harus disunat. ^{17:11} Kulit khatan kamu harus disunat, dan ianya akan menjadi tanda perjanjian di antara aku dan kamu. ^{17:12} Dari generasi ke generasi, anak lelaki kamu harus disunat pada umur lapan hari. ^p Semua lelaki harus disunat, termasuk orang-orang hamba yang dilahir di tempat tinggal^j mahupun yang dibeli dengan wang dari orang lain yang bukan keturunan kamu. ^{17:13} Ya, hamba-hamba pun harus disunat, samada yang dilahirkan di tempat tinggal kau mahupun yang dibeli dengan wang kau. Tanda perjanjianku akan berada di badan^p kamu sebagai tanda perjanjian abadi. ^{17:14} Lelaki yang kulit khatannya tidak disunat sehingga ia masih berkulit khatan, orang itu akan disingkir daripada orangnya^t kerana ia melanggar perjanjianku.”</p> <p>^{17:15} Allah berfirman lagi kepada Abraham, “Nama isteri kau Saray tidak akan dipanggil Saray lagi,</p>	<p>mu.”</p> <p>^{17:9} Allah menyambung kata-katanya kepada Abraham, “Bagi pihak kau, kau dan keturunan kau yang seterusnya harus mentaati syarat-syarat perjanjianku, generasi demi generasi. ^{17:10} Inilah syarat-syarat perjanjian ku dengan kau dan keturunan kau yang seterusnya yang harus kamu taati: setiap lelaki di antara kamu harus disunat. ^{17:11} Kulit khatan kamu masing-masing harus disunat dan ianya akan menjadi tanda perjanjian di antara aku dan kamu. ^{17:12} Dari generasi ke generasi, setiap anak lelaki kamu harus disunat pada umur tujuh hari. Ini berkuatkuasa untuk keluarga sendiri dan untuk orang-orang hamba, samada yang dilahirkan di tempat tinggal kau mahupun yang dibeli dari orang lain yang bukan keturunan kamu. ^{17:13} Ya, hamba-hamba pun harus disunat, samada yang dilahirkan di tempat tinggal kamu mahupun yang dibeli. Tanda perjanjian ku akan berada di badan semua lelaki kamu buat selamanya sebagai tanda perjanjian abadi. ^{17:14} Mana-mana lelaki yang tidak bersunat akan disingkir daripada umat ku kerana ia tidak mengikuti syarat perjanjian ku.”</p> <p>^{17:15} Seterusnya Allah berkata, “Isteri kau Saray tidak akan dipanggil Saray lagi; mulai sekarang namanya</p>	<p>^{17:9} God said to Abraham, “As for you, you will keep my covenant, you and your seed after you throughout their generations. ^{17:10} This is my covenant, which you shall keep, between me and you and your seed after you. Every male among you shall be circumcised. ^{17:11} You shall be circumcised in the flesh of your foreskin. It will be a token of the covenant between me and you. ^{17:12} He who is eight days old will be circumcised among you, every male throughout your generations, he who is born in the house, or bought with money from any foreigner who is not of your seed. ^{17:13} He who is born in your house, and he who is bought with your money, must be circumcised. My covenant will be in your flesh for an everlasting covenant. ^{17:14} The uncircumcised male who is not circumcised in the flesh of his foreskin, that soul shall be cut off from his people. He has broken my covenant.”</p> <p>^{17:15} God said to Abraham, “As for Sarai your wife, you shall not call her name Sarai,</p>
---	--	--

^h ^{17:9} harus hrhf: akan. Sama dlm ayat yg berikut.

^p ^{17:12} lapan hari. Cara mereka mengira umur iaitu pada hari lahir anak itu, dia sudah berumur satu hari. Oleh itu, umur lapan hari bagi mereka sama dgn tujuh hari bagi kita. Cara kira seperti ini dipanggil kiraan merangkumi (inclusive counting).

^j ^{17:12} tempat tinggal hrhf: rumah trjmhn lain: perkhemahan. Ini merujuk kpd seluruh perkhemahan atau tempat tinggal, dan bukan tempat tinggal sendiri saja. Sama dlm ayat 13.

^p ^{17:13} badan di sini agaknya eufemisme utk zakar.

^t ^{17:14} orang itu akan disingkir daripada orangnya tfsrn 1: orang itu akan disingkir daripada umat ku. / orang itu tidak akan menjadi ahli umat ku. ~tfsrn 2: orang itu akan diasingkan daripada masyarakatnya. ~tfsrn 3: orang itu akan dibunuh oleh Allah. hrhf: jiwanya akan dipotong daripada orangnya. Ini spt permainan kata: kalau kulit khatannya tidak dipotong, jiwanya akan dipotong ...

<p>kerana mulai sekarang namanya ialah Śarah.^{n 17:16} Aku akan memberkati dia dan aku akan^h memberikan seorang anak lelaki kepada kau melalui dia juga. Aku akan memberkati dia sehingga ia menjadi bangsa-bangsa, dan raja-raja orang akan datang daripadanya.</p> <p>17:17 Abraham sujud dengan mukanya ke tanah,^h tetapi ia ketawa sambil berkata dalam hati, “Adakah seorang anak lelaki akan dilahirkan untuk lelaki yang berumur 100 tahun? Atau adakah Śarah yang berumur 90 tahun akan melahirkan anak?”</p> <p>17:18 Lalu Abraham berkata kepada Allah, “Semoga Isyama`el direstui menjadi pewarisku.”^{h 17:19} Tetapi Allah berkata, “Sememangnya isteri kau Śarah akan melahirkan seorang anak lelaki bagi mu. Kau harus memanggil namanya Yiş`haq.^e Dengan dialah aku akan memantapkan perjanjian^{ku} sebagai perjanjian abadi untuk keturunannya seterusnya.</p> <p>17:20 Tetapi mengenai Yisyma`el, aku memang ada dengar permintaan kau itu. Begini: Aku akan memberkati dia dan membuatnya beranak-cucu^h banyak dan aku akan memperbanyakkan keturunannya dengan amat banyak sekali. Dia akan memperanakan dua belas ketua^j suku bangsa, dan aku akan</p>	<p>ialah Śarah.^{17:16} Aku akan memberkati Śarah dan aku akan memberikan seorang anak lelaki kepada kau melalui dia juga. Ya, aku akan memberkati dia sehingga ia akan menjadi ibu kepada bangsa-bangsa. Di antara keturunannya akan ada juga raja-raja negara.</p> <p>17:17 Abraham sujud dengan mukanya ke tanah, tetapi ia ketawa sambil berkata dalam hati, “Adakah seorang lelaki yang berumur 100 tahun menjadi bapa? Atau adakah Śarah yang berumur 90 tahun dapat melahirkan anak?”</p> <p>17:18 Lalu Abraham meminta kepada Allah, “Alangkah bagusnya kalau Yisyma`el saja yang direstui menjadi pewaris hamba yang telah dijanjikan.”^{17:19} Jawab Allah, “Tidak. Seperti yang aku katakan tadi, isterimu Śarah akan melahirkan seorang anak lelaki bagimu. Kau harus menamakannya Yiş`haq. Dengan dialah aku akan memantapkan perjanjian ^{ku} sebagai perjanjian abadi untuk keturunannya seterusnya.</p> <p>17:20 Tetapi aku memang telah mendengar permintaan mu mengenai Yisyma`el itu. Oleh itu aku akan memberkati dia dan membuatnya beranak-cucu banyak dan aku akan memperbanyakkan keturunannya dengan amat sangat. Dia akan menjadi bapa kepada dua belas ketua suku bangsa, dan aku akan membuat</p>	<p>but her name will be Sarah. 17:16 I will bless her, and moreover I will give you a son by her. Yes, I will bless her, and she will be a mother of nations. Kings of peoples will come from her.”</p> <p>17:17 Then Abraham fell on his face, and laughed, and said in his heart, “Will a child be born to him who is one hundred years old? Will Sarah, who is ninety years old, give birth?”</p> <p>17:18 Abraham said to God, “Oh that Ishmael might live before you!”^{17:19} God said, “No, but Sarah, your wife, will bear you a son. You shall call his name Isaac. I will establish my covenant with him for an everlasting covenant for his seed after him.</p> <p>17:20 As for Ishmael, I have heard you. Behold, I have blessed him, and will make him fruitful, and will multiply him exceedingly. He will become the father of twelve princes, and I will make him a great nation. 17:21 But my covenant I establish with Isaac, whom</p>
---	---	---

^{n 17:15} Kedua-dua nama *Śaray* dan *Śarah* bermakna *putera*. Rupanya namanya diubah hanya utk menekankan bahawa dia akan menjadi ibu kpd negara/bangsa dan raja.

^{h 17:16} *akan hrffh: telah*. Penggunaan kata *telah* di sini menunjukkan kepastian janji Allah akan dikabul.

^{h 17:17} *Abram sujud dengan mukanya di tanah hrffh: Abram jatuh atas mukanya*

^{h 17:18} *Hrffh: “Semoga Yisyma`el hidup di hadapan mu.”* Kata-kata ini biasanya merupakan permintaan berkat/restu, dan di sini, secara tidak langsung, merupakan permintaan agar Yisyma`el menjadi pewaris perjanjian yg diberikan Tuhan kpd Abraham.

^{e 17:19} *Yiś`haq* disebut *Yiś`haq* atau *Yits`hak*. (Huruf *ś* dan *h* itu bukan satu bunyi tetapi dua. Huruf *ś* disebut dlm b. Ibrani moden sebagai *ts*.) Ia dieja dgn koma atas utk menolong dlm sebutan dan bukan utk memisahkan dua bahagian nama. Dlm b. Ibrani *h* itu ialah *khet*, atau Jawi *ha besar*. Ejaan tradisi Melayu ialah *Ishak* tetapi ia agak jauh dr sebutan asli. Makna *Yiś`haq* adalah *dia ketawa*.

^{h 17:20} *berbanyak anak-cucu hrffh: subur*

^{j 17:20} *ketua trjmhn 2: pemimpin trjmhn 3: putera*

<p>membuat keturunannya bangsa^j yang besar. ^{17:21} Tetapi aku akan memantapkan perjanjianku dengan Yiş'haq yang akan dilahirkan Şarah untuk kau pada musim ini tahun depan.” ^{17:22} Sesudah selesai bercakap dengan Abraham Allah naik^t dari dia.</p> <p>^{17:23} Pada hari itu juga Abraham membawa anaknya Yisyma`el dan semua yang lahir dalam perkhemahannya^h dan semua yang dibeli dengan wangnya – setiap lelaki di antara lelaki-lelaki perkhemahan – dan Abraham menyunat mereka dengan memotong kulit khatan mereka sama seperti yang dikatakan Allah kepadanya.</p> <p>^{17:24} Abraham berumur 99 tahun sewaktu ia disunat dengan memotong kulit khatannya. ^{17:25} Anaknya Yisyma`el berumur 13 tahun waktu kulit khatannya disunat. ^{17:26} Ya, pada hari itu Abraham dan anaknya Yisyma`el disunat. ^{17:27} Semua lelaki dalam perkhemahannya^h disunat bersama dengannya, samada orang yang lahir di perkhemahan mahupun anak orang lain yang telah dibeli dengan wang.</p> <p>Tiga Utusan Bertemu dengan Abraham</p> <p>^{18:1} Pada suatu hari Yahweh menampakkan diri kepada Abraham^h dekat^t kayu-kayu besar Mamre. ^p Abraham sedang duduk di pintu khemah sewaktu hari panas. ^{18:2} Dia mangalihkan pandangannya^h dan dia nampak tiga lelaki berdiri di hadapannya.</p>	<p>keturunannya bangsa besar. ^{17:21} Tetapi aku akan memantapkan perjanjian ku dengan anak kau Yiş'haq yang akan dilahirkan Şarah pada musim ini tahun depan.” ^{17:22} Sesudah selesai bercakap dengan Abraham Allah naik dari dia.</p> <p>^{17:23} Pada hari itu juga Abraham membawa anaknya Yisyma`el dan semua lelaki yang dilahirkan dalam perkhemahannya dan semua hamba lelaki yang dibelinya – semua lelaki dari perkhemahan – dan menyunat mereka, sama seperti yang Allah perintahkan.</p> <p>^{17:24} Abraham sendiri pun disunat; ketika itu umurnya 99 tahun. ^{17:25} Anaknya Yisyma`el berumur 13 tahun waktu ia disunat. ^{17:26} Ya, Abraham dan anaknya Yisyma`el disunat pada hari yang sama. ^{17:27} Jadi, begitulah: semua lelaki di bawah naungan Abraham disunat bersama dengannya, samada orang yang lahir di dalam kumpulannya mahupun anak orang lain yang telah dibelinya.</p> <p>Tiga Utusan Bertemu dengan Abraham</p> <p>^{18:1} Pada suatu masa khemah Abraham terpasang dekat kayu-kayu besar Mamre. Pada suatu tengah hari yang panas, semasa Abraham duduk di pintu khemahnya, Yahweh menampakkan dirinya kepadanya. ^{18:2} Ia terjadi begini: Abraham mangalihkan pandangannya dan</p>	<p>Sarah will bear to you at this set time next year.”</p> <p>^{17:22} When he finished talking with him, God went up from Abraham.</p> <p>^{17:23} Abraham took Ishmael his son, all who were born in his house, and all who were bought with his money; every male among the men of Abraham's house, and circumcised the flesh of their foreskin in the same day, as God had said to him.</p> <p>^{17:24} Abraham was ninety-nine years old, when he was circumcised in the flesh of his foreskin. ^{17:25} Ishmael, his son, was thirteen years old when he was circumcised in the flesh of his foreskin. ^{17:26} In the same day both Abraham and Ishmael, his son, were circumcised. ^{17:27} All the men of his house, those born in the house, and those bought with money of a foreigner, were circumcised with him.</p> <p>Three Strangers Visit Abraham</p> <p>^{18:1} Yahweh appeared to him by the oaks of Mamre, as he sat in the tent door in the heat of the day. ^{18:2} He lifted up his eyes and looked, and saw that three men stood opposite him. When he saw them, he ran to meet them from the tent door,</p>
--	--	---

^j ^{17:20} bangsa trjmhn lain: negara

^t ^{17:22} naik tfsrn 1: naik ~tfsrn 2: pergi *

^h ^{17:23} dalam perkhemahannya hrhf: dalam rumahnya / dalam rumah tangganya trjmhn lain: di bawah naungannya

^h ^{17:27} perkhemahan hrhf: rumah / rumah tangga

^h ^{18:1} Abraham hrhf: dia

^t ^{18:1} dekat tfsrn lain: di tengah-tengah

^p ^{18:1} Mamre dianggap nama si pemilik tanah tempat kayu itu. Ini disebut juga di 13:18.

^h ^{18:2} Dia mangalihkan pandangannya hrhf: Dia angkat matanya melihat

<p>Semasa dia nampak mereka, dia pun lari dari pintu khemah untuk bertemu dengan mereka. Seterusnya ia sujud ke tanah.</p> <p>18:3 Katanya, “Tuan, ^t sekiranya saya berkenan di mata mu, ^j janganlah lalui hamba mu. 18:4 Biarlah sedikit air dibawa agar kamu dapat membasuh kaki kamu dan rehat ^h di bawah pokok ini. 18:5 Oleh kerana kamu melalui sini, tempat hamba kamu, biarlah saya membawa sedikit makanan ^j untuk menguatkan kamu, ^h dan selepas itu barulah tuan-tuan teruskan perjalanan.” Mereka berkata, “Sila buat seperti yang telah kau katakan.”</p> <p>18:6 Abraham terus pergi ke khemah Sarah dan berkata, “Cepat ambil tiga sukatan ^p tepung halus, ^j uli dan buatlah roti.” 18:7 Kemudian Abraham berlari ke kawanan lembu dan mengambil seekor anak lembu yang dagingnya lembut dan sedap ^h dan memberikannya kepada hambanya yang bergegas-gegas menyediakannya. 18:8 Lalu dia membawa dadih ^t dan susu bersama daging anak lembu yang telah disediakan dan meletaknya di hadapan mereka. Dia berdiri dekat mereka di bawah pokok itu dan mereka makan.</p>	<p>nampak tiga lelaki berdiri di hadapannya. Ternampak sahaja dia akan mereka, dia pun berlari dari situ untuk menyongsong mereka. Seterusnya dia sujud dengan mukanya ke tanah.</p> <p>18:3 Katanya, “Tuan, sekiranya hamba berkenan di mata tuan-tuan, singgahlah di tempat hamba. 18:4 Duduklah berehat di bawah pokok ini dan hamba akan menyuruh orang hamba mengambil sedikit air agar kaki tuan-tuan boleh dibasuh. 18:5 Oleh kerana tuan-tuan menghormati hamba dengan menyinggahi tempat hamba, biarlah hamba menyajikan sedikit makanan untuk menguatkan tuan-tuan, dan selepas itu barulah tuan-tuan meneruskan perjalanan tuan-tuan lagi.” Mereka menjawab, “Terima kasih atas layananmu.”</p> <p>18:6 Abraham terus masuk ke dalam khemahnya dan berkata kepada Sarah, “Cepat ambil tiga besen tepung yang terbaik, uli dan buatlah roti.” 18:7 Kemudian Abraham berlari ke kawanan lembu dan memilih seekor anak lembu yang dagingnya lembut dan sedap dan menyuruh hambanya menyediakannya. Jadi hamba itu menyembelih dan memasak dengan secepatnya. 18:8 Setelah makanan itu siap, dia membawa dadih dan susu bersama daging anak lembu yang telah dimasak itu dan menghidangkannya kepada mereka. Dia berdiri dekat mereka sewaktu mereka makan di bawah pokok itu.</p>	<p>and bowed himself to the earth,</p> <p>18:3 and said, “My lord, if now I have found favor in your sight, please don’t go away from your servant. 18:4 Now let a little water be fetched, wash your feet, and rest yourselves under the tree. 18:5 I will get a morsel of bread so you can refresh your heart. After that you may go your way, now that you have come to your servant.” They said, “Very well, do as you have said.”</p> <p>18:6 Abraham hurried into the tent to Sarah, and said, “Quickly prepare three measures of fine meal, knead it, and make cakes.” 18:7 Abraham ran to the herd, and fetched a tender and good calf, and gave it to the servant. He hurried to dress it. 18:8 He took butter, milk, and the calf which he had dressed, and set it before them. He stood by them under the tree, and they ate.</p>
---	---	--

^t **18:3** *tuan tfsrn 2: tuan-tuan tfsrn 3: Tuhan.* Abraham mengarahkan kata-katanya kpd hanya salah satu drpd tiga orang itu. Dlm ayat 4-5 ia bercakap kpd ketiga-tiga orang itu. Kita tdk tahu setakat mana dia sedar bahawa yg satu itu sebenarnya Tuhan, tetapi ternyata bahawa ia sedar yg satu itu pemimpin tiga orang tersebut.

^j **18:3** *Tuan, sekiranya saya berkenan di mata mu Trjmh 2: Tuan, sekiranya hamba berkenan di mata tuan-tuan, Trjmh 3: Tuan, sekiranya Tuan anggap hamba layak disinggahi,*

^h **18:4** *rehat hrhf: bersandar.* Agaknya itu bermakna **duduk di bawah pokok ini atau bersandar di perdunya/pangkal pokok itu.**

^j **18:5** *makanan trjmh lain: roti.* Rujukan utama perkataan Ibrani **lehem** ialah **roti**, tetapi ia juga boleh bermaksud **makanan** saja kerana roti adalah makanan utama mereka.

^h **18:5** *kamu hrhf: hati kamu*

^p **18:6** Jumlah yg dimaksudkan oleh istilah **segal** ini adalah lebih-kurang 7 liter, dan oleh itu semua yg diambilnya adalah sekitar 21 liter tepung. Mungkin jumlah tepung itu agak terlalu banyak supaya mereka dapat membawa ia sebagai bekalan bersama mereka.

^j **18:6** *halus trjmh lain: terbaik.* Pd waktu itu, jenis tepung yg digiling halus adalah gandum yg terbaik.

^p **18:6** Ini sejenis roti bulat yg leper. Ia boleh dimasak dgn cepat dan tdk perlu berkembang terlebih dahulu.

^h **18:7** *sedap hrhf: baik*

^t **18:7** *dadih tfsrn lain: keju*

<p>18:9 Pemimpin mereka berkata kepadanya, “Di mana isteri kau Sarah?” Dia berkata, “Di dalam khemah di situ.”^p</p> <p>18:10 Dia berkata lagi, “Aku memang akan kembali kepada kau pada masa ini tahun depan^t dan isteri kau Sarah sudah ada anak lelaki.^h</p> <p>Sarah sedang mendengar di pintu khemah yang di belakang dia. 18:11 Waktu itu Abraham dan Sarah sudah tua, semakin lanjut umur^h dan Sarah mati haid.^h 18:12 Jadi, Sarah tertawa dalam hati dan berkata, “Sesudah saya uzur, adakah saya dapat kenikmatan beranak?^t Lagipun, tuan saya pun tua.”</p> <p>18:13 Kemudian Yahweh berkata kepada Abraham, “Kenapa Sarah tertawa dan berkata, ‘Adakah saya dapat beranak sedangkan saya sudah tua?’^j 18:14 Adakah perkara yang terlalu susah untuk Yahweh?^j Jadi, pada masa yang ditentukan, aku akan kembali kepada kau pada masa ini tahun depan^t dan Sarah akan ada anak lelaki.” 18:15 Sarah menafikannya dengan berkata, “Saya tidak ketawa,” kerana dia takut. Tetapi dia berkata, “Tidak benar itu. Kau memang ketawa.”</p> <p>Doa Syafaat Abraham untuk Sodom^e</p>	<p>18:9 Pemimpin tiga orang itu bertanya, “Di mana Sarah isteri kau?” Abraham menjawab, “Di dalam khemah di situ.”</p> <p>18:10 Dia berkata lagi, “Aku jamin aku akan kembali kepada kau pada masa ini tahun depan dan waktu itu isterimu Sarah sudah ada anak lelaki.</p> <p>Sarah sedang mendengar di pintu khemah di belakang mereka sewaktu mereka bercakap. 18:11 Waktu itu Abraham dan Sarah sudah cukup lanjut umur dan Sarah sudah mati haid. 18:12 Jadi, Sarah tertawa dalam hatinya dan berkata, “Sesudah badan saya uzur begini, adakah saya masih dapat menikmati anak?” Lagipun, suami saya pun tua.”</p> <p>18:13 Pemimpin tiga orang itu sebenarnya Yahweh. Jadi Yahweh bertanya kepada Abraham, “Kenapa Sarah tertawa dan berkata, ‘Adakah saya masih dapat beranak sedangkan saya sudah tua?’^j 8:14 Adakah perkara yang terlalu susah untuk aku? Tidak mungkin! Jadi, aku akan kembali kepada kau pada masa ini tahun depan seperti yang telah ditentukan dan Sarah akan ada anak lelaki.” 18:15 Oleh kerana Sarah takut, dia berbohong dan menafikannya dengan berkata, “Hamba tidak ketawa.” Tetapi Yahweh menjawab, “Ya, memang pun kau ketawa.”</p> <p>Doa Syafaat Abraham untuk Sodom</p>	<p>18:9 They asked him, “Where is Sarah, your wife?” He said, “See, in the tent.”</p> <p>18:10 He said, “I will certainly return to you when the season comes round. Behold, Sarah your wife will have a son.” Sarah heard in the tent door, which was behind him.</p> <p>18:11 Now Abraham and Sarah were old, well advanced in age. Sarah had passed the age of childbearing. 18:12 Sarah laughed within herself, saying, “After I have grown old will I have pleasure, my lord being old also?”</p> <p>18:13 Yahweh said to Abraham, “Why did Sarah laugh, saying, ‘Will I really bear a child, yet I am old?’ 18:14 Is anything too hard for Yahweh? At the set time I will return to you, when the season comes round, and Sarah will have a son.”</p> <p>18:15 Then Sarah denied, saying, “I didn’t laugh,” for she was afraid. He said, “No, but you did laugh.”</p> <p>Abraham Intercedes for Sodom</p>
--	--	---

^p **18:9** Istilah yg digunakan di sini membawa makna bahawa khemah itu dapat dilihat dr tempat mereka duduk.

^t **18:10** *pada masa ini tahun depan* **tfsrn lain:** *pada musim bunga* **hrfh:** *pada waktu hidup kembali*. Istilah *hidup kembali* atau *pemulihan* mungkin merujuk kpd masa yg sama dlm tahun, atau kpd tumbuh-tumbuhan yg hidup kembali pd musim bunga. Sama dlm ayat 14.

^h **18:10** *isterimu Sarah sudah ada anak lelaki*. **hrfh:** *anak lelaki kepada Sarah isterimu*. Sama di ayat 14.

^h **18:11** *Abraham dan Sarah sudah tua, semakin lanjut umur* **hrfh:** *Abraham dan Sarah tua, pergi dalam hari, pergi dalam hari* atau *bertambah hari* menekankan bahawa umur mereka cukup tua. (ungkapan dalam b. Inggeris *getting on in years* hampir sama dgn ini.)

^h **18:11** *Sarah mati haid*. **hrfh:** *telah berhenti untuk Sarah cara/jalan seperti perempuan*.

^t **18:12** **Tfsrn lain:** *Sesudah saya usang, apakah saya dapat mengandung?*

^j **18:13** **Trjmh n lain:** “Kenapa Sarah tertawa dan tidak percaya bahawa dia boleh beranak sewaktu sudah tua?”

^j **18:14** **Trjmh n 2:** *Adakah perkara yang terlalu susah untuk saya? Sudah tentu tidak.* **Trjmh n 3:** *Akulah Tuhan; tiada yang terlalu susah bagi ku!* **Trjmh n 4:** *Akulah Tuhan; tiada yang mustahil bagi ku.*

^t **18:14** *pada masa ini tahun depan* **tfsrn lain:** *pada musim bunga* **hrfh:** *pada waktu hidup kembali*. Istilah *hidup kembali* atau *pemulihan* mungkin merujuk kpd masa yg sama dlm tahun, atau kpd tumbuh-tumbuhan yg hidup kembali pd musim bunga.

^e **18:16** *Sodom ejaan Ibrani: **Sedom*** (dgn ‘e pepet’). Kalau ejaan *Sedom* digunakan dlm b. Melayu, sudah tentu ia akan disebut dgn *e taling*, dan oleh itu kami ikut sahaja ejaan tradisi *Sodom*.

<p>18:16 Orang-orang itu berdiri untuk berangkat dari situ dan memandang ke bawah^p ke arah kota Sodom,^h dan Abraham berjalan bersama mereka untuk menghantar mereka dalam perjalanan mereka. 18:17 Yahweh berkata di dalam hatinya, “Haruskah aku menyembunyikan dari Abraham apa yang akan aku lakukan?”^j 18:18 Sebab sememangnya Abraham akan menjadi negara^j yang besar dan kuat,^j dan semua bangsa^j di bumi akan diberkati melalui dia.^h 18:19 Sebab aku telah memilihnya^h agar dia dapat menyuruh anak-anaknya dan keturunannya^h yang seterusnya^h untuk mengikuti^j jalan Yahweh, iaitu melakukan kebenaran dan keadilan, agar Yahweh dapat memberikan kepada Abraham apa yang telah dikatakan kepadanya.”^p</p> <p>18:20 Jadi Yahweh berkata kepada Abraham, “Raungan bantahan mengenai Sodom dan Gomora begitu banyak^t kerana dosa-dosa mereka teruk sekali. 18:21 Aku akan turun pergi ke sana^p untuk melihat samada mereka betul-betul melakukan sama seperti raungan bantahan yang datang kepada aku. Kalau tidak, aku akan tahu juga.”^t 18:22 Dua</p>	<p>18:16 Ketiga-tiga orang itu berdiri untuk berangkat dari situ dan Abraham berjalan bersama mereka untuk mengiringi mereka beberapa jauh. Mereka bertiga memandang kota Sodom yang terletak di lembah di bawah mereka. 18:17 Yahweh berkata di dalam hatinya, “Tidak baik aku sembunyikan dari Abraham apa yang akan aku lakukan. 18:18 Sebab sememangnya keturunannya akan menjadi negara yang besar dan kuat, dan semua bangsa di bumi akan diberkati melalui dia dan keturunannya. 18:19 Aku telah memilih dia untuk suatu hubungan khas dengan aku, agar dia dapat menyuruh anak-anaknya dan keturunannya yang seterusnya untuk mengikuti jalan ku, iaitu melakukan hal yang benar dan adil. Dengan demikian aku dapat tunaikan apa yang telah kujanjikan kepada Abraham.”</p> <p>18:20 Jadi Yahweh berkata kepada Abraham, “Ah, banyaknya raungan bantahan mengenai orang di Sodom dan Gomora yang sampai di telinga ku yang berkata bahawa dosa-dosa mereka teruk sekali. 18:21 Aku akan pergi ke sana untuk memastikan adakah betul mereka bertingkah laku seperti raungan bantahan yang sampai di telinga ku itu. Kalau tidak, aku akan tahu juga. 18:22 Dua orang itu bertolak</p>	<p>18:16 The men rose up from there, and looked toward Sodom. Abraham went with them to see them on their way. 18:17 Yahweh said, “Will I hide from Abraham what I do, 18:18 since Abraham has surely become a great and mighty nation, and all the nations of the earth will be blessed in him? 18:19 For I have known him, to the end that he may command his children and his household after him, that they may keep the way of Yahweh, to do righteousness and justice; to the end that Yahweh may bring on Abraham that which he has spoken of him.”</p> <p>18:20 Yahweh said, “Because the cry of Sodom and Gomorrah is great, and because their sin is very grievous, 18:21 I will go down now, and see whether their deeds are as bad as the reports which have come to me. If not, I will know.” 18:22 The men turned from there, and went toward Sodom, but Abraham stood yet before</p>
---	--	--

^p **18:16** Dlm ayat 13:10 dikatakan Lot *mengangkat mata* utk melihat di sebelah kota Sodom, sedangkan di sini Yahweh *tengok ke bawah*. Mungkin tersirat makna rohani dlm lain-lain cara memandang tempat yg sama.

^h **18:16** *kepada kota Sodom hrffh: kepada permukaan Sodom.* Ia merujuk permukaan tanah di sebelah kota Sodom.

^j **18:17** *Trjmhn lain: Lebih baik saya memberitahukan Abraham apa yang akan saya lakukan.*

^j **18:18** *negara trjmhn lain: bangsa*

^j **18:18** *kuat trjmhn lain: ramai/banyak.* Perkataan *kuat* juga mempunyai makna *ramai*, dan boleh membawa kedua-dua makna.

^j **18:18** *bangsa trjmhn lain: negara*

^h **18:18** *melalui dia. hrffh: dalam dia.*

^h **18:19** *memilih hrffh: kenal*

^h **18:19** *keturunannya hrffh: orang di rumahnya / orang di rumah-tangganya.* Di sini *orang di rumahnya* merujuk kpd keturunan Abraham yg akan menjadi bangsa Yahudi di kemudian hari. Tfsrn ini berdasarkan New JPS Translation.

^h **18:19** *seterusnya hrffh: selepas dia.* Ini merujuk kpd generasi yg berik特.

^j **18:19** *mengikuti trjmhn lain: mentaati*

^p **18:19** Fahaman ttg perkataan *kenal* sbg *suatu hubungan khas* dlm trjmhn idiomatik berdasarkan “The JPS Torah Commentary,” Kej 4:1.

^t **18:20** *Tfsrn lain: Raungan bantahan/bangkangan mengenai Sodom dan Gomora begitu kuat*

^p **18:21** Letak Sodom & Gomora adalah berhampiran Laut Mati, yg jauh lebih rendah drpd tempat Abraham.

^t **18:21** *Kalau tidak, saya akan tahu juga. tfsrn lain: Kalau tidak, saya hendak tahu juga.*

<p>orang itu bertolak^h dari situ untuk pergi ke Sodom, manakala Abraham tetap berdiri di depan Yahweh.^m</p> <p>18:23 Lalu Abraham mendekati Yahweh dan berkata, “Adakah kamu akan membinasakan^h orang benar bersama orang jahat? 18:24 Katakanlah ada 50 orang benar di dalam bandar itu. Adakah Tuhan akan membinasakannya? Tidakkah Tuhan melepaskan tempat itu dari pembinasaan^t bagi pihak 50 orang benar yang di dalamnya? 18:25 Tak mungkin untuk Tuhan membuat hal seumpama itu, dengan membunuh orang benar bersama orang jahat sehingga orang benar senasib dengan orang jahat. Tak mungkin untuk Tuhan – hakim seluruh dunia – berlaku tidak adil.”^{h j}</p> <p>18:26 Yahweh berkata, “Kalau aku dapat menjumpai 50 orang benar di dalam kota Sodom, aku akan melepaskan tempat itu dari pembinasaan disebabkan mereka.</p> <p>18:27 Abraham menjawab dengan berkata, “Oleh sebab saya sudah memberanikan diri bercakap^j dengan Tuhan, walaupun saya hanya tanah^t dan abu, 18:28 bagaimana kalau jumlah orang benar kurang lima daripada 50 orang. Adakah Tuhan akan membinasakan seluruh kota itu disebabkan kekurangan lima orang itu?” Dia berkata, “Aku tidak akan membinasakannya kalau aku menemui 45 orang benar di situ.”</p>	<p>dari situ untuk pergi ke Sodom, manakala Abraham tetap berdiri di depan Yahweh.</p> <p>18:23 Lalu Abraham mendekati Yahweh dan bertanya, “Adakah Tuhan akan membinasakan orang benar bersama orang jahat? 18:24 Katakanlah ada 50 orang yang tidak bersalah di dalam bandar itu. Adakah Tuhan akan membinasakannya? Tidakkah Tuhan melepaskan tempat itu dari pembinasaan bagi pihak 50 orang benar yang di dalamnya? 18:25 Mana boleh engkau membuat hal seumpama itu Tuhan, dengan membunuh orang benar bersama orang jahat sehingga orang benar senasib dengan orang jahat? Sebagai hakim seluruh dunia, tak mungkin Tuhan berlaku tidak adil.”</p> <p>18:26 Yahweh menjawabnya, “Kalau wujud 50 orang benar di dalam kota Sodom, aku tidak akan membinasakan tempat itu disebabkan mereka.</p> <p>18:27 Abraham menjawab dengan bertanya lagi, “Oleh sebab hamba sudah memberanikan diri bercakap dengan Tuhan, walaupun hamba tidak lebih dari tanah dan abu, hamba minta tolong bersabar dengan soalan hamba lagi. 18:28 Bagaimana kalau jumlah orang benar di kota Sodom kurang lima daripada 50 orang. Adakah Tuhan akan membinasakan seluruh kota itu disebabkan kekurangan lima orang daripada lima puluh itu?” Yahweh menjawab, “Aku tidak akan membinasakannya kalau wujud 45 orang benar di situ.”</p>	<p>Yahweh.</p> <p>18:23 Abraham drew near, and said, “Will you consume the righteous with the wicked? 18:24 What if there are fifty righteous within the city? Will you consume and not spare the place for the fifty righteous who are in it? 18:25 Be it far from you to do things like that, to kill the righteous with the wicked, so that the righteous should be like the wicked. May that be far from you. Shouldn’t the Judge of all the earth do right?”</p> <p>18:26 Yahweh said, “If I find in Sodom fifty righteous within the city, then I will spare all the place for their sake.”</p> <p>18:27 Abraham answered, “See now, I have taken it on myself to speak to the Lord, who am but dust and ashes. 18:28 What if there will lack five of the fifty righteous? Will you destroy all the city for lack of five?” He said, “I will not destroy it, if I find forty-five there.”</p>
--	--	---

^h 18:22 bertolak hrhf: belok

^m 18:22 Abraham tetap berdiri di depan Yahweh. Manuskrip lain: Yahweh tetap berdiri di depan Abraham.

^h 18:23 membinasakan hrhf: menyapubersihkan. Sama dlm ayat 24.

^t 18:24 Tidakkah kau melepaskan tempat itu dari pembinasaan membinasakan tfsrn lain: Tidakkah kau mengampuni tempat itu

^h 18:25 berlaku adil hrhf: membuat keadilan

^j 18:25 Trjmhn lain: Sebagai hakim seluruh dunia, kau wajib berlaku adil.

^j 18:27 Oleh sebab saya sudah memberanikan diri trjmhn lain: Ampun Tuhan ku, seribu kali ampun. Oleh sebab saya sudah memberanikan diri ... hrhf: Oleh sebab tengoklah saya sudah bermula bercakap... Ini cara yang sopan untuk mengatakan bahawa dia mengambil risiko bercakap dgn Tuhan.

^t 18:27 tanah tfsrn lain: habuk/debu. Istilah ini boleh merujuk kpd tanah yg gembur atau debu.

18:29 Dia bercakap sekali lagi kepadanya dengan berkata, “Bagaimana kalau 40 orang benar ditemui di sana?” Dia berkata, “Aku tidak akan melakukannya disebabkan 40 itu.”

18:30 Dia berkata, “Janganlah marah kalau saya bercakap lagi dengan Tuhan. Bagaimana kalau 30 orang benar ditemui di sana?” Dia berkata, “Aku tidak akan melakukannya kalau aku menemui 30 di sana.”

18:31 Dia berkata, “Oleh kerana saya sudah memberanikan diri bercakap dengan Tuhan, bagaimana kalau 20 orang benar ditemui di sana?” Dia berkata, “Aku tidak akan membinasakannya disebabkan 20 itu.”

18:32 Dia berkata, “Janganlah marah kalau saya bercakap kepada Tuhan hanya satu kali lagi. Bagaimana kalau 10 orang benar ditemui di sana?” Dia berkata, “Aku tidak akan membinasakannya disebabkan 10 itu.”

18:33 Yahweh berjalan apabila selesai bercakap dengan Abraham dan Abraham pulang ke tempat tinggalnya.

Kebinasaan Sodom dan Gomorah

19:1 Dua malaikat^p itu tiba di Sodom pada waktu petang, dan Lot sedang duduk berdekatan pintu gerbang Sodom.^p Lot nampak mereka dan berdiri untuk menyambut mereka. Seterusnya dia sujud dengan mukanya ke tanah. **19:2** Dia berkata, “Tuan-tuan, sila singgahlah di rumah hamba kamu, cucilah kaki kamu dan bermalamlah. Dengan

18:29 Abraham bertanya sekali lagi, “Bagaimana kalau wujud 40 orang benar di sana?” Yahweh menjawab, “Aku tidak akan melakukannya disebabkan 40 orang benar itu.”

18:30 Kemudian Abraham berkata, “Tuhan, janganlah marah kalau hamba bertanya lagi. Bagaimana kalau wujud 30 orang benar di sana?” Yahweh menjawab, “Aku tidak akan melakukannya kalau wujud 30 orang benar di sana.”

18:31 Abraham berkata, “Oleh kerana hamba sudah memberanikan diri bertanya kepada Tuhan, bagaimana kalau wujud 20 orang benar di sana?” Yahweh menjawab, “Aku tidak akan membinasakannya disebabkan 20 orang benar itu.”

18:32 Abraham berkata, “Janganlah marah kalau hamba bertanya kepada Tuhan hanya satu kali lagi. Bagaimana kalau wujud 10 orang benar di sana?” Yahweh menjawab, “Aku tidak akan membinasakannya disebabkan 10 orang benar itu.”

18:33 Apabila Yahweh selesai bercakap dengan Abraham, dia pun berjalan. Abraham pun pulang ke perkhemahannya.

Kebinasaan Sodom dan Gomorah

19:1 Dua malaikat tersebut yang telah berpisah dari Yahweh dan Abraham tiba di kota Sodom pada waktu petang. Lot sedang duduk berdekatan pintu gerbang tempat masuk kota Sodom. Dia nampak mereka dan berdiri untuk menyambut mereka. Seterusnya dia sujud dengan mukanya ke tanah. **19:2** Lot berkata, “Tuan-tuan, silalah singgah di rumah hamba tuan-tuan, cucilah kaki tuan-tuan dan

18:29 He spoke to him yet again, and said, “What if there are forty found there?” He said, “I will not do it for the forty’s sake.”

18:30 He said, “Oh don’t let the Lord be angry, and I will speak. What if there are thirty found there?” He said, “I will not do it, if I find thirty there.”

18:31 He said, “See now, I have taken it on myself to speak to the Lord. What if there are twenty found there?” He said, “I will not destroy it for the twenty’s sake.”

18:32 He said, “Oh don’t let the Lord be angry, and I will speak just once more. What if ten are found there?” He said, “I will not destroy it for the ten’s sake.”

18:33 Yahweh went his way, as soon as he had finished communing with Abraham, and Abraham returned to his place.

The Destruction of Sodom and Gomorah

19:1 The two angels came to Sodom at evening. Lot sat in the gate of Sodom. Lot saw them, and rose up to meet them. He bowed himself with his face to the earth, **19:2** and he said, “See now, my lords, please turn aside into your servant’s house, stay all night, wash your feet, and you can rise up early, and go on your way.”

^p **19:1** Malaikat ini ialah ‘orang’ yg disebut di **18:22**. Di sini sifat sebenarnya dinyatakan. Perkataan malaikat ini bermakna utusan atau pembawa berita, samada dia manusia atau roh. Di sini jelas bahawa dia adalah roh.

^p **19:1** Pintu gerbang kota adalah tempat pemimpin kota itu berkumpul untuk melaksanakan bisnes kota itu.

demikian esok kamu boleh bangun awal dan bertolak meneruskan perjalanan kamu. Mereka berkata, “Tak apalah. Kami bermalam di medan kota sajalah.”^{19:3} Dia mendesak betul sehingga mereka mengikutinya sampai ke rumah. Dia membuat makanan istimewa untuk mereka, termasuk membakar roti leper tak beragi. Kemudian mereka makan.

^{19:4} Sebelum mereka berbaring tidur, lelaki kota itu, iaitu lelaki Sodom sudah mengelilingi rumah itu, dari orang muda sampai yang tua, semua orang dari seluruh kota.^{t 19:5} Mereka memanggil Loṭ dan berkata kepadanya, “Di mana orang yang datang ke rumah kau malam ini? Bawalah mereka kepada kami supaya kami dapat bersetubuh dengan mereka.”^j

^{19:6} Loṭ keluar berjumpa dengan^h mereka dan menutup pintu di belakangnya.^{p 19:7} Katanya, “Saudara-saudaraku, tolonglah jangan bertindak jahat.”^{19:8} Tengok sini. Saya ada dua anak perempuan yang belum pernah disentuh^h lelaki. Biarkanlah saya membawa mereka keluar, dan kamu perlakukanlah mereka menurut apa yang baik di mata kamu; cuma janganlah apa-apakan lelaki-lelaki ini, kerana mereka telah masuk ke bawah teduhan bumbungku.”^p

^{19:9} Kata mereka, “Nyah kau dari situ.” Kepada satu sama yang lain mereka berkata, “Orang ini datang sebagai orang asing dan sekarang dia mahu menghukum kita.”

bermalamlah di rumah hamba. Dengan demikian esok tuan-tuan boleh bangun awal dan bertolak untuk meneruskan perjalanan tuan-tuan. Mereka jawab, “Tak apalah. Kami bermalam di medan kota sajalah.”^{19:3} Loṭ terus-menerus mendesak mereka sehingga mereka mengikutinya sehingga ke rumah. Dia menyuruh orang membuat makanan istimewa untuk mereka, termasuk membakar roti leper. Kemudian mereka makan.

^{19:4} Tetapi sebelum mereka sempat masuk tidur, rumah itu sudah dikelilingi oleh semua lelaki kota Sodom. Mereka adalah dari yang berusia muda hingga yang berusia tua dan datang dari setiap sudut kota.^{19:5} Mereka memanggil Loṭ dan berkata kepadanya, “Di mana pelawat yang datang ke rumah mu malam ini? Keluarkanlah mereka dari rumah supaya kami dapat berfoya-foya dengan mereka.”

^{19:6} Loṭ keluar dari rumah dan menutup pintu di belakangnya.^{19:7} Katanya kepada mereka, “Saudara-saudaraku, tolonglah jangan bertindak jahat.”^{19:8} Dengarlah saya ini. Saya ada dua anak perempuan yang masih perawan. Biarkanlah saya membawa mereka keluar. Kamu boleh perlakukan mereka sesuka hati; cuma janganlah apa-apakan dua lelaki ini kerana mereka telah masuk ke dalam rumah saya dan oleh itu saya wajib melindungi mereka.”

^{19:9} Kata mereka, “Nyah kau dari situ.” Mereka berkata kepada satu sama yang lain, “Orang ini datang sebagai orang asing dan sekarang dia mahu menghukum kita.” Kemudian

They said, “No, but we will stay in the street all night.”

^{19:3} He urged them greatly, and they came in with him, and entered into his house. He made them a feast, and baked unleavened bread, and they ate.

^{19:4} But before they lay down, the men of the city, the men of Sodom, surrounded the house, both young and old, all the people from every quarter.

^{19:5} They called to Lot, and said to him, “Where are the men who came in to you this night? Bring them out to us, that we may have sex with them.”

^{19:6} Lot went out to them to the door, and shut the door after him.^{19:7} He said, “Please, my brothers, don’t act so wickedly.

^{19:8} See now, I have two virgin daughters. Please let me bring them out to you, and you may do to them what seems good to you. Only don’t do anything to these men, because they have come under the shadow of my roof.”

^{19:9} They said, “Stand back!” Then they said, “This one fellow came in to live as a foreigner, and he appoints himself a judge. Now will we

^{t 19:4} dari seluruh kota. / dari setiap sudut kota. tfsrn lain: setiap orang (tanpa pengecualian). hrhf: dari hujung.

^{j 19:5} bersetubuh dengan mereka. hrhf: mengenali mereka. Istilah ini biasanya digunakan utk bersetubuh, tetapi ternyata maksud di sini adalah meliwat. Trjmh 2: bersetubuh dengan mereka. Trjmh 3: meliwat mereka. Terjemahan di atas tdk menggunakan kata meliwat kerana orang jahat biasanya tdk mahu menyebut secara terus-terang perbuatan jahat yg hendak mereka lakukan.

^{h 19:6} berjumpa dengan hrhf: kepada

^{p 19:6} Mereka tinggal di dalam rumah batu, jadi ia agak selamat dari serangan.

^{h 19:8} disentuh hrhf: mengenali. Bermakna, belum pernah ada hubungan seks dgn lelaki.

^{p 19:8} Terdapat adat orang Israel yang kuat sekali iaitu apabila orang telah masuk ke dalam rumah, mereka mesti dilindungi. Kebanyakan orang Arab masih berpegang kepada adat seumpama itu sampai sekarang.

<p>“Sekarang kami akan membuat yang lebih jahat lagi kepada kau daripada kepada mereka.” Mereka terus mengasak-asak Lot yang seorang sahaja sehingga mereka mendekati pintu itu untuk memecahkannya masuk. ^{19:10} Tetapi orang-orang itu menghulurkan tangan mereka dan membawa Lot kepada diri mereka dalam rumah lalu menutup pintu. ^{19:11} Kemudian mereka menimpakan^h kebutaan tiba-tiba^t kepada orang yang dekat pintu rumah itu, daripada yang muda sampai yang tua. ^h Lama-kelamaan mereka menjadi penat mencari-cari pintu itu.</p> <p>^{19:12} Kemudian orang-orang itu berkata kepada Lot, “Siapa lagi yang kau ada di sini? Menantu, anak lelaki mu, anak perempuan mu, dan semua yang ada pada mu dalam kota ini, bawalah mereka keluar dari tempat ini. ^{19:13} Sebab kami akan membinasakan tempat ini kerana besarlah raungan bantahan mereka di hadapan Yahweh sehingga Yahweh mengutus kami untuk membinasakannya.</p> <p>^{19:14} Lalu Lot keluar untuk bercakap dengan menantunya yang akan mengahwini anak perempuannya. ^p Katanya, “Bangunlah. Kita mesti keluar dari tempat ini kerana Yahweh akan membinasakan kota ini.” Tetapi dalam pandangan^h menantunya, ia seolah-olah bermain-main sahaja.</p> <p>^{19:15} Apabila fajar menyingsing malaikat-malaikat itu mendesak Lot dengan berkata, “Bangunlah.</p>	<p>mereka berkata kepada Lot, “Sekarang kau akan terima padah yang lebih teruk lagi daripada dua pelawat itu.” Mereka yang ramai itu terus mengasak-asak Lot kuat-kuat sehingga mereka amat dekat pada pintu untuk memecahkannya dan masuk. ^{19:10} Tetapi dua pelawat dalam rumah itu membuka pintu memegang Lot dan menariknya masuk lalu menutup pintu itu semula. ^{19:11} Kemudian pelawat itu membuat mata orang yang berada dekat pintu rumah itu tiba-tiba buta, mereka yang berusia muda hingga yang berusia tua. Lama-kelamaan mereka kepenatan meraba-raba mencari pintu itu lalu beredar.</p> <p>^{19:12} Kemudian dua pelawat itu berkata kepada Lot, “Siapa lagi keluarga kau di sini? Anak lelaki atau perempuan, menantu dan semua keluarga kau dalam kota ini, bawalah mereka semua keluar dari tempat ini. ^{19:13} Kami akan membinasakan tempat ini kerana raungan bantahan daripada orang yang didengar oleh Yahweh tentang dosa orang di kota ini adalah sangat besar. Itu sebabnya Yahweh mengutus kami.</p> <p>^{19:14} Lalu Lot keluar untuk bercakap dengan tunang anak perempuannya. Katanya, “Bangunlah cepat. Kita tinggalkan kota ini kerana Yahweh akan segera membinasakannya.” Tetapi tunang anaknya menyangka dia bermain-main sahaja dan tidak menghiraukan kata-katanya.</p> <p>^{19:15} Apabila fajar menyingsing, dua pelawat malaikat itu mendesak Lot dengan berkata, “Bangunlah. Bawalah</p>	<p>deal worse with you, than with them!” They pressed hard on the man Lot, and drew near to break the door. ^{19:10} But the men reached out their hand, and brought Lot into the house to them, and shut the door. ^{19:11} They struck the men who were at the door of the house with blindness, both small and great, so that they wearied themselves to find the door.</p> <p>^{19:12} The men said to Lot, “Do you have anybody else here? Sons-in-law, your sons, your daughters, and whoever you have in the city, bring them out of the place: ^{19:13} for we will destroy this place, because the outcry against them has grown great before Yahweh that Yahweh has sent us to destroy it.”</p> <p>^{19:14} Lot went out, and spoke to his sons-in-law, who were pledged to marry his daughters, and said, “Get up! Get out of this place, for Yahweh will destroy the city.” But he seemed to his sons-in-law to be joking.</p> <p>^{19:15} When the morning came, then the angels hurried Lot, saying, “Get up! Take your</p>
---	--	---

^h 19:11 menimpakan hrffh: pukul dengan

^t 19:11 kebutaan tiba-tiba tfsrn lain: penyilauan

^h 19:11 daripada yang muda sampai yang tua. hrffh: daripada yang kecil sampai yang besar.

^p 19:14 menantunya yang akan mengahwini anak perempuannya hrffh: menantunya yang akan mengambil anak perempuannya. Ada dua kemungkinan makna di sini. 1) Ini memang menantu dengan makna biasa, bermakna dia ada dua anak perempuan lagi yang tertinggal di Sodom selain dua orang yg keluar dari Sodom bersamanya. 2) Yang dipanggil menantu adalah tunang dua anak perempuannya, kerana walaupun baru bertunang, dalam adat mereka dia sudah boleh dianggap menantu. Tafsiran kedua yg diikuti di sini.

^h 19:14 pandangan hrffh: mata

Bawalah isteri kau dan dua anak perempuan kau yang berada di sini^h agar kamu tidak dibinasakan^h dalam penghukuman kota ini.” 19:16 Ia masih tertegun-tegun lagi tetapi oleh belas kasihan Yahweh terhadap dia, orang-orang itu memegang tangannya, tangan isterinya dan tangan dua anak perempuannya serta membawa mereka keluar dan menempatkan mereka di luar kota itu.

19:17 Sesudah mereka dibawa keluar, salah satu malaikat^h berkata, “Larikan diri untuk **menyelamatkan** nyawa kamu. Jangan pandang balik ke belakang kamu dan jangan berhenti di seluruh kawasan lembah. Lari ke pergunungan agar kamu tidak dibinasakan.”^h

19:18 Lalu Loṭ berkata kepada mereka, “Janganlah **begitu** tuan. 19:19 Tengok, hamba mu dianggap berkenan di mata mu, dan **tuan** telah menunjukkan kasih yang besar melalui apa yang telah **tuan** lakukan terhadap saya dengan menyelamatkan jiwaku. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat lari sejauh^h pergunungan itu, kerana saya akan ditimpa kecelakaan itu dan mati. 19:20 Tengok, ada sebuah pekan yang berdekatan; saya boleh lari ke sana. Ia tempat kecil; tolong biarkan saya lari ke sana. Ia hanya tempat yang kecil saja bukan? Saya akan selamat di sana.”^h

19:21 Dia berkata kepadanya, “Baiklah, aku akan mengabulkan permintaan kau ini juga^h untuk tidak memusnahkan pekan yang kau sebutkan itu. 19:22 Cepat lari ke

isteri dan dua anak perempuan kau yang berada di sini agar kamu tidak dibinasakan dalam penghukuman kota ini.” 19:16 Loṭ masih berleengah-leengah lagi. Akan tetapi oleh kerana kasih Yahweh terhadap Loṭ, dua malaikat itu terus memegang tangannya bersama isterinya dan dua anaknya untuk menuntun mereka keluar dari kota itu. Lalu mereka dilepaskan di situ.

19:17 Sesudah mereka dibawa keluar, salah satu malaikat berkata, “Larikan diri untuk menyelamatkan nyawa kamu. Jangan pandang balik ke belakang kamu dan jangan berhenti di seluruh kawasan lembah. Lari ke pergunungan agar kamu tidak dibinasakan.”

19:18 Lalu Loṭ menjawab, “Tuan, janganlah **menyuruh kami pergi begitu jauh**. 19:19 Hamba mu dianggap berkenan dan tuan telah menunjukkan kasih yang besar melalui apa yang telah tuan lakukan terhadap hamba dengan menyelamatkan jiwa hamba. Walau bagaimanapun, hamba tidak dapat lari sejauh pergunungan itu kerana hamba akan ditimpa kecelakaan itu dan mati. 19:20 Tengok, ada sebuah pekan yang berdekatan; hamba boleh lari ke sana. Ia tempat kecil; tolong biarkan hamba lari ke sana. **Ia boleh dilepaskan daripada hukuman itu kerana** ia hanya sebuah tempat yang kecil saja, bukan? Di situ kami boleh selamat.”

19:21 Malaikat itu menjawabnya, “Baiklah, saya akan mengabulkan permintaan kau ini juga untuk tidak memusnahkan pekan yang kau sebutkan itu. 19:22 Cepat lari ke sana

wife, and your two daughters who are here, lest you be consumed in the iniquity of the city.” 19:16 But he lingered; and the men grabbed his hand, his wife’s hand, and his two daughters’ hands, Yahweh being merciful to him; and they took him out, and set him outside of the city.

19:17 It came to pass, when they had taken them out, that he said, “Escape for your life! Don’t look behind you, and don’t stay anywhere in the plain. Escape to the mountains, lest you be consumed!”

19:18 Lot said to them, “Oh, not so, my lord. 19:19 See now, your servant has found favor in your sight, and you have magnified your loving kindness, which you have shown to me in saving my life. I can’t escape to the mountain, lest evil overtake me, and I die. 19:20 See now, this city is near to flee to, and it is a little one. Oh let me escape there (isn’t it a little one?), and my soul will live.”

19:21 He said to him, “Behold, I have granted your request concerning this thing also, that I will not overthrow the city of which you have spoken.

^h 19:15 *yang berada di sini hrfh: yang ditemui.* Penggunaan istilah ini mungkin bermakna ada anak lain yg berada di tempat lain.

^h 19:15 *dibinasakan hrfh: disapu bersih*

^h 19:17 *sala satu malaikat hrfh: dia*

^h 19:17 *dibinasakan hrfh: disapu bersih*

^h 19:19 *sejauh hrfh: ke*

^h 19:20 *Saya akan selamat di sana. hrfh: jiwa ku hidup*

^h 19:21 *Saya akan mengabulkan permintaan mu ini juga hrfh: Tengok, saya telah mengangkat muka mu dalam hal ini juga*

<p>sana sebab aku tidak dapat melakukan apa-apa sehingga kau tiba di sana.” Jadi nama pekan itu dipanggil Zo`ar.ⁿ</p> <p>19:23 Loṭ masuk ke Zo`ar semasa matahari sedang terbit di atas bumi. 19:24 Seterusnya Yahweh menghujankan belerang dan api^t dari langit^t ke atas Sodom dan atas Gomorah dari Yahweh. 19:25 Dia memusnahkan kota-kota itu dan seluruh lembah dan semua penduduk kota-kota itu bersama tumbuh-tumbuhan tanah.^p 19:26 Isteri Loṭ^h memandang ke belakangnya dan menjadi^j tiang garam.</p> <p>19:27 Abraham bangun pagi-pagi dan balik ke tempat di mana dia telah berdiri di hadapan Yahweh. 19:28 Dia melihat ke bawah ke atas permukaan Sodom dan Gomorah dan seluruh permukaan tanah di lembah. Nah, dia nampak asap naik dari tanah seperti asap dari ketuhar besar.^p</p> <p>19:29 Jadi, begitulah. Waktu Allah membinasakan kota-kota lembah, Allah ingat Abraham^j sehingga dia mengeluarkan Loṭ dari tengah-tengah pemusnahan sebelum membinasakan kota-kota di mana Loṭ pernah tinggal.</p> <p>Asal-Usul Orang Moab dan Orang Amon</p> <p>19:30 Selepas itu Loṭ bersama dua</p>	<p>sebab kami tidak dapat bertindak sehingga kamu sampai di sini.” Pekan itu dipanggil Zo`ar selepas itu berikutan apa yang dikatakan oleh Loṭ, sebab Zo`ar bermakna “kecil”.</p> <p>19:23 Loṭ masuk pekan Zo`ar semasa matahari sedang menyinari bumi di lembah itu. 19:24 Seterusnya Yahweh menghujankan belerang berapi dari langit ke atas Sodom dan Gomorah. Memang Yahweh sendiri yang menghujankannya. 19:25 Dia memusnahkan kota-kota lembah Laut Mati itu bersama penduduknya. Seluruh lembah itu dimusnahkan bersama tumbuh-tumbuhan tanah kecuali pekan Zo`ar. 19:26 Mengenai isteri Loṭ, dia memandang ke belakangnya dan menjadi tiang garam. 19:27 Kembali kepada Abraham, dia bangun awal pagi dan balik ke tempat di mana dia telah berdiri di hadapan Yahweh pada hari sebelumnya. 19:28 Dari situ dia melihat Sodom dan Gomorah di bawah dan seluruh permukaan tanah di lembah Maut Mati di bawahnya. Nah, dia nampak asap naik dari bumi seperti asap berkepul-kepul dari ketuhar besar. 19:29 Jadi, begitulah. Allah mengingati kepentingan Abraham waktu dia membinasakan kota-kota lembah sehingga dia mengeluarkan Loṭ dari tengah-tengah kota itu sebelum dia membinasakan sama sekali tempat Loṭ tinggal.</p> <p>Asal-Usul Orang Moab dan Orang Amon</p> <p>19:30 Selepas itu Loṭ bersama dua</p>	<p>19:22 Hurry, escape there, for I can't do anything until you get there.” Therefore the name of the city was called Zoar.</p> <p>19:23 The sun had risen on the earth when Lot came to Zoar. 19:24 Then Yahweh rained on Sodom and on Gomorrah sulfur and fire from Yahweh out of the sky. 19:25 He overthrew those cities, all the plain, all the inhabitants of the cities, and that which grew on the ground. 19:26 But his wife looked back from behind him, and she became a pillar of salt.</p> <p>19:27 Abraham got up early in the morning to the place where he had stood before Yahweh. 19:28 He looked toward Sodom and Gomorrah, and toward all the land of the plain, and looked, and saw that the smoke of the land went up as the smoke of a furnace.</p> <p>19:29 When God destroyed the cities of the plain, God remembered Abraham, and sent Lot out of the middle of the overthrow, when he overthrew the cities in which Lot lived.</p> <p>Origins of the Moabites and Ammonites</p> <p>19:30 Lot went up out of Zoar,</p>
--	---	--

ⁿ **19:22** Zo`ar bermakna kecil. Ia dinamai begitu atas apa yg dikatakan oleh Lot dlm ayat 20. Dr ayat 14:2 kita tahu bahawa nama aslinya Bela`.

^t **19:24** belerang dan api tfsrn 1: belerang berapi ~tfsrn 2: belerang dan api

^t **19:24** dari langit tfsrn lain: dari syurga. B. Ibrani ada satu perkataan saja utk langit dan syurga.

^p **19:25** Dua lembah Laut Mati yang disebut di 14:2 tdk disebut di sini, iaitu Adma dan Zeboyim. Agaknya dua kota itu pun dimusnahkan bersama Sodom & Gomorah. Sudah diterangkan bahawa yg kelima, itu Bela` (atau nama barunya Zo`ar) tdk turut dimusnahkan oleh sebab permintaan Lot.

^h **19:26** Lot hrfh: dia

^j **19:26** menjadi trjmhn lain: dijadikan

^p **19:28** Jenis ketuhar yg disebut di sini adalah utk membuat bekas-bekas tanah liat, atau utk membuat kapur, dan oleh itu ia memang ketuhar besar.

^j **19:29** ingat Abraham trjmhn 2: mengingati kepentingan Abraham trjmhn 3: mengingati permintaan Abraham. Ini merujuk kpd permintaan Abraham supaya orang benar tdk dimusnahkan dgn orang jahat.

<p>anak perempuannya meninggalkan Zo`ar^h dan tinggal di sebuah gunung kerana dia takut tinggal di Zo`ar.^p Dia tinggal dalam gua, dia dan dua anak perempuannya.^{19:31} Pada suatu hari anak sulung berkata kepada adiknya,^h “Bapa kita sudah tua dan tiada lelaki di sebelah sini^h untuk meniduri kita^t seperti kelaziman di seluruh dunia.^{19:32} Mari kita meminumkan bapa kita wain supaya kita dapat tidur dengan dia^h supaya keturunan dari bapa kita tetap ada.^h ^{19:33} Mereka meminumkan wain kepada bapa mereka pada waktu malam dan anak sulung datang meniduri^h bapanya, tetapi dia tidak sedar bilakah dia berbaring dan bila dia bangun.</p> <p>^{19:34} Pada keesokan hari anak sulung berkata kepada adiknya, “Nah, saya sudah tidur dengan bapa semalam. Mari kita meminumkan wain kepadanya dan malam ini kau pun tidur dengannya supaya keturunan bapa tetap ada.^{19:35} Jadi malam itu juga mereka meminumkan wain kepada bapa mereka dan anak bongsu^h bangun meniduri^h dia tetapi dia tidak sedar bila dia berbaring dan bila dia bangun.</p> <p>^{19:36} Kedua-dua anak Loṭ menjadi hamil melalui/daripada bapa mereka.^{19:37} Anak sulung melahirkan seorang anak lelaki dan dia memanggil namanya Moab.ⁿ</p>	<p>anak perempuannya meninggalkan Zo`ar dan tinggal di sebuah gunung kerana dia takut tinggal di Zo`ar. Dia dan dua anaknya tinggal dalam gua.^{19:31} Pada suatu hari anak sulung berkata kepada adiknya, “Bapa kita sudah tua dan tiada lelaki di sebelah sini untuk meniduri kita seperti yang biasa di seluruh dunia.^{19:32} Mari kita membuat bapa kita mabuk dengan wain supaya kita dapat tidur dengannya untuk melanjutkan keturunan bapa.</p> <p>^{19:33} Mereka meminumkan wain kepada bapa mereka pada waktu malam dan anak sulung Loṭ datang menidurinya. Tetapi Loṭ begitu mabuk sehingga dia tidak sedar bahawa anaknya telah masuk tidur dengannya dan keluar lagi.</p> <p>^{19:34} Pada keesokan hari anak sulung berkata kepada adiknya, “Nah, saya sudah tidur dengan bapa semalam. Mari kita meminumkan wain kepadanya sekali lagi dan malam ini kau pun tidur dengannya untuk melanjutkan keturunan bapa.^{19:35} Jadi malam itu juga mereka meminumkan wain kepada bapa mereka dan anak bongsu masuk meniduri bapanya. Tetapi Loṭ begitu mabuk sehingga dia tidak sedar bahawa anaknya telah masuk tidur dengannya dan keluar lagi.</p> <p>^{19:36} Kedua-dua anak Loṭ menjadi hamil daripada bapa mereka.^{19:37} Anak sulung Loṭ melahirkan seorang anak lelaki dan dia menamakannya Moab. Dialah leluhur bangsa Moab</p>	<p>and lived in the mountain, and his two daughters with him; for he was afraid to live in Zoar. He lived in a cave with his two daughters.^{19:31} The firstborn said to the younger, “Our father is old, and there is not a man in the earth to come in to us in the way of all the earth.^{19:32} Come, let’s make our father drink wine, and we will lie with him, that we may preserve our father’s seed.”</p> <p>^{19:33} They made their father drink wine that night: and the firstborn went in, and lay with her father. He didn’t know when she lay down, nor when she arose.</p> <p>^{19:34} It came to pass on the next day, that the firstborn said to the younger, “Behold, I lay last night with my father. Let us make him drink wine again, tonight. You go in, and lie with him, that we may preserve our father’s seed.”^{19:35} They made their father drink wine that night also. The younger went and lay with him. He didn’t know when she lay down, nor when she got up.</p> <p>^{19:36} Thus both of Lot’s daughters were with child by their father.^{19:37} The firstborn bore a son, and named him Moab. He is the father of the</p>
---	---	--

^h 19:30 meninggalkan Zo`ar hrfh: naik dari Zo`ar

^p 19:30 Tdk dikatakan kenapa dia takut, tetapi agaknya dia takut Zo`ar akan dimusnahkan sama spt kota-kota lain di lembah Laut Mati.

^h 19:31 adiknya hrfh: yang muda. Sama dlm ayat 34.

^h 19:31 di sebelah sini hrfh: di tanah ini / di bumi

^t 19:31 meniduri kita tfsrn lain: mengahwini kita hrfh: datang ke atas kita

^h 19:32 tidur dengan dia hrfh: berbaring bersama dia

^h 19:32 tetap ada hrfh: dibuat tetap hidup

^h 19:33 meniduri hrfh: berbaring bersama. Sama dlm ayat 34.

^h 19:35 anak bongsu hrfh: yang muda

^h 19:35 meniduri hrfh: berbaring bersama. Sama dlm ayat 34.

ⁿ 19:37 Moab berbunyi spt daripada bapa dlm b. Ibrani.

<p>Dialah leluhur bangsa Moab yang ada sekarang.^{h 19:38} Anak bongsu^h melahirkan seorang anak lelaki juga dan dia memanggil namanya Ben-Ami.ⁿ Dialah leluhur bangsa Amon yang ada sekarang.</p> <p>Abraham dan Raja Abi-Melekh ^{20:1} Abraham berangkat dari situ berjalan beransur-ansur ke tanah Negebⁿ dan tinggal di antara Qadesyⁿ dan Syur.^{1p} Kemudian dia pergi mengembara di kawasan kota Gerar.^{p 20:2} Abraham berkata tentang isterinya Sarah, “Dia adikku.” Jadi Abi-Melekh,ⁿ raja Gerar, menyuruh orangnya pergi mengambil Sarah.</p> <p>^{20:3} Allah datang kepada Abi-Melekh dalam mimpi suatu malam dan berkata kepadanya, “Tengok, kau akan mati disebabkan perempuan yang telah kau ambil. Dia sudah bersuami.”</p> <p>^{20:4} Oleh kerana Abi-Melekh belum mendekati dia, dia berkata, “Tuhan, adakah Tuhan akan membinasakan negara^j yang benar? ^{20:5} Bukankah dia berkata, ‘Dia adik ku’? Dan bukankah perempuan itu^h pun berkata, ‘Dia abang saya’. Dengan kemurnian^j hatiku dan ketidak-bersalahan tanganku saya buat begitu.</p> <p>^{20:6} Allah berkata kepadanya dalam mimpi itu, “Aku juga tahu</p>	<p>yang ada sekarang.^{19:38} Anak bongsu Loṭ melahirkan seorang anak lelaki juga dan dia menamakannya Ben-Ami. Dialah leluhur bangsa Amon yang ada sekarang.</p> <p>Abraham dan Raja Abi-Melekh ^{20:1} Abraham berangkat dari tempat itu dan berjalan beransur-ansur ke padang gurun Negeb. Dia tinggal di antara oasis Qadesy Barnea dan tembok Syur. Kemudian dia pergi mengembara di kawasan kota Gerar. ^{20:2} Waktu itu Abraham memberitahu orang bahawa isterinya Sarah adalah adiknya. Jadi Abi-Melekh, raja Gerar, menyuruh orangnya pergi mengambil Sarah untuk dijadikan salah seorang daripada isterinya.</p> <p>^{20:3} Beberapa lama kemudian Allah datang kepada raja Abi-Melekh pada suatu malam dalam mimpi dan berkata kepadanya, “Ambil perhatian, kau ini akan mati disebabkan perempuan yang telah kau ambil. Dia sudah bersuami.”</p> <p>^{20:4} Oleh kerana raja Abi-Melekh belum meniduri Sarah, dia berkata, “Tuhan, adakah Tuhan akan membinasakan negara yang tidak bersalah? ^{20:5} Habis, lelaki itu berkata, ‘Dia adik ku’. Dan perempuan itu pun berkata, ‘Dia abang saya’. Dalam hal ini hamba bertindak tanpa salah dan dengan hati yang murni.</p> <p>^{20:6} Masih dalam mimpi itu Allah menjawabnya, “Aku juga tahu bahawa</p>	<p>Moabites to this day.^{19:38} The younger also bore a son, and called his name Ben Ammi. He is the father of the children of Ammon to this day.</p> <p>Abraham and Abimelech ^{20:1} Abraham traveled from there toward the land of the South, and lived between Kadesh and Shur. He lived as a foreigner in Gerar. ^{20:2} Abraham said about Sarah his wife, “She is my sister.” Abimelech king of Gerar sent, and took Sarah.</p> <p>^{20:3} But God came to Abimelech in a dream of the night, and said to him, “Behold, you are a dead man, because of the woman whom you have taken. For she is a man’s wife.”</p> <p>^{20:4} Now Abimelech had not come near her. He said, “Lord, will you kill even a righteous nation? ^{20:5} Didn’t he tell me, ‘She is my sister?’ She, even she herself, said, ‘He is my brother.’ In the integrity of my heart and the innocence of my hands have I done this.”</p> <p>^{20:6} God said to him in the dream, “Yes, I know that in the</p>
---	---	---

^{h 19:37} yang ada sekarang. **hrfh**: sampai sekarang. Sama dlm ayat 38.

^{h 19:38} anak bongsu **hrfh**: yang muda

^{n 19:38} **Ben-Ami** bermakna anak orang ku atau anak saudara-mara ku. Dlm b. Ibrani **ben**, sama dgn **bin** dlm b. Arab (yg dipinjam oleh b. Melayu).

^{n 20:1} **Negeb** (atau **Negev**) adalah sebahagian tanah Kanaan (Israel) di sebelah selatan, yg kebanyakannya padang gurun. Istilah itu bermakna tanah kering. Ia juga digunakan dgn makna selatan.

^{n 20:1} **Qadesy** juga dikenali sebagai **Qadesy-Barnea**. Lihat Bil 32:8. Ia terletak di sempadan selatan tanah Kana`an.

^{t 20:1} **Syur** **tfsrn 1**: tembok Syur **tfsrn 2**: kawasan Syur. Syur ialah tempat dekat sempadan Mesir dan Kana`an. Ia boleh merujuk kpd tembok di sempadan, atau kawasan padang gurun dekat situ.

^{p 20:1} Kawasan Syur terletak dekat sempadan Mesir dan tanah Negeb, di mana ada tembok perlindungan.

^{p 20:1} **Kota Gerar** dekat sempadan tanah Kana`an dgn tanah Negeb.

^{n 20:2} **Abi-Melekh** bermakna bapa raja atau bapa ku raja.

^{j 20:4} negara **trjmhn lain**: bangsa

^{h 20:5} perempuan itu **hrfh**: dia

^{j 20:5} kemurnian **trjmhn 2**: keiklasan **trjmhn 3**: integriti

bahawa dengan kemurnian hati kau telah melakukan ini. Oleh itu **aku** menghalang kau daripada berbuat dosa terhadap **aku** dan **aku** tidak mengizinkan kau menyentuh dia. ^{20:7} Sekarang kembalikanlah isteri orang itu, kerana dia ialah **seorang** nabi^p dan dia akan berdoa untuk kau maka **kau** akan hidup. Tetapi kalau kau tidak mengembalikannya, ketahuilah bahawa kau dan semua yang bersama mu^t akan mati.”

^{20:8} Abi-Melekh bangun awal pagi dan memanggil semua pegawainya^h dan mengatakan dalam telinga mereka semua hal itu, dan semua orang itu sangat takut. ^{20:9} Kemudian Abi-Melekh memanggil Abraham dan berkata kepadanya, “Apa yang telah kau lakukan terhadap kami? Dosa apa yang beta buat terhadap kau sehingga kau membawa dosa besar kepada beta dan kerajaan beta? Kau telah melakukan perkara yang tidak patut dibuat terhadap beta.”^j ^{20:10} Abi-Melekh pun berkata kepada Abraham, “Kau melihat apa sehingga kau melakukan perkara ini?”^j

^{20:11} Abraham berkata, “Kerana **apa**; saya berkata **dalam hati**, ‘Tentunya tidak ada ketakutan Allah di tempat ini, dan mereka akan membunuh saya disebabkan perkara isteriku.’ ^{20:12} Lagipun, dia memang adik saya; dia ialah anak bapa saya. Cuma dia bukan anak ibu saya. Dan dia telah menjadi isteri saya. ^{20:13} Demikianlah, apabila Allah membuat saya mengembara dari rumah bapa ku,

kau bertindak ikhlas dengan hati yang murni. Oleh itu **aku** tidak mengizinkan kau menyentuh perempuan itu agar kau tidak berdosa terhadap **aku**. ^{20:7} Sekarang kembalikanlah isteri orang itu. Dia ialah seorang nabi dan oleh itu dia akan doakan kau dan kau tidak akan mati. Tetapi kalau kau tidak mengembalikan perempuan itu **kepada suaminya**, **aku** jamin bahawa kau dan semua yang bersama mu akan mati.”

^{20:8} **Esok** pagi **raja** Abi-Melekh bangun awal dan **terus** mengumpulkan semua pegawainya. Dia memberitahu mereka semua yang terjadi dalam mimpi itu. Mereka semua sangat takut **mendengarnya**. ^{20:9} Kemudian **raja** Abi-Melekh **menyuruh orangnya** memanggil Abraham dan **dia** berkata kepadanya, “Macam mana kau boleh buat begini terhadap kami? Dosa apakah yang beta buat terhadap kau sehingga kau **hampir-hampir** menyebabkan beta melakukan dosa besar **yang juga melibatkan** kerajaan beta? Kau telah melakukan perkara yang tidak patut dibuat terhadap beta.” ^{20:10} **Raja** Abi-Melekh pun bertanya kepada Abraham, “Apa sebenarnya yang menyebabkan kau melakukan perkara ini?”

^{20:11} Jawab Abraham, “Hamba berkata **dalam hati**, ‘Di tempat ini tentu tiada **orang** yang takut akan Allah. **Mana tahu** mereka akan membunuh ku untuk mendapatkan isteri ku.’ ^{20:12} Selain itu, dia memang adik hamba, **kerana** dia anak bapa hamba. Cuma dia bukan anak ibu hamba. Dan **kemudiannya** dia menjadi isteri hamba. ^{20:13} Demikianlah, apabila Allah menyuruh hamba mengembara dari keluarga bapa

integrity of your heart you have done this, and I also withheld you from sinning against me. Therefore I didn’t allow you to touch her. ^{20:7} Now therefore, restore the man’s wife. For he is a prophet, and he will pray for you, and you will live. If you don’t restore her, know for sure that you will die, you, and all who are yours.”

^{20:8} Abimelech rose early in the morning, and called all his servants, and told all these things in their ear. The men were very scared. ^{20:9} Then Abimelech called Abraham, and said to him, “What have you done to us? How have I sinned against you, that you have brought on me and on my kingdom a great sin? You have done deeds to me that ought not to be done!” ^{20:10} Abimelech said to Abraham, “What did you see, that you have done this thing?”

^{20:11} Abraham said, “Because I thought, ‘Surely the fear of God is not in this place. They will kill me for my wife’s sake.’ ^{20:12} Besides, she is indeed my sister, the daughter of my father, but not the daughter of my mother; and she became my wife. ^{20:13} When God caused me to wander from my father’s house, I said to her, ‘This is your kindness which you shall

^p ^{20:7} Ini kali pertama istilah *nabi* digunakan dlm Alkitab. (Perkataan b. Ibrannya pun *nabi*.)

^t ^{20:7} *semua yang bersama mu tfsrn 1: semua yang tinggal di istana / semua yang berdekatan dengan engkau tfsrn 2: semua di negara mu*

^h ^{20:8} *pegawainya hrff: hambanya*

^j ^{20:9} *Trjmhn lain: Tidak baik apa yang kau telah melakukan terhadap saya.*

^j ^{20:10} *Trjmhn lain: “Sebenarnya apa tujuanmu melakukan perkara ini?”*

<p>saya berkata kepada dia, ‘Kau harus menunjukkan kasih mu terhadap saya begini: ke mana saja kita pergi, di situ kau harus berkata, “Dia abang saya.”’”</p> <p>20:14 Kemudian Abi-Melekh mengambil domba, lembu, hamba lelaki dan hamba perempuan dan memberikannya kepada Abraham. Dia juga mengembalikan isterinya Śarah kepadanya. 20:15 Kata Abi-Melekh, “Tengoklah, tanah beta berada di hadapan kau; tinggallah di tempat yang baik di mata kau.</p> <p>20:16 Dan kepada Śarah dia berkata, “Tengoklah, beta memberi ^tseribu syekel perak ^p kepada ‘abang’ kau. Ketahuilah, ^hia adalah untuk pemulihan kehormatan kau ^j terhadap semua yang bersama kau dan sesiapa saja ^h sebagai bukti kesucian kau.</p> <p>20:17 Kemudian Abraham berdoa kepada Allah dan Allah menyembuhkan Abi-Melekh, permaisurinya dan gundik-gundiknya ^h sehingga mereka boleh beranak lagi. 20:18 Kerana Yahweh telah menutup sama sekali setiap rahim dalam rumah Abi-Melekh disebabkan pengambilan Śarah isteri Abraham.</p> <p>Śarah Melahirkan Anak bagi Abraham</p> <p>21:1 Selepas itu, Yahweh melawat ^j Śarah dan melakukan ^h kepada Śarah sama seperti yang dikatakannya. 21:2 Maka mengandunglah Śarah dan dia melahirkan seorang anak lelaki bagi Abraham yang sudah pun lanjut usia pada waktu Allah</p>	<p>hamba, hamba berkata kepadanya, ‘Kau harus menunjukkan kasih kau terhadap abang begini: ke mana saja kita pergi, kau harus berkata kepada orang di situ, “Dia abang saya.”’”</p> <p>20:14 Kemudian raja Abi-Melekh mengembalikan kepada Abraham isterinya dan juga memberikan hamba lelaki dan perempuan, lembu dan domba. 20:15 Kata raja, “Tanah beta ini terbuka bagi kau; pilih sajalah tempat tinggal yang kau sukai.</p> <p>20:16 Kemudian dia berkata kepada Śarah, “Tengok, beta memberi seribu syekel perak kepada ‘abang’ kau bagi diri kau. Ia sebagai bukti kesucian kau yang dapat memulihkan kehormatan kau terhadap semua yang bersama kau atau pun sesiapa saja.</p> <p>20:17 Kemudian Abraham berdoa kepada Allah untuk mereka dan Allah menyembuhkan raja Abi-Melekh, isterinya dan gundik-gundiknya sehingga mereka dapat beranak lagi. 20:18 Sebab Yahweh telah membuat semua perempuan dalam istana raja Abi-Melekh mandul disebabkan pengambilan Śarah isteri Abraham.</p> <p>Śarah Melahirkan Anak bagi Abraham</p> <p>21:1 Selepas itu, Yahweh campur tangan dalam hidup Śarah dan menunaikan janjinya kepada Śarah. 21:2 Maka Śarah mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki bagi Abraham yang sudah pun lanjut usia, pada waktu yang Allah tetapkan dalam janjinya kepada Abraham. 21:3</p>	<p>show to me. Everywhere that we go, say of me, “He is my brother.”””</p> <p>20:14 Abimelech took sheep and cattle, male servants and female servants, and gave them to Abraham, and restored Sarah, his wife, to him.</p> <p>20:15 Abimelech said, “Behold, my land is before you. Dwell where it pleases you.”</p> <p>20:16 To Sarah he said, “Behold, I have given your brother a thousand pieces of silver. Behold, it is for you a covering of the eyes to all that are with you. In front of all you are vindicated.”</p> <p>20:17 Abraham prayed to God. God healed Abimelech, and his wife, and his female servants, and they bore children. 20:18 For Yahweh had closed up tight all the wombs of the house of Abimelech, because of Sarah, Abraham’s wife.</p> <p>Sarah Bears a Child for Abraham</p> <p>21:1 Yahweh visited Sarah as he had said, and Yahweh did to Sarah as he had spoken.</p> <p>21:2 Sarah conceived, and bore Abraham a son in his old age, at the set time of which God had spoken to him. 21:3 Abraham called his son who was born to</p>
---	---	--

^t **20:16** *memberi tfsrn lain: sudah memberi*

^p **20:16** Keberatan seribu syekel sekitar 11.5 kilo, atau 25 paun perak. Waktu itu *syekel* adalah sukatan keberatan, bukan kepingan spt sekarang.

^h **20:16** *Ketahuilah hrhf: Tengok*

^j **20:16** *ia adalah untuk pemulihan kehormatan kau trjmhan 2: ia pemampasan untuk pemulihan kehormatan kau trjmhan 3: ia lambang kesucian mu hrhf: ia untuk mu penyorok mata*

^h **20:16** *dan sesiapa saja hrhf: dan dengan semua*

^h **20:17** *gundiknya hrhf: hamba perempuannya. Jelas dr konteksnya bahawa gundik yang dimaksudkan di sini.*

^j **21:1** *melawat trjmhn 2: campur tangan trjmhn 3: bertindak bagi trjmhn 4: mengambil tindakan bagi*

^h **21:1** *dan melakukan hrhf: dan Yahweh melakukan*

<p>tetapkan dalam janjinya kepada Abraham. ^{h 21:3} Abraham memanggil nama anak lelakinya Yiş'haq^e yang dilahirkan untuknya oleh Śarah. ^{h 21:4} Kemudian Abraham menyunat^p anaknya, Yiş'haq yang berumur lapan hari^j seperti perintah Tuhan kepadanya. ^{21:5} Abraham berumur 100 tahun ketika anak lelakinya, Yiş'haq dilahirkan baginya.</p> <p>^{21:6} Śarah berkata, “Allah telah membuat saya tertawa dan sesiapa saja yang mendengarnya akan ketawa^p bersama saya.” ^{21:7} Śarah berkata lagi, “Siapakah yang dapat berkata kepada Abraham bahawa Śarah akan menyusui anak? Namun saya telah melahirkan baginya seorang anak lelaki pada umurnya yang sudah lanjut.”</p> <p>Abraham mengusir Hagar dan Yisyma`el</p> <p>^{21:8} Anak itu pun bertambah besar dan bercerai susu. Kemudian Abraham mengadakan satu jamuan besar pada hari Yiş'haq bercerai susu.</p> <p>^{21:9} Tetapi Śarah melihat Yisyma`el, anak lelaki yang dilahirkan untuk Abraham oleh Hagar, perempuan Meşir itu, mengejek Yiş'haq. ^{p 21:10} Lalu Śarah berkata kepada Abraham, “Usir hamba perempuan itu dan anaknya, sebab anak hamba itu</p>	<p>Abraham menamakan anak lelakinya Yiş'haq. Yiş'haq dilahirkan Śarah untuk Abraham. ^{21:4} Ketika Yiş'haq berumur tujuh hari, Abraham menyunat Yiş'haq sesuai dengan perintah Tuhan kepadanya. ^{21:5} Umur Abraham 100 tahun pada waktu Yiş'haq dilahirkan baginya.</p> <p>^{21:6} Śarah berkata, “Allah telah memberikan saya alasan untuk ketawa dengan sukacita, dan setiap orang yang mendengar tentang hal ini akan ketawa bersama saya.” ^{21:7} Śarah menambah dengan berkata, “Tidak mungkin seseorang akan dapat berkata kepada Abraham bahawa suatu hari nanti Śarah akan menyusui anaknya. Tetapi saya sudah berjaya melahirkan seorang anak lelaki untuk Abraham sewaktu dia lanjut umur.”</p> <p>Abraham Mengusir Hagar dan Yisyma`el</p> <p>^{21:8} Anak itu semakin besar dan bercerai susu. Pada hari Yiş'haq bercerai susu, Abraham mengadakan satu jamuan yang besar.</p> <p>^{21:9} Tetapi dalam jamuan itu, Śarah ternampak bahawa Yisyma`el, anak lelaki yang dilahirkan Hagar bagi Abraham, mengejek Yiş'haq. ^{21:10} Lalu Śarah berkata kepada Abraham, “Usir hamba itu dan anaknya. Dia tidak akan sekali-kali menjadi pewaris mu bersama anak ku, Yiş'haq.”</p>	<p>him, whom Sarah bore to him, Isaac. ^{21:4} Abraham circumcised his son, Isaac, when he was eight days old, as God had commanded him. ^{21:5} Abraham was one hundred years old when his son, Isaac, was born to him.</p> <p>^{21:6} Sarah said, “God has made me laugh. Everyone who hears will laugh with me.” ^{21:7} She said, “Who would have said to Abraham, that Sarah would nurse children? For I have borne him a son in his old age.”</p> <p>Abraham sends Hagar and Ishmael away</p> <p>^{21:8} The child grew, and was weaned. Abraham made a great feast on the day that Isaac was weaned.</p> <p>^{21:9} Sarah saw the son of Hagar the Egyptian, whom she had borne to Abraham, mocking. ^{21:10} Therefore she said to Abraham, “Cast out this handmaid and her son! For the son of this handmaid will not be heir with my son, Isaac.”</p>
--	--	--

^{h 21:2} dalam janjinya kepada Abraham. **hrfh:** yang dikatakan kepadanya.

^{e 21:3} **Yiş'haq.** Dlm ejaan Melayu tradisi nama ini, iaitu *Ishak*, orang silap menganggap *sh* itu satu bunyi yg sama dgn *sy*, tetapi seharusnya ia disebut sebagai dua bunyi, begini: *Is-hak*. Di sini namanya dieja lebih tepat dgn Ibraninya. Dlm Ibrani *h* dlm *Yiş'haq* itu ialah *khet*, atau Jawi *ha besar*. Ejaan *ş* disebut sebagai *ts* dlm Ibrani moden. Makna *Yiş'haq* adalah *dia ketawa*.

^{h 21:3} **Hrffh:** Abraham memanggil nama anak lelakinya yang telah dilahirkan baginya, *Yiş'haq* yang dilahirkan untuknya oleh Śarah.

^{p 21:4} Menyunat bermakna memotong lipatan kulit pada hujung zakar.

^{j 21:4} lapan hari **trjmh** lain: *tujuh hari*. Lapan hari bagi mereka sama spt *tujuh hari* bagi kita. Cara mereka mengira hari dipanggil *kiraan merangkumi* ('inclusive counting') di mana hari kelahiran sudah dikira sebagai satu hari. Bermakna, ia disunat pd hari yg sama minggu depan.

^{p 21:6} Perkataan *ketawa* di sini sama dgn nama *Yiş'haq*.

^{p 21:9} Perkataan *mengejek* dlm b. Ibrani mempunyai kata dasar yang sama dengan nama *Yiş'haq* yang bermaksud *dia tertawa*. Menurut Gal 4:29, Yisyma`el menyensarakan atau menganiayai Yiş'haq. **Tfsrn lain:** *Yisyma`el ... menganiayai Yiş'haq secara seksual*. Perkataan *mengejek* adalah perkataan yg sama dgn yg digunakan di Kej 26:8 & 39:14, 17. Itulah sebabnya ada pentafsir yg anggap perkataan ini mangandung maksud seksual. Tetapi tdk semua penggunaan perkataan ini mangandung maksud seksual, misalnya di 19:14 atau Hakim 16:25. Tafsiran ini tdk digalakkan.

tidak akan berkongsi waris dengan anak saya, Yiş'haq.”^P

^{21:11} Hal itu sungguh tidak menyenangkan di mata Abraham sebab ia adalah mengenai anaknya. ^{21:12} Tetapi Allah berkata kepada Abraham, “Janganlah tidak senang di mata mu tentang teruna dan hamba perempuan mu itu. Semua yang Sarah katakan kepada mu, dengarlah suaranya kerana keturunan mu akan dikira melalui Yiş'haq.”^{h 21:13} Tetapi, aku akan menjadikan anak hamba perempuan itu satu bangsa juga sebab dia pun keturunan mu.”

^{21:14} Abraham bangun pada awal pagi, mengambil roti^j dan kirbat berisi air dan memberikannya kepada Hagar dengan meletakkannya di atas bahunya, dan juga menyerahkan anaknya kepadanya, lalu menyuruhnya pergi. Lalu dia pergi dan merayau-rayau ke kawasan tanah gersang Beer-Syeba`. ^{21:15} Apabila mereka sudah menghabiskan air di dalam kirbat itu, dia meninggalkan anak lelakinya di bawah salah satu belukar. ^{21:16} Lalu dia beredar dan duduk sendiri manakala anaknya di belakang belukar itu pada jarak sepemanah jauhnya. Sebab dia berkata, “Janganlah saya melihat kematian anakku.” Dia duduk manakala anaknya di belakang menaikkan suaranya dan meraung.

^{21:17} Allah mendengar^P suara budak lelaki itu^l dan Pesuruh Allah^P berseru kepada Hagar dari

^{21:11} Setelah mendengar permintaan Sarah, Abraham merasa betul-betul susah hati sebab ia demi anaknya sendiri, Yisyma`el. ^{21:12} Tetapi Allah berkata kepada Abraham, “Janganlah engkau susah hati akan remaja itu dan ibunya, hamba mu itu. Lakukan saja semua yang dituntut oleh Sarah sebab keturunan yang telah ku janjikan kepada mu akan datang melalui Yiş'haq.”^{21:13} Tetapi, aku juga akan menjadikan keturunan anak hamba perempuan itu satu bangsa sebab dia pun keturunan mu.

^{21:14} Jadi pada pagi berikutnya, Abraham bangun awal dan memberikan kepada Hagar makanan dan sekantung air dalam kirbat. Abraham meletakkan semuanya di atas bahu Hagar, menyerahkan anaknya kepadanya dan menyuruhnya pergi. Maka pergilah Hagar dan anaknya merayau-rayau ke kawasan tanah gersang Beer-Syeba`. ^{21:15} Apabila mereka sudah meminum habis air di dalam kirbat, Hagar meninggalkan anak lelakinya di bawah naungan salah satu belukar. ^{21:16} Lalu dia pergi sejauh kira-kira 100 ela dari anak itu dan duduk manakala anaknya di belakang belukar itu. Dia berasa bahawa dia tidak sanggup melihat anaknya mati dan ketika dia duduk di sana, dia mula menangis teresak-esak.

^{21:17} Tetapi Allah mendengar suara budak itu dan Pesuruh Allah berseru kepada Hagar dari syurga. Dia

^{21:11} The thing was very grievous in Abraham's sight on account of his son. ^{21:12} God said to Abraham, “Don't let it be grievous in your sight because of the boy, and because of your handmaid. In all that Sarah says to you, listen to her voice. For from Isaac will your seed be called.”^{21:13} I will also make a nation of the son of the handmaid, because he is your seed.”

^{21:14} Abraham rose up early in the morning, and took bread and a bottle of water, and gave it to Hagar, putting it on her shoulder; and gave her the child, and sent her away. She departed, and wandered in the wilderness of Beersheba.

^{21:15} The water in the bottle was spent, and she cast the child under one of the shrubs.

^{21:16} She went and sat down opposite him, a good way off, about a bow shot away. For she said, “Don't let me see the death of the child.” She sat over against him, and lifted up her voice, and wept.

^{21:17} God heard the voice of the boy. The angel of God called to

^{P 21:10} Pewaris Abraham bukan sahaja mewarisi harta-bendanya malahan dia akan mewarisi semua janji Allah (Kej 12:1-3).

^{h 21:12} **Hrfh:** di dalam Yiş'haq lah akan dipanggil keturunan bagi mu. / di dalam Yiş'haq lah akan dinamakan keturunan bagi mu.

^{j 21:14} **roti trjmhn lain:** makanan

^{P 21:17} Kata mendengar mengingatkan pembaca bahawa nama Yisyma`el bermaksud Allah mendengar. Lihat Kej. 16:11.

^{l 21:17} **Allah mendengar suara budak lelaki itu tfsrn lain:** mendengar suara budak lelaki itu **berdoa tfsrn lain:** mendengar suara tangisan budak itu. Kebanyakan terjemahan Inggeris ikut tfsrn tangisan, tetapi memandangkan umur Yisyma`el (14-16 tahun), lebih besar kemungkinan dia berdoa drpd menangis. Mungkin juga dia menangis dan berdoa sekaligus.

^{P 21:17} **Pesuruh Allah trjmhn 2:** Malaikat Allah **trjmhn 3:** Utusan Allah. Istilah Ibrani ini (yg disebut mal'akh) lebih luas drpd istilah malaikat dlm Melayu, atau angel dlm Inggeris, yg merujuk kpd satu jenis makhluk/oknum rohani saja. Ia biasanya berkaitan Allah berkomunikasi dgn manusia. Ia boleh merangkumi konsep pemberita, utusan, duta, wakil dan pengantara. Istilah Pesuruh Allah atau Pesuruh Allah ada makna khas; ia bukan setakat sesuatu malaikat yg diutus Allah saja.

<p>syurga.^j Dia berkata kepadanya, “Apa halnya, Hagar?”^h Jangan risau sebab Allah sudah mendengar suara budak itu dari tempatnya di sana. ^{21:18} Bangunlah, angkat budak itu dan teguhkan hatinya^t sebab aku akan menjadikan dia satu bangsa^j yang besar.” ^{21:19} Lalu Allah membuka mata Hagar^h dan dia ternampak sebuah perigi air. Dia pergi ke perigi itu dan mengisikan kirbat itu dengan air serta memberi budak lelaki itu air untuk diminum.</p> <p>^{21:20} Allah menyertai budak lelaki itu. Dia membesar dan tinggal di padang gurun. Dia seorang pemanah.^p ^{21:21} Maka dia menetap di padang gurun Paran dan ibunya mendapatkannya seorang isteri dari tanah Mesir.</p> <p>Perjanjian di antara Abraham dengan Abi-Melekh</p> <p>^{21:22} Pada ketika itulah,^p Raja Abi-Melekh dan Pikhhol, panglima tenteranya pergi kepada Abraham dan mengatakan, “Allah beserta mu di dalam semua yang kau lakukan.” ^{21:23} Nah, sekarang bersumpahlah kepada beta di sini</p>	<p>berkata, “Apakah masalahmu, Hagar? Jangan risau sebab Allah telah mendengar suara anakmu di belukar itu. ^{21:18} Bangunlah, angkat budak itu dan teguhkan hatinya sebab aku akan menjadikan dia satu bangsa yang besar.” ^{21:19} Lalu Allah membolehkan Hagar melihat sebuah perigi air yang kelihatan dari tempatnya. Dia pun pergi ke perigi itu dan mengisikan kirbatnya dengan air. Kemudian dia menghampiri anaknya dan memberi anaknya minum.</p> <p>^{21:20} Budak itu membesar dan Allah melindunginya. Dia menetap di padang gurun Paran dan menjadi seorang pemanah. ^{21:21} Ibunya menjodohkannya dengan seorang perempuan dari Mesir.</p> <p>Perjanjian di antara Abraham dengan Abi-Melekh</p> <p>^{21:22} Selepas Yiş’haq bercerai susu, Raja Abi-Melekh dan Pikhhol, panglima tenteranya datang untuk melawat Abraham. Dia berkata kepada Abraham, “Allah menolong engkau dalam semua yang engkau lakukan.” ^{21:23} Oleh itu, sekarang bersumpahlah</p>	<p>Hagar out of the sky, and said to her, “What ails you, Hagar? Don’t be afraid. For God has heard the voice of the boy where he is. ^{21:18} Get up, lift up the boy, and hold him in your hand. For I will make him a great nation.”</p> <p>^{21:19} God opened her eyes, and she saw a well of water. She went, filled the bottle with water, and gave the boy drink.</p> <p>^{21:20} God was with the boy, and he grew. He lived in the wilderness, and became, as he grew up, an archer. ^{21:21} He lived in the wilderness of Paran. His mother took a wife for him out of the land of Egypt.</p> <p>Treaty Between Abraham and Abimelech</p> <p>^{21:22} At that time, Abimelech and Phicol the captain of his army spoke to Abraham, saying, “God is with you in all that you do.” ^{21:23} Now, therefore, swear to me here by God that you will not deal</p>
--	--	---

Ada dua fahaman ttg istilah *Pesuruh Yahweh* atau *Malaikat Allah* dlm PL. 1). Ini Allah sendiri yg bertindak dlm sesuatu bentuk atau jelmaan utk berkomunikasi dgn manusia. 2). Ini Yesus sebelum ia menjadi manusia, bertindak sebagai pengantara utk Allah Bapa, dan sebagai Allah sendiri.

Ada ayat yg menyokong fahaman 1) atas. Cukup terang bahawa *Malaikat Yahweh* ini bertindak sebagai Allah sendiri. (Misalnya, dlm ayat ^{22:15-16} di mana ia berfirman dgn penuh wibawa Allah.) Ia juga memanggil diri sendiri *Allah* (^{31:11-13}). Satu peristiwa dgn Abraham yg menyokong fahaman ini ialah di mana pd mulanya ia dipanggil ‘orang’ (^{18:2}), kemudian salah satu drpd tiga ‘orang’ dipanggil *Yahweh* (^{18:13}), dan dua yg lain dipanggil *malaikat*. Dlm keadaan yg sama, ia dipanggil *Malaikat Allah* dan Allah (*Kel 3:2-4, Hakim 6:11-23*) – tetapi ini boleh menyokong kedua-dua fahaman.

Kalau fahaman 1) diikuti, penterjemah boleh gunakan istilah *Yahweh* atau *TUHAN* atau *Allah* sahaja, tanpa tambahan istilah *malaikat* atau *pengantara*. Atau ia boleh diterjemah sebagai *jelmaan Yahweh* atau *jelmaan Allah*, atau *Allah dalam jelmaan sebagai manusia* dlm ayat tertentu di mana ia sesuai.

Ada ayat yg menyokong fahaman 2) juga. Beberapa kali, ia merujuk kpd *Yahweh* atau Allah spt orang lain. Contohnya, ^{21:17, 22:12}.

Kami ikut fahaman kedua ini. Istilah *Pesuruh* digunakan utk menunjuk peranan yg dimaksudkan di sini.

^{21:17} *syurga* trjmhn lain: *langit*. B. Ibrani & Yunani hanya ada satu perkataan utk *langit* atau *syurga*. Istilah *syurga* dlm b. Melayu pun dipinjam dr bahasa Sanskrit.

^{21:17} **Hrffh:** *Apa kepada mu, Hagar?*

^{21:18} *teguhkan hatinya* ~tfsrn 2: *hiburkanlah/galakkanlah dia* tfsrn 3: *pimpin dia dengan tanganmu* tfsrn 4: *peluklah dia erat-erat*
hrffh: *buatlah tanganmu teguh pada dia*

^{21:18} *bangsa* trjmhn lain: *negara*

^{21:19} *Hagar* hrffh: *nya*

^{21:20} Agaknya *pemanah* merujuk kpd memburu dgn menggunakan panah, tetapi mungkin ia merujuk juga kpd berperang.

^{21:22} Agaknya ini merujuk kpd masa Yiş’haq baru bercerai susu dan Hagar diusir dr rumah.

bahawa demi Allah, kau tidak akan berbohong^h kepada beta, anak-anak beta dan keturunan beta. Juga sesuai dengan kebaikan yang aku tunjukkan kepada mu, kau juga akan tunjukkan kepada beta dan juga negara di mana kau menetap sekarang sebagai orang asing.”

21:24 Lalu dia berkata, “Aku Abraham, aku bersumpah.”

21:25 Tetapi Abraham memperbantahkan Abi-Melekh tentang sebab-sebab perigi air yang dirampas oleh hamba-hamba Abi-Melekh. **21:26** Tetapi Raja Abi-Melekh berkata, “Beta tidak tahu-menahu siapakah yang melakukan hal itu. Malah, kau pun belum menyatakan hal itu kepada beta dan beta juga belum mendengar tentangnya kecuali pada hari ini.”

21:27 Seterusnya, Abraham mengambil beberapa ekor domba dan lembu, dan memberikannya kepada Raja Abi-Melekh. Kemudian mereka berdua membuat satu perjanjian. **21:28** Seterusnya Abraham mengasingkan tujuh ekor anak domba betina daripada kawanannya itu. **21:29** Lalu Raja Abi-Melekh berkata kepada Abraham, “Apakah maksud tujuh ekor anak domba betina yang engkau asingkan daripada kawanannya?” **21:30** Lalu katanya, “Engkau akan mengambil ketujuh-tujuh anak domba betina ini dari tangan ku supaya ia menjadi saksi bagi ku bahawa akulah yang menggali perigi ini.”

21:31 Jadi Abraham^h memanggil tempat itu Beer-Syeba` sebab di situlah mereka berdua telah bersumpah.

21:32 Setelah mereka membuat perjanjian di Beer-Syeba`, Raja

kepada beta di sini, demi Allah bahawa engkau tidak akan menipu beta mahupun anak-anak beta serta keturunan beta. Engkau harus berbuat baik kepada beta dan kepada orang di negara beta di mana engkau menetap sebagai orang asing sama seperti beta bersikap baik kepada mu.” **21:24**

Abraham pun menjawab, “Saya bersumpah di hadapan Allah untuk setia kepada mu, seperti yang kau katakan.”

21:25 Tetapi selepas itu, Abraham menyuarkan bantahannya kepada Raja Abi-Melekh mengenai perigi air yang dirampas oleh hamba-hamba Abi-Melekh. **21:26** Tetapi, Raja Abi-Melekh berkata kepadanya, “Kenapa kau tidak memberitahu beta tentang hal ini lebih awal? Baru hari ini beta mendengar tentangnya. Beta juga tidak tahu-menahu siapakah yang telah melakukannya.”

21:27 Seterusnya, Abraham membawa beberapa ekor domba dan binatang ternak, lalu memberikannya kepada Raja Abi-Melekh. Kemudian mereka membuat satu perjanjian damai. **21:28** Seterusnya Abraham mengasingkan tujuh ekor anak domba betina daripada kawanannya itu. **21:29** Lalu Raja Abi-Melekh menanyakan Abraham, “Apakah maksud tujuh ekor anak domba betina ini yang engkau asingkan daripada kawanannya?” **21:30** Abraham pun menjawab, “Terimalah daripada saya ketujuh-tujuh ekor anak domba ini sebagai tanda pengakuan mu bahawa sayalah yang menggali perigi ini dan memilikinya.”

21:31 Jadi tempat itu dinamai Beer-Syeba` oleh Abraham sebab dia dan Raja Abi-Melekh telah bersumpah di situ.

21:32 Setelah perjanjian itu dibuat di Beer-Syeba`, Raja Abi-Melekh dan

falsely with me, nor with my son, nor with my son’s son. But according to the kindness that I have done to you, you shall do to me, and to the land in which you have lived as a foreigner.”

21:24 Abraham said, “I will swear.”

21:25 Abraham complained to Abimelech because of a water well, which Abimelech’s servants had violently taken away. **21:26** Abimelech said, “I don’t know who has done this thing. You didn’t tell me, neither did I hear of it, until today.”

21:27 Abraham took sheep and cattle, and gave them to Abimelech. Those two made a covenant. **21:28** Abraham set seven ewe lambs of the flock by themselves. **21:29** Abimelech said to Abraham, “What do these seven ewe lambs which you have set by themselves mean?”

21:30 He said, “You shall take these seven ewe lambs from my hand, that it may be a witness to me, that I have dug this well.”

21:31 Therefore he called that place Beersheba,[†] because they both swore there.

21:32 So they made a covenant at Beersheba. Abimelech rose

^h 21:23 kau tidak akan berbohong **hrfh**: kalau kau berbohong. Rupanya ungkapan yg tersirat di sini adalah, kalau kau berbohong, Allah akan membalas kau

^h 21:31 Abraham **hrfh**: dia

<p>Abi-Melekh dan Pikhol, panglima tenteranya bangkit dan mereka kembali ke tanah orang Pelisyti.^{e t} 21:33 Kemudian Abraham menanam sepohon pokok tamariska di Beer-Syeba` dan di situlah dia memanggil nama Yahweh, Allah yang abadi.^{21:34} Maka Abraham menetap lama^h di tanah orang Pelisyti.</p> <p>Allah Menguji Iman dan Ketaatan Abraham dan Mengesahkan Perjanjian Dengannya</p> <p>22:1 Setelah semua hal itu terjadi, Allah menguji Abraham. Allah berkata kepadanya, “Abraham!” dan dia menjawab, “Saya di sini.” 22:2 Allah pun berkata, “Sila bawa anak mu Yiş`haq, satu-satunya anak mu^t yang kau sayangi. Pergilah ke tanah Moriyah^p dan persembahkanlah dia di sana sebagai korban bakaran^p di atas salah sebuah gunung yang akan ku katakan kepadamu.”</p> <p>22:3 Pada esok pagi, Abraham bangun awal dan memelanai keldainya. Dia membawa bersamanya dua orang hamba mudanya dan anaknya, Yiş`haq. Kemudian dia memotong kayu untuk korban bakaran itu, dan berjalan ke tempat yang dikatakan Allah kepadanya.</p> <p>22:4 Pada hari yang ketiga dalam</p>	<p>Phikol, panglima tenteranya pulang ke negeri orang Felisyti.^{21:33} Kemudian Abraham menanam seponon pokok tamariska di Beer-Syeba`. Di situlah dia memanggil nama Yahweh dalam penyembahan, Allah yang abadi.^{21:34} Tinggallah Abraham di negeri orang Pelisyti untuk satu jangka masa yang panjang.</p> <p>Allah Menguji Iman dan Ketaatan Abraham dan Mengesahkan Perjanjian Dengannya</p> <p>22:1 Beberapa waktu kemudian Allah menguji iman Abraham. Katanya, “Abraham!” dan Abraham menjawab, “Ini hamba.”^{22:2} Allah pun berkata, “Bawalah anak kau Yiş`haq, satu-satunya anak kau yang kau sayangi. Pergilah ke wilayah Moriyah. Kemudian persembahkanlah anak kau sebagai korban bakaran di salah sebuah gunung yang akan ku beritahukan nanti.</p> <p>22:3 Pada keesokan harinya, awal pagi lagi Abraham bangun dan memelanai keldainya. Bersamanya, dia membawa dua orang hamba mudanya dan anaknya, Yiş`haq. Setelah memotong kayu secukupnya untuk korban bakaran itu, dia berangkat ke tempat yang dinyatakan Allah kepadanya.</p> <p>22:4 Pada hari yang ketiga dalam</p>	<p>up with Phicol, the captain of his army, and they returned into the land of the Philistines. 21:33 Abraham planted a tamarisk tree in Beersheba, and called there on the name of Yahweh, the Everlasting God. 21:34 Abraham lived as a foreigner in the land of the Philistines many days.</p> <p>God Tests Abraham and Then Confirms His Covenant with an Oath</p> <p>22:1 After these things, God tested Abraham, and said to him, “Abraham!” He said, “Here I am.” 22:2 He said, “Now take your son, your only son, whom you love, even Isaac, and go into the land of Moriah. Offer him there for a burnt offering on one of the mountains which I will tell you of.”</p> <p>22:3 Abraham rose early in the morning, and saddled his donkey, and took two of his young men with him, and Isaac his son. He split the wood for the burnt offering, and rose up, and went to the place of which God had told him.</p> <p>22:4 On the third day Abraham</p>
---	--	---

^e **21:32** *Pelisyti*. Ejaan asli b. Ibrani ialah *Pelisyti*, *Pelisyti* atau *Pelisytim* (dgn tanda jamak). Terjemahan lain mengejanya *Filistin*, mungkin sbg tiruan ejaan b. Inggeris. Bangsa *Pelisyti* langsung tiada kaitan dgn bangsa Arab yg dipanggil *Palestin* sekarang, kecuali kedua-duanya tinggal di Semenanjung Gaza dan kedua-duanya boleh dikatakan *musuh ketat* orang Israel.

^t **21:32** *negeri orang Pelisyti*. **tfsrn lain**: tanah **di mana bangsa Pelisyti akan tinggal nanti**. Sama dlm ayat 34. Ada pengkaji yg percaya bangsa Pelisyti belum berpindah di tanah Kana'an pd waktu Abraham mengembara di situ.

^h **21:34** lama **hrfh**: banyak hari

^t **22:2** *satu-satunya anak mu* **tfsrn 2**: anak yang sungguh istimewa / anak yang unik **tfsrn 3**: anak tersayang. Oleh sebab 1) Yisyma`el sudah diusir dr rumah, dan 2) Yiş`haq sudah ditentukan sebagai pewaris, Yiş`haq dianggap satu-satunya anak Abraham.. Ada juga **tfsrn lain** yg berkata bahawa frasa ini bermakna *anak yang sungguh istimewa* atau *anak yang unik*. Sama dlm ayat 22:12. Dlm Septuaginta istilah ini diterjemah sbg *anak tersayang*. Istilah ini membayangkan istilah yg digunakan utk Yesus di Yoh 1:14, 18, 3:16, 18; 1 Yoh 4:9 yg biasanya diterjemah sbg *anak yang tunggal*.

^p **22:2** Gunung Moriya (Moria) ini dipercayai tempat Bait Allah dibina pada kemudian hari. Lihat 2 Taw 3:1. Kemudian ia dipanggil gunung Zion. Tdk mustahil bahawa tempat Yiş`haq hampir disembelih juga tempat Yesus disalibkan, kerana itupun berada pd gunung yg sama.

^p **22:2** Dalam PL, orang selalu mengorbankan binatang kepada Tuhan. *Korban bakaran* adalah satu jenis korban. Apabila seorang melakukan korban ini, dia akan membunuh binatang itu dan kemudian membakar dengan sepenuhnya binatang itu di atas sebuah mazbah. Perintah Tuhan kepada Abraham membayangkan bahawa dia harus membunuh Yiş`haq dan membakar tubuhnya di atas mazbah sebagai satu persembahan kepada Tuhan.

<p>perjalanan mereka, Abraham melayangkan pandangannya^h dan dia melihat tempat itu dari jauh. 22:5 Maka Abraham berkata kepada hamba-hamba mudanya, “Tinggallah di sini dengan keldai manakala aku dan budak ini akan mendaki ke atas sana untuk menyembah. Setelah itu, kami akan kembali lagi kepada kamu.” 22:6 Lalu Abraham mengambil kayu untuk korban bakaran itu dan memikulkannya pada bahu^t Yiş’haq, anaknya. Abraham pula membawa di tangannya bara api di dalam sebuah bekas dan sebilah pisau. Kemudian mereka berdua berjalan bersama-sama. 22:7 Ketika berjalan, Yiş’haq bercakap dengan Abraham, bapanya. Katanya,^h “Oh, bapa ku.” Lalu dia menyahut, “Anak ku, aku di sini.” Kata Yiş’haq, “Ada api dan kayu^h tetapi di manakah anak domba^j untuk korban bakaran itu?” 22:8 Abraham berkata, “Allah sendirilah yang akan menyediakan^j domba untuk korban bakaran, oh anak ku.” Maka mereka berdua meneruskan perjalanan bersama.</p> <p>22:9 Mereka pun tiba di tempat yang dikatakan Allah kepadanya dan Abraham membina sebuah mazbah di situ. Dia menyusun kayu-kayu di atasnya, lalu mengikat Yiş’haq, anaknya, dan membaringkannya pada mazbah di atas timbunan kayu-kayu itu. 22:10 Kemudian Abraham menghulurkan tangannya dan mengambil pisau itu untuk membunuh^j anaknya.</p>	<p>perjalanan mereka, Abraham memandang ke hadapannya dan dia dapat melihat gunung itu dari jauh. 22:5 Lalu dia berkata kepada kedua-dua hambanya, “Kamu tinggal dahulu di sini dengan keldai itu. Saya dan anak saya akan ke gunung sana. Kami akan menyembah Tuhan di sana dan selepas itu kembali kepada mu.”</p> <p>22:6 Kemudian Abraham mengambil kayu untuk korban bakaran itu dari hamba itu dan memikulkannya pada bahu anaknya, Yiş’haq. Dia sendiri membawa bara api di dalam sebuah bekas dan sebilah pisau. Lalu mereka berdua meninggalkan hamba itu dan berjalan bersama-sama. 22:7 Ketika dalam perjalanan ke atas gunung Yiş’haq bertanya kepada Abraham, bapanya, “Bapa?” Abraham pun menjawabnya, “Ya, anak ku. Ayah mendengar.” Sambung Yiş’haq, “Kenapa pula ini? Bahan api dan kayu ada di sini, tetapi kita tidak ada anak domba untuk korban bakaran itu.” 22:8 Jawab Abraham, “Allah sendiri akan menyediakan domba bagi korban bakaran itu, anak ku.” Maka mereka berdua meneruskan perjalanan mereka.</p> <p>22:9 Apabila mereka tiba di tempat yang diberitahu Allah kepadanya, Abraham membina sebuah mazbah di situ dan menyusun kayu yang dibawa anaknya di atas mazbah tersebut. Seterusnya dia mengikat anaknya, Yiş’haq dan membaringkan dia di mazbah, di atas timbunan kayu yang disusunnya. 22:10 Kemudian dia menghulurkan tangannya dan mengambil pisau tersebut untuk</p>	<p>lifted up his eyes, and saw the place far off. 22:5 Abraham said to his young men, “Stay here with the donkey. The boy and I will go yonder. We will worship, and come back to you.”</p> <p>22:6 Abraham took the wood of the burnt offering and laid it on Isaac his son. He took in his hand the fire and the knife. They both went together. 22:7 Isaac spoke to Abraham his father, and said, “My father?” He said, “Here I am, my son.” He said, “Here is the fire and the wood, but where is the lamb for a burnt offering?” 22:8 Abraham said, “God will provide himself the lamb for a burnt offering, my son.” So they both went together.</p> <p>22:9 They came to the place which God had told him of. Abraham built the altar there, and laid the wood in order, bound Isaac his son, and laid him on the altar, on the wood. 22:10 Abraham stretched out his hand, and took the knife to kill his son. 22:11 Yahweh’s angel called to</p>
---	---	--

^h 22:4 melayangkan pandangannya hrhf: mengangkat matanya

^t 22:6 memikulkannya pada bahu tfrsn 2: letakkannya pada pundak tfrsn 3: letakkannya pada belakang tfrsn 4: letakkannya pada kepala

^h 22:7 Yiş’haq berkata kepada Abraham, bapanya, hrhf: Yiş’haq berkata kepada Abraham, bapanya, katanya,

^h 22:7 Ada kayu dan api hrhf: Tengok kayu dan api

^j 22:7 anak domba trjmhn lain: domba / kambing biri-biri

^j 22:8 menyediakan trjmhn 2: membekalkan trjmhn 3: mengurus hrhf: melihat untuk diri sendiri

^j 22:10 membunuh trjmhn 2: sembelih trjmhn 3: membantai

<p>22:11 Tetapi Pesuruh Yahweh^h berseru kepadanya dari syurga^j dengan berkata, “Abraham, Abraham.” Abraham^h berkata, “Ini aku.” 22:12 Lalu dia^h berkata, “Janganlah kau hulurkan tangan mu terhadap budak itu dan jangan apa-apakan dia^h sebab sekarang saya tahu bahawa engkau takut akan Allah^p serta tidak menahan anak mu, satu-satunya anak mu daripada ku.”</p> <p>22:13 Kemudian Abraham melayangkan pandangannya^h dan dia ternampak di belakangnya^m seekor domba jantan yang tanduknya tersangkut dalam belukar. Jadi Abraham pergi mengambil domba jantan itu dan mempersembahkannya sebagai korban bakaran menggantikan anaknya.</p> <p>22:14 Maka Abraham memanggil nama tempat itu “Yahweh-Yireh”ⁿ seperti yang dikatakan sehingga pada hari ini, “Di atas gunung Yahweh, ia akan disediakan.”</p> <p>22:15 Pesuruh Yahweh pun berseru kepada Abraham dari syurga^j untuk kali yang kedua.</p> <p>22:16 Katanya, “Oleh sebab engkau telah melakukan perkara ini dan tidak menahan untuk menyerahkan kepadaku anak mu, satu-satunya anak mu, aku bersumpah demi diri ku sendiri – demikianlah kata</p>	<p>menyembelih anaknya sebagai korban kepada Tuhan. 22:11 Tetapi Pesuruh Yahweh berseru kepadanya dari syurga, “Abraham!” Jawab Abraham, “Ya, Tuhan!” 22:12 Kata Pesuruh Yahweh, “Jangan mengangkat pisau itu terhadap anak mu ataupun mengapa-apakan dia. Sekarang saya tahu bahawa engkau takut akan Allah, sebab engkau tidak menolak untuk mengorbankan anak mu walaupun dia satu-satunya anak kau.”</p> <p>22:13 Kemudian Abraham memandang di sekelilingnya dan di belakangnya, kelihatan seekor domba jantan yang tersangkut tanduknya dalam belukar. Lalu bangkitlah Abraham mendapatkan domba itu dan mempersembahkannya sebagai korban bakaran menggantikan anaknya.</p> <p>22:14 Maka Abraham menamai tempat itu “Yahweh-Yireh” iaitu “Yahweh menyediakan apa yang diperlukan”. Hingga ke hari ini pun, masih diperkatakan orang, “Di atas gunung Yahweh, apa yang diperlukan akan disediakan.”</p> <p>22:15 Untuk kali yang kedua, Pesuruh Yahweh berseru dari syurga kepada Abraham. 22:16 Katanya, “Beginilah kata Yahweh, ‘Oleh sebab engkau telah melakukan perkara ini dan tidak menolak untuk menyerahkan anak tunggal mu kepada ku, aku berkata dan bersumpah demi diri ku sendiri sebagai Yahweh 22:17 bahawa aku akan</p>	<p>him out of the sky, and said, “Abraham, Abraham!” He said, “Here I am.” 22:12 He said, “Don’t lay your hand on the boy, neither do anything to him. For now I know that you fear God, since you have not withheld your son, your only son, from me.”</p> <p>22:13 Abraham lifted up his eyes, and looked, and saw that behind him was a ram caught in the thicket by his horns. Abraham went and took the ram, and offered him up for a burnt offering instead of his son.</p> <p>22:14 Abraham called the name of that place Yahweh Will Provide. As it is said to this day, “On Yahweh’s mountain, it will be provided.”</p> <p>22:15 Yahweh’s angel called to Abraham a second time out of the sky, 22:16 and said, “I have sworn by myself, says Yahweh, because you have done this thing, and have not withheld your son, your only son, 22:17 that I will bless you greatly, and I will multiply your</p>
--	---	--

^h **22:11** Pesuruh Allah hrhf: malaikat Allah. Istilah malaikat Allah merujuk bukan kpd malaikat, tetapi kpd suatu jelmaan Allah sendiri. Ada orang yg percaya ini merujuk kpd Yesus sebelum ia menjadi manusia.

^j **22:11** syurga trjmhn lain: langit. Sama dlm ayat 15.

^h **22:11** Abraham hrhf: dia

^h **22:12** jangan apa-apakan dia hrhf: jangan membuat apa-apa kepada dia

^p **22:12** takut akan Allah bermakna hormat dan patuh kepada Allah, dan lebih mementingkan kehendak Allah drpd keinginan atau adat manusia, atas kesedaran bahawa Allah adalah penghukum terakhir kita yg menentu nasib kita.

^h **22:13** melayangkan pandangannya hrhf: mengangkat/meninggikan matanya

^m **22:13** di belakangnya manuskrip lain: satu

ⁿ **22:14** Nama Yahweh-Yireh bermakna: Yahweh membekalkan / Yahweh menyediakan keperluan / Yahweh pemenuh keperluan / Yahweh pencukup/penggenap / Yahweh yang memadai hrhf: Yahweh melihat untuk diri sendiri

^j **22:14** Yahweh-Yireh trjmhn 2: Yahweh menyediakan apa yang diperlukan trjmhn 3: Yahweh penyedia keperluan trjmhn 4: Yahweh pemenuh keperluan hrhf: Yahweh melihat untuk diri sendiri

^j **22:15** langit trjmhn lain: syurga. B. Ibrani & Yunani hanya ada satu perkataan utk langit atau syurga. Istilah syurga dlm b. Melayu pun dipinjam dr bahasa Sanskrit.

<p>Yahweh – ^{22:17} bahawa aku akan sangat ^t memberkati kau. Aku akan sangat memperbanyak keturunan mu seperti bintang-bintang di langit dan seperti pasir yang di tepi laut. Keturunan mu akan mewarisi pintu kota musuhnyā. ^p ^{22:18} Melalui zuriatmu ^p semua bangsa di bumi akan diberkati ^t sebab engkau mendengar suara ku.”</p> <p>^{22:19} Abraham pun kembali kepada hamba mudanya dan mereka bangkit lalu pergi bersama-sama ke Beer-Syeba`. Kemudian Abraham menetap di Beer-Syeba`.</p> <p>Keturunan Naħor, Adik Abraham</p> <p>^{22:20} Selepas peristiwa itu, dilaporkanlah kepada Abraham, “Dengarlah! Milkah juga telah melahirkan anak-anak untuk Naħor, saudara mu. ^{22:21} Anak sulungnya ialah `Uş; adiknya Buz dan Qemuel, bapa kepada Aram. ^{22:22} Juga Kesed, Ĥazo, ^e Pildasy, Yidlaf dan Betuel.” ^{22:23} Betuel menjadi bapa kepada Ribqah. ^e Kelapan-lapan orang anak lelaki ini dilahirkan oleh Milkah untuk Naħor, saudara Abraham. ^{22:24} Manakala gundik Naħor yang bernama Reumah juga melahirkan anak-anak lelaki untuk Naħor, iaitu Ṭebaħ, Gaħam, Taħasy ^e dan Ma`akhah.</p> <p><i>Masa Tua Abraham dan Śarah (23:1 – 25:11)</i></p>	<p>memberkatimu dengan berkelimpahan dan membuat keturunanmu bertambah banyak sekali sehingga sebanyak bintang di langit dan sebanyak butir-butir pasir di tepi pantai. Keturunanmu akan mengalahkan musuh mereka dan menakluki kota-kota musuh mereka. ^{22:18} Melalui keturunan mu semua bangsa di bumi akan diberkati kerana engkau telah mematuhi ku.”</p> <p>^{22:19} Selepas itu, Abraham dan Yiṣ`haq kembali kepada hamba muda Abraham. Kemudian mereka bersama-sama pulang ke Beer-Syeba`, di mana Abraham serta keluarganya menetap.</p> <p>Keturunan Naħor, Adik Abraham</p> <p>^{22:20} Beberapa lama kemudian, Abraham mendapat khabar bahawa Milkah iaitu isteri adiknya, Naħor, telah melahirkan beberapa orang anak bagi Naħor. ^{22:21} Anak yang pertama ialah `Uş. Adiknya ialah Buz dan Qemuel iaitu bapa kepada Aram. ^{22:22} Anak-anaknya yang lain ialah Kesed, Ĥazo, Pildasy, Yidlaf dan Betuel. ^{22:23} Kemudian Betuel menjadi bapa kepada seorang anak perempuan yang bernama Ribqah. Itulah lapan orang anak lelaki Milkah dan Naħor, adik Abraham. ^{22:24} Gundik Naħor, Reumah, juga melahirkan empat orang anak lelaki untuk Naħor. Anak-anak itu ialah Ṭebaħ, Gaħam, Taħasy dan Ma`akhah.</p> <p><i>Masa Tua Abraham dan Śarah (23:1 – 25:11)</i></p>	<p>seed greatly like the stars of the heavens, and like the sand which is on the seashore. Your seed will possess the gate of his enemies. ^{22:18} All the nations of the earth will be blessed by your seed, because you have obeyed my voice.”</p> <p>^{22:19} So Abraham returned to his young men, and they rose up and went together to Beersheba. Abraham lived at Beersheba.</p> <p>The Descendants of Naħor, Adik Abraham</p> <p>^{22:20} After these things, it was told Abraham, saying, “Behold, Milcah, she also has borne children to your brother Naħor: ^{22:21} Uz his firstborn, Buz his brother, Kemuel the father of Aram, ^{22:22} Chesed, Hazo, Pildash, Jidlaph, and Bethuel.” ^{22:23} Bethuel became the father of Rebekah. These eight Milcah bore to Naħor, Abraham’s brother. ^{22:24} His concubine, whose name was Reumah, also bore Tebah, Gaham, Tahash, and Maacah.</p> <p><i>Abraham dan Sarah in Old Age (23:1 – 25:11)</i></p>
--	--	---

^t ^{22:17} *aku akan memberkati kau sangat* **tfrsn lain:** *aku sememangnya akan memberkati mu*

^p ^{22:17} Pada waktu itu, pemerintah kota berkumpul dekat pintu masuk dlm tembok kota, dan oleh itu penguasaan kota atau pemerintahan kota dipanggil *pintu kota*, spt *parlimen* digunakan sekarang utk pemerintahan negara. Biasanya setiap kota ada pemerintah sendiri. Kalau orang mengambil alih (*mewarisi*) pintu kota, bermakna ia merampas kuasa memerintah di kota itu, dan oleh itu dia yang mempunyai kota itu. Istilah *mewarisi* menunjukkan bahawa mereka berhak mengambil kota-kota itu disebabkan janji Allah yg memberikannya kpd Abraham dan mereka seterusnya sebagai pewaris janji Allah.

^p ^{22:18} *Melalui zuriatmu hrhf:* *Dalam zuriatmu / Dalam benihmu.* Ada dua rujukan utk *zuriatmu* itu. Pertama, ia merujuk kpd semua keturunan Abraham melalui Yiṣ`haq, iaitu orang Yahudi. Kedua, ia merujuk kpd satu keturunan khas, iaitu Yesus Kristus (lihat Gal 3:16).

^t ^{22:18} *Melalui zuriatmu semua bangsa di bumi akan diberkati* **tfrsn 1:** *Yahweh akan memberkati semua bangsa di bumi melalui zuriatmu* **tfrsn 2:** *semua bangsa di bumi akan memperolehi berkat melalui zuriatmu*

^e ^{22:22} Huruf *ħ* dlm nama *Ĥazo* ialah *khet* atau Jawi *ha besar*.

^e ^{22:23} *Ribqah ejaan lain:* *Rivqah.* Dlm Ibrani, huruf *b* dan *v* adalah alofon. Di sini bunyinya *v*.

^e ^{22:24} Huruf *ħ* dlm nama *Ṭebaħ, Gaħam, dan Taħasy* ialah *khet* atau Jawi *ha besar*.

Śarah Meninggal dan Abraham Membeli Tanah Perkuburan Untuknya

^{23:1} Śarah hidup 127 tahun lamanya. Itulah tahun-tahun kehidupan Śarah. ^{23:2} Kemudian Śarah meninggal di Qiryat-Arbaⁿ iaitu Hebron, di tanah Kana`an. Abraham pun pergi berkabung untuk Śarah dan meratapinya.

^{23:3} Selepas itu, Abraham bangkit dari samping isterinya yang mati lalu pergi bercakap dengan orang Het. ^{23:4} Katanya, “Saya orang asing yang mengembara di kalangan kamu, maka izinkan saya membeli kubur ^h yang sudah disediakan kamu ^p agar saya dapat menguburkan isteri saya yang sudah meninggal daripada hadapan saya.” ^p

^{23:5} Lalu orang-orang Het menjawab Abraham. Kata mereka kepadanya, ^{23:6} “Dengar kami, tuanku. Engkau seorang pemimpin Allah ^t di kalangan kami. Kuburkanlah isterimu yang telah meninggal di kubur kami yang terpilih. Tidak seorang pun daripada kami akan menolak untuk mengizinkan kau menguburkan isterimu yang telah meninggal.”

^{23:7} Kemudian Abraham bangkit dan sujud tertunduk kepada orang-orang di tanah itu, orang-orang Het. ^{23:8} Lalu dia berkata kepada mereka, “Sekiranya ada keinginan kamu agar saya menguburkan dari hadapan saya isteri saya yang sudah meninggal, maka dengarlah saya dan merayulah bagi pihak saya kepada `Efron bin Şohar. ^{23:9} Mintalah kepadanya agar dia

Śarah Meninggal dan Abraham Membeli Tanah Perkuburan Untuknya

^{23:1} Seluruh jangka hayat Śarah adalah 127 tahun. ^{23:2} Kemudian dia meninggal di Qiryat-Arba` iaitu nama lama bagi kota Hebron, di tanah Kana`an. Abraham berkabung atas kematian Śarah dan menangisinya.

^{23:3} Setelah berkabung, Abraham bangkit dari sebelah mayat isterinya dan pergi kepada orang Het untuk mengajukan suatu permintaan. ^{23:4} Kata Abraham, “Saya seorang asing yang mengembara di kalangan tuan-tuan yang tidak mempunyai sedikit pun tanah. Juallah kubur yang sudah disediakan tuan-tuan kepada saya agar dapatlah saya menyelesaikan penguburan jenazah isteri saya.”

^{23:5} Orang-orang Het pun menjawab Abraham, ^{23:6} “Tuan, kami menganggap tuan sebagai seorang pemimpin besar di kalangan kami. Maka dengarlah dan terimalah tawaran kami ini: pilih saja kubur pengebumian daripada antara kubur kami. Tidak seorang pun daripada kami yang akan enggan mengizinkan tuan mengebumikan jenazah isteri tuan dalam kuburnya sendiri.”

^{23:7} Lalu Abraham bangun dan tunduk di hadapan penduduk negeri itu, orang-orang Het ^{23:8} dan menjawab mereka, “Jika tuan-tuan membenarkan saya mengebumikan jenazah isteri saya di kawasan tuan-tuan maka bagi pihak saya, pujuklah encik `Efron bin Şohar ^{23:9} agar dia menjualkan guanya di Makhpelah yang terletak di hujung ladangnya kepada saya. Saya akan membayar

Sarah Dies and Abraham Buys a Burial Place

^{23:1} Sarah lived one hundred twenty-seven years. This was the length of Sarah's life. ^{23:2} Sarah died in Kiriath Arba (the same is Hebron), in the land of Canaan. Abraham came to mourn for Sarah, and to weep for her.

^{23:3} Abraham rose up from before his dead, and spoke to the children of Heth, saying, ^{23:4} “I am a stranger and a foreigner living with you. Give me a possession of a burying-place with you, that I may bury my dead out of my sight.”

^{23:5} The children of Heth answered Abraham, saying to him, ^{23:6} “Hear us, my lord. You are a prince of God among us. Bury your dead in the best of our tombs. None of us will withhold from you his tomb. Bury your dead.”

^{23:7} Abraham rose up, and bowed himself to the people of the land, even to the children of Heth. ^{23:8} He talked with them, saying, “If it be your mind that I should bury my dead out of my sight, hear me, and entreat for me to Ephron the son of Zohar, ^{23:9} that he may give me the cave of Machpelah, which he has, which is in the end of his

^{n 23:2} *Qiryat* bermakna *kota* atau *bandar*. Makna *Arba`* tdk diketahui. *Qiryat-Abra`* adalah nama lama bagi kota *Hebron*.

^{h 23:3} *orang-orang Het hrhf*: *bani Het / anak-anak Het*. (Sama dlm 23:3, 5, 7, 10, 16, 18, 20). Bangsa ini keturunan orang bernama Het (10:15).

^{h 23:4} *izinkan saya membeli kubur hrhf*: *berikanlah kepada saya kepunyaan kubur*

^{p 23:4} Dlm kebudayaan mereka, *kubur* ini merujuk kpd gua atau lubang yg digali dlm batu di mana generasi demi generasi orang boleh dikuburkan. Setelah tulang saja yg tertinggal dr mayat, tulang itu akan dikumpulkan pd suatu lubang kecil yg lain, dan tempat membaringkan mayat boleh digunakan sekali lagi. Abraham mahu membeli kubur yg sudah disediakan, kerana dia tdk dapat tunggu lama utk menguburkan mayat isterinya.

^{p 23:4} Frasa *daripada hadapan saya* rupanya merujuk kpd tugas yg tunggu-menunggu, yg harus diselesaikan. Sama dlm 23:8.

^{t 23:6} *pemimpin Allah tfsrn 1*: *pemimpin besar / pemimpin berkuasa tfsrn 2*: *pemimpin yang dipilih Allah*

<p>melepaskan gua Makhpelah miliknya yang terletak di hujung ladangnya^j untuk harga penuh wang perak.^p Biarlah dia melepaskannya^h kepada saya di hadapan kamu semua untuk menjadi kubur kepunyaanku.”^t</p> <p>23:10 Ketika itu, `Efron sedang duduk di tengah-tengah orang Het. `Efron, orang Het itu pun menjawab Abraham sambil didengar oleh orang-orang Het^h – sesiapa yang sedang berada dekat^h pintu gerbang kota itu.^{h p 23:11}</p> <p>Katanya, “Tidak Tuanku, dengarlah saya. Saya berikan ladang itu bersama gua di dalamnya kepadamu.^t Saya memberikannya kepadamu dengan disaksi mata oleh orang-orang saya. Saya memberikannya kepadamu untuk menguburkan orang mati mu.”</p> <p>23:12 Abraham pun sujud di hadapan orang-orang tanah itu.</p> <p>23:13 Lalu Abraham bercakap kepada `Efron dengan didengar oleh orang-orang tanah itu. Katanya, “Walau bagaimanapun, jika engkau sanggup mendengar saya, saya memberikan engkau wang perak senilai ladang itu. Terimalah bayaran daripada saya agar saya boleh menguburkan isteri saya yang sudah meninggal di sana.”</p> <p>23:14 Maka `Efron menjawab Abraham dengan berkata</p>	<p>harga penuh bagi tanah itu di hadapan kamu semua supaya ia menjadi milik saya dan untuk dijadikan sebagai kubur keluarga saya.”</p> <p>23:10 Sementara Abraham bercakap, `Efron, orang Het itu sedang duduk di kalangan orang Het yang lain. Dia pun menjawab Abraham agar didengar dan disaksikan orang-orang Het yang berkumpul dekat pintu gerbang kota itu. 23:11 Kata `Efron, “Tuan, dengan rasminya saya memberikannya kepada tuan dengan disaksikan oleh rakyat jelata negeri ini untuk pengebumian orang mati tuan.”</p> <p>23:12 Sekali lagi Abraham sujud di hadapan penduduk negeri itu. 23:13 Lalu dia menjawab `Efron secara umum agar didengar dan disaksikan orang negeri itu, “Terima kasih, tetapi dengarlah dahulu pada kata-kata saya. Saya hendak membayar tuan harga ladang itu. Terimalah bayaran itu agar dapatlah saya kebumikan jenazah isteri saya di sana.”</p> <p>23:14 `Efron pun menjawab Abraham. 23:15 Katanya, “Tuan, kalau</p>	<p>field. For the full price let him give it to me among you for a possession of a burying-place.”</p> <p>23:10 Now Ephron was sitting in the middle of the children of Heth. Ephron the Hittite answered Abraham in the hearing of the children of Heth, even of all who went in at the gate of his city, saying, 23:11 “No, my lord, hear me. I give you the field, and I give you the cave that is in it. In the presence of the children of my people I give it to you. Bury your dead.”</p> <p>23:12 Abraham bowed himself down before the people of the land. 23:13 He spoke to Ephron in the audience of the people of the land, saying, “But if you will, please hear me. I will give the price of the field. Take it from me, and I will bury my dead there.”</p> <p>23:14 Ephron answered Abraham, saying to him,</p>
---	--	--

^j **23:9** *ladangnya* **trjmh** 2: *sekeping tanahnya* **trjmh** 3: *sekeping humanya*. Sama dlm **23:11**.

^p **23:9** Pada waktu itu, utk bayaran mereka menggunakan perak dlm pelbagai bentuk yg ditimbang. Belum ada syiling. Syekel itu sukatan berat, yg kemudiannya digunakan utk berat satu syiling.

^h **23:9** *menjualnya* **hrfh**: *memberikannya*

^t **23:9** *Biarlah dia melepaskannya kepada saya di hadapan kamu semua untuk menjadi kubur kepunyaanku.* **Tfsrn 2**: *Biarlah dia melepaskannya kepada saya untuk menjadi kubur kepunyaanku di kalangan kamu.* Tfsrn 1 memberi fahaman pembelian ini sengaja dibuat di hadapan orang ramai supaya ia sah dan diketahui semua. Tfsrn 2 memberi fahaman kubur itu berada di dlm kawasan orang di situ.

^h **23:10** *sambil didengar oleh orang-orang Het* **hrfh**: *dalam telinga orang-orang Het*

^h **23:10** *dekat* **hrfh**: *memasuki*. Sama dlm ayat 18.

^h **23:10** *kota itu.* **hrfh**: *kotanya*. Iaitu, kota tempat tinggal `Efron.

^p **23:10** Dlm kebudayaan mereka, pemimpin-pemimpin kota berkumpul dekat pintu gerbang kota, dan di situlah bisnes yg memerlukan saksi dilakukan, spt penjualan dan pembelian tanah.

^t **23:11** Para pentafsir tdk setuju jika `Efron menawarkan tanah ini percuma kpd Abraham, atau ini cara tawar-menawar sahaja. Kami anggap ini cara tawar-menawar orang Timur Tengah dan bukan sebagai hadiah.

<p>kepadanya, ^{23:15} “Tuanku, dengarlah saya. Nilai tanah itu empat ratus syekel perak.^p Di antara saya dengan kau, apakah itu? Kuburkan saja isterimu yang sudah meninggal itu.”</p> <p>^{23:16} Maka Abraham mendengar usul `Efron. Kemudian dia menimbang untuk `Efron perak seberat yang telah disebutkan sambil didengar oleh orang-orang Het iaitu seberat empat ratus syekel perak mengikut timbangan semasa^h para pedagang.</p> <p>^{23:17} Demikianlah ladang `Efron di Makhpelah di sebelah timur Mamre^t terjual dengan sah; ladang, gua yang ada di ladang itu, dan setiap pokok yang ada dalamnya serta di sekeliling semua sempadan ladang itu, ^{23:18} dijual kepada Abraham menjadi miliknya. Ia disaksikan^h oleh orang-orang Het dan semua yang berada dekat pintu gerbang kotanya.</p> <p>^{23:19} Sesudah itu, Abraham menguburkan Sarah, isterinya, di dalam gua di ladang Makhpelah di sebelah timur Mamre iaitu Hebron di tanah Kana`an.</p> <p>^{23:20} Demikianlah ladang dan gua yang ada di ladang itu dijual secara sah kepada Abraham oleh orang Het menjadi kubur kepunyaannya.</p> <p>Allah Memimpin Hamba Abraham Mendapatkan Isteri untuk Yiş`haq</p> <p>^{24:1} Abraham sudah sangat tua.^h Yahweh telah memberkati dia dalam segalanya.</p>	<p>tuan mahu tahu, ladang itu bernilai perak seberat empat ratus syiling. Tetapi, takkanlah harga itu menjadi soal besar di antara kita? Yang penting, kebumikanlah jenazah isteri tuan.”</p> <p>^{23:16} Abraham setuju dengan harga `Efron. Lalu dia menimbang kepingan perak seberat empat ratus syekel untuknya. Ia sesuai dengan harga yang disebutkan di hadapan orang-orang Het, menurut timbangan semasa para pedagang waktu itu.</p> <p>^{23:17} Maka ladang `Efron di Makhpelah yang terletak di sebelah timur Mamre, termasuk gua dan semua pokok di dalam ruang sempadan ladang itu terjual. ^{23:18} Abrahamlah pemiliknya yang sah. Semua orang Het yang berkumpul dekat pintu gerbang kota itu menyaksikannya.</p> <p>^{23:19} Selepas membeli ladang itu, Abraham menguburkan jenazah isterinya, Sarah, di dalam gua di ladang Makhpelah, sebelah timur Mamre berdekatan kota Hebron di tanah Kana`an.</p> <p>^{23:20} Begitulah caranya Abraham memperoleh ladang dan gua untuk kubur peribadi. Dia membelinya secara sah daripada orang Het.</p> <p>Allah Memimpin Hamba Abraham Mendapatkan Isteri untuk Yiş`haq</p> <p>^{24:1} Pada waktu ini, Abraham sudah sangat tua. Ia diberkati oleh Yahweh dalam semua segi.</p>	<p>^{23:15} “My lord, listen to me. What is a piece of land worth four hundred shekels of silver between me and you? Therefore bury your dead.”</p> <p>^{23:16} Abraham listened to Ephron. Abraham weighed to Ephron the silver which he had named in the audience of the children of Heth, four hundred shekels of silver, according to the current merchants’ standard.</p> <p>^{23:17} So the field of Ephron, which was in Machpelah, which was before Mamre, the field, the cave which was in it, and all the trees that were in the field, that were in all of its borders, were deeded ^{23:18} to Abraham for a possession in the presence of the children of Heth, before all who went in at the gate of his city.</p> <p>^{23:19} After this, Abraham buried Sarah his wife in the cave of the field of Machpelah before Mamre (that is, Hebron), in the land of Canaan.</p> <p>^{23:20} The field, and the cave that is in it, were deeded to Abraham for a possession of a burying place by the children of Heth.</p> <p>God Leads Abraham’s Servant to a Wife for Isaac</p> <p>^{24:1} Abraham was old, and well stricken in age. Yahweh had blessed Abraham in all things.</p>
--	--	--

^p ^{23:15} Pada waktu itu, utk wang mereka menggunakan perak dlm pelbagai bentuk. Nilainya ditentukan oleh keberatannya. Wang syiling belum dicipta waktu itu. Syekel adalah sukatan berat. (Pd kemudian hari, syekel dijadikan sejenis syiling.) Ada jangkaan bahawa 1 syekel = 11.5 gram. Orang lain fikir 1 syekel = 14.5 gram. Mengikut jangkaan pertama, 400 syekel perak itu lebih-kurang 4.6 kg, (10 paun). Menurut jangkaan kedua, 400 syekel = 5.8 kg (12.8 paun).

^h ^{23:16} semasa hrhf: berlalu

^t ^{23:17} di sebelah timur Mamre tfsrn 2: dekat Mamre tfsrn 3: berhadapan dengan Mamre hrhf: di hadapan Mamre. Sama dlm ayat 19.

^h ^{23:18} disaksikan hrhf: di hadapan mata

^h ^{24:1} sudah sangat tua hrhf: tua, hari-hari lanjut. Frasa b. Inggeris *old, getting on in years* hampir sama tetapi makna ungkapan b. Ibrani ini lebih kuat.

<p>24:2 Maka Abraham berkata kepada hambanya^P yang tertua dalam rumahnya dan yang berkuasa atas segala miliknya, “Tolonglah, letakkan tanganmu di bawah pangkal paha saya.”^{24:3} Saya mahu engkau bersumpah^P demi Yahweh, Allah syurga dan bumi^h bahawa engkau tidak akan mengambil seorang isteri bagi anak saya daripada kalangan anak perempuan orang-orang Kana’an yang di tengah-tengah mereka, saya sedang tinggal.^{24:4} Sebaliknya, engkau harus pergi ke negeri saya^P dan saudara mara saya, dan mendapatkan seorang isteri bagi anak saya, Yiş’haq.”</p> <p>24:5 Hamba itu pun berkata kepadanya, “Sekiranya perempuan itu tidak sanggup ikut saya ke negeri ini, adakah saya betul-betul perlu membawa anakmu balik ke negeri dari mana engkau telah keluar?”^P</p> <p>24:6 Abraham berkata kepadanya, “Awat! Jangan sampai kau membawa anak saya kembali ke sana.”^{24:7} Yahweh, Allah syurga,^j yang membawa saya keluar dari rumah bapa saya dan tanah saudara mara saya, dan yang telah bercakap dengan saya serta bersumpah kepada saya dengan berkata, ‘Aku akan berikan tanah ini kepada keturunanmu,’ dia akan mengutus Pesuruhnya^t untuk mendahului kau dan kau akan</p>	<p>24:2 Pada suatu hari, Abraham berkata kepada ketua hamba dalam kumpulan keluarganya dan yang mengurus segala miliknya. Katanya, “Sebagai tanda janji suci, letakkanlah tanganmu pada bawah pangkal paha saya.”^{24:3} Bersumpahlah kepada saya demi Yahweh, Tuhan atas seluruh syurga dan bumi bahawa engkau tidak akan mengambil seorang isteri untuk anak saya daripada kalangan perempuan di tanah Kana’an ini, tempat saya sedang diami.^{24:4} Sebaliknya, engkau harus ke negeri dan tempat saudara mara saya untuk mendapatkan seorang isteri bagi anak saya, Yiş’haq.”</p> <p>24:5 Lalu hamba itu bertanya kepadanya, “Bagaimanakah pula, jika perempuan itu enggan kembali bersama hamba ke negeri ini? Adakah hamba harus membawa anak tuan pulang ke negeri tempat tuan tinggal dahulu untuk tinggal di sana?”</p> <p>24:6 Lalu Abraham menegaskan kepada hambanya, “Sekali-kali tidak! Pastikan bahawa engkau tidak membawa anak saya kembali ke sana.”^{24:7} Yahweh, Tuhan pemerintah syurga yang telah membawa saya keluar dari rumah bapa saya, saudara mara dan tanah air saya, dan yang telah bercakap dengan saya serta bersumpah kepada saya dengan mengatakan, ‘Aku akan memberikan negeri ini kepada keturunanmu,’ dia akan mengutus Pesuruhnya untuk</p>	<p>24:2 Abraham said to his servant, the elder of his house, who ruled over all that he had, “Please put your hand under my thigh.”^{24:3} I will make you swear by Yahweh, the God of heaven and the God of the earth, that you shall not take a wife for my son of the daughters of the Canaanites, among whom I live.^{24:4} But you shall go to my country, and to my relatives, and take a wife for my son Isaac.”</p> <p>24:5 The servant said to him, “What if the woman isn’t willing to follow me to this land? Must I bring your son again to the land you came from?”</p> <p>24:6 Abraham said to him, “Beware that you don’t bring my son there again.”^{24:7} Yahweh, the God of heaven, who took me from my father’s house, and from the land of my birth, who spoke to me, and who swore to me, saying, ‘I will give this land to your seed.’ He will send his angel before you, and you shall take a wife for my son from there.^{24:8} If the woman isn’t willing to follow</p>
--	---	---

^{P 24:2} Nama *hamba* ini ialah *Eli`ezer* (15:2). Di sini namanya tdk disebut, sebab dia merupakan gambaran Roh Kudus yg menyediakan pengantin perempuan utk Yesus. (Roh Kudus berkerja tanpa menarik perhatian kpd diri sendiri. Itu ditunjukkan dgn tdk memberi nama kpd orang yg menggambarkannya.)

^{P 24:2} Istilah *pangkal paha* adalah eufemisme utk *kemaluan*. Sama dlm ayat 9. Tangannya ditaruh di bawa kemaluan Abraham. Dlm adat mereka, ini satu cara mereka memperkukuhkan janji, atau membuat janji suci, atau sumpah yg wajib ditunaikan. Tidaklah diketahui sebenarnya apa yg dilambangkan oleh perbuatan aneh ini. Ia juga dilakukan dlm 47:29.

^{P 24:3} Sumpah dianggap dikuatkuasa oleh Allah. Dia yg membalas orang yg tdk menunaikan sumpahnya. Dlm ayat 41 terang bahawa ada balasan kalau sumpah ini tdk ditunaikan.

^{h 24:3} *Yahweh, Allah syurga dan bumi hrhf: Yahweh, Allah syurga dan Allah bumi / Yahweh, Allah langit dan Allah bumi*

^{P 24:4} Yg dimaksudkan bukan tempat asal Abraham di *Ur*, tetapi tempat keluarganya berpindah, iaitu *Haran* (11:28-31).

^{P 24:5} Abraham berasal dr *Ur*, tetapi dia dan keluarganya berpindah ke *Haran* (11:28-31). Jadi, ini bukan tempat asal Abraham, tetapi tempat tinggal lama.

^{j 24:7} *syurga trjmhn lain: langit*

^{t 24:7} *Pesuruhnya tfsrn lain: malaikatnya*. Kurang jelas samada ini merujuk ke salah satu malaikat biasa, atau *Pesuruh Yahweh*, iaitu penjelmaan Allah sendiri. Pentafsir yg menyebut hal ini menganggap ia Pesuruh Yahweh.

mengambil seorang isteri untuk anakku dari sana. ^{24:8} Walau bagaimanapun, jika perempuan itu tidak setuju mengikut kau, maka kau akan terlepas daripada sumpahmu kepada saya. Cuma, jangan bawa anak saya kembali ke sana.”

^{24:9} Maka hamba itu pun meletakkan tangannya di bawah pangkal paha Abraham, tuannya, dan bersumpah kepadanya akan hal tersebut.

^{24:10} Kemudian hamba itu mengambil sepuluh ekor unta daripada unta tuannya dan berangkat dengan membawa segala macam **barangan** yang baik daripada milik tuannya. ^h Dia pun pergi ke kota **tempat tinggal** Naḥor ^P di Aram Naharaim. ⁿ ^{24:11} **Setibanya dia di sana**, dia membuat unta-unta itu melutut **untuk berehat** ^P berdekatan dengan sebuah perigi air di luar kota itu pada waktu senja, waktu para wanita keluar menimba air.

^{24:12} Maka dia pun berdoa, “Ya Yahweh, Allah tuanku, Abraham. Tolong berikan kejayaan kepadaku ^t pada hari ini, dan tunjukkanlah kemurahan ⁱ terhadap tuanku, Abraham. ^{24:13} Saya sedang berdiri dekat mata air ^P ini dan anak-anak perempuan orang-orang di kota ini sedang keluar untuk menimba air.

mendahului kau agar kau memperoleh seorang isteri dari sana untuk anak saya. ^{24:8} Walau bagaimanapun, jika perempuan **yang dipilih** tidak setuju mengikut kau balik **ke sini**, maka kau akan terlepas daripada sumpah mu kepada saya. Tetapi, jangan sekali-kali membawa anak saya kembali ke sana, **ke negeri saudara mara saya itu.”**

^{24:9} Lalu hamba itu meletakkan tangannya di bawah pangkal paha Abraham, dan bersumpah untuk melakukan permintaan tuannya.

^{24:10} Kemudian hamba Abraham mempersiapkan sepuluh ekor unta daripada unta tuannya untuk perjalanannya itu. Bersamanya, dia membawa pelbagai barangan berharga daripada tuannya **dan juga membawa hamba-hamba lain** lalu berangkat ke kota di mana Naḥor menetap di wilayah barat laut Mesopotamia. ^{24:11} **Setibanya dia di sana**, hamba itu membuat unta-unta itu melutut **untuk berehat** berhampiran dengan sebuah perigi di luar kota itu pada waktu senja, waktu para wanita keluar **dari kota** untuk mengambil air.

^{24:12} Lalu hamba itu berkata, “Ya Yahweh, Allah tuanku, Abraham. Tolong tunjukkan kemurahanmu terhadap tuanku Abraham dengan memberikan kejayaan kepadaku hari ini. ^{24:13} Hamba sedang berdiri dekat perigi ini, dan gadis-gadis di kota ini **sudah mula** keluar **ke sini** untuk mengambil air. ^{24:14} Hamba akan

you, then you shall be clear from this oath to me. Only you shall not bring my son there again.”

^{24:9} The servant put his hand under the thigh of Abraham his master, and swore to him concerning this matter.

^{24:10} The servant took ten camels, of his master’s camels, and departed, having a variety of good things of his master’s with him. He arose, and went to Mesopotamia, to the city of Nahor. ^{24:11} He made the camels kneel down outside the city by the well of water at the time of evening, the time that women go out to draw water.

^{24:12} He said, “Yahweh, the God of my master Abraham, please give me success this day, and show kindness to my master Abraham. ^{24:13} Behold, I am standing by the spring of water. The daughters of the men of the city are coming out to draw water. ^{24:14} Let it happen,

^h ^{24:10} *daripada milik tuannya* **hrfh**: dalam tangan tuannya

^P ^{24:10} *kota tempat tinggal Naḥor* mungkin merujuk kepada kota *Haran*, tempat tinggal keluarga Abraham sebelum itu. Tempatnya sekarang dekat sempadan Siria-Turki. **Tfsrn lain**: *Naḥor* adalah nama kota. Tetapi, dgn tfsrn ini, nama orang yg dijumpai dan nama kota itu sama (lihat ayat 15).

ⁿ ^{24:10} Nama *Aram Naharaim* bermaksud *Aram di antara dua batang sungai*. Ia merujuk kpd suatu kawasan di barat laut Mesopotamia. Mesopotamia adalah kawasan di antara sungai Efrat dengan sungai Tigris. Di ^{25:20} tempat yg sama dipanggil *Padan Aram*.

^P ^{24:11} Untuk berehat, unta berlutut dengan lengannya, kemudian menurunkan punggungnya ke tanah, dan akhirnya ia menurunkan badan sebelah depan ke tanah dengan lengannya terlipat dalam keadaan berlutut.

^t ^{24:12} *Tolong berikan kejayaan kepadaku* **tfsrn lain**: *Tolong memandu ku* **hrfh**: *Tolong buatlah agar terjadi di hadapanku*

ⁱ ^{24:12} Istilah b. Ibrani *ḥesed* ini agak luas maknanya, yg boleh didefinisikan dgn: *perihal melakukan yg baik dan sesuai dlm sesuatu hubungan*. Maknanya merangkumi istilah spt *kasih, kebaikan, kemurahan, kekasihanan*. Dlm b. Melayu ia sering diterjemah sebagai *kasih setia* dan *kemurahan*.

^P ^{24:13} Dlm ayat 11 ia dipanggil *perigi*. Di sini dan di ayat 16 ia dipanggil *mata air*. Mungkin dlm b. Ibrani *perigi* merangkumi *mata air* di mana ada tembok dibina di kelilingnya. Ataupun, mungkin istilah *mata* digunakan di sini utk menekankan bahawa Allah melihat (dan mengendali) kesemuanya, spt dgn Hagar di ^{16:7}.

24:14 Semoga terjadi bahawa anak gadis yang kepadanya saya mengatakan, ‘Tolong condongkan balang air mu agar dapatlah saya minum’ dan yang berkata, ‘Minumlah dan saya juga akan memberi minum unta-unta mu,’ dialah yang engkau tentukan untuk hambamu, Yiş’haq. Dengan itu juga saya tahu bahawa engkau telah menunjukkan kasihmu terhadap tuanku.”

24:15 Belum pun dia habis bercakap, dia dapat melihat Ribqah keluar. Ribqah dilahirkan bagi Betuel, anak lelaki Milkah iaitu isteri Naħor,^p saudara Abraham. Di bahu Ribqah, ada sebuah balang air.^p **24:16** Gadis itu sangat cantik penampilannya. Malah dia seorang dara yang tidak pernah bersetubuh dengan^h seorang lelaki. Dia turun ke mata air itu, mengisi balang airnya dan naik lagi.

24:17 Kemudian hamba itu berlari untuk bertemu dengannya dan berkata, “Tolong berikan saya minum sedikit air dari balangmu itu.” **24:18** Lalu dia berkata, “Minumlah, tuanku.” Dengan pantas dia menurunkan balang itu dari bahunya ke tangannya dan memberi hamba itu minum. **24:19** Setelah dia siap memberi hamba itu minum air, dia pun berkata “Saya akan menimba air untuk unta-unta kamu juga sehingga semuanya selesai minum.” **24:20** Dia bergegas mengosongkan air di dalam balangnya ke dalam palung. Kemudian dia berlari lagi ke perigi untuk menimba air dan memberikan air untuk semua untanya. **24:21** Lelaki itu

mengatakan kepada seorang gadis, ‘Tolong turunkan balangmu dari bahumu agar hamba dapat minum.’ Kalau dia menjawab, ‘Minumlah, dan aku juga akan memberi unta-untamu minum’ – biarlah gadis itu yang Tuhan pilih sebagai isteri bagi hambamu, Yiş’haq. Dengan cara ini, hamba akan tahu bahawa engkau telah menunjukkan kasihmu kepada tuanku, Abraham.”

24:15 Belum pun dia habis berdoa, seorang gadis bernama Ribqah keluar dari kota itu menuju ke perigi itu dengan membawa sebuah balang air di atas bahunya. Dia ialah anak perempuan Betuel, anak lelaki kepada Milkah dan Naħor. Naħor ialah adik Abraham. **24:16** Ribqah sangat rupawan, dan dia juga seorang dara yang tidak pernah disentuh lelaki. Dia pergi ke perigi itu, mengisi balang airnya, lalu pergi dan sekali lagi kembali ke perigi itu.

24:17 Setelah dia naik hamba Abraham bergegas kepadanya dan berkata, “Tolong berikan saya sedikit air untuk diminum.” **24:18** Ribqah pun menjawab, “Ya, tuan, minumlah.” Dengan pantas dia menurunkan balang air itu dari bahunya dan memegangnya lalu memberikan hamba itu minum air. **24:19** Setelah Ribqah selesai memberikan dia minum air, dia berkata, “Saya akan menimba air untuk unta-unta mu juga sehingga semua minum sepenuhnya.” **24:20** Maka dengan cepat dia menuangkan air dari balangnya ke dalam palung, tempat unta itu meminum air. Kemudian dia berlari lagi ke perigi untuk menimba air secukupnya bagi semua unta hamba itu. **24:21** Tanpa berkata apa-apa, hamba itu memperhatikan Ribqah

that the young lady to whom I will say, ‘Please let down your pitcher, that I may drink,’ and she will say, ‘Drink, and I will also give your camels a drink,’—let her be the one you have appointed for your servant Isaac. By this I will know that you have shown kindness to my master.”

24:15 Before he had finished speaking, behold, Rebekah came out, who was born to Bethuel the son of Milcah, the wife of Nahor, Abraham’s brother, with her pitcher on her shoulder. **24:16** The young lady was very beautiful to look at, a virgin, neither had any man known her. She went down to the spring, filled her pitcher, and came up.

24:17 The servant ran to meet her, and said, “Please give me a drink, a little water from your pitcher.”

24:18 She said, “Drink, my lord.” She hurried, and let down her pitcher on her hand, and gave him drink. **19** When she had done giving him drink, she said, “I will also draw for your camels, until they have done drinking.” **24:20** She hurried, and emptied her pitcher into the trough, and ran again to the well to draw, and drew for all his camels.

24:21 The man looked steadfastly at her, remaining silent, to know whether Yahweh had made his journey prosperous or not.

^p **24:15** Milkah disebut sebelum nama suaminya, Naħor. Susunan yg tdk biasa ini mungkin kerana Naħor sudah meninggal, ataupun utk menunjukkan bahawa Ribqah anak isteri Naħor dan bukan gundiknya.

^p **24:15** Dlm senarai 3 orang anak, nama Abraham yg pertama. Oleh itu, kami menganggap dia anak sulung. Tetapi mereka juga menyenaraikan nama anak menurut kepentingannya, dan dengan itu kita tdk pasti yg mana anak sulung. Oleh sebab nama Naħor sama dgn nama datuknya, ada orang yg menganggap dialah anak sulung.

^h **24:15** bersetubuh dengan hrffh: mengenali

menatapinya sambil berdiam diri untuk mengetahui samada Yahweh membuat perjalanannya berjaya atau tidak.

24:22 Setelah unta-untanya selesai minum, lelaki itu mengeluarkan **sebentuk** subang emas^p yang beratnya setengah syekel^p dan dua gelang emas untuk tangannya, beratnya 10 **syekel**. **24:23** Lelaki itu **pun** berkata, “Tolong beritahu saya, engkau anak siapa? Di rumah bapa mu, adakah bilik untuk kami bermalam?” **24:24** Lalu dia berkata kepadanya, “Saya anak Betuel, anak lelaki yang Milkah lahirkan untuk Nahor.” **24:25** Katanya **lagi** kepadanya, “Baik jerami dan juga makanan binatang ada banyak pada kami, termasuklah bilik untuk **kamu** bermalam.”

24:26 Kemudian lelaki itu sujud menyembah Yahweh. **24:27** Katanya, “Terpujilah^h Yahweh, Allah tuanku Abraham, yang tidak mengabaikan kasih^j dan kesetiannya^j terhadap tuanku. **Bagi** aku **sendiri**, Yahweh telah memimpinku dalam perjalanan ke rumah saudara mara^h tuanku.”

24:28 Maka gadis itu berlari memberitahu **seisi** rumah ibunya mengenai kejadian itu. **24:29** Ribqah mempunyai seorang saudara lelaki; namanya Laban.^p Laban berlari ke lelaki itu di luar **kota** di tepi mata air itu. **24:30** **Laban bertindak demikian** setelah melihat subang **di**

untuk mempertimbangkan sama ada Yahweh membuat perjalanannya berjaya.

24:22 Setelah unta-unta itu selesai minum, hamba Abraham mengeluarkan **dan memberikan kepada Ribqah** sebentuk subang hidung emas yang beratnya setengah syekel dan dua utas gelang tangan emas seberat 10 **syekel**. **24:23** Kemudian dia tanya, “Boleh saya tumpang bertanya, anak ini anak siapa? Adakah bilik **kosong** di rumah bapa anak untuk kami menumpang malam ini?” **24:24** Ribqah menjawab, “Bapa saya ialah Betuel, anak Milkah dan Nahor.” **24:25** Tambahnya lagi, “Kami ada banyak jerami dan makanan binatang, juga bilik untuk **tuan dan orang-orang yang bersama tuan** menumpang.”

24:26 **Apabila hamba itu mendengar bahawa Ribqah ialah cucu adik Abraham**, dia pun sujud ke bawah dan menyembah Yahweh. **24:27** Dia turut berkata, “Terpujilah Yahweh, Allah tuanku Abraham, yang tetap setia dan menunjukkan kasihnya terhadap tuanku. **Bagi** hamba **sendiri**, engkau telah memimpin hamba dalam perjalanan ke rumah sanak saudara tuanku, **oh Tuhan Yahweh**.” **Begitulah doanya**.

24:28 Ribqah pun berlari **pulang** memberitahu seluruh keluarganya di rumah ibunya tentang semua kejadian itu. **24:29** Ribqah mempunyai seorang abang bernama Laban. Labanlah yang bergegas keluar **dari kota untuk menemui** lelaki di **tepi** perigi itu. **24:30** Laban telah melihat subang **di hidung**,

24:22 As the camels had done drinking, the man took a golden ring of half a shekel weight, and two bracelets for her hands of ten shekels weight of gold, **24:23** and said, “Whose daughter are you? Please tell me. Is there room in your father’s house for us to lodge in?”

24:24 She said to him, “I am the daughter of Bethuel the son of Milcah, whom she bore to Nahor.” **24:25** She said moreover to him, “We have both straw and provender enough, and room to lodge in.”

24:26 The man bowed his head, and worshiped Yahweh. **24:27** He said, “Blessed be Yahweh, the God of my master Abraham, who has not forsaken his loving kindness and his truth toward my master. As for me, Yahweh has led me on the way to the house of my master’s relatives.”

24:28 The young lady ran, and told her mother’s house about these words. **24:29** Rebekah had a brother, and his name was Laban. Laban ran out to the man, to the spring. **24:30** When he saw the ring, and the bracelets on his sister’s hands,

^p **24:22** Benda yg dipanggil *subang* di sini berbentuk cincin, tetapi ia dipasang pada hidung atau telinga. Subang hidung adalah perhiasan yang biasa dipakai oleh para wanita di Timur Tengah. Kata *subang* turut digunakan dalam **35:4** bagi anting-anting untuk telinga.

^p **24:22** *setengah syekel* **hrfh:** *satu beqa`*. Satu *beqa`* = ½ syekel. Satu syekel ≈ 11.5 gram. **Fahaman orang lain:** Satu syekel ≈ 14.5 gram.

^h **24:27** *Terpujilah* **hrfh:** *Diberkatilah*

^j **24:27** *kasih* **trjmh 2:** *kasih setia* **trjmh 3:** *kemurahan* **trjmh 4:** *kasihan* **trjmh 5:** *kebaikan* **b. Ibrani:** *hesed*

^j **24:27** *kesetiaan* **tfsr 2:** *kebenaran* **b. Ibrani:** *emet*. Dua perkataan ini digunakan bersama di **24:49, 32:10** dan **47:29** juga.

^h **24:27** *saudara mara* **tfsr lain:** *saudara* **hrfh:** *saudara-saudara*

^p **24:29** Kita tdk pasti samada Laban lebih tua atau lebih muda drpd Ribqah, tetapi ia bertindak spt seorang yg lebih tua.

hidung dan gelang tangan pada pergelangan tangan saudara perempuannya itu dan sesudah dia mendengar kata-kata Ribqah, saudaranya, berkata “Begini dan begini lelaki itu berkata kepadaku.” Dia pergi kepada lelaki itu yang dapat dilihatnya berdiri bersama unta-untanya berhampiran dengan mata air itu. ^{24:31} Dia berkata, “Marilah, **engkau** yang diberkati Yahweh. ^P Mengapa engkau berdiri di luar sini? Saya sudahpun menyediakan ^P rumah **kami** dan tempat untuk unta-unta itu.”

^{24:32} Maka lelaki itu pun pergi ke rumah **Laban**. Dia ^P menanggalkan **barang dan pelana** pada unta-unta itu lalu memberikan jerami ^P dan makanan binatang kepada unta-unta itu. Kemudian dia mengambil air untuk membasuh kakinya dan kaki lelaki-lelaki yang bersama dengannya. ^{24:33} Ketika makanan dihidangkan di hadapannya untuk dimakan, dia berkata, “Aku tidak akan makan sehinggalah aku mengucapkan kata-kataku.” Lalu **Laban** ^h berkata, “Berucaplah.”

^{24:34} Dia pun berkata, “Aku ialah hamba Abraham. ^{24:35} Yahweh sangat memberkati tuanku sehingga dia sudah menjadi agung. ^t **Dia** memberikannya kawan **kambing dan biri-biri**, lembu, perak, emas, hamba lelaki dan hamba perempuan, serta unta-unta dan keldai-keldai. ^{24:36} **Śarah**, isteri tuanku, setelah dia tua melahirkan bagi tuanku seorang anak lelaki.

dan gelang di pergelangan tangan adiknya serta mendengar pemberitahuan Ribqah akan kata-kata lelaki itu kepadanya. **Dengan itu**, dia pun keluar dari kota ke arah lelaki itu dan menemuinya sedang berdiri di sisi unta-untanya berdekatan dengan perigi itu. ^{24:31} Lalu **Laban** berkata, “Marilah **tinggal dengan kami**, engkau yang diberkati Yahweh. Janganlah berdiri di luar **kota** ini **lagi** sebab saya sudah menyediakan **bilik di rumah kami untuk mu** dan juga tempat bagi unta-unta itu.”

^{24:32} Maka hamba Abraham mengikut **Laban** ke rumahnya. **Setibanya di rumah itu**, hamba **Laban** menanggalkan **barang dan pelana** pada **belakang** unta-unta itu. Kemudian mereka meletakkan jerami **di atas tanah** dan memberikan makanan kepada unta-unta itu. Seterusnya, hamba Abraham dan orang-orangnya diberikan air untuk membasuh kaki mereka. ^{24:33} Kemudian makanan dihidangkan di hadapan hamba Abraham. Tetapi dia berkata, “Saya tak boleh makan dulu sebelum saya memberitahu kamu **semua** apa yang perlu saya nyatakan.” Jawab **Laban kepadanya**, “Dipersilakan.”

^{24:34} Hamba itu pun berkata, “Saya ini ialah hamba Abraham. ^{24:35} Yahweh telah memberkati tuanku **Abraham** dengan berkelimpahan, dan oleh sebab itu dia menjadi kaya-raya. Yahweh telah memberikannya kambing, biri-biri, lembu, emas, perak, hamba lelaki dan perempuan, unta-unta dan keldai-keldai. ^{24:36} **Arwah** isteri tuanku **Abraham**, **Śarah**, pada umurnya yang tua telah

and when he heard the words of Rebekah his sister, saying, “This is what the man said to me,” he came to the man. Behold, he was standing by the camels at the spring. ^{24:31} He said, “Come in, you blessed of Yahweh. Why do you stand outside? For I have prepared the house, and room for the camels.”

^{24:32} The man came into the house, and he unloaded the camels. He gave straw and provender for the camels, and water to wash his feet and the feet of the men who were with him. ^{24:33} Food was set before him to eat, but he said, “I will not eat until I have told my message.” He said, “Speak on.”

^{24:34} He said, “I am Abraham’s servant. ^{24:35} Yahweh has blessed my master greatly. He has become great. He has given him flocks and herds, silver and gold, male servants and female servants, and camels and donkeys. ^{24:36} **Sarah**, my master’s wife, bore a son to my master when she was old. He has given all

^{P 24:31} Laban menganggap hamba Abraham sebagai orang yg diberkati disebabkan kekayaan yg dilihatnya. Dlm kisah Laban & Ya`aqob (27:41ff), sifat mata duitan Laban menonjol lagi.

^{P 24:31} Laban sendiri tdk mengambil masa utk menyediakan tempat, tetapi mungkin ia menyuruh orang lain membuatnya sebelum dia lari utk mendapatkan hamba Abraham.

^{P 24:32} Rupanya ini merujuk kpd Laban, bermakna sebenarnya mungkin hamba-hamba Laban yg menurunkan barang itu.

^{P 24:32} Jerami itu sebagai tempat tidur unta.

^{h 24:33} **Laban hrhf: dia**

^{t 24:35} **agung tfsrn 1: kaya-raya tfsrn 2: orang besar**

Dia memberikan kepada **anaknya** semua miliknya. ^{24:37} Malah tuanku telah membuat saya bersumpah dengan berkata, ‘Janganlah mengambil **seorang** isteri untuk anakku daripada anak-anak perempuan orang Kana`an yang di tanah mereka ini aku sedang menetap. ^{24:38} Sebaliknya, engkau harus pergi ke rumah bapaku dan keluargaku dan mengambil seorang isteri untuk anakku.’ ^{24:39} Maka saya berkata kepada tuanku, ‘Mungkin perempuan itu tidak sanggup mengikut saya.’ ^{24:40} Lalu katanya kepada saya, ‘Yahweh – yang di hadapannya aku telah hidup^{j h} – akan mengutus malaikatnya menyertaimu dan **dia** akan menjayakan perjalananmu. Engkau akan mengambil seorang isteri untuk anakku daripada **kalangan** keluargaku dan rumah bapaku. ^{24:41} Engkau akan bebas daripada sumpahmu kepadaku^p jika engkau pergi kepada keluargaku dan mereka tidak memberikan kepadamu **seorang isteri untuk anakku**. Ya, engkau akan bebas daripada sumpahmu kepadaku.’ ^{24:42} Maka pada hari ini, saya tiba di mata air itu dan mengatakan, ‘Oh Yahweh, Allah tuanku Abraham. Jika engkau memang membuat perjalanan yang saya lalui ini berhasil, **tolong jadikan sebegini**: ^{24:43} Saya sedang berdiri dekat mata air ini.^p Kepada gadis yang keluar untuk menimba air saya akan katakan, ‘Tolong berikan saya minum sedikit air dari balang mu itu.’ ^{24:44} Jika dia berkata, ‘Minumlah, dan juga untuk unta-untamu aku akan

melahirkan seorang anak lelaki baginya. **Dengan itu**, tuanku telah memberikan semua miliknya kepada anak **Šarah itu**. ^{24:37} Malah tuanku telah membuat saya bersumpah. Katanya, ‘Janganlah mengambil isteri bagi anak saya daripada kalangan gadis-gadis di tanah Kana`an tempat saya tinggal ini. ^{24:38} Bersumpah bahawa sebaliknya kau akan pergi kepada keluarga bapaku dan sanak saudaranya. Dapatkanlah seorang isteri untuk anak saya **daripada mereka**.’ ^{24:39} ‘Kemudian saya bertanya kepada tuanku, ‘Bagaimana jika perempuan itu enggan ikut saya **balik ke tanah Kana`an**?’ ^{24:40} Tetapi tuanku menjawab, ‘Yahweh – yang di hadapannya saya hidup – akan mengutus malaikatnya bersamamu dan **dia** akan menjayakan perjalananmu. Dengan pertolongannya, engkau akan memperoleh seorang isteri bagi anak saya daripada kalangan keluarga saya, iaitu daripada keturunan bapaku. ^{24:41} Apabila engkau pergi kepada kaum kerabat saya, engkau akan bebas sama sekali daripada sumpah **kau kepada** saya jika mereka enggan memberikan kepada kau **seorang isteri untuk anak saya**.’ ^{24:42} Dengan itu, ketika saya tiba di perigi itu pada hari ini, saya berdoa **kepada Yahweh**, ‘Oh Yahweh, Allah tuanku Abraham. Jika engkau memang memberikan kejayaan perjalananku ini, **jadikan sebagai berikut**: ^{24:43} Hamba sedang berdiri dekat perigi ini. Kepada gadis yang keluar untuk menimba air hamba akan berkata, ‘Tolong beri saya minum sedikit air dari balang anak itu.’ ^{24:44} Sekiranya dia menjawab hamba, ‘Nah! Minumlah dan saya juga akan menimba air untuk unta-unta tuan,’

that he has to him. ^{24:37} My master made me swear, saying, ‘You shall not take a wife for my son of the daughters of the Canaanites, in whose land I live, ^{24:38} but you shall go to my father’s house, and to my relatives, and take a wife for my son.’ ^{24:39} I asked my master, ‘What if the woman will not follow me?’ ^{24:40} He said to me, ‘Yahweh, before whom I walk, will send his angel with you, and prosper your way. You shall take a wife for my son of my relatives, and of my father’s house. ^{24:41} Then will you be clear from my oath, when you come to my relatives. If they don’t give her to you, you shall be clear from my oath.’

^{24:42} I came this day to the spring, and said, ‘Yahweh, the God of my master Abraham, if now you do prosper my way which I go— ^{24:43} behold, I am standing by this spring of water. Let it happen, that the maiden who comes out to draw, to whom I will say, “Please give me a little water from your pitcher to drink,” ^{24:44} and she will tell me, “Drink, and I will also draw for your camels,”— let her be the woman whom

^{j 24:40} Yahweh – yang di hadapannya aku telah hidup – **Trjmhn 2:** Yahweh – yang saya sentiasa taati – **Trjmhn 3:** Yahweh – tempat kesetiaanaku –

^{h 24:40} hidup **hrfh:** berjalan-sini-sana

^{p 24:41} Frasa harfiah sumpahku bermakna sumpah yang telah kutuntut daripadamu.

^{p 24:43} Mungkin ada tangga yg turun ke telaga itu, dan hamba Abraham berdiri di atas.

timbang air.’ maka dialah perempuan^j yang Yahweh telah tentukan untuk anak lelaki tuanku. ^{24:45} Belum pun saya habis berkata-kata di dalam hati, saya nampak Ribqah keluar dengan sebuah balang di atas bahunya. Dia ke mata air dan menimba air. Lalu saya berkata kepadanya, ‘Tolong beri saya minum.’ ^{24:46} Dengan cepat dia menurunkan balang itu dari bahunya dan berkata, ‘Minumlah dan juga untuk unta-untamu, aku akan beri minum.’ Maka saya minum dan unta-unta itu juga diberikannya minum. ^{24:47} Kemudian saya bertanya kepadanya, ‘Engkau anak siapa?’ Dia menjawab, ‘Aku anak Betuel, anak lelaki Nahor yang dilahirkan oleh Milkah bagi Nahor.’ Selepas itu, saya memasang anting-anting itu pada hidungnya dan gelang tangan itu pada pergelangannya. ^{h 24:48} Lalu saya sujud menyembah Yahweh. Saya memuji ^h Yahweh, Allah tuanku Abraham yang telah memimpin saya di jalan yang betul untuk mengambil cucu perempuan ^h saudara lelaki tuanku bagi anak lelakinya. ^{24:49} Jadi sekarang, jika kamu mahu menunjukkan kebaikan^j dan kesetiaan^j terhadap tuanku maka beritahulah saya. Jika tidak, beritahu saya juga agar saya tahu samada saya perlu menyimpang^j ke kanan atau ke kiri.”

^{24:50} Maka Laban dan Betuel menjawab. Mereka berkata, “Kejadian ini timbul daripada Yahweh. Kami tidak dapat

maka jawabannya itu menunjukkan bahawa dialah yang telah engkau pilih untuk anak lelaki tuanku, oh Yahweh. ^{24:45} Sebelum saya habis berdoa di dalam hati, Ribqah keluar dari kota dengan sebuah balang air di atas bahunya. Dia turun ke perigi untuk mengambil air. Setelah dia naik kembali, hamba berkata kepadanya, ‘Tolong, beri saya air minum.’ ^{24:46} Dengan segera dia menurunkan balang itu dari bahunya dan berkata, ‘Minumlah, dan saya akan memberi minum unta-unta tuan juga.’ Lalu saya minum, dan dia juga memberi minum unta-unta itu. ^{24:47} Kemudian saya menanyai dia, ‘Anak ini anak siapa?’ Jawabnya, ‘Saya anak Betuel bin Nahor yang dilahirkan oleh Milkah bagi Nahor.’ Selepas itu, saya memasang anting-anting itu di hidungnya dan gelang tangan itu pada pergelangannya. ^{24:48} Hamba pun sujud menyembah Yahweh. Hamba memuji Yahweh, Allah tuanku Abraham, yang telah memimpin saya di jalan yang benar untuk mendapatkan cucu perempuan adik tuanku sebagai isteri untuk anak lelakinya. ^{24:49} Jadi sekarang sesudah hamba memberitahu hal ini, jika kamu mahu menunjukkan kebaikan dan kasih setia kepada tuanku, maka nyatakan kepada hamba. Jika tidak, nyatakan juga kepada hamba agar hamba tahu apa yang hendak dilakukan seterusnya.”

^{24:50} Lalu Laban, abang Ribqah dan bapanya Betuel pun menjawab, “Yahwehlah yang menyebabkan semua kejadian ini berlaku. Bukan

Yahweh has appointed for my master’s son.’ ^{24:45} Before I had finished speaking in my heart, behold, Rebekah came out with her pitcher on her shoulder. She went down to the spring, and drew. I said to her, ‘Please let me drink.’ ^{24:46} She hurried and let down her pitcher from her shoulder, and said, ‘Drink, and I will also give your camels a drink.’ So I drank, and she also gave the camels a drink. ^{24:47} I asked her, and said, ‘Whose daughter are you?’ She said, ‘The daughter of Bethuel, Nahor’s son, whom Milcah bore to him.’ I put the ring on her nose, and the bracelets on her hands. ^{24:48} I bowed my head, and worshiped Yahweh, and blessed Yahweh, the God of my master Abraham, who had led me in the right way to take my master’s brother’s daughter for his son. ^{24:49} Now if you will deal kindly and truly with my master, tell me. If not, tell me, that I may turn to the right hand, or to the left.”

^{24:50} Then Laban and Bethuel answered, “The thing proceeds from Yahweh. We can’t speak to you bad or good.

^{j 24:44} perempuan trjmhn lain: isteri

^{h 24:47} pergelangannya hrhf: tapak tangan (b. Inggeris: hand). Rupanya istilah b. Ibrani ini utk hand (tapak tangan) merangkumi pergelangan tangan. Mungkin itu sebabnya Yesus dikatakan dipakukan pd tapak tangannya, sedangkan kita tahu sekarang bahawa paku itu dipakukan pd pergelangan tangannya.

^{h 24:48} memuji hrhf: memberkati

^{h 24:48} cucu perempuan hrhf: anak perempuan. B. Ibrani sering menggunakan istilah anak utk keturunan.

^{j 24:49} kebaikan trjmhn 2: kasih trjmhn 3: kasih setia trjmhn 4: kemurahan trjmhn 5: kasih b. Ibrani: hesed

^{j 24:27} kesetiaan tfsrn 2: kebenaran b. Ibrani: emet. Dua perkataan ini digunakan bersama di 24:27, 32:10 dan 47:29 juga.

^{j 24:49} menyimpang trjmhn lain: pusing (menghadap) ke arah

<p>mengatakan kepadamu, baik atau buruknya.^{h j} 24:51 Nah! Ini Ribqah, di hadapanmu. Ambillah dia dan pergi agar dia menjadi isteri anak tuan mu sama seperti yang dikatakan Yahweh.” 24:52 Maka setelah hamba Abraham mendengar kata-kata mereka, dia pun sujud kepada Yahweh sampai ke tanah untuk menyembahnya.^{24:53} Kemudian hamba itu mengeluarkan barang-barang perak, emas dan pakaian serta memberikannya kepada Ribqah. Dia memberikan hadiah-hadiah yang mahal kepada saudara dan ibu Ribqah.^p</p> <p>24:54 Selepas itu, mereka makan dan minum. Hamba itu^h dan lelaki-lelaki yang bersamanya bermalam di situ. Pada keesokan paginya, mereka bangun dan hamba itu berkata, “Benarkanlah aku kembali^h kepada tuanku.”^j</p> <p>24:55 Lalu saudara dan ibu Ribqah^h menjawab, “Biarlah gadis itu tinggal dengan kami untuk kira-kira sepuluh hari lagi^t dan kemudian dia boleh pergi.” 24:56 Tetapi hamba itu berkata^h kepada mereka, “Janganlah melengahkan saya sebab Yahweh telah menjayakan perjalanan saya. Lepaskanlah saya^h agar saya dapat kembali kepada tuanku.” 24:57 Dengan itu, mereka berkata, “Kami akan memanggil gadis itu supaya kita boleh bertanya dan</p>	<p>kami yang menentukannya.^{24:51} Nah! Ribqah ada di sini. Bawalah dia pulang bersamamu dan jadikanlah dia isteri anak tuan mu seperti arahan Yahweh.” 24:52 Apabila hamba Abraham mendengar kata-kata mereka, dia pun sujud ke tanah dan menyembah di hadapan Yahweh.^{24:53} Kemudian hamba itu membawa keluar barangan kemas dari emas dan perak serta sepersalinan pakaian lalu memberikan semuanya kepada Ribqah; dia juga memberikan hadiah-hadiah yang mahal kepada abang dan ibu Ribqah.</p> <p>24:54 Selepas itu, hamba Abraham dan hamba-hamba yang bersama dengannya makan dan minum, dan mereka bermalam di rumah itu. Pada keesokan harinya, hamba itu memohon kepada ahli keluarga Ribqah, “Benarkanlah kami kembali kepada tuan saya.” 24:55 Abang dan ibu Ribqah menjawab, “Biarlah gadis itu tinggal dengan kami sekitar sepuluh hari lagi. Selepas itu, dia boleh pergi dengan kamu.” 24:56 Tetapi jawab hamba itu, “Janganlah melengahkan kepergian hamba sebab Yahweh yang menjayakan perjalanan hamba ini. Benarkan saya kembali kepada tuan saya.” 24:57 Kemudian mereka menjawab, “Kami akan memanggil gadis itu sendiri dan menanyai dia apa yang dia mahu lakukan.” 24:58 Maka mereka memanggil Ribqah dan</p>	<p>24:51 Behold, Rebekah is before you. Take her, and go, and let her be your master’s son’s wife, as Yahweh has spoken.” 24:52 When Abraham’s servant heard their words, he bowed himself down to the earth to Yahweh. 24:53 The servant brought out jewels of silver, and jewels of gold, and clothing, and gave them to Rebekah. He also gave precious things to her brother and her mother.</p> <p>24:54 They ate and drank, he and the men who were with him, and stayed all night. They rose up in the morning, and he said, “Send me away to my master.” 24:55 Her brother and her mother said, “Let the young lady stay with us a few days, at least ten. After that she will go.” 24:56 He said to them, “Don’t hinder me, since Yahweh has prospered my way. Send me away that I may go to my master.” 24:57 They said, “We will call the young lady, and ask her.” 24:58 They called Rebekah, and said to her, “Will you go with this man?” She said, “I will go.”</p>
--	---	---

^h **24:50** baik atau buruknya. **hrfh:** buruk atau baik.

^j **24:50** Kami tidak dapat mengatakan kepadamu, baik atau buruknya. **Trjmhn 2:** Bukan kami yang menentukannya. **Trjmhn 3:** Kami tidak berhak memberi pendapat. **Trjmhn 4:** Pendapat kami tidak dikira dalam hal ini. **Trjmhn 5:** Pendapat kami tidak penting dalam hal ini. **Trjmhn 6:** Yahweh-lah yang menentukan hal ini; bukan kami. **Trjmhn 7:** Kami hanya dapat menerima saja keputusan Yahweh.

^p **24:53** Yg diberi itu mungkin spt mas kahwin di sini.

^h **24:54** Hamba itu **hrfh:** Dia

^h **24:54** Benarkanlah aku kembali **hrfh:** Kirimkanlah aku / Utuskanlah aku

^j **24:54** “Benarkanlah aku kembali kepada tuanku.” **Trjmhn 2:** “Benarkanlah kami kembali kepada tuan saya.” **Trjmhn 3:** “Saya minta diri supaya kami boleh kembali kepada tuan saya.”

^h **24:55** Ribqah **hrfh:** nya / dia

^t **24:55** kira-kira sepuluh hari lagi **hrfh:** hari-hari atau sepuluh **Tfsm lain:** beberapa hari lagi – tidak melebihi sepuluh hari

^h **24:56** hamba itu berkata **hrfh:** katanya

^h **24:56** Lepaskanlah saya **hrfh:** Kirimkanlah saya / Utuskanlah saya

<p>mendengar keputusan dari mulutnya sendiri.”^{24:58} Lalu mereka memanggil Ribqah dan berkata kepadanya, “Mahukah engkau pergi dengan lelaki ini?” Ribqah menjawab, “Aku akan pergi.”^{24:59} Dengan itu, mereka melepaskan pergi Ribqah, saudari mereka.^h Turut bersamanya inang pengasuhnya dan hamba Abraham serta orang-orangnya.^{24:60} Mereka memberkati Ribqah dengan berkata kepadanya, “Saudari kami, semoga engkau menjadi beribu-ribu kali sepuluh ribu dan semoga keturunanmu mewarisi pintu kota-kota orang yang membencinya.”^{24:61} Selepas itu, Ribqah dan inang-inang pengasuhnya pun bangkit. Mereka menunggang unta itu dan mengikut lelaki itu dari belakang. Begitulah hamba itu membawa Ribqah pulang ke tempat tinggal tuannya.^{24:62} Pada waktu itu, Yiş’haq baru kembali dari kawasan perigi Lahai-Ro’i di mana dia telah menetap di tanah Negeb.^t ^{24:63} Pada suatu senja, Yiş’haq keluar untuk bertafakur^l di padang. Dia melayangkan matanya^h dan dia ternampak unta-unta sedang datang.^{24:64} Ribqah turut memandang ke hadapan^h dan dia ternampak Yiş’haq. Dia pun melompat turun^p dari untanya.^{24:65} Dia berkata kepada hamba itu, “Siapakah lelaki yang sedang berjalan di padang itu untuk bertemu dengan kita?” Kata hamba itu, “Dia tuan saya.” Maka Ribqah</p>	<p>menyayi dia, “Mahukah kau ikut lelaki ini pulang ke negerinya sekarang juga?” Ribqah menjawab, “Ya, saya memang mahu ikut.”^{24:59} Oleh itu Ribqah selaku adik dan anak, dibenarkannya pergi. Dia diiringi oleh inang pengasuhnya, hamba-hamba perempuan yang lain, hamba Abraham dan hamba-hamba bawahannya.^{24:60} Mereka memberkati Ribqah begini: “Saudari kami, semoga engkau mendapat berjuta-juta keturunan; semoga keturunanmu mengalahkan musuh mereka dan menakluki kota-kota musuh mereka.”^{24:61} Kemudian Ribqah dan inang pengasuhnya bersiap sedia untuk berangkat. Mereka menunggang unta tersebut dan mengekori hamba Abraham serta orang-orangnya. Begitulah hamba itu membawa Ribqah bersamanya, pulang ke tempat tinggal tuannya.^{24:62} Pada waktu itu, Yiş’haq baru kembali dari Negeb di mana dia menetap dekat perigi Lahai-Ro’i.^{24:63} Pada suatu senja, dia keluar bersiar-siar di ladang untuk bertafakur. Ketika dia memandang ke ufuk, dia ternampak kafilah sedang menuju ke arahnya.^{24:64} Ribqah turut memandang ke hadapan dan ternampak Yiş’haq, dan dia terus melompat turun dari untanya.^{24:65} Dia bertanya kepada hamba Abraham, “Siapakah lelaki di padang itu yang sedang datang untuk bertemu dengan kita?” Hamba itu pun menjawab, “Dia tuan hamba.” Maka Ribqah mengambil tudungnya dan menutupi wajahnya.</p>	<p>^{24:59} They sent away Rebekah, their sister, with her nurse, Abraham’s servant, and his men.^{24:60} They blessed Rebekah, and said to her, “Our sister, may you be the mother of thousands of ten thousands, and let your seed possess the gate of those who hate them.”^{24:61} Rebekah arose with her ladies. They rode on the camels, and followed the man. The servant took Rebekah, and went his way.^{24:62} Isaac came from the way of Beer Lahai Roi, for he lived in the land of the South.^{24:63} Isaac went out to meditate in the field at the evening. He lifted up his eyes, and saw, and, behold, there were camels coming.^{24:64} Rebekah lifted up her eyes, and when she saw Isaac, she dismounted from the camel.^{24:65} She said to the servant, “Who is the man who is walking in the field to meet us?” The servant said, “It is my master.” She took her veil, and covered</p>
---	--	--

^h 24:59 Dengan itu, mereka melepaskan pergi Ribqah, saudari mereka. **Hrffh:** Mereka utuskan Ribqah, saudari mereka. / Mereka kirim Ribqah, saudari mereka.

^t 24:62 Pada waktu itu, Yiş’haq baru kembali dari perigi Lahai-Ro’i di mana dia telah menetap di tanah Negeb. **Tfsrn lain:** Sementara itu, Yiş’haq telah berpindah dekat perigi Lahai-Ro’i di mana dia tinggal di tanah Negeb.

^l 24:63 bertafakur **trjmhnlain:** merenung **Tfsrn lain:** berjalan-jalan. Kita tdk pasti apa makna perkataan ini.

^h 24:63 melayangkan matanya **hrffh:** menaikkan matanya

^h 24:64 memandang ke hadapan **hrffh:** menaikkan mata

^p 24:64 melompat turun **hrffh:** jatuh. Biasanya orang membuat untanya berlutut, baru turun drpdnya. Di sini Ribqah terus terjun dr belakang untanya kerana dia mahu cepat turun.

<p>mengambil tudungnya dan menutupi dirinya.^p ^{24:66} Hamba itu menceritakan kepada Yiş'haq semua perkara yang telah dilakukannya. ^{24:67} Selepas itu, Yiş'haq membawa Ribqah ke khemah mendiang Śarah, ibunya.^p Pada kemudian hari dia mengahwini^h Ribqah dan dia menjadi isterinya. Yiş'haq mencintainya, dan dengan itu, terhiburlah hati Yiş'haq setelah kematian ibunya.</p> <p>Abraham Meninggal dan Tuhan Memberkati Yiş'haq</p> <p>^{25:1} Abraham mengambil seorang lagi isteri bernama Qeṭurah.^p ^{25:2} Dia melahirkan baginya Zimran, Yoqsyān, Medan, Midyan, Yisybaq dan Syuah. ^{25:3} Yoqsyān memperanakkan Syeba dan Dedan. Keturunan^h Dedan ialah orang Asyur, orang Leṭusy dan orang Le'um. ^{25:4} Anak-anak lelaki Midyan ialah `Efah, `Efer, Hanokh, Abida`, dan Elda`ah. Mereka semua adalah keturunan^h Qeṭurah.</p> <p>^{25:5} Abraham menyerahkan semua miliknya kepada Yiş'haq. ^{25:6} Manakala untuk anak-anak lelaki yang diperolehnya daripada gundik-gundiknya,^h Abraham</p>	<p>^{24:66} Selepas mereka bertemu kembali, hamba itu menceritakan kepada Yiş'haq semua yang terjadi dalam perjalanannya. ^{24:67} Selepas itu, Yiş'haq menempatkan Ribqah di khemah mendiang ibunya, Śarah sebagai tempat tinggalnya. Pada kemudian hari dia mengahwini Ribqah. Maka Ribqah menjadi isterinya, dan dia mencintainya. Oleh sebab itu, Yiş'haq terhibur daripada kesedihannya akan kematian ibunya.</p> <p>Abraham Meninggal dan Tuhan Memberkati Yiş'haq</p> <p>^{25:1} Abraham mengambil seorang gundik lagi bernama Qeṭurah. ^{25:2} Qeṭurah melahirkan enam orang anak lelaki untuk Abraham: nama mereka ialah Zimran, Yoqsyān, Medan, Midyan, Yisybaq dan Syuah. ^{25:3} Yoqsyān merupakan bapa Syeba dan Dedan. Keturunan Dedan ialah orang-orang Asyur, Leṭusy, dan Le'um. ^{25:4} Midyan mempunyai lima orang anak lelaki yang bernama `Efah, `Efer, Hanokh, Abida`, dan Elda`ah. Semua yang tersebut adalah keturunan Abraham melalui Qeṭurah. ^{25:5} Abraham mewasiatkan semua miliknya kepada Yiş'haq untuk diwarisi selepas ia meninggal. ^{25:6} Tetapi ketika dia masih hidup Abraham juga memberikan hadiah</p>	<p>herself.</p> <p>^{24:66} The servant told Isaac all the things that he had done. ^{24:67} Isaac brought her into his mother Sarah's tent, and took Rebekah, and she became his wife. He loved her. Isaac was comforted after his mother's death.</p> <p>Abraham Dies and God Blessed Isaac</p> <p>^{25:1} Abraham took another wife, and her name was Keturah. ^{25:2} She bore him Zimran, Jokshan, Medan, Midian, Ishbak, and Shuah. ^{25:3} Jokshan became the father of Sheba, and Dedan. The sons of Dedan were Asshurim, Letushim, and Leummim. ^{25:4} The sons of Midian: Ephah, Epher, Hanoah, Abida, and Eldaah. All these were the children of Keturah.</p> <p>^{25:5} Abraham gave all that he had to Isaac, ^{25:6} but to the sons of Abraham's concubines, Abraham gave gifts. He sent them away from Isaac his son,</p>
--	--	---

^p ^{24:65} **wajahnya hrffh: dirinya.** Tudung adalah sehelai kain istimewa yang boleh dipakai untuk menutupi kepala serta wajah seorang perempuan. Dalam budaya ketika itu, para perempuan tidak semestinya memakai tudung. Namun, menjadi kebiasaan dalam majlis perkahwinan, pengantin perempuan memakai tudung dgn vel utk menutupi wajahnya ketika dia dipersembahkan kepada suaminya. Pada waktu Ribka menyedari bahawa lelaki yg akan dikahwininya sedang mendekatinya, dia pun menundungi wajahnya untuk menunjukkan hormat kepadanya menurut adat resam mereka.

^p ^{24:67} Tindakan memberi khemah Śarah kpd Ribqah menjadikan Ribqah perempuan yg terpenting/paling tinggi pangkatnya dlm seluruh keluarga itu.

^h ^{24:67} **mengahwini hrffh: mengambil**

^p ^{25:1} Para pentafsir tdk setuju samada Abraham mengambil Qeṭurah sebelum atau selepas isterinya, Śarah meninggal. Mungkin semua peristiwa dgn Abraham ini terjadi sebelum perkahwinan Yiş'haq.

Dari ayat ^{25:6}, dan ^{1Taw 1:32} kita tahu bahawa *Qeṭurah* adalah gundik, dan bukan isteri sepenuhnya. Walaupun secara harfiah dia dipanggil *isteri* di sini, Hagar pun dipanggil *isteri*, dan dia hanya seorang gundik juga (lihat ^{16:3, 21:10}). Barang kali Qeṭurah adalah hamba Abraham juga sebelum dia diambil sebagai gundik.

^h ^{25:3} **Keturunan hrffh: Anak-anak**

^h ^{25:4} **keturunan hrffh: anak-anak**

^h ^{25:6} **gundik-gundiknya hrffh: gundik-gundik yang ada pada Abraham.** Dalam adat mereka *gundik* adalah hamba yg dikahwini secara sah. Gundik tdk diperlakukan seperti perempuan simpanan. Oleh sebab mereka hamba, status mereka tdk sama tinggi dgn isteri yg merupakan orang bebas.

memberikan mereka hadiah.^p Kemudian dia menyuruh mereka pergi^h dari anaknya Yiş'haq sewaktu dia masih hidup, ke arah timur, ke tanah **di** timur.^t

^{25:7} Inilah jangka masa^h tahun-tahun kehidupan Abraham yang dia hidupi; 175 tahun.^{25:8} Dia menghembuskan nafasnya yang terakhir. Abraham meninggal dunia pada umur yang cukup tua^h dan memuaskan. Kemudian dia dikumpulkan kepada orang-orangnya.^{25:9} Anak-anaknya, Yiş'haq dan Yisyma`el menguburkan dia di dalam gua Makhpelah di ladang `Efron bin Şohar, orang Het itu. Ladang itu terletak di sebelah timur Mamre.^{25:10} Ladang yang telah dibeli Abraham dari orang-orang Het,^h di situlah Abraham dikebumikan dengan Şarah, isterinya.^{25:11} Setelah kematian Abraham, Allah memberkati Yiş'haq, anaknya dan Yiş'haq menetap berdekatan dengan perigi Lahai Ro'i.

Yisyma`el dan Keturunannya Menetap di Selatan Kana`an

^{25:12} Inilah riwayat keturunan Yisyma`el, anak Abraham yang dilahirkan untuk Abraham oleh Hagar, seorang Meşir, hamba perempuan Şarah.^{25:13} Inilah nama-nama anak lelaki Yisyma`el menurut **urutan** nama keturunan mereka. Anak sulung Yisyma`el ialah Nebayot. **Diikuti oleh** Qedar, Adbeel, Mibsam,^{25:14} Misyma`, Dumah, Masa,^{25:15} Hadad, Tema, Yeţur, Nafisy dan Qedmah.^{25:16} Merekalah anak lelaki Yisyma`el yang menjadi ketua dua belas suku bangsa, masing-masing dengan perkhemahan dan kawasannya

kepada anak-anak lelaki gundiknya. Kemudian dia menyuruh mereka berpindah ke sebelah timur **dari tanah Kana`an** untuk tinggal berasingan dari Yiş'haq.

^{25:7} Keseluruhannya, Abraham hidup selama 175 tahun.^{25:8} Lalu Abraham menghembuskan nafasnya yang terakhir. Dia menemui ajalnya sewaktu dia sangat tua dan telah menikmati suatu kehidupan yang panjang lagi baik. **Begitu** Abraham disatukan dengan nenek moyangnya yang sudah meninggal.^{25:9} Anak-anak Abraham, Yiş'haq dan Yisyma`el menguburkannya di dalam gua Makhpelah di sebelah timur Mamre, di tanah **bekas** kepunyaan `Efron bin Şohar, orang Het.^{25:10} Abraham telah membeli tanah itu daripada orang Het. Di tanah tersebut, **di dalam gua yang sama** Abraham dikuburkan dengan isterinya, Şarah.^{25:11} Setelah kematian Abraham, Allah memberkati anaknya, Yiş'haq. Pada waktu itu, Yiş'haq sedang menetap berdekatan dengan perigi Lahai Ro'i.

Yisyma`el dan Keturunannya Menetap di Selatan Kana`an

^{25:12} Berikut adalah riwayat Yisyma`el, anak Abraham dan keturunannya. Ibu Yisyma`el ialah Hagar, seorang Meşir dan hamba perempuan Şarah.^{25:13} Inilah senarai nama anak-anak lelaki Yisyma`el mengikut urutan kelahiran mereka: Nebayot, anak sulung Yisyma`el, Qedar, Adbeel, Mibsam,^{25:14} Misyma`, Dumah, Masa,^{25:15} Hadad, Tema, Yeţur, Nafisy dan Qedmah.^{25:16} Itulah anak-anak Yisyma`el. Mereka menjadi ketua dua belas suku bangsa, masing-masing dengan perkhemahan dan kawasannya yang namanya diambil daripada ketuanya.

while he yet lived, eastward, to the east country.

^{25:7} These are the days of the years of Abraham's life which he lived: one hundred seventy-five years.^{25:8} Abraham gave up the spirit, and died in a good old age, an old man, and full of years, and was gathered to his people.^{25:9} Isaac and Ishmael, his sons, buried him in the cave of Machpelah, in the field of Ephron, the son of Zohar the Hittite, which is before Mamre,^{25:10} the field which Abraham purchased of the children of Heth. Abraham was buried there with Sarah, his wife.^{25:11} After the death of Abraham, God blessed Isaac, his son. Isaac lived by Beer Lahai Roi.

Ishmael and His Descendants Settle South of Canaan

^{25:12} Now this is the history of the generations of Ishmael, Abraham's son, whom Hagar the Egyptian, Sarah's handmaid, bore to Abraham.^{25:13} These are the names of the sons of Ishmael, by their names, according to the order of their birth: the firstborn of Ishmael, Nebaioth, then Kedar, Adbeel, Mibsam,^{25:14} Mishma, Dumah, Massa,^{25:15} Hadad, Tema, Jetur, Naphish, and Kedemah.^{25:16} These are the sons of Ishmael, and these are their names, by their villages, and by

^p 25:6 Hadiah boleh berbentuk binatang ternak, hamba abdi, batu permata atau emas dan perak yang digunakan sebagai wang.

^h 25:6 menyuruh mereka pergi **hrfh**: kirim mereka

^t 25:6 tanah **di** timur **tfsrn lain**: tanah Timur. Tfsrn kedua ini menganggap *Timur* itu sebagai nama tempat tertentu.

^h 25:7 jangka masa **hrfh**: hari-hari

^h 25:8 pada umur yang cukup tua **hrfh**: pada umur tua yang bagus. Frasa yg sama digunakan di 15:15.

^h 25:10 orang-orang Het **hrfh**: bani Het / anak-anak Het

<p>menurut nama-nama itu.</p> <p>25:17 Inilah tahun-tahun kehidupan Yisyma`el: 137 tahun. Dia menghembuskan nafasnya yang terakhir dan meninggal. Kemudian dia dikumpulkan kepada orang-orangnya. 25:18 Keturunan Yisyma`el^h menduduki daerah dari Hawilah hingga Syur yang terletak berhampiran dengan sempadan Meşir^t apabila pergi ke Asyur. Mereka tinggal jauh dari semua sanak saudara mereka.^t</p> <p><i>Allah Membuat Perjanjian dengan Ya`aqob (25:19 – 35:15)</i></p> <p>Keturunan Yiş`haq dan Ya`aqob</p> <p>25:19 Inilah riwayat Yiş`haq bin Abraham dan keturunannya. Abraham memperanakkan Yiş`haq. 25:20 Yiş`haq berumur empat puluh tahun ketika dia mengambil Ribqah menjadi isterinya. Ribqah ialah anak Betuel, orang Aram dari Padan-Aram^p dan saudari Laban, orang Aram itu. 25:21 Yiş`haq berdoa dengan sungguh-sungguh kepada Yahweh bagi pihak isterinya sebab dia mandul. Yahweh memakbulkan permintaannya^h dan mengandunglah Ribqah, isterinya. 25:22 Anak-anak itu bergelut bersama dengan sengitnya di dalamnya dan dia berkata, “Jika begini keadaannya, apa gunanya saya menjadi hamil?”^t Lalu dia</p>	<p>25:17 Yisyma`el hidup selama 137 tahun dalam hayatnya. Dia menghembuskan nafasnya yang terakhir dan meninggal. Dia pun disatukan dengan nenek moyangnya yang sudah meninggal. 25:18 Keturunan Yisyma`el menetap di kawasan yang terbentang di antara Hawilah dengan Syur, berhampiran dengan sempadan Meşir ke arah negara Asyur. Keturunan Yisyma`el tinggal berjauhan dari keturunan Abraham yang lain.</p> <p><i>Allah Membuat Perjanjian dengan Ya`aqob (25:19 – 35:15)</i></p> <p>Keturunan Yiş`haq dan Ya`aqob</p> <p>25:19 Inilah riwayat Yiş`haq bin Abraham dan keturunannya. Pada mulanya Abraham memperanakkan Yiş`haq. 25:20 Yiş`haq telah berumur empat puluh tahun ketika dia mengahwini Ribqah, anak perempuan Betuel. Betuel ialah orang Aram dari Padan-Aram. Abang Ribqah ialah Laban. 25:21 Ribqah seorang yang mandul; maka Yiş`haq berdoa kepada Yahweh untuk menolongnya. Yahweh menjawab doa Yiş`haq dan isterinya pun mengandung.</p> <p>25:22 Ribqah mengandungkan anak kembar. Tetapi ketika dia merasakan janin-janin itu menolak dengan sengitnya di antara satu dengan lain dalam kandungannya, dia berkata,</p>	<p>their encampments: twelve princes, according to their nations.</p> <p>25:17 These are the years of the life of Ishmael: one hundred thirty-seven years. He gave up the spirit and died, and was gathered to his people. 25:18 They lived from Havilah to Shur that is before Egypt, as you go toward Assyria. He lived opposite all his relatives.</p> <p><i>God Makes an Agreement with Jacob (25:19 – 35:15)</i></p> <p>Isaac's Descendants</p> <p>25:19 This is the history of the generations of Isaac, Abraham's son. Abraham became the father of Isaac. 25:20 Isaac was forty years old when he took Rebekah, the daughter of Bethuel the Syrian of Paddan Aram, the sister of Laban the Syrian, to be his wife. 25:21 Isaac entreated Yahweh for his wife, because she was barren. Yahweh was entreated by him, and Rebekah his wife conceived.</p> <p>25:22 The children struggled together within her. She said, “If it be so, why do I live?” She went to inquire of Yahweh. 25:23 Yahweh said to her,</p>
---	---	--

^h 25:18 Keturunan Yisyma`el hrhf: Mereka

^t 25:18 berhampiran dengan sempadan Meşir tfsrn lain: di sebelah timur dari sempadan Meşir hrhf: depan muka Meşir

^t 25:18 Mereka tinggal jauh dari semua sanak saudara mereka. ~tfsrn 2: Mereka hidup bertentangan dengan semua sanak saudara mereka. hrhf: Dia telah jatuh bertentangan muka dengan semua saudara. Ini penggenapan nubuat di 16:12, samada tfsrn 1 atau tfsrn 2 boleh diikuti.

^p 25:20 Padan-Aram dipercayai sama dgn Aram Naharaim di ayat 24:10.

^h 25:21 memakbulkan permintaannya hrhf: dirayunya

^t 25:22 apa gunanya saya menjadi hamil? trjmhn 2: untuk apa saya menjadi hamil? tfsrn 2: mengapakah aku mengalami ini?* tfsrn 3: apa gunanya hidup? hrhf: kenapa ini/begini aku?

<p>pergi untuk memohon keterangan Yahweh. ^{p 25:23} Maka Yahweh berkata kepadanya, “Ada dua negara^j di dalam rahimmu. Ya, dari dalam kandunganmu kembar itu akan terpisah menjadi dua bangsa. ^h Satu bangsa akan lebih kuat daripada bangsa yang kedua; yang tua akan melayani yang muda.”</p> <p>^{25:24} Maka genaplah hari bagi Ribqah untuk bersalin dan betul juga; ^h ada kembar di dalam rahimnya. ^{25:25} Keluarlah anak yang pertama, kemerahan^p dan seluruh tubuhnya^t seperti jubah berbulu. ^p Mereka memanggil namanya, `Ešaw. ^{n 25:26} Seterusnya adiknya keluar dengan tangannya memegang tumit `Ešaw. ^p Dia memanggil namanya, Ya`aqob. ^{p e} Yiš`haq berumur enam puluh tahun pada waktu dia menjadi bapa mereka. ^p</p> <p>`Ešaw Menjual Hak Sulungnya kepada Ya`aqob</p> <p>^{25:27} Setelah budak-budak itu membesar, `Ešaw menjadi seorang lelaki yang mahir berburu dan biasa di padang terbuka.^j</p>	<p>“Jika begini keadaannya, apa gunanya saya hamil?” Lalu dia membuat keputusan untuk meminta keterangan daripada Yahweh. ^{25:23} Yahweh berkata kepadanya, “Ada dua bangsa di dalam rahimmu. Selepas mereka lahir, kembar itu akan terpisah dan menjadi dua bangsa. Keturunan anak sulung akan kurang kuat daripada keturunan adiknya dan akan berbakti kepada mereka.</p> <p>^{25:24} Tibalah waktu baginya untuk bersalin dan memang betul; Ribqah mengandung kembar. ^{25:25} Bayi lelaki yang pertama dilahirkan dengan bulu kemerahan di seluruh tubuhnya seperti dia memakai kot kulit binatang. Mereka menamakannya `Ešaw. ^{25:26} Adiknya terus lahir selepas `Ešaw sambil berpaut erat pada tumit `Ešaw. Oleh sebab itu dia dinamakan Ya`aqob, yang bermaksud “dia memegang tumit”. Yiš`haq sudah berumur enam puluh tahun ketika Ribqah melahirkan anak kembarnya.</p> <p>`Ešaw Menjual Hak Sulungnya kepada Ya`aqob</p> <p>^{25:27} Setelah kembar itu membesar, `Ešaw menjadi seorang pemburu yang mahir dan biasa di hutan. Manakala Ya`aqob seorang yang beradab dan</p>	<p>“Two nations are in your womb. Two peoples will be separated from your body. The one people will be stronger than the other people. The elder will serve the younger.”</p> <p>^{25:24} When her days to be delivered were fulfilled, behold, there were twins in her womb. ^{25:25} The first came out red all over, like a hairy garment. They named him Esau. ^{25:26} After that, his brother came out, and his hand had hold on Esau’s heel. He was named Jacob. Isaac was sixty years old when she bore them.</p> <p>Esau Sells His Rights and Privileges as First-Born</p> <p>^{25:27} The boys grew. Esau was a skillful hunter, a man of the field. Jacob was a quiet man, living in tents. ^{25:28} Now Isaac</p>
--	--	--

^{p 25:22} Kita tdk tahu ke mana dia pergi utk menanyai Tuhan. Mungkin dia membuat pengorbanan di mazbah utk minta keterangan.

^{j 25:23} negara trjmhn lain: bangsa

^{h 25:24} bangsa hrfh: orang

^{h 25:23} betul juga hrfh: lihat

^{p 25:25} Perkataan merah atau kemerahan dlm b. Ibrani hampir sama dgn nama orang Edom, iaitu keturunan `Ešaw. Seolah-olah rupa badan `Ešaw menjadi nubuat ttg keturunannya.

^{t 25:25} Keluarlah, anak yang pertama, kemerahan dan seluruh tubuhnya seperti jubah berbulu. tfsrn 1: Bayi lelaki yang pertama dilahirkan dengan bulu kemerahan di seluruh tubuhnya seperti dia memakai kot kulit binatang. tfsrn 2: Keluarlah, anak yang pertama dengan kulit yang merah dan bulu di seluruh tubuh.

^{p 25:25} Keturunan `Ešaw tinggal dekat gunung Sye`ar, dan sye`ar adalah perkataan utk berbulu dlm b. Ibrani. Tdk terang dlm b. Ibrani apakah kulit `Ešaw yg merah atau bulunya. Biasanya orang yg berambut merah pun tiada bulu badan berwarna merah. Jadi kalau bulunya yg merah, ia kejadian yg agak aneh.

^{n 25:25} Nama `Ešaw tdk sama dgn perkataan bulu dlm b. Ibrani, tetapi bunyinya agak dekat.

^{p 25:26} Maksud kiasan frasa dia memegang tumit adalah dia memperdayakan.

^{p 25:26} Nama Ya`aqob bermakna dia memegang tumit. Maksud kiasan frasa dia memegang tumit adalah dia memperdayakan. Cara Ya`aqob lahir menjadi nubuat mengenai masa depannya; rujuk Kej. 25:27-34 dan Kej 27:1-40.

^{e 25:26} Ya`aqob ejaan lain: Ya`aqov. Dlm b. Ibrani, huruf b dan v adalah alofon. Di sini, bunyinya v.

^{p 25:26} Bermakna dia tunggu 20 tahun utk mendapat anak, kerana dia berkahwin pd umur 40.

^{j 25:27} biasa di padang terbuka. trjmhn 2: biasa di belantara. trjmhn 3: biasa di hutan. trjmhn 4: biasa di tempat yang jauh dari manusia. Perkataan padang di sini merujuk kpd tempat yg liar, dan tiada orang yg tinggal dekatnya. Di Malaysia hanya hutan yg begitu, tetapi di sebelah Israel banyak tempat liar yg tiada pokok kayu – hanya tumbuh-tumbuhan yg rendah, dan boleh dipanggil belantara.

<p>Manakala Ya`aqob adalah seorang lelaki yang beradab^t dan tinggal di dalam khemah. ^{25:28} Yiş`haq sayang pada `Eśaw kerana dia membawakannya daging buruan untuk dimakan.^h Tetapi Ribqah sayang kepada Ya`aqob. ^{25:29} Pada suatu ketika, Ya`aqob telah merebus rendidih. Kemudian datanglah `Eśaw dari padang dan sangat lemah kelaparan. ^{25:30} Lalu `Eśaw berkata kepada Ya`aqob, “Biarkanlah aku melahap sedikit rendidih merah itu^h sebab aku sangat lemah kelaparan.” (Itu sebabnya kemudian orang memanggil dia Edomⁿ juga.) ^{25:31} Ya`aqob pun berkata, “Gantikannya dengan hak kesulunganmu^p sekarang juga.” ^{25:32} Lalu `Eśaw berkata, “Nah! aku akan mati dan untuk apa hak kesulunganku ini? ^{25:33} Tetapi Ya`aqob berkata, “Bersumpah terhadapku sekarang juga.” Maka dia menjual hak kesulungannya kepada Ya`aqob dengan bersumpah. ^{25:34} Selepas itu, Ya`aqob memberikan kepada `Eśaw roti dan rendidih kacang merah itu.^j Dia makan dan minum, kemudian bangun lalu pergi. Demikianlah `Eśaw memandang remeh akan hak kesulungannya itu.</p> <p>Yahweh Memberkati Yiş`haq Seperti Dia Memberkati Abraham</p> <p>^{26:1} Maka berlakulah di tanah itu satu kebuluran yang lain daripada kebuluran sebelumnya di zaman^h</p>	<p>tidak pergi jauh dari perkhemahan. ^{25:28} Yiş`haq menyayangi `Eśaw sebab dia membawakannya daging buruan untuk dimakan. Ribqah pula menyayangi Ya`aqob. ^{25:29} Pada suatu hari, ketika Ya`aqob sedang memasak rendidih, `Eśaw pulang dari berburu. Dia sangat lemah kelaparan. ^{25:30} Maka `Eśaw berkata kepada Ya`aqob, “Saya sangat lemah kelaparan! Cepat, berilah saya makan sedikit daripada rendidih merah itu!” (Itulah sebabnya, kemudian dia juga digelar “Edom”, yang bermakna “merah”). ^{25:31} Ya`aqob pun menjawabnya, “Baiklah, tetapi berikan saya hak sulungmu sebagai penggantinya sekarang juga.” ^{25:32} `Eśaw menjawab, “Saya nak mati sudah ini! Apa pula guna hak sulung itu selepas itu?” ^{25:33} Sahut Ya`aqob, “Buat sumpah kepada saya bahawa engkau akan menjualkan hak kau sebagai anak sulung kepada saya.” Maka dia menjual hak kesulungannya kepada Ya`aqob untuk makanan itu dengan membuat sumpah. ^{25:34} Kemudian barulah Ya`aqob memberikan `Eśaw roti dan rendidih kacang merah itu. Setelah habis makan dan minum, `Eśaw bangkit dan beredar. Dia meremehkan hak kesulungannya.</p> <p>Yahweh Memberkati Yiş`haq Seperti Dia Memberkati Abraham</p> <p>^{26:1} Maka berlakulah satu lagi kebuluran di tanah itu selain daripada kebuluran yang berlaku pada zaman</p>	<p>loved Esau, because he ate his venison. Rebekah loved Jacob. ^{25:29} Jacob boiled stew. Esau came in from the field, and he was famished. 30 Esau said to Jacob, “Please feed me with that same red stew, for I am famished.” Therefore his name was called Edom. ^{25:31} Jacob said, “First, sell me your birthright.” ^{25:32} Esau said, “Behold, I am about to die. What good is the birthright to me?” ^{25:33} Jacob said, “Swear to me first.” He swore to him. He sold his birthright to Jacob. ^{25:34} Jacob gave Esau bread and stew of lentils. He ate and drank, rose up, and went his way. So Esau despised his birthright.</p> <p>Yahweh Promises to Bless Isaac Like He Blessed Abraham</p> <p>^{26:1} There was a famine in the land, besides the first famine that was in the days of</p>
--	---	---

^t ^{25:27} beradab **tfsrn** lain: *tenang / pendiam*

^h ^{25:28} dia membawakannya daging buruan untuk dimakan **hrfh**: binatang buruan *ada* dalam mulutnya

^h ^{25:30} rendidih merah itu **hrfh**: merah merah itu. Ada orang yg berpendapat merah merah bermakna merah tua. Ada juga yg percaya ia menunjukkan pendesakan `Eśaw.

ⁿ ^{25:30} **Edom** bermakna merah.

^p ^{25:31} Biasanya hak sulung ini bermakna mewarisi lebih banyak harta kekayaan drpd bapa, dan mungkin juga menjadi pemimpin keluarga.

^j ^{25:34} kacang merah itu. **trjmh** lain: lentil merah itu. Istilah b. Ibrani di sini ialah lentil merah, tetapi lentil itu sejenis kacang, jadi ia boleh juga diterjemah sebagai kacang merah.

^h ^{26:1} zaman **hrfh**: hari-hari

<p>Abraham. Lalu Yiş'haq pergi kepada raja Abi-Melekh,^{p e} raja orang Pelisyti^e di Gerar. ^{26:2} Yahweh menampakkan dirinya^t kepada Yiş'haq dan berkata, "Jangan turun^j ke Mesir. Tinggallah di tanah yang akan aku katakan kepadamu. ^{26:3} Menumpanglah^p di tanah ini. Maka aku akan bersamamu dan memberkatimu. Sebab kepadamu dan juga zuriatmu^j aku akan memberikan semua tanah ini. ^{p p} Aku memperkukuhkan^t ikrar yang telah aku janjikan kepada Abraham, bapamu. ^{26:4} Aku akan memperbanyakkan zuriatmu seperti bintang-bintang di langit dan aku akan memberikan kepada zuriatmu semua tanah ini. Dalam zuriatmu semua bangsa di bumi akan diberkati. ^{t 26:5} Itulah hasilnya Abraham mematuhi^{ku},^h mengikut</p>	<p>Abraham. Yiş'haq pun pergi menghadap raja Abi-Melekh, raja orang Pelisyti di Gerar. ^{26:2} Ketika Yiş'haq tiba di sana, Yahweh menampakkan dirinya kepadanya dan berkata, "Jangan pergi ke Mesir. Melainkan tinggallah di tanah yang aku suruh. ^{26:3} Tinggallah di negeri ini. Maka aku akan menyertaimu dan memberkatimu, sebab aku akan memberikan semua negeri ini kepadamu dan juga kepada keturunanmu. Aku memperkukuhkan ikrar yang aku buat kepada bapamu, Abraham. ^{26:4} Aku akan memperbanyakkan keturunanmu agar mereka berjumlah banyak seperti bintang di langit, dan aku akan memberikan kepada mereka kesemua tanah ini. Semua bangsa di bumi akan diberkati oleh zuriatmu. ^{26:5} Semua ini akan berlaku sebab Abraham telah mematuhi^{ku} dan melakukan arahanku,</p>	<p>Abraham. Isaac went to Abimelech king of the Philistines, to Gerar. ^{26:2} Yahweh appeared to him, and said, "Don't go down into Egypt. Live in the land I will tell you about. ^{26:3} Live in this land, and I will be with you, and will bless you. For to you, and to your seed, I will give all these lands, and I will establish the oath which I swore to Abraham your father. ^{26:4} I will multiply your seed as the stars of the sky, and will give to your seed all these lands. In your seed will all the nations of the earth be blessed, ^{26:5} because Abraham obeyed my voice, and kept my requirements, my commandments, my statutes, and my laws." ^{26:6} Isaac lived in Gerar.</p>
--	--	--

^{p 26:1} Dipercayai bahawa *Abi-Melekh* adalah gelaran yg digunakan oleh raja orang Pelisyti, spt *Firaun* digunakan oleh raja Mesir, dan bukannya nama seseorang. Oleh itu, mungkin *Abi-Melekh* ini adalah keturunan *Abi-Melekh* yg dikenali Abraham (21:22-36). Makna nama itu dlm b. Ibrani secara harfiah ialah *babaku raja*. Nama *Melekh* bermakna *raja*, spt nama Arab *Malik* yg dipinjam oleh b. Melayu.

^{e 26:1} *Abi-Melekh ejaan lain*: *Avi-Melekh*. Dlm b. Ibrani, huruf *b* dan *v* adalah alofon. Di sini bunyinya *v*.

^{e 26:1} *Pelisyti ejaan b. Ibrani*: *Pelisyt / Pelisyti / Pelisytim*. Terjemahan lain mengejanya *Filistin*, mungkin sbg tiruan ejaan b. Inggeris. Bangsa ini tiada kaitan dgn orang berbangsa Arab yg dipanggil *orang Palestin* sekarang; cuma sebahagian tempat tinggalnya sama, iaitu di semenanjung Gaza, dan kedua-duanya boleh dikatakan musuh ketat Israel. (Pd tahun 135 Masihi orang Roma memberi nama *Palestin* kpd tanah Israel sbg penghinaan terhadap orang Yahudi, dan nama penghinaan itu tetap dipakai sampai sekarang.)

^{t 26:2} *Yahweh menampakkan dirinya ... tfsrn 1: Ketika Yiş'haq tiba di sana, Yahweh menampakkan dirinya ... tfsrn 2: Sebelum Yiş'haq pergi ke sana, Yahweh menampakkan dirinya ...*

^{j 26:2} *turun trjmhn lain*: *pergi*. Bagi mereka, utk keluar dr Israel itu dianggap *turun*, bukan kerana ketinggian tempatnya tetapi disebabkan ketinggian status.

^{p 26:3} Istilah yg diterjemah *tumpang* bermakna tinggal di tanah orang dan bukan dgn bangsa sendiri. Walaupun tanah itu sudah dijanjikan kpd orang Israel, ia belum menjadi milik mereka. Sama di ayat 6.

^{j 26:3} *zuriatmu trjmhn lain*: *benihmu / keturunanmu*. Sama dlm ayat 4. Istilah *zuriat* di sini membawa dua makna pada masa yg sama; ia merujuk kpd semua keturunan Yiş'haq, dan juga kpd Yesus (lihat Gal 3:16).

^{p 26:3} *semua tanah ini. hrhf*: *semua tanah-tanah ini*. Sama dlm ayat 4. Kami percaya ini merujuk kpd seluruh tanah Kana'an, termasuk tanah orang Pelisyti, di mana *tanah-tanah* merujuk kpd negeri-negeri yg ada pd waktu itu. Terdapat juga pentafsir yg percaya ini hanyalah merujuk kpd negeri-negeri kepunyaan orang Pelisyti pd waktu itu, bermakna tanah yg dijanjikan Allah kpd orang Israel dikembangkan utk merangkumi tanah orang Pelisyti, dan bukan sahaja tanah orang Kana'an.

^{p 26:3} *Berkat Abraham akan beralih kpd Yiş'haq*. Semua yg terkandung dlm berkat itu, kini akan dimiliki oleh anak lelaki, dan kemudian diperturunkan kpd salah seorang anak lelakinya. *melibatkan peraturan*: jika mereka hendak menikmati berkat penuh, mereka harus mematuhi firman Yahweh. Jadi kepatuhan diperlukan dlm hal ini, contohnya: sebaik mana Abraham telah patuh.

^{t 26:3} *Aku memperkukuhkan tfsrn lain*: *Aku akan menunaikan*

^{t 26:4} *Trjmhn 2: Semua bangsa di bumi akan diberkati oleh zuriatmu. Trjmhn 3: Semua bangsa di bumi akan memperoleh berkat melalui zuriatmu. Tfsrn 2: Semua bangsa di bumi akan memberkati diri sendiri melalui zuriatmu. Tfsrn 3: Semua bangsa di bumi akan mengumumkan berkat ke atas satu dengan yang lain dengan menggunakan namamu. Tfsrn 4: Semua bangsa di bumi akan minta agar saya memberkati mereka seperti saya telah memberkati zuriatmu. Ayat yg pendek ini menimbulkan banyak pendapat kerana orang tdk setuju samada kata kerja b. Ibrani utk *berkati* ini harus difahami sbg pasif atau refleksif.*

^{h 26:5} *mematuhi ku hrhf*: *mendengar dalam suaraku*

arahanku, perintahku, peraturanku, dan hukumku.” 26:6 Dengan itu, Yiş’haq menumpang di Gerar.

26:7 Apabila para lelaki di tempat itu bertanya tentang isterinya, dia berkata “Dia adik saya,” sebab dia takut untuk mengatakan dia isterinya, supaya lelaki-lelaki itu tidak membunuhnya^h disebabkan rupa paras Ribqah menawan.^h 26:8 Maka hari-hari **menetap** di sana telah menjadi lama bagi dia. Abi-Melekh, raja orang Pelisyti menjenguk ke bawah melalui tingkap dan dia ternampak Yiş’haq sedang bermain-main^t dengan isterinya, Ribqah. 26:9 Lalu Abi-Melekh memanggil Yiş’haq dan dia berkata, “Dia memang isterimu. Bagaimana pula engkau mengatakan ‘Dia adikku?’” Yiş’haq **pun** berkata kepadanya, “Sebab aku berfikir jangan sampai aku mati kerana dia.” 26:10 Kemudian Abi-Melekh berkata, “Apa ini yang kau lakukan terhadap kami?” Bila-bila saja^j salah seorang daripada orang itu mungkin bersetubuh dengan^h isterimu dan kau akan mendatangkan laknat^p ke atas kami.” 26:11 Lalu Abi-Melekh memerintahkan semua orangnya dengan berkata, “Sesiapa yang menyentuh^p orang ini dan isterinya, pasti akan dibunuh.”

perintahku, peraturanku, dan hukumku.” 26:6 Dengan itu, Yiş’haq menetap di Gerar.

26:7 Apabila para lelaki di tempat itu **melihat** isteri Yiş’haq, mereka pun bertanya tentangnya. Yiş’haq menjawab, “Dia adik saya.” Dia takut untuk mengatakan, “Dia isteri saya,” sebab dalam benaknya dia berkata, “Para lelaki di tempat ini akan membunuh saya untuk mendapatkan Ribqah kerana dia sangat cantik.” 26:8 **Pada suatu hari**, setelah Yiş’haq sudah agak lama menetap di sana, Abi-Melekh, raja orang Pelisyti itu menjenguk ke luar tingkap. Dia ternampak Yiş’haq sedang bercumbu-cumbuan dengan isterinya, Ribqah. 26:9 Lalu Abi-Melekh memanggil Yiş’haq **untuk menghadapnya** dan berkata **kepadanya**, “Ribqah itu adalah isterimu! Kenapa engkau kata, ‘Dia adik saya?’” Yiş’haq menjawab, “Saya takut orang akan membunuh saya demi mendapatkannya **kalau mereka tahu dia ialah isteri saya.**” 26:10 Abi-Melekh menempik, “Kenapa pula kau cuba membawa sial ke atas kami? Salah seorang daripada lelaki itu mungkin saja dengan mudah bersetubuh dengan isterimu, dan dengan itu kaulah penyebab laknat atas kami!” 26:11 Lalu Abi-Melekh memerintahkan semua rakyatnya dengan bertitah, “Sesiapa yang mengapa-apakan lelaki ini ataupun

26:7 The men of the place asked him about his wife. He said, “She is my sister,” for he was afraid to say, “My wife”, lest, he thought, “the men of the place might kill me for Rebekah, because she is beautiful to look at.” 26:8 When he had been there a long time, Abimelech king of the Philistines looked out at a window, and saw, and, behold, Isaac was caressing Rebekah, his wife. 26:9 Abimelech called Isaac, and said, “Behold, surely she is your wife. Why did you say, ‘She is my sister?’” Isaac said to him, “Because I said, ‘Lest I die because of her.’”

26:10 Abimelech said, “What is this you have done to us? One of the people might easily have lain with your wife, and you would have brought guilt on us!”

26:11 Abimelech commanded all the people, saying, “He who touches this man or his wife will surely be put to death.”

^h 26:7 supaya lelaki-lelaki itu tidak membunuhnya **hrfh**: supaya lelaki-lelaki itu tidak membunuhku. Dlm b. Ibrani frasa ini adalah frasa cakap ajuk yg Yiş’haq ucapkan dlm hatinya.

^h 26:7 sebab rupanya menawan **hrfh**: sebab rupanya baik

^t 26:8 bermain-main **trjmh 2**: berfoya-foya **trjmh 3**: bercumbu-cumbuan **tfsrn lain**: menikmati **hrfh**: ketawa. Kata Ibrani *mesaheq* daripada kata dasar *saḥaq* atau *ketawa*, membentuk permainan bunyi dengan nama *Yiṣṣaḥaq* yang tertulis sebelumnya. Di sini *ketawa* mungkin bemakna *bermain-main* secara seksual, iaitu *bercumbu-cumbuan*. Atau mungkin *ketawa* bermakna *menikmati* dan oleh itu menjadi eufemisme utk *bersetubuh*. Ia menunjukkan bahawa Ribqah ialah isteri Yiş’haq dan bukan adiknya.

^j 26:3 Bila-bila saja salah seorang daripada orang itu mungkin bersetubuh... **Trjmh 2**: Senang saja *berlaku bahawa* salah seorang daripada orang itu bersetubuh... **Trjmh 3**: Boleh saja *berlaku bahawa* salah seorang daripada orang itu bersetubuh...

^h 26:10 bersetubuh dengan **hrfh**: berbaring dengan

^p 26:10 Istilah b. Ibrani *asyam* ini ada makna *kesalahan*. Ia merangkumi perbuatan yg salah, keadaan (sudah) bersalah, dan akibat kesalahan. Di sini kami memahaminya sbg akibat kesalahan yg kami tafsirkan sbg *laknat*, *sial* atau *celaka*, dan kutuk yg datang drpd perbuatan yg salah.

^p 26:11 Menyentuh maksudnya menyerang, memukul, mencederakan atau mengapa-apakan.

<p>^{26:12} Yiş'haq menyemai^p di tanah itu dan dalam tahun itu juga dia memperoleh hasil seratus kali ganda. Yahweh memberkatinya.^t</p> <p>^{26:13} Maka dia menjadi orang besar. Dia berterusan bertambah kaya^h sehingga dia menjadi amat kaya sekali.^t ^{26:14} Dia memiliki harta kawanan kambing dan domba, kawanan lembu dan banyak hamba. Oleh sebab itu, orang-orang Pelisyti dengki terhadapnya. ^{26:15} Maka orang-orang Pelisyti menutupi semua perigi yang telah digali oleh hamba-hamba bapanya, di zaman^h Abraham, dengan menimbusnya dengan tanah. ^{26:16} Lalu raja Abi-Melekh berkata kepada Yiş'haq, "Pergilah dari kalangan kami sebab engkau sudah jadi terlalu kuat bagi kami." ^{26:17} Maka Yiş'haq pergi dari tempat itu dan dia berkhemah di lembah Gerar. Dia pun menetap di sana.</p> <p>^{26:18} Kemudian Yiş'haq menggali semula perigi air yang pernah digali di zaman Abraham, bapanya, tetapi telah ditimbus oleh orang-orang Pelisyti setelah kematian Abraham. Dia memanggil nama perigi itu dengan nama yang pernah diberikan oleh bapanya. ^{26:19} Ketika para hamba Yiş'haq menggali di lembah itu, mereka menemui di sana sebuah perigi air yang mengalir.^p ^{26:20} Tetapi bertikailah para gembala Gerar dengan para gembala Yiş'haq. Mereka mengatakan, "Air itu milik kami." Lalu Yiş'haq^h</p>	<p>isterinya, pasti akan dihukum mati."^p</p> <p>^{26:12} Yiş'haq bercucuk tanam di negeri itu, dan pada tahun yang sama dia menuai seratus kali ganda apa yang ditanamnya sebab Yahweh memberkatinya. ^{26:13} Yiş'haq pun menjadi orang kaya. Dia semakin lama semakin kaya sehingga menjadi amat kaya tak terhingga. ^{26:14} Dia memiliki kambing, domba, lembu dan hamba yang sangat banyak sehinggakan orang-orang Pelisyti menjadi iri hati terhadapnya. ^{26:15} Maka orang-orang Pelisyti mengambil tanah dan menimbus penuh semua perigi yang telah digali oleh para hamba bapanya di zaman bapanya, Abraham. ^{26:16} Lalu raja Abi-Melekh berkata kepada Yiş'haq, "Tinggalkanlah kami dan pergilah ke tempat yang lain, sebab kumpulanmu sudah menjadi terlalu berkuasa bagi kami." ^{26:17} Maka Yiş'haq berpindah dari tempat itu dan menetap di lembah Gerar.</p> <p>^{26:18} Selepas itu, Yiş'haq menggali semula perigi yang pernah digali di zaman bapanya, mendiang Abraham, sebab orang-orang Pelisyti telah menimbusnya setelah Abraham meninggal. Yiş'haq menggunakan nama yang pernah diberikan oleh bapanya untuk menamakan perigi-perigi itu. ^{26:19} Ketika para hamba Yiş'haq menggali perigi di lembah itu, mereka menemukan sebuah perigi yang airnya mengalir. ^{26:20} Disebabkan perigi tersebut, para gembala Gerar bertikai dengan para gembala Yiş'haq dengan mengatakan, "Air itu milik kami!" Maka Yiş'haq menamai perigi</p>	<p>^{26:12} Isaac sowed in that land, and reaped in the same year one hundred times what he planted. Yahweh blessed him. ^{26:13} The man grew great, and grew more and more until he became very great. ^{26:14} He had possessions of flocks, possessions of herds, and a great household. The Philistines envied him. ^{26:15} Now all the wells which his father's servants had dug in the days of Abraham his father, the Philistines had stopped, and filled with earth. ^{26:16} Abimelech said to Isaac, "Go from us, for you are much mightier than we." ^{26:17} Isaac departed from there, encamped in the valley of Gerar, and lived there.</p> <p>^{26:18} Isaac dug again the wells of water, which they had dug in the days of Abraham his father. For the Philistines had stopped them after the death of Abraham. He called their names after the names by which his father had called them. ^{26:19} Isaac's servants dug in the valley, and found there a well of springing water. ^{26:20} The herdsmen of Gerar argued with Isaac's herdsmen, saying, "The water is ours." He called the name of the well Esek, because they contended with him.</p>
---	---	---

^p ^{26:12} Mungkin *benih* yang digunakan adalah benih *barli* dan *gandum*.

^t ^{26:12} *Yahweh memberkatinya* **tfsrn lain:** *Yahweh memberkatinya dan ...* Tfsn kedua ini menganggap frasa ini merujuk ke isi ayat 13.

^h ^{26:13} *kaya* **hrfh:** *besar*. Dia jadi 'orang besar' dgn kekayaan dan makin ramai orang di bawah naungannya.

^t ^{26:13} *Semakin lama, semakin kaya dia, sehingga dia terlampau kaya.* **Tfsrn lain:** *Pengaruhnya terus bertambah sehingga dia menjadi sangat terkenal.*

^h ^{26:15} *zaman* **hrfh:** *hari-hari*. Sama di ayat 18.

^p ^{26:19} *mengalir* **hrfh:** *hidup*. Makna kedua *hidup* dlm b. Ibrani utk air adalah *mengalir*. Ini mungkin air yg mengalir di bawah tanah, tetapi tdk keluar dr telaga spt mata air. Pentafsir yg lain fikir ia mata air yg mengalir keluar ke atas tanah.

^h ^{26:20} *Yiş'haq* **hrfh:** *dia*

<p>menyebut nama perigi itu `Eseqⁿ kerana mereka bertikai dengannya. ^{26:21} Kemudian mereka menggali sebuah lagi perigi dan mereka bertikai juga akannya. Maka dia memanggil namanya Šitnah.ⁿ ^{26:22} Dia pun berpindah dari situ lalu menggali sebuah lagi perigi dan mereka tidak bertikai akan perigi itu. Jadi dia memanggil namanya Rehobotⁿ dan dia berkata, “Kini, Yahweh telah memberikan ruang bagi kita dan kita akan menjadi berhasil^h di negeri ini.”</p> <p>^{26:23} Dari situ dia berangkat^h ke Beer-Syeba`. ^{26:24} Yahweh menampakkan <u>dirinya</u> kepadanya pada malam itu dan berkata, “<u>Akulah</u> Allah Abraham, bapamu. ^p Jangan takut, sebab <u>aku</u> bersamamu. <u>Aku</u> akan memberkatimu dan <u>aku</u> akan memperbanyakkan zuriatmu^j disebabkan hambaku, Abraham. ^{26:25} Lalu dia membina di sana sebuah mazbah dan dia menyerukan nama Yahweh^p Di situ dia pun mendirikan khemahnya dan para hamba Yiš’haq menggali sebuah perigi di situ.</p>	<p>itu `Eseq yang bermakna pertikaian, sebab mereka bertikai dengan gembalanya mengenai perigi itu. ^{26:21} Kemudian gembala Yiš’haq menggali sebuah lagi perigi lain, tetapi gembala Gerar bertikai juga akan perigi itu. Lalu Yiš’haq menamakan perigi itu Šitnah, yang bermakna pertentangan. ^{26:22} Kemudian dia berpindah dari sana dan menggali sebuah lagi perigi. Pada kali ini, mereka tidak bertikai akannya; lalu Yiš’haq menamakan perigi itu Rehobot, yang bermakna ruang terbuka, dan berkata, “Buat masa ini, Yahweh telah memberikan ruang kepada kita, dan kita akan memperoleh anak serta menjadi makmur di tanah ini.”</p> <p>^{26:23} Dari tanah itu, Yiš’haq berangkat ke Beer-Syeba`. ^{26:24} Pada malam ketibaannya, Yahweh muncul dan menampakkan <u>dirinya</u> kepada Yiš’haq dan berkata, “<u>Akulah</u> Allah yang disembah bapamu, Abraham. Jangan takut; <u>aku</u> menyertaimu. <u>Aku</u> akan memberkatimu dan memperbanyakkan keturunanmu demi hambaku, Abraham.” ^{26:25} Kemudian Yiš’haq membina sebuah mazbah di sana dan menyerukan nama Yahweh lalu membuat korban persembahan kepadanya. Dia mendirikan khemahnya dan para hambanya menggali perigi di situ.</p>	<p>^{26:21} They dug another well, and they argued over that, also. He called its name Sitnah. ^{26:22} He left that place, and dug another well. They didn’t argue over that one. He called it Rehoboth. He said, “For now Yahweh has made room for us, and we will be fruitful in the land.”</p> <p>^{26:23} He went up from there to Beersheba. ^{26:24} Yahweh appeared to him the same night, and said, “I am the God of Abraham your father. Don’t be afraid, for I am with you, and will bless you, and multiply your seed for my servant Abraham’s sake.” ^{26:25} He built an altar there, and called on Yahweh’s name, and pitched his tent there. There Isaac’s servants dug a well.</p>
--	---	---

ⁿ ^{26:20} Nama Eseq bermakna *pertikaian, pertengkaran* atau *pergaduhan*.

ⁿ ^{26:21} Nama Šitnah bermakna *pertentangan*.

ⁿ ^{26:22} Nama Rehobot bermakna *ruang yang terbuka*.

^h ^{26:22} *berhasil hrhf: berbuah*. Perkataan ini boleh merujuk kpd mendapatkan *keturunan*, atau menjadi *makmur* atau kedua-duanya; mungkin kedua-dua dimaksudkan di sini.

^h ^{26:23} *berangkat hrhf: naik*. B. Ibrani menggunakan *naik* atau *turun* utk perjalanan. Kalau ia ke arah Yerusalem, ia *naik*, kalau dari Yerusalem, ia *turun*. Di sini mungkin Beer-Syeb`ah dianggap lebih suci drpd Gerar yg dikuasai orang Pelisyti.

^p ^{26:24} Pd waktu itu, setiap suku-kaum atau bangsa mempunyai ‘allah’ tersendiri mereka yg mempunyai hubungan khas dgn bangsa masing-masing. Utk mula berinteraksi dgn ‘allah’ sendiri, bangsa yang berkaitan harus memanggil nama ‘allah’ mereka dgn tepat; dengan itu, barulah mereka boleh meminta sesuatu. Di sini, frasa ‘Allah bapamu’ menunjukkan bahawa Yahweh ialah Allah suku kaum keturunan Abraham melalui Yiš’haq. (Apabila Abraham berpindah dr memuja ‘allah’ bapanya kpd menyembah Yahweh (Yesy 24:2), secara automatik ia memulakan bangsa baru.) Dgn menyeru kpd Yahweh (ayat 25), Yiš’haq mengesahkan bahawa Yahweh memang Tuhan bangsa mereka seterusnya.

^j ^{26:24} *zuriatmu trjmhn lain: benihmu / keturunanmu*.

^p ^{26:25} *menyerukan nama Yahweh hrhf: berseru dalam nama Yahweh*. Frasa *berseru dalam nama* spt membuka komunikasi dua arah di antara si penyembah dan Tuhan yg disebut. Oleh itu, korban persembahannya dan doa diarahkan kpd Yahweh. Ia harus diarahkan kpd Tuhan tertentu dgn menyeru namanya sebab banyak ‘allah’ yg disembah orang pd waktu itu. Lihat 1 Raja 18:24-25 utk orang yg memanggil nama tuhan lain utk meminta sesuatu.

Yiş'haq Membuat Perjanjian dengan Raja Abi-Melekh

^{26:26} Raja Abi-Melekh datang dari Gerar kepada Yiş'haq^h dengan kawan rapatnya, ^t Ahuzat dan Pikhol, ^p ketua tenteranya. ^{26:27} Maka Yiş'haq berkata kepada mereka, “Mengapa kamu datang kepada ku? Kamu membenci aku dan sudah pun menghalau ku pergi dari kamu?”^j ^{26:28} Mereka^p berkata, “Kami dapat melihat dengan jelas bahawa Yahweh ada bersama dengan kau. Maka kami pun berkata, ‘Biar ada pengangkatan sumpah di antara kita. Di antara kami dengan engkau, marilah kita membuat satu persetiaan bersama engkau ^{26:29} bahawa engkau tidak akan berbuat jahat terhadap kami sama seperti kami tidak mengapa-apakan^h engkau dan sama seperti kami melakukan terhadap mu hanya kebaikan. Kami membiarkan kau pergi dengan aman dan kini engkau diberkati Yahweh.”^p ^{26:30} Maka dia mengadakan satu jamuan untuk mereka. Mereka pun makan dan minum. ^{26:31} Mereka bangun awal **pada keesokan** pagi dan mengangkat sumpah setiap seorang kepada yang lain.^h Kemudian Yiş'haq membiarkan mereka pergi dan mereka pergi darinya^h dalam keadaan yang damai. ^{26:32} Pada hari itu juga, hamba Yiş'haq datang dan melaporkan kepadanya mengenai

Yiş'haq Membuat Perjanjian dengan Raja Abi-Melekh

^{26:26} Pada suatu ketika, Raja Abi-Melekh datang dari Gerar pergi berjumpa dengan Yiş'haq dengan ditemani oleh kawan rapatnya, Ahuzat dan ketua tenteranya, Pikhol. ^{26:27} Maka Yiş'haq menanyakan mereka, “Mengapa pula kamu datang ke mari sedangkan kamu membenci saya dan sudah pun menghalau kami pergi dari kamu?” ^{26:28} Raja Abi-Melekh menjawab, “Kami dapat melihat dengan jelas bahawa Yahweh menyertai mu. Maka kami berkeputusan agar perlu ada satu persetiaan di antara kita – di antara kami dengan kamu. Marilah kita membuat satu persetiaan. ^{26:29} Ikrarnya begini: engkau tidak akan mengapa-apakan kami sama seperti kami tidak mengapa-apakan kamu, tetapi selalu melayan kamu dengan baik sebelum membiarkan kamu berpisah **dari kami** dalam keadaan aman. **Malah**, kini kamu diberkati oleh Yahweh.” ^{26:30} Maka Yiş'haq mengadakan satu jamuan untuk mereka dan mereka berpesta. ^{26:31} Pada awal pagi keesokan harinya, mereka membuat satu perjanjian rasmi dengan satu sama lain. Selepas itu, Yiş'haq membiarkan mereka pergi: mereka berpisah dalam keadaan yang baik. ^{26:32} Pada hari itu juga para hamba Yiş'haq tampil dan melaporkan kepadanya mengenai perigi yang telah mereka gali. Mereka melaporkan, “Kami menemui air.” ^{26:33} Lalu dia

Isaac Makes an Agreement with Abimelech

^{26:26} Then Abimelech went to him from Gerar, and Ahuzzath his friend, and Phicol the captain of his army. ^{26:27} Isaac said to them, “Why have you come to me, since you hate me, and have sent me away from you?” ^{26:28} They said, “We saw plainly that Yahweh was with you. We said, ‘Let there now be an oath between us, even between us and you, and let us make a covenant with you, ^{26:29} that you will do us no harm, as we have not touched you, and as we have done to you nothing but good, and have sent you away in peace.’ You are now the blessed of Yahweh.” ^{26:30} He made them a feast, and they ate and drank. ^{26:31} They rose up some time in the morning, and swore one to another. Isaac sent them away, and they departed from him in peace. ^{26:32} The same day, Isaac’s servants came, and told him concerning the well which they had dug, and said to him, “We have found water.” ^{26:33} He called it Shibah. Therefore the name of the city is Beersheba† to this day.

^h ^{26:26} Yiş'haq hrhf: dia

^t ^{26:26} kawan rapat tfsrn lain: penasihat utama. Banyak terjemahan moden menterjemahkan istilah Ibrani ini sbg penasihat, namun istilah tersebut mungkin tidak menamai kedudukan rasmi tetapi cuma seorang kawan peribadi.

^p ^{26:26} Mungkin nama Pikhol ialah nama keluarga atau gelaran dan bukan nama peribadi. Oleh sebab ada lebih-kurang 60 tahun di antara kejadian ini dgn kejadian dgn Pikhol di 21:22, kemungkinan orang ini orang yg sama adalah tipis.

^j ^{26:27} dan sudah pun menghalau ku pergi dari mu? trjmhn 2: membuat ku keluar dari negeri mu? trjmhn 3: dan berkata kepadaku ‘Keluar dari negeriku.’

^p ^{26:28} Di sini Raja Abi-Melekh bercakap bagi pihak orangnya.

^h ^{26:29} tidak mengapa-apakan hrhf: tidak sentuh. Makna tidak sentuh mungkin tidak mengapa-apakan sedikit pun.

^p ^{26:29} Pemimpin orang Pelisyti itu telah membuat satu pemerhatian dan bukan mengisytiharkan suatu berkat. Maka terjemahannya adalah engkau diberkati dan bukan semoga engkau diberkati.

^h ^{26:31} kepada yang lain. hrhf: kepada saudaranya.

^h ^{26:31} pergi darinya hrhf: pergi dari bersamanya

perigi yang telah mereka gali. Mereka mengatakan kepadanya, “Kami menemui air.”^{26:33} Maka dia menamakannya Syeb`ah. Dengan itu, nama kota itu ialah Beer-Syeba`ⁿ sehingga ke hari ini.

`Eśaw Mengahwini Perempuan Bangsa Asing

^{26:34} Ketika `Eśaw berumur empat puluh tahun, dia mengambil isteri, Yehudit binti Beer, orang Hit dan Basmat binti Elon, orang Hit.^{26:35} Mereka menjadi punca kegetiran^h bagi Yiş`haq dan Ribqah.^t

Ya`aqob Menipu Yiş`haq Untuk Mendapatkan Berkah `Eśaw

^{27:1} Pada waktu Yiş`haq sudah tua dan matanya terlalu kabur untuk melihat, dia memanggil anak sulungnya^h `Eśaw. Lalu dia berkata kepadanya, “Anakku?” dan dia berkata kepadanya, “Ini aku.”^{27:2} Dia pun berkata, “Nah,^h kini saya sudah tua dan saya tidak tahu hari kematian saya.”^{27:3} Jadi, ambillah senjatamu, tabung anak panahmu dan busurmu. Keluarlah ke padang dan burulah binatang liar^m untuk saya.^{27:4} Kemudian sediakan^h saya makanan yang lazat seperti kesukaan ku dan bawa kepada saya agar saya memakannya, supaya saya boleh memberkatimu^t sebelum saya mati.”^{27:5} Tetapi Ribqah sedang

menamakan perigi itu Syeb`ah; oleh sebab itulah nama kota itu ialah Beer-Syeba` hinggalah sekarang.

`Eśaw Mengahwini Perempuan Bangsa Asing

^{26:34} Ketika `Eśaw berumur empat puluh tahun dia mengahwini dua perempuan: Yehudit binti Beer, orang Hit dan Basmat binti Elon, orang Hit.^{26:35} Dua isteri itu menjadi punca kegetiran dalam hidup Yiş`haq dan Ribqah.

Ya`aqob Menipu Yiş`haq Untuk Mendapatkan Berkah `Eśaw

^{27:1} Pada waktu Yiş`haq sudah tua dan penglihatannya juga sudah kabur, dia memanggil anak sulungnya, `Eśaw. Lalu Yiş`haq berkata kepadanya, “Anakku?” dan `Eśaw menjawabnya, “Ya bapa, ini saya.”^{27:2} Yiş`haq berkata, “Dengarlah, ayah sudah tua dan ayah tidak tahu berapa lama lagi ayah akan hidup.”^{27:3} Jadi, ambillah senjatamu, tabung anak panahmu dan busurmu. Pergilah ke padang dan burulah binatang liar untuk ayah.^{27:4} Kemudian masaklah untuk ayah makanan lazat kesukaan ayah dan bawakan makanan itu agar ayah memakannya. Dengan itu, terlaksanalah keinginan ayah untuk memberkatimu sepenuhnya sebelum ayah meninggal dunia.”^{27:5} Pada

Esau Marries Foreign Wives

^{26:34} When Esau was forty years old, he took as wife Judith, the daughter of Beer the Hittite, and Basemath, the daughter of Elon the Hittite.^{26:35} They grieved Isaac's and Rebekah's spirits.

Jacob Cheats Esau out of His Blessing

^{27:1} When Isaac was old, and his eyes were dim, so that he could not see, he called Esau his elder son, and said to him, “My son?” He said to him, “Here I am.”^{27:2} He said, “See now, I am old. I don't know the day of my death.”^{27:3} Now therefore, please take your weapons, your quiver and your bow, and go out to the field, and take me venison.^{27:4} Make me savory food, such as I love, and bring it to me, that I may eat, and that my soul may bless you before I die.”^{27:5} Rebekah heard when Isaac spoke to Esau his son. Esau went to the field to hunt for

^{n 26:33} Beer bermakna perigi. Syeb`ah berbunyi spt tujuh atau ikrar. Jadi ini bermakna perigi ikrar atau perigi persumpahan. Sebenarnya persumpahan itu terjadi dua kali. Menurut Kej 21:31, Abraham yang memberikan nama Beer-Syeb`ah apabila dia membuat satu perjanjian dengan orang Pelisyti. Abraham menggali sebuah perigi di tapak itu dan menamakan tempat itu Beer-Syeb`ah; Yiş`haq menggali sebuah perigi lain di sana dan menamakan perigi itu Syeb`ah. Kemudian generasi berikutnya telah mengaitkan nama Beer-Syeb`ah dengan Yiş`haq, sungguhpun Abraham yang menamakan tempat itu di suatu zaman terdahulu.

^{h 26:31} punca kegetiran hrffh: roh pahit

^{t 26:35} Mereka menjadi punca kegetiran bagi Yiş`haq dan Ribqah. Tfsrn 1: Kelakuan dua isteri itu menjadi punca kegetiran bagi Yiş`haq dan Ribqah. Tfsrn 2: Pemilihan dua isteri itu menjadi punca kegetiran bagi Yiş`haq dan Ribqah.

^{h 27:1} anak sulung hrffh: anaknya yang lebih besar. Sama di ayat 15 dan 42.

^{h 27:22} Nah hrffh: Lihat. Sama dlm ayat 37, 39 dan 42.

^{m 27:3} binatang liar manuskrip lain: makanan

^{h 27:4} sediakan hrffh: buat / buatlah. Sama di ayat 7, 9 dan 17.

^{t 27:4} supaya saya boleh memberkatimu hrffh: supaya jiwaku boleh memberkatimu. Hampir sama dlm ayat 19 dan 25. Terdapat bermacam-macam tafsiran kegunaan jiwaku di sini. Kami rasa maknanya ialah Yiş`haq mahu memberkati `Eśaw dgn segala-gala yg baik semampunya dia – apa pun yg ada padanya yg boleh diwariskan kpd `Eśaw melalui berkat. Tfsrn lain: Ia menunjukkan betapa kuat keinginan Yiş`haq mahu memberkati `Eśaw.

mendengar ketika Yiş`haq bercakap dengan `Eśaw, anaknya. Dan `Eśaw pergi ke padang untuk memburu binatang liar untuk dibawa pulang.

^{27:6} Lalu Ribqah bercakap dengan Ya`aqob anaknya dan berkata, “Dengarlah!^h Saya terdengar bapamu bercakap dengan `Eśaw, abangmu. Katanya,^{27:7} “Bawa kepada saya binatang buruan dan sediakan untuk saya makanan yang lazat agar saya boleh memakannya dan memberkatimu di hadapan Yahweh^p sebelum kematian ku.”^{27:8} Sekarang anakku, dengarlah saya^h mengenai apa yang saya suruhkan.^h^{27:9} Pergi ke kawanannya itu dan dari sana ambilkan untuk saya dua ekor anak kambing yang baik agar saya menyediakan makanan yang lazat untuk bapamu seperti yang disukainya.^{27:10} Kemudian engkau akan membawanya kepada bapamu. Dia akan memakannya supaya dia memberkatimu sebelum kematiannya.”^{27:11} Tetapi Ya`aqob berkata kepada Ribqah, ibunya, “Ibu **kan** maklum,^h `Eśaw abangku seorang lelaki yang berbulu banyak, dan saya seorang yang **berkulit halus tak berbulu.**^{27:12} Mungkin bapa^h akan menyentuh saya dan di matanya, saya akan menjadi seolah-olah penipu.^t Akhirnya saya akan membawa ke atas diri saya sendiri satu kutukan dan bukannya berkat.”^{27:13} Ibunya berkata kepadanya, “Atas sayalah kutukmu itu, anakku. Cuma dengarkanlah saya dan pergilah ambil **anak kambing itu** untuk ku.”

waktu itu, Ribqah sedang mendengar ketika Yiş`haq bercakap dengan `Eśaw, anaknya. Selepas itu, `Eśaw pergi memburu binatang liar di padang untuk dibawa pulang.

^{27:6} Lalu Ribqah berkata kepada Ya`aqob, “Dengarlah! Ibu terdengar bapamu bercakap kepada `Eśaw, abangmu,^{27:7} “Bawa kepada ayah binatang buruan dan masaklah ayah makanan yang lazat agar ayah boleh memakannya dan memberkatimu di hadapan Yahweh sebelum ayah meninggal.”^{27:8} Jadi sekarang anakku, lakukanlah seperti yang ibu suruh.^{27:9} Pergilah ke kawanannya itu dan tangkap dua ekor anak kambing yang terbaik untuk ibu. Ibu akan memasak **daging** yang lazat untuk bapamu seperti yang disukainya.^{27:10} Kemudian engkau akan membawa masakan itu kepada bapamu untuk dimakannya supaya dia memberkatimu sebelum dia menghembuskan nafasnya yang terakhir.”^{27:11} Tetapi Ya`aqob berkata kepada Ribqah, ibunya, “Abang **tubuhnya** dipenuhi bulu, sedangkan kulit saya tak berbulu.^{27:12} Jika ayah menyentuh kulit saya **yang halus**, dia akan memandang saya seakan-akan saya penipu sahaja. Akhirnya saya akan membawa kutuk ke atas diri saya sendiri dan bukannya berkat.”^{27:13} Ibunya menjawab dia, “Biar ibu yang tanggung kutuk itu, anakku. Ikut saja suruhan ibu! Pergilah tangkap **anak kambing itu** untuk ibu!”^{27:14} Ya`aqob pun pergi menangkap **anak kambing itu** dan membawanya kepada ibunya. Dia memasak makanan yang lazat seperti kesukaan bapa Ya`aqob.^{27:15} Kemudian Ribqah mengambil pakaian terbaik `Eśaw, anak sulungnya, yang disimpannya di dalam rumah itu dan

venison, and to bring it.

^{27:6} Rebekah spoke to Jacob her son, saying, “Behold, I heard your father speak to Esau your brother, saying,^{27:7} ‘Bring me venison, and make me savory food, that I may eat, and bless you before Yahweh before my death.’^{27:8} Now therefore, my son, obey my voice according to that which I command you.^{27:9} Go now to the flock, and get me from there two good young goats. I will make them savory food for your father, such as he loves.^{27:10} You shall bring it to your father, that he may eat, so that he may bless you before his death.”^{27:11} Jacob said to Rebekah his mother, “Behold, Esau my brother is a hairy man, and I am a smooth man.^{27:12} What if my father touches me? I will seem to him as a deceiver, and I would bring a curse on myself, and not a blessing.”^{27:13} His mother said to him, “Let your curse be on me, my son. Only obey my voice, and go get them for me.”^{27:14} He went, and got them, and brought them to his mother. His mother made savory food, such as his father loved.^{27:15} Rebekah took the good clothes of Esau, her elder son, which were with her in the house, and put them on Jacob,

^h ^{27:6} *Dengarlah hrffh: Lihat*

^p ^{27:7} Frasa *di hadapan Yahweh* ditambah di sini utk menekankan betapa seriusnya hal ini. Walaupun frasa *jiwaku* tidak dirakam di sini, rupanya Ribqah ada memberitahu kepada Ya`aqob, itulah sebabnya Ya`aqob menyebutnya dlm ayat 20.

^h ^{27:8} *dengarlah saya hrffh: dengar suaraku.* Sama dlm ayat 13.

^h ^{27:8} *suruhkan. hrffh: suruhkan mu.*

^h ^{27:11} *Maklum hrffh: Lihat*

^h ^{27:12} *bapa hrffh: bapa saya*

^t ^{27:12} *penipu trjmhn lain: orang yang mengelentong tfsrn 2: orang yang memperolok-olok*

^{27:14} Dia pun pergi mengambil **anak kambing itu** dan membawanya kepada ibunya. Lalu ibunya menyediakan makanan yang lazat seperti kesukaan bapanya. ^{27:15} Kemudian Ribqah mengambil pakaian berharga `Eśaw, anak sulungnya, yang ada dengannya di dalam rumah itu dan dia mengenakan pakaian itu pada Ya`aqob, anak bongsunya. ^{h 27:16} Dan kulit anak kambing itu dipakaikan **ibunya** pada tangannya dan pada bahagian **kulit** yang halus ^p di lehernya. ^{27:17} Dia meletakkan makanan yang lazat dan roti yang telah disediakanya itu pada tangan Ya`aqob, anaknya.

^{27:18} Dia pun pergi kepada bapanya dan berkata, "Bapaku." Dia berkata, "Ini aku. Siapakah engkau, anakku?" ^{27:19} Lalu Ya`aqob berkata kepada bapanya, "Saya `Eśaw, anak sulungmu. Saya sudah melakukan seperti yang engkau katakan kepada saya. Bangkitlah, duduk dan makanlah dari daging buruan saya supaya engkau boleh memberkati saya." ^{h 27:20} Dan Yiş`haq berkata kepada anaknya, "Eh?" ^h Cepatnya kau mendapatkannya, anakku." Lalu dia berkata, "Yahweh, Allahmu, dia menempatkannya di hadapan saya." ^{t 27:21} Kemudian Yiş`haq berkata kepada Ya`aqob, "Mendekatlah pada saya supaya saya dapat merabamu, anakku. Adakah kau ini anakku, `Eśaw, atau bukan?" ^{27:22} Maka Ya`aqob mendekati Yiş`haq, bapanya. Dia merabanya dan berkata, "Suara itu suara Ya`aqob tetapi tangan itu tangan `Eśaw." ^{27:23} Dia tidak mengecamnya. Tangannya seperti tangan berbulu `Eśaw, saudaranya.

mengenakan pakaian itu pada Ya`aqob, anak bongsunya. ^{27:16} Ribqah memakaikan kulit anak kambing itu pada tangan Ya`aqob dan di tengkuknya. ^{27:17} Dia memberikan makanan yang lazat dan roti yang telah disediakanya itu kepada Ya`aqob, anaknya.

^{27:18} Ya`aqob pergi kepada bapanya dan berkata, "Ayah." Yiş`haq menjawab, "Aku di sini. Siapakah itu?" ^{27:19} Lalu Ya`aqob mejawab bapanya, "Saya `Eśaw, anak sulung ayah. Saya sudah melakukan suruhan ayah. Bangkitlah, duduk dan makanlah daging buruan saya supaya ayah boleh memberkati saya." ^{27:20} Dan Yiş`haq bertanya kepada anaknya, "Bagaimana kau mendapat binatang buruan itu dengan begitu cepat sekali, anakku?" Lalu Ya`aqob menjawabnya, "Yahweh, Allahmu, dia menyediakanya di hadapan saya." ^{27:21} Kemudian Yiş`haq berkata kepada Ya`aqob, "Mari dekat ayah supaya ayah dapat menyentuhmu. Ayah ingin tahu adakah kau benar-benar anakku, `Eśaw atau bukan." ^{27:22} Maka Ya`aqob mendekati Yiş`haq, dan bapanya merabanya. Kemudian Yiş`haq berkata, "Suara itu suara Ya`aqob, tetapi tangan itu tangan `Eśaw." ^{27:23} **Namun** Yiş`haq tidak mengecamnya sebab tangan Ya`aqob seperti tangan berbulu `Eśaw, abangnya. Jadi, **akhirnya** Yiş`haq

her younger son. ^{27:16} She put the skins of the young goats on his hands, and on the smooth of his neck. ^{27:17} She gave the savory food and the bread, which she had prepared, into the hand of her son Jacob.

^{27:18} He came to his father, and said, "My father?" He said, "Here I am. Who are you, my son?" ^{27:19} Jacob said to his father, "I am Esau your firstborn. I have done what you asked me to do. Please arise, sit and eat of my venison, that your soul may bless me." ^{27:20} Isaac said to his son, "How is it that you have found it so quickly, my son?" He said, "Because Yahweh your God gave me success." ^{27:21} Isaac said to Jacob, "Please come near, that I may feel you, my son, whether you are really my son Esau or not." ^{27:22} Jacob went near to Isaac his father. He felt him, and said, "The voice is Jacob's voice, but the hands are the hands of Esau." ^{27:23} He didn't recognize him, because his hands were hairy, like his brother, Esau's hands. So he blessed him. ^{27:24} He said, "Are you really

^{h 27:15} *anak bongsunya* **hrfh:** *anaknya yang kecil.* Sama dlm ayat 42.

^{p 27:16} Perkataan *halus* di sini bermakna *yang tidak berrambut* (atau *berbulu*), iaitu leher di bawah rambutnya, atau tengkuknya.

^{h 27:19} *supaya engkau boleh memberkati ku* **hrfh:** *supaya jiwamu boleh memberkati ku.* Lihat nota di ayat 4.

^{h 27:20} *Eh?* **hrfh:** *Apa ini?*

^{t 27:20} *dia menempatkannya di hadapan saya* **tfsrn 2:** *dia menyebabkannya berlaku* **tfsrn 3:** *dia menjayakan saya*

<p>Jadi, akhirnya dia membuat keputusan memberkatinya juga. ^t 27:24 Seterusnya dia berkata, “Adakah kau betul-betul anakku, `Ešaw?”^h Dia berkata, “Saya.” 27:25 Kemudian dia berkata, “Bawa dekat padaku supaya saya boleh makan dari daging buruanmu anakku agar saya boleh memberkatimu.”^h Dia membawa makanan itu dekat kepadanya dan dia memakannya. Dia membawa wain kepadanya dan dia minum. 27:26 Lalu Yiš`haq, bapanya berkata kepadanya, “Mendekatlah dan ciumlah^p aku, anakku.” 27:27 Maka Ya`aqob^h mendekat dan menciumnya dan dia terhidu bauan pakaiannya. Dia memberkatinya dan berkata, “Wah,^h bau anakku seperti bau padang yang diberkati Yahweh. 27:28 Allah memberikan kepadamu^t dari embun langit,^p dari kegemukan tanah, dan banyak biji-bijian^p dan anggur.^p 27:29 Bangsa-bangsa akan berbakti kepadamu, dan kaum-kaum^h tunduk kepadamu. Jadilah tuan^t ke atas sanak saudaramu^h dan biarlah</p>	<p>membuat keputusan memberkati Ya`aqob juga. 27:24 Tetapi sebelum dia memberkatinya, Yiš`haq bertanya sekali lagi, “Adakah kau betul-betul anakku, `Ešaw?” Dia pun menjawab, “Ya, saya memang `Ešaw.” 27:25 Kemudian Yiš`haq berkata, “Hidangkan makanan yang kau sediakan supaya ayah boleh makan daging buruanmu dan memberkatimu.” Lalu Ya`aqob menghidangkan makanan itu kepada bapanya dan dia memakannya. Ya`aqob juga membawa wain untuknya dan bapanya minum wain itu. 27:26 Lalu Yiš`haq, bapanya berkata kepada Ya`aqob, “Mari dekat sini anakku dan ciumlah ayah.” 27:27 Maka Ya`aqob mendekat dan mencium bapanya. Pada masa yang sama, Yiš`haq terhidu bauan pakaian `Ešaw yang dipakai Ya`aqob. Yiš`haq berkata, “Ya, bau anakku betul-betul seperti bau padang yang diberkati Yahweh.” Kemudian dia memberkatinya begini; 27:28 “Allah memberikan kepadamu embun langit untuk membasahi ladangmu, kelimpahan tanah, biji-bijian dan</p>	<p>my son Esau?” He said, “I am.” 27:25 He said, “Bring it near to me, and I will eat of my son’s venison, that my soul may bless you.” He brought it near to him, and he ate. He brought him wine, and he drank. 27:26 His father Isaac said to him, “Come near now, and kiss me, my son.” 27:27 He came near, and kissed him. He smelled the smell of his clothing, and blessed him, and said, “Behold, the smell of my son is as the smell of a field which Yahweh has blessed. 27:28 God give you of the dew of the sky, of the fatness of the earth, and plenty of grain and new wine. 27:29 Let peoples serve you, and nations bow down to you. Be lord over your brothers. Let your mother’s sons bow down to you. Cursed be everyone who curses</p>
---	---	--

- ^t **27:23** Jadi, *akhirnya dia membuat keputusan memberkatinya juga*. **Trjmhn lain:** Jadi, dia *bersiap-sedia untuk memberkatinya ~tfsrn 2: Jadi, dia memulakan upacara memberkatinya juga*. Pemberkatan yg sebenar tdk terjadi sehingga **27:28-29**, maka *akhirnya dia membuat keputusan* digunakan di sini. Tfsrn 2 pun sesuai dgn pemberkatan yg terjadi kemudiannya.
- ^h **27:24** Adakah kau *betul-belul* anakku, `Ešaw? **hrfh:** Kau ini anakku, `Ešaw? Terjemahan harfiah di sini membawa makna yg salah, kerana ini mempunyai kegunaan yang lain dlm b. Ibrani.
- ^h **27:25** supaya saya boleh memberkati mu **hrfh:** supaya jiwaku boleh memberkati mu. Lihat nota di ayat 4.
- ^p **27:26** Perkataan *cium* digunakan untuk pertama kalinya dlm Alkitab di sini. Kata *cium* (atau *kucup/kecup*) dlm konteks alkibiah adalah gerak isyarat seseorang meletakkan bibirnya pada pipi orang yg dicium. Ciuman dalam PL secara umumnya berlaku di antara saudara rapat dan digunakan utk penyambutan mahupun perpisahan. Dlm *Kidung Agung 1:2* ia digunakan utk kucupan romantis.
- ^h **27:27** Ya`aqob **hrfh:** dia
- ^h **27:27** Wah **hrfh:** Lihat
- ^t **27:28** Allah memberikan kepadamu ... **Trjmhn/Tfsrn lain:** Semoga Allah akan memberikan kepadamu ... Sama dlm ayat berikut. Kebanyakan terjemahan b. Inggeris menggunakan bentuk harapan (semoga), tetapi ada juga yg menggunakan pernyataan. Kami rasa bentuk kenyataan lebih sesuai utk berkat dlm b. Melayu sebab ia bukan harapan tetapi pelepasan kuasa ilahi.
- ^p **27:28** Hujan jarang turun di tanah Kana`an, dan oleh itu embun adalah sepenting hujan utk tumbuh-tumbuhan dan tanaman.
- ^p **27:28** Biji-bijian utama yg ditanam di Kana`an ialah gandum dan barli. Terdapat juga jenis gandum yg diterjemah sbg *spelt* (*Triticum spelta*) dlm b. Inggeris dan sbg *seko* (*Panicum spp.*) dlm b. Melayu (*Kel 9:32*).
- ^p **27:28** Perkataan *anggur* ini biasanya merujuk kpd buah anggur yg sudah dituai, atau anggur yg sedang diperas, atau jus yg diperoleh. Ia belum menjadi wain (iaitu air anggur yg beralkohol). Anggur mempunyai banyak nama yg berlainan mengikut tarafnya sama spt padi/beras/nasi/kerak dlm b. Melayu. Sama dlm **37**.
- ^h **27:29** bangsa-bangsa ... kaum-kaum **hrfh:** orang-orang ... orang-orang. Di sini, b. Ibrani menggunakan dua perkataan utk *orang*, tetapi dgn makna *bangsa*.
- ^t **27:29** tuan atau maknanya dlm Ibrani, yang amat berkuasa. Dia yang diberkati akan menjadi lebih kuat dan oleh itu akan lebih berkuasa daripada saudaranya. Lihat *Kej. 25:23*.
- ^h **27:29** sanak saudaramu **hrfh:** saudara-saudaramu

<p>anak-anak lelaki ibumu tunduk kepadamu.^p Terkutuklah mereka yang mengutukmu dan diberkatilah mereka yang memberkatimu.”^p</p> <p>`Eśaw Merayu untuk Berkat dari Yiş`haq</p> <p>^{27:30} Setelah Yiş`haq selesai memberkati Ya`aqob dan Ya`aqob baru sahaja keluar dari hadapan bapanya Yiş`haq, datanglah `Eśaw, saudaranya dari memburu. ^{27:31} Dia juga telah menyediakan makanan yang lazat dan membawanya kepada bapanya. Dia berkata kepada bapanya, “Bapa,^h sila bangun dan makanlah dari daging buruan anakmu^h supaya kau boleh memberkatiku.”^h ^{27:32} Yiş`haq, bapanya berkata kepadanya, “Siapakah engkau?” Dia pun berkata, “Saya `Eśaw, anakmu yang sulung.” ^{27:33} Maka Yiş`haq menggeletar dengan gentaran yang sangat kuat dan berkata, “Kalau begitu, siapa pula dia yang memburu daging buruan dan membawanya kepada saya, lalu saya makan dari semua sebelum kau datang sehingga saya memberkatinya? Dia memang akan diberkati.”^j ^{27:34} Selepas sahaja `Eśaw mendengar kata-kata</p>	<p>anggur yang banyak. ^{27:29} Bangsa-bangsa akan berbakti kepadamu, dan orang tunduk kepadamu. Engkau dan keturunanmu akan menjadi tuan kepada sanak saudaramu dan keturunan saudaramu akan tunduk kepadamu dan keturunanmu. Tuhan akan mengutuk mereka yang mengutukmu atau keturunanmu dan memberkati mereka yang memberkatimu atau keturunanmu.”</p> <p>`Eśaw Merayu untuk Berkat dari Yiş`haq</p> <p>^{27:30} Selesai sahaja Yiş`haq memberkati Ya`aqob yang baru keluar dari hadapan bapanya Yiş`haq, masuklah `Eśaw, abangnya dari memburu. ^{27:31} `Eśaw telah menyediakan makanan yang lazat dan membawanya kepada bapanya. Lalu `Eśaw berkata kepadanya, “Ayah, bangun dan makanlah daging buruan anakmu supaya ayah boleh memberkatiku.” ^{27:32} Yiş`haq, bapanya berkata kepadanya, “Siapakah engkau?” Dia pun berkata, “Saya `Eśaw, anak ayah yang sulung.” ^{27:33} Maka Yiş`haq sangat menggeletar dan berkata, “Kalau begitu, siapa pula yang memburu binatang dan membawa dagingnya kepada ayah, lalu ayah makan semuanya sebelum kau datang, sehingga ayah memberkatinya? Sesungguhnya, berkat itu akan berkekalan.” ^{27:34} Selepas sahaja `Eśaw mendengar kata-kata bapanya, dia pun menangis dengan tangisan yang sangat kuat dan pedih. Lalu dia berkata kepada</p>	<p>you. Blessed be everyone who blesses you.”</p> <p>Esau Asks for a Blessing from Jacob</p> <p>^{27:30} As soon as Isaac had made an end of blessing Jacob, and Jacob had just gone out from the presence of Isaac his father, Esau his brother came in from his hunting. ^{27:31} He also made savory food, and brought it to his father. He said to his father, “Let my father arise, and eat of his son’s venison, that your soul may bless me.” ^{27:32} Isaac his father said to him, “Who are you?” He said, “I am your son, your firstborn, Esau.” ^{27:33} Isaac trembled violently, and said, “Who, then, is he who has taken venison, and brought it me, and I have eaten of all before you came, and have blessed him? Yes, he will be blessed.” ^{27:34} When Esau heard the words of his father, he cried with an exceeding great and bitter cry, and said to his father,</p>
--	--	--

^p ^{27:29} Ya`aqob mempunyai seorang saudara sahaja. Dlm berkat yg juga merupakan nubuat ini, rujukan kpd Ya`aqob juga bermaksud bangsa yg menjadi keturunannya, dan *anak-anak lelaki ibumu* merujuk kpd keturunan `Eśaw.

^p ^{27:29} Dari sudut pandangan orang Ibrani, keturunan seseorang terkandung dlm orang itu. Oleh itu kata *mu* dlm *mengutukmu* dan *memberkatimu* merujuk bukan sahaja kpd Ya`aqob tetapi kpd keturunannya. Itu bermakna kutuk dan berkat ini dikenakan kpd orang yg memberkati atau mengutuk bangsa Israel, sama ada dahulu atau sekarang.

^h ^{27:31} *bapa hrfh: bapa saya*

^h ^{27:31} *Bapaku, sila bangun dan makanlah dari daging buruan anakmu hrfh: Bapaku dibangunkan dan makan dari daging buruan anaknya*

^h ^{27:31} *supaya kau boleh memberkatiku hrfh: supaya jiwamu boleh memberkati ku. Lihat nota di ayat 4.*

^j ^{27:33} *Dia memang akan diberkati. trjmhn 2: Sesungguhnya, berkat itu akan berkekalan. trjmhn 3: Sesungguhnya, berkat itu tidak boleh ditarik balik.*

<p>bapanya, dia pun menangis dengan tangisan yang sangat kuat^h dan pedih.^h Lalu dia berkata kepada bapanya, “Bapaku, berkatilah juga saya.”^{27:35} Dan dia berkata, “Saudaramu telah datang dengan penipuan dan mengambil berkatmu.”^{27:36} Maka katanya, “Tidakkah patut namanya dipanggil Ya`aqob?ⁿ Ini kali kedua dia menipu saya: ^h Kali pertama dia mengambil hak kesulungan saya dan tengok, sekarang dia sudah mengambil berkat saya pula.” Kemudian dia bertanya,^h “Tidakkah kau menyimpan berkat untuk saya?”^{27:37} Yiş`haq pun menjawab dan berkata kepada `Eşaw, “Nah!^h Saya sudah melantik dia menjadi tuan kepada kamu, dan semua saudaranya saya sudah berikan kepadanya menjadi hamba.^p Saya sudah menampungnya dengan biji-bijian dan anggur. Jadi untukmu, apalah yang dapat saya lakukan anakku?”^{27:38} Maka `Eşaw berkata kepada bapanya, “Hanya satu sahajakah berkatmu, bapa?^h Berkatilah juga saya, bapaku.” Lalu `Eşaw mengangkat suaranya dan menangis.^{27:39} Yiş`haq, bapanya menjawab dan dia berkata kepadanya, “Nah, tempat tinggalmu^j akan jauh^j daripada kegemukan tanah dan daripada embun langit yang turun dari atas.^{27:40} Berasaskan pedangmu engkau akan hidup dan engkau akan</p>	<p>bapanya, “Ayah, berkatilah juga saya.”^{27:35} Yiş`haq menjawab, “Adikmu telah datang menipu ayah sehingga dia merampas berkatmu.”^{27:36} Maka kata `Eşaw, “Patutlah namanya Ya`aqob. Sudah dua kali dia mengambil hakku sebagai anak sulung. Kali pertama dia mengambil hak kesulungan saya dan kini dia sudah ambil berkat saya pula.” Kemudian dia bertanya, “Tidakkah ayah menyimpan berkat untuk saya?”^{27:37} Yiş`haq pun menjawab `Eşaw, “Nah! Ayah sudah melantik dia menjadi tuan kepada kamu, dan semua saudara-maranya ayah sudah berikan kepadanya menjadi hamba. Ayah sudah menampungnya dengan biji-bijian dan anggur. Jadi untukmu, apalah yang dapat ayah lakukan anakku?”^{27:38} Maka `Eşaw berkata kepada bapanya, “Adakah ayah hanya ada satu berkat sahaja yang boleh diberi? Berkatilah juga saya, ayah.” Lalu `Eşaw menangis dengan kuat sekali.^{27:39} Yiş`haq, bapanya menjawabnya, “Nah, tempat tinggalmu akan terpisah daripada tanah yang berlimpah-limpah dan daripada tanah yang diairi embun yang turun dari langit.^{27:40} Bersandarkan pedangmu engkau akan hidup dan engkau akan berbakti kepada adikmu. Pada suatu hari nanti engkau akan menjadi gelisah dan melepaskan diri daripada kuasa adikmu.”^{27:41} `Eşaw geram terhadap Ya`aqob disebabkan berkat yang diperolehinya dari bapa mereka. Maka kata-kata ini timbul</p>	<p>“Bless me, even me also, my father.”^{27:35} He said, “Your brother came with deceit, and has taken away your blessing.”^{27:36} He said, “Isn’t he rightly named Jacob? For he has supplanted me these two times. He took away my birthright. See, now he has taken away my blessing.” He said, “Haven’t you reserved a blessing for me?”^{27:37} Isaac answered Esau, “Behold, I have made him your lord, and all his brothers have I given to him for servants. With grain and new wine have I sustained him. What then will I do for you, my son?”^{27:38} Esau said to his father, “Have you but one blessing, my father? Bless me, even me also, my father.” Esau lifted up his voice, and wept.^{27:39} Isaac his father answered him, “Behold, of the fatness of the earth will be your dwelling, and of the dew of the sky from above.^{27:40} By your sword will you live, and you will serve your brother. It will happen, when you will break loose, that you shall shake his yoke from off your neck.”^{27:41} Esau hated Jacob because</p>
---	---	---

^h 27:34 **kuat hrhf:** *besar*

^h 27:34 **pedih hrhf:** *pahit*

ⁿ 26:36 Nama Ya`aqob ada dua makna. Yg satu, *Dia pegang tumit*. Yg keduanya, *Dia kaki kelentong, Dia penipu* atau *Dia kaki mengambil alih*. Makna kedua yg dimaksudkan `Eşaw di sini.

^h 27:36 **menipu saya hrhf:** *mengambil tempat saya*

^h 27:36 **Kemudian dia bertanya, hrhf:** *Dan dia berkata,*

^h 27:37 **Nah hrhf:** *Lihat*

^p 27:37 `Eşaw adalah satu-satunya saudara Ya`aqob. Oleh itu kita boleh tahu bahawa istilah *saudara* merujuk kpd keturunan Ya`aqob (bangsa Israel) dan keturunan `Eşaw (12 suku-kaum – lihat fasal 36).

^h 27:38 **bapa hrhf:** *bapaku*

^j 27:39 **tempat tinggalmu trjmhn lain:** tempat tinggalmu *dan keturunanmu*. Spt biasa rujukan kpd `Eşaw merangkumi keturunannya atau bangsa yg datang drpdnya dan bukan `Eşaw sendiri sahaja.

^j 27:39 **jauh trjmhn lain:** *terpisah*

<p>berbakti kepada saudaramu. Dan akan terjadi apabila engkau menjadi gelisah dan engkau akan menanggalkan kuknya dari tengkukmu.”^{p 27:41} `Eśaw geram terhadap Ya`aqob oleh sebab^j berkat yang bapanya telah berkatkan padanya. Maka `Eśaw berkata di dalam hatinya,^p “Hari-hari berkabung bagi bapaku semakin dekat. Waktu itu saya akan membunuh saudaraku, Ya`aqob.”</p> <p>^{27:42} Tetapi dilaporkanlah kepada Ribqah kata-kata `Eśaw, anak sulungnya. Lalu dia mengutus hamba memanggil Ya`aqob, anak bongsunya dan dia berkata kepadanya, “Dengarlah! Saudaramu, `Eśaw sedang menyenangkan dirinya sendiri dengan rancangan membunuhmu.”^{27:43} Dengan itu anakku, dengarlah saya.^h Bangkit dan larikanlah diri kepada Laban, abangku di Haran.^h ^{27:44} Kau boleh tinggal dengan dia beberapa hari sehinggalah masa kepanasan hati saudaramu berpaling – ^{27:45} sehingga kemarahan saudaramu berpaling dari mu – dan dia melupakan apa yang telah engkau lakukan kepadanya dan saya akan utus dan ambil kau dari sana. Kenapa pula saya harus kehilangan^h kamu berdua dalam satu hari?”</p> <p>^{27:46} Dan Ribqah berkata kepada Yiş`haq, “Saya jijik dalam kehidupanku disebabkan^t perempuan Het itu.^h Jika Ya`aqob</p>	<p>dari hati `Eśaw, “Masa berkabung bagi ayah semakin dekat. Waktu itulah saya akan membunuh adikku, Ya`aqob.”</p> <p>^{27:42} Tetapi kata-kata `Eśaw, anak sulungnya dilaporkan kepada Ribqah. Lalu Ribqah mengutus hambanya memanggil Ya`aqob, anak bongsunya dan berkata kepadanya, “Dengarlah! Abang kau, `Eśaw sedang menghiburkan hatinya dengan membuat rancangan untuk membunuh kau.”^{27:43} Dengan itu anakku, lakukanlah yang ibu suruh ini: Cabut larilah serta-merta dari sini dan pergilah kepada Laban, abang ibu di Haran.^{27:44} Kau boleh tinggal dengan dia beberapa hari sehinggalah kemarahan abangmu reda ^{27:45} dan dia melupakan apa yang telah engkau lakukan kepadanya, ibu akan mengutus hamba untuk membawa kau balik dari sana. Apa gunanya kalau ibu kehilangan kamu berdua dalam masa yang sama?”</p> <p>^{27:46} Dan Ribqah berkata kepada Yiş`haq, “Saya meluat hidup bersama isteri-isteri `Eśaw yang berbangsa Het itu. Jika Ya`aqob pun mengambil</p>	<p>of the blessing with which his father blessed him. Esau said in his heart, “The days of mourning for my father are at hand. Then I will kill my brother Jacob.”</p> <p>^{27:42} The words of Esau, her elder son, were told to Rebekah. She sent and called Jacob, her younger son, and said to him, “Behold, your brother Esau comforts himself about you by planning to kill you.”^{27:43} Now therefore, my son, obey my voice. Arise, flee to Laban, my brother, in Haran.^{27:44} Stay with him a few days, until your brother’s fury turns away;^{27:45} until your brother’s anger turn away from you, and he forgets what you have done to him. Then I will send, and get you from there. Why should I be bereaved of you both in one day?”</p> <p>^{27:46} Rebekah said to Isaac, “I am weary of my life because of the daughters of Heth. If Jacob takes a wife of the daughters of</p>
--	--	--

^{p 27:37} Ini lebih merujuk hubungan keturunan adik-beradik ini drpd `Eśaw dan Ya`aqob berdua.

^{j 27:41} oleh sebab **trjmh** lain: berasaskan

^{p 27:41} Ternyata dia mengucapkan ini kpd orang lain juga dan bukannya dlm hatinya sahaja sebab kata-katanya dilaporkan kpd Ribqah dlm ayat 42.

^{h 27:43} dengarlah saya. **hrfh**: dengarlah dalam suaraku.

^{h 27:43} di Haran **hrfh**: ke Haran

^{h 27:45} kehilangan **hrfh**: kematian. Kalau pun `Eśaw membunuh Ya`aqob, dia sendiri tdk akan mati. Jadi, mungkin ini adalah gaya hiperbola sahaja.

^{t 27:46} disebabkan **tfsrn** lain: terhadap **Hrfh**: dari depan muka **Tfsrn/Trjmh** lain: Saya jijik bersemuka dengan perempuan Het itu dalam hidupku.

^{h 27:46} perempuan Het itu **hrfh**: anak-anak perempuan Het itu. Istilah *anak perempuan* tdk bermakna mereka kecil lagi; ia hanya menunjukkan keahlian dlm sesuatu bangsa. Sebenarnya Ribqah maksudkan isteri `Eśaw yg berbangsa Het.

<p>pun mengambil seorang isteri daripada gadis-gadis Het seperti ini, dari anak-anak perempuan tanah ini, buat apakah saya hidup?”^h</p> <p>28:1 Kemudian Yiş`haq memanggil Ya`aqob dan memberkatinya dan memerintahkannya sebagai berikut. Katanya kepadanya, “Jangan mengambil seorang isteri daripada gadis-gadis Kana`an.”^{h 28:2} Bangkit, pergilah ke Padan Aram ke rumah Betuel, bapa ibumu dan ambil dari sana bagi dirimu sendiri seorang isteri daripada anak-anak perempuan Laban, abang ibumu.</p> <p>28:3 El-Syadayⁿ memberkatimu dan membuat engkau beranak^j dan bertambah banyak supaya engkau menjadi sekumpulan bangsa.^{h 28:4} Allah memberikan kepadamu berkat Abraham,^p kepadamu dan kepada zuriatmu^j yang bersamamu supaya kau dapat merampas^t tanah pengembaraanmu yang telah Allah berikan kepada Abraham.”^{28:5} Lalu Yiş`haq mengucapkan selamat jalan kepada Ya`aqob dan pergi ke Padan Aram kepada Laban bin Betuel, orang Aram, saudara Ribqah, ibu Ya`aqob dan `Eśaw.</p> <p>28:6 `Eśaw melihat bahawa Yiş`haq telah memberkati Ya`aqob dan memerintahnya pergi ke Padan Aram untuk mengambil seorang isteri bagi dirinya sendiri dari sana. Ketika dia memberkatinya, dia</p>	<p>seorang isteri dari kalangan gadis-gadis Het iaitu gadis tempatan seperti isteri `Eśaw ini, buat apakah saya hidup lagi?”</p> <p>28:1 Kemudian Yiş`haq memanggil Ya`aqob dan memberkatinya. Dia menyuruhnya begini: “Jangan sekali-kali mengambil seorang isteri daripada gadis Kana`an.”^{28:2} Pergilah cepat ke Padan Aram ke rumah Betuel, bapa ibumu dan dari sana kahwinilah seorang daripada anak-anak perempuan Laban, abang ibumu.^{28:3} El-Syaday – Allah yang berdaulat – memberkatimu dan membuat engkau beranak dan bertambah banyak supaya keturunanmu menjadi sekumpulan bangsa.^{28:4} Allah memberikan kepadamu berkat yang diberikannya kepada Abraham, kepadamu dan kepada keturunanmu yang bersamamu supaya kau dapat merampas tanah pertempatan sementara kau yang telah Allah berikan kepada Abraham.”^{28:5} Lalu Yiş`haq mengucapkan selamat jalan kepada Ya`aqob dan berangkat ke Padan Aram kepada Laban bin Betuel, orang Aram, abang Ribqah, ibu Ya`aqob dan `Eśaw.</p> <p>28:6 `Eśaw melihat bahawa Yiş`haq telah memberkati Ya`aqob dan menyuruhnya pergi ke Padan Aram untuk mengambil seorang isteri bagi dirinya dari sana. Ketika dia memberkatinya, dia menyuruhnya,</p>	<p>Heth, such as these, of the daughters of the land, what good will my life do me?”</p> <p>28:1 Isaac called Jacob, blessed him, and commanded him, “You shall not take a wife of the daughters of Canaan.”^{28:2} Arise, go to Paddan Aram, to the house of Bethuel your mother’s father. Take a wife from there from the daughters of Laban, your mother’s brother.^{28:3} May God Almighty bless you, and make you fruitful, and multiply you, that you may be a company of peoples,^{28:4} and give you the blessing of Abraham, to you, and to your seed with you, that you may inherit the land where you travel, which God gave to Abraham.”^{28:5} Isaac sent Jacob away. He went to Paddan Aram to Laban, son of Bethuel the Syrian, Rebekah’s brother, Jacob’s and Esau’s mother.</p> <p>28:6 Now Esau saw that Isaac had blessed Jacob and sent him away to Paddan Aram, to take him a wife from there, and that as he blessed him he gave him a command, saying, “You shall</p>
--	--	--

^{h 27:46} buat apakah saya hidup? **hrfh**: kenapa kehidupan ku?

^{h 28:1} gadis-gadis Kana`an **hrfh**: anak-anak perempuan Kana`an. Sama dlm ayat 6. Istilah anak perempuan tdk bermakna mereka kecil lagi, ia hanya menunjukkan keahlian dlm sesuatu bangsa. Di sini ternyata gadis yang dimaksudkan.

^{n 28:3} El-Syaday **tfsrn 1**: Allah yang berdaulat **tfsrn 2**: Allah Mahakuasa. *El* bermakna Allah, manakala *Syaday* biasanya dianggap merujuk kpd kuasa, dan sering diterjemah sebagai Mahakuasa dlm b. Melayu. Oleh itu, *El-Syaday* biasanya diterjemah sebagai Allah Mahakuasa. Ada juga yg menterjemahnya sebagai Allah yang berdaulat (iaitu Sovereign God dlm b. Inggeris). Walau bagaimanapun, makna betul *Syaday* tdk diketahui dgn pasti. Nama ini digunakan di 17:1 dan 35:11 juga.

^{j 28:3} beranak **trjmh** lain: jadi subur

^{h 28:3} kumpulan bangsa **hrfh**: kumpulan orang-orang. Makna orang di sini ialah bangsa atau suku-bangsa. Melalui sejarah, kita tahu bahawa keturunannya menjadi 12 suku-bangsa Israel. Dlm frasa yg hampir sama di 35:11, perkataan b. Ibrani *goyim* bangsa-bangsa digunakan.

^{p 28:4} Berkat yg diberi kpd Abraham boleh dilihat di 12:2-3, 12:7; dan 15:1-21.

^{j 28:4} zuriatmu **trjmh** lain: benihmu / keturunanmu

^{t 28:4} dapat merampas **tfsrn 2**: dapat mengambil alih / mempunyai **tfsrn 3**: mewarisi

<p>memerintahnya, “Jangan mengambil seorang isteri daripada gadis-gadis Kana`an itu.” ^{28:7} Dan Ya`aqob telah mendengar Yiş`haq, bapanya dan ibunya sehingga dia pergi ke Padan Aran. ^{28:8} Dan `Eśaw melihat bahawa perempuan ^h Kana`an itu jahat ^t di mata Yiş`haq, bapanya.</p> <p>^{28:9} Maka `Eśaw pergi kepada Yisyma`el dan dia mengambil Mahalat ⁿ binti Yisyma`el ^e bin Abraham, saudari Nebayot, menjadi isteri tambahan pada isteri yang sedia ada.</p> <p>Yahweh Membuat Perjanjian dengan Ya`aqob</p> <p>^{28:10} Ya`aqob pula keluar dari Beer-Syeba` dan menuju kota Haran. ^{28:11} Dia tiba di tempat tertentu ^t dan bermalam di situ sebab matahari sudah terbenam. Dia mengambil sebuah batu di tempat itu dan meletakkannya dekat kepalanya. ^t Kemudian dia berbaring di tempat itu.</p> <p>^{28:12} Dia bermimpi melihat sebuah tangga diletakkan pada bumi dan puncaknya ^h mencapai syurga. ^j Dia dapat melihat malaikat-malaikat Allah sedang naik-turun atas tangga itu. ^{28:13} Nah, Yahweh ^h berdiri di atasnya ^t</p>	<p>“Jangan sekali-kali mengahwini anak gadis Kana`an.” ^{28:7} Dan Ya`aqob mematuhi perintah Yiş`haq, bapanya dan ibunya lalu berangkat ke Padan Aran. ^{28:8} Dan `Eśaw melihat bahawa Yiş`haq, bapanya sama sekali tidak berkenan dengan perempuan Kana`an itu.</p> <p>^{28:9} Maka `Eśaw pergi kepada Yisyma`el dan dia mengambil Mahalat binti Yisyma`el bin Abraham, adik perempuan Nebayot, menjadi seorang lagi isterinya.</p> <p>Yahweh Membuat Perjanjian dengan Ya`aqob</p> <p>^{28:10} Ya`aqob pula keluar dari Beer-Syeba` dan menuju kota Haran. ^{28:11} Dia tiba di suatu tempat tertentu dan bermalam di situ sebab matahari sudah terbenam. Dia mengambil sebuah batu di tempat itu dan meletakkannya di sebelah kepalanya. Kemudian dia tidur di tempat itu.</p> <p>^{28:12} Dia bermimpi, dan di dalam mimpi itu ada sebuah tangga diletakkan pada bumi dan puncaknya mencapai syurga. Malaikat-malaikat Allah sedang naik-turun di tangga itu. ^{28:13} Yahweh berdiri di sebelah atas tangga itu dan berkata, “<u>Akulah</u></p>	<p>not take a wife of the daughters of Canaan,” ^{28:7} and that Jacob obeyed his father and his mother, and was gone to Padan Aram. ^{28:8} Esau saw that the daughters of Canaan didn't please Isaac, his father.</p> <p>^{28:9} Esau went to Ishmael, and took, besides the wives that he had, Mahalath the daughter of Ishmael, Abraham's son, the sister of Nebaioth, to be his wife.</p> <p>Yahweh Makes a Covenant with Jacob</p> <p>^{28:10} Jacob went out from Beersheba, and went toward Haran. ^{28:11} He came to a certain place, and stayed there all night, because the sun had set. He took one of the stones of the place, and put it under his head, and lay down in that place to sleep.</p> <p>^{28:12} He dreamed. Behold, a stairway set upon the earth, and its top reached to heaven. Behold, the angels of God ascending and descending on it. ^{28:13} Behold, Yahweh stood above it, and said, “I am</p>
---	--	---

^h 28:8 perempuan **hrfh**: anak-anak perempuan

^t 28:8 Para pentafsir tdk berapa setuju dengan kekuatan makna perkataan *jahat* ini. Dlm b. Inggeris ada istilah *displeasing* ('tdk menyenangkan') dan ada juga ungkapan *hated the Canaanite women* ('membenci perempuan Kana`an') digunakan. Kami berpendapat ungkapan *sama sekali tidak suka* mungkin membawa makna yg tepat.

ⁿ 28:9 Nama *Mahalat* tdk disebut dlm senarai isteri Yisyma`el di 36:2-3. Mungkin ia sama dgn *Basemat*.

^e 28:9 Yisyma`el **ejaan tradisi Melayu**: *Ismail*. Di sini kami ikut ejaan Ibrani.

^t 28:11 tempat tertentu ~tfsrn 2: tempat sesuai * Tfsrn 3: tempat yang dia berada

^t 28:11 dekat kepalanya ~tfsrn lain: di bawah kepalanya **hrfh**: pada tempat kepalanya. Kebanyakan terjemahan b. Inggeris menganggap dia memakai batu ini sbg bantal. Mungkin dia meletakkannya dekat kepalanya utk tujuan tertentu, jasmani atau rohani. Sama dlm ayat 18.

^h 28:12 puncaknya **hrfh**: kepalanya

^j 28:12 syurga **trjmn lain**: langit. Sama dlm ayat 17. Oleh kerana mimpi ini mempunyai kaitan dengan alam roh, kami menggunakan syurga. B. Ibrani mempunyai satu perkataan sahaja utk kedua-duanya.

^h 28:13 Nah, Yahweh ... **hrfh**: Lihat, Yahweh ...

^t 28:13 Yahweh berdiri di atasnya **Tfsrn 2**: Yahweh berdiri dekat dia **Tfsrn 3**: Yahweh berdiri dekatnya. Tfsrn kedua bermakna Yahweh berdiri dekat Ya`aqob, manakala tfsrn ketiga bermakna Yahweh berdiri di atas tanah dekat tangga itu. Tfsrn dlm teks boleh ditafsirkan sbg Yahweh berdiri di atas tangga itu, atau Yahweh berdiri di suatu lantai tempat yang dicapai tangga itu. Kemungkinan besar dia berdiri di suatu lantai di bahagian atas sekiranya tfsrn dlm teks tepat.

<p>dan berkata, “Akulah Yahweh, Allah bapamu^p Abraham dan Allah Yiş’haq. Tanah tempat engkau sedang berbaring,^h akan aku berikan kepadamu dan kepada zuriatmu. 28:14 Dan zuriatmu akan seperti habuk di bumi. Engkau akan berkembang luas ke arah laut di barat^h dan timur dan ke utara dan ke selatan.^j Semua suku-kaum^j di bumi akan diberkati dalam^t engkau dan di dalam zuriatmu. 28:15 Maklumlah!^h Aku akan bersamamu dan melindungimu ke mana pun kau pergi. Aku akan membawa kau kembali ke tanah ini. Aku tidak akan meninggalkan kau sebelum aku melaksanakan apa yang telah aku katakan kepadamu.”^p</p> <p>28:16 Dan Ya`aqob terbangun dari tidurnya dan dia berkata, “Sesungguhnya Yahweh ada di tempat ini dan saya tidak pun sadar.”^h 28:17 Dia pun takut dan berkata, “Betapa dahsyatnya tempat ini! Ini tidak lain daripada rumah Allah^j dan inilah pintu^h syurga.”^{j p}</p> <p>28:18 Maka Ya`aqob bangun awal pagi lagi lalu mengambil batu yang diletaknya dekat kepalanya dan mendirikannya sebagai tugu. Kemudian dia menuangkan minyak^j ke atas puncaknya.^h 28:19</p>	<p>Yahweh, Allah datukmu Abraham dan bapamu Yiş’haq. Tanah tempat engkau sedang berbaring ini akan aku berikan kepadamu dan kepada keturunanmu. 28:14 Dan zuriatmu akan berjumlah sebanyak habuk di bumi. Keturunanmu akan berkembang luas ke arah barat dan timur dan ke utara dan ke selatan. Semua suku-kaum di bumi akan diberkati dalam engkau dan di dalam zuriatmu. 28:15 Maklumlah!^h Aku akan bersamamu dan melindungimu ke mana pun kau pergi. Aku akan membawa kau kembali ke tanah ini. Aku tidak akan meninggalkan kau tanpa melaksanakan apa yang telah aku janjikan kepadamu.”</p> <p>28:16 Dan Ya`aqob terbangun dari tidurnya dan dia berkata, “Wah, sekarang saya tahu bahawa Yahweh ada di tempat ini dan tidak pun saya sedari.” 28:17 Dia pun takut dan berkata, “Betapa dahsyatnya tempat ini! Ia tidak lain tidak bukan kediaman Allah dan laluan keluar-masuk syurga.”</p> <p>28:18 Maka Ya`aqob bangun awal pagi lagi lalu mengambil batu yang diletaknya dekat kepalanya itu dan mendirikannya sebagai tugu. Kemudian dia menuangkan minyak ke atasnya. 28:19 Dan dia menamakan</p>	<p>Yahweh, the God of Abraham your father, and the God of Isaac. The land whereon you lie, to you will I give it, and to your seed. 28:14 Your seed will be as the dust of the earth, and you will spread abroad to the west, and to the east, and to the north, and to the south. In you and in your seed will all the families of the earth be blessed. 28:15 Behold, I am with you, and will keep you, wherever you go, and will bring you again into this land. For I will not leave you, until I have done that which I have spoken of to you.”</p> <p>28:16 Jacob awakened out of his sleep, and he said, “Surely Yahweh is in this place, and I didn’t know it.” 28:17 He was afraid, and said, “How dreadful is this place! This is none other than God’s house, and this is the gate of heaven.”</p> <p>28:18 Jacob rose up early in the morning, and took the stone that he had put under his head, and set it up for a pillar, and poured oil on its top. 28:19 He called the name of that place Bethel, but</p>
--	---	---

^p **28:13** Berkat Abraham adalah datuk Ya`aqob, tetapi dlm b. Ibrani semua moyang boleh dipanggil *bapa*.

^h **28:13** *tempat engkau sedang berbaring hrhf: tempat engkau sedang berbaring atasnya*

^h **28:14** *laut di barat hrhf: laut*. Di Israel, laut hanya di sebelah barat, dan oleh itu boleh digunakan sbg arah.

^j **28:14** *ke arah laut di barat dan timur dan ke utara dan ke selatan trjmhn lain: ke arah utara dan ke selatan, timur dan barat*.

^j **28:14** *suku-kaum trjmhn lain: keluarga*. Perkataan ini boleh merangkumi kedua-dua makna ini tetapi biasanya diterjemah sbg keluarga.

^t **28:14** *dalam ~tfsrn 2: melalui / menerusi * ~tfsrn 3: oleh*. Sama utk kegunaan kedua.

^h **28:15** *Maklumlah hrhf: Lihat*

^p **28:15** Janji ini tdk berbentuk janji kpd Ya`aqob seorang, tetapi ia juga merangkumi zuriatnya.

^h **28:16** *sedar hrhf: tahu*

^j **28:17** *rumah Allah trjmhn lain: tempat tinggal Allah*

^h **28:17** *pintu hrhf: pintu tembok (spt dlm tembok yg di keliling kota)*. Di sini perkataan *pintu* digunakan sbg kiasan; ia adalah tempat keluar-masuk syurga, dan istilah *pintu* bermakna *tempat laluan* atau *tempat keluar-masuk*.

^j **28:17** *syurga trjmhn lain: langit*. Oleh sebab ini merujuk tempat Allah, kami menggunakan *syurga*.

^p **28:17** Mungkin maksudnya, *Tangga yang berakhir di sini adalah laluan masuk-keluar syurga, dan di atasnya adalah syurga, tempat tinggal Allah*. Tempat ia berada bukan rumah Allah, tetapi dikaitrapatkan sebab tangga yg menghubungkannya dgn tempat itu di bumi. Sekarang dlm b. Inggeris tempat makhluk rohani boleh masuk alam bumi atau alam jasmani spt itu dipanggil *portal*.

^j **28:18** *minyak trjmhn lain: minyak makan*. Minyak ini minyak zaitun yg digunakan sbg minyak makan dan utk perubatan dll.

<p>Dan dia memanggil nama tempat itu Bet-El.ⁿ Tetapi nama asal kota terdekat adalah Luz.^p 28:20 Kemudian Ya`aqob berikrar satu ikrar dengan berkata, “Jika Allah bersama saya, dan melindungi saya dalam perjalanan yang saya sedang jalani ini, dan memberikan saya makanan^h untuk dimakan dan pakaian untuk dipakai^{28:21} dan saya kembali dengan selamat^j ke rumah^j bapa saya, maka Yahweh akan menjadi Allah ku.^h 28:22 Batu ini yang telah saya dirikan sebagai tugu akan menjadi rumah Allah.^t Dan semua yang kau akan berikan kepada saya, saya akan memberikan sepersepuluh penuh kepadamu.”^t</p> <p><i>Allah Memberkati Ya`aqob di Haran (29:1-31:55)</i></p> <p>Ya`aqob Tiba di Haran</p> <p>29:1 Kemudian Ya`aqob mengangkat kakinya^t dan pergi ke tanah orang-orang timur.^h 29:2 Dia tengok dan nampak sebuah perigi di padang dan di sana kelihatan tiga kawanan domba sedang berbaring berdekatan perigi itu, sebab dari perigi itu orang memberi air minum kepada kawanan. Di atas mulut perigi itu ada sebuah batu besar.^{29:3} Di situ</p>	<p>tempat itu Bet-El, yang bermakna ‘rumah Allah’. Tetapi nama asal kota terdekat yang namanya digantikan dengan Bet-El adalah Luz.^{28:20} Kemudian Ya`aqob berikrar, “Jika Allah bersama saya, dan melindungi saya dalam perjalanan yang saya sedang jalani ini, memberikan saya makanan untuk dimakan dan pakaian untuk dipakai^{28:21} dan saya kembali dengan selamat ke kediaman bapa saya, maka saya akan menjadikan Yahweh Allah ku.^{28:22} Batu yang telah saya dirikan sebagai tugu ini akan menjadi rumah Allah. Dan daripada semua yang Tuhan berikan kepada saya, saya akan memberikan sepersepuluh penuh kembali kepadamu.”</p> <p><i>Allah Memberkati Ya`aqob di Haran (29:1-31:55)</i></p> <p>Ya`aqob Tiba di Haran</p> <p>29:1 Kemudian Ya`aqob pun meneruskan perjalanannya pergi ke tanah orang-orang timur.^{29:2} Setibanya dia di sana, dia ternampak sebuah perigi di tengah-tengah sebuah padang dan kelihatan tiga kawanan domba sedang berbaring berdekatan perigi itu. Perigi itu digunakan orang untuk menjadi punca air minum kawanan. Tetapi pada waktu itu, terdapat sebuah batu besar di atas</p>	<p>the name of the city was Luz at the first.^{28:20} Jacob vowed a vow, saying, “If God will be with me, and will keep me in this way that I go, and will give me bread to eat, and clothing to put on,^{28:21} so that I come again to my father’s house in peace, and Yahweh will be my God,^{28:22} then this stone, which I have set up for a pillar, will be God’s house. Of all that you will give me I will surely give the tenth to you.”</p> <p><i>God Blesses Jacob in Haran (29:1-31:55)</i></p> <p>Jacob Arrives in Haran</p> <p>29:1 Then Jacob went on his journey, and came to the land of the children of the east.^{29:2} He looked, and behold, a well in the field, and, behold, three flocks of sheep lying there by it. For out of that well they watered the flocks. The stone on the well’s mouth was large.^{29:3} There all the flocks were gathered. They rolled the stone</p>
---	---	---

^h **28:18** *puncaknya hrhf: kepalanya*

ⁿ **28:19** *Bet-El* bermakna *rumah Allah*. *El* adalah bentuk pendek utk *Allah* yg juga digunakan oleh orang kafir tempatan utk Tuhan mereka.

^p **28:19** Tempat Ya`aqob menamakan *Bet-El* itu di luar kota Luz, tetapi akhirnya nama *Bet-El* merangkumi kota Luz juga.

^h **28:20** *makanan hrhf: roti*

^j **28:21** *selamat trjmhn 2: damai sejahtera trjmhn 3: sihat*. B. Ibrani: *šyalom*.

^j **28:21** *rumah trjmhn lain: tempat tinggal*. Sebenarnya bapa Ya`aqob tinggal dlm khemah, bukan rumah, dan oleh itu mungkin terjemahan lain lebih sesuai.

^h **28:21** *Allah ku hrhf: Allah kepada ku*. Perkataan *ku* di sini tdk menunjukkan *kepunyaan*, tetapi Allah yg disembah dsb., sama spt *bapaku* tdk menunjukkan bahawa bapa itu *kepunyaan* anak, melainkan suatu hubungan tertentu.

^t **28:22** *Batu ini yang telah saya dirikan sebagai tugu akan menjadi rumah Allah. Tfsrn 1: Batu ini yang telah saya dirikan sebagai tugu akan menjadi asas/batu penjuru rumah Allah. ~Tfsrn 2: Batu ini yang telah saya dirikan sebagai tugu akan menjadi tanda tempat kediaman Allah. ~Tfsrn 3: Batu ini yang telah saya dirikan sebagai tugu akan menjadi tempat menyembah Allah.*

^t **28:22** *saya akan memberikan sepersepuluh penuh kepadamu. tfsrn lain: saya tentu akan memberikan sepersepuluh kepadamu.*

^t **29:1** Frasa *mengangkat kaki* hanya digunakan di sini, dan ada banyak tafsirannya: **Tfsrn 1:** *Dia meneruskan perjalanannya semula.* **Tfsrn 2:** *Ia berjalan dgn yakin dan berazam.* **Tfsrn 3:** *Dia memaksakan diri berjalan (kerana tidak mahu meninggalkan tempat itu).* **Tfsrn 4:** *Ia berjalan dengan terburu-buru.* **Tfsrn 5:** *Ia jalan dengan ringan hati.* **Tfsrn 6:** *Tiada makna khas; ia hanyalah bunga-bunga bahasa. Kami menyokong Tfsrn 1.*

^h **29:1** *orang-orang timur hrhf: anak-anak timur*

semua kawanan akan dikumpulkan dan mereka akan menggolek batu itu dari mulut perigi itu. Mereka memberikan air minum kepada dombanya dan meletakkan semula batu itu di atas mulut perigi itu. ^{29:4} Lalu Ya`aqob berkata kepada mereka, “Saudara-saudaraku, dari manakah kamu?” Dan mereka berkata, “Kami dari Haran.” ^{29:5} Dia berkata kepada mereka, “Kamu kenalkah Laban bin Nahor?” Dan mereka mengatakan, “Kami kenal dia.” ^{29:6} Dan dia berkata kepada mereka, “Sejahterakah dia?” Lalu mereka berkata kepadanya, “Sejahtera juga. Lihat! Raḥel, anak perempuannya sedang datang bersama domba-dombanya.” ^{29:7} Dia berkata kepada mereka, “Lihat; matahari masih tinggi. ^h Belum masanya untuk mengumpulkan ternakan. Beri minum domba itu dan bawanya meragut rumput lagi. ^{29:8} Mereka berkata, “Kami tidak dapat ^t sehinggalah semua ternakan itu dikumpulkan dan mereka menggolek batu itu dari mulut perigi, barulah kami beri minum domba itu. ^{29:9} Ketika dia masih bercakap dengan mereka, Raḥel datang dengan domba bapanya, sebab dia seorang gembala. ^{29:10} Apabila Ya`aqob ternampak Raḥel binti Laban, abang ibunya bersama domba Laban, abang ibunya, Ya`aqob pun mendekati perigi itu, dan menggolekkan batu dari mulut perigi itu. Kemudian dia memberi minum domba kepunyaan Laban, abang ibunya. ^p ^{29:11} Ya`aqob mencium Raḥel dan mengangkat suaranya menangis. ^p ^{29:12} Ya`aqob

mulut perigi itu. ^{29:3} Setiap hari, semua gembala mengumpulkan kawanannya di situ dan menggolekkan batu itu dari mulut perigi itu. Mereka memberikan air minum kepada domba mereka dan selepas itu, mereka meletakkan semula batu itu di atas mulut perigi itu. ^{29:4} Lalu Ya`aqob bertanya, “Saudara-saudara ini datang dari mana?” Dan mereka menjawab, “Kami dari Haran.” ^{29:5} Dia bertanya lagi, “Saudara-saudara kenal Laban bin Nahorkah?” Jawab mereka, “Kenal!” ^{29:6} Dia bertanya, “Sihatkah dia?” Mereka menjawab, “Sihat juga. Nah, lihat! Raḥel, anaknya sedang datang ke mari dengan domba-dombanya.” ^{29:7} Ya`aqob berkata, “Lihat; matahari masih tinggi. Belum lagi masanya untuk mengumpulkan ternakan. Berikan domba-domba itu minum dan bawa ia pergi meragut rumput lagi. ^{29:8} Mereka menjawab, “Tidak boleh. Kecuali semua gembala bersama ternakannya itu sudah dikumpulkan dan batu di atas mulut perigi itu sudah digolekkan, barulah kami dapat memberi domba-domba itu minum. ^{29:9} Ketika dia masih bercakap dengan mereka, Raḥel, seorang gembala, datang membawa domba-domba bapanya. ^{29:10} Apabila Ya`aqob ternampak Raḥel binti Laban bersama domba-domba Laban, Ya`aqob pun mendekati batu itu dan menggolekkannya dari mulut perigi itu. Kemudian dia memberi domba-domba Laban minum. Laban adalah abang ibu Ya`aqob yang dicarinya! ^{29:11} Ya`aqob menyapa Raḥel dengan ciuman. Kemudian dia menangis dengan kuat kerana dia gembira. ^{29:12} Ya`aqob memberitahu Raḥel bahawa dia ialah kemenakan bapanya dan bahawa dia anak Ribqah, adik

from the well’s mouth, and watered the sheep, and put the stone again on the well’s mouth in its place. ^{29:4} Jacob said to them, “My relatives, where are you from?” They said, “We are from Haran.” ^{29:5} He said to them, “Do you know Laban, the son of Nahor?” They said, “We know him.” ^{29:6} He said to them, “Is it well with him?” They said, “It is well. See, Rachel, his daughter, is coming with the sheep.” ^{29:7} He said, “Behold, it is still the middle of the day, not time to gather the livestock together. Water the sheep, and go and feed them.” ^{29:8} They said, “We can’t, until all the flocks are gathered together, and they roll the stone from the well’s mouth. Then we water the sheep.” ^{29:9} While he was yet speaking with them, Rachel came with her father’s sheep, for she kept them. ^{29:10} When Jacob saw Rachel the daughter of Laban, his mother’s brother, and the sheep of Laban, his mother’s brother, Jacob went near, and rolled the stone from the well’s mouth, and watered the flock of Laban his mother’s brother. ^{29:11} Jacob kissed Rachel, and lifted up his voice, and wept. ^{29:12} Jacob told Rachel that he was her father’s brother, and that he was Rebekah’s son. She ran and told her father. ^{29:13} When Laban heard the

^h ^{29:7} Matahari masih tinggi. **Hrfh:** Hari masih besar. Maknanya, masih lama lagi sebelum matahari terbenam.

^t ^{29:8} Kami tidak dapat... **tfsrn 1:** Kami tidak mampu mengangkatnya tanpa lebih banyak lelaki ... ~**tfsrn 2:** Kami belum boleh kerana ada persetujuan kami ...

^p ^{29:10} Ungkapan terakhir dlm ayat 10 dlm trjmh idiomatik tiada dlm teks asli, tetapi makna yg sama dibawa oleh frasa Laban, abang ibunya yg diulangi tiga kali dlm ayat 10 ini.

^p ^{29:11} Ciuman ini adalah ciuman penyambutan saudara-mara, bukan ciuman romantik. Bangsa lain berjabat tangan dlm keadaan yg sama. Sama dlm ayat 13. Tangisannya tangisan gembira.

memberitahu Raḥel bahawa dia ialah saudara-mara bapanya dan bahawa dia anak Ribqah. Seterusnya dia berlari dan memberitahu bapanya.^{29:13} Sebaik sahaja Laban mendengar berita mengenai Ya`aqob, anak lelaki adik perempuannya, dia pun berlari untuk menemuinya. Dia memeluknya dan menciumnya dan membawa dia ke rumahnya. Kemudian dia menceritakan kepada Laban semua kisah tersebut.^{h 29:14} Maka Laban berkata kepadanya, “Pasti engkau adalah tulangku dan dagingku.”^p

Laban Menipu Ya`aqob

Dia tinggal dengannya selama sebulan.^{h 29:15} Kemudian Laban berkata Ya`aqob, “Oleh sebab kau adalah saudaraku, adakah kau harus bekerja untukku tanpa upah?^j Beritahu saya berapakah upahmu?”^{29:16} Laban mempunyai dua orang anak perempuan. Nama yang tua^h ialah Leah dan nama yang muda^h ialah Raḥel.^{29:17} Mata Leah lembut manakala Raḥel cantik bentuk dan cantik penampilannya.^{t 29:18} Ya`aqob mencintai Raḥel maka dia berkata, “Saya sanggup bekerja untukmu selama tujuh tahun untuk Raḥel, anak perempuanmu yang muda.”^{29:19} Dan Laban berkata, “Lebih baik saya memberikan dia kepadamu daripada saya memberikan dia kepada orang.^h Tinggallah dengan saya.”^{29:20}

bapanya. Seterusnya Raḥel berlari ke tempat bapanya dan memberitahu hal itu kepadanya.^{29:13} Sebaik sahaja Laban mendengar laporan mengenai Ya`aqob, anak adiknya itu, dia pun berlari untuk menemuinya. Dia memeluk dan menciumnya dan membawanya ke rumahnya. Kemudian Ya`aqob pun menceritakan kepada Laban semua hal tentang kedatangannya ke situ.^{29:14} Maka Laban berkata kepadanya, “Sudah sahlah engkau ini adalah darah-dagingku.”

Laban Menipu Ya`aqob

Seterusnya Ya`aqob tinggal bersama Laban selama sebulan.^{29:15} Kemudian Laban berkata kepada Ya`aqob, “Tidaklah patut kau bekerja untuk pakcik tanpa gaji hanya kerana kau saudara pakcik. Katakanlah kepada pakcik berapakah gaji yang patut pakcik berikan kepadamu.”^{29:16} Laban mempunyai dua orang anak perempuan. Yang tua bernama Leah dan yang muda bernama Raḥel.^{29:17} Kelebihan Leah, dia bermata lembut manakala kelebihan Raḥel adalah potongan badannya lawa dan paras rupanya cantik.^{29:18} Ya`aqob mencintai Raḥel maka dia berkata, “Saya sanggup bekerja untuk pakcik selama tujuh tahun untuk mendapatkan Raḥel, anak perempuan pakcik yang muda.”^{29:19} Dan Laban menjawabnya, “Lebih baik pakcik memberikan dia kepadamu daripada

news of Jacob, his sister’s son, he ran to meet Jacob, and embraced him, and kissed him, and brought him to his house. Jacob told Laban all these things.^{29:14} Laban said to him, “Surely you are my bone and my flesh.”

Laban Deceives Jacob

He lived with him for a month.^{29:15} Laban said to Jacob, “Because you are my brother, should you therefore serve me for nothing? Tell me, what will your wages be?”^{29:16} Laban had two daughters. The name of the elder was Leah, and the name of the younger was Rachel.^{29:17} Leah’s eyes were weak, but Rachel was beautiful in form and attractive.^{29:18} Jacob loved Rachel. He said, “I will serve you seven years for Rachel, your younger daughter.”^{29:19} Laban said, “It is better that I give her to you, than that I should give her to another man. Stay with me.”^{29:20} Jacob served seven years for Rachel. They seemed to him

^{h 29:13} seluruh kisah tersebut **hrfh**: semua hal ini / semua perkara ini / seluruh kisah ini. Kami percaya bahawa ini merujuk kpd apa yg telah dikisahkan dlm buku ini sebelum bahagian ini. Perkataan yg diterjemah sbg kisah boleh bermakna, perkataan, hal, perkara, kisah dsb.

^{p 29:11} Ciuman ini adalah ciuman pertemuan dgn keluarga, bukan ciuman romantis. Bangsa lain berjabat tangan dlm keadaan yg sama. Tangisannya tangisan gembira.

^{h 29:14} selama sebulan **hrfh**: hari-hari sebulan

^{j 29:15} tanpa upah **trjmh** 2: dengan percuma **trjmh** 3: secara gratis. Ini soalan retorik, bukan soalan benar.

^{h 29:16} tua **hrfh**: besar

^{h 29:16} tua ... muda **hrfh**: besar ... kecil

^{t 29:17} **Tfsrn 2**: Mata Leah tidak bersinar tetapi Raḥel cantik bentuk dan penampilannya.* Terjemahan dlm teks menganggap ayat ini menyatakan kelebihan masing-masing pada diri kedua-dua perempuan ini. Kebanyakan trjmh b. Inggeris mengikut tfsrn 2 ini yang menyebut kekurangan Leah dan kelebihan Raḥel. Perkataan lembut boleh ditafsir sbg cantik, atau tidak bersinar.

^{h 29:19} orang **hrfh**: lelaki lain. Frasa lelaki lain di sini mungkin bermakna lelaki yg bukan keluarga.

<p>Dengan itu, Ya`aqob bekerja selama tujuh tahun bagi mendapatkan RaHEL. Namun di matanya ia seperti beberapa hari sahaja kerana cintanya untuk dia. ^t</p> <p>29:21 Kemudian Ya`aqob berkata kepada Laban, “Berikan isteri saya sebab hari-hariku telah digenapi^j agar saya boleh bersatu dengannya.”^h 29:22 Lalu Laban mengumpulkan semua orang di tempat itu dan dia menyediakan satu jamuan. 29:23 Pada waktu malam itu dia mengambil Leah, anaknya dan membawa dia kepada Ya`aqob. ^h Dan dia pun bersatu dengannya. 29:24 (Sebelum itu ^t Laban ada memberikan amahnya Zilpah kepada Leah, anak perempuannya, menjadi amahnya.) 29:25 Pada waktu pagi, dilihatnya yang dia adalah Leah!</p> <p>Jadi dia berkata kepada Laban, “Apa ini yang kau telah lakukan kepadaku? Bukankah saya bekerja denganmu untuk mendapatkan RaHEL? Jadi mengapakah kau menipu saya?” 29:26 Maka Laban berkata, “Hal demikian tidak dilakukan di tempat kami untuk memberikan yang muda sebelum anak yang sulung. 29:27 Genapilah minggu perayaan perkahwinan ini dan kami akan memberikan juga kepadamu yang ini untuk pekerjaanmu di mana kau akan bekerja untuk saya selama tujuh tahun lagi.” 29:28 Maka Ya`aqob berbuat begitu dengan menggenapi minggu perayaan perkahwinan itu. ^h</p> <p>Dia memberikan kepadanya</p>	<p>pakcik memberikan dia kepada orang lain. Tinggallah dengan kami.” 29:20</p> <p>Dengan itu, Ya`aqob bekerja selama tujuh tahun bagi mendapatkan RaHEL. Namun di matanya ia seperti beberapa hari sahaja kerana cintanya untuk dia.</p> <p>29:21 Kemudian Ya`aqob berkata kepada Laban, “Berikan isteri saya agar saya boleh bersatu dengannya sebab jangka masa saya berbakti kepada pakcik telah disempurnakan.” 29:22 Lalu Laban menjemput semua orang di tempat itu berkumpul dan membuat pesta perkahwinan. 29:23 Pada malam itu, dia mengambil Leah, anaknya dan membawanya kepada Ya`aqob. Dan Ya`aqob pun bersatu dengannya. 29:24 (Sebelum itu Laban memberikan amahnya yang bernama Zilpah kepada Leah, anaknya menjadi amahnya.) 29:25 Setibanya pagi esok, Ya`aqob melihat bahawa orang yang ditidurinya sebenarnya Leah!</p> <p>Oleh yang demikian, dia berkata kepada Laban, “Bagaimana pakcik boleh buat begini kepada saya? Bukankah RaHEL yang dijanjikan apabila saya bekerja untuk pakcik? Mengapakah pakcik menipu saya?” 29:26 Laban menjawab, “Di tempat kami, peraturannya lain. Kami tidak memberikan anak perempuan yang muda untuk dikahwini sebelum yang sulung. 29:27 Begini: Sempurnakan saja minggu perayaan perkahwinan ini dan kami akan memberikan RaHEL kepadamu juga. Sebagai bayarannya, engkau harus bekerja untuk pakcik selama tujuh tahun lagi.” 29:28 Ya`aqob menuruti cadangan itu dengan menyempurnakan minggu perayaan perkahwinan itu.</p> <p>Seterusnya, Laban pun memberikan</p>	<p>but a few days, for the love he had for her.</p> <p>29:21 Jacob said to Laban, “Give me my wife, for my days are fulfilled, that I may go in to her.” 29:22 Laban gathered together all the men of the place, and made a feast. 29:23 In the evening, he took Leah his daughter, and brought her to him. He went in to her. 29:24 Laban gave Zilpah his handmaid to his daughter Leah for a handmaid. 29:25 In the morning, behold, it was Leah. He said to Laban, “What is this you have done to me? Didn’t I serve with you for Rachel? Why then have you deceived me?” 29:26 Laban said, “It is not done so in our place, to give the younger before the firstborn. 29:27 Fulfill the week of this one, and we will give you the other also for the service which you will serve with me yet seven other years.” 29:28 Jacob did so, and fulfilled her week.</p> <p>He gave him Rachel his</p>
---	--	--

^t **29:20** Makna nyata ungkapan ini adalah masa itu dirasai berlalu cepat sekali. Pentafsir lain fikir maknanya, Ya`aqob menganggap tujuh tahun sbg bayaran yg kecil saja kalau dibandingkan dgn untung yg dirasainya. Tfsrn kedua itu tdk menganggap masa dialami berlalu dgn cepat sekali.

^j **29:21** sebab hari-hariku telah digenapi **trjmh 2**: sebab jangka masa **saya berbakti** kepada pakcik telah disempurnakan **trjmh 3**: sebab jangka masa persetujuan kita telah digenapi

^h **29:21** agar saya boleh bersatu dengannya. **hrfh**: agar saya pergi kepadanya. Ini eufemisme b. Ibrani utk bersetubuh.

^h **29:23** kepada Ya`aqob. **hrfh**: kepadanya.

^t **29:24** Sebelum itu ... **tfrsn lain**: Pada masa yang sama ...

^h **29:28** itu **hrfh**: ini

<p>Raḥel, anaknya menjadi isterinya. ^{29:29} Dan Laban memberikan Bilhah, amahnya kepada Raḥel, anak perempuannya menjadi amahnya. ^{29:30} Dia bersatu juga ^h dengan Raḥel dan dia mencintai juga Raḥel lebih daripada Leah. Dan dia bekerja untuknya selama tujuh tahun lagi.</p> <p>Leah Dikurniai Empat Anak Lelaki</p> <p>^{29:31} Yahweh melihat bahawa Leah dibenci^j lalu dia membuka rahimnya^p manakala Raḥel mandul. ^{29:32} Leah pun mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia memanggil namanya Reubenⁿ sebab katanya “Yahweh telah melihat penderitaanku,^j sebab sekarang suamiku akan menyayangiku.”^j ^{29:33} Kemudian dia mengandung lagi dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia pun berkata, “Oleh sebab Yahweh mendengar bahawa saya dibenci, dia memberikan juga kepadaku yang ini.” Lalu dia memanggil namanya Syim`on. ^{n e} ^{29:34} Sekali lagi dia mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia berkata, “Sekarang, kali ini suamiku akan terpicat kepada ku^j sebab saya sudah melahirkan tiga orang anak lelaki untuknya.”</p>	<p>Raḥel, anaknya kepada Ya`aqob menjadi isterinya. ^{29:29} Dan Laban memberikan amahnya yang bernama Bilhah kepada Raḥel, anaknya untuk menjadi amahnya. ^{29:30} Dia bersatu juga dengan Raḥel dan dia mencintai Raḥel lebih daripada Leah. Dan dia bekerja untuk Laban selama tujuh tahun lagi.</p> <p>Leah Dikurniai Empat Anak Lelaki</p> <p>^{29:31} Apabila Yahweh melihat bahawa Leah tidak disayangi dia membuat rahimnya subur manakala Raḥel mandul. ^{29:32} Leah pun mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia menamakannya Reuben. Katanya, “Aku menamakannya Reuben sebab Yahweh telah melihat penderitaanku dan memberi ku anak lelaki supaya suamiku menyayangiku sekarang.” ^{29:33} Kemudian dia mengandung lagi dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia pun berkata, “Oleh sebab Yahweh mendengar bahawa aku kurang dicintai, dia memberikan juga kepadaku yang ini.” Lalu dia menamakan anak itu Syim`on yang bermakna ‘dengar’. ^{29:34} Sekali lagi dia mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia berkata, “Kali ini suamiku akan terpicat kepada ku sebab aku sudah melahirkan tiga orang anak lelaki untuknya.” Dengan itu, dia</p>	<p>daughter as wife. ^{29:29} Laban gave to Rachel his daughter Bilhah, his handmaid, to be her handmaid. ^{29:30} He went in also to Rachel, and he loved also Rachel more than Leah, and served with him yet seven other years.</p> <p>Leah is Blessed with Four Children</p> <p>^{29:31} Yahweh saw that Leah was hated, and he opened her womb, but Rachel was barren. ^{29:32} Leah conceived, and bore a son, and she named him Reuben. For she said, “Because Yahweh has looked at my affliction. For now my husband will love me.” ^{29:33} She conceived again, and bore a son, and said, “Because Yahweh has heard that I am hated, he has therefore given me this son also.” She named him Simeon. ^{29:34} She conceived again, and bore a son. Said, “Now this time will my husband be joined to me, because I have borne him three sons.” Therefore his name was called Levi. ^{29:35} She conceived again, and bore a son. She said, “This time will I praise Yahweh.” Therefore she named him Judah. Then she stopped</p>
--	---	--

^h ^{29:30} *bersatu juga hrhf: juga pergi kepada.* Ini eufemisme b. Ibrani utk perisetubuhan.

^j ^{29:31} *dibenci trjmhn lain: tidak disayangi.* Istilah *dibenci* adalah hiperbola, iaitu menyatakan sst lebih kuat drpd yg sebenar. Ya`aqob tdk membenci Leah, ia hanya kurang mencintainya.

^p ^{29:31} Frasa *membuka rahimnya* bermakna dia membuka jalannya supaya dia boleh menjadi hamil, seolah-olah ada benda yg menutup rahimnya supaya dia tdk mungkin menjadi hamil. **Trjmhn lain: membuat rahimnya subur**

ⁿ ^{29:32} Nama *Reuben* bermakna *lihat, anak lelaki*.

^j ^{29:32} *penderitaanku trjmhn 2: penindasanku trjmhn 3: penganiayaanku.* Perkataan yg digunakan di sini biasanya merujuk penderitaan yg disebabkan org lain. Di sini ia merujuk keadaan tdk disayangi oleh suaminya sedangkan adiknya disayangi.

^j ^{29:32} *menyayangiku trjmhn lain: mencintai.* B. Ibrani tdk membezakan *cinta, kasih* dan *sayang*. Oleh itu penterjemah hendaklah memilih perkataan yg sesuai dlm bahasa penerima. Perkataan b. Ibrani yg diterjemah sbg *sayang* di sini sama dgn yg digunakan dlm ayat 30 dan diterjemah dgn menggunakan kata *cinta*.

ⁿ ^{29:33} Nama *Syim`on* berasal dr kata dasar b. Ibrani utk perkataan *dengar* dan menjadi peringatan bahawa Yahweh telah mendengar ttg kesusahan Leah.

^e ^{29:33} *Syim`on ejaan dlm TB: Simeon.* Huruf konsonan *ayin* itu deejja dgn huruf vokal *e* dlm TB manakala bunyi sy ditulis dgn *s* saja.

^j ^{29:34} *terpicat kepada ku trjmhn lain: menyatukan diri dengan saya*

<p>Dengan itu, dia memanggil namanya Lewi.^{n 29:35} Dan dia mengandung lagi dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia berkata, “Kali ini, saya akan memuji Yahweh.” Oleh itu, dia memanggil namanya Yehudah.ⁿ Setelah itu dia berhenti melahirkan anak.</p>	<p>menamakan anak itu Lewi yang bermakna ‘lekat kepada’.^{29:35} Dan dia mengandung lagi dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia berkata, “Kali ini, aku akan memuji Yahweh.” Oleh itu, dia menamakan anak itu Yehudah, yang bermakna ‘dia akan dipuji’. Setelah itu dia berhenti melahirkan anak.</p>	<p>bearing.</p>
<p>Amah Raḥel dan Leah Melahirkan Anak ^{30:1} Raḥel melihat bahawa dia belum^h melahirkan anak untuk Ya`aqob dan Raḥel iri hati terhadap kakaknya. Lalu dia berkata kepada Ya`aqob, “Berikan anak kepada saya; jika tidak saya akan mati.”^{30:2} Hal itu membakar amarah^h Ya`aqob terhadap Raḥel dan dia berkata, “Boleh saya mengambil alih tempat Allah^j yang telah menahan buah rahim daripadamu?”^{j p 30:3} Dan dia berkata, “Nah!^h Amahⁱ saya, Bilhah. Pergilah bersetubuh dengannya^h supaya dia boleh beranak bagi ku^h dan supaya daripada dia^j keluarga saya dapat dibina juga.”^{30:4} Maka dia memberikan amahnya Bilhah kepadanya sebagai gundik.^h Dan Ya`aqob bersetubuh dengannya.</p>	<p>Amah Raḥel dan Leah Melahirkan Anak ^{30:1} Raḥel melihat bahawa dia belum melahirkan anak untuk Ya`aqob dan oleh itu dia iri hati terhadap kakaknya. Lalu dia berkata kepada Ya`aqob, “Berikan saya anak; jika tidak saya akan mati.”^{30:2} Hal itu membuat Ya`aqob terlalu marah pada Raḥel dan dia berkata, “Abangkah yang mengambil alih kerja Allah? Dialah yang tidak memberikan anak kepadamu.”^{30:3} Dan dia berkata, “Nah! Amah saya, Bilhah. Pergilah bersetubuh dengannya supaya dia boleh beranak bagi ku dan supaya melalui dia keluarga saya dapat dibina juga.”^{30:4} Maka dia memberikan amahnya Bilhah kepadanya menjadi gundik. Dan Ya`aqob bersetubuh dengannya.^{30:5} Lalu Bilhah mengandung dan dia melahirkan seorang anak lelaki untuk Ya`aqob.</p>	<p>Rachel's and Leah's Handmaidens Give Birth ^{30:1} When Rachel saw that she bore Jacob no children, Rachel envied her sister. She said to Jacob, “Give me children, or else I will die.” ^{30:2} Jacob’s anger was kindled against Rachel, and he said, “Am I in God’s place, who has withheld from you the fruit of the womb?” ^{30:3} She said, “Behold, my maid Bilhah. Go in to her, that she may bear on my knees, and I also may obtain children by her.”^{30:4} She gave him Bilhah her handmaid as wife, and Jacob went in to her.^{30:5} Bilhah conceived, and bore Jacob a son.^{30:6} Rachel said, “God has judged me, and has also heard my voice, and has given me a</p>

^{n 29:34} Nama *Lewi* berbunyi hampir sama dgn perkataan Ibrani *layah* yg bermakna *lekat kepada* atau *bersatu dengan*.

^{n 29:35} Nama *Yehudah* bermakna *dia akan dipuji*.

^{h 30:1} belum **hrfh**: *tidak*

^{h 30:2} amarah **hrfh**: *hidung*. Dlm b. Ibrani, hidung menandakan kemarahan.

^{j 30:2} **Trjmhn 2**: *Boleh saya menggantikan Allahkah?* **Trjmhn 3**: *Boleh saya mengambil alih tempat/kerja Allahkah?* **Trjmhn 4**: *Saya di tempat Allahkah?*

^{j 30:2} yang telah menahan buah rahim daripadamu. **trjmhn 2**: yang menghalang kau mendapat buah rahim **trjmhn 3**: yang tidak memberi buah rahim kepadamu.

^{p 30:2} Dlm ayat 29:31 perkataan b. Ibrani utk *rahim* adalah *reḥem*, manakala dlm ayat ini perkataannya *beten*. Ia hampir sama dgn perkataan b. Arab *rahim* dan *ḥatin*, yg dipinjam oleh b. Melayu.

^{h 30:3} Nah! **hrfh**: *Lihat!*

^{i 30:3} Perkataan *amah* dlm b. Ibrani di sini ialah *amah*, sama spt dalam b. Melayu. Di tempat lain ia menggunakan perkataan seerti *syifah*.

^{h 30:3} Pergilah bersetubuh dengannya **hrfh**: *Pergilah kepadanya*. Ini eufemisme b. Ibrani utk *persetubuhan*, yg sama dlm ayat 4.

^{h 30:3} bagi ku **hrfh**: *pada lutut ku*. Ini adalah bahasa kiasan dlm b. Ibrani yg membawa makna bahawa Raḥel akan mempunyai anak yg dilahirkan oleh amahnya.

^{j 30:3} melalui **trjmhn 2**: *Boleh saya menggantikan Allahkah?* **trjmhn 3**: *Boleh saya mengambil alih tempat/kerja Allahkah?* **trjmhn 4**: *Saya di tempat Allahkah?*

^{h 30:4} gundik **hrfh**: *isteri*. B. Ibrani rupanya tdk membezakan istilah *isteri* dan *gundik* sewaktu gundik diberi kpd lelaki utk bersetubuh dgnnya. Di 16:3 Hagar juga dikatakan diberikan kpd Abram sbg *isteri* walaupun dia gundik. Sama dlm ayat 9.

<p>^{30:5} Lalu Bilhah mengandung dan dia melahirkan seorang anak lelaki untuk Ya`aqob. ^{30:6} Dan Raḥel berkata, “Allah telah membuat keputusan atas kes ku yang juga sesuai dengan permintaan ku^h sehingga dia memberikan kepada saya seorang anak lelaki.” Oleh itu, dia memanggil namanya Dann. ^{e n 30:7} Selepas itu, Bilhah, amah Raḥel mengandung lagi dan melahirkan anak lelaki yang kedua untuk Ya`aqob. ^{30:8} Maka Raḥel berkata, “Dengan pertarungan^j hebat^h saya telah bertarung dengan kakak saya dan saya pun mengatasinya.” Lalu dia memanggil namanya Naftali. ⁿ</p> <p>Leah Dikurniai Dua Anak Melalui Zilpah</p> <p>^{30:9} Apabila Leah melihat bahawa dia sudah berhenti dari melahirkan anak, dia pun mengambil amahnya, Zilpah dan memberikan dia kepada Ya`aqob menjadi gundik. ^{h 30:10} Kemudian Zilpah, amah Leah, melahirkan seorang anak lelaki untuk Ya`aqob. ^{30:11} Maka Leah berkata, “Tuah sudah datang,”^m dan dia memanggil namanya Gad. ^{n 30:12} Kemudian Zilpah, amah Leah, melahirkan anak lelaki yang kedua untuk Ya`aqob. ^{30:13} Lalu Leah berkata, “Bahagianya aku!”^h Sebab semua perempuan^h akan memanggilku berbahagia.”^t Dan dia memanggil namanya Asyer. ⁿ</p>	<p>^{30:6} Dan Raḥel berkata, “Allah telah mendengar doa ku dan membuat keputusan yang memihak kepada ku sehingga dia memberikan ku seorang anak lelaki.” Jadi, dia menamakannya Dann yang bermakna ‘dia membuat keputusan’. ^{30:7} Selepas itu, Bilhah, amah Raḥel mengandung lagi dan melahirkan anak lelaki yang kedua untuk Ya`aqob. ^{30:8} Maka Raḥel berkata, “Dengan pertarungan hebat saya telah bertarung dengan kakak saya dan saya pun mengatasinya.” Lalu dia menamakannya Naftali, yang bermakna ‘pertarungan’.</p> <p>Leah Dikurniai Dua Anak Melalui Zilpah</p> <p>^{30:9} Apabila Leah melihat bahawa dia sudah berhenti dari melahirkan anak, dia pun mengambil amahnya, Zilpah dan memberikannya kepada Ya`aqob menjadi gundik. ^{30:10} Kemudian Zilpah, amah Leah, melahirkan seorang anak lelaki untuk Ya`aqob. ^{30:11} Maka Leah berkata, “Tuah sudah datang,” dan dia menamakannya Gad yang bermakna ‘tuah’. ^{30:12} Kemudian Zilpah, amah Leah, melahirkan anak lelaki yang kedua untuk Ya`aqob. ^{30:13} Lalu Leah berkata, “Betapa bahagianya aku ini, sehingga semua perempuan akan memanggilku berbahagia.” Dan dia menamakannya Asyer, yang bermakna ‘bahagia’.</p>	<p>son.” Therefore called she his name Dan. ^{30:7} Bilhah, Rachel’s handmaid, conceived again, and bore Jacob a second son. ^{30:8} Rachel said, “With mighty wrestlings have I wrestled with my sister, and have prevailed.” She named him Naphtali.</p> <p>Leah is Blessed with Two Sons Through Zilpah</p> <p>^{30:9} When Leah saw that she had finished bearing, she took Zilpah, her handmaid, and gave her to Jacob as a wife. ^{30:10} Zilpah, Leah’s handmaid, bore Jacob a son. ^{30:11} Leah said, “How fortunate!” She named him Gad. ^{30:12} Zilpah, Leah’s handmaid, bore Jacob a second son. ^{30:13} Leah said, “Happy am I, for the daughters will call me happy.” She named him Asher.</p>
---	--	---

^{h 30:6} **Hrffh:** Allah telah membuat keputusan ku dan juga mendengar suara ku.

^{e 30:6} Kami menambah *n* kpd ejaan nama *Dan* supaya ia tdk serupa dgn perkataan *b. Melayu dan* walaupun huruf itu tiada dlm bahasa asli.

^{n 30:6} Nama **Dann** bermakna *dia membuat keputusan* atau *dia menghakimi*.

^{j 30:8} *pertarungan* **trjmh 2:** *pergomolan* **trjmh 3:** *pergelutan*

^{h 30:8} *pertarungan hebat* **hrffh:** *pergomolan Allah*. Kadang-kadang nama *Allah* (atau nama *Yahweh*) digunakan dgn makna *hebat* atau *kuat*.

^{n 30:8} Nama **Naftali** bermakna *pergomolan*, *pergelutan* atau *pertarungan*.

^{h 30:9} *gundik* **hrffh:** *isteri*. Sama spt dlm ayat 4.

^{m 30:11} Frasa *Tuah sudah datang* dlm manuskrip lain ada makna *bertuah* atau *bertuahlah!*.

^{n 30:11} Nama **Gad** bermakna *tuah* atau *nasib baik*.

^{h 30:13} *Bahagianya aku!* **hrffh:** *Dengan/Dalam kebahagiaan ku!* / *Dengan/Dalam kegembiraan ku!*

^{h 30:13} *semua perempuan* **hrffh:** *anak-anak perempuan*

^{t 30:13} **Tfrsn lain:** “Beruntungnya aku! Sebab *semua* perempuan akan memanggilku beruntung.” / “Diberkatilah aku! Sebab *semua* perempuan akan mengatakan aku diberkati.”

Leah Dikurniai Dua Anak Lelaki dan Seorang Anak Perempuan

^{30:14} Pada musim menuai gandum, ^h Reuben keluar^j dan terjumpa buah mandrek^p di padang lalu membawanya kepada ibunya, Leah. Kemudian Raḥel berkata kepada Leah, “Tolong, berikan kepada saya sebahagian daripada buah mandrek anakmu itu.” ^{30:15} Lalu dia berkata kepadanya, “Hal kecilkah engkau mengambil suami saya dan juga mengambil buah mandrek anak saya?” Dengan itu, Raḥel berkata, “Dia akan tidur^h denganmu malam ini untuk buah mandrek anakmu.” ^{30:16} Pada waktu senja, Ya`aqob datang dari padang dan Leah keluar untuk menemuinya dan berkata, “Engkau kena tidur dengan saya^h sebab saya ada mengupah pelayananmu^p dengan buah mandrek anakku.” Maka dia pun tidur^h dengannya pada malam itu. ^{30:17} Dan Allah mendengar permintaan Leah. Jadi dia mengandung dan melahirkan anak lelaki yang kelima untuk Ya`aqob. ^{30:18} Leah pun berkata, “Allah telah memberi upahku untuk memberikan amahku kepada suamiku.” Oleh itu dia memanggil namanya Isakhar. ^{30:19} Kemudian Leah mengandung lagi dan melahirkan anak lelaki yang keenam untuk Ya`aqob. ^{30:20} Maka Leah berkata, “Allah telah mengurniai saya satu kurnia yang

Leah Dikurniai Dua Anak Lelaki dan Seorang Anak Perempuan

^{30:14} Pada musim menuai gandum, Reuben keluar ke padang dan terjumpa buah mandrek. Dia membawa buah itu untuk ibunya, Leah. Kemudian Raḥel berkata kepada Leah, “Tolong, berikan kepada saya beberapa biji buah mandrek anak kakak itu.” ^{30:15} Leah menjawab, “Apa? Kau fikir kau merampas suami saya tu hal yang kecilkah? Lepas tu nak ambil buah mandrek anak saya pula?” Raḥel berkata, “Baiklah, kalau saya diberikan buah mandrek anak kakak ‘tu, saya janji Ya`aqob akan tidur dengan kakak malam ‘ni juga.” ^{30:16} Pada waktu senja, Ya`aqob pulang dari padang dan Leah keluar untuk menemuinya dan berkata, “Malam ini abang kenalah tidur dengan saya sebab saya telah membayarnya dengan buah mandrek yang ditemui anak kita ‘tu.” Maka dia pun tidur dengannya pada malam itu. ^{30:17} Dan Allah mengendahkan permintaan Leah. Jadi dia mengandung dan melahirkan anak lelaki yang kelima untuk Ya`aqob. ^{30:18} Leah pun berkata, “Allah telah memberikan saya upah kerana saya telah memberi amahku kepada suamiku.” Oleh itu dia menamakan anaknya itu Isakhar, yang bermakna ‘ada upah’. ^{30:19} Kemudian Leah mengandung lagi dan melahirkan anak lelaki yang keenam untuk Ya`aqob. ^{30:20} Maka Leah berkata, “Allah telah mengurniai saya satu kurnia yang baik

God Blesses Leah with Two Sons and a Daughter

^{30:14} Reuben went in the days of wheat harvest, and found mandrakes in the field, and brought them to his mother, Leah. Then Rachel said to Leah, “Please give me some of your son’s mandrakes.” ^{30:15} She said to her, “Is it a small matter that you have taken away my husband? Would you take away my son’s mandrakes, also?” Rachel said, “Therefore he will lie with you tonight for your son’s mandrakes.” ^{30:16} Jacob came from the field in the evening, and Leah went out to meet him, and said, “You must come in to me; for I have surely hired you with my son’s mandrakes.” He lay with her that night. ^{30:17} God listened to Leah, and she conceived, and bore Jacob a fifth son. ^{30:18} Leah said, “God has given me my hire, because I gave my handmaid to my husband.” She named him Issachar. ^{30:19} Leah conceived again, and bore a sixth son to Jacob. ^{30:20} Leah said, “God has endowed me with a good dowry. Now my husband will live with me, because I have borne him six sons.” She named him Zebulun. ^{30:21} Afterwards, she bore a daughter, and named

^{n 30:13} Nama *Asyeh* rupanya berasal dr perkataan bermakna *yang bahagia* atau *yang gembira*. Makna keduanya adalah *diberkati* atau *beruntung*.

^{h 30:14} Pada musim menuai gandum, **hrfh**: Dalam hari-hari menuai gandum,

^{j 30:14} keluar **trjmh** lain: *pergi dari rumah* **hrfh**: *berjalan / pergi*

^{p 30:14} Nama Ibraninya *dudajim*. TB menuliskan nama b. Ibrani sahaja. Para pentafsir tdk pasti tumbuhan apakah ini, tetapi terjemahan kuno Yunani Septuaginta menterjemahnya sbg *mandrek (Mandragora officinarum)*. Orang kuno percaya buah mandrek adalah afrodisiak dan ubat penghamil manakala akarnya juga digunakan utk perubatan.

^{h 30:15} tidur **hrfh**: *berbaring*

^{h 30:16} Engkau kena tidur dengan saya **hrfh**: *Engkau kena datang kepada saya*

^{p 30:16} Perkataan *mengupah* ditekankan dlm b. Ibrani dan kami anggap penekanan itu merujuk kpd tugas yg diupah, iaitu bersetubuh dgn Leah. (Perkataan *pelayanan* tdk ada dlm bahasa asli.) **Tjmh** lain: *saya ada betul-betul mengupah engkau ...*

^{h 30:16} tidur **hrfh**: *berbaring*

^{n 30:18} Nama *Isakhar* bermakna *lelaki yang merupakan upah* atau *ada upah*.

baik dan kali ini suami saya akan menghormatiku^t sebab saya sudah melahirkan untuknya enam orang anak lelaki.” Lalu dia memanggil namanya Zebulun.^{n 30:21} Kemudian dia melahirkan seorang anak perempuan dan memanggil namanya Dinah.

Rahel Dikurniai Anak Lelaki

^{30:22} Allah mengingatkan Rahel. Allah mendengar doanya dan membuka rahimnya.^{30:23} Lalu dia mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia berkata, “Allah telah menghilangkan^j aib saya.”^{30:24} Dia memanggil namanya Yosef^{n e} dengan berkata, “Semoga Yahweh menambahkan untuk saya seorang lagi anak lelaki.”

Ya`aqob Berunding dengan Laban dan Menjadi Kaya

^{30:25} Apabila Rahel telah melahirkan Yosef, Ya`aqob pun berkata kepada Laban, “Biarkan saya keluar supaya saya boleh pergi ke tempat saya dan tanah saya.”^{30:26} Berikanlah isteri-isteri saya dan anak-anak saya yang telah saya peroleh dengan bekerja untukmu^j supaya saya boleh pergi sebab kau tahu pekerjaanku yang telah saya buat untukmu.”^{j 30:27} Tetapi Laban berkata kepadanya, “Tolong janganlah pergi dulu jika saya berkenan di matamu. Saya telah menilik bahawa Yahweh memberkati saya kerana kau.”^{t 30:28} Dia berkata lagi, “Tentukan saja gajimu dan saya akan memberikannya.”^{30:29} Dia pun berkata kepadanya, “Kau tahu

dan kali ini suami saya akan menghormatiku sebab saya sudah melahirkan enam orang anak lelaki untuknya.” Lalu dia menamakan anaknya itu Zebulun yang bermakna ‘penghormatan’.^{30:21} Kemudian dia melahirkan seorang anak perempuan dan menamakannya Dinah.

Rahel Dikurniai Anak Lelaki

^{30:22} Allah juga tidak melupakan Rahel. Dia mendengar doanya dan menyuburkan rahimnya.^{30:23} Lalu dia mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia berkata, “Allah telah menghilangkan aib saya.”^{30:24} Dia menamakan anak itu Yosef yang bermakna ‘semoga dia menambah’ dengan berkata, “Semoga Yahweh menambahkan lagi seorang anak lelaki untuk saya .”

Ya`aqob Berunding dengan Laban dan Menjadi Kaya

^{30:25} Apabila Rahel telah melahirkan Yosef, Ya`aqob pun berkata kepada Laban, “Biarkan saya berangkat dari sini supaya saya boleh pergi ke tanah-air ku sendiri.”^{30:26} Izinkan saya membawa isteri-isteri dan anak-anak yang telah saya peroleh dengan bekerja untuk ayah supaya saya boleh berangkat sebab ayah memang tahu betapa banyak kerja yang telah saya buat untuk ayah.”^{30:27} Tetapi Laban menjawabnya, “Jika saya berkenan di matamu, janganlah pergi dulu. Saya telah mendapati melalui penilikan bahawa Yahweh memberkati saya kerana kau.”^{30:28} Tambahnya lagi, “Sebut saja gaji yang kau mahu. Saya akan bayar.”^{30:29} Ya`aqob menjawab, “Ayah sudah tahu bagaimana saya telah berbakti kepada ayah dan

her Dinah.

God Blesses Rachel with a Son

^{30:22} God remembered Rachel, and God listened to her, and opened her womb.^{30:23} She conceived, bore a son, and said, “God has taken away my reproach.”^{30:24} She named him Joseph, saying, “May Yahweh add another son to me.”

Jacob Makes a Deal with Laban and Grows Rich

^{30:25} When Rachel had borne Joseph, Jacob said to Laban, “Send me away, that I may go to my own place, and to my country.”^{30:26} Give me my wives and my children for whom I have served you, and let me go; for you know my service with which I have served you.”^{30:27} Laban said to him, “If now I have found favor in your eyes, stay here, for I have divined that Yahweh has blessed me for your sake.”^{30:28} He said, “Appoint me your wages, and I will give it.”^{30:29} He said to him, “You know how I have served you, and how your livestock have fared with me.”^{30:30} For it was little which

^{t 30:20} menghormatiku tfrsn lain: tinggal dengan saya

^{n 30:20} Nama Zebulun dipercayai bermakna penghormatan.

^{j 30:23} menghilangkan trjmhn 2: membuang trjmhn 3: meniadakan trjmhn 4: menanggalkan trjmhn 5: menjauhkan

^{n 30:24} Nama Yosef bermakna semoga dia menambah.

^{e 30:24} Yosef ejaan dlm TB (dan Islam): Yusuf. Ejaan di sini mengikuti ejaan b. Ibrani.

^{j 30:26} bekerja untukmu trjmhn lain: melayanimu

^{j 30:26} sebab kau tahu pekerjaanku yang telah saya buat untukmu. trjmhn lain: sebab kau tahu pelayanan yang telah saya layani mu.

^{t 30:27} Saya telah menilik bahawa Yahweh memberkati saya kerana kau. tfrsn lain: Saya telah menjadi kaya dan Yahweh memberkati saya kerana kau.

bagaimana saya telah berbakti untuk mu^j dan bagaimana keadaan ternakanmu dengan saya. ^{30:30} Sebab sebelum saya **ada**, hartamu sedikit **sahaja** dan ia telah bertambah kepada kelimpahan dan Yahweh memberkatimu sejak kehadiranku. ^t Dengan itu, bila pula akan saya jaga keluarga saya **sendiri**?^h ^{30:31} Maka dia berkata, “Apakah **yang dapat** saya berikan kepadamu?” Ya`aqob berkata, “Kau tak perlu memberikan apa-apa kepada saya. Jika kau melakukan satu hal ini, saya akan jaga **dan** lindungi ternakanmu semula. ^{30:32} Biarkan saya berjalan di antara semua kawananmu hari ini untuk mengeluarkan dari sana setiap biri-biri muda yang bertompok-tompok dan berbintik-bintik dan setiap biri-biri muda yang **berbulu** hitam di kalangan anak biri-biri, dan kambing yang bertompok-tompok serta berbintik-bintik di kalangan kambing itu akan menjadi upah saya. ^p ^{30:33} Dengan demikian kejujuranku akan bersaksi untuk saya pada **suatu** hari nanti **apabila** engkau datang **untuk melihat** upah saya di hadapanmu. Semua yang **ada** dengan saya, yang tidak bertompok-tompok dan berbintik-bintik di kalangan kambing dan **yang tidak berbulu** hitam di kalangan biri-biri, ia dicuri. ^{30:34} Maka Laban berkata, “Baik!^h Jadilah seperti perkataanmu.” ^{30:35} Tetapi pada hari itu Laban^h mengeluarkan kambing-kambing jantan yang berbelang dan berbintik-bintik, semua kambing-kambing betina yang bertompok-tompok dan berbintik-bintik,

bagaimana keadaan ternakan ayah di bawah jagaan saya. ^{30:30} Sebelum saya datang, harta ayah sedikit sahaja dan ia telah bertambah menjadi berlimpah-limpah dan Yahweh memberkati ayah sejak saya hadir. Dengan itu, bila pula akan saya jaga keluarga saya sendiri?” ^{30:31} Maka Laban bertanya, “Apakah yang dapat saya berikan kepadamu?” Ya`aqob menjawab, “Ayah tak perlu memberikan apa-apa kepada saya. Jika ayah melakukan satu hal ini, saya akan jaga dan melindungi ternakanmu sekali lagi. ^{30:32} Biarkan saya berjalan di antara semua kawanan biri-biri dan kambing ayah hari ini. Saya akan mengeluarkan setiap biri-biri muda yang bertompok-tompok dan berbintik-bintik dan setiap biri-biri muda yang **berbulu** hitam dari kalangan anak biri-biri. **Selain itu** dari kalangan kambing, **saya akan mengambil** kambing yang bertompok-tompok serta berbintik-bintik. Hanya itu sahaja yang akan menjadi upah saya. ^{30:33} Dengan demikian kejujuran saya akan ternyata pada suatu hari nanti **apabila** ayah datang **untuk melihat** upah saya di hadapan ayah. Semua yang **ada** dengan saya, yang tidak bertompok-tompok dan berbintik-bintik di kalangan kambing dan **yang tidak berbulu** hitam di kalangan biri-biri boleh dikira dicuri. ^{30:34} Maka Laban berkata, “Baik!^h Jadilah seperti perkataanmu.” ^{30:35} Tetapi pada hari itu Laban mengeluarkan kambing-kambing jantan yang berbelang dan berbintik-bintik, semua kambing-kambing betina yang bertompok-tompok dan berbintik-bintik dan semua yang ada **campuran** putih di bulunya **dari kawanannya**. Dia juga mengeluarkan setiap biri-biri yang **berbulu** hitam dari

you had before I came, and it has increased to a multitude. Yahweh has blessed you wherever I turned. Now when will I provide for my own house also?” ^{30:31} He said, “What shall I give you?” Jacob said, “You shall not give me anything. If you will do this thing for me, I will again feed your flock and keep it. ^{30:32} I will pass through all your flock today, removing from there every speckled and spotted one, and every black one among the sheep, and the spotted and speckled among the goats. This will be my hire. ^{30:33} So my righteousness will answer for me hereafter, when you come concerning my hire that is before you. Every one that is not speckled and spotted among the goats, and black among the sheep, that might be with me, will be counted stolen.” ^{30:34} Laban said, “Behold, let it be according to your word.” ^{30:35} That day, he removed the male goats that were streaked and spotted, and all the female goats that were speckled and spotted, every one that had white in it, and all the black ones among the sheep, and gave them into the hand of his sons. ^{30:36} He set three days’ journey between himself and Jacob, and Jacob fed the rest of Laban’s flocks.

^j ^{30:29} melayanimu **trjmh** lain: bekerja untukmu

^t ^{30:30} sejak kehadiranku **tfrsn** lain: di mana saja saya pergi **hrfh**: pada kaki ku

^h ^{30:30} keluarga saya **sendiri** **hrfh**: rumah saya

^p ^{30:32} Di tempat itu, kebanyakan biri-biri hanya berbulu putih sahaja, dan kambing berbulu hitam sahaja. Yosef hanya mengambil biri-biri dan kambing yg berwarna lain drpd yg biasa. Oleh itu, seharusnya dia rugi dengan peraturan yg ditentukannya.

^h ^{30:34} Baik **hrfh**: Lihat **trjmh** lain: Nah

^h ^{30:35} Laban **hrfh**: dia

<p>semua yang ada putih pada bulunya. dan setiap seekor yang berbulu hitam di kalangan biri-biri itu dan menyerahkannya ke tangan anak-anaknya. ^{30:36} Kemudian dia menetapkan jarak sejauh tiga hari perjalanan di antara dirinya dengan Ya`aqob. Ya`aqob mengembalikan kawanan Laban yang tertinggal.</p> <p>^{30:37} Lalu Ya`aqob mengambil untuk dirinya dahan-dahan yang baru dipotong dari kayu poplar putih, ^p pokok badam ^p dan pokok berangan. ^p Dia mengupas jalur-jalur putih di dahan itu dengan mendedahkan keputihan yang di dahan itu. ^{30:38} Dia menempatkan ^j dahan-dahan yang telah dikupasnya berdekatan ^t palung air minum, ^{iaitu} berdekatan lawak-lawak air di hadapan tempat kawanan itu meminum air. Oleh sebab kawanan itu mengawan sewaktu mereka datang untuk minum, ^t ^{30:39} kawanan itu mengawan di depan dahan-dahan itu. Kemudian kawanan itu melahirkan anak yang berjalur-jalur, bertompok-tompok dan berbintik-bintik, ^p ^{30:40} dan Ya`aqob memisahkan anak biri-biri itu. ^t Kemudian dia menghadapkan</p>	<p>kawanan biri-birinya. Semua itu diserahkan ke bawah jagaan anak-anaknya. ^{30:36} Kemudian dia membawa kawanan itu sejauh perjalanan tiga hari di antara dia dan Ya`aqob manakala Ya`aqob menggembalakan kawanan Laban yang selebihnya.</p> <p>^{30:37} Sebagai tindak balas, Ya`aqob mengambil dahan-dahan kayu poplar putih, badam dan berangan yang baru dipotong. Dia mengupas jalur-jalur kulit kayu sehingga mendedahkan jalur-jalur putih pada dahan itu. ^{30:38} Dia mencacakkan dahan-dahan yang telah dikupasnya di depan palung air minum, ^{iaitu} di depan lawak-lawak air di hadapan kawanan itu di tempat kawanan itu meminum air. Oleh sebab kawanan itu mengawan sewaktu mereka datang untuk minum, ^{30:39} ^{itu} bermakna ia mengawan di depan dahan-dahan yang berwarna dua itu. Kemudian kawanan itu melahirkan anak yang berjalur-jalur, bertompok-tompok dan berbintik-bintik, ^{30:40} dan Ya`aqob memisahkan anak biri-biri itu menjadi kawanannya sendiri. Kemudian dia menghadapkan kawanan yang selebihnya itu ke arah kawanan yang berjalur-jalur dan</p>	<p>^{30:37} Jacob took to himself rods of fresh poplar, almond, plane tree, peeled white streaks in them, and made the white appear which was in the rods. ^{30:38} He set the rods which he had peeled opposite the flocks in the gutters in the watering-troughs where the flocks came to drink. They conceived when they came to drink. ^{30:39} The flocks conceived before the rods, and the flocks produced streaked, speckled, and spotted. ^{30:40} Jacob separated the lambs, and set the faces of the flocks toward the streaked and all the black in the flock of Laban: and he put his own droves apart, and didn't put them into Laban's flock. ^{30:41} Whenever the stronger of the flock conceived, Jacob laid the rods in front of</p>
--	---	---

^p ^{30:37} Nama *poplar* adalah nama dalam b. Inggeris. Nama b. Ibraninya *lijneh* yg bermakna *putih*. Nama sainsnya *Populus alba*; jenis kayu ini tdk ada di Malaysia. Sebelah bawah daunnya putih manakala sebelah atas hijau spt daun biasa.

^p ^{30:37} *badam*: Nama sains pokok ini ialah *Prunus dulcis*.

^p ^{30:37} *berangan*: nama sains pokok ini ialah *Platanus spp.*. Nama *berangan* tdk tepat, tetapi mungkin serupa sedikit dgn kayu sebenar.

^j ^{30:38} *menempatkan trjmhn lain: meletakkan*

^t ^{30:38} *dekat tfrsn lain: di dalam*. Perkataan b. Ibrani di sini yg bermakna *pada* boleh ditafsirkan dgn kedua-dua makna ini. (Misalnya, di 13:18 semua pentafsir memahaminya dgn makna *dekat*, bukan *dalam*.) Oleh sebab ia dikatakan *di hadapan di bawah, kami mengangap ia dicacakkan di depan palung*.

^t ^{30:38} *Oleh sebab kawanan itu mengawan sewaktu mereka datang untuk minum air. tfrsn 2: Dia mencacakkan dahan-dahan itu sewaktu kawanan itu mengawan dan datang untuk minum air. tfrsn 3: Waktu kawanan itu mengawan mereka datang untuk minum air.*

^p ^{30:39} Dlm bidang Antropologi, perbuatan Ya`aqob ini dikenali sbg *magik tiruan* ('*imitative magic*'). Dari padangan sains, perbuatan ini tdk akan berhasil, tetapi mungkin disebabkan ia diberkati Tuhan, ia berjaya, walaupun seolah-olah ia menggunakan sejenis sihir.

^t ^{30:40} *Selepas itu, Ya`aqob memisahkan anak biri-biri itu. tfrsn lain: Selepas itu, Ya`aqob memisahkan anak itu.** Istilah yg digunakan di sini biasanya merujuk kpd *anak biri-biri* sahaja, tetapi pentafsir yg lain memikirkan bahawa ia merujuk kpd kedua-dua *anak biri-biri dan anak kambing*.

<p>kawanan yang selebihnya itu ke arah kawanan^p yang berjalur-jalur dan semua yang berkulit hitam dalam kawanan Laban.^h Dengan cara itu, dia mengumpulkan ternakan untuk dirinya sendiri dan dia tidak meletakkan mereka dengan kawanan Laban.^{30:41} Maka untuk pengawanan seluruh kawanan, apabila betina yang bertenaga dan sihat mengawan, Ya`aqob akan menempatkan dahan-dahan itu di hadapan mata kawanan dekat palung air itu untuk pengawanan berdekatan dahan-dahan itu.^{30:42} Dan apabila kawanan yang lemah mengawan dia tidak meletakkan dahan-dahan itu. Maka yang lemah itu menjadi milik Laban, dan yang kuat menjadi milik Ya`aqob.^{30:43} Maka lelaki itu amat sangat bertambah makmur dan dia memiliki banyak biri-biri, hamba perempuan, hamba lelaki, unta dan keldai.</p> <p>Ya`aqob Melarikan Diri dari Laban ^{31:1} Ya`aqob^h mendengar kata-kata anak-anak Laban^t yang berkata, “Ya`aqob sudah mengambil semua yang ada pada bapa kita, dan daripada yang ada pada bapa kita dia dapat semua kekayaan^h ini.”^j^{31:2} Ya`aqob pun melihat muka Laban, dan nampak bahawa dia tidak seperti dulu.^j^{31:3} Kemudian Yahweh berkata kepada</p>	<p>semua yang berkulit hitam dalam kawanan Laban. Dengan cara itu, dia mengumpulkan ternakan untuk dirinya sendiri dan dia tidak mencampurkannya dengan kawanan Laban.^{30:41} Kebiasaan yang diikuti Ya`aqob adalah begini: apabila betina yang bertenaga dan sihat mengawan, dia akan mencacakkan dahan-dahan itu berdekatan palung air di hadapan mata kawanan itu supaya ia mengawan berdekatan dahan-dahan itu.^{30:42} Dan apabila kawanan yang lemah mengawan, dia tidak mencacakkan dahan-dahan itu. Maka yang lemah itu menjadi milik Laban, dan yang kuat menjadi milik Ya`aqob.^{30:43} Maka Ya`aqob benar-benar bertambah makmur dan dia memiliki banyak biri-biri, hamba perempuan, hamba lelaki, unta dan keldai.</p> <p>Ya`aqob Melarikan Diri dari Laban ^{31:1} Lama-kelamaan Ya`aqob terdengar tentang sungut-sungutan anak Laban. Kata mereka, “Ya`aqob sudah mengambil semua kepunyaan bapa kita. Dia kaya-raya sekarang semata-mata kerana apa yang diambilnya dari bapa kita.”^{31:2} Ya`aqob pun melihat bahawa Laban agak renggang dengannya dan tidak seperti sebelumnya.^{31:3} Kemudian</p>	<p>the eyes of the flock in the gutters, that they might conceive among the rods;^{30:42} but when the flock were feeble, he didn't put them in. So the feebler were Laban's, and the stronger Jacob's.^{30:43} The man increased exceedingly, and had large flocks, female servants and male servants, and camels and donkeys.</p> <p>Jacob Flees from Laban ^{31:1} He heard the words of Laban's sons, saying, “Jacob has taken away all that was our father's. From that which was our father's, has he gotten all this wealth.”^{31:2} Jacob saw the expression on Laban's face, and, behold, it was not toward him as before.^{31:3} Yahweh said to Jacob, “Return to the land of</p>
--	--	---

^p ^{30:40} Tdk dikatakan dlm teks adakah ini merujuk kpd kambing, biri-biri, atau kedua-duanya. Oleh sebab ia menghadap yg hitam, kami menganggap ia merujuk kpd biri-biri.

^h ^{30:40} Kemudiannya dia menghadapkan kawanan yang lain itu ke arah kawanan yang berjalur-jalur... hrhf: Dan dia meletakkan muka kawanan itu ke arah yang berjalur-jalur ... Tdk jelas adakah Ya`aqob membawa biri-birinya mendekati kawanan Laban yg jauh itu atau bagaimana.

^t ^{30:43} biri-biri tfrsn lain: biri-biri dan kambing hrhf: kawanan. Istilah kawanan boleh merangkumi kedua-dua kambing dan biri-biri.

^h ^{31:1} Ya`aqob hrhf: Dia

^t ^{31:1} Ya`aqob mendengar kata-kata anak-anak Laban Tfrsn 1: Lama-kelamaan Ya`aqob terdengar tentang sungut-sungutan anak Laban. Tfrsn 2: Lama-kelamaan Ya`aqob terdengar anak Laban bersungut-sungut. Tdk pasti sama ada Ya`aqob terdengar kata-kata itu secara terus dpd anak-anak Laban, atau terdengar tentang kata-kata mereka drpd orang lain.

^h ^{31:1} kekayaan hrhf: keberatan. Perkataan ini mempunyai makna kemuliaan juga dlm konteks lain.

^j ^{31:1} Trjmhn lain: Kata mereka, “Ya`aqob sudah mengambil banyak kepunyaan bapa kita. Dia kaya-raya sekarang semata-mata kerana apa yang diambilnya daripada bapa kita.” Kata-kata anak Laban ini adalah gaya hiperbola, atau membesar-besarkan drpd apa yg sebenarnya. Bapa mereka masih ada cukup banyak kekayaan.

^j ^{31:2} seperti dulu tfrsn lain: seperti sebelumnya

^j ^{31:2} Ya`aqob pun melihat muka Laban, dan nampak bahawa dia tidak seperti dulu. Trjmhn lain: Ya`aqob pun melihat bahawa Laban agak renggang tidak ramah-tamah terhadapnya seperti sebelumnya.

<p>Ya`aqob, “Baliklah ke tanah datuk dan bapamu,^h tempat asal-usul mu.^t <u>Aku</u> akan menyertai mu.”^j</p> <p>31:4 Ya`aqob mengutus seorang hamba memanggil Rahel dan Leah datang ke padang tempat kawanan domba dan kambingnya.^{31:5} Dia berkata kepada mereka, “Aku melihat bahawa muka bapa kamu terhadap ku tidak seperti dulu.^h Namun Allah bapa ku telah berada bersama dengan ku sampai sekarang.^j 31:6 Dan kamu tahu juga bahawa saya telah bekerja sepenuh tenaga ku untuk bapa kamu.^j 31:7 Bapa kamu telah memperbodohkan^t saya dengan mengubah gaji ku sepuluh kali.^t Tetapi Allah tidak mengizinkannya berbuat jahat kepadaku.^{31:8} Sebab kalau dia berkata, “Yang berbintik-bintik akan menjadi gaji mu,” seluruh kawanan^p melahirkan anak yang berbintik-bintik. Kalau dia berkata, “Yang berbelang akan menjadi gaji mu,” seluruh kawanan melahirkan anak yang berbelang.^{31:9} Dengan demikian Allah mengambil ternakan bapa kamu dan memberikannya kepada ku.^{31:10} Ada kalanya sewaktu pengawanan ternakan,^h dalam mimpi saya melayangkan mataku^h melihat dan nampak bahawa</p>	<p>Yahweh berkata kepada Ya`aqob, “Baliklah ke tanah datuk dan bapamu, tempat asal-usul mu. Aku akan menyertai mu.”</p> <p>31:4 Ya`aqob memesan Rahel dan Leah untuk datang menjumpainya di padang tempat kawanan domba dan kambingnya.^{31:5} Katanya kepada mereka, “Abang melihat bahawa sikap bapa kamu terhadap abang sudah berubah dan tidak baik lagi. Namun Allah yang disembah bapa abang tetap menyertai abang sampai sekarang.^{31:6} Dan kamu tahu juga bahawa abang telah bekerja dengan bertungkus-lumus untuk bapa kamu.^{31:7} Bapa kamu telah memperbodohkan abang dengan mengubah gaji abang berulang kali. Tetapi Allah tidak mengizinkan perbuatan jahatnya merugikan abang.^{31:8} Sebab ketika dia berkata, “Yang berbintik-bintik akan menjadi gaji mu,” semua kambing dan domba melahirkan anak yang berbintik-bintik. Waktu dia berkata, “Yang berbelang akan menjadi gaji mu,” semua kambing dan domba melahirkan anak yang berbelang.^{31:9} Dengan demikian Allah mengambil ternakan bapa kamu dan memberikannya kepada abang.^{31:10} Pernah sekali sewaktu musim pengawanan ternakan, abang termimpi. Dalam mimpi itu abang melayangkan mata abang dan</p>	<p>your fathers, and to your relatives, and I will be with you.”</p> <p>31:4 Jacob sent and called Rachel and Leah to the field to his flock,^{31:5} and said to them, “I see the expression on your father’s face, that it is not toward me as before; but the God of my father has been with me.^{31:6} You know that I have served your father with all of my strength.^{31:7} Your father has deceived me, and changed my wages ten times, but God didn’t allow him to hurt me.^{31:8} If he said this, ‘The speckled will be your wages,’ then all the flock bore speckled. If he said this, ‘The streaked will be your wages,’ then all the flock bore streaked.^{31:9} Thus God has taken away your father’s livestock, and given them to me.^{31:10} During mating season, I lifted up my eyes, and saw in a dream, and behold, the male goats which leaped on the flock were streaked, speckled, and grizzled.^{31:11} The angel of God said to me in the dream, ‘Jacob,’ and I said, ‘Here I am.’^{31:12} He said, ‘Now lift up your eyes, and behold, all the male</p>
---	---	--

^h 31:3 *datuk dan bapamu hrhf: bapa-bapa mu*

^t 31:3 *tempat asal-usul mu tfsrn lain: dan saudara-mara mu / dan sanak saudara mu **

^j 31:3 *Aku akan menyertai mu. Trjmhn lain: Saya akan memelihara mu. Janji ini mengingatkan janji di 28:15 yg disertai dgn janji pemeliharaan. Di dlm penyertaan Allah ada implikasi pemeliharaan dan berkat.*

^h 31:5 *tidak seperti dulu hrhf: tidak kepada ku seperti kelmarin tiga hari lepas*

^j 31:5 *Namun Allah bapa ku telah berada bersama dengan ku sampai sekarang. Trjmhn 2: Namun Allah yang disembah bapa abang tetap menyertai abang sampai sekarang. Trjmhn 3: Walau bagaimanapun, Allah yang disembah bapa saya tetap menyertai saya sampai sekarang. Tfsrn lain: Tetapi Allah yang disembah bapa saya memihak saya.*

^j 31:6 *Trjmhn lain: Dan kamu tahu juga bahawa aku telah melayani bapa kamu dengan segenap tenaga ku.*

^t 31:7 *memperbodohkan trjmhn lain: memperdayakan. Perkataan ini membawa makna menipu sehingga dipermalukan.*

^t 31:7 *berulang kali tfsrn lain: sebanyak sepuluh kali. Istilah sepuluh kali sering digunakan dgn makna berulang kali atau berkali-kali, jadi agaknya itulah makna di sini juga.*

^p 31:8 *Istilah kawanan ini boleh merujuk kpd kambing atau domba (domba) sahaja.*

^t 31:8 *kawanan tfsrn 1: kawanan kambing dan domba tfsrn 2: kawanan kambing*

^h 31:10 *ternakan hrhf: kawanan. Iaitu, kambing atau domba.*

^h 31:10 *melayangkan mataku hrhf: mengangkat mataku. Sama dlm ayat 12.*

<p>kambing-kambing jantan yang memanjat betina-betina^h berbelang, berbintik-bintik atau bertompok-tompok.^{j 31:11} Kemudian Pesuruh Allah^p berkata kepada ku dalam mimpi itu, “Ya`aqob”. Aku berkata, “Saya.”^{h 31:12} Katanya, “Sila layangkan mata mu dan tengok bahawa semua kambing jantan yang memanjat betina-betina berbelang, berbintik-bintik dan bertompok-tompok, sebab aku melihat semua yang Laban lakukan kepada mu.^{31:13} Akulah Allahⁿ yang kau jumpai di Bet-Elⁿ di mana kau mengurapi^j tugu dan di mana kau bernazar kepada ku dengan suatu nazar.^{pj} Sekarang bangkit, keluar dari tanah ini dan balik ke tanah keluarga mu.”^{t 31:14} Raḥel dan Leah menjawabnya dengan berkata, “Adakah lagi bahagian warisan kami dalam rumah bapa kami?^{31:15} Bukankah kami diperlakukan seperti orang asing oleh dia? Kerana dia menjual kami, dan juga makan habis wang yang diterimanya untuk kami.^{t 31:16} Tentu semua kekayaan yang Allah ambil dari bapa kami adalah kepunyaan kami dan anak kita. Oleh itu sekarang lakukanlah segalanya yang Allah katakan kepada mu.^{31:17} Jadi Ya`aqob</p>	<p>ternampak kambing-kambing jantan sedang mengawan. Semua kambing jantan itu adalah kambing jantan yang berbelang, berbintik-bintik atau bercapuk-capuk.^{31:11} Kemudian Pesuruh Allah memanggil saya dalam mimpi itu dengan berkata, “Ya`aqob”. Abang menyahut, “Saya.”^{31:12} Katanya lagi, “Sila layangkan mata mu dan tengoklah bahawa semua kambing jantan yang sedang mengawan itu adalah kambing-kambing jantan yang berbelang, berbintik-bintik dan bercapuk-capuk. Ia begitu sebab aku melihat semua yang dilakukan kepada mu oleh Laban dan aku hendak menolong kau dalam hal ini.^{31:13} Akulah Allah yang kau jumpai di Bet-El di mana kau mendirikan dan mengurapi tugu dan membuat nazar kepada ku. Sekarang cepatlah keluar dari tanah ini dan pulang ke tempat keluarga mu.”^{31:14} Raḥel dan Leah menjawab Ya`aqob, “Sudah tentu bapa kami tidak akan memberi apa-apa warisan lagi kepada kami dari kekayaannya.^{31:15} Dia memperlakukan kami seperti orang asing! Dia menjual kami, kemudian dia menghabiskan wang yang diterimanya untuk kami.^{31:16} Seharusnya semua kekayaan yang Allah ambil dari bapa kami adalah kepunyaan kami dan anak kami. Oleh itu lakukanlah saja segala yang Allah</p>	<p>goats which leap on the flock are streaked, speckled, and grizzled, for I have seen all that Laban does to you.^{31:13} I am the God of Bethel, where you anointed a pillar, where you vowed a vow to me. Now arise, get out from this land, and return to the land of your birth.”^{31:14} Rachel and Leah answered him, “Is there yet any portion or inheritance for us in our father’s house?^{31:15} Aren’t we accounted by him as foreigners? For he has sold us, and has also quite devoured our money.^{31:16} For all the riches which God has taken away from our father, that is ours and our children’s. Now then, whatever God has said to you, do.”^{31:17} Then Jacob rose up, and set his sons and his wives on the camels,^{31:18} and he took away all his livestock, and all his possessions which he had gathered, including the livestock which he had gained in Paddan Aram, to go to Isaac his father, to the land of Canaan.^{31:19} Now Laban had gone to shear his sheep: and Rachel stole the teraphim that were her father’s.</p>
--	---	---

^{h 31:10} betina-betina **hrfh**: kawanan. Iaitu, kambing atau domba, dan dlm konteks ini, sudah tentu ia betina. Sama dlm ayat 12.

^{j 31:10} bertompok-tompok **trjmh lain**: bercapuk-capuk. Sama dlm ayat 12.

^{p 31:11} Di sini ia dipanggil Pesuruh Allah (atau Malaikat Allah), manakala dlm ayat 13 dia memanggil diri sendiri Allah. Biasanya Pesuruh Allah adalah penjelmaan Allah sendiri dlm bentuk yg boleh dilihat manusia. **Trjmh 2**: penjelmaan Allah **Trjmh 3**: Allah menjelma **Trjmh 4**: Allah dalam sesuatu penjelmaan

^{h 31:11} saya **hrfh**: lihat / tengok. Ini jawapan biasa kalau dipanggil, bermakna tengok, saya di sini. **Trjmh lain**: Saya di sini.

^{n 31:13} Nama Allah yg digunakan di sini ialah El (iaitu ringkasan nama Elohim) supaya ia sama dgn namanya dlm nama Bet-El. Yg dijumpai Ya`aqob di 28:13 dipanggil Yahweh.

^{n 31:13} Bet dan Bait adalah dua ejaan perkataan yg sama, yg bermakna rumah. El (yg pendek utk Elohim) adalah Allah atau Ilah.

^{j 31:13} mengurapi **trjmh 2**: menyapui **trjmh 3**: menuangkan. Terang di 28:18 bahawa Ya`aqob menuangkan minyak ke atas batu itu. Di sini perkataan lain digunakan, agaknya utk menekankan tujuannya, itu pentahbisan batu dan tempat itu.

^{p 31:13} Lihat 28:20-22. Janjinya ialah utk menyembah Yahweh sbg Allahnya kalau ia pulang dgn selamat ke tanah bapanya. Ia disebut di sini kerana ia akan pulang.

^{j 31:13} kau bernazar kepada ku dengan suatu nazar. **trjmh lain**: kau berikrar kepada ku dengan suatu ikrar.

^{t 31:13} tanah keluarga mu **tfsr lain**: tempat asal mu *

^{t 31:15} wang yang diterimanya untuk kami. **tfsr lain**: wang yang harus diberi kepada kami. Beberapa pentafsir percaya menurut adat mereka, mas kahwin yg diterima bapa harus kemudiannya diberikan kpd pengantin perempuan. Kedua-dua cara di atas menterjemah setuju dgn fahaman itu.

<p>bangun dan menaikkan anak-anaknya dan isterinya ke atas unta-unta. ^{31:18} Dia menggiring^j semua ternakannya dan semua kepunyaannya yang telah dikumpulkannya di Padan-Aram^p untuk pergi ke bapanya Yiş`haq di tanah Kana`an. ^{31:19} Sebelum mereka berangkat, sewaktu Laban pergi menggunting bulu dombanya, Raḥel mencuri berhala peribadi^p milik bapanya. ^{31:20} Manakala Ya`aqob pun memperdayakan^h Laban orang Aram^p itu kerana ia melarikan diri dengan tidak memberitahunya. ^{31:21} Dia melarikan diri dengan semua yang ada padanya. Dia bangkit^t dan menyeberangi sungai Ephrat dan menuju^h perbukitan^h Gil`ad. ^{e t}</p> <p>Laban Mengejar Ya`aqob</p> <p>^{31:22} Dilaporkan kepada Laban pada hari ketiga bahawa Ya`aqob telah melarikan diri. ^{31:23} Dia membawa saudara-mara^h lelaki bersamanya dan mengejar dia dalam perjalanan tujuh hari dan berjaya mengejanya di perbukitan Gil`ad. ^{31:24} Allah datang kepada Laban orang Aram^j dalam mimpi sewaktu malam dan berkata kepadanya, “Hati-hati bercakap dengan Ya`aqob agar tidak berkata</p>	<p>arahkan. ^{31:17} Jadi Ya`aqob terus bersedia untuk berangkat. Anak-anaknya dan dua isterinya dinaikannya ke atas unta untuk ditungguangi mereka. ^{31:18} Bersamanya dia membawa semua ternakannya dan semua kepunyaannya yang telah dikumpulkannya di Padan-Aram. Mereka berangkat untuk balik ke pangkuan Yiş`haq bapa Ya`aqob di tanah Kana`an. ^{31:19} Sebelum mereka berangkat, sewaktu Laban sudah pergi menggunting bulu domba, Raḥel mencuri berhala peribadi bapanya. ^{31:20} Manakala Ya`aqob menipu Laban si penipu itu dengan berangkat secara senyap-senyap. ^{31:21} Dia berangkat dengan membawa bersamanya semua miliknya. Dengan cepat dia menyeberangi sungai Ephrat dan menuju ke arah perbukitan Gil`ad.</p> <p>Laban Mengejar Ya`aqob</p> <p>^{31:22} Tiga hari selepas Ya`aqob berangkat, barulah ada orang melaporkan hal itu kepada Laban. ^{31:23} Laban membawa saudara-mara lelaki bersamanya dan mengejar Ya`aqob selama tujuh hari dan berjaya mengejanya di perbukitan Gil`ad. ^{31:24} Pada suatu malam Allah datang kepada Laban orang Aram dalam mimpi dan berkata, “Berhati-hatilah agar kau langsung tidak campur tangan dengan urusan Ya`aqob.” ^{31:25}</p>	<p>^{31:20} Jacob deceived Laban the Syrian, in that he didn't tell him that he was running away. ^{31:21} So he fled with all that he had. He rose up, passed over the River, and set his face toward the mountain of Gilead.</p> <p>Laban Mengejar Ya`aqob</p> <p>^{31:22} Laban was told on the third day that Jacob had fled. ^{31:23} He took his relatives with him, and pursued after him seven days' journey. He overtook him in the mountain of Gilead. ^{31:24} God came to Laban, the Syrian, in a dream of the night, and said to him, “Be careful that you don't speak to Jacob either good or bad.” ^{31:25} Laban caught up with</p>
---	---	--

^{j 31:18} *menggiring trjmh n 2: memimpin trjmh n 3: membawa bersama.* Dgn kambing dan domba, gembala biasanya mendahului kawanan, dan kawanan mengikut suara gembala. Lembu digiring oleh gembala sebab ia tdk pandai mengikut. Perkataan di sini merangkumi kedua-dua cara membawa ternakan berjalan.

^{p 31:18} *Padan-Aram* adalah di barat laut Mesopotamia, lebih-kurang tempat yg disebut *Haran* di 11:31.

^{p 31:19} *berhala peribadi Ibrani: teraf* atau *terafim*. *Trjmh n lain: dewa-dewa.* Ini patung kecil yg mungkin disembah dan dianggap melindungi keluarga yg mempunyainya. Perkataan *teraf* juga digunakan dlm ayat 34 & 35.

^{h 31:20} *memperdayakan hrffh: mencuri hati.* Bermakna, Raḥel dan Ya`aqob sama-sama *mencuri* sesuatu dr Laban.

^{p 31:20} *Aram* adalah tempat yg dipanggil Siria sekarang, tetapi dlm Ibrani ia berbunyi spt *penipu*, dan oleh itu membawa sindiran bahawa Laban adalah penipu. Oleh itu ayat ini boleh diterjemah sebagai *Ya`aqob menipu si penipu Laban*.

^{t 31:21} *bangkit tfsrn 1: dengan cepat tfsrn 2: bangkit.* Walaupun perkataan harfiahnya ialah *bangkit*, ia sering digunakan dgn makna *bertindak cepat*.

^{h 31:21} *menuju hrffh: menetapkan mukanya*

^{h 31:21} *perbukitan hrffh: bukit.* Sama dlm ayat 23 dan 25.

^{e 29:33} *Gil`ad ejaan dlm TB: Gilead.* Huruf konsonan *ayin* (dgn simbol `) deeja dgn huruf vokal *e* dlm TB.

^{t 31:21} *perbukitan Gil`ad tfsrn lain: gunung Gil`ad.* Sama dlm ayat 23.

^{h 31:23} *saudara-mara hrffh: saudara*

^{j 31:24} *Laban orang Aram trjmh n lain: Laban si penipu.* Oleh kerana *Aram* berbunyi spt *penipu* dlm Ibrani, nama ini membawa makna sedemikian.

apa-apa kepadanya, daripada yang baik sehinggalah yang jahat.”^{t 31:25} Ya, Laban mengejar Ya`aqob. Ya`aqob pasang khemahnya di kawasan perbukitan. Jadi Laban dan saudara-maranya pun memasang khemahnya di perbukitan Gil`ad.^{31:26} Laban berkata kepada Ya`aqob, “Apa kau buat? Kau memperdayakan^h saya dan melarikan anak-anak perempuan ku seperti orang tawanan perang.^{31:27} Kenapa kau melarikan diri secara senyap-senyap^h dan menipu saya dan tidak memberitahu saya agar saya dapat mengucap selamat jalan kepada mu^h dengan meriah, dengan lagu-lagu, gendang, dan kecapi?”^{31:28} Kenapa kau tidak mengizinkan saya mencium cucu-cucu^j dan anak-anak perempuan saya? Ternyata^h kau telah bertindak dengan bodoh.^{31:29} Ada kuasa di tangan ku untuk memudaratkan kamu.^h Tetapi malam tadi Allah bapa kamu berkata kepada saya, “Hati-hati bercakap dengan Ya`aqob daripada yang baik sehinggalah yang jahat.”^{31:30} Ternyata^h kau berangkat kerana terlalu merindui rumah bapa mu. Tetapi kenapa pula kau mencuri dewa-dewa ku?^{j 31:31} Ya`aqob menjawab dengan berkata kepada Laban, “Saya takut sebab saya fikir^h mungkin kau akan merampas anak-anak perempuan

Ya, khemah Ya`aqob terpasang di kawasan perbukitan Gil`ad, dan Laban berjaya mengejarnya di situ. Jadi Laban dan saudara-maranya pun memasang khemah mereka di situ.^{31:26} Laban berkata kepada Ya`aqob, “Kenapa kau buat begitu? Kau memperdayakan ayah dan melarikan anak-anak perempuan ayah seperti tawanan perang.^{31:27} Kenapa kau melarikan diri secara senyap-senyap dan menipu ayah? Kenapa kau tidak memberitahu ayah agar ayah dapat mengadakan majlis perpisahan yang meriah dengan lagu-lagu, gendang, dan kecapi?”^{31:28} Kenapa kau tidak mengizinkan ayah memberi ciuman perpisahan kepada cucu dan anak ayah? Tindakan mu itu adalah tindakan yang bodoh.^{31:29} Ayah berkuasa untuk memudaratkan kamu. Tetapi malam tadi Allah yang disembah bapa kamu memberi amaran kepada ayah, kata-Nya, “Hati-hati bercakap dengan Ya`aqob agar kau langsung tidak campur tangan dengan urusannya.”^{31:30} Ternyata kau berangkat kerana terlalu merindui tempat bapa kau. Tetapi kenapa pula kau mencuri dewa-dewa ayah?^{31:31} Ya`aqob menjawab Laban, “Kami berangkat dengan senyap sebab saya takut mungkin ayah akan merampas anak-anak perempuan ayah dari saya.^{31:32} Mengenai dewa-dewa itu, kalau ayah menemui dewa-dewa ayah itu ada pada sesiapa di sini, dia akan dihukum mati! Di depan sanak-

Jacob. Now Jacob had pitched his tent in the mountain, and Laban with his relatives encamped in the mountain of Gilead.^{31:26} Laban said to Jacob, “What have you done, that you have deceived me, and carried away my daughters like captives of the sword?”^{31:27} Why did you flee secretly, and deceive me, and didn’t tell me, that I might have sent you away with mirth and with songs, with tambourine and with harp;^{31:28} and didn’t allow me to kiss my sons and my daughters? Now have you done foolishly.^{31:29} It is in the power of my hand to hurt you, but the God of your father spoke to me last night, saying, ‘Be careful that you don’t speak to Jacob either good or bad.’^{31:30} Now, you want to be gone, because you greatly longed for your father’s house, but why have you stolen my gods?”^{31:31} Jacob answered Laban, “Because I was afraid, for I said, ‘Lest you should take your daughters from me by force.’^{31:32} Anyone you find your gods with shall not live. Before our relatives, discern what is yours with me, and take it.” For Jacob didn’t know that Rachel had stolen them.^{31:33} Laban went into Jacob’s

^{t 31:24} **Tfsrn 1:** Berhati-hatilah agar kau langsung tidak campur tangan dengan urusan Ya`aqob. **Tfsrn 2:** Hati-hati dengan Ya`aqob agar tidak mengucapkan ancaman mahupun janji kepadanya. **Tfsrn 3:** Hati-hati dengan Ya`aqob agar tidak mengatakan apa-apa kepada dia. **Tfsrn 4:** Hati-hati dengan Ya`aqob agar tidak mengatakan apa-apa kepada dia. **Tfsrn 5:** Hati-hati dengan Ya`aqob agar tidak menentang dia. **Tfsrn 6:** Hati-hati dengan Ya`aqob; jangan cuba membuat apa-apa kepada dia, yang baik atau yang jahat. Ayat 29 hampir sama. Ada juga frasa yg hampir sama di 24:50 dan di 2 Sam 13:22.

^{h 31:26} memperdayakan **hrfh:** mencuri hati. Dlm ayat 27 frasa mencuri saya digunakan dgn makna yg sama.

^{h 31:27} saya dapat mengucap selamat jalan kepada mu **hrfh:** saya dapat mengutus/mengirim mu

^{h 31:27} melarikan diri secara senyap-senyap **hrfh:** bersembunyi untuk melarikan diri

^{j 31:28} cucu-cucu **hrfh:** anak-anak lelaki. Oleh kerana tiada anak lelaki, ini dianggap merujuk kpd cucu.

^{h 31:28} Ternyata **hrfh:** Dan sekarang

^{h 31:29} memudaratkan kamu. **hrfh:** membuat jahat kepada kamu. Perkataan ‘jahat’ dlm Ibrani terlalu luas maknanya. Di sini rupanya ia bermakna mencedera atau membunuh (atas kesalahan yg dilakukan kononnya).

^{h 31:30} Ternyata **hrfh:** Dan sekarang

^{j 31:30} dewa-dewa ku? **trjmh lain:** allah-allah ku? Perkataan Ibrani ini sama dgn yg diterjemah sebagai Allah.

^{h 31:31} fikir **hrfh:** kata dalam hati

mu dari saya. ^{31:32} **Kalau** kau menemui sesiapa yang ada dewa-dewa mu, dia tidak akan hidup! Di depan sanak-saudara kita, tengoklah sendiri apa yang ada pada saya dan ambil **sajalah** untuk diri sendiri.” Ya`aqob tidak tahu bahawa Raḥel telah mencurinya. ^{31:33} Laban masuk ke khemah Ya`aqob dan khemah Leah dan khemah dua hamba perempuannya dan tidak menemuinya.^p Setelah ia keluar dari khemah Leah ia masuk ke khemah Raḥel. ^{31:34} Raḥel sudah mengambil berhala-berhala peribadi itu dan memasukkannya ke dalam pelana untanya dan dia sedang duduk di atas berhala itu.^p Laban menggeledahⁱ seluruh khemah tetapi tidak menemuinya. ^{31:35} Dia berkata kepada bapanya, “Janganlah marah-marah tuanku;^h saya tidak dapat bangun di hadapan mu sebab saya sedang datang bulan.”^h Oleh itu dia mencari tetapi tidak menjumpai berhala-berhala itu. ^{31:36} Setelah itu Ya`aqob menjadi marah betul^h sehingga dia bertengkar dengan Laban. Ya`aqob membalas Laban dengan berkata, “Apa kesalahanku?^j Apa dosa ku sehingga kau terburu-buru mengejar ku? ^{31:37} Kau sudah menggeledah^j semua milik ku. Apa yang telah kau temui dari barang rumah mu? Letakkanlah semuanya di hadapan sanak-saudara ku dan sanak-saudara mu

saudara kita, carilah sendiri **jika ada milik ayah** yang ada pada kami dan ambillah ia.” Ya`aqob **berani bercakap begitu kerana dia** tidak tahu bahawa Raḥel telah mencuri berhala itu. ^{31:33} Laban mencari berhala itu di dalam khemah Ya`aqob, khemah dua gundik dan khemah Leah, tetapi dia tidak menemui **berhala itu di situ**. Sekeluar sahaja dia dari khemah Leah, ia masuk **pula** ke dalam khemah Raḥel. ^{31:34} **Waktu itu Raḥel berada dalam khemahnya** duduk di atas pelana untanya tempat ia telah menyembunyikan berhala itu. Laban menggeledah seluruh khemah itu **mencari berhalanya** tetapi tidak menemuinya. ^{31:35} Kata Raḥel, “Minta maaf ayah, jangan marah ya. Saya tidak dapat bangun untuk menyambut ayah sebab saya sedang datang bulan.” Jadi akhirnya Laban gagal menjumpai berhala yang dicarinya itu. ^{31:36} Setelah itu Ya`aqob menjadi amat marah sehingga dia bertengkar dengan Laban. Dia membalas **tindakan** Laban dengan berkata, “Apa kesalahan saya? Apa dosa saya sehingga ayah terburu-buru mengejar saya? ^{31:37} Ayah sudah menggeledah semua milik saya. Adakah ayah terjumpa apa-apa barang dari rumah ayah **di sini**? Letakkanlah semuanya di hadapan sanak-saudara kita berdua agar mereka dapat memberi keputusan siapa di antara kita berdua betul dan siapa yang salah! ^{31:38} **Dalam** dua puluh tahun **kebelakangan ini sewaktu** saya bersama ayah, domba dan kambing

tent, into Leah’s tent, and into the tent of the two female servants; but he didn’t find them. He went out of Leah’s tent, and entered into Rachel’s tent. ^{31:34} Now Rachel had taken the teraphim, put them in the camel’s saddle, and sat on them. Laban felt about all the tent, but didn’t find them. ^{31:35} She said to her father, “Don’t let my lord be angry that I can’t rise up before you; for I’m having my period.” He searched, but didn’t find the teraphim. ^{31:36} Jacob was angry, and argued with Laban. Jacob answered Laban, “What is my trespass? What is my sin, that you have hotly pursued after me? ^{31:37} Now that you have felt around in all my stuff, what have you found of all your household stuff? Set it here before my relatives and your relatives, that they may judge between us two. ^{31:38} “These twenty years I have been with you. Your ewes and your female goats have not cast their young, and I haven’t eaten the rams of your flocks. ^{31:39} That which was torn of animals, I didn’t bring to you. I bore its loss. Of my hand you required it, whether stolen by day or stolen by night. ^{31:40} This was my situation: in the day the drought consumed me, and the

^p ^{31:33} Tfsrn yg diikuti di sini menganggap Laban masuk khemah dua gundik itu terlebih dahulu, dan barulah khemah Leah. Kalau tepat, itu bermakna nama Leah disebut lebih awal disebabkan pangkatnya, dan bukan urutan peristiwa. Tfsrn yg lain menganggap urutan peristiwa mengikuti urutan sebutannya, tetapi dlm ayat yg berikut hanya Leah disebut kerana pangkat dua gundik itu rendah.

^p ^{31:34} *atas berhala itu* **hrfh:** *atasnya*. Di sini *nya* merujuk kpd berhala itu, bukan pelana, walaupun sudah tentu dia duduk atas pelana, dgn sindiran bahawa berhala itu dikotorkan atau dihina. Bahagian cerita ini tentu melucukan bagi orang Israel kerana berhala dihina.

ⁱ ^{31:34} Perkataan Ibrani yg digunakan di sini utk *menggeledah* ialah *merabah*, perkataan yg sama dgn waktu bapa Ya`aqob meraba dia (27:21-22); mungkin pengarang buku ini mahu kita membandingkan dua peristiwa itu.

^h ^{31:35} *Janganlah marah-marah* **hrfh:** *Janganlah pedih dalam mata tuanku*. Kiasan yg sama digunakan di 45:5.

^h ^{31:35} *saya sedang datang bulan*. **hrfh:** *jalan/cara perempuan ada pada saya*

^h ^{31:36} *Setelah itu Ya`aqob menjadi marah betul* **hrfh:** *Setelah itu ia membakar pada Ya`aqob*

^j ^{31:36} *Apa kesalahanku?* **trjmh lain:** *Apa kelanggaranku?*

^j ^{31:37} *menggeledah* **trjmh lain:** *meraba-raba*

<p>agar mereka dapat menghakimi di antara kita berdua! ^{31:38} Dalam dua puluh tahun ini di mana saya bersama mu, domba betina dan kambing betina mu tidak keguguran anak. Dan saya tidak pernah makan jantan kawanan mu. ^{31:39} Saya tidak membawa kepada mu bangkai ternakan mangsa binatang buas; aku sendiri yang menanggung kerugian. Kau menuntut dari tangan ku ternakan yang dicuri, ^j tidak kira ia dicuri siang atau malam. ^{31:40} Begitulah saya: waktu siang kepanasan menyerang saya; ^h waktu malam kesejukan. ^h Tidur lari dari mata ku. ^{31:41} Begitu keadaan ku ^h selama dua puluh tahun; saya berkhidmat ^j untuk mu sebagai bawahan mu; ^h empat belas tahun untuk anak-anak perempuan mu, dan enam tahun untuk kawanan mu. Dalam waktu itu kau mengubah gaji ku sepuluh kali. ^t ^{31:42} Kalau bukan Allah datuk ku ^h yang berpihak pada ku, iaitu Allah Abraham yang juga Keseganan Yis'haq, ^j sekarang tentu kau sudah menyuruh saya pulang ^h dengan tangan kosong. Tetapi Allah melihat penindasan ^j ke atasku dan kerajinan ku ^h dan menegur mu ^t malam tadi. ^p</p>	<p>betina ayah tidak keguguran anak. Dan saya tidak pernah mengambil kambing jantan dari kawanan ayah untuk dimakan. ^{31:39} Saya tidak membawa bangkai ternakan mangsa binatang buas kepada ayah untuk ditanggung ayah; saya sendiri yang mengganti rugi. Ayah menuntut ganti rugi dari saya ternakan yang hilang, tidak kira ia diambil siang atau malam. ^{31:40}: Waktu siang saya diserangi kepanasan; waktu malam saya begitu kesejukan sehingga tidak dapat tidur. Itulah yang saya tempuhi. ^{31:41} Dalam keadaan begitu saya bekerja sebagai bawahan ayah selama dua puluh tahun; empat belas tahun untuk memperolehi dua anak ayah sebagai isteri, dan enam tahun lagi untuk mendapat sebahagian daripada kawanan kambing dan domba ayah. Begitu pun, ayah mengubah gaji saya berkali-kali. ^{31:42} Kalau bukannya Allah yang disembah datuk saya yang berpihak pada saya, iaitu Allah Abraham yang juga disegani ayah saya Yis'haq, sekarang tentu ayah sudah menyuruh saya pulang dengan tangan kosong. Tetapi Allah melihat bagaimana saya ditindas dan cara saya terus rajin bekerja. Itu sebab ia menegur ayah malam tadi.</p>	<p>frost by night; and my sleep fled from my eyes. ^{31:41} These twenty years I have been in your house. I served you fourteen years for your two daughters, and six years for your flock, and you have changed my wages ten times. ^{31:42} Unless the God of my father, the God of Abraham, and the fear of Isaac, had been with me, surely now you would have sent me away empty. God has seen my affliction and the labor of my hands, and rebuked you last night.”</p>
--	--	--

^j 31:39 *dicuri trjmhn lain: hilang*. Ini boleh merujuk kpd binatang yg dicuri oleh binatang buas atau manusia.

^h 31:40 *kepanasan menyerang saya hrfh: kekeringan makan saya*. Udara sangat kering (tdk lembap) waktu musim panas di sana.

^h 31:40 *kesejukan hrfh: embun berbeku*

^h 31:41 *Begitu keadaan ku hrfh: Ini kepada ku*

^j 31:41 *berkhidmat trjmhn 2: melayan trjmhn 3: bekerja*

^h 31:41 *sebagai bawahan mu hrfh: dalam rumah mu trjmhn lain: di bawah naungan mu*. Frasa *dalam rumah mu* di sini menunjukkan hubungan mereka, bukan tempat bekerja.

^t 31:41 *sepuluh kali tfsrn 1: banyak kali tfsrn 2: sepuluh kali*. Kebanyakan pentafsir memahami *sepuluh kali* dlm b. Ibrani dgn makna *banyak kali*, iaitu lebih daripada sepuluh kali tetapi ada juga yg memahaminya secara harfiah.

^h 31:42 *datukku hrfh: bapaku*

^j 31:42 *Keseganan Yis'haq trjmhn 2: Ketakutan Yis'haq trjmhn 3: yang ditakuti Yis'haq trjmhn 4: yang disegani Yis'haq*. Sama dlm ayat 53. Ada pentafsir yg anggap *Keseganan Yis'haq* ini sbg suatu tajuk utk Allah. Ada juga yg fikir ia hanya suatu penerangan.

^h 31:42 *menyuruh saya pulang hrfh: menyuruh saya pergi*

^j 31:42 *penindasan trjmhn 2: penganiayaan trjmhn 3: kesengsaraan*. Perkataan b. Ibrani ini (*ʿaniya*) ada kaitan dgn perkataan Melayu *aniaya* yg telah dipinjam dr bahasa Arab.

^h 31:42 *kerajinan ku hrfh: kerja keras tangan ku*

^t 31:42 *menegur mu tfsrn lain: memberi keputusan / menghakimi*. Perkataan yg digunakan di sini sama dgn yg di dlm ayat 37. Di sini ia merujuk keputusan negatif terhadap Laban.

^p 31:42 *Iaitu dlm mimpi yg disebut dlm ayat 29*.

<p>Ya`aqob dan Laban Membuat Persetujuan</p> <p>^{31:43} Laban menjawab dengan berkata kepada Ya`aqob, “Perempuan-perempuan ini adalah anak-anak ku, dan anak-anak ini adalah cucu ku.^h Kawanan itu adalah kawanan ku. Semua yang kau lihat adalah kepunyaanku. Tetapi apa yang boleh saya buat sekarang ini^h kepada anak-anak perempuan ku dan anak yang telah dilahirkannya?^j ^{31:44} Jadi sekarang mari kita membuat persetiaan^j tidak menceroboh, saya dan engkau, dan ia^p akan menjadi saksi^j di antara saya dan engkau.^t ^{31:45} Jadi Ya`aqob mengambil batu dan menegakkannya sebagai tugu.^j ^{31:46} Kemudian Ya`aqob berkata kepada saudara-maranya,^h “Kumpulkanlah batu-batu.” Maka pergilah mereka mengambil batu dan membuat timbunan batu. Lalu mereka makan berdekatan^h timbunan itu.^{31:47} Laban memanggilnya “Yegar Šahaduta”</p>	<p>Ya`aqob dan Laban Membuat Persetujuan</p> <p>^{31:43} Laban menjawab Ya`aqob, “Perempuan ini adalah anak-anak ayah, dan anak-anak mereka adalah cucu ayah. Ternakan itu adalah ternakan ayah. Semua yang kau lihat adalah kepunyaan ayah. Ayah tidak mahu anak ayah dan anak yang telah dilahirkannya keluar dari bawah perlindungan ayah, tetapi apa boleh buat, ayah sudah tiada jalan lagi untuk menahannya.^{31:44} Jadi mari kita berdua membuat persetiaan. Dengan persetiaan ini, Tuhan akan menentukan pihak yang mana bersalah dalam hal pencerobohan kelak dan menghukumnya.^{31:45} Ya`aqob setuju. Jadi dia mengambil batu dan menegakkannya sebagai tugu tanda tempat persetiaan itu.^{31:46} Kemudian Ya`aqob berkata kepada saudara-maranya, “Kumpulkanlah batu-batu.” Maka pergilah mereka mengambil batu dan membuat timbunan batu. Mereka semua makan bersama berdekatan timbunan itu.^{31:47} Laban memberi nama bahasa Aram kepada</p>	<p>Laban Makes a Treaty with Jacob</p> <p>^{31:43} Laban answered Jacob, “The daughters are my daughters, the children are my children, the flocks are my flocks, and all that you see is mine: and what can I do this day to these my daughters, or to their children whom they have borne?^{31:44} Now come, let us make a covenant, you and I; and let it be for a witness between me and you.”^{31:45} Jacob took a stone, and set it up for a pillar.^{31:46} Jacob said to his relatives, “Gather stones.” They took stones, and made a heap. They ate there by the heap.^{31:47} Laban called it Jegar Sahadutha,[†] but Jacob called it Galeed.[‡]^{31:48} Laban said, “This heap is witness between me and you this day.” Therefore it was named Galeed^{31:49} and Mizpah, for he said, “Yahweh watch between me and you, when we are absent one from another.”</p>
--	---	--

^h 31:43 *Perempuan-perempuan ini hrhf: anak-anak perempuan ini*

^h 31:43 *cucuku hrhf: anak-anakku*

^h 31:43 *sekarang ini hrhf: hari ini*

^j 31:43 *Tetapi apa yang boleh saya buat sekarang ini kepada anak-anak perempuan ku dan anak yang telah dilahirkannya? trjmhn lain: Ayah tidak mahu anak ayah dan anak yang telah dilahirkannya keluar dari bawah perlindungan ayah, tetapi apa boleh buat, ayah sudah tiada jalan lagi untuk menahannya. Frasa dari bawah perlindungan ku sebenarnya bermakna dari dalam genggamannya ku, tetapi orang spt Laban tdk akan bercakap terus-terang dan menyebut maksudnya yg sebenar.*

^t 31:43 **Tfsrn 2:** *Tetapi tidak mungkin saya akan mengapa-apakan anak dan cucu ku. Tfsrn 3: *Tetapi selepas ini saya tidak dapat menolong anak dan cucu ku dalam apa-apa hal.**

^j 31:44 *persetiaan trjmhn 2: perjanjian trjmhn 3: pakatan. Ini terutamanya persediaan tdk menceroboh. Laban menambah juga amaran ttg cara Ya`aqob memperlakukan isterinya, tetapi itu rupanya di luar persediaan itu.*

^p 31:44 *Di sini kami anggap perkataan ia merujuk kpd persediaan atau perjanjian itu. Ada pentafsir yg menganggap ia merujuk kpd timbunan batu itu, di mana perkataan saksi bermakna lambang atau tanda. Ada juga terjemahan lain yg tdk menterjemahkan perkataan ia (lihat nota di bawah), yg fikir saksi merujuk kpd Tuhan, kerana Tuhan adalah penguat-kuasa semua perjanjian.*

^j 31:44 *saksi trjmhn 2: bukti kesalahan trjmhn 3: sesuatu yang menentukan siapa yang bersalah. Ia menjadi saksi bermakna ia sesuatu yg boleh membuktikan siapa yg bersalah. Pentafsir yg lain percaya ia merujuk kpd batu yg didirikan dlm ayat berikut. Dgn tfsrn itu, perkataan saksi boleh diterjemah sebagai lambang nyata atau tanda, tetapi ia juga menunjukkan siapa yg bersalah dlm hal pencerobohan. Mereka menganggap bahawa Tuhan (atau dewa-dewa) akan menguat-kuasakan perjanjian mereka dan menghukum pihak yg bersalah.*

^t 31:44 *dan ia akan menjadi saksi di antara saya dan engkau tfsrn lain: dan akan ada saksi di antara saya dan engkau. Tfsrn kedua ini menganggap Tuhan sbg saksi itu yg menguat-kuasakan perjanjian itu.*

^j 31:45 *Ia akan menentukan siapa di antara kita yang bersalah dalam hal pencerobohan kelak. trjmhn lain: Dengannya Tuhan dapat menentukan pihak yang mana bersalah dalam hal pencerobohan kelak dan menghukumnya.*

^h 31:46 *saudara-maranya hrhf: saudaranya*

^h 31:46 *berdekatan hrhf: atas / pada / di*

<p>manakala Ya`aqob memanggilnya “Gal`ed”.^{n 31:48} Laban berkata, “Timbunan ini adalah saksi^j di antara saya dan kau pada hari ini.” Itu pula sebab nama tempat itu^t dipanggil “Gal`ed”.^{n 31:49} Ia juga dipanggil Mişpaⁿ sebab dia^p berkata, “Semoga Yahweh memerhati^p di antara saya dan kau, kerana kita masing-masing tersembunyi satu dari yang lain.”^{31:50} “Kalau kau menindas^j anak-anak perempuan ku, ataupun kalau kau mengambil isteri selain daripada anak-anak ku, walaupun tiada manusia yang memerhati,^h ingat bahawa^j Allah adalah saksi di antara saya dan engkau.”^{31:51} Laban berkata lagi kepada Ya`aqob, “Tengok timbunan batu ini dan tengok tugu ini^p yang saya tempatkan di antara saya dan engkau.”^{31:52} Timbunan batu ini adalah tanda^h sempadan dan tugu ini adalah tanda sempadan, agar saya tidak melalui timbunan ini pergi kepada kau, dan kau tidak melalui timbunan ini dan tugu ini datang kepada saya untuk membuat jahat.^{p 31:53} Biarkan ilah</p>	<p>timbunan itu “Yegar Şahaduta” manakala Ya`aqob memberikannya nama bahasa Ibrani “Gal`ed”; kedua-duanya bermakna “timbunan tanda perjanjian”.^{31:48} Laban berkata, “Timbunan ini adalah tanda persetiaan kita berdua pada hari ini bahawa kita tidak menceroboh.” Itu juga sebabnya nama tempat itu dipanggil “Gal`ed”.^{31:49} Tempat itu juga dipanggil Mişpa sebab Laban berkata, “Semoga Yahweh memerhatikan tindak-tanduk kita berdua dan menguat-kuasakan perjanjian kita, kerana kita sama-sama tidak tahu bagaimana tingkah-laku masing-masing.”^{31:50} “Kalau kau menzalimi anak-anak perempuan ayah, ataupun mengambil isteri selain daripada anak-anak ayah, walaupun tiada manusia yang memerhati, ingat bahawa Allah adalah saksi kesalahan mu terhadap ayah dan dialah yang akan membalas mu.”^{31:51} Laban menambah, “Pada hari ini juga ayah mengisytiharkan timbunan batu dan tugu ini sebagai sempadan di antara kita berdua.”^{31:52} Timbunan batu dan tugu ini adalah tanda sempadan. Ayah tidak boleh melalui timbunan ini pergi kepada kau. Kaupun tidak boleh</p>	<p>^{31:50} If you afflict my daughters, or if you take wives besides my daughters, no man is with us; behold, God is witness between me and you.”^{31:51} Laban said to Jacob, “See this heap, and see the pillar, which I have set between me and you.”^{31:52} May this heap be a witness, and the pillar be a witness, that I will not pass over this heap to you, and that you will not pass over this heap and this pillar to me, for harm.”^{31:53} The God of Abraham, and the God of Nahor, the God of their father, judge between us.” Then Jacob swore by the fear of his father, Isaac.”^{31:54} Jacob offered a sacrifice in the mountain, and called his relatives to eat bread. They ate bread, and stayed all night in the mountain.^{31:55} Early in the morning, Laban rose up, and kissed his sons and his daughters, and blessed them. Laban departed and returned to his place.</p>
---	---	--

^{n 31:47} *Yegar Şahaduta* adalah bahasa Aram, dan *Gal`ed* adalah b. Ibrani. Kedua-duanya bermakna *timbunan* adalah saksi. Saksi di sini bermakna *tanda* atau *bukti* bahawa perjanjian telah dibuat.

^{j 31:48} saksi trjmhn lain: *tanda persembaan*. Seolah-olah batu-batu itu menyaksikan perjanjian mereka, dan dapat menjadi *saksi bisu*. Sebenarnya ia *tanda* atau *bukti* akan perjanjian yg dibuat

^{t 31:48} tempat itu tfsrn lain: *timbunan itu* *

^{n 31:48} *Gal`ed* bermakna *timbunan sebagai* saksi.

^{n 31:49} *Mişpah* bermakna *menara memerhati*. Sebutan Mişpah juga dkt dgn bunyi perkataan *memerhati*.

^{p 31:49} Tdk disebut siapa *dia*, tetapi agaknya ini merujuk kpd Laban kerana dialah yg bercakap dlm ayat 48, dan seterusnya dlm ayat 50. Nama *Yahweh* disebut, yg hanya Tuhan kpd Ya`aqob, tetapi mungkin Laban sengaja memanggil Tuhan Ya`aqob sebagai pemerhati supaya Ya`aqob takut melanggar perjanjian itu.

^{p 31:49} Laban tdk menyembah Yahweh, tetapi ia memanggil Yahweh utk memerhati, kerana dia tahu bahawa Ya`aqob takut akan Yahweh. Dgn sebut *memerhati*, Laban maksudkan *memerhati dan menguat-kuasakan* perjanjian itu.

^{j 31:50} *menindas* trjmhn 2: *menganiayai* trjmhn 3: *menzalimi*. Ini kata dasar yg sama dgn yg diterjemah sebagai *penindasan* dlm ayat 42. Ia berbunyi spt Laban telah menindas Ya`aqob, tetapi ia tdk mahu Ya`aqob menindas anak-anaknya.

^{h 31:50} *tiada manusia yang memerhati* hrhf: *tiada manusia bersama kita*

^{j 31:50} *ingat bahawa* trjmhn lain: *sedar bahawa* hrhf: *lihat*

^{p 31:51} *Tengok timbunan batu ini dan tengok tugu ini ...* trjmhn lain: *Pada hari ini juga saya mengisytiharkan timbunan batu dan tugu ini ...* Cara sebut maksud ini dlm b. Inggeris ialah: *I hereby declare this heap of stones and this pillar as ...*

^{h 31:52} *tanda* hrhf: *saksi*. Sama dlm kegunaan kedua.

^{p 31:51} Bukan Laban dan orangnya yg mengumpulkan batu-batu itu, tetapi dialah yg memberi makna tertentu kpdnya di sini sebagai sempadan.

<p>Abraham dan ilah Naħor, ^t iaitu, ilah-ilah bapa ^t mereka, ^p mengadili di antara kita.” Ya`aqob mengangkat sumpah atas nama Allah Keseganan Yiş`haq bapanya. ^{p 31:54} Kemudian Ya`aqob mengorbankan korban di perbukitan itu. ^h Dia memanggil sanak-saudaranya untuk makan makanan. ^h Mereka makan makanan dan bermalam di perbukitan. ^{31:55} Pagi esoknya, Laban bangun awal, mencium cucu-cucunya ^h dan anak-anak perempuannya lalu memberkati mereka. Seterusnya Laban berjalan kembali ke tempatnya. ^p</p> <p>Ya`aqob dan `Eśaw Berdamai ^{32:1} Ya`aqob meneruskan perjalanannya ^h dan malaikat-malaikat Allah ^j menemuinya. ^{32:2} Apabila Ya`aqob melihat mereka, dia berkata, “Ini pangkalan tentera Allah!” ^h Kemudiannya ia memanggil nama tempat itu “Mahanaim”. ⁿ</p>	<p>melalui timbunan dan tugu ini untuk mencelakakan ayah. ^{31:53} Biarkan ilah Abraham dan ilah Naħor, iaitu, ilah-ilah bapa mereka mengadili dan menguat-kuasakan persetiaan di antara kita berdua.” Ya`aqob setuju tetapi ia hanya mengangkat sumpah atas nama Allah yang disegani bapanya Yiş`haq dan datuknya Abraham. ^{31:54} Kemudian Ya`aqob mempersembahkan binatang korbanan kepada Allah sewaktu mereka masih berada di perbukitan itu. Dia menjemput sanak-saudaranya untuk makan jamuan bersamanya. Mereka makan bersama dan bermalam di situ di perbukitan. ^{31:55} Pagi esok, Laban bangun awal, mencium cucunya dan kedua-dua anak perempuannya lalu mengucapkan berkat atas mereka semua. Seterusnya dia dan rombongannya pulang ke kampung halamannya.</p> <p>Ya`aqob dan `Eśaw Berdamai ^{32:1} Ya`aqob dan rombongannya pun meneruskan perjalanan mereka pulang. Tiba-tiba di tengah jalan sepasukan malaikat Allah datang menemui Ya`aqob. ^{32:2} Apabila Ya`aqob melihat semua malaikat itu, dia berkata, “Wah! Tempat ini</p>	<p>Jacob is Reconciled with Esau ^{32:1} Jacob went on his way, and the angels of God met him. ^{32:2} When he saw them, Jacob said, “This is God’s army.” He called the name of that place Mahanaim.</p>
---	--	--

^{t 31:53} *Biarkan ilah Abraham dan ilah Nahor tfsrn lain: Semoga Allah Abraham dan Nahor.* Tafsiran yg diikuti di sini menganggap Laban maksudkan dua *ilah* yg berlainan, sebab kata kerja yg digunakannya berjamak. Lagipun, kemungkinan besar dia seorang pagan. Tafsiran kedua menganggap satu saja Tuhan yg dirujuk dan disembah oleh kedua-dua orang ini, iaitu Allah yg sebenar.

^{t 31:53} *bapa tfsrn lain: nenek-moyang*

^{p 31:53} Rupanya ini bermakna Laban mahu supaya mereka angkat sumpah atas nama beberapa ilah (atau dewa) yg berlainan. Oleh kerana Laban yg bercakap, dlm ayat ini kedua-dua perkataan *ilah* ditulis dgn huruf kecil menurut anggapan dia. Ya`aqob menolak konsep itu dan angkat sumpah atas nama Allah yg satu dan benar yg disembah oleh bapanya Yiş`haq dan datuknya Abraham.

^{p 31:53} Ini bermakna dia mengangkat sumpah atas nama Allah yg disembah oleh Abraham dan Yiş`haq (iaitu Yahweh), tetapi ia tdk memakai nama ilah-ilah yg lain.

^{h 31:54} *perbukitan itu hrhf: bukit itu*

^{h 31:54} *makanan hrhf: roti.* Sama dlm kegunaan kedua.

^{h 31:55} *cucu-cucunya hrhf: anak-anak lelakinya*

^{p 31:55} Dlm teks Ibrani, ini ayat 32:1, dan tiada ayat 31:55. Oleh itu seluruh fasal 32 pincang satu ayat dgn ini. Terjemahan Melayu dan kebanyakan terjemahan Inggeris memakai nombor yg sama dgn di sini, sama spt terjemahan Yunani yg awal bernama Septuaginta.

^{h 32:1} *meneruskan perjalanannya hrhf: berjalan pulang pada jalannya*

^{j 32:1} *malaikat-malaikat Allah trjmhn 2: sepasukan malaikat Allah trjmhn 3: sekumpulan malaikat Allah*

^{h 32:2} *pangkalan tentera Allah. hrhf: perkhemahan tentera Allah.* Utk tentera, tempat perkhemahan tetaknya merupakan pangkalannya. Dlm Perjanjian Lama, malaikat sering dipanggil *tentera Allah* atau *bala Allah*.

^{n 32:2} *Mahanaim* bermakna *dua perkhemahan*. Oleh sebab tempat itu berada dkt anak sungai Yaboq, mungkin perkhemahan malaikat itu berada di seberang sungai itu, dan itu sebabnya ia dipanggil *dua perkhemahan*. Ataupun mungkin ia merujuk kpd satu

<p>32:3 Ya`aqob mengutus pesuruh-pesuruh mendahuluinya^h untuk menjumpai saudaranya `Eśaw, di tanah Se`ir di daerah^j Edom.^{p t 32:4} Dia menyuruh mereka,^h “Katakan begini kepada tuanku `Eśaw: ‘Begini kata hambamu Ya`aqob: Aku telah tinggal lama^h dengan Laban sampai sekarang.^{32:5} Saya ada lembu, keldai, kawanan kambing dan domba, dan hamba lelaki dan hamba perempuan. Saya telah mengutus pesuruh untuk memaklumkan tuanku agar saya mendapatkan rahmat di mata mu.”^{32:6} Utusan-utusan itu balik ke Ya`aqob dan berkata, “Kami sudah pergi ke saudaramu `Eśaw, dan dia pun datang untuk menjumpai mu, dan ada 400 lelaki bersamanya.”^{32:7} Ya`aqob sangat takut dan kecemasan.^j Maka dia membahagikan orang yang bersamanya dan kawanan kambing dan domba, lembu, dan unta-unta menjadi dua perkhemahan.^{j 32:8} Katanya, “Kalau `Eśaw datang ke salah satu perkhemahan dan menyerangnya, masih ada satu perkhemahan lagi yang terlepas.”^{32:9} Kemudian Ya`aqob berkata, “Ya Yahweh, Allah datukku Abraham, dan bapaku Yiş`haq,^h engkaulah yang berkata kepadaku,</p>	<p>pangkalan tentera Allah!” Kemudiannya ia menamakan tempat itu “Mahanaim”. 32:3 Mereka berhenti di tempat itu dan Ya`aqob mengutus pesuruh-pesuruhnya mendahuluinya pergi ke tanah Se`ir di daerah Edom untuk memesan abangnya `Eśaw.^{32:4} Begini arahnya: “Katakan begini kepada tuanku `Eśaw: ‘Begini kata hambamu Ya`aqob: Saya sudah tinggal lama dengan Laban sampai baru-baru ini.^{32:5} Saya ada lembu, keldai, kawanan kambing dan domba, dan hamba lelaki dan perempuan. Saya telah mengutus pesuruh untuk memaklumkan tuanku agar engkau merahmati ku.”^{32:6} Apabila utusan itu kembali kepada Ya`aqob, mereka berkata, “Kami sudah pergi ke abangmu `Eśaw, dan sekarang dia sedang dalam perjalanan ke sini untuk menjumpai tuan, dan ada 400 lelaki bersamanya.”^{32:7} Mendengar hal itu, Ya`aqob menjadi sangat takut dan kecemasan. Maka dia membahagikan orang yang bersamanya dan kawanan kambing dan domba, lembu, dan unta-untanya menjadi dua perkhemahan yang berjauhan.^{32:8} Katanya, “Kalau `Eśaw datang menyerang salah satu perkhemahan ini, sekurang-kurangnya orang di perkhemahan yang kedua sempat melarikan diri.”^{32:9} Kemudian Ya`aqob berdoa, “Ya Yahweh, Allah datukku Abraham dan bapaku Yiş`haq, engkaulah yang berkata</p>	<p>32:3 Jacob sent messengers in front of him to Esau, his brother, to the land of Seir, the field of Edom.^{32:4} He commanded them, saying, “This is what you shall tell my lord, Esau: ‘This is what your servant, Jacob, says. I have lived as a foreigner with Laban, and stayed until now.^{32:5} I have cattle, donkeys, flocks, male servants, and female servants. I have sent to tell my lord, that I may find favor in your sight.’”^{32:6} The messengers returned to Jacob, saying, “We came to your brother Esau. Not only that, but he comes to meet you, and four hundred men with him.”^{32:7} Then Jacob was greatly afraid and was distressed. He divided the people who were with him, and the flocks, and the herds, and the camels, into two companies;^{32:8} and he said, “If Esau comes to the one company, and strikes it, then the company which is left will escape.”^{32:9} Jacob said, “God of my father Abraham, and God of my father Isaac, Yahweh, who said to me, ‘Return to your country, and to your relatives, and I will do you</p>
---	--	--

perkhemahan utk pasukan melaikat itu, dan satu utk Ya`aqob dan orangnya. Mungkin juga ia merujuk kpd tindakannya kemudian apabila dia memisahkan perkhemahannya sendiri menjadi dua (32:7).

^{h 32:3} *medahuluinya hrhf: di depannya*

^{j 32:3} *daerah trjmhn lain: kawasan*

^{p 32:3} Sebelum tindakan dlm ayat ini, rupanya Ya`aqob dan rombongannya berkhemah di tempat itu.

^{t 32:3} *di tanah Se`ir di daerah Edom. tfsrn lain: di tanah Se`ir, iaitu Edom.* Tafsiran kedua ini menganggap Se`ir dan Edom ialah dua nama utk tempat yg sama. Tafsiran dlm teks menganggap Se`ir itu kawasan yg lebih kecil drpd Edom.

^{h 32:4} *Dia menyuruh mereka, hrhf: Dia menyuruh mereka dengan berkata,*

^{h 32:4} *tinggal lama hrhf: tinggal dan berlelah-lelah.* Perkataan *tinggal* di sini bermakna *tinggal di sesuatu tempat sebagai orang asing*, atau *tinggal sebagai seorang musafir*.

^{j 32:7} *kecemasan trjmhn lain: sesak hati*

^{j 32:7} *perkhemahan trjmhn 2: kumpulan trjmhn 3: kelompok.* Suatu *perkhemahan* itu terdiri drpd khemah-khemah (iaitu tempat tinggal yg boleh dipindah-pindah), orang, semua ternakan mereka, dan apa pun barang mereka yg lain.

^{h 32:9} *Ya Yahweh, Allah datukku Abraham, dan bapaku Yiş`hak ... hrhf: Allah bapaku Abraham, dan Allah bapaku Yiszhak, ya Yahweh...* Terejemahan harfiah dlm b. Melayu berbunyi spt ada lebih drpd satu Allah yg dimaksudkan. Ia juga berbunyi spt Ya`aqob ada dua orang bapa. Itu sebabnya terjemahan harfiah tdk boleh dipakai.

<p>‘Baliklah ke tanahmu, tempat asal-usulmu,^t dan aku akan berbuat baik kepadamu.’^p 32:10 Aku terlalu remeh untuk semua kasih^j dan semua kesetiaan^j yang telah kau tunjukkan kepada hambamu ini. Sebab dengan hanya tongkatku telah kuseberangi sungai Yordan ini,^p dan sekarang aku telah menjadi dua perkhemahan. 32:11 Tolong lepaskan ku dari tangan saudaraku – dari tangan `Ešaw – sebab aku ini takut dari dia, bahawa dia akan datang menyerangi ku dan ibu-ibu dengan anaknya.^{32:12} Engkau sendiri telah berkata, ‘Aku sememangnya akan berbuat baik kepadamu dan aku akan membuat zuriatmu^j seperti pasir di laut yang tidak boleh dihitung disebabkan banyaknya.’” 32:13 Dia tetap tinggal di situ malam itu dan mengumpulkan dari kepunyaannya^h hadiah^j untuk saudaranya `Ešaw: 32:14 200 kambing betina, 20 kambing jantan, 20 domba betina, 20 domba jantan, 32:15 30 unta betina yang menyusu dengan anaknya, 40 lembu betina, 10 lembu jantan, 20 keldai betina, dan 10 keldai jantan. 32:16 Setiap kawanan ia menyerahkannya kepada^h hamba-hambanya secara terpisah. Katanya kepada hamba-hambanya, “Seberangi di depan ku, dan buat jarak di antara setiap kawanan.” 32:17 Dia menyuruh yang pertama dengan berkata, “Saudaraku `Ešaw</p>	<p>kepadaku, ‘Baliklah ke tanah warisanmu, tempat asal-usulmu, dan aku akan memelihara mu dengan baik.’^{32:10} Aku tidak layak menerima semua kasih dan kesetiaan yang telah kau tunjukkan kepada hambamu ini. Sebab sewaktu aku menyeberangi sungai Yordan ini pada kali pertama dalam perjalanan ke Padan-Aram, hanya tongkatku yang ku bawa, manakala sekarang hamba dan ternakanku cukup untuk menjadi dua perkhemahan. 32:11 Tolong selamatkan aku dari abangku `Ešaw, sebab aku takut dia akan datang menyerang aku, isteri-isteri ku dan anak-anak ku. 32:12 Engkau sendiri telah berkata, ‘Aku sememangnya akan berbuat baik kepadamu dan aku akan membuat keturunanmu seperti pasir di pantai laut yang terlalu banyak untuk dikira.’” 32:13 Malam itu, Ya`aqob terus tinggal di Mahanaim dan memilih hadiah untuk abangnya `Ešaw dari ternakannya sebagai berikut: 32:14 200 ekor kambing betina, 20 ekor kambing jantan, 20 ekor domba betina, 20 ekor domba jantan, 32:15 30 ekor unta betina yang menyusu dengan anaknya, 40 ekor lembu betina, 10 ekor lembu jantan, 20 ekor keldai betina, dan 10 ekor keldai jantan. 32:16 Ya`aqob memisahkan setiap kawanan ternakan dari yang lain dan menyerahkan setiap kawanan kepada salah seorang hamba. Katanya kepada hamba-hambanya, “Seberangi sungai ini di depan saya dan jalan terus, dan tentukan ada jarak jauh di</p>	<p>good,’ 32:10 I am not worthy of the least of all the loving kindnesses, and of all the truth, which you have shown to your servant; for with just my staff I passed over this Jordan; and now I have become two companies. 32:11 Please deliver me from the hand of my brother, from the hand of Esau: for I fear him, lest he come and strike me, and the mothers with the children. 32:12 You said, ‘I will surely do you good, and make your seed as the sand of the sea, which can’t be numbered because there are so many.’” 32:13 He lodged there that night, and took from that which he had with him, a present for Esau, his brother: 32:14 two hundred female goats and twenty male goats, two hundred ewes and twenty rams, 32:15 thirty milk camels and their colts, forty cows, ten bulls, twenty female donkeys and ten foals. 32:16 He delivered them into the hands of his servants, every herd by itself, and said to his servants, “Pass over before me, and put a space between herd and herd.” 32:17 He commanded the foremost, saying, “When Esau, my brother, meets you, and asks you, saying, ‘Whose are you? Where are you going? Whose</p>
--	---	--

^t **32:9** tempat asal-usul mu **trsrn lain**: dan saudara-mara mu / dan sanak saudara mu. Oleh sebab Ya`aqob tiada saudara-mara yg tinggal di tanah Kana`an, tafsiran kedua itu tdk dipilih, walaupun ia merupakan terjemahan yg lebih biasa.

^p **32:9** Sebenarnya hal yg dikatakan oleh Tuhan adalah *Saya akan menyertai mu* (31:3). Ya`akob menafsirkan itu dgn, *aku akan berbuat baik kepadamu atau saya akan memelihara mu dengan baik*.

^j **32:10** kasih **trjmhn 2**: kasih setia **trjmhn 3**: kemurahan **trjmhn 4**: kasih **trjmhn 5**: kebaikan **b. Ibrani**: *hesed*

^j **32:10** kesetiaan **tfsrn 2**: kebenaran **b. Ibrani**: *emet*. Dua perkataan ini digunakan bersama di 24:27, 49; dan 47:29 juga.

^p **32:10** Sebenarnya, Ya`aqob berdiri dkt anak sungai Yaboq, tetapi sungai Yordan kelihatan dr situ, kerana kuala di mana anak sungai Yaboq masuk ke sungai Yordan yg terletak tdk jauh dr situ.

^j **32:12** zuriatku **trjmhn lain**: benihku / keturunanku

^h **32:13** mengumpulkan dari kepunyaannya **hrfh**: mengambil dari tangannya

^j **32:13** hadiah **trjmhn lain**: *ufti*. Perkataan ini biasanya digunakan utk pemberian kpd orang yg lebih berpangkat atau berkuasa. Sama dlm ayat 18, 20 & 21.

^h **32:16** menyerahkannya kepada **hrfh**: memberikannya ke tangan

akan menjumpaimu dan menyanyaimu dengan berkata, ‘Kau kepunyaan siapa? Ke mana kau pergi? Dan siapa punya ternakan di depanmu itu?’ ^{32:18} Kau harus menjawab, ‘Ia kepunyaan hambamu Ya`aqob. Ia hadiah yang dikirim kepada tuanku `Eśaw. Ketahuilah, ^h dia sendiri di belakang kami juga. ^{32:19} Dia pun menyuruh yang kedua, yang ketiga, dan juga semua yang berjalan di belakang kawanan-kawanan, dengan berkata, “Cakaplah begitu kepada `Eśaw ^h apabila kau menemuinya.” ^{32:20} Katakan juga, ‘Maklumlah, hambamu Ya`aqob sendiri di belakang kami.’” Sebab katanya, “Aku akan meredakan kemarahannya ^h dengan hadiah yang mendahului ku, ^h dan selepas demikian, aku akan melihat mukanya, dan mungkin dia akan menerima ku kembali.” ^h ^{32:21} Jadi hadiah itu diseberangi di depannya. ^h Dia sendiri tetap tinggal di perkhemahan pada malam itu.

^{32:22} Malam itu dia bangun dan mengambil ^t kedua-dua isterinya, dua hamba perempuannya dan sebelas anak lelakinya dan menyeberangi sungai Yaboq pada harungan. ^p ^{32:23} Selepas dia membawa mereka menyeberangi sungai ^h itu dia menyuruh supaya

antara setiap kawanan ternakan. ^{32:17} Kepada hamba pertama dia berkata, “Abang saya `Eśaw akan menjumpaimu, dan bertanya begini, ‘Kau hamba siapa? Ke mana kau pergi? Dan ternakan siapakah yang kau giring ini?’ ^{32:18} Kau harus menjawabnya, ‘Ia kepunyaan hambamu Ya`aqob yang dikirimnya sebagai hadiah kepada tuanku `Eśaw. Maklumlah, tuanku Ya`aqob sendiri akan menyusuli kami. ^{32:19} Ya`aqob pun menyuruh yang kedua, yang ketiga, dan setiap gembala yang menggiring sekawanan ternakan supaya mengatakan yang sama kepada `Eśaw apabila mereka menemuinya. ^{32:20} Dia juga menyuruh mereka berkata, “Maklumlah, hambamu Ya`aqob sendiri akan menyusuli kami.” Sebab katanya dalam hati, “Saya akan meredakan kemarahan `Eśaw dengan hadiah yang dikirim dahulu, dan kemudian apabila kami bersemuka, mungkin dia akan menerima saya kembali.” ^{32:21} Jadi hadiah ternakan itu dibawa menyeberangi anak sungai Yaboq dan berjalan terus sebelum dia sendiri. Dia sendiri tetap tinggal di perkhemahan pada malam itu.

^{32:22} Tengah malam itu dia bangun dan membawa kedua-dua isterinya, dua gundiknya dan sebelas anak lelakinya menyeberangi anak sungai Yaboq pada tempat yang cetek. ^{32:23} Selepas membawa keluarganya menyeberangi sungai itu dan balik ke seberang sana, dia menyuruh hamba-

are these before you?’ ^{32:18} Then you shall say, ‘They are your servant, Jacob’s. It is a present sent to my lord, Esau. Behold, he also is behind us.’” ^{32:19} He commanded also the second, and the third, and all that followed the herds, saying, “This is how you shall speak to Esau, when you find him. ^{32:20} You shall say, ‘Not only that, but behold, your servant, Jacob, is behind us.’” For, he said, “I will appease him with the present that goes before me, and afterward I will see his face. Perhaps he will accept me.” ^{32:21} So the present passed over before him, and he himself lodged that night in the camp.

^{32:22} He rose up that night, and took his two wives, and his two handmaids, and his eleven sons, and passed over the ford of the Jabbok. ^{32:23} He took them, and sent them over the stream, and sent over that which he had. ^{32:24} Jacob was left

^h ^{32:18} Ketahuilah hrffh: Lihatlah trjrmhn lain: Maklumlah. Sama dlm ayat 20.

^h ^{32:19} Cakaplah begitu kepada `Eśaw hrffh: Cakap menurut kata-kata ini berkata kepada `Eśaw

^h ^{32:20} meredakan kemarahannya hrffh: meredakan mukanya / menenangkan mukanya / menenteramkan mukanya

^h ^{32:20} yang mendahului ku hrffh: yang berjalan di depan mukaku

^h ^{32:20} menerimaku kembali. hrffh: mengangkat mukaku.

^h ^{32:21} di depannya hrffh: atas mukanya

^t ^{32:22} dia bangun dan membawa tfsrn lain: dia cepat membawa. Terjemahan lain faham bangun ini bukan bermaksud bangun dr tidur, tetapi bersedia cepat utk perjalanan, satu kegunaan yg biasa dlm b. Ibrani.

^p ^{32:22} Orang yg lain, spt anaknya Dinah (30:21, 34:1), hamba-hamba yg lain, dan semua ternakan tdk disebut di sini, tetapi tentu mereka pun turut menyeberang pd waktu ini.

^h ^{32:23} sungai hrffh: wadi. Ternyata pd waktu itu ada air dlm anak sungai itu sebab dia menyeberanginya pd harungan, iaitu tempat yg cetek.

<p>semua kepunyaannya diseberangi.^{h 32:24} Oleh itu Ya`aqob tertinggal seorang diri. Seorang bergomol dengan dia sampai fajar menyingsing.^{32:25} Apabila orang itu^h melihat bahawa dia tidak dapat mengalahkannya,^j dia menyentuh^t lesung pinggul Ya`aqob, dan lesung pinggul Ya`aqob terkehel^j dalam pergomolan dengan orang itu.^{h 32:26} Orang itu berkata, “Lepaskan ku sebab fajar sudah menyingsing.” Dia berkata, “Saya tidak akan melepaskan mu kecuali kau memberkati ku.”^{32:27} Orang itu berkata kepadanya, “Siapa nama mu?” Dia kata, “Ya`aqob.”^{n 32:28} Katanya, “Namamu tidak akan dipanggil Ya`aqob lagi,^p melainkan Israel,^{e n} sebab kau telah beradu^j dengan Allah dan manusia dan menang.^{j 32:29} Kemudian Ya`aqob minta,^h “Tolong nyatakan^j namamu.” Dia berkata, “Kenapa kau tanya namaku?”^p Kemudian dia memberkati dia di situ.^{p 32:30}</p>	<p>hambanya supaya menyeberangkan semua kepunyaannya.^{32:24} Oleh itu tinggal Ya`aqob seorang diri sahaja di seberang sana. Datanglah seorang dan bergomol dengan dia sampai fajar menyingsing.^{32:25} Apabila orang itu melihat bahawa dia tidak dapat mengalahkan Ya`aqob, dia menyentuh lesung pinggulnya, dan lesung pinggul Ya`aqob terkehel dalam pergomolan dengan orang itu. Begitupun, Ya`aqob belum melepaskan orang itu.^{32:26} Orang itu berkata, “Lepaskan aku sebab fajar sudah menyingsing.” Ya`aqob jawab, “Saya tidak akan melepaskan kau sehingga kau mengucapkan berkat atas saya.”^{32:27} Orang itu berkata, “Kalau begitu, siapa nama kau?” Jawabnya, “Ya`aqob.”^{32:28} Katanya, “Kau tidak akan dipanggil Ya`aqob lagi, melainkan Israel, sebab kau telah beradu dengan Allah dan manusia dan kau telah menang.^{32:29} Kemudian Ya`aqob berkata, “Tolong beritahu saya namamu.” Sahut orang itu, “Buat apa kau tanya namaku?” Kemudian dia memberkati Ya`aqob dan</p>	<p>alone, and wrestled with a man there until the breaking of the day.^{32:25} When he saw that he didn't prevail against him, he touched the hollow of his thigh, and the hollow of Jacob's thigh was strained, as he wrestled.^{32:26} The man said, “Let me go, for the day breaks.” Jacob said, “I won't let you go, unless you bless me.”^{32:27} He said to him, “What is your name?” He said, “Jacob”.^{32:28} He said, “Your name will no longer be called Jacob, but Israel; for you have fought with God and with men, and have prevailed.”^{32:29} Jacob asked him, “Please tell me your name.” He said, “Why is it that you ask what my name is?” He blessed him there.^{32:30} Jacob called the name of the place Peniel: for, he said, “I have seen God face to face, and my life is preserved.”^{32:31} The sun rose on him as he passed</p>
--	--	---

^{h 32:23} dia suruh semua kepunyaannya menyeberangi. **hrfh:** dia menyeberangkan yang ada padanya.

^{h 32:25} orang itu **hrfh:** dia. Sama dlm ayat 26, 27, 28 dan 29.

^{j 32:25} mengalahkannya **trjmh lain:** mengatasinya

^{t 32:25} menyentuh **tfsrn lain:** memukul. Istilah b. Ibrani boleh membawa kedua-dua makna ini. Sentuhan Tuhan sudah cukup kuat utk membawa kesan yg besar, dan oleh itu, ini tak payah ditafsir sbg pukul. Rupanya orang itu hanya menggunakan kuasa manusiawi utk bergomol, tetapi sentuhan itu dilakukan dgn kuasa ilahi.

^{j 32:25} terkehel **trjmh 2:** terseliuh **trjmh 3:** tergeliat **trjmh 4:** terpelecek

^{h 32:25} orang itu **hrfh:** dia / nya

^{n 32:27} Nama Ya`aqob bermakna *penipu* atau *yang memperdayakan*. Memang Tuhan sudah tahu nama Ya`aqob, tetapi pertanyaan itu sbg satu cara mengubah nama itu.

^{p 32:28} Nama frasa ini membawa implikasi bahawa panggilan Ya`aqob digunakan sbg sindiran atau penghinaan, kerana ia ada makna *penipu* atau *orang yang memperdayakan*.

^{e 32:28} Ejaan yg lebih tepat ialah *Yisra'el*, tetapi kami ikut ejaan yg sudah menjadi biasa, termasuk nama negara moden Israel.

^{n 32:28} Nama *Israel* mungkin bermakna *Allah bersaing/beradu*. Ada juga yg percaya ia bermakna *Dia bersaing/beradu dengan Allah*, makna yg sesuai dlm konteks ini. Pentafsir yg lain mencadangkan makna, *Allah akan memerintah*.

^{j 32:28} beradu **trjmh 2:** bersaing **trjmh 3:** bertanding **trjmh 4:** berjuang

^{j 32:28} menang **trjmh lain:** berjaya

^{h 32:29} minta **hrfh:** minta dengan berkata

^{j 32:29} nyatakan **trjmh lain:** beritahu

^{p 32:29} Semua tafsiran menganggap ini sbg pertanyaan retorik. Agaknya ia bermakna *Tentu kau sudah tahu siapa saya*. sebab ternyata drpd ayat berikut bahawa Ya`aqob tahu bahawa ini sebenarnya Allah. Mungkin soalan itu dianggap salah kerana pd waktu itu orang sering mahu mengetahui nama dewa-dewa utk memperalatkannya. Pentafsir yg lain menganggap ini sbg soalan retorik yg bermakna, *Tentu kau sudah tahu siapa saya ini*.

^{p 32:29} Rupanya pemberkatan itu juga merupakan kata perpisahan spt *selamat tinggal*.

Ya`aqob memanggil nama tempat itu Peni'elⁿ sebab **katanya**, “Aku telah melihat Allah muka dengan muka dan hidupku^j diselamatkan.”
^{32:31} Matahari terbit padanya sewaktu dia menyeberangi di Peni'el,^e dan dia tempang di pinggulnya.^{32:32} Oleh yang demikian, sampai hari ini bani Israel tidak makan daging yang menutupi lesung pinggul,^h sebab dia telah menyentuh urat daging Ya`aqob pada lesung pinggulnya.

Ya`aqob dan `Eśaw Bertemu

^{33:1} Ya`aqob melihat ke hadapan^h dan nampak `Eśaw sedang datang dan bersamanya ada 400 lelaki.^p Dia membahagikan anak-anak kepada Leah, Raḥel dan dua hamba perempuan.^{33:2} Dia menempatkan hamba-hamba perempuan dan anak mereka di depan, Leah dan anaknya di belakang **mereka**, dan Raḥel dan **anaknya** Yosef di belakang **sekali**.^p
^{33:3} Dia sendiri mendahului mereka dan sujud ke tanah **sebanyak** tujuh kali sewaktu mendekati saudaranya.^{33:4} Kemudian `Eśaw lari untuk bertemu dengannya, memeluknya leher ke leher^h dan menciumnya. Lalu mereka menangis.^{33:5} Kemudian `Eśaw melihat ke hadapan^h dan melihat perempuan-perempuan dan anak-anak, dan

meninggalkannya di tempat itu.^{32:30} Ya`aqob menamakan tempat itu Peni'el, **yang bermakna** “wajah Allah”.
Katanya, “Aku telah bertembung muka dengan Allah dan tidak juga mati.^{32:31} Sinaran pertama matahari terkena Ya`aqob sewaktu dia menyeberangi **sungai Yaboq** di Peni'el.^e Dia **berjalan** tempang **disebabkan** pinggulnya **yang terkehel**.^{32:32} Dari peristiwa itulah timbulnya adat orang Yahudi tidak makan daging yang menutupi lesung pinggul **binatang** yang tetap diamal hingga sekarang sebab Allah telah menyentuh urat daging Ya`aqob pada lesung pinggulnya.

Ya`aqob dan `Eśaw Bertemu

^{33:1} Sewaktu Ya`aqob dan **keluarganya berjalan ke arah selatan**, Ya`aqob melihat ke ufuk dan nampak `Eśaw sedang berjalan ke arahnya dengan 400 lelaki **tersebut**. Ya`aqob **terus** membahagikan anak-anaknya, masing-masing bersama **ibunya** Leah, Raḥel dan dua gundiknya.^{33:2} Dia menempatkan dua gundiknya dan anak mereka di depan sekali. Leah dan anaknya diarah berjalan di tengah-tengah. Kemudian Raḥel dan **anaknya** Yosef berjalan di belakang **sekali**.
^{33:3} Ya`aqob sendiri berjalan mendahului mereka semua. Sewaktu dia sudah mendekati abangnya, dia berhenti sebanyak tujuh kali untuk sujud ke tanah di hadapannya.^{33:4} Kemudian `Eśaw lari untuk bertemu dengan Ya`aqob, memeluknya erat-erat dan menciumnya. Lalu mereka berdua menangis.^{33:5} Kemudian

over Peniel, and he limped because of his thigh.
^{32:32} Therefore the children of Israel don't eat the sinew of the hip, which is on the hollow of the thigh, to this day, because he touched the hollow of Jacob's thigh in the sinew of the hip.

Jacob and Esau Meet Again

^{33:1} Jacob lifted up his eyes, and looked, and, behold, Esau was coming, and with him four hundred men. He divided the children between Leah, Rachel, and the two handmaids.^{33:2} He put the handmaids and their children in front, Leah and her children after, and Rachel and Joseph at the rear.^{33:3} He himself passed over in front of them, and bowed himself to the ground seven times, until he came near to his brother.
^{33:4} Esau ran to meet him, embraced him, fell on his neck, kissed him, and they wept.
^{33:5} He lifted up his eyes, and saw the women and the children; and said, “Who are these with you?”
 He said, “The children whom

ⁿ ^{32:30} *Peni'el* bermakna muka Allah.

^j ^{32:30} *hidupku trjmh lain: nyawaku*

^e ^{32:31} Dlm teks Masoritik, ia dieja *Penu'el* di sini, bukan *Peni'el*.

^h ^{32:32} *daging yang menutupi lesung pinggul hrhf: urat daging lesung pinggul / urat siatik lesung pinggul*

^h ^{33:1} *Ya`aqob melihat ke hadapan hrhf: Ya`aqob meninggikan matanya dan melihat*

^p ^{33:1} Kita tdk diberitahu di mana semua ternakan Ya`aqob dan hamba-hamba yg menjaganya, tetapi agaknya mereka menyusul di belakang.

^p ^{33:2} Dari susunan ini kita boleh lihat siapa yg paling dihargai Ya`aqob, sebab kalau mereka diserang, orang yg di depan akan kena serang terlebih dulu, dan orang yg berada di belakang mungkin dapat melepaskan diri.

^h ^{33:4} *memeluknya leher ke leher hrhf: memeluknya dan jatuh atas lehernya*

^h ^{33:5} *Kemudian `Eśaw melihat ke hadapan hrhf: Dan dia meninggikan matanya*

<p>berkata, “Apa pertalian yang ini dengan mu?”^j Katanya, “Anak-anak yang Allah kurniakan kepada hambamu.”^{33:6} Selepas itu hamba-hamba perempuan itu dan anak-anak mereka mendekati `Eśaw dan sujud.^{33:7} Selepas itu Leah dan anak-anaknya pun mendekati dan sujud. Akhirnya Yosef dan Raḥel mendekati dan sujud.^{33:8} Kemudian dia berkata, “Apa tujuan mu dengan semua kawanan^h yang telah ku temui itu?” Katanya, “Untuk mencari rahmat di mata tuanku.”^{33:9} `Eśaw berkata, “Sudah ada banyak pada saya, saudara ku; biarkan kepunyaan mu tetap menjadi kepunyaan mu.”^{33:10} Kata Ya`aqob, “Tidaklah; kalau saya sudah berkenan^j di matamu, terima sajalah hadiahku^j dari tangan ku. Melihat muka mu seperti melihat muka Allah, dan kau telah menerima ku dengan baik.”^{33:11} Terimalah berkat^p dari ku yang telah dibawa kepada mu, sebab Allah telah bermurah hati^j terhadap saya sehingga segala sesuatu^j ada pada ku.” Begitulah dia mendorongnya^j dan dia pun menerimanya.^{33:12} Selepas beberapa lama, ^h `Eśaw^h berkata,</p>	<p>`Eśaw melayangkan matanya dan melihat perempuan-perempuan dan anak-anak yang menyusul Ya`aqob. Katanya, “Apa pertalianmu dengan orang yang menyusulimu ini?” Ya`aqob jawab, “Mereka itu anak-anak yang Allah kurniakan kepada hambamu ini.”^{33:6} Selepas itu dua gundik Ya`aqob dan anak-anak mereka mendekati `Eśaw dan sujud terhadapnya.^{33:7} Selepas itu Leah dan anak-anaknya pun mendekati `Eśaw dan sujud terhadapnya. Akhirnya Raḥel dan anaknya Yosef mendekati `Eśaw dan sujud terhadapnya.^{33:8} Kemudian `Eśaw bertanya, “Apa tujuan mu mengirim semua kawanan ternakan yang sudah saya temui itu?” Katanya, “Saya kirim hadiah itu dengan harapan perkenananmu, tuanku.”^{33:9} Sahut `Eśaw, “Ternakan saya sudah banyak, adik ku; tak usah kau berikan ternakan mu itu kepada ku.”^{33:10} Kata Ya`aqob, “Tak apalah; kalau engkau sudah berkenan dengan saya, terima sajalah hadiah ternakan itu. Bagi saya, melihat muka mu yang menerima saya dengan mesra sama seperti melihat muka Allah.”^{33:11} Terima sajalah berkat yang telah saya kirim kepada mu itu, sebab Allah telah memakmurkan saya sehingga saya serba cukup.” Begitulah dia</p>	<p>God has graciously given your servant.”^{33:6} Then the handmaids came near with their children, and they bowed themselves.^{33:7} Leah also and her children came near, and bowed themselves. After them, Joseph came near with Rachel, and they bowed themselves.^{33:8} Esau said, “What do you mean by all this company which I met?” Jacob said, “To find favor in the sight of my lord.”^{33:9} Esau said, “I have enough, my brother; let that which you have be yours.”^{33:10} Jacob said, “Please, no, if I have now found favor in your sight, then receive my present at my hand, because I have seen your face, as one sees the face of God, and you were pleased with me.”^{33:11} Please take the gift that I brought to you, because God has dealt graciously with me, and because I have enough.” He urged him, and he took it.^{33:12} Esau said, “Let us take our journey, and let us go, and I will go before you.”^{33:13} Jacob said to him, “My</p>
--	--	---

^e 32:31 Dlm teks Masoritik, ia dieja *Penue'el* di sini.

^j 33:5 *Apa hubungan yang ini dengan mu?* **Trjmh 2:** *Siapa itu yang di bawah naungan mu?* **Trjmh 3:** *Siapa itu yang bersama mu?* **Trjmh 4:** *Siapa itu dalam rombongan mu?* **Trjmh 5:** *Siapa itu yang bersama mu?* **Hrfh:** *Apa yang ini kepadamu?* Dlm b. Ibrani kepadamu itu bermakna *kepuyaanmu*, iaitu orang yg ada di bawah naungan Ya`aqob.

^h 33:8 *kawanan* **hrfh:** *perkhemahan*

^j 33:10 *sudah berkenan* **trjmh lain:** *mendapat rahmat*. Ibrani: *ḥen*. Perkataan ini boleh diterjemah sebagai *berkenan*, *rahmat*, *anugerah*, *kasih kurnia*, atau *belas kasihan*, menurut konteksnya dan kesesuaiannya.

^j 33:10 *hadiahku* **trjmh lain:** *uftiku*

^p 33:10 `Eśaw tdk tahu bahawa Ya`aqob betul-betul bertembung muka dgn Allah beberapa jam sahaja sebelum peristiwa ini. Kedua-dua pertemuan itu berakhir dgn baik.

^p 33:11 *berkat* **trjmh 2:** *hadiah* **trjmh 3:** *kurnia* **trjmh 4:** *anugerah*. Ya`aqob memberi *berkat* kepada `Eśaw sebagai ganti rugi, sebab dia telah mencuri berkat `Eśaw (*Kej 27*).

^j 33:11 *bermurah hati* **trjmh lain:** *berbaik budi*

^j 33:11 *segala sesuatu* **trjmh lain:** *semua yang diperlukan* **hrfh:** *semua*

^j 33:11 *mendorongnya* **trjmh 2:** *mendesaknya* **trjmh 3:** *memujuknya*

^h 33:12 *Selepas beberapa lama* **hrfh:** *Dan*. Tafsiran menganggap bahawa mereka berbual-bual dan barulah `Eśaw memberi cadangan ini.

^h 33:12 *`Eśaw* **hrfh:** *dia*

<p>“Mari kita berjalan, dan saya akan berjalan di depan mu.”^{p 33:13} Tetapi Ya`aqob^h berkata kepadanya, “Tuanku tahu bahawa anak-anak itu lemah. Ada kambing, domba^h dan lembu yang menyusu dalam tanggungan ku;^h kalau ia digiring cepat selama satu hari pun, semua ternakan^h akan mati.”^{p 33:14} Biarkan tuanku mendahului hambanya, dan aku akan berjalan perlahan-lahan^j sesuai dengan cara berjalan ternakan^h yang di depan ku, dan cara berjalan anak-anak sehingga masanya^h aku datang ke tempat tuanku di Se`ir.”^{p 33:15} Kemudian `Eśaw berkata, “Biarkan aku meninggalkan^h beberapa dari orang yang bersamaku dengan mu.” Dia berkata, “Kenapa begitu? Sudah cukup kalau aku berkenan di matamu.”^{33:16} Jadi pada hari itu juga `Eśaw berpatah balik dalam perjalanannya ke Se`ir^{33:17} manakala Ya`aqob bertolak ke Sukot, di mana dia membina rumah untuk dirinya sendiri. Untuk ternakannya dia membuat tempat berteduh, dan oleh itu dia memanggil nama tempat itu Sukot.ⁿ</p> <p>Ringkasan Perjalanan Ya`aqob ^{33:18} Akhirnya Ya`aqob datang dengan selamat ke kota Syekhem yang di tanah Kana`an apabila dia</p>	<p>mendorong `Eśaw dan akhirnya dia pun menerima hadiah itu.^{33:12} Selepas beberapa waktu, `Eśaw mencadangkan, “Mari kita bertolak berjalan bersama ke tempat saya. Aku akan mendahului kau untuk menunjukkan jalan.”^{33:13} Tetapi Ya`aqob menjawab, “Tuanku tahu bahawa anak-anak itu lemah. Dalam tanggungan saya ada kambing, domba dan lembu yang menyusu anaknyanya; kalau ia digiring cepat selama satu hari pun, semua ternakan akan mati.”^{33:14} Biarkan tuanku mendahului saya ini, dan saya akan berjalan perlahan-lahan sesuai dengan cara berjalan ternakan yang digiring, dan kelajuan kanak-kanak. Nanti saya akan datang ke tuanku di Se`ir.”^{33:15} Kemudian `Eśaw mencadangkan, “Kalau begitu, biarkan saya meninggalkan beberapa orang ku sebagai pemandumu.” Sahut Ya`aqob, “Tak payahlah begitu. Sudah cukup yang engkau sudah berkenan dengan ku.”^{33:16} Jadi pada hari itu juga `Eśaw berpatah balik berjalan ke Se`ir^{33:17} manakala Ya`aqob menuju ke Sukot, tempat dia membina rumah untuk dirinya sendiri. Untuk ternakannya dia membuat tempat berteduh, dan oleh itu dia menamakan tempat itu Sukot.</p> <p>Ringkasan Perjalanan Ya`aqob ^{33:18} Akhirnya Ya`aqob tiba dengan selamat di kota Syekhem yang di tanah Kana`an dan berkhemah di</p>	<p>lord knows that the children are tender, and that the flocks and herds with me have their young, and if they overdrive them one day, all the flocks will die.^{33:14} Please let my lord pass over before his servant, and I will lead on gently, according to the pace of the livestock that are before me and according to the pace of the children, until I come to my lord to Seir.”^{33:15} Esau said, “Let me now leave with you some of the folk who are with me.” He said, “Why? Let me find favor in the sight of my lord.”^{33:16} So Esau returned that day on his way to Seir.^{33:17} Jacob traveled to Succoth, built himself a house, and made shelters for his livestock. Therefore the name of the place is called Succoth.</p> <p>Summary of Jacob's Trip ^{33:18} Jacob came in peace to the city of Shechem, which is in the land of Canaan, when he</p>
---	---	--

^{p 33:12} Tanpa mengatakan begitu, `Eśaw mengajak Ya`aqob ikut dia ke tempatnya. Tetapi Ya`aqob mahu tinggal di tanah perjanjian, iaitu tanah Kana`an, dan bukan di tempat `Eśaw.

^{h 33:13} Ya`aqob **hrfh**: dia

^{h 33:13} kambing, domba **hrfh**: kawanan **tjmh** lain: kambing, biri-biri

^{h 33:13} dalam tanggungan ku **hrfh**: atas ku

^{h 33:13} ternakan **hrfh**: kawanan. Biasanya istilah ini merujuk kpd domba dan kambing, tetapi di sini rupanya ia merujuk kpd lembu juga.

^{p 33:14} Kata-kata Ya`aqob ini adalah gaya hiperbola; mustahil semua ternakan akan mati. Tetapi dia mahu memberi alasan yg kedengaran baik utk tdk melayani permintaan abangnya agar dia mengikutinya.

^{j 33:14} perlahan-lahan **trjmh** lain: beransur-ansur

^{h 33:14} cara berjalan ternakan **hrfh**: kaki kepunyaan

^{h 33:14} masanya **hrfh**: yang

^{p 33:14} Jawapan ini boleh ditafsir bahawa semua mereka tdk akan ke Se`ir, hanya Ya`aqob seorang, sebab dia gunakan perkataan *aku*. Para pentafsir tdk setuju samada ini merupakan semata-mata bohong, ataupun penolakan yg difahami oleh `Eśaw. Setahu kita, Ya`aqob tdk pernah ke Se`ir.

^{h 33:15} meninggalkan **hrfh**: menempatkan

^{n 33:17} **Sukot** bermakna tempat berteduh atau perlindungan atau tempat naungan.

datang dari Padan-Aram dan berkhemah di hadapan kota itu.^t
33:19 Dia membeli **sebidang** tanah^h tempat dia memasang khemahnya dari bani Hamor,^h yakni bapa Syekhem^p dengan harga 100 keping^p perak.^{33:20} Dia menegakkan sebuah mazbah^p di situ dan memanggilnya El-Elohe-Israel.ⁿ^t

Perogolan Dinah dan Pembalasan Dendam

34:1 Pada suatu hari, Dinah, anak Leah yang dilahirkan bagi Ya`aqob, keluar untuk melawat^h anak-anak perempuan **orang di** tanah itu.^{34:2} Syekhem,^p anak Hamor, orang Hiw, pemimpin tanah itu, melihatnya, mengambilnya dan berbaring dengannya dan mengaibkannya.^{34:3} Jiwanya terpicat kepada Dinah, anak Ya`aqob dan dia mencintai gadis itu dan dia bercakap kepada hati gadis itu.^t^{34:4} Syekhem bercakap kepada bapanya Hamor dengan berkata, “Ambillah anak ini untuk ku sebagai isteri.”^{34:5} Sementara itu Ya`aqob mendengar bahawa dia telah menodai anaknya Dinah. Waktu itu anak lelakinya di padang dengan ternakannya. Ya`aqob mendiamkan diri sehingga mereka datang.^{34:6}

hadapan kota itu apabila dia pulang dari **penghijrahannya ke** Padan-Aram.
33:19 Dia membeli sebidang tanah tempat pemasangan khemahnya dari anak-anak Hamor, yakni bapa Syekhem dengan harga 100 keping perak.^{33:20} Dia mendirikan sebuah mazbah di situ dan menamakannya El-Elohe-Israel, bermakna “Allah Israel adalah Allah yang sebenar”.

Perogolan Dinah dan Pembalasan Dendamnya

34:1 Ya`aqob dan Leah mempunyai seorang anak perempuan bernama Dinah. Pada suatu hari, Dinah keluar **dari perkhemahan mereka** untuk melawat gadis-gadis tempatan.^{34:2} **Di kota Syekhem tinggal seorang bernama** Syekhem bin Hamor. Dia berbangsa Hiw dan **bapanya Hamor** adalah seorang pemerintah kawasan itu. Syekhem ternampak Dinah lalu menangkapnya dan merogolnya.^{34:3} Hati Syekhem terpicat kepada Dinah, anak Ya`aqob. Dia jatuh cinta dengannya dan mengucapkan kata-kata manis kepadanya.^{34:4} Syekhem meminta dari bapanya Hamor, “Dapatkan **izin dari bapa** gadis ini supaya saya dapat mengahwininya.”^{34:5} Sementara itu Ya`aqob mendengar bahawa anaknya Dinah dinodai oleh Syekhem. Waktu itu anak lelakinya **tidak berada di rumah; mereka sedang**

came from Paddan Aram; and encamped before the city.
33:19 He bought the parcel of ground where he had spread his tent, at the hand of the children of Hamor, Shechem's father, for one hundred pieces of money.^{33:20} He erected an altar there, and called it El Elohe Israel.

Rape of Dinah and the Revenge

34:1 Dinah, the daughter of Leah, whom she bore to Jacob, went out to see the daughters of the land.^{34:2} Shechem the son of Hamor the Hivite, the prince of the land, saw her. He took her, lay with her, and humbled her.^{34:3} His soul joined to Dinah, the daughter of Jacob, and he loved the young lady, and spoke kindly to the young lady.^{34:4} Shechem spoke to his father, Hamor, saying, “Get me this young lady as a wife.”^{34:5} Now Jacob heard that he had defiled Dinah, his daughter; and his sons were with his livestock in the field. Jacob held his peace until they came.^{34:6} Hamor the father of Shechem went out to Jacob to talk with him.^{34:7} The sons of

^t **33:18** di hadapan kota itu. **tfsrn lain:** di sebelah timur kota itu. **hrfh:** di muka kota itu.

^h **33:19** tanah **hrfh:** padang

^h **33:19** dari bani Hamor **hrfh:** dari tangan bani Hamor

^t **33:19** bani Hamor **tfsrn 1:** anak-anak Hamor **tfsrn 2:** keturunan Hamor

^p **33:19** Rupanya Syekhem ini diberi nama menurut nama pengasas kota ini, samada datuknya atau lebih awal lagi.

^p **33:19** Perkataan b. Ibrani yg diterjemah sebagai *keping* di sini ialah *qesitah*, tetapi nilai atau beratnya *qesitah* ini tdk diketahui sekarang.

^p **33:20** Oleh sebab teks di sini berkata *mendiri* atau *menegakkan*, dan bukan *membina* spt tempat lain, mungkin ini batu panjang yg ditegakkan, dan bukan timbunan batu spt mazbah-mazbah yg lain dlm buku ini.

ⁿ **33:20** *El-Elohe-Isra'el* bermakna Allah Israel *adalah* Allah, bermakna Allah yg disembah oleh Israel (atau Ya`aqob) ialah Allah yg sebenar, dgn implikasi bahawa semua yg lain yg disembah adalah *allah* palsu.

^t **33:20** *manggilnya El-Elohe-Israel*. **Tfsrn lain:** *berdoa kepada El-Elohe-Israel*. Dlm frasa ini, perkataan *nya* bergenus *maskulin* sedangkan *mazbah* bergenus *feminin*. Oleh itu ada yg menganggap *nya* itu tdk boleh merujuk kpd *mazbah*, dan dia mentafsirkan ini sebagai panggilan kpd *El-Elohe-Isra'el*, iaitu Allah Israel (atau Ya`aqob).

^h **34:1** *melawat* **hrfh:** *melihat*

^p **34:2** Kita tdk tahu kenapa nama pemuda bernama Syekhem ini mempunyai nama yg sama dgn kota itu.

^t **34:3** *bercakap kepada hati gadis itu*. **tfsrn 1:** *mengucapkan kata-kata manis kepadanya*. **tfsrn 2:** *menenteramkan hatinya*.

<p>Kemudian Hamor, bapa Syekhem pergi melawat^h Ya`aqob untuk bercakap dengannya.^{34:7} Anak-anak lelaki Ya`aqob datang dari padang sesudah mendengar. Mereka^h sangat terharu dan hal itu amat membakar dalam dada mereka sebab dia telah melakukan hal yang keji^j di Israel^p dengan berbaring dengan anak perempuan Ya`aqob; hal sebegitu tidak harus dibuat.^{34:8} Hamor bercakap dengan mereka. Katanya, “Jiwa anakku Syekhem terpicik kepada anak perempuan kamu. Tolong berikannya kepada dia sebagai isteri.^{34:9} Kahwin campurlah dengan kami. Kamu boleh memberi anak perempuan kepada kami, dan kamu boleh mengambil anak perempuan kami untuk diri sendiri.^{34:10} Kamu boleh tinggal bersama kami, dan tanah ini akan terbuka kepada kamu.^h Kamu boleh tinggal di dalamnya, berjalan di sini-sana^t dan membeli dalamnya.”^{34:11} Kemudian Syekhem berkata kepada bapa Dinah^h dan adik-beradiknya, “Semoga aku berkenan di mata kamu, dan apa yang kamu sebut kepada ku, aku akan memberikannya.^{34:12} Perbesarlah sangat mas kahwin dan hadiah^p dan aku akan memberikannya sama seperti yang kamu sebut kepada ku. Berikanlah kepada ku gadis itu sebagai isteri.”^{34:13} Anak-anak Ya`aqob menjawab Syekhem dan bapanya Hamor dengan tipu helah sebab dia</p>	<p>menggembala ternakannya di padang. Jadi Ya`aqob tidak berbuat apa-apa sehingga anak lelakinya pulang ke rumah.^{34:6} Kemudian Hamor dan anaknya Syekhem pergi melawat Ya`aqob untuk membincangkan hal itu dengannya.^{34:7} Mendengar sahaja anak-anak lelaki Ya`aqob tentang peristiwa itu, mereka pulang ke rumah dari padang. Mereka sangat terharu dan hal itu amat membakar dalam dada mereka sebab Syekhem telah melakukan hal yang keji di Israel dengan merogol anak gadis Ya`aqob; perbuatan seumpama itu seharusnya sama sekali tidak boleh berlaku.^{34:8} Hamor berunding dengan mereka semua. Katanya, “Anakku Syekhem terpicik dengan anak perempuanmu. Tolong izinkan dia mengahwininya.^{34:9} Kahwin campurlah dengan kami. Kamu boleh memberi anak perempuan kepada kami, dan kamu boleh mengambil anak perempuan kami untuk dikahwini.^{34:10} Kamu boleh tinggal bersama kami, dan tanah ini akan terbuka kepada kamu. Kamu boleh tinggal di dalamnya, bebas ke mana-mana sekehendak hati dan membeli tanah.”^{34:11} Kemudian Syekhem sendiri berkata kepada bapa Dinah dan adik-beradiknya, “Yang saya mahu hanyalah untuk diterima baik oleh kamu. Apa pun yang kamu minta dari saya, saya akan memberikannya.^{34:12} Kalau mas kahwin dan hadiah yang diminta sangat besar pun, saya akan memberikannya saja sesuai dengan permintaan kamu. Yang penting, gadis itu diberikan kepada saya sebagai</p>	<p>Jacob came in from the field when they heard it. The men were grieved, and they were very angry, because he had done folly in Israel in lying with Jacob’s daughter; a thing ought not to be done.^{34:8} Hamor talked with them, saying, “The soul of my son, Shechem, longs for your daughter. Please give her to him as a wife.^{34:9} Make marriages with us. Give your daughters to us, and take our daughters for yourselves.^{34:10} You shall dwell with us, and the land will be before you. Live and trade in it, and get possessions in it.”^{34:11} Shechem said to her father and to her brothers, “Let me find favor in your eyes, and whatever you will tell me I will give.^{34:12} Ask me a great amount for a dowry, and I will give whatever you ask of me, but give me the young lady as a wife.”^{34:13} The sons of Jacob answered Shechem and Hamor his father with deceit, and spoke, because he had defiled Dinah their sister,^{34:14} and said to them, “We can’t do this thing, to give our sister to one who is uncircumcised; for that is a reproach to us.^{34:15} Only on this condition will we consent to you. If you will be as we are, that every male of you be circumcised;^{34:16} then will we give our daughters to you, and</p>
--	--	--

^h 34:6 pergi melawat **hrfh**: keluar ke

^h 34:7 Mereka **hrfh**: Lelaki-lelaki itu

^j 33:7 keji **trjmh** lain: noda

^p 34:7 melakukan **hal yang** keji di Israel **tfrsn 2**: melakukan **hal** keji terhadap Israel **tfrsn 3**: melakukan **hal yang orang** Israel kira keji.

Agaknya disebabkan janji Allah, keluarga Ya`aqob (alias Israel) sudah mulai menganggap tanah ini sbg tanah Israel. Kalau tafsiran kedua diikuti, *Israel* boleh merujuk kpd Ya`aqob atau *banga Israel*.

^h 34:10 tanah ini akan terbuka kepada kamu. **hrfh**: tanah ini akan berada di hadapan kamu

^t 34:10 berjalan di sini-sana **tfrsn** lain: berniaga

^h 34:11 Dinah **hrfh**: dia. Perkataan *dia* di sini bergenus feminin (perempuan).

^p 34:12 Selain mas kahwin, mereka juga harus memberi hadiah kpd ahli keluarga, spt dilihat di 24:53. Termasuk dlm istilah *mas kahwin* adalah apa yg orang Malaysia sebut *belanja hangus*; ia tdk dibezakan.

telah menodai saudari mereka Dinah.^{t 34:14} Mereka berkata kepada mereka, “Kami tidak dapat membuat hal itu, **iaitu** memberi saudari kami kepada lelaki yang **masih** berkuncup, sebab bagi kami ia **adalah sesuatu yang** memalukan.^{j 34:15} Hanya dengan ini dapat kami setuju dengan kamu; kalau kamu menjadi sama seperti kami, dengan menyunat semua lelaki.^{34:16} Kemudian kami akan memberi anak-anak perempuan kepada kamu, dan kami akan mengambil anak-anak perempuan kamu bagi diri kami, dan kami akan tinggal bersama kamu dan menjadi satu bangsa.^{h 34:17} Kalau kamu tidak mahu mendengar kami untuk disunat, kami akan mengambil adik perempuan kami^h dan pergi.^{j 34:18} Kata-kata mereka berkenan dengan Hamor dan Syekhem, anak Hamor.^{h 34:19} Teruna itu tidak berlengah-lengah membuat perkara itu sebab hatinya tertawan oleh anak perempuan Ya`aqob. Lagipun dialah yang disanjung lebih daripada semua dalam keluarga^h bapanya.^{j 34:20} Hamor dan anaknya Shekhem pergi ke pintu gerbang kota^p mereka dan bercakap dengan orang-orang^j dengan berkata,^{34:21} “Orang-orang ini^j **mahu hidup** aman dengan kita. Biarlah mereka tinggal di tanah ini dan berjalan di sini-sana di dalamnya.^t

isteri.”^{34:13} Oleh sebab Syekhem telah menodai adik mereka, anak-anak Ya`aqob menjawab Syekhem dan bapanya Hamor dengan suatu tipu helah.^{34:14} Anak-anak Ya`aqob menjawab begini, “**Minta maaf sajalah**, kami tidak dapat memberi adik kami kepada lelaki yang belum bersunat, sebab bagi kami, ia **adalah suatu perkara yang** memalukan.^{34:15} Kami hanya dapat bersetuju dengan **anjuran** kamu **dengan syarat ini**; kamu harus menjadi sama seperti kami, setiap lelaki **di kota kamu** harus disunat.^{34:16} Kemudian kami akan mengizinkan kamu mengahwini anak-anak perempuan kami, dan kami akan mengahwini anak-anak perempuan kamu, dan kami akan tinggal bersama kamu sehingga kita menjadi satu bangsa.^{34:17} Kalau kamu tidak setuju dengan syarat kami untuk disunat, kami akan mengambil adik perempuan kami dan beredar saja.^{34:18} Hamor dan anaknya Syekhem berkenan dengan cadangan mereka.^{34:19} Oleh sebab hatinya tertawan pada anak Ya`aqob, teruna itu tidak berlengah-lengah lagi melaksanakan persetujuan itu. Bapanya **menuruti sahaja kehendak** Syekhem **sebab** dialah yang paling disanjung dalam keluarganya.^{34:20} Hamor dan anaknya Shekhem pergi ke pintu gerbang kota mereka dan membincangkan hal itu dengan orang-orang kota. Katanya,^{34:21} “Orang-

we will take your daughters to us, and we will dwell with you, and we will become one people.^{34:17} But if you will not listen to us, to be circumcised, then we will take our sister, and we will be gone.”^{34:18} Their words pleased Hamor and Shechem, Hamor’s son.^{34:19} The young man didn’t wait to do this thing, because he had delight in Jacob’s daughter, and he was honored above all the house of his father.^{34:20} Hamor and Shechem, his son, came to the gate of their city, and talked with the men of their city, saying,^{34:21} “These men are peaceful with us. Therefore let them live in the land and trade in it. For behold, the land is large enough for them. Let us take their daughters to us for wives, and let us give them our daughters.^{34:22} Only on this condition will the men consent to us to live with us, to become one people, if every male among us is circumcised, as they are circumcised.^{34:23} Won’t their livestock and their possessions and all their animals be ours? Only let us give our consent to them, and they will dwell with us.”^{34:24} All who went out of the gate of his city listened to

^{t 34:13} sebab dia telah menodai saudarinya Dinah. **tfsrn lain:** yang telah menodai saudarinya Dinah.

^{j 33:14} memalukan **trjmh lain:** keji / aib / hina

^{h 34:16} satu bangsa **hrfh:** satu orang. Sama dlm ayat 22. Dlm b. Melayu *satu orang* tdk boleh difahami spt dalam b. Inggeris *one people*, jadi perkataan *bangsa* mesti dipakai.

^{h 34:17} adik perempuan kami **hrfh:** anak perempuan kami. Mungkin Dinah dipanggil *anak* kerana masih mudah.

^{j 34:17} pergi **trjmh lain:** jalan **hrfh:** berjalan

^{h 34:18} **hrfh:** Kata-kata mereka dirasai baik dalam mata Hamor dan dalam mata Syekhem, anak Hamor.

^{h 34:19} keluarga **hrfh:** rumah. Istilah *rumah* sering digunakan dlm b. Ibrani dgn makna *keluarga* atau *semua yg di bawah naungan bapa*.

^{j 34:19} **Trjmh 2:** Bapanya **menuruti sahaja kehendak** Syekhem **sebab** dialah yang paling disanjung dalam keluarganya. **Trjmh 3:** **Bapanya menurut kehendaknya sebab** bapanya berat sebelah kepada Syekhem daripada semua dalam keluarganya.

^{p 34:20} Pintu gerbang kota adalah tempat pemimpin kota berkumpul dan membincangkan hal-hal penting bagi kota itu dan membuat keputusan.

^{j 34:20} orang-orang ini **trjmh lain:** lelaki-lelaki ini

^{j 34:21} orang-orang **trjmh lain:** lelaki-lelaki

^{t 34:21} berjalan di sini-sana dalamnya. **tfsrn lain:** mengelilinginya berniaga.

<p>Maklumlah,^h tanah ini cukup luas di kanan dan di kiri untuk mereka.^h Kita boleh mengambil anak perempuan mereka sebagai isteri untuk diri sendiri, dan kita akan memberi anak perempuan kita kepada mereka.^{34:22} Tetapi hanya dengan ini orang-orang itu akan setuju tinggal dengan kita untuk menjadi satu bangsa; apabila setiap lelaki daripada kita disunat sama seperti mereka pun disunat.^{34:23} Ternakan kawanan^j mereka, kekayaan mereka dan semua binatang mereka; bukankah kita akan memiliki semua? Mari kita setuju dengan mereka, supaya mereka tinggal bersama kita.^{34:24} Semua lelaki yang singgah semasa keluar dari pintu gerbang kotanya^t setuju dengan Hamor^h dan anaknya Syekhem; jadi semua lelaki yang keluar dari pintu gerbang kotanya disunat.^{t p 34:25} Adalah pada hari ketiga^j waktu mereka dalam kesakitan, dua anak Ya`aqob, Syim`on dan Lewi, saudara Dinah, mengambil pedang mereka dan menentang orang di kota itu yang tidak rasa syak^j dan membunuh semua lelaki.^{34:26} Hamor dan anaknya Syekhem pun</p>	<p>orang ini mahu hidup aman dengan kita. Biarlah mereka tinggal di tanah ini dan bebas pergi ke mana-mana sekehendak hati mereka di dalam tanah ini. Maklumlah, tanah ini cukup luas untuk menjadi tempat tinggal mereka. Kita boleh mengahwini anak gadis mereka dan mereka pun diizinkan mengahwini anak gadis kita.^{34:22} Tetapi ada satu syarat yang harus ditunaikan sebelum mereka sanggup tinggal bersama kita dan menjadi satu bangsa; setiap lelaki daripada kita harus disunat sama seperti mereka.^{34:23} Kalau kita setuju, ternakan mereka, kekayaan mereka dan semua binatang mereka akan menjadi milik kita! Mari kita memenuhi syarat mereka supaya mereka tinggal bersama kita.^{34:24} Semua lelaki yang singgah di pintu gerbang untuk bermesyuarat itu bersetuju dengan Hamor dan anaknya, Syekhem semasa mereka keluar dari kota Hamor. Jadi semua lelaki yang biasa keluar bekerja disunat.^{34:25} Dua hari selepas mereka semua disunat, mereka kesakitan tetapi tidak mengesyaki apa-apa. Waktu itulah Syim`on dan Lewi, dua orang anak Ya`aqob yang juga abang-abang Dinah bertindak. Mereka masuk ke kota itu membawa pedang bersama</p>	<p>Hamor, and to Shechem his son; and every male was circumcised, all who went out of the gate of his city.^{34:25} On the third day, when they were sore, two of Jacob's sons, Simeon and Levi, Dinah's brothers, each took his sword, came upon the unsuspecting city, and killed all the males.^{34:26} They killed Hamor and Shechem, his son, with the edge of the sword, and took Dinah out of Shechem's house, and went away.^{34:27} Jacob's sons came on the dead, and plundered the city, because they had defiled their sister.^{34:28} They took their flocks, their herds, their donkeys, that which was in the city, that which was in the field,^{34:29} and all their wealth. They took captive all their little ones and their wives, and took as plunder everything that was in the house.^{34:30} Jacob said to Simeon and Levi, "You have troubled me, to make me odious to the inhabitants of the land, among the Canaanites and the Perizzites. I am few in number.</p>
--	---	---

^h 34:21 Maklumlah hrhf: Lihat

^h 34:21 di kanan dan di kiri untuk mereka. hrhf: di dua belah tangan di hadapan mereka.

^j 34:23 Ternakan kawanan trjmhn lain: Lembu, kambing dan domba. Istilah ini merujuk kpd semua ternakan yg boleh dikumpul ke dlm kawanan. Di tempat lain ia diterjemah sebagai ternakan saja, tetapi di sini binatang lain dirujuk juga (mungkin ada unta, kuda atau keldai).

^t 34:24 Semua lelaki yang singgah semasa keluar dari pintu gerbang kotanya Tfsrn 1: Semua lelaki yang singgah di pintu gerbang untuk bermesyuarat itu ... semasa mereka keluar dari kota Hamor. Tfsrn 2: Semua mereka yang terkumpul di pintu gerbang kota Hamor Tfsrn 3: Semua pemimpin di kota Hamor. Biasanya pemimpin-pemimpinlah yg berkumpul di pintu gerbang utk membuat keputusan, dan oleh itu ada pentafsir yg berfikir hanya pemimpin yg dimaksudkan di sini. Oleh sebab Hamor-lah pemimpin teratas, maka ia disebut sebagai kota Hamor atau kotanya.

^h 34:24 setuju dengan Hamor hrhf: mendengar Hamor

^t 34:24 Tfsrn 1: Jadi semua lelaki yang biasa keluar bekerja disunat. Tfsrn 2: Jadi semua lelaki yang cukup dewasa untuk berperang keluar disunat. Tfsrn 3: Jadi semua lelaki dewasa disunat. Tfsrn 4: Jadi semua lelaki warga kota itu disunat.

^p 34:24 Rupanya kata ganti nama nya di sini merujuk kpd Hamor, bermakna ia dianggap kota Hamor. Mungkin Hamor menamakan kota itu menurut nama anak sulungnya. Kebanyakan mereka petani, dan ladang-ladang mereka terletak di luar kota. Mereka tidur dlm kota sbg perlindungan dr musuh, dan keluar bekerja setiap pagi. Agaknya mesyuarat ini diadakan pd waktu pagi semasa semua lelaki keluar bekerja dan dapat singgah di pintu gerbang. Semua lelaki yg cukup dewasa utk bekerja disunat.

^j 34:25 pada hari ketiga trjmhn 2: Dua hari selepas mereka semua disunat trjmhn 3: lusa. Cara orang Yahudi mengira, hari pertama adalah hari mereka disunat, dan mereka datang dua hari selepas itu. Oleh itu, dgn cara kita mengira, ini terjadi selepas dua hari atau lusa.

^j 34:25 tidak rasa syak trjmhn 2: tidak curiga trjmhn 3: rasa selamat

<p>mereka bunuh dengan mata pedang.^h Lalu mereka mengambil Dinah dari rumah Syekhem dan keluar.^{34:27} Kemudian datanglah anak-anak Ya`aqob yang lain^t dan melihat^h orang terbunuh lalu menjarahi kota itu yang telah menodai saudari mereka.^{t p 34:28} Mereka ambil kambing dan domba mereka,^h lembu mereka, keldai mereka, apa yang di dalam kota itu, dan apa yang di padang.^{j 34:29} Mereka menjarahi semua kekayaan dan semua yang dalam rumah mereka dan menawan semua kanak-kanak dan isteri-isteri mereka.^{34:30} Kata Ya`aqob kepada Syim`on dan Lewi, “Kamu betul-betul telah menyusahkan saya dengan menjadikan ku bau busuk di antara penduduk tanah ini, iaitu di antara orang Kana`an dan orang Periz. Jumlah orang ku sedikit.^h Mereka akan bergabung menentang dan menyerangku dan aku akan dihapuskan, aku dan keluargaku.^{h 34:31} Mereka berkata, “Haruskah dia memperlakukan saudari kami seperti pelacur?”</p> <p>Ya`aqob Kembali ke Bet-El ^{35:1} Allah berkata kepada Ya`aqob,^p “Bangun dan naik^p ke</p>	<p>dan menumpaskan semua lelaki.^{34:26} Mereka pun membunuh Hamor dan anaknya Syekhem dengan mata pedang. Lalu mereka mengambil Dinah dari rumah Syekhem dan keluar dari kota itu.^{34:27} Kemudian datanglah anak-anak Ya`aqob yang lain dan melihat mayat-mayat orang terbunuh lalu menjarahi kota itu. Semua itu dilakukan sebab orang kota itu telah menodai adik mereka.^{34:28} Apa sahaja pun diambil mereka: kambing, domba, lembu, keldai, barang-barang dalam kota, dan apa sahaja yang ada di padang rumput dan ladang di luar kota.^{34:29} Mereka menjarahi semua barang dalam rumah-rumah, dan semua kekayaan. Mereka juga menawan kanak-kanak dan isteri-isteri lelaki yang terbunuh.^{34:30} Kata Ya`aqob kepada Syim`on dan Lewi, “Kamu betul-betul telah menyusahkan ayah dengan memburukkan nama ayah di antara penduduk tanah ini, iaitu orang Kana`an dan orang Periz. Jumlah orang kita yang boleh berperang sedikit. Tentu mereka akan bergabung dan menyerang kita dan kita sekeluarga akan dihapuskan sama sekali.^{34:31} Jawab mereka, “Haruskah dia memperlakukan adik kami seperti pelacur?”</p> <p>Ya`aqob Kembali Ke Bet-El ^{35:1} Tidak lama kemudian Allah</p>	<p>They will gather themselves together against me and strike me, and I will be destroyed, I and my house.” ^{34:31} They said, “Should he deal with our sister as with a prostitute?”</p> <p>Jacob Returns to Bethel ^{35:1} God said to Jacob, “Arise, go up to Bethel, and live there.</p>
--	---	--

^{h 34:26} mata pedang **hrfh**: mulut pedang

^{t 34:27} anak-anak Ya`aqob yang lain **tfsrn lain**: semua anak Ya`aqob

^{h 34:27} datang dan melihat **hrfh**: datang atas. Rupanya ini bermakna saudara yg lain sudah tahu ttg rancangan ini dan kerjasama dlmnya.

^{t 34:27} **Tfsrn lain**: Datanglah dua anak Ya`aqob tersebut kepada orang yang terbunuh dan menjarahi kota itu yang telah menodai saudari mereka. Tfsrn ini menganggap hanya dua anak itu terlibat dlm semua itu.

^{p 34:27} Satu orang sahaja yg membuat kesalahan itu, tetapi seluruh kota dianggap bersalah terhadap orang Israel.

^{h 34:28} Kambing dan domba mereka **hrfh**: Kawan mereka

^{j 34:28} padang **trjmhnlain**: ladang. Di sini istilah ini merangkumi padang rumput dan ladang, iaitu tempat tanaman dan tempat ternakan meragut.

^{h 34:30} Jumlah orang ku sedikit. **Hrfh**: Aku lelaki-lelaki jumlah terhad.

^{h 34:30} keluargaku **hrfh**: rumahku

^{p 35:1} Kita tdk tahu berapa lama masanya di antara peristiwa atas dengan waktu Allah berfirman kpd Ya`aqob, tetapi agaknya tdk begitu lama, kerana kalau mereka tdk berpindah dgn cepat, mereka akan diserangi.

^{p 35:1} Bet-El lebih tinggi tempatnya drpd Syekhem, dan itu satu sebab perkataan naik digunakan. Makna berziarah ke tempat menyembah pun dikatakan naik. (b. Melayu pun memakai istilah naik cthnya dlm naik haji.) Perkataan bangun sering digunakan dgn makna cepat.

<p>Bet-El, ⁿ tinggal di sana, dan bina mazbah di sana kepada Allah ⁱ yang telah menampakkan diri kepada mu sewaktu kau lari dari ^h saudaramu `Eśaw. ^p 35:2 Ya`aqob berkata kepada keluarganya ^h dan kepada semua yang bersamanya, “Singkirkan ^j allah-allah asing ^p yang di antara kamu, tahirkan diri ^p kamu, dan tukar pakaian kamu. ^{35:3} Mari kita bangkit dan naik ke Bet-El. Di sana aku akan membina mazbah kepada Allah yang telah menunaikan permintaan ku ^h pada hari kecemasan ku, dan menyertai ku dalam perjalanan yang ku jalankan.” ^j 35:4 Lalu mereka memberi semua allah asing yang dalam tangan mereka, dan anting-anting yang ada di telinga mereka kepada Ya`aqob. ^p Ya`aqob menanamnya ^p di bawah pokok oak ^t berdekatan Syekhem. ^{35:5} Kemudian mereka berangkat, dan kegenteran dari Allah datang ke atas kota-kota yang di sekeliling, dan mereka tidak mengejar bani Ya`aqob. ^{35:6} Lama-kelamaan Ya`aqob tiba di Luz, iaitu Bet-El, ^p di tanah Kana`an; dia dan semua orang yang bersamanya. ^{35:7} Dia membina sebuah mazbah di situ</p>	<p>berkata kepada Ya`aqob, “Cepat berhijrah ke Bet-El, tinggal di sana, dan bina mazbah di sana kepada ku. Akulah Allah yang telah menampakkan diriku kepada mu sewaktu kau lari dari abangmu `Eśaw. ^{35:2} Ya`aqob berkata kepada keluarganya dan kepada semua yang bersamanya, “Singkirkan berhala-berhala bangsa lain yang ada pada kamu dan buat upacara mentahirkan diri kamu, kemudian tukar pakaian kamu. ^{35:3} Kita akan segera berhijrah ke Bet-El. Di sana aku akan membina mazbah kepada Allah yang telah menunaikan permintaan saya pada waktu saya dalam kecemasan dulu, dan menyertai saya dalam perjalanan yang saya tempuhi selama ini.” ^{35:4} Lalu mereka menyerahkan kepada Ya`aqob semua berhala bangsa lain yang ada pada mereka, dan juga anting-anting dari telinga mereka. Ya`aqob menanam kesemuanya itu di bawah pokok oak besar berdekatan Syekhem. ^{35:5} Kemudian Ya`aqob dan anaknya berangkat. Orang-orang di kota yang di sekeliling tidak mengejar mereka sebab Allah membuat mereka gentar terhadap Ya`aqob dan anaknya. ^{35:6} Lama-kelamaan Ya`aqob dan semua orang yang bersamanya tiba di</p>	<p>Make there an altar to God, who appeared to you when you fled from the face of Esau your brother.” ^{35:2} Then Jacob said to his household, and to all who were with him, “Put away the foreign gods that are among you, purify yourselves, change your garments. ^{35:3} Let us arise, and go up to Bethel. I will make there an altar to God, who answered me in the day of my distress, and was with me on the way which I went.” ^{35:4} They gave to Jacob all the foreign gods which were in their hands, and the rings which were in their ears; and Jacob hid them under the oak which was by Shechem. ^{35:5} They traveled, and a terror of God was on the cities that were around them, and they didn’t pursue the sons of Jacob. ^{35:6} So Jacob came to Luz (that is, Bethel), which is in the land of Canaan, he and all the people who were with him. ^{35:7} He built an altar there, and called the place El Beth El; because there God was revealed to him, when he fled from the</p>
--	---	--

ⁿ 35:1 Nama *Bet-El* bermakna *rumah Allah*, dan dipercayai diberi oleh orang Kana`an. Biasanya b. Ibrani menggunakan nama *Elohim*, tetapi kalau ia dipendekkan ia disebut *El*.

ⁱ 35:1 *Allah Ibrani: El*. (Kali pertama *Allah* disebut dlm ayat ini ia *Elohim*.) Nama *El* sesuai dgn nama tempatnya *Bet-El*.

^h 35:1 *dari hrhf: dari depan / dari hadirat*

^p 35:1 Walaupun Allah yg menampakkan diri, dan Allah yg bercakap dlm ayat ini ialah Allah yang sama, ia penjelmaan yg unik, dan oleh itu ia disebut seolah-olah dia Allah yg lain. Untuk waktu Ya`aqob lari dr `Eśaw, lihat 27:41 – 28:22.

^h 35:2 *keluarganya hrhf: rumahnya*

^j 35:2 *Singkirkan trjmhn lain: Buang*

^p 35:2 *allah-allah asing*. Ia dianggap *asing* bukan kerana dia dr tempat lain, tetapi kerana ia dr bangsa lain. Berhala-berhala itu memang dr tanah Kana`an.

^p 35:2 *tahirkan diri trjmhn 2: sucikan diri trjmhn 3: bersihkan diri*. Tidak diketahui semua yg terlibat dlm makna *sucikan diri*, tetapi sekurang-kurangnya ia melibatkan pemandian, kerana ia disebut bersama *tukar pakaian*.

^h 35:3 *menunaikan permintaan ku hrhf: menjawab ku*. Frasa *menjawab ku* ini lebih luas kegunaannya drpd dlm Melayu.

^j 35:3 *dalam perjalanan yang ku jalankan. trjmhn 2: dalam perjalanan yang ku jalankan selama ini. trjmhn 3: dalam perjalanan yang ku jalankan sejak itu*.

^p 35:4 Mungkin anting-anting ini sejenis azimat yg dipakai mereka. Menurut perkataan Ibrani, ia berbentuk bulat spt cincin.

^p 35:4 Perkataan *menanam* ini pun ada makna *menyembunyikan*. Tujuan Ya`aqob bukannya supaya dia boleh mengambil ia kemudian, tetapi supaya orang lain pun tdk menggunakannya.

^t 35:4 *pokok oak tfsrn lain: pokok terebinth*. Rupa pokok ini hampir sama dgn pokok kertak tangga. **Terjemahan lain: pokok besar**.

^p 35:6 Mungkin anting-anting ini sejenis azimat yg dipakai mereka. Menurut perkataan Ibrani, ia berbentuk bulat spt cincin. *Luz* adalah kota kecil dekat tempat suci *Bet-El*.

<p>dan dia memanggil tempat itu “El Bet-El”,ⁿ sebab Allah telah menampakkan dirinya^p kepada dia sewaktu dia lari dari saudaranya.^{35:8} Deborah, inang pengasuh Ribqah meninggal dan dikuburkan di bawah pokok oak yang di bawah Bet-El.^p Oleh itu nama tempat itu dipanggil Alon-Bakhut.^{n t 35:9} Di Bet-El Allah menampakkan dirinya kepadanya Ya`aqob sekali lagi sejak dia pulang^t dari Padan-Aran dan memberkatinya.^{p 35:10} Kemudian Allah berkata kepadanya, “Namamu Ya`aqob, tetapi namamu tidak akan dipanggil Ya`aqob lagi, melainkan namamu akan menjadi Israel.”ⁿ Dengan begitu dia memanggil namanya Israel.^{p 35:11} Allah juga berkata kepadanya, “Akulah El-Syaday;ⁿ beranakcuculahⁿ dan bertambah banyak.^p Satu bangsa bahkan sekumpulan bangsa^j akan muncul dari mu, dan raja-raja akan berasal^j dari badan^h mu.^{35:12}</p>	<p>Luz, yang berhampiran dengan Bet-El di tanah Kana`an.^{35:7} Dia membina sebuah mazbah di situ dan menamakan tempat itu “El Bet-El”, iaitu “Allah Bet-El” sebab Allah telah menampakkan dirinya kepada dia sewaktu dia lari dari abangnya dulu.^{35:8} Di situ inang pengasuh Ribqah (ibu Ya`aqob) yang bernama Deborah meninggal dan dikuburkan di bawah pokok oak yang di bawah Bet-El. Oleh itu nama tempat itu dipanggil Alon-Bakhut, yang bermakna “pokok oak tempat menangis”.^{35:9} Di Bet-El Allah menampakkan dirinya kepada Ya`aqob untuk kali kedua, sejak dia pulang dari Padan-Aran dan memberkatinya.^{35:10} Kemudian Allah berkata kepadanya, “Namamu Ya`aqob, tetapi kau tidak akan dikenali sebagai Ya`aqob lagi, melainkan Israel.” Dengan begitu Allah menukar namanya menjadi Israel.^{35:11} Allah juga berkata kepadanya, “Akulah El-Syaday - Allah yang berdaulat; aku memberkati engkau supaya kau beranakcucu dan</p>	<p>face of his brother.^{35:8} Deborah, Rebekah’s nurse, died, and she was buried below Bethel under the oak; and its name was called Allon Bacuth.^{35:9} God appeared to Jacob again, when he came from Paddan Aram, and blessed him.^{35:10} God said to him, “Your name is Jacob. Your name shall not be Jacob any more, but your name will be Israel.” He named him Israel.^{35:11} God said to him, “I am God Almighty. Be fruitful and multiply. A nation and a company of nations will be from you, and kings will come out of your body.^{35:12} The land which I gave to Abraham and Isaac, I will give it to you, and to your seed after you will I give the land.”^{35:13} God went up from him in the place where he spoke with him.^{35:14} Jacob set up a pillar in</p>
---	---	--

^{n 35:7} *El Bet-El* bermakna *Allah Bet-El*, manakala *Bet-El* adalah nama tempat.

^{p 35:7} Kata kerja *menampakkan diri* berjamak lebih drpd satu, walaupun dgn Allah biasa tanda jamak yg digunakan ialah satu. Mungkin Allah dan malaikat dimaksudkan di sini, walaupun malaikat tdk disebut.

^{p 35:8} Di bawah Bet-El rupanya bermakna di lembah dekat Bet-El.

^{n 35:8} *Alon-Bakhut* bermakna *pokok oak tempat menangis*.

^{t 35:8} **Tfsrn lain:** Oleh itu *Ya`aqob* memanggil nama *tempat itu* Alon-Bakhut.

^{t 35:9} *sekali lagi sejak dia pulang hrhf:* *sekali lagi sejak dia datang.* Para pentafsir tdk setuju samada kali pertama terjadi sebelum Ya`aqob keluar dr tanah Kana`an atau sejak dia pulang. Bermakna mereka tdk setuju samada kali pertama terjadi di *Bet-El* (27:17-19) atau di *Mahanaim* (32:1-2).

^{p 35:9} Peristiwa pertama selepas dia berpatah pulang dr Padan-Aram terakam di 32:22-29 di mana Ya`aqob bergomol dgn Allah. Dlm ayat 35:1 Allah bercakap dgn Ya`aqob tetapi tdk menampakkan dirinya kepadanya. **Tfsrn lain:** *Allah menampakkan dirinya kepada Ya`aqob untuk kali kedua di Bet-El selepas dia pulang ke tanah Kana`an lalu memberkatinya.* Dgn tafsiran kedua ini, kali pertama Allah menampakkan diri adalah di 28:10-22 di mana Ya`aqob nampak tangga ke syurga dgn malaikat yg naik dan turun. Kedua-dua peristiwa ini terjadi di Bet-El dan ada kaitan dgn yg ini. Peristiwa pertama terjadi di tempat yg sama. Peristiwa kedua merupakan pemberian nama *Israel* kali yg pertama.

^{n 35:10} Nama *Israel* mungkin bermakna *Allah berjuang* atau: *Allah bersaing*. Ada juga yg percaya ia bermakna *Dia berjuang dengan Allah*. Pentafsir yg lain mencadangkan makna, *Allah akan memerintah*.

^{p 35:10} Selepas Ya`aqob diberikan nama *Israel* kali yg pertama (32:28), dia masih menipu lagi (33:14), sesuai dgn makna nama *Ya`aqob*. Mungkin itu sebabnya nama *Israel* harus diberikan kepadanya utk kali yg kedua. Ada juga kemungkinan hal ini lebih rasmi kalau dilakukan dlm tanah Kana`an, tanah pewarisan.

^{n 35:11} *El-Syaday:* *El* bermakna *Allah*, manakala *Syaday* biasanya dianggap merujuk kpd kuasa, dan sering diterjemah sbg *Mahakuasa* dlm b. Melayu. Oleh itu, *El-Syaday* biasanya diterjemah sbg *Allah Mahakuasa*. Ada juga yg menterjemahkannya sbg *Allah yang berdaulat* (iaitu *Sovereign God* dlm b. Inggeris). Walau bagaimanapun, makna sebenar *Syaday* tdk diketahui dgn pasti. Nama ini digunakan di 17:1, 28:3 dan 48:3 juga.

^{h 35:11} *beranakcuculah hrhf:* *berbuahlah*

^{p 35:11} Frasa *beranakcuculah dan bertambah banyak* bukan suruhan, melainkan berkat supaya hal itu akan terjadi.

^{j 35:11} *bangsa trjmhn lain:* *negara*

^{j 35:11} *berasal trjmhn 2:* *keluar trjmhn 3:* *datang*

<p>Tanah yang telah kuberikan kepada Abraham dan Yiş`haq itu akan kuberikan kepada mu juga. Dan kepada zuriatmu^j yang menyusuli mu akan kuberikan tanah itu.”^{35:13} Kemudian Allah naik dari tempat di mana ia bercakap dengannya.^{t 35:14} Selepas itu Ya`aqob menegakkan tugu pada tempat di mana dia bercakap dengannya, iaitu tugu batu, dan dia mencurahkan persembahan minuman ke atasnya,^j dan dia mengurapinya dengan minyak.^{p p 35:15} Ya`aqob memanggil nama tempat di situ tempat Allah bertutur dengannya itu Bet-El.^p</p>	<p>bertambah banyak. Keturunan mu akan menjadi satu bangsa bahkan sekumpulan bangsa, dan di antaranya akan muncul raja-raja.^{35:12} Aku akan memberikan kepada mu dan keturunan mu tanah ini yang telah ku berikan kepada datukmu Abraham dan bapamu Yiş`haq.”^{35:13} Setelah selesai bercakap, Allah naik dari tempat dia bercakap.^{35:14} Kemudian Ya`aqob menegakkan batu panjang sebagai tugu di tempat Allah telah bercakap dengannya, mencurahkan persembahan wain ke atasnya dan mentahbis batu itu dengan minyak.^{35:15} Ya`aqob sekali lagi menyebutkan nama tempat Allah bercakap dengannya itu sebagai Bet-El, iaitu rumah Allah.</p>	<p>the place where he spoke with him, a pillar of stone. He poured out a drink offering on it, and poured oil on it.^{35:15} Jacob called the name of the place where God spoke with him “Bethel”.</p>
<p><i>Masa Tua Yiş`haq (35:16-29)</i> Raḥel Meninggal Sewaktu Melahirkan Ben-Yamin ^{35:16} Seterusnya mereka berangkat dari Bet-El, dan semasa jarak ke Ephrath agak dekat,^h Raḥel melahirkan anak, tetapi dia payah betul hendak bersalin.^{35:17} Dalam kesusahannya bersalin yang amat payah itu, bidannya berkata kepadanya, “Jangan takut^j sebab yang ini pula anak lelaki bagi kau.”^{p 35:18} Semasa nyawanya</p>	<p><i>Masa Tua Yiş`haq (35:16-29)</i> Raḥel Meninggal Sewaktu Melahirkan Ben-Yamin ^{35:16} Seterusnya mereka berangkat dari Bet-El dan berjalan ke Ephrath. Semasa Ephrath sudah dekat, Raḥel melahirkan anak, tetapi dia mengalami kesusahan bersalin yang amat sangat.^{35:17} Dalam kesusahan teruknya hendak bersalin itu, bidannya berkata kepadanya, “Bersemangatlah; kau ada seorang anak lelaki lagi.”^{35:18} Semasa</p>	<p><i>Isaac Grows Old (35:16-29)</i> Rachel Dies Giving Birth to Benjamin ^{35:16} They traveled from Bethel. There was still some distance to come to Ephrath, and Rachel travailed. She had hard labor.^{35:17} When she was in hard labor, the midwife said to her, “Don’t be afraid, for now you will have another son.”^{35:18} As her soul was departing</p>

^{h 35:11} **badan hrhf:** *loin / punggung bawah*. Dlm b. Ibrani, perkataan *loin* atau *punggung bawah* sering digunakan sbg eufemisme utk kemaluan (alat kelamin) lelaki, sama spt *kemaluan* atau *aurat* digunakan dlm b. Melayu.

^{j 35:12} **zuriatmu trjmhn 2:** *benihmu* **trjmhn 3:** *keturunanmu*

^{t 35:13} **Tfstrn lain:** *Kemudian Allah meninggalkannya di tempat di mana ia bercakap/bertutur dengannya.* * **Hrhf:** *Dan Allah naik dari atasnya pada tempat yang dia bercakap dengannya.*

^{j 35:14} **minuman trjmhn 2:** *wain* **trjmhn 3:** *air anggur*. Kemungkinan besar, wain yg dicurahkan, tetapi kita hanya boleh pasti ia sejenis minuman keras. Kebanyakan rujukan kpd persembahan minuman merujuk wain (*Kel 29:40, Ima 23:13, Bil 15:5 dan Ula 32:38*). Hanya di *Bil 28:7* ada rujukan pd bir. (Kami percaya istilah b. Ibrani *syekhar* merujuk kpd bir, spt kebanyakan terjemahannya dlm NIV.)

^{p 35:14} Minyak yg dimaksudkan di sini ialah minyak masak mereka, iaitu minyak zaitun.

^{p 35:14} Kemungkinan besar penegakan batu ini dan pencurahan minyak dan wain ke atasnya merupakan pembaharuan pengikatan perjanjian (lihat *28:18-22*). Kita tdk tahu sama ada ini batu yg lain atau batu yg sudah ditegakkan di *28:18-19*.
Tulisan Sanakherib, raja Asyur dan Babel (704-681 sebelum Masihi) ada persamaan dgn ayat ini: *Apabila istana itu sudah menjadi lama dan keruntuhan, kalau raja yg lain memulihkannya di kemudian hari, [dia harus] tengok batu dgn nama ku [atasnya], urapinya dgn minyak dan curahkan wain atasnya, dan kembalikannya ke tempat asalnya.*

^{p 35:15} Nama *Bet-El* sudah diberi di *28:19*, tetapi ia diulang di sini.

^{h 35:16} **semasa jarak ke Efrath agak dekat hrhf:** *masih ada jarak tanah untuk pergi ke Efrath*. Kubur Raḥel satu batu dr Bet-Lehem (atau Efrath).

^{j 35:17} **takut trjmhn lain:** *risau / bimbang / khuatir*. Kata-kata ini satu cara utk cuba memberi semangat kpd Raḥel.

^{p 35:17} Raḥel sudah berdoa utk seorang lagi anak lelaki (*30:24*), jadi ini dianggap sbg berita yg menghiburkan hati.

<p>hendak putus^h – sebab dia meninggal – dia memanggil nama anaknya “Ben-Oni.” Tetapi bapanya memanggilnya “Ben-Yamin.”^{n 35:19} Jadi Rahel meninggal dan dia dikuburkan di tepi jalan ke Ephrath, iaitu Bet-Lehem.^{e 35:20} Ya`aqob menegakkan tugu atas kuburnya; ia adalah batu nisan^h Rahel yang ada sampai hari ini.^p</p> <p>Reuben Berzina dengan Bilhah ^{35:21} Israelⁿ berangkat dan memasang khemahnya selepas melalui Menara `Eder.^{n 35:22} Semasa Israel tinggal di tanah itu, Reuben pergi tidur^h dengan Bilhah, gundik bapanya, dan Israel mendengar tentangnya.^p</p> <p>Senarai Anak Ya`aqob Ya`aqob mempunyai 12 orang anak.^{35:23} Anak lelaki Leah: Reuben, anak sulung Ya`aqob, Syim`on, Lewi, Yehudah, Yisakhar, dan Zebulun.^{35:24} Anak lelaki Rahel: Yosef^e dan Ben-</p>	<p>Rahel hendak menghembuskan nafas terakhirnya, dia menamakan bayinya “Ben-Oni”, bermakna “anak penderitaanku”. Tetapi bapanya memberikannya nama “Ben-Yamin”, bermakna “anak bertuah”.^{35:19} Jadi Rahel meninggal dunia dan dikuburkan di tepi jalan ke Ephrath, yang dipanggil Bet-Lehem sekarang.^{35:20} Ya`aqob menegakkan tugu di atas kuburnya; itulah batu nisan Rahel yang ada sampai sekarang ini.</p> <p>Reuben Berzina dengan Bilhah ^{35:21} Israel dan keluarganya meneruskan perjalanannya. Selepas mereka melalui Menara `Eder mereka berkhemah berdekatan dengannya.^{35:22} Semasa mereka tinggal di tanah itu, Reuben, anak sulung Israel pergi bersetubuh dengan Bilhah, gundik bapanya, dan bapanya Israel mendapat tahu tentangnya.</p> <p>Senarai Anak Ya`aqob Ya`aqob mempunyai 12 orang anak.^{35:23} Anak lelaki Leah ialah: Reuben, iaitu anak sulung Ya`aqob, Syim`on, Lewi, Yehudah, Yisakhar, dan Zebulun.^{35:24} Anak lelaki Rahel ialah: Yosef dan Ben-Yamin.^{35:25} Anak</p>	<p>(for she died), she named him Benoni, but his father named him Benjamin.^{35:19} Rachel died, and was buried on the way to Ephrath (the same is Bethlehem).^{35:20} Jacob set up a pillar on her grave. The same is the Pillar of Rachel’s grave to this day.</p> <p>Reuben Sleeps with Bilhah ^{35:21} Israel traveled, and spread his tent beyond the tower of Eder.^{35:22} While Israel lived in that land, Reuben went and lay with Bilhah, his father’s concubine, and Israel heard of it.</p> <p>A List of Jacob’s Sons Now the sons of Jacob were twelve.^{35:23} The sons of Leah: Reuben (Jacob’s firstborn), Simeon, Levi, Judah, Issachar, and Zebulun.^{35:24} The sons of Rachel: Joseph and Benjamin.</p>
---	--	---

^{h 35:18} nyawanya hendak putus **hrfh**: nyawanya keluar / hidupnya keluar / jiwanya keluar

^{n 35:18} *Ben-Oni* bermakna anak penderitaanku. *Ben-Yamin* secara harfiah bermakna anak **tangan kanan ku** atau: anak **sebelah** kanan. Tangan kanan biasanya ada kaitan dgn kuasa atau kekuatan. Ada juga yg mentafsirkan makna nama ini sbg *anak bertuah*. Oleh sebab *kanan* boleh juga bermakna *selatan*, ada orang yg menganggap ini sbg rujukan tempat lahir, iaitu anak Ya`aqob yg tempat kelahirannya paling selatan. Mungkin kedua-dua makna ini dimaksudkan sekaligus.

^{e 35:19} B. Ibrani mengejanya sbg *Bet-Lahim* (spt di sini) atau *Bet-Lehem*. Kami tetapkan ejaannya sebagai *Bet-Lehem* sahaja.

^{h 35:20} *batu nisan* **hrfh**: tugu kubur

^{p 35:20} Bagi orang Yahudi, kubur Rahel merupakan tempat ketiga tersuci. Ia diserang oleh orang *Palestin* (Arab) tahun 1996 dan 2000 dgn bom dan tembakan, tetapi ia tdk termusnah; ia tetap ada sekarang.

^{n 35:21} Ini kali pertama nama *Israel* digunakan utk Ya`aqob (dan di 22).

^{n 35:21} *Menara `Eder* atau *Migdal-`Eder* bermakna *menara kawanan domba*. (*Migdal* bermakna *menara*, dan terjemahan lain mengekalkan nama Ibrani *Migdal* sbg sebahagian tajuknya.) Agaknya ia dibina sebagai tempat pemerhatian kawasan luas utk menjaga domba. Tempatnya tdk diketahui sekarang.

^{h 35:22} *tidur* **hrfh**: *berbaring*. Bermakna dia bersetubuh dgn Bilhah.

^{p 35:22} Reuben mungkin ada dua motif utk tindakan jahatnya itu. Dia anak Leah. Semasa Rahel hidup, Ya`aqob selalu mengutamakan Rahel. Mungkin Reuben mahu mencemarkan Bilhah dgn tujuan ibunya sendiri menjadi perempuan yg terpenting dlm keluarga, dan bukan Bilhah.

Dgn keadaan sedia ada, Reuben akan mewarisi gundik bapanya selepas ia meninggal. Juga dlm kebudayaan semasa, lelaki yg tidur dgn gundik seorang pemimpin dapat menjadi penggantinya. Jadi ini mungkin juga cara merebut kuasa drpd bapanya. **1 Taw 5:1** berkata Reuben kehilangan hak sulungnya disebabkan tindakannya ini, bermakna akibatnya yg sebenar adalah berlawanan dgn harapan Reuben.

^{e 35:24} *Yosef ejaan lain*: *Yosep*. Dlm b. Ibrani, huruf p dan f adalah alofon. Di sini bunyinya *f*. **Ejaan Melayu tradisi (dlm Islam)**: *Yusuf*.

<p>Yamin. ^{35:25} Anak lelaki Bilhah, hamba Raḥel: Dan dan Naftali. ^e ^{35:26} Anak lelaki Zilpah, hamba Leah: Gad dan Asyer. Itulah anak lelaki Ya`aqob yang lahir kepadanya di Padan-Aram. ^p</p> <p>Yiṣ`haq Meninggal ^{35:27} Kemudian Ya`aqob pergi ke bapanya Yiṣ`haq di Mamre dekat Qiryat-Arba`, iaitu Hebron, ^e di mana Abraham dan Yiṣ`haq pernah tinggal sebagai musafir. ^j ^{35:28} Hari-hari Yiṣ`haq ialah 180 tahun. ^{35:29} Yiṣ`haq menghembuskan nafas terakhir dan meninggal dunia lalu dikumpulkan kepada orangnya, tua dan cukup lama hidup. ^h Anak-anaknya `Eṣaw dan Ya`aqob menguburkannya. ^p</p> <p><i>`Eṣaw dan Keturunannya (36:1-43)</i></p> <p>`Eṣaw dan Keturunannya di Kana`an ^{36:1} Inilah riwayat `Eṣaw, iaitu Edom, ⁿ dan keturunannya. ^{36:2} `Eṣaw mengambil isteri-isterinya dari anak perempuan orang Kana`an: `Adah binti Elon, orang Het, Oholibamah ^e binti `Anah bin Ṣib`on, ^m orang Hiw, ^{36:3} dan Basmat binti Yisyma`el, ^e saudari Nebayot. ^p ^{36:4} `Adah melahirkan Elifaz ^e bagi `Eṣaw manakala</p>	<p>lelaki Bilhah, hamba Raḥel ialah: Dan dan Naptali. ^{35:26} Anak lelaki Zilpah, hamba Leah: Gad dan Asyer. Itulah anak lelaki Ya`aqob. Semuanya lahir di Padan-Aram kecuali Ben-Yamin.</p> <p>Yiṣ`haq Meninggal ^{35:27} Kemudian Ya`aqob pergi melawat bapanya Yiṣ`haq di Mamre dekat Qiryat-Arba`, iaitu Hebron, tempat dia dan Abraham pernah tinggal sebagai musafir. ^{35:28} Yiṣ`haq menemui ajalnya pada umur 180 tahun. ^{35:29} Dia meninggal dunia pada umur yang cukup tua dan disatukan dengan nenek-moyangnya yang meninggal sebelumnya. Anaknya `Eṣaw dan Ya`aqob menguburkan mayatnya di gua Makhpelah.</p> <p><i>`Eṣaw dan Keturunannya (36:1-43)</i></p> <p>`Eṣaw dan Keturunannya di Kana`an ^{36:1} Inilah riwayat `Eṣaw yang juga dipanggil Edom dan keturunannya. ^{36:2} `Eṣaw mengambil isterinya dari gadis bangsa Kana`an. Mereka adalah `Adah binti Elon, yang berbangsa Het, Oholibamah binti `Anah bin Ṣib`on yang berbangsa Hiw, ^{36:3} dan Basmat binti Yisyma`el, adik Nebayot. ^{36:4} `Adah melahirkan anak lelaki bernama Elipaz bagi `Eṣaw manakala Basmat melahirkan anak lelaki bernama</p>	<p>^{35:25} The sons of Bilhah (Rachel's handmaid): Dan and Naphtali. ^{35:26} The sons of Zilpah (Leah's handmaid): Gad and Asher. These are the sons of Jacob, who were born to him in Paddan Aram.</p> <p>Isaac Dies ^{35:27} Jacob came to Isaac his father, to Mamre, to Kiriath Arba (which is Hebron), where Abraham and Isaac lived as foreigners. ^{35:28} The days of Isaac were one hundred eighty years. ^{35:29} Isaac gave up the spirit, and died, and was gathered to his people, old and full of days. Esau and Jacob, his sons, buried him.</p> <p><i>Esau and His Descendants (36:1-43)</i></p> <p>Esau and His Descendants in Canaan ^{36:1} Now this is the history of the generations of Esau (that is, Edom). ^{36:2} Esau took his wives from the daughters of Canaan: Adah the daughter of Elon, the Hittite; and Oholibamah the daughter of Anah, the daughter of Zibeon, the Hivite; ^{36:3} and Basemath, Ishmael's daughter, sister of Nebaioth. ^{36:4} Adah bore to Esau Eliphaz. Basemath</p>
--	---	---

^e ^{35:25} *Naftali ejaan lain: Naptali.* Dlm b. Ibrani, huruf 'p' dan 'f' adalah alofon. Di sini bunyinya 'f'.

^p ^{35:26} Semua anak dilahir di Padan-Aram kecuali Ben-Yamin.

^e ^{35:27} *Hebron ejaan lain: Hevron.* Dlm b. Ibrani, huruf *b* dan *v* adalah alofon. Di sini bunyinya *v*.

^j ^{35:27} Kata-kata *tinggal sebagai orang musafir* di sini boleh diterjemah sbg *menumpang* atau *menumpang di tanah orang*. Ia juga boleh diterjemah sebagai *tinggal sebagai orang asing*. Ia menunjukkan bahawa mereka bukan penduduk tetap di tanah sendiri.

^h ^{35:29} *cukup lama hidup. hrhf: penuh hari-hari.*

^p ^{35:29} Menurut 49:29-32 Ya`aqob dikubur dlm gua Makhpelah, sama spt Ribqah dan Leah.

ⁿ ^{36:1} Cerita asal-usul nama Edom terdapat di 25:30.

^e ^{36:2} *Oholibamah ejaan lain: Oholivamah.* Dlm b. Ibrani, huruf *b* dan *v* adalah alofon. Bunyinya di sini *v*.

^m ^{36:2} *Oholibamah binti `Anah bin Ṣib`on tfsrn lain: Oholibamah, anak `Anah binti Ṣib`on.* Manuskrip dan terjemahan kuno menganggap nama `Anah sbg nama lelaki. Dlm manuskrip Masorit, ia dianggap perempuan. Sama dlm ayat 14. Dlm ayat 20 nama `Anah rupanya dianggap lelaki.

^e ^{36:2} *Ṣib`on ejaan lain: Ṣiv`on.* Dlm b. Ibrani, huruf *b* dan *v* adalah alofon. Bunyinya di sini *v*.

^e ^{36:3} *Yisyma`el ejaan lain Isyma`el.* Ejaan pertama ini lebih tepat, tetapi ejaan tradisi tdk menggunakan *Y*.

^p ^{36:3} Senarai isteri `Eṣaw di sini tdk setuju dgn senarai di 26:34 dan 28:9; sebabnya tdk diketahui.

^e ^{36:4} *Elifaz ejaan lain: Elipaz.* Dlm b. Ibrani, huruf *p* dan *f* adalah alofon. Di sini bunyinya *f*.

<p>Basmat melahirkan Re`uel. ^{36:5} Oholibamah melahirkan Ye`usy,^e Ya`lam, dan Qorah. Itulah anak lelaki `Ešaw yang dilahirkan baginya di tanah Kana`an. ^{36:6} `Ešaw membawa isteri-isterinya, anak-anak lelakinya dan anak-anak perempuannya dan semua orang di bawah naungannya^h dan ternakannya, semua binatangnya dan semua kepunyaannya yang dikumpulkannya di tanah Kana`an dan pergi ke tanah yang jauh dari hadirat Ya`aqob saudaranya. ^{36:7} Sebab kepunyaan mereka telah menjadi terlalu banyak untuk tinggal bersama, sebab tanah tempat tinggal^p mereka tidak dapat menampung mereka menumpang di situ memandangkan ternakan mereka. ^{36:8} Jadi `Ešaw menetap di perbukitan^h Se`ir.^p (`Ešaw ialah Edom.)</p> <p>`Ešaw dan Keturunannya di Se`ir</p> <p>^{36:9} Inilah riwayat keturunan `Ešaw, bapa bangsa Edom yang tinggal di perbukitan Se`ir. ^{36:10} Ini nama anak-anak lelaki `Ešaw: Elipaz anak `Adah, isteri `Ešaw, dan Re`uel anak Basmat, isteri `Ešaw. ^{36:11} Anak-anak lelaki Elipaz ialah Teman, Omar, Šepo,^e Ga`tam dan Qenaz. ^{36:12} (Timna` adalah gundik Elipaz anak `Ešaw. Dia melahirkan bagi Elipaz `Amaleq.) Itulah cucu-cucu lelaki^h `Adah, isteri `Ešaw. ^{36:13} Ini anak-anak lelaki Re`uel: Naħat, Zerah, Syamah dan Mizah. Mereka adalah cucu-cucu lelaki Basmat, isteri `Ešaw. ^{36:14} Ini adalah anak-anak</p>	<p>Re`uel. ^{36:5} Oholibamah melahirkan anak lelaki bernama Ye`usy, Ya`lam, dan Qorah. Itulah anak lelaki `Ešaw yang dilahirkan di tanah Kana`an. ^{36:6} `Ešaw berpindah ke tempat yang jauh dari adiknya Ya`aqob. Bersamanya dia membawa isteri-isterinya, semua anaknya dan orang lain di bawah naungannya. Dia juga membawa semua ternakannya dan binatang lain; apa sahaja yang dikumpulkannya sewaktu dia tinggal di tanah Kana`an. ^{36:7} Dia berpindah sebab kepunyaan mereka berdua telah menjadi terlalu banyak untuk tinggal bersama, sebab rumput di kawasan mereka tinggal itu tidak dapat menampung keperluan ternakan mereka. ^{36:8} Jadi `Ešaw (yang juga dipanggil Edom) menetap di perbukitan Se`ir.</p> <p>`Ešaw dan Keturunannya di Se`ir</p> <p>^{36:9} Berikut adalah riwayat `Ešaw dan keturunannya. `Ešaw adalah pengasas bangsa Edom yang tinggal di perbukitan Se`ir. ^{36:10} Berikut adalah nama anak-anak lelaki `Ešaw: Elipaz, anak isterinya `Adah, dan Re`uel, anak isterinya Basmat. ^{36:11} Lima anak lelaki isteri Elipaz ialah Teman, Omar, Šepo, Ga`tam dan Qenaz. ^{36:12} (Elipaz juga ada seorang anak bernama `Amaleq yang dilahirkan oleh gundiknya Timna`.) Itulah semua cucu lelaki `Adah, isteri `Ešaw. ^{36:13} Berikut ialah anak lelaki Re`uel: Naħat, Zerah, Syamah dan Mizah. Mereka cucu-cucu lelaki Basmat, isteri `Ešaw. ^{36:14} Isteri `Ešaw Oholibamah binti `Anah</p>	<p>bore Reuel. ^{36:5} Oholibamah bore Jeush, Jalam, and Korah. These are the sons of Esau, who were born to him in the land of Canaan. ^{36:6} Esau took his wives, his sons, his daughters, and all the members of his household, with his livestock, all his animals, and all his possessions, which he had gathered in the land of Canaan, and went into a land away from his brother Jacob. ^{36:7} For their substance was too great for them to dwell together, and the land of their travels couldn't bear them because of their livestock. ^{36:8} Esau lived in the hill country of Seir. Esau is Edom.</p> <p>Esau and His Descendants in Seir</p> <p>^{36:9} This is the history of the generations of Esau the father of the Edomites in the hill country of Seir: ^{36:10} these are the names of Esau's sons: Eliphaz, the son of Adah, the wife of Esau; and Reuel, the son of Basemath, the wife of Esau. ^{36:11} The sons of Eliphaz were Teman, Omar, Zepho, and Gatam, and Kenaz. ^{36:12} Timna was concubine to Eliphaz, Esau's son; and she bore to Eliphaz Amalek. These are the sons of Adah, Esau's wife. ^{36:13} These are the sons of Reuel: Nahath, Zerah,</p>
--	---	--

^e ^{36:5} Ye`usy. Dlm manuskrip lain ia dieja Ye`isy.

^h ^{36:6} semua orang di bawah naungannya. **hrfh:** semua jiwa di dalam rumahnya. Mereka tinggal dlm khemah, bukan rumah; dalam rumahnya di sini merujuk kpd semua orang yg di bawah naungan `Ešaw. Selain keluarganya, ada juga hamba-hamba dan mungkin orang lain yg ada pertalian dgn `Ešaw.

^p ^{36:7} Perkataan tinggal di sini bermakna tinggal sementara, atau menumpang di tanah orang.

^h ^{36:8} perbukitan **hrfh:** bukit / gunung. Sama dlm ayat 9.

^p ^{36:6} Se`ir di sebelah tenggara dr Laut Mati. Menurut Ulangan 2:12, 22, `Ešaw merampas kawasan itu dr bangsa Hor.

^e ^{36:11} Šepo ejaan lain: Šefo. Dlm b. Ibrani, huruf p dan f adalah alofon. Di sini bunyinya f.

^h ^{36:12} cucu-cucu lelaki **hrfh:** anak-anak lelaki. Sama dlm ayat 13. Sering kali b. Ibrani menggunakan istilah anak dgn makna keturunan.

lelaki isteri `Eśaw Oholibamah binti `Anah bin Şib`on: dia melahirkan bagi `Eśaw Ye`usy, Ya`lam dan Qoraĥ. ^{36:15} Inilah suku-suku kaum anak-anak lelaki `Eśaw: ¹ anak-anak Elipaz, anak sulung `Eśaw **menjadi** suku-kaum Teman, suku-kaum Omar, suku-kaum Şepo, suku-kaum Qenaz, ^{36:16} suku-kaum Qoraĥ, suku-kaum Ga`tam dan suku-kaum `Amaleq. Itulah suku-kaum **keturunan** Elipaz di tanah Edom, keturunan ^h `Adah. ^{36:17} Inilah **suku-kaum** anak-anak lelaki Re`uel bin `Eśaw: suku-kaum Naĥat, suku-kaum Zeraĥ, suku-kaum Syamah dan suku-kaum Mizah. Itulah suku-kaum **keturunan** Re`uel di tanah Edom. Itulah keturunan ^h Basmat, isteri `Eśaw. ^{36:18} Inilah **suku-kaum** anak-anak lelaki Oholibamah, isteri `Eśaw: suku-kaum Ye`usy, suku-kaum Ya`lam, suku-kaum Qoraĥ. Itulah suku-kaum **keturunan** Oholibamah anak `Anah, isteri `Eśaw. ^{36:19} Itulah anak-anak lelaki `Eśaw, dan itulah suku-suku kaumnya, iaitu **suku-suku kaum** Edom.

Orang Asli di Se`ir

^{36:20} Inilah anak-anak lelaki Se`ir, ^p bangsa Ħor: penduduk tanah itu: Loġan, Syobal, ^e Şib`on, `Anah, ^{36:21} Disyon, Eşer dan Disyan. Itulah suku-suku kaum bangsa Ħor, keturunan ^h Se`ir di tanah Edom. ^{36:22} Anak-anak lelaki Loġan ialah Ħori dan Hemam. ^e

bin Şib`on melahirkan **tiga** anak lelaki baginya: Ye`usy, Ya`lam dan Qoraĥ. ^{36:15} Anak `Eśaw dan `Adah **ialah** Elipaz, anak sulung `Eśaw. Keturunannya menjadi suku-kaum berikut: Teman, Omar, Şepo, Qenaz, ^{36:16} Qoraĥ, Ga`tam dan `Amaleq. Itulah suku-kaum **keturunan** Elipaz **yang tinggal** di tanah Edom. ^{36:17} Anak `Eśaw dan Basmat **ialah** Re`uel. Keturunannya menjadi suku-kaum berikut: Naĥat, Zeraĥ, Syamah dan Mizah. Itulah suku-kaum **keturunan** Re`uel **yang tinggal** di tanah Edom. ^{36:18} Anak lelaki `Eśaw dan Oholibamah binti `Anah menjadi suku-kaum berikut: Ye`usy, Ya`lam dan Qoraĥ. ^{36:19} Begitulah keturunan `Eśaw dan suku-kaum Edom **keturunan** mereka.

Orang Asli di Se`ir

^{36:20} Bangsa Ħor **adalah** penduduk **asli** tanah Se`ir yang terdiri daripada anak-anak lelaki Se`ir **dan suku-suku kaum masing-masing**. Berikut ialah **nama** mereka: Loġan, Syobal, Şib`on, `Anah, ^{36:21} Disyon, Eşer dan Disyan. **Keturunan mereka** merupakan suku-suku kaum bangsa Ħor **yang tinggal** di

Shammah, and Mizzah. These were the sons of Basemath, Esau's wife. ^{36:14} These were the sons of Oholibamah, the daughter of Anah, the daughter of Zibeon, Esau's wife: she bore to Esau Jeush, Jalam, and Korah. ^{36:15} These are the chiefs of the sons of Esau: the sons of Eliphaz the firstborn of Esau: chief Teman, chief Omar, chief Zepho, chief Kenaz, ^{36:16} chief Korah, chief Gatam, chief Amalek: these are the chiefs who came of Eliphaz in the land of Edom; these are the sons of Adah. ^{36:17} These are the sons of Reuel, Esau's son: chief Nahath, chief Zerah, chief Shammah, chief Mizzah: these are the chiefs who came of Reuel in the land of Edom; these are the sons of Basemath, Esau's wife. ^{36:18} These are the sons of Oholibamah, Esau's wife: chief Jeush, chief Jalam, chief Korah: these are the chiefs who came of Oholibamah the daughter of Anah, Esau's wife. ^{36:19} These are the sons of Esau (that is, Edom), and these are their chiefs.

The People of Seir

^{36:20} These are the sons of Seir the Horite, the inhabitants of the land: Lotan, Shobal, Zibeon, Anah, ^{36:21} Dishon, Ezer, and Dishan. These are the chiefs who came of the Horites, the children of Seir in the land

^t ^{36:15} Inilah suku-suku kaum **keturunan** anak-anak lelaki `Eśaw. **tfsrn lain:** Inilah ketua-ketua **di antara** anak-anak lelaki `Eśaw. * Istilah b. Ibrani di sini mungkin bermakna *suku-kaum*, atau *ketua*. Sama dlm ayat yg berikut. Kebanyakan terjemahan menterjemahnya sbg *ketua*. Di sini kami ikut fahaman 'New JPS Translation'.

^h ^{36:16} **keturunan hrffh:** anak-anak lelaki

^h ^{36:17} **keturunan hrffh:** anak-anak lelaki

^p ^{36:20} Rupanya tempat yang bernama *Se`ir* mendapat namanya drpd pengasasnya yang bernama Se`ir.

^e ^{36:20} *Syobal* **ejaan lain:** *Syoval*. Dlm b. Ibrani, huruf *b* dan *v* adalah alofon. Di sini bunyinya *v*. *Syobal* dieja sbg *Syepi* atau *Syefi* di 1 **Taw** 1:40.

^h ^{36:21} **keturunan hrffh:** anak-anak lelaki

^e ^{36:22} *Hemam* dieja *Homam* di 1 **Taw** 1:39.

<p>Saudari Loṭan ialah Timna^ᵖ.^{36:23} Inilah anak-anak lelaki Syobal: Ḷalwan, Manahat, Ḷebal,^ᵉ Syefo^ᵉ dan Onam.^{36:24} Inilah anak-anak lelaki Şib`on: Ayah dan ḶAnah. (Dialah ḶAnah yang menemui mata air-mata air panas^ᵗ di padang gurun sewaktu menggembalakan keldai-keldai bapanya Şib`on.)^{36:25} Inilah anak-anak^ᵖ ḶAnah: Disyon dan Oholibamah binti ḶAnah.^ᵖ^{36:26} Inilah anak-anak lelaki Disyon:^ᵉ Hemdan, Esyban, Yitran dan Keran.^{36:27} Inilah anak-anak lelaki Eşer: Bilhan, Za`awan dan ḶAqan.^{36:28} Inilah anak-anak lelaki Disyan: ḶUş dan Aran.^{36:29} Inilah suku-suku kaum bangsa Hor: suku-kaum Loṭan, suku-kaum Syobal, suku-kaum Şib`on, suku-kaum ḶAnah,^{36:30} suku-kaum Disyon, suku-kaum Eşer dan suku-kaum Disyan. Itulah suku-kaum-suku-kaum bangsa Hor menurut suku-kaum-suku-kaum mereka di tanah Se`ir.</p> <p>^{36:31} Inilah raja-raja yang memerintah di tanah Edom sebelum ada raja yang memerintah bani Israel.^ᵗ^{36:32} Bela` bin Be`or memerintah di Edom dan nama kotanya Dinhabah.^ᵖ^{36:33} Raja</p>	<p>tanah yang kemudiannya dipanggil tanah Edom.^{36:22} Anak-anak lelaki Loṭan ialah Hori dan Hemam. Saudari Loṭan ialah Timna^ᵖ.^{36:23} Anak-anak lelaki Syobal ialah Ḷalwan, Manahat, Ḷebal, Syepo dan Onam.^{36:24} Anak-anak lelaki Şib`on ialah Ayah dan ḶAnah. (ḶAnah inilah yang menemui mata air panas di padang gurun sewaktu menggembalakan keldai bapanya.)^{36:25} Anak-anak ḶAnah ialah Disyon dan seorang anak perempuan bernama Oholibamah.^{36:26} Anak-anak lelaki Disyon ialah Hemdan, Esyban, Yitran dan Keran.^{36:27} Anak-anak lelaki Eşer ialah Bilhan, Za`awan dan ḶAqan.^{36:28} Anak-anak lelaki Disyan ialah ḶUş dan Aran.^{36:29} Inilah suku-suku kaum bangsa Hor: Loṭan, Syobal, Şib`on, ḶAnah,^{36:30} Disyon, Eşer dan Disyan. Begitulah nama suku-kaum bangsa Hor yang tinggal di tanah Se`ir.</p> <p>^{36:31} Berikut adalah nama orang yang memerintah sebagai raja di tanah Edom sebelum waktunya orang Israel ada raja.^{36:32} Bela` bin Be`or dari kota Dinhabah memerintah Edom.^{36:33}</p>	<p>of Edom.^{36:22} The children of Lotan were Hori and Heman. Lotan's sister was Timna.^{36:23} These are the children of Shobal: Alvan, Manahath, Ebal, Shepho, and Onam.^{36:24} These are the children of Zibeon: Aiah and Anah. This is Anah who found the hot springs in the wilderness, as he fed the donkeys of Zibeon his father.^{36:25} These are the children of Anah: Dishon and Oholibamah, the daughter of Anah.^{36:26} These are the children of Dishon: Hemdan, Eshban, Ithran, and Cheran.^{36:27} These are the children of Ezer: Bilhan, Zaavan, and Akan.^{36:28} These are the children of Dishan: Uz and Aran.^{36:29} These are the chiefs who came of the Horites: chief Lotan, chief Shobal, chief Zibeon, chief Anah,^{36:30} chief Dishon, chief Ezer, and chief Dishan: these are the chiefs who came of the Horites, according to their chiefs in the land of Seir.^{36:31} These are the kings who reigned in the land of Edom, before any king reigned over the children of Israel.^{36:32} Bela, the son of Beor, reigned in Edom. The name of his city was</p>
--	---	---

^ᵖ 36:22 Dari ayat 36:12 kita tahu bahawa gundik Elipaz bernama Timna^ᵖ.

^ᵉ 36:23 Ḷebal **ejaan lain:** ḶEval. Dlm b. Ibrani, huruf *b* dan *v* adalah alofon. Di sini bunyinya *v*.

^ᵉ 36:23 Syefo **ejaan lain:** Syepo. Dlm b. Ibrani, huruf *b* dan *v* adalah alofon. Di sini bunyinya *v*.

^ᵗ 36:24 mata air panas **tfsrn lain:** *baghal-baghal*. Makna perkataan yg diterjemah sbg *mata air panas* tdk diketahui. Terjemahan kuno menterjemahnya sebagai *air panas* dan *air*. Selain vokalnya, perkataan Ibraninya sama dgn perkataan *laut* atau *tasik* (b. Ibrani tdk membezakan laut dan tasik). Terjemahan CEV ialah *oasis*. Terjemahan yg paling diterima oleh orang Yahudi kuno ialah *baghal-baghal*, bermakna ia menemui cara pengawanan kuda dan keldai. Dlm konteksnya terjemahan itu berlogik, sebab dia sedang menternak keldai.

^ᵖ 36:25 Istilah ini boleh bermakna *anak-anak lelaki*, atau *anak-anak (lelaki dan perempuan)*. Oleh sebab ada perempuan dlm senarainya, ia diterjemah sbg *anak-anak* saja di sini. Di tempat lain dlm bahagian ini dia diterjemah sbg *anak-anak lelaki*.

^ᵖ 36:25 Para pentafsir tdk setuju samada *Oholibamah* ini isteri ḶEşaw (ayat 2) atau orang lain dgn nama yg sama, tetapi tiada sebab nama perempuan itu disebut di sini kalau dia bukan isteri ḶEşaw.

^ᵉ 36:26 Dlm teks yg ada sekarang, nama ini dieja *Disyan*, tetapi itu rupanya satu kesilapan. (Vokal tdk tertulis dlm teks asli.) 1 *Taw* 1:41 mengejanya *Disyon*.

^ᵗ 36:31 **Tfsrn lain:** *Inilah raja-raja yang memerintah di tanah Edom sebelum ada raja bani Israel yang memerintah atas mereka.*

^ᵖ 36:32 Rupanya kota-kota yg disebut di sini adalah tempat asal dan tempat memerintah raja-raja ini. Orang lain memahaminya sebagai tempat asal sahaja.

<p>Bela^h wafat dan Yobab^e bin Zerah dari Boşrah menggantikannya memerintah. ^{36:34} Raja Yobab wafat dan Husyam dari tanah orang Teman menggantikannya memerintah. ^{36:35} Raja Husyam wafat dan Hadad bin Bedad menggantikannya, yang mengalahkan orang Midyan di kawasan Moab, dan nama kotanya `Awit. ^{36:36} Raja Hadad wafat dan Šamlah dari Masreqah menggantikannya memerintah. ^{36:37} Raja Šamlah wafat dan Syaul dari Rehobot yang dekat sungai^p menggantikannya memerintah. ^{36:38} Raja Syaul wafat dan Ba`al-Hanan bin `Akhbor menggantikannya memerintah. ^{36:39} Raja Ba`al-Hanan bin `Akhbor wafat dan Hadad^e menggantikannya memerintah. Nama kotanya Pa`u. Nama isterinya Meheṭabeel, ^e anak Maṭred, anak Me-Zahab. ^{e p} ^{36:40} Inilah nama-nama suku-suku kaum `Eśaw menurut suku kaum, tempat dan nama-nama mereka: suku-kaum Timna`, suku-kaum `Alwah, suku-kaum Yetet, ^{36:41} suku-kaum Oholibamah, suku-kaum Elah, suku-kaum Pinon, ^{36:42} suku-kaum Qenaz, suku-kaum Teman, suku-kaum Mibşar, ^{e 36:43} suku-kaum Magdiel dan suku-kaum `Iram. Itulah suku-kaum-suku-kaum Edom menurut kediaman mereka di tanah kepunyaan mereka. Dialah `Eśaw bapa bangsa Edom.</p> <p>Ya`aqob Menetap di Kana`an</p>	<p>Setelah raja Bela^h wafat, Yobab bin Zerah dari kota Boşrah menggantikannya memerintah. ^{36:34} Setelah raja Yobab wafat, Husyam dari tanah orang Teman menggantikannya memerintah. ^{36:35} Setelah raja Husyam wafat, Hadad bin Bedad dari kota `Awit menggantikannya dan memerintah. (Dialah yang mengalahkan orang Midyan di kawasan Moab.) ^{36:36} Setelah raja Hadad wafat, Šamlah dari Masreqah menggantikannya memerintah. ^{36:37} Setelah raja Šamlah wafat, Syaul dari Rehobot yang dekat sungai menggantikannya memerintah. ^{36:38} Setelah raja Syaul wafat, Ba`al-Hanan bin `Akhbor menggantikannya memerintah. ^{36:39} Setelah raja Ba`al-Hanan wafat, Hadad dari kota Pa`u menggantikannya memerintah. Nama isterinya Meheṭabeel. Ibu Meheṭabeel bernama Maṭred dan neneknya bernama Me-Zahab. ^{36:40} Berikut adalah senarai nama suku-kaum keturunan `Eśaw, dengan nama pengasas suku-kaum disenaraikan menurut tempat masing-masing: Timna`, `Alwah, Yetet, ^{36:41} Oholibamah, Elah, Pinon, ^{36:42} Qenaz, Teman, Mibşar, ^{36:43} Magdiel dan `Iram. Begitulah suku-kaum Edom menurut kediaman mereka di tanah kepunyaan mereka. `Eśaw adalah bapa bangsa Edom.</p> <p>Ya`aqob Menetap di Kana`an</p>	<p>Dinhabah. ^{36:33} Bela died, and Jobab, the son of Zerah of Bozrah, reigned in his place. ^{36:34} Jobab died, and Husham of the land of the Temanites reigned in his place. ^{36:35} Husham died, and Hadad, the son of Bedad, who struck Midian in the field of Moab, reigned in his place. The name of his city was Avith. ^{36:36} Hadad died, and Samlah of Masrekah reigned in his place. ^{36:37} Samlah died, and Shaul of Rehoboth by the river, reigned in his place. ^{36:38} Shaul died, and Baal Hanan, the son of Achbor reigned in his place. ^{36:39} Baal Hanan the son of Achbor died, and Hadar reigned in his place. The name of his city was Pau. His wife's name was Mehetabel, the daughter of Matred, the daughter of Mezahab. ^{36:40} These are the names of the chiefs who came from Esau, according to their families, after their places, and by their names: chief Timna, chief Alvah, chief Jetheth, ^{36:41} chief Oholibamah, chief Elah, chief Pinon, ^{36:42} chief Kenaz, chief Teman, chief Mibzar, ^{36:43} chief Magdiel, and chief Iram. These are the chiefs of Edom, according to their habitations in the land of their possession. This is Esau, the father of the Edomites.</p> <p>Jacob settles in Canaan</p>
---	---	--

^{h 36:33} wafat hrhf: meninggal / mati. B. Ibrani tdk menggunakan istilah khas utk kematian raja.

^{e 36:33} Yobab ejaan lain: Yovav. Dlm b. Ibrani, huruf b dan v adalah alofon. Di sini bunyinya v utk kedua-dua b.

^{p 36:37} Istilah sungai itu (dalam b. Inggeris the river) ini biasanya merujuk kpd sungai Efrat, tetapi di sini mungkin ia merujuk kpd Wadi el-Hesa di sempadan Edom dan Moab.

^{e 36:39} Ada manuskrip yg mengeja nama raja Hadad sbg Hadar. Ia dieja Hadad di 1 Taw 1:50.

^{e 36:39} Meheṭabeel ejaan lain: Mehetaveel. Dlm b. Ibrani, huruf b dan v adalah alofon. Di sini bunyinya 'v'.

^{e 36:39} Me-Zahab ejaan lain: Me-Zahav. Dlm b. Ibrani, huruf b dan v adalah alofon. Di sini bunyinya v.

^{p 36:39} Dlm b. Ibrani ia ditulis spt Meheṭabeel binti Maṭred binti Me-Zahab. Tetapi nama kedua dan ketiga itu ibu dan nenek, bukan bapa dan datuk. Oleh itu kegunaan binti di sini mungkin mengelirukan.

^{e 36:42} Mibşar ejaan lain: Mivşar. Dlm b. Ibrani, huruf b dan v adalah alofon. Di sini bunyinya v.

<p>^{37:1} Ya`aqob tinggal di tanah tumpangan bapanya, iaitu tanah Kana`an.</p> <p><i>Riwayat Keluarga Ya`aqob (37:2 – 50:26)</i></p> <p><i>Riwayat Yosef (37:2 – 46:27)</i></p> <p>Abang-Abang Yosef Mulai Membencinya</p> <p>^{37:2} Inilah riwayat Ya`aqob dan keturunannya. Yosef berumur 17 tahun dan dia menggembalakan kawanan ^P bersama saudara-saudaranya. Dia teruna ^t bersama dengan anak-anak lelaki Bilhah dan anak-anak lelaki Zilpah, isteri-isteri bapanya. Yosef membawa laporan buruk tentang mereka kepada bapanya. ^t ^{37:3} Israel ^P lebih menyayangi Yosef daripada semua anaknya yang lain, sebab dia anak usia lanjutnya. ^P Dia telah membuat jubah untuknya yang sangat indah. ^t ^{37:4} Saudara-saudaranya melihat bahawa ayah mereka menyayangi dia lebih daripada semua saudaranya, dan oleh itu mereka membencinya sehingga tidak dapat bercakap dengannya secara damai. ^{37:5} Kemudian Yosef bermimpi sebuah mimpi, dan dia memberitahunya kepada saudara-saudaranya dan mereka semakin membencinya lagi. ^{37:6} Katanya kepada mereka, “Cuba dengar mimpi yang saya termimpi ini. ^{37:7} Kita ^h sedang mengikat</p>	<p>^{37:1} Ya`aqob tinggal di tanah tumpangan bapanya, iaitu tanah Kana`an.</p> <p><i>Riwayat Keluarga Ya`aqob (37:2 – 50:26)</i></p> <p><i>Riwayat Yosef (37:2 – 46:27)</i></p> <p>Abang-Abang Yosef Mulai Membencinya</p> <p>^{37:2} Berikut adalah riwayat Ya`aqob dan keturunannya. Ketika peristiwa berikut berlaku Yosef ialah seorang teruna yang berumur 17 tahun. Dia berkerja sebagai gembala kawanan domba dan kambing bersama abang-abangnya, iaitu anak-anak lelaki Bilhah dan Zilpah, isteri-isteri bapanya. Yosef melaporkan kepada bapanya hal-hal buruk yang dilakukan oleh abang-abangnya. ^{37:3} Israel lebih menyayangi Yosef daripada semua anaknya yang lain, sebab dia ialah anak yang dilahirkan sewaktu Israel berusia lanjut. Sayangnya ditunjukkan melalui jubah indah yang telah dibuat khas untuk Yosef. ^{37:4} Abang-abang Yosef melihat bahawa ayah mereka lebih menyayangi Yosef daripada semua adik-beradik yang lain. Oleh itu mereka membencinya dan bersikap kasar terhadapnya. ^{37:5} Kemudian berlakulah sesuatu yang membuat Yosef lebih dibenci lagi oleh abang-abangnya. Yosef bermimpi dan terus menceritakan mimpinya kepada abang-abangnya. ^{37:6} Katanya kepada mereka, “Cuba dengar mimpi saya. ^{37:7} Dalam mimpi saya kita sedang</p>	<p>^{37:1} Jacob lived in the land of his father’s travels, in the land of Canaan.</p> <p><i>The Story of Jacob’s Family (37:2 – 50:26)</i></p> <p><i>The Story of Joseph (37:2 – 46:27)</i></p> <p>Joseph’s Brothers Begin to Hate Joseph</p> <p>^{37:2} This is the history of the generations of Jacob. Joseph, being seventeen years old, was feeding the flock with his brothers. He was a boy with the sons of Bilhah and Zilpah, his father’s wives. Joseph brought an evil report of them to their father. ^{37:3} Now Israel loved Joseph more than all his children, because he was the son of his old age, and he made him a coat of many colors. ^{37:4} His brothers saw that their father loved him more than all his brothers, and they hated him, and couldn’t speak peaceably to him. ^{37:5} Joseph dreamed a dream, and he told it to his brothers, and they hated him all the more. ^{37:6} He said to them, “Please hear this dream which I have dreamed: ^{37:7} for behold, we were binding sheaves in the field, and behold, my sheaf arose and also stood upright; and behold, your sheaves came around, and bowed down to my</p>
--	---	---

^P ^{37:2} Istilah *kawanan* ini boleh merangkumi *kambing* dan *domba* (*kambing biri-biri*).

^t ^{37:2} **Tfsrn lain:** Ada pentafsir yg berpendapat bahawa *teruna* di sini bermakna Yosef yg berperanan sebagai *pembantu* abang-abangnya saja dan istilah ini tdk merujuk kpd umurnya sahaja.

^t ^{37:2} *Yosef membawa laporan buruk tentang mereka kepada bapanya.* **Tfsrn lain:** *Yosef membuat-buat cerita buruk tentang mereka yang dilaporkannya kepada bapanya.* Kebanyakan pentafsir berpendapat dia melaporkan hal-hal buruk yg dilakukan oleh mereka, tetapi ada juga segelintir pentafsir yg berpendapat cerita Yosef itu dibuat-buatnya sahaja. Kurang jelas adakah dia melakukannya sekali atau sering kali.

^P ^{37:3} *Israel* ialah nama kedua *Ya`aqob*.

^P ^{37:3} Mungkin sebab kedua dia lebih menyayangi Yosef adalah kerana dia anak isterinya yg tercinta, iaitu Rahel.

^t ^{37:3} *sangat indah* **tfsrn 2:** *berwarna-warni* **tfsrn 3:** *tersulam* **tfsrn 4:** *bertangan panjang*. Makna perkataan ini tdk diketahui dgn pasti tetapi yg jelas ia adalah baju yg istimewa.

^h ^{37:7} *Kita ...* **hrfh:** *Lihat, kita ...*

berkas^p di tengah-tengah huma dan tiba-tiba^h berkas saya bangkit sehingga berdiri tegak. Kemudian^h berkas-berkas kamu mengililingi dan sujud kepada berkas saya.”^{37:8} Saudara-saudaranya berkata kepadanya, “Kau pikir kau betul-betul akan menjadi raja di atas kami atau betul-betul akan memerintah di atas kamikah?” Jadi, mereka bertambah membenci dia sekali lagi disebabkan mimpi-mimpinya dan kata-katanya.^{37:9} Dia bermimpi **sebuah** mimpi lagi dan memberitahukannya kepada saudara-saudaranya. Katanya, “Dengar!^h Saya sudah bermimpi **sebuah** mimpi lagi yang begini:^h Matahari, bulan dan sepuluh bintang sujud terhadap saya.”^{37:10} Dia memberitahunya kepada ayahnya dan saudara-saudaranya. Ayahnya menegur dia dengan berkata kepadanya, “Apa **pula** mimpi yang telah kau mimpi itu? Adakah saya dan ibumu dan saudara-saudaramu betul-betul datang dan bersujud ke tanah terhadapmu?”^{37:11} Saudara-saudaranya dengki terhadapnya tetapi ayahnya menyimpan hal itu **di dalam hatinya**.^t

Abang-Abang Yosef Menjualnya Menjadi Hamba

^{37:12} Saudara-saudaranya **telah** pergi ke Syekhem^p untuk menggembalakan kawanan **domba** ayah mereka. ^{37:13} Israel berkata kepada Yosef, “Bukankah saudara-saudaramu menggembala di Syekhem? Mari, aku hendak

mengikat berkas di tengah-tengah huma dan tiba-tiba berkas saya bangkit dan berdiri tegak. Kemudian berkas-berkas kamu mengililingi berkas saya dan sujud kepadanya.”^{37:8} Abang-abangnya berkata kepadanya, “Cih! Kau pikir kau akan menjadi raja di atas kami atau memerintah kamikah?” Jadi, **oleh sebab** mimpi dan kata-kata Yosef itulah, abang-abangnya bertambah lagi membencinya.^{37:9} **Belum cukup dengan itu**, pada suatu hari Yosef mendapat satu lagi mimpi dan menceritakannya kepada abang-abangnya. Katanya, “Dengar! Saya bermimpi sekali lagi. Mimpinya begini: Matahari, bulan dan sepuluh bintang sujud terhadap saya.”^{37:10} Dia juga memberitahunya kepada ayahnya sewaktu abang-abangnya berada di situ. Ayahnya menegur dia dengan berkata, “Apa pula mimpi kau itu? Apakah ayah dan ibumu dan abang-abangmu akan datang nanti dan bersujud ke tanah terhadapmu?”^{37:11} Akhirnya abang-abangnya iri hati pada Yosef tetapi ayahnya merenungkan hal itu **di dalam hatinya**.

Abang-Abang Yosef Menjualnya Menjadi Hamba

^{37:12} Abang-abang Yosef berada di **kawasan** Syekhem untuk menggembalakan kawanan **kambing** ayah mereka. ^{37:13} **Pada suatu hari** Israel berkata kepada Yosef, “Semua abangmu menggembala **kambing** berhampiran Syekhem, ‘kan? Ayah

sheaf.”

^{37:8} His brothers said to him, “Will you indeed reign over us? Or will you indeed have dominion over us?” They hated him all the more for his dreams and for his words.^{37:9} He dreamed yet another dream, and told it to his brothers, and said, “Behold, I have dreamed yet another dream: and behold, the sun and the moon and eleven stars bowed down to me.”^{37:10} He told it to his father and to his brothers. His father rebuked him, and said to him, “What is this dream that you have dreamed? Will I and your mother and your brothers indeed come to bow ourselves down to you to the earth?”^{37:11} His brothers envied him, but his father kept this saying in mind.

Joseph's Brothers Sell Him as a Slave

^{37:12} His brothers went to feed their father's flock in Shechem.^{37:13} Israel said to Joseph, “Aren't your brothers feeding the flock in Shechem? Come, and I will send you to them.” He said to him, “Here I am.”

^{p 37:7} Berkas yg dimaksudkan di sini agaknya *berkas gandum*, sesuatu yg hampir serupa dgn berkas padi.

^{h 37:7} tiba-tiba **hrfh**: lihat

^{h 37:7} Kemudian **hrfh**: Lihat

^{h 37:9} Dengar! **hrfh**: Lihat!

^{h 37:9} yang begini **hrfh**: lihat

^{t 37:11} tetapi ayahnya menyimpan hal itu **di dalam hatinya**. **tfsrn lain**: tetapi ayahnya membiarkan saja hal itu. / tetapi ayahnya tidak mengambil tindakan apa-apa mengenai hal itu.

^{p 37:12} Syekem di sini bermakna kawasan Syekem, bukan di dalam kota Syekem.

mengutusmu kepada mereka.” Dia berkata, “Baiklah.”^{h 37:14} Jadi dia berkata kepadanya, “Tolong pergi lihat kesejahteraan saudara-saudaramu dan kesejahteraan kawanannya itu. Kemudian bawa balik laporan^h kepadaku.” Jadi dia mengutusnyanya dari lembah Hebron dan dia pergi ke Syekhchem.^{37:15} **Di sana ada** seorang terjumpa dengannya dan melihat bahwa dia merayau-rayau di padang rumput. Jadi orang itu bertanya,^h “Kau cari apa?”^{37:16} Dia berkata, “Saya mencari saudara-saudara saya. Tolong beritahu saya di mana mereka sedang menggembala.”^{37:17} Kata orang itu, “Mereka sudah meninggalkan tempat ini, sebab saya terdengar mereka berkata, ‘Mari kita pergi ke Dotan.’”^p Jadi Yosef pergi menyusul saudara-saudaranya, dan dia menemui mereka di Dotan.^{37:18} Dari jauh lagi mereka ternampak dia, dan sebelum dia mendekat, mereka bersubahat untuk membunuhnya.^{37:19} Mereka berkata satu sama lain,^h “Tengok! **Si** tukang mimpi yang datang ‘ni.”^{37:20} Sekarang mari kita bunuh dia dan membuangnya ke dalam salah sebuah^h lubang^p ini. Kita katakan bahwa binatang buas^h telah memakannya. Kemudian kita tengok apa yang terjadi dengan mimpi-mimpinya itu!^{37:21} Tetapi Reuben mendengar percakapan itu dan menyelamatkannya dari tangan mereka dengan berkata, “Jangan kita ambil nyawanya.”^h

hendak meminta awak pergi menengok mereka.” Yosef menjawab, “Baiklah.”^{37:14} Jadi ayahnya berkata kepadanya, “Tolong pergi tengok kesejahteraan abang-abang kau dan kesejahteraan kawanannya itu. Kemudian bawa balik laporan kepada ayah.” Jadi dia menyuruh Yosef pergi ke Syekhchem dari lembah Hebron.^{37:15} **Di sana ada** seorang yang terjumpa dengan Yosef dan melihat bahwa dia merayau-rayau di padang rumput. Jadi orang itu bertanya kepadanya apa yang dia cari.^{37:16} Dia menjawab, “Saya mencari abang-abang saya. Tolong beritahu saya di mana mereka sedang menggembalakan domba mereka.”^{37:17} Kata orang itu, “Mereka sudah meninggalkan tempat ini, sebab saya terdengar mereka berkata, ‘Mari kita pergi ke Dotan,’ katanya.” Jadi Yosef pergi menyusul abang-abangnya, dan dia menemui mereka di kawasan Dotan.^{37:18} Dari jauh lagi abang-abangnya ternampak dia, dan sebelum dia mendekati tempat mereka berada, mereka bersubahat untuk membunuhnya.^{37:19} Mereka berkata satu sama lain, “**Hmm!** Tengok ‘tu! **Si** tukang mimpi yang datang ‘ni.”^{37:20} Sekarang mari kita bunuh dia dan buang mayatnya ke dalam salah sebuah lubang simpan air ini. Kita katakan kepada ayah bahwa binatang buas telah memakannya. Kemudian kita lihat ke mana sudah mimpi-mimpinya itu!^{37:21} Tetapi Reuben mendengar percakapan mereka itu dan menyelamatkannya dari dibunuh oleh mereka dengan berkata, “Janganlah kita mengambil nyawanya.”^{37:22} Dia

^{37:14} He said to him, “Go now, see whether it is well with your brothers, and well with the flock; and bring me word again.” So he sent him out of the valley of Hebron, and he came to Shechem.^{37:15} A certain man found him, and behold, he was wandering in the field. The man asked him, “What are you looking for?”^{37:16} He said, “I am looking for my brothers. Tell me, please, where they are feeding the flock.”

^{37:17} The man said, “They have left here, for I heard them say, ‘Let us go to Dothan.’” Joseph went after his brothers, and found them in Dothan.^{37:18} They saw him afar off, and before he came near to them, they conspired against him to kill him.^{37:19} They said one to another, “Behold, this dreamer comes.”^{37:20} Come now therefore, and let’s kill him, and cast him into one of the pits, and we will say, ‘An evil animal has devoured him.’ We will see what will become of his dreams.”

^{37:21} Reuben heard it, and delivered him out of their hand, and said, “Let’s not take his life.”^{37:22} Reuben said to them, “Shed no blood. Throw him

^{h 37:13} Baiklah. **hrfh:** Lihat saya. **trjmh n lain:** Di sinilah saya. Ini bermakna Yosef sedia mengikut arahan.

^{h 37:14} laporan **hrfh:** kata atau perkataan

^{h 37:15} Jadi orang itu bertanya, **hrfh:** Jadi orang itu bertanya dengan berkata,

^{p 37:17} Kota Dotan terletak 14 batu (21 km) ke barat laut dr kota Syekhchem. Mereka pergi ke kawasan Dotan, bukan dalam kota.

^{h 37:19} satu sama lain **hrfh:** satu sama saudaranya

^{h 37:20} salah sebuah **hrfh:** satu

^{p 37:20} Makna lubang di sini mungkin lubang yg dikorek ke dalam batu sbg tempat menyimpan air, yg pd waktu itu kering. **Trjmh n 2:** lubang simpan air **Trjmh n 3:** perigi buta. Tetapi ini bukan bekas perigi tetapi tempat simpan air, spt satu lubang utk menampung air hujan, spt sebuah tangki dlm tanah. Sama dlm ayat 22.

^{h 37:20} binatang buas **hrfh:** binatang jahat

^{h 37:21} “Jangan kita mengambil nyawanya.” **hrfh:** “Jangan kita memukul jiwanya/nyawanya/hidupnya.”

<p>^{37:22} Dia juga berkata kepada mereka, “Janganlah menumpahkan darah; tolak^h dia ke dalam lubang ini, yang di padang belantara ini;^j jangan mengangkat tangan terhadap dia.”^h Dia berkata demikian untuk menyelamatkannya dari tangan mereka dan mengembalikannya kepada bapanya.^{37:23} Kemudian^h Yosef datang kepada saudara-saudaranya dan mereka menanggalkan jubah Yosef – jubah yang sampai ke tapak tangan dan kaki, yang sedang dipakainya.^h ^{37:24} Kemudian mereka menangkapnya dan menolak ke dalam lubang itu. Lubang itu kosong, tidak ada air di dalamnya.^{37:25} Setelah itu, mereka pun duduk dan makan roti.^h Kemudian mereka melayangkan mata^h melihat dan ternampak^t serombongan kafilah^p yang berbangsa Yisyma`el^j^e datang dari Gil`ad. Unta-unta mereka membawa balsam,^j salap dan mir^p dan sedang berjalan membawanya ke Mesir.^{37:26} Kata Yehudah</p>	<p>pun berkata kepada mereka, “Janganlah menumpahkan darah; tolak saja dia jatuh ke dalam lubang simpan air di tempat yang amat terencil di padang belantara ini; jangan apa-apaakan dia.” Dia berkata demikian untuk menyelamatkan Yosef dari mereka dan mengembalikannya kepada bapanya nanti.^{37:23} Kemudian Yosef datang kepada abang-abangnya dan mereka menanggalkan jubah panjang Yosef yang sedang dipakainya.^{37:24} Mereka menangkap dan menolaknya jatuh ke dalam lubang itu. Lubang simpan air itu kering; tiada air di dalamnya. Kemudian Reuben berpisah daripada mereka.^{37:25} Setelah itu mereka duduk dan makan. Kemudian mereka melayangkan mata mereka dan wah!, mereka nampak serombongan kafilah berbangsa Yisyma`el datang dari Gil`ad. Unta-unta mereka bermuatkan balsam, salap dan mir yang sedang dibawa mereka ke Mesir untuk dijual.^{37:26} Kata Yehudah kepada saudara-saudaranya, “Apa gunanya kita membunuh adik kita kemudian menyembunyikan penumpahan</p>	<p>into this pit that is in the wilderness, but lay no hand on him”—that he might deliver him out of their hand, to restore him to his father.^{37:23} When Joseph came to his brothers, they stripped Joseph of his coat, the coat of many colors that was on him;^{37:24} and they took him, and threw him into the pit. The pit was empty. There was no water in it.</p> <p>^{37:25} They sat down to eat bread, and they lifted up their eyes and looked, and saw a caravan of Ishmaelites was coming from Gilead, with their camels bearing spices and balm and myrrh, going to carry it down to Egypt.^{37:26} Judah said to his brothers, “What profit is it if we kill our brother and conceal his blood?”^{37:27} Come, and let’s sell him to the</p>
--	--	--

^h ^{37:22} tolak **hrfh**: melempar / membuang. Sama dlm ayat 24.

^j ^{37:22} padang belantara **trjmh** lain: tempat terencil. Maksud Reuben ialah orang lain tdk akan mendengar atau menjumpai Yosef untuk mengeluarkannya dr lubang di tempat terencil itu.

^h ^{37:22} mengangkat tangan terhadap dia. **hrfh**: menghulurkan tangan pada dia.

^h ^{37:23} Kemudian **hrfh**: Terjadilah bahawa

^h ^{37:23} yang sedang dipakainya **hrfh**: yang atasnya

^h ^{37:24} makanan **hrfh**: roti

^h ^{37:25} melayangkan mata **hrfh**: mengangkat mata / naikkan mata

^t ^{37:25} Perkataan nampak boleh juga difahami sebagai perkataan yg menunjukkan sesuatu yg mengejutkan atau tdk disangka-sangka. Oleh itu ia boleh diterjemahkan dgn kata seru wah! atau perkataan lain yg sesuai.

^p ^{37:25} kafilah: Pd zaman itu saudagar sering berjalan bersama dlm kelompok besar yg dipanggil kafilah supaya tdk mudah bagi perompak utk merompak barang dan wang mereka.

^j ^{37:25} orang berbangsa Yisyma`el **trjmh** lain: orang keturunan Yisyma`el. Ramai orang menganggap keturunan Yisyma`el ini menjadi bangsa Arab di kemudian hari. Dlm ayat 28 orang yg sama dipanggil orang Midyan. Kami menganggap istilah Yisyma`el lebih luas drpd Midyan dan boleh merangkumi orang Midyan. Jadi, fahaman kami adalah orang ini berbangsa Yisyma`el, khasnya berbangsa Midyan. (Ini spt orang yg berbangsa Melayu, dan khasnya Melayu Petani.) Ada juga pentafsir yg berpendapat bangsa mereka Yisyma`el tetapi daerah tempat tinggal mereka bernama Midyan.

^e ^{37:25} Yisyma`el **ejaan** lain: Isyma`el. Ejaan pertama ini lebih tepat dengan bunyi b. Ibrani, tetapi ejaan tradisi tdk menggunakan huruf Y. Terjemahan Baru mengejanya Ismael.

^j ^{37:25} balsam **trjmh** lain: damar. Ketiga-tiga jenis bahan yg dibawa oleh orang Yisyma`el itu jenis resin kayu yg berguna sbg pewangi, pendandan, ubat dsb. Ia tdk digunakan utk memasak.

^p ^{37:25} Mir atau mira adalah resin yang terdapat pada tumbuhan dalam genus *Commiphora*, digunakan sbg salah satu bahan dlm minyak wangi, ubat-ubatan dan ubat pembersih gigi.

kepada saudara-saudaranya, “Apa untungnya^j kalau^h kita membunuh saudara kita, kemudian menyembunyikan penumpahan darahnya?^j ^{37:27} Mari kita menjualnya kepada orang berbangsa Yisyma`el agar tangan kita tidak mengapa-apakan dia,^h sebab dia saudara kita, darah-daging^h kita sendiri.” Saudara-saudaranya setuju.^j ^{37:28} Setelah itu saudagar-saudagar berbangsa Midyan itu melalui tempat mereka berada itu. Mereka^t menarik Yosef keluar dari lubang itu dan menjual Yosef kepada orang berbangsa Yisyma`el itu untuk harga perak seberat 20 syekel.^p Mereka membawa Yosef ke Mesir.^{37:29} Kemudian^j Reuben balik ke lubang itu tetapi nah!^h Yosef tiada di dalam lubang itu, dia terus mengoyakkan pakaiannya.^p ^{37:30} Seterusnya dia balik kepada saudara-saudaranya dan berkata, “Teruna itu tiada lagi dalam lubang itu; bagi saya, bagaimana saya boleh balik ke rumah bapa lagi?”^t ^{37:31} Kemudian mereka mengambil jubah Yosef, menyembelih seekor kambing jantan dan mencelupkan jubah itu ke dalam darahnya.^{37:32} Mereka membawa jubah yang sampai ke tapak tangan dan kaki itu kepada bapa mereka dan berkata, “Kami terjumpa ini; sila telitinya, adakah

darahnya?^{37:27} Mari kita jual dia kepada orang berbangsa Yisyma`el itu agar kita sendiri tidak mengapa-apakan dia, sebab dia adik kita, darah daging kita sendiri.” Saudara-saudaranya setuju dengan cadangannya itu.^{37:28} Setelah itu saudagar-saudagar berbangsa Yisyma`el itu, khususnya yang berbangsa Midyan melalui tempat mereka berada itu. Abang-abang Yosef menariknya keluar dari lubang simpan air itu dan menjualnya kepada orang berbangsa Yisyma`el itu dengan bayaran perak seberat 20 syekel. Mereka seterusnya membawa Yosef ke Mesir.^{37:29} Kemudian Reuben balik ke lubang itu dan terkejut apabila melihat tiada Yosef di dalam lubang itu. Dia pun terus mengoyakkan pakaiannya sebab dia terlalu susah hati.^{37:30} Seterusnya dia balik kepada saudara-saudaranya dan berkata, “Teruna itu sudah tiada di dalam lubang itu; bagaimana saya mahu balik ke rumah bapa lagi?”^{37:31} Kemudian mereka menyembelih seekor kambing jantan. Mereka mengambil jubah Yosef dan mencelupkannya ke dalam darah kambing itu.^{37:32} Mereka membawa jubah panjang itu kepada bapa mereka dan berkata, “Kami terjumpa jubah ini; cuba ayah periksa, ini jubah anak ayah atau bukan?”^{37:33} Dia mengenalinya dan berkata, “Ini memang jubah anakku. Tentu Yosef telah dicabik-cabik oleh binatang buas

Ishmaelites, and not let our hand be on him; for he is our brother, our flesh.” His brothers listened to him.^{37:28} Midianites who were merchants passed by, and they drew and lifted up Joseph out of the pit, and sold Joseph to the Ishmaelites for twenty pieces of silver. They brought Joseph into Egypt.^{37:29} Reuben returned to the pit; and saw that Joseph wasn't in the pit; and he tore his clothes.^{37:30} He returned to his brothers, and said, “The child is no more; and I, where will I go?”^{37:31} They took Joseph's coat, and killed a male goat, and dipped the coat in the blood.^{37:32} They took the coat of many colors, and they brought it to their father, and said, “We have found this. Examine it, now, whether it is your son's coat or not.”

^{37:33} He recognized it, and said, “It is my son's coat. An evil animal has devoured him.

^j ^{37:26} *untungnya* trjmhn lain: *gunanya*

^h ^{37:26} *kalau* hrffh: *bahawa*

^j ^{37:26} *penumpahan darahnya* trjmhn lain: *pembunuhannya*

^h ^{37:27} *tangan kita tidak mengapa-apakan dia* hrffh: *tangan kita tidak ada pada dia*

^h ^{37:27} *darah daging* hrffh: *daging*

^j ^{37:27} *Saudara-saudaranya setuju.* trjmhn lain: *Saudara-saudaranya menghiraukannya.* hrffh: *Saudara-saudaranya mendengarnya.*

^t ^{37:28} Kami menganggap mereka merujuk kpd abang Yosef tetapi ada segelintir pentafsir yg berpendapat ia merujuk kpd saudagar itu.

^p ^{37:28} *Syekel*: Pd zaman itu orang belum memakai syiling. *Syekel* adalah sukatan berat perak dan bukan jumlah syiling. 20 syekel adalah harga biasa utk membeli hamba pd zaman itu. Berat satu syekel sekitar 11 gm (tetapi tdk diketahui dgn tepat).

^j ^{37:29} Kemudian trjmhn lain: *Apabila*

^h ^{37:29} *nah!* hrffh: *lihat*

^p ^{37:29} Mengoyakkan pakaian adalah tanda sangat susah hati.

^t ^{37:30} *bagi saya, bagaimana saya boleh balik rumah?* tfsrn lain: *sekarang* apa yang harus saya buat? / *sekarang* saya langsung tidak tahu nak buat apa. hrffh: *dan saya, di mana saya masuk?* Sebagai anak sulung, Reuben merasa bahawa dialah yg bertanggungjawab atas Yosef. Tdk jelas adakah Reuben menganggap Yosef sudah mati atau berfikir bahawa Yosef telah dijual sbg hamba. Kami menganggap dia faham bahawa Yosef sudah dijual.

<p>ia jubah anakmu atau bukan? ^{37:33} Dia mengenalinya dan berkata, “Ia jubah anakku. Binatang buas ^h telah memakannya; Yosef tentu dicabik-cabik.” ^{37:34} Kemudian Ya`aqob mengoyak-ngoyakkan pakaiannya, dan memakai kain guni ^p pada punggungnya dan dia meratapi anaknya banyak hari. ^{37:35} Semua anak lelaki dan anak perempuan bangun untuk menghiburnya, tetapi ia enggan dihibur. ^h Katanya, “Saya akan turun ke anakku di alam orang mati ⁱ meratapi.” Demikian bapanya terus meratapinya. ^{37:36} Sementara itu orang Midyan itu menjualnya di Meşir ^h kepada Potifar, ⁿ pegawai Firaun, ^p ketua penjaganya. ^t</p> <p>Yehudah dan Tamar</p> <p>^{38:1} Terjadilah pada masa itu ^t bahawa Yehudah keluar ^h dari antara saudara-saudaranya dan tinggal dengan ^h seorang di kota `Adulam. ^t Namanya Hirah. ^{38:2} Di situ Yehudah melihat anak gadis kepada lelaki Kana`an yang bernama Syua`. ⁿ Dia mengahwininya ^h dan tidur</p>	<p>dan dimakan olehnya.” ^{37:34} Kemudian Ya`aqob mengoyak-ngoyakkan pakaiannya kerana susah hati, dan memakai kain guni pada punggungnya untuk berkabung dan dia meratapi anaknya lama. ^{37:35} Semua anak lelaki dan anak perempuan datang cuba menghiburnya, tetapi dia enggan dihibur. Katanya, “Saya akan meratapi anakku sehingga saya turun bersamanya ke dalam alam orang mati.” Demikian Ya`aqob terus meratapi Yosef.</p> <p>^{37:36} Sementara itu orang Midyan yang membeli Yosef itu menjualnya di Meşir kepada Potifar, pegawai Firaun, ketua penjaga penjaranya.</p> <p>Yehudah dan Tamar</p> <p>^{38:1} Tidak lama kemudian Yehudah keluar dari antara saudara-saudaranya dan tinggal dengan seorang yang bernama Hirah di kota `Adulam. ^{38:2} Di situ Yehudah melihat seorang gadis, anak kepada seorang lelaki bernama Syua` berbansa Kana`an. Yehudah mengahwini gadis itu dan tidur</p>	<p>Joseph is without doubt torn in pieces.” ^{37:34} Jacob tore his clothes, and put sackcloth on his waist, and put sackcloth on his waist, and mourned for his son many days. ^{37:35} All his sons and all his daughters rose up to comfort him, but he refused to be comforted. He said, “For I will go down to Sheol to my son mourning.” His father wept for him.</p> <p>^{37:36} The Midianites sold him into Egypt to Potiphar, an officer of Pharaoh’s, the captain of the guard.</p> <p>Judah and Tamar</p> <p>^{38:1} At that time, Judah went down from his brothers, and visited a certain Adullamite, whose name was Hirah. ^{38:2} Judah saw there a daughter of a certain Canaanite whose name was Shua. He took her, and went in to her. ^{38:3} She conceived, and bore a son; and</p>
--	---	---

^h ^{37:33} *Binatang buas hrhf: Haiwan jahat*

^p ^{37:34} Memakai *kain guni* adalah cara mereka berkabung.

^h ^{37:35} *enggan dihibur hrhf: tolak dihibur*

ⁱ ^{37:35} *alam orang mati lbrani: syeol. Syeol* adalah tempat tinggal roh orang mati dlm bumi, tdk kira yg baik atau yg jahat.

^h ^{37:36} *di Meşir hrhf: ke Meşir*

ⁿ ^{37:36} **Nama Potifar** bermakna *hadiah dari Allah Re.*

^p ^{37:36} Semua raja Meşir diberi gelaran *Firaun*, sama spt raja Roma diberi gelaran *Kaisar*. **Trjmhn lain:** *raja Firaun*. Ejaan *Firaun* dlm b. Ibrani: *Far`oh*.

^t ^{37:36} *ketua penjaga tfsrn 1: ketua penjaga penjara istana raja tfsrn 2: ketua penjaga istana raja tfsrn 3: ketua penjaga peribadi raja tfsrn 4: ketua pekerja istana raja tfsrn 5: ketua membunuh banduan*. Kami menyokong tfsrn 1. Rujuk perbincangan di nota utk 40:4.

^t ^{38:1} Fahaman kami ialah peristiwa ini terjadi tdk lama selepas Yosef dijual ke Meşir. Ada juga pentafsir yg berpendapat Yehudah sudah berkahwin sebelum peristiwa Yosef berlaku.

^h ^{38:1} *keluar hrhf: turun*. Tempat tinggal mereka di kota Hebron adalah tempat yang tinggi, dan oleh itu mereka turun utk pergi ke tempat lain. Kota `Adulam terletak di barat laut dr kota Hebron berhampiran lembah Elah. Hirah berasal dr `Adulam. Terjemahan kami menganggap dia tinggal di sana pd waktu kisah ini tetapi tdk semestinya dia tinggal di sana.

^h ^{38:1} *tinggal dengan hrhf: pergi ke siring kepada*

^t ^{38:1} *di kota `Adulam. tfsrn lain: yang berasal dari kota `Adulam*.

ⁿ ^{38:2} Syua` adalah nama bapa. Nama perempuan yg dikahwininya tdk disebut. Di **1 Taw 2:3** perempuan ini disebut *Bat-Syua`* yg bermakna *binti Syua`*.

^h ^{38:2} *mengahwininya hrhf: mengambilnya iaitu mengambilnya sebagai isteri*

<p>dengannya.^{h 38:3} Dia menjadi hamil dan melahirkan anak lelaki dan dia^m memanggil namanya `Er.^{38:4} Dia menjadi hamil sekali lagi dan melahirkan anak lelaki lalu memanggil namanya Onan.^{38:5} Sekali lagi dia melahirkan anak lelaki dan memanggil namanya Syelah. Dia dilahirkan di kota Kezib.^{t e}</p> <p>^{38:6} Yehudah memilih^h isteri untuk anak sulungnya `Er; namanya Tamar.^{p n 38:7} Tetapi `Er, anak sulung Yehudah jahat di mata Yahweh; oleh itu Yahweh membunuhnya.^{j p 38:8} Kemudian Yehudah berkata kepada Onan, “Pergi tidur dengan^h bekas isteri abangmu untuk melakukan kewajiban seorang adik ipar kepadanya dan bangkitkan zuriat bagi abangmu.”^{p 38:9} Tetapi Onan tahu bahawa zuriat itu tidak akan menjadi kepunyaannya sendiri. Jadi, tiap-tiap kali dia bersetubuh dengan^h bekas isteri abangnya itu dia menyia-nyiakan maninya di tanah agar dia tidak memberi zuriat kepada abangnya.^{38:10} Apa yang dibuatnya itu jahat di mata Yahweh dan dia membunuhnya juga.^{38:11} Kemudian Yehudah berkata kepada Tamar menantunya, “Tinggal sebagai janda di rumah</p>	<p>dengannya.^{38:3} Isterinya menjadi hamil dan melahirkan anak lelaki dan Yehudah menamainya `Er.^{38:4} Isterinya menjadi hamil sekali lagi dan melahirkan anak lelaki lalu memanggil namanya Onan.^{38:5} Sekali lagi isterinya melahirkan anak lelaki dan memanggilnya Syelah. Anak ketiganya itu dilahirkannya di kota Kezib.</p> <p>^{38:6} Apabila anak sulungnya `Er sudah besar, Yehudah memilih isteri untuknya yang bernama Tamar.^{38:7} Tetapi `Er, anak sulung Yehudah jahat di pandangan Yahweh sehingga dia membunuhnya.^{38:8} Kemudian Yehudah berkata kepada Onan, “Tunaikanlah kewajibanmu sebagai seorang adik ipar dengan mengahwini bekas isteri abangmu dan tidur dengannya untuk mendapatkan keturunan bagi abangmu.”^{38:9} Tetapi Onan tahu bahawa kalau perempuan itu melahirkan anak, ia tidak akan menjadi keturunannya sendiri. Jadi, tiap-tiap kali dia bersetubuh dengan bekas isteri abangnya itu, dia menumpahkan maninya di luar agar dia tidak memberi keturunan kepada abangnya.^{38:10} Perbuatannya itu dipandang jahat oleh Yahweh dan oleh itu dia membunuh Onan.^{38:11} Kemudian Yehudah berkata kepada Tamar menantunya, “Baliklah ke rumah bapamu dan tinggallah di situ</p>	<p>he named him Er.^{38:4} She conceived again, and bore a son; and she named him Onan.^{38:5} She yet again bore a son, and named him Shelah: and he was at Chezib, when she bore him.^{38:6} Judah took a wife for Er, his firstborn, and her name was Tamar.^{38:7} Er, Judah’s firstborn, was wicked in the sight of Yahweh. Yahweh killed him.^{38:8} Judah said to Onan, “Go in to your brother’s wife, and perform the duty of a husband’s brother to her, and raise up seed to your brother.”^{38:9} Onan knew that the seed wouldn’t be his; and when he went in to his brother’s wife, he spilled it on the ground, lest he should give seed to his brother.^{38:10} The thing which he did was evil in the sight of Yahweh, and he killed him also.^{38:11} Then Judah said to Tamar, his daughter-in-law, “Remain a widow in your father’s house, until Shelah, my son, is grown up”; for he said, “Lest he also die, like his brothers.” Tamar went and lived in her father’s house.</p>
--	---	---

^{h 38:2} tidur dengannya hrhf: pergi masuk kepadanya

^{m 38:3} Manuskrip-manuskrip mempunyai pertentangan mengenai genus perkataan dia di sini, maskulin, feminin atau tdk menentukan genus. Itu bermakna tdk jelas adakah Yehudah atau isterinya yang memberikan nama itu kpd anak mereka. Kami percaya ia merujuk kpd Yehudah.

^{t 38:5} Dia dilahirkan di Kezib. tfsrn lain: Yehudah berada di Kezib sewaktu dia dilahirkan.

^{e 38:5} Kezib ejaan lain: Akhzib. Ejaan kedua ini digunakan di Yos 15:44 & Mikah 1:14. Kezib terletak tiga batu ke barat daya dr kota `Adulam.

^{h 38:5} memilih hrhf: mengambil

^{p 38:6} Mereka mempunyai adat yang menghendaki seorang bapa memilih isteri utk anak lelaki sulung.

^{n 38:6} Nama Tamar bermakna kurma dlm b. Ibrani.

^{j 38:7} membunuhnya trjmh lain: menyebabkannya mati

^{p 38:7} Sama sekali tdk disebut apa kejahatan `Er dan cara Tuhan membunuhnya. Oleh sebab dia masih muda, mungkin terjadi sesuatu kemalangan.

^{h 38:7} Pergi tidur dengan hrhf: Pergi kepada trjmh lain: Hampirilah

^{p 38:8} Mereka mempunyai adat yang menghendaki seorang bapa memilih isteri utk anak lelaki sulung. Dlm adat ini, anak pertama dr bekas isteri abang itu akan dianggap keturunan abang itu, dan dia akan mewarisi segala warisan drpd abang bapanya yg sudah meninggal. Arahan tentangnya terdapat di UI 25:5-6.

^{h 38:9} bersetubuh dengan hrhf: pergi kepada

bapamu sehingga anak lelakiku Syelah menjadi besar,” sebab dia berfikir,^h “Agar dia tidak mati seperti abangnya juga.” Jadi Tamar pergi tinggal di rumah bapanya.
^{38:12} Lama-kelamaan^h isteri Yehudah **iaitu** anak Syua` meninggal. Selepas Yehudah disenangkan hati^j dia naik ke **kota Timnah^e tempat** orang menggunting **bulu** kawanan **dombanya**, dia dan kawannya Hirah dari `Adulam.
^{38:13} **Hal itu** diberitahu kepada Tamar dengan berkata, “Tengok, bapa mertuamu naik ke **kota Timnah** untuk menggunting **bulu** kawanan **dombanya.**”^{38:14} Dia menanggalkan daripadanya pakaiannya **yang khas untuk** janda lalu menyelubungi dirinya dengan vel.^t^p Kemudian dia duduk di tempat masuk **kota `Enaim^t** yang berada di jalan ke **kota Timnah** sebab dia melihat bahawa walaupun Syelah sudah besar, dia tidak diberi kepadanya sebagai isteri.
^{38:15} Apabila Yehudah melihatnya, dia **tidak mengenalinya^m** dan menganggap dia pelacur sebab dia menyelubungi mukanya.^t^{38:16} Jadi dia berpaling kepadanya di **tepi** jalan dan berkata, “Mari, tolong izinkan aku meniduri mu,”^h sebab

sebagai janda sehingga anak lelakiku Syelah menjadi besar.” Jadi Tamar balik ke rumah bapanya. Tetapi sebenarnya Yehudah tidak bertujuan mengahwinkan Syelah kepada Tamar sebab dia takut Syelah akan mati seperti abangnya juga.
^{38:12} Lama-kelamaan isteri Yehudah **iaitu** anak Syua` meninggal. Selepas Yehudah disenangkan hati **dari berkabung**, dia dan kawannya Hirah dari `Adulam pergi ke **kota Timnah untuk menyelia** orang yang menggunting **bulu** dombanya.
^{38:13} **Ada orang yang** memberitahu **hal itu** kepada Tamar. Katanya, “Bapa mertuamu pergi ke **kota Timnah** untuk menggunting **bulu** dombanya.”^{38:14} Tamar menggantikan pakaiannya **yang khas untuk** janda **dengan pakaian biasa** dan menyelubungi mukanya dengan vel. Kemudian dia duduk di **simpang jalan** masuk **kota `Enaim** yang berada di jalan ke **kota Timnah. Itu adalah tindak balas Tamar atas ketidaksetiaan Yehudah** sebab dia sedar bahawa walaupun Syelah sudah besar, Yehudah tidak mengahwinkannya dengan Syelah.
^{38:15} Apabila Yehudah melihat Tamar dengan mukanya diselubungi, dia **tidak mengenalinya dan** menganggap dia **sebagai** pelacur.^{38:16} Dia tidak tahu bahawa sebenarnya dia menantunya. Jadi dia meminggir kepadanya di **tepi**

^{38:12} After many days, Shua's daughter, the wife of Judah, died. Judah was comforted, and went up to his sheep shearers to Timnah, he and his friend Hirah, the Adullamite.
^{38:13} It was told Tamar, saying, “Behold, your father-in-law is going up to Timnah to shear his sheep.”
^{38:14} She took off of her the garments of her widowhood, and covered herself with her veil, and wrapped herself, and sat in the gate of Enaim, which is by the way to Timnah; for she saw that Shelah was grown up, and she wasn't given to him as a wife.
^{38:15} When Judah saw her, he thought that she was a prostitute, for she had covered her face.
^{38:16} He turned to her by the way, and said, “Please come, let me come in to you,” for he didn't know that she was his daughter-in-law. She said, “What will you give me, that you may come in to me?”

^h ^{38:11} fikir hrhf: berkata **iaitu**: berkata *dalam hati*

^h ^{38:12} Lama-kelamaan hrhf: Hari menjadi banyak

^j ^{38:12} disenangkan hati trjmhn 2: dipulihkan dari kesedihannya trjmhn 3: selesai berkabung. Kebanyakan pentafsir menganggap ini bermakna dia menyelesaikan masa yg biasanya masa utk bersedih.

^e ^{38:12} Timnah ejaan lain dr manuskrip lain: Timnat

^t ^{38:14} menyelubungi dirinya dengan vel. tfsrn lain: memakai vel dan meliputi dirinya dengan jubah.

^p ^{38:14} Dia memakai vel supaya Yehudah tdk mengenalinya dan mungkin kerana vel dipakai oleh pelacur pd zaman itu (lihat ayat 15).

^t ^{38:14} di tempat masuk kota `Enaim tfsrn 2: dekat pintu gerbang kota `Enaim tfsrn 3: dalam pintu gerbang kota `Enaim tfsrn 4: di simpang jalan ke kota `Enaim. Tfsrn 2 & 3 hampir sama dan kedua-duanya boleh dipakai. Dr segi nahu b. Ibrani, tfsrn 3 boleh diterima, tetapi ia kurang sesuai dgn kata di tepi jalan (ayat 16, 21) yg merujuk tempat yg sama. Tfsrn 4 juga sesuai dgn kata di tepi jalan (ayat 16, 21). Ketiga-tiga tfsrn ini boleh dianggap makna khas yg menerangkan frasa am tempat masuk dan oleh itu tdk semestinya bertentangan dgn frasa dlm teks. Kami menyokong fahaman dlm tfsrn 4.

^m ^{38:15} Frasa ini tdk tertulis dlm naskhah b. Ibrani tetapi ia ditambah dlm terjemahan Septuaginta.

^t ^{38:15} Tfsrn 2: Apabila Yehudah melihat Tamar dia menganggap bahawa dia pelacur sebab mukanya berselubung. * Tfsrn 3: Apabila Yehudah melihat Tamar dia menganggap bahawa dia pelacur walaupun mukanya berselubung. Tfsrn dlm teks tdk menentukan samada pelacur biasanya menutup mukanya atau tdk; perkataan sebab memberi alasan mengapa Yehudah tdk mengecam muka Tamar. Tfsrn 2 menganggap pelacur biasanya menutup mukanya. Tfsrn 3 menganggap pelacur biasanya tdk menutup mukanya.

^h ^{38:16} meniduri mu hrhf: masuk kepada mu trjmhn lain: menghampirimu. Sama dlm kegunaan yg berikut.

dia tidak tahu bahawa dia menantunya. Dia berkata, “Apa yang akan kau beri kepada ku untuk meniduri ku?”^{38:17} Dia berkata, “Saya akan kirim anak kambing dari kawananku.” Dia berkata, “Bolehlah kalau kau memberi cagaran sehingga ia dikirim.”^{38:18} Dia berkata, “Apa cagaran yang harus saya beri kepada mu?” Dia berkata, “Mohormu bersama kalungnyanya dan tongkatmu yang di tanganmu. Dia memberi semuanya itu kepadanya lalu menidurinya. Dia pun menjadi hamil melalui dia.”^{38:19} Kemudian dia bangkit dan^t pergi menanggalkan vel yang dipakainya dan mengenakan pakaian kejandaannya semula.^{38:20} Apabila Yehudah mengirim anak kambing itu melalui tangan kawannya orang Adulam untuk mengambil semula cagarannya itu dari tangan perempuan itu, dia tidak menjumpainya.^{38:21} Jadi dia bertanya kepada lelaki-lelaki di tempatnya^p dengan berkata, “Di mana pelacur ugama^p yang di `Enaim di tepi jalan?” Mereka berkata, “Tidak ada pelacur ugama di sini.”^{38:22} Jadi dia balik kepada Yehudah dan berkata, “Saya tidak menemuinya dan juga lelaki-lelaki di tempat itu berkata, ‘Tidak ada pelacur ugama di sini.’”^{38:23} Yehudah berkata, “Biarkan dia menyimpan barang itu untuk dia sendiri agar kita tidak menjadi olok-olokan. Tengok, saya sudah

jalan dan berkata, “Tolong izinkan saya meniduri mu.” Tamar bertanya, “Apa yang akan kau berikan kepada saya untuk meniduri saya?”^{38:17} Yehudah menjawab, “Saya akan kirim anak kambing dari kawanannya kepada mu.” Kata Tamar, “Asalkan kau memberi cagaran sehingga ia dikirim.”^{38:18} Yehudah bertanya, “Apa cagaran yang harus saya beri kepada kau?” Jawab Tamar, “Tinggalkanlah ‘mohormu bersama kalungnyanya dan tongkatmu yang kau pegang itu. Jadi Yehudah memberikan semuanya itu kepadanya lalu menidurinya. Maka, Tamar pun hamil melalui Yehudah.”^{38:19} Sehabisnya itu, Tamar terus pergi menanggalkan vel yang dipakainya dan mengenakan pakaian untuk janda semula.^{38:20} Yehudah minta kawannya Hirah membawa anak kambing yang dijanjikannya itu kepada perempuan itu untuk mengambil semula cagarannya, tetapi kawannya tidak menjumpai perempuan itu.^{38:21} Jadi dia bertanya kepada lelaki-lelaki di kota `Enaim tempat perempuan itu, “Di mana pelacur yang di tepi jalan di sini?” Mereka berkata, “Tidak ada pelacur di sini.”^{38:22} Jadi dia balik kepada Yehudah dan berkata, “Saya tidak berjaya menemui perempuan itu dan juga lelaki-lelaki di tempat itu berkata, ‘Tidak ada pelacur di sini.’”^{38:23} Yehudah berkata, “Nah, saya sudah menunaikan janji saya dengan mengirim anak kambing ini dan kau tidak menemui perempuan itu. Biarkan dia simpan saja cagarannya itu agar kita tidak menjadi olok-olokan

^{38:17} He said, “I will send you a young goat from the flock.” She said, “Will you give me a pledge, until you send it?”^{38:18} He said, “What pledge will I give you?” She said, “Your signet and your cord, and your staff that is in your hand.” He gave them to her, and came in to her, and she conceived by him.^{38:19} She arose, and went away, and put off her veil from her, and put on the garments of her widowhood.^{38:20} Judah sent the young goat by the hand of his friend, the Adullamite, to receive the pledge from the woman’s hand, but he didn’t find her.^{38:21} Then he asked the men of her place, saying, “Where is the prostitute, that was at Enaim by the road?” They said, “There has been no prostitute here.”^{38:22} He returned to Judah, and said, “I haven’t found her; and also the men of the place said, ‘There has been no prostitute here.’”^{38:23} Judah said, “Let her keep it, lest we be shamed. Behold, I sent this young goat, and you haven’t found her.”^{38:24} About three months later, Judah was told, “Tamar, your daughter-in-law, has played the prostitute. Moreover, behold, she is with child by

^t ^{38:19} bangkit dan **tfsrn 1:** terus **tfsrn 2:** bangkit dan **hrfh:** bangkit dan

^p ^{38:19} Tdk disebut di manakah tempat dia menukar pakaiannya dlm masa dua kali itu (di ayat 14 & 19), tetapi kami menganggap bahawa dia menukar pakaian di tempat tersembunyi di luar rumahnya supaya orang di rumah tdk melihatnya memakai pakaian yg lain drpd kebiasaannya. Oleh itu, ayat ini hendaklah tdk diterjemah spt dia pulang ke rumah dan selepas itu barulah menukar pakaiannya di dlm rumah.

^p ^{38:20} Yehudah meneruskan perjalanannya ke tempat pengguntingan bulu dombanya dan dr sana dia mengirim anak kambingnya itu.

^p ^{38:21} Perkataan *tempatya* merujuk kpd tempat perempuan yg dianggap pelacur berada, iaitu kota `Enaim.

^p ^{38:21} Waktu itu ugama pagan orang Kana`an mempunyai pelacur utk ugamanya. (Meniduri pelacur khas adalah salah satu upacara dlm ugama mereka.) Ada dua kemungkinan sebab Hirah menggunakan istilah *pelacur ugama*. 1) Dia menggunakan istilah *pelacur ugama* sbg eufemisme utk pelacur biasa (sebab mereka lebih menghormati pelacur ugama drpd pelacur biasa). 2) Dia memang menganggap dia sbg *pelacur ugama*. Kami menyokong kemungkinan 1), dan oleh itu kami rasa lebih sesuai menterjemah ungkapan ini sebagai *pelacur saja*, atau dgn eufemisme utk pelacur spt *kupu-kupu malam*. Kebanyakan terjemahan b. Ingeris pun menterjemahnya dgn istilah *pelacur saja*.

mengirim anak kambing ini dan kau tidak menemuinya.”^{8:24} Lebih kurang tiga bulan dari itu dilaporkanlah kepada Yehudah begini,^h “Menantumu Tamar telah berbuat sundal dan tengok, dia sudah hamil dari persudalannya.” Yehudah berkata, “Bawa dia keluar untuk dibakar!”^{38:25} Sewaktu dia dibawa keluar, dia mengirim **barang dan pesanan** kepada bapa mertuanya yang berkata, “Melalui pemilik^h **barang** inilah saya hamil.” Dia juga berkata, “Tolong kenal-pasti siapa empunya mohor dengan kalung^{nya}^h dan tongkat ini.”^{38:26} Yehudah mengenal **barang itu** dan berkata, “Dia **lebih** sadik daripada saya^j sebab saya tidak memberi dia kepada anakku Syelah.”^j Dia tidak bersetubuh dengannya^h lagi.

^{38:27} Apabila tiba masanya untuk bersalin, wah,^h ada kembar di rahimnya.^{38:28} Terjadi sewaktu dia bersalin, **salah satu anak** mengeluarkan tangannya dan bidan mengambil **benang** merah^j dan mengikatkannya pada tangannya dengan berkata, “Inilah **yang** keluar dahulu.”^{38:29} Tetapi dia menarik semula tangannya. Tahu-tahu,^h saudaranya pula yang keluar **dahulu**. Dia berkata, “Kau

nanti kalau kita banyak tanya lagi.”^{38:24} Sekitar tiga bulan kemudian **ada orang** melaporkan kepada Yehudah, “Menantumu Tamar telah berbuat sundal sehingga dia hamil dari persudalannya.” Yehudah menyuruh, “Bawa dia keluar **dari rumah** untuk dibakar **sampai mati!**”^{38:25} Sewaktu dia dibawa keluar, dia mengutus **orang** kepada bapa mertuanya dan menyuruhnya membawa bersama **cagaran itu dan pesanan** yang berbunyi, “Saya hamil melalui pemilik **barang** ini. Tolong kenal pasti siapa empunya mohor dengan kalung^{nya} dan tongkat ini.”^{38:26} Yehudah mengenal **barang itu sebagai kepunyaannya sendiri** dan berkata, “Tamar **lebih** sadik daripada saya sebab saya tidak **menunaikan janjiku untuk** memberikan anakku Syelah **sebagai suaminya.**” **Selepas itu** Yehudah tidak bersetubuh dengan Tamar lagi.

^{38:27} Setibanya masa untuk bersalin, ternyata ada kembar di rahimnya.^{38:28} Sewaktu dia bersalin, **salah seorang anak** mengeluarkan tangannya dan bidan mengambil **benang** merah dan mengikatkannya pada **pergelangan** tangannya lalu berkata, “Inilah **yang** keluar dahulu.”^{38:29} Tetapi dia menarik semula tangannya. Tahu-tahu, saudaranya pula yang keluar **dahulu**. Bidan berkata, “Kau berjaya menerobos untuk diri sendiri.” Jadi

prostitution.”

Judah said, “Bring her out, and let her be burnt.”^{38:25} When she was brought out, she sent to her father-in-law, saying, “By the man, whose these are, I am with child.” She also said, “Please discern whose are these—the signet, and the cords, and the staff.”

^{38:26} Judah acknowledged them, and said, “She is more righteous than I, because I didn’t give her to Shelah, my son.”

He knew her again no more.^{38:27} In the time of her travail, behold, twins were in her womb.^{38:28} When she travailed, one put out a hand, and the midwife took and tied a scarlet thread on his hand, saying, “This came out first.”^{38:29} As he drew back his hand, behold, his brother came out, and she said, “Why have you made a breach for yourself?” Therefore his name was called Perez.

^h 38:24 **begini hrhf:** dengan berkata

^h 38:25 **pemilik hrhf:** lelaki yang mempunyai

^h 38:25 **kalung^{nya} hrhf:** tali-tali / benang-benang. Agaknya kalung meterai itu dibuat drpd jalinan benang.

^j 38:26 **Dia lebih sadik daripada saya trjmh 2:** *Dia lebih jujur daripada saya trjmh 3:* *Dia kurang bersalah daripada saya.* Dlm konteks ini, istilah *jujur* (dan *tidak/kurang jujur*) mungkin juga dapat mengungkapkan sifat tindakan Yehudah dan Tamar. Kedua-dua mereka melakukan kesalahan, tetapi secara tdk langsung Yehudah mengaku bahawa kesalahannya adalah lebih besar.

^j 38:26 **sebab saya tidak memberi dia kepada anakku Syelah trjmh 2:** *sebab seharusnya saya memberikan dia kepada anakku Syelah sebagai isteri. trjmh 3:* *sebab seharusnya saya memperisterikan dia kepada anakku Syelah.*

^h 38:26 **bersetubuh dengannya hrhf:** mengenalinya

^h 38:27 **wah hrhf:** lihat. Istilah *lihat* menandakan sesuatu yg mengejutkan atau tdk disangka-sangka.

^j 38:28 **benang merah trjmh 2:** *reben merah trjmh 3:* *sesuatu yang merah.* Oleh kerana benda yg diikat tdk disebut, penterjemah bebas memakai benda yg difikirkannya sesuai di sini. Kebanyakan terjemahan b. Inggeris menganggap ia benang.

^h 38:29 **Tahu-tahu hrhf:** lihat. Istilah *lihat* menandakan sesuatu yg mengejutkan atau tdk disangka-sangka.

telah menerobos terobosan untuk diri sendiri.”^j Jadi Yehudah^h memanggil namanya Pereş.^{n 38:30} Selepas itu saudaranya yang berbenang merah pada tanganya keluar dan Yehudah memanggil namanya Zerah.ⁿ

Yosef dan Isteri Potifar

^{39:1} Yosef telah dibawa ke Meşir.^h Potifar, seorang Meşir yang juga salah seorang pegawai Firaun,^p iaitu ketua penjaga^t telah membelinya dari tangan orang-orang Yisyma`el yang membawanya ke situ.^{39:2} Yahweh menyertai Yosef^h dan dia seorang yang berjaya. Dia bekerja^t di rumah tuannya orang Meşir itu.^{39:3} Tuannya pun melihat bahawa Yahweh menyertainya dan bahawa Yahweh membuatnya berjaya dalam segala yang dilakukannya.^{39:4} Yosef berkenan^h di mata tuannya. Dia berkhidmat kepada tuannya^j dan tuannya melantiknya menjadi pengurus atas seluruh rumahnya,^p dan semua yang ada padanya dia serahkan ke dalam tangan Yosef.^{39:5} Sejak dia melantiknya di dalam rumahnya sebagai pengurus atas semua yang ada padanya, Yahweh memberkati rumah tangga orang Meşir itu

Yehudah menamakannya Pereş yang bermakna terobosan.^{38:30} Selepas itu saudaranya yang berbenang merah pada tanganya lahir dan Yehudah menamakannya Zerah yang bermakna penyinaran.

Yosef dan Isteri Potifar

^{39:1} Yosef telah dibawa ke Meşir tempat dia dijual oleh orang-orang Yisyma`el yang telah membawanya ke situ. Dia dibeli oleh Potifar, seorang Meşir yang berkhidmat kepada Firaun sebagai ketua penjaga.^{39:2} Yahweh menyertai Yosef sehingga dia menjadi seorang yang berjaya dan dia bekerja di rumah Potifar sendiri.^{39:3} Tuannya pun melihat bahawa Yahweh menyertai Yosef dan memakmurkan segala yang berada di bawah jagaanya.^{39:4} Yosef berkenan di mata tuannya. Dia setia berkhidmat kepada tuannya sehingga tuannya melantiknya menjadi penjaga atas seluruh pernaungannya dan semua kepunyaannya.^{39:5} Sejak Potifar melantik Yosef atas semua yang ada padanya di dalam rumahnya, Yahweh memberkati rumah tangganya disebabkan Yosef. Berkat Yahweh berada di atas seluruh estetnya, samada di rumah mahupun di ladang.^{39:6} Oleh itu, dia menyerahkan semua

^{38:30} Afterward his brother came out, that had the scarlet thread on his hand, and his name was called Zerah.

Joseph and Potiphar's Wife

^{39:1} Joseph was brought down to Egypt. Potiphar, an officer of Pharaoh's, the captain of the guard, an Egyptian, bought him from the hand of the Ishmaelites that had brought him down there.^{39:2} Yahweh was with Joseph, and he was a prosperous man. He was in the house of his master the Egyptian.^{39:3} His master saw that Yahweh was with him, and that Yahweh made all that he did prosper in his hand.^{39:4} Joseph found favor in his sight. He ministered to him, and he made him overseer over his house, and all that he had he put into his hand.^{39:5} From the time that he made him overseer in his house, and over all that he had, Yahweh blessed the Egyptian's house for Joseph's sake. Yahweh's blessing was on all that he had, in the house and

^{j 38:29} *Kau telah menerobos terobosan untuk diri sendiri trjmh 2: Kau pula yang membuat terobosan untuk diri sendiri trjmh 3: Wah! Kau pula yang menerobos terlebih dahulu. Frasa menerobos terobosan bermakna menerobos dengan kuat, dan membawa implikasi bahawa dia seolah-olah berusaha utk mendahului saudaranya keluar.*

^{h 38:29} *Yehudah hrhf: dia (maskulin). Sama dlm ayat 30. Wujud terjemahan kuno yg menuliskan dia (feminin).*

^{n 38:29} *Bunyi nama Pereş hampir sama dgn perkataan yg bermakna terobosan.*

^{n 38:29} *Bunyi nama Zerah hampir sama dgn perkataan yg bermakna penyinaran atau terang. Mungkin ia merujuk kpd benang merah itu.*

^{h 39:1} *dibawa ke Meşir hrhf: dibawa turun ke Meşir. Pergi ke Kana'an/Israel selalu disebut 'naik' manakala pergi ke tempat lain dr Kana'an/Israel disebut 'turun'. Ini spt istilah 'naik haji' dalam b. Melayu, iaitu apabila seseorang pergi ke tempat yg dianggap suci atau istimewa, ia dikatakan 'naik'.*

^{p 39:1} *Semua raja Meşir diberi gelaran Firaun, sama spt raja Roma diberi gelaran Kaisar. Pakar sejarah kurang pasti Firaun ini Firaun yg mana satu. Ejaannya dlm b. Ibrani: Far`oh.*

^{t 39:1} *ketua penjaga tfsrn lain: ketua pembunuh istana/raja*

^{h 39:2} *Yahweh menyertai Yosef hrhf: Yahweh adalah bersama Yosef. Sama dlm ayat 3.*

^{t 39:2} *bekerja tfsrn 2: tinggal tfsrn 3: tinggal dan bekerja*

^{h 39:4} *Yosef berkenan hrhf: Yosef menemui/mendapat kesukaan*

^{j 39:4} *Dia berkhidmat kepada tuannya trjmh lain: Dia menjadi/dijadikan pelayan/pengurus peribadi tuannya*

^{p 39:4} *Istilah b. Ibrani rumah ini boleh merangkumi rumah, rumah tangga, semua orang (termasuk hamba), binatang, kepunyaan dan di sini ladang juga termasuk (lihat ayat 5). Pendek kata, rumah merangkumi semua yg ada di bawah naungan tuan rumah.*

<p>disebabkan Yosef. Berkat Yahweh berada di semua yang ada padanya di rumah mahupun di ladang.^{j 39:6} Oleh itu, dia menyerahkan^h semua kepunyaannya ke dalam tangan Yosef dan dia tidak perlu mengambil tahu apa-apa melainkan roti yang dimakannya.</p> <p>Yosef berbadan tegap dan kakak raut wajahnya.^{39:7} Selepas hal-hal tersebut, pada suatu hari,^h isteri tuannya melayangkan mata^h kepada Yosef dan berkata, “Tidurlah dengan aku.”^{h 39:8} Dia menolak dengan berkata^j kepada isteri tuannya, “Tengok! Tuanku tidak perlu mengambil tahu apa-apa dalam rumah; semua yang ada padanya diserahkan^h ke dalam tanganku.^{39:9} Tiada di rumah ini yang lebih besar daripada saya,^{tj} dan dia tidak menahan apa-apa dari saya kecuali engkau^j sebab engkau isterinya. Bagaimana saya boleh melakukan kejahatan besar ini dan berdosa terhadap Allah?^{j 39:10} Walaupun hari demi hari dia bercakap begitu kepada Yosef, tetapi dia tidak menuruti katanya^h untuk berbaring di sisinya atau untuk berada bersama dengannya.^{p 39:11} Pada suatu hari^h dia masuk ke dalam rumah untuk melakukan kerjanya dan tiada</p>	<p>kepunyaannya ke dalam penyeliaan Yosef dan dia sendiri tidak perlu mempedulikan apa-apa melainkan makanan yang dimakannya sendiri.</p> <p>Mengenai peribadi Yosef, dia memiliki badan yang sasa dan raut mukanya kakak.^{39:7} Beberapa lama kemudian, pada suatu hari padangan isteri tuan Yosef tertarik kepada Yosef dan dia berkata, “Mari masuk tidur dengan aku.”^{39:8} Dia menolak dengan berkata kepada isteri tuannya, “Tengok! Tuanku tidak perlu mempedulikan apa-apa dalam rumah; semua yang ada padanya diserahkan ke dalam pengawasanku.^{39:9} Tiada sesiapa di rumah ini yang lebih berkuasa daripada saya, dan tuanku tidak menahan apa-apa dari saya kecuali engkau sebab engkau isterinya. Bagaimana saya boleh melakukan kejahatan sebesar itu dan berdosa terhadap Allah?^{39:10} Walaupun isteri Potifar memujuk Yosef setiap hari, tetapi Yosef tidak menghiraukan kata-katanya untuk berbaring di sisinya atau berada bersama dengannya.^{39:11} Pada suatu hari, Yosef masuk ke dalam rumah untuk melakukan kerjanya dan</p>	<p>in the field.^{39:6} He left all that he had in Joseph’s hand. He didn’t concern himself with anything, except for the food which he ate.</p> <p>Joseph was well-built and handsome.^{39:7} After these things, his master’s wife set her eyes on Joseph; and she said, “Lie with me.”^{39:8} But he refused, and said to his master’s wife, “Behold, my master doesn’t know what is with me in the house, and he has put all that he has into my hand.^{39:9} He isn’t greater in this house than I, neither has he kept back anything from me but you, because you are his wife. How then can I do this great wickedness, and sin against God?”^{39:10} As she spoke to Joseph day by day, he didn’t listen to her, to lie by her, or to be with her.^{39:11} About this time, he went into the house to do his work, and there were none of the men of the house inside.^{39:12} She caught him by his garment, saying, “Lie with me!”</p>
--	--	--

^{j 39:5} ladang **trjmh** 2: huma **trjmh** 3: tanaman. Kalau Potifar memelihara ternakan, ia termasuk juga dlm istilah *ladang*.

^{h 39:6} menyerahkan **hrfh**: meninggalkan

^{h 39:7} pada suatu hari **hrfh**: terjadi

^{h 39:7} melayangkan mata **hrfh**: mengangkat mata / menaikkan mata. Ini bermakna dia tengok ke depan dan tdk lagi ke bawah.

^{h 39:7} tidur dengan ku **hrfh**: berbaring dengan ku

^{j 38:8} Dia menolak dengan berkata **trjmh** lain: Dia enggan dan berkata

^{h 39:8} diserahkan **hrfh**: diletakkan / diberi

^{t 39:9} Tiada di rumah ini yang **lebih** besar daripada saya, **Hrfh**: Tiada dia yang **lebih** besar dalam rumah ini daripada saya **Tfsrn 1**: Tiada **orang** di rumah ini yang lebih besar daripada saya **kecuali tuanku Potifar**, **Tfsrn 2**: Potifar tidak lebih besar di rumah ini daripada saya. Dgn tfsrn 1, perkataan *dia* merujuk kpd *sesiapa* dan pengecualian Potifar sendiri tersirat. Dgn tfsrn 2, perkataan *dia* merujuk kpd Potifar, tuan Yosef.

^{j 38:9} Tiada di rumah ini yang lebih besar daripada saya, **trjmh** lain: Sayalah yang paling besar/berkuasa di rumah ini

^{j 38:9} dia tidak menahan apa-apa daripada saya kecuali engkau **trjmh** lain: dia hanya menahan engkau daripada saya

^{j 38:9} Bagaimana saya boleh melakukan kejahatan besar ini dan berdosa terhadap Allah? **Trjmh** lain: Saya tentu tidak boleh membuat kejahatan besar yang sedemikian dan berdosa terhadap Allah.

^{h 39:10} menuruti katanya **hrfh**: mendengarnya

^{p 39:10} Fahaman kami adalah isteri Potifar memujuknya bersetubuh dgn kata-kata yg tdk disebut secara langsung supaya Yosef tertarik secara perlahan-lahan. Pentafsir yg lain mentafsirkan ia sama dgn permintaan tidur dgnnya.

^{h 39:11} Pada suatu hari **hrfh**: Terjadi pada hari ini

<p>seorangpun lelaki lain daripada lelaki-lelaki rumah di rumah itu. ^{39:12} Dia memegangnya pada pakaiannya^t dengan berkata, “Tidur^h dengan saya.” Dia meninggalkan pakaiannya itu pada tangannya dan cabut^j dan keluar ke luar rumah. ^{39:13} Dia melihat bahawa pakaiannya tertinggal dalam tangannya dan dia cabut ke luar. ^{39:14} Jadi dia memanggil bujang-bujang rumahnya^h dan berkata kepadanya, “Tengok, dia telah membawa lelaki Ibrani itu untuk mempermainkan kita. ^p Dia datang pada saya untuk bersetubuh^h dengan saya. Jadi saya berteriak dengan suara yang kuat. ^{39:15} Sesudah dia mendengar bahawa saya menguatkan suaraku berteriak, dia meninggalkan pakaiannya di sisiku dan cabut keluar ke luar rumah.” ^{39:16} Kemudian dia meletakkan pakaiannya di sisinya sehingga tuannya^p datang ke rumahnya. ^{39:17} Dia bercakap dengannya tentang hal-hal ini dengan berkata, “Hamba Ibrani yang engkau bawa kepada kita^j datang kepada saya untuk mempermainkan saya. ^{39:18} Apabila saya menguatkan suara saya dan berteriak, dia meninggalkan pakaiannya di sisi saya dan cabut keluar.” ^{39:19}</p>	<p>kebetulan tiada seorangpun lelaki lain dalam rumah daripada semua pelayan rumah. ^{39:12} Isteri Potifar memegang cawat Yosef dan berkata, “Tidur dengan saya.” Yosef terus cabut dari rumah dan cawat itu tertinggal dalam tangan isteri Potifar. ^{39:13} Isteri Potifar melihat bahawa cawat Yosef tertinggal dalam tangannya sewaktu dia cabut keluar. ^{39:14} Jadi isteri Potifar memanggil pekerja rumahnya dan berkata kepadanya, “Tengok, suamiku telah membawa orang Ibrani itu untuk mengacau saya. Dia datang kepada saya dan cuba bersetubuh dengan saya. Jadi saya berteriak dengan suara yang kuat. ^{39:15} Apabila dia mendengar saya berteriak minta tolong, dia meninggalkan pakaiannya di sisiku dan cabut keluar rumah.” ^{39:16} Kemudian dia meletakkan cawat Yosef di sisinya sehingga suaminya, iaitu tuan Yosef pulang ke rumah. ^{39:17} Dia bercakap dengan suaminya tentang hal-hal tersebut. Katanya, “Hamba Ibrani yang abang bawa kepada kita itu cuba mengacau saya. ^{39:18} Apabila saya berteriak minta tolong, dia pun cabut keluar dengan meninggalkan pakaiannya di sisi saya.” ^{39:19} Sesudah tuan Yosef mendengar kata-kata isterinya yang berkata, “Hambamu membuat begini dan begini kepada saya,” dia betul-betul naik berang. ^{39:20} Potifar</p>	<p>He left his garment in her hand, and ran outside. ^{39:13} When she saw that he had left his garment in her hand, and had run outside, ^{39:14} she called to the men of her house, and spoke to them, saying, “Behold, he has brought in a Hebrew to us to mock us. He came in to me to lie with me, and I cried with a loud voice. ^{39:15} When he heard that I lifted up my voice and cried, he left his garment by me, and ran outside.” ^{39:16} She laid up his garment by her, until his master came home. ^{39:17} She spoke to him according to these words, saying, “The Hebrew servant, whom you have brought to us, came in to me to mock me, ^{39:18} and as I lifted up my voice and cried, he left his garment by me, and ran outside.” ^{39:19} When his master heard the words of his wife, which she spoke to him, saying, “This is what your servant did to me,” his wrath was kindled. ^{39:20} Joseph’s master took him, and put him into the prison, the place where the king’s prisoners were bound, and he was there in custody. ^{39:21} But Yahweh was with Joseph, and showed</p>
---	--	--

^t ^{39:12} *pakaian tfsrn 1: kain cawat ~tfsrn 2: baju luar.* * Rupanya b. Ibrani menggunakan istilah am *pakaian* di sini, sebab bunyinya sama bagi perkataan dlm b. Ibrani yg bermakna *berzina*. Mungkin juga dia tidak mahu menyebut pakaian apa yg diambil sebab ia memalukan. Hanya satu terjemahan b. Inggeris sahaja yang menterjemahkannya sbg *kain cawat*, tetapi besar kemungkinan isteri Potifar dapat merampas kain cawat itu yg dipasang dgn tali pengikat kecil drpd baju luar yg dipasang pd lengan Yosef. Lelaki Mesir pd waktu itu biasanya memakai cawat. Pada bahagian bawah tubuh mereka memakai pakaian lain yg berfungsi spt seluar dalam pada zaman kita sekarang.

^h ^{39:12} *Tidur hrhf: Berbaring trjmhn lain: Berasmara*

^j ^{38:12} *cabut trjmhn lain: lari.* Sama dlm ayat 13 & 15. Tidak ada perkataan sepadan dlm b. Melayu (melarikan diri/melepaskan diri) utk perkataan ini (b. Inggeris *flee*).

^h ^{39:14} *bujang-bujang rumahnya hrhf: lelaki-lelaki rumahnya. trjmhn lain: jongos-jongos rumahnya.* Ini orang gaji yg bekerja di rumah.

^p ^{39:14} Walaupun isteri Potifar menggunakan istilah *kita*, dia merujuk kpd diri sendiri dan oleh itu ia boleh diterjemah sbg *saya*. Istilah *mempermainkan* digunakan utk persetubuhan dlm b. Ibrani, tetapi dgn makna negatif di sini spt istilah *kacau* dalam b. Melayu. (Bandingkan dgn 21:9 & 26:8).

^h ^{39:14} *bersetubuh hrhf: berbaring tfsrn lain: merogol.* Lebih baik tdk menggunakan istilah *merogol*. Menurut fahaman kami, dlm cerita isteri Potifar, Yosef menganggap bahawa isteri Potifar mahu tidur dgnnya secara rela.

^p ^{39:16} Kata ganti nama *nya* (atau *dia*) di sini maskulin dan merujuk kpd Yosef.

^j ^{38:17} *kita trjmhn lain: kami*

<p>Sesudah tuannya mendengar kata-kata isterinya yang bercakap kepadanya dengan berkata, “Hambamu membuat hal-hal ini kepada saya,” kemarahannya membakar. ^{p 39:20} Tuan Yosef menangkapnya dan memasukkannya ke dalam penjara, ^h tempat banduan-banduan raja dipenjarakan. Jadi di situlah dia di penjara. ^{39:21} Walau bagaimanapun Yahweh menyertai Yosef dan menghulurkan kasih ^j kepadanya dan membuatnya berkenan ^h di mata ketua penjara. ^{p 39:22} Ketua penjara menyerahkan semua banduan yang di penjara itu ke dalam tangan Yosef, dan semua yang mereka lakukan di situ, Yoseflah yang menjalankannya. ^h ^{39:23} Ketua penjara itu tidak menyelia ^h apa-apa yang berada dalam tangannya sebab Yahweh menyertainya dan apapun yang dia lakukan, Yahweh memberikan kemakmuran dan kejayaan. ^h</p>	<p>menyumbatnya masuk ke dalam penjara, tempat banduan raja dipenjarakan. Sejak itu di situlah dia di dalam penjara. ^{39:21} Walau bagaimanapun Yahweh menyertai Yosef dan menunjukkan kasihnya kepadanya dengan membuatnya berkenan di mata ketua penjara. ^{39:22} Ketua penjara menyerahkan ke dalam jagaan Yosef semua banduan yang di penjarakan itu, dan segala aktiviti yang dijalankan di situ, Yoseflah yang mengendalikannya. ^{39:23} Ketua penjara itu tidak menyelia apa-apa yang berada di bawah jagaan Yosef sebab Yahweh menyertainya dan memberikan kemakmuran dan kejayaan kepada apapun yang dilakukannya.</p>	<p>kindness to him, and gave him favor in the sight of the keeper of the prison. ^{39:22} The keeper of the prison committed to Joseph’s hand all the prisoners who were in the prison. Whatever they did there, he was responsible for it. ^{39:23} The keeper of the prison didn’t look after anything that was under his hand, because Yahweh was with him; and that which he did, Yahweh made it prosper.</p>
<p>Yosef Mentafsirkan Mimpi Banduan</p> <p>^{40:1} Selepas hal-hal itu, tukang minuman raja Meşir dan tukang bakar rotinya melakukan kesalahan ^h terhadap tuannya, raja Meşir. ^{40:2} Firaun naik murka terhadap kedua-dua pegawainya, terhadap ketua minuman dan terhadap ketua pembakar roti. ^{40:3} Dia</p>	<p>Yosef Mentafsirkan Mimpi Banduan</p> <p>^{40:1} Selepas hal-hal tersebut, ketua minuman raja Meşir dan ketua pembakar rotinya membuat kesalahan terhadap tuannya, Firaun, raja Meşir. ^{40:2} Firaun naik murka terhadap kedua-dua pegawainya, iaitu ketua minumannya dan ketua pembakar rotinya. ^{40:3} Mereka ditahan di penjara</p>	<p>Joseph Interprets the Prisoners’ Dreams</p> <p>^{40:1} After these things, the butler of the king of Egypt and his baker offended their lord, the king of Egypt. ^{40:2} Pharaoh was angry with his two officers, the chief cup bearer and the chief baker. ^{40:3} He put them in custody in the house of the</p>

^{p 39:19} Rupanya Potifar marah terhadap Yosef, tetapi ada juga pentafsir yg berpendapat Potifar sedar isterinya berbohong, dan sebenarnya dia marah dgn isterinya. Walau bagaimanapun dia terpaksa mengambil tindakan terhadap Yosef sebab isterinya sudah menghebohkan ceritanya. Bukti pendapat ini adalah bahawa Yosef tdk dibunuh spt yg harus dibuat atas tuduhan ini.

^{h 39:20} *penjara hrhf: rumah kebulatan.* Sama dlm semua kegunaannya. Rupanya ia adalah nama khas penjara tertentu. Di ^{40:3} kita dapati bahawa penjara ini terletak di dlm estet (“rumah”) Potifar. Ketua penjara ini sebenarnya bekerja utk Potifar.

^{j 39:21} *kasih trjmhn lain: kasih setia Ibrani: ḥesed.* TB biasanya menterjemah istilah ini sbg *kasih setia*.

^{h 39:21} *membuatnya berkenan hrhf: memberi kesukaan trjmhn lain: membuatnya kesayangan*

^{p 39:21} Rupanya *ketua penjara* adalah naib *ketua penjaga* (Potifar), sebab *ketua penjaga* boleh memberi arahan kpd banduan (^{40:4}).

^{h 39:22} *Yoseflah yang menjalankannya hrhf: dia yang membuat*

^{h 39:23} *menyelia hrhf: melihat*

^{h 39:23} *memberikan kemakmuran dan kejayaan hrhf: menjayakan / memakmurkan*

^{h 40:1} *membuat kesalahan hrhf: berdosa.* Perkataan ini biasanya digunakan utk kesalahan terhadap Tuhan, tetapi ia boleh juga digunakan bagi kesalahan terhadap raja.

<p>memasukkan mereka ke dalam tahanan di rumah ketua penjaga,^j di penjara yang juga tempat Yosef dipenjarakan.^{h 40:4} Potifar, ketua penjaga itu^p melantik Yosef untuk menyertai mereka, dan dia berkhidmat untuk mereka.</p> <p>Selepas mereka dalam tahanan beberapa hari,^{h 40:5} pada suatu malam kedua-dua mereka bermimpi,^h masing-masing^h dengan mimpinya sendiri, dan masing-masing dengan tafsiran mimpinya, iaitu tukang minuman dan tukang bakar roti raja Mesir yang dipenjarakan di penjara.^{40:6} Apabila Yosef datang kepada mereka pada pagi esok, dia melihat mereka dan nampak bahawa mereka bermuka muram.^{40:7} Jadi dia bertanya kepada pegawai-pegawai Firaun yang bersamanya dalam tahanan di rumah tuannya itu dengan berkata, “Kenapa muka kamu kurang baik^h hari ini?”^{40:8} Mereka berkata kepadanya, “Semalam kami bermimpi^h dan tiada orang yang dapat mentafsirkannya.” Yosef berkata kepada mereka, “Bukankah pentafsiran itu milik Allah?^j Sila ceritakan kepada saya.”^{40:9} Ketua minuman itu menceritakan mimpinya kepada Yosef. Katanya kepadanya, “Dalam mimpiku, ada^h pokok anggur di hadapanku.^{40:10} Pada pokok anggur itu ada tiga ranting, dan semasa dia</p>	<p>yang terletak di estet Potifar, ketua penjaga, tempat yang juga Yosef dipenjarakan.^{40:4} Potifar melantik Yosef untuk menjadi atendan, dan diapun memberi layanan kepada mereka.</p> <p>Selepas beberapa hari dalam tahanan,^{40:5} pada satu malam kedua-dua mereka mendapat mimpi, masing-masing dengan mimpinya sendiri dan tafsiran mimpinya yang berlainan. Mereka itu ialah tukang minuman dan tukang bakar roti raja Mesir yang ditahan di penjara.^{40:6} Apabila Yosef datang kepada mereka keesokan pagi, dia nampak muka mereka berdua muram saja.^{40:7} Jadi dia bertanya kepada pegawai-pegawai Firaun yang bersamanya dalam tahanan di estet tuannya Potifar itu, “Kenapa muka kamu berdua ini muram saja hari ini?”^{40:8} Mereka menjawab, “Kami berdua masing-masing telah bermimpi dan tiada orang yang dapat mentafsirkannya.” Yosef membalas, “Allah saja yang pandai mentafsirkan mimpi, kan? Sila ceritakan mimpi itu kepada saya.”^{40:9} Ketua minuman itu menceritakan mimpinya kepada Yosef. Katanya, “Dalam mimpi saya itu, di hadapan saya ada pokok anggur.^{40:10} Pada pokok anggur itu ada tiga ranting, dan semasa ia mengeluarkan kudup, ia pun terus berbunga lalu gugusan-gugusan buah anggur tumbuh sehingga ia masak.^{40:11} Pada masa itu, saya sedang memegang piala Firaun</p>	<p>captain of the guard, into the prison, the place where Joseph was bound.^{40:4} The captain of the guard assigned them to Joseph, and he took care of them.</p> <p>They stayed in prison many days.^{40:5} They both dreamed a dream, each man his dream, in one night, each man according to the interpretation of his dream, the cup bearer and the baker of the king of Egypt, who were bound in the prison.^{40:6} Joseph came in to them in the morning, and saw them, and saw that they were sad.^{40:7} He asked Pharaoh’s officers who were with him in custody in his master’s house, saying, “Why do you look so sad today?”^{40:8} They said to him, “We have dreamed a dream, and there is no one who can interpret it.” Joseph said to them, “Don’t interpretations belong to God? Please tell it to me.”^{40:9} The chief cup bearer told his dream to Joseph, and said to him, “In my dream, behold, a vine was in front of me,^{40:10} and in the vine were three branches. It was as though it budded, it blossomed, and its clusters produced ripe grapes.^{40:11} Pharaoh’s cup was in my hand; and I took the grapes, and</p>
--	--	--

^{j 40:3} rumah ketua penjaga **trjmh** lain: *estet Potifar, ketua penjaga*. “Rumah” sering kali digunakan utk seluruh estet yg jauh lebih besar drpd sebuah bangunan, asalkan ia berada di bawah naungan seorang tuan.

^{h 40:3} dipenjarakan juga **hrfh**: *dipenjarakan di situ*

^{p 40:4} Istilah *ketua penjaga* ini sama dgn yg dipakai utk Potifar (39:1). Adakah orang ini memang Potifar atau orang lain? Kami yakin dia memang Potifar. Ada juga pentafsir yg berpendapat dia ialah orang lain walaupun dia dirujuk dgn istilah yg sama. Ada juga kemungkinan (tipis) bahawa ia adalah jawatan yg sama tetapi Potifar sudah diganti oleh orang lain pd waktu ini.

^{h 40:4} beberapa hari **hrfh**: *hari-hari*. Ada pentafsir yg memahaminya sbg jangka masa yg lama, dan ada yg berpendapat bahawa ia hanya beberapa hari sahaja. Kami mengikut pendapat yg kedua.

^{h 40:5} bermimpi **hrfh**: *memimpikan sebuah mimpi*

^{h 40:5} masing-masing **hrfh**: *orang*

^{h 40:7} kurang baik **hrfh**: *jahat*

^{h 40:8} bermimpi **hrfh**: *memimpikan sebuah mimpi*

^{j 40:8} Bukankah pentafsiran itu untuk Allah? **trjmh** 2: *Bukankah pentafsiran itu hak Allah?* **trjmh** 3: *Bukankah pentafsiran itu sesuatu yang harus diserahkan kepada Allah?*

^{h 40:9} ada **hrfh**: *lihat / nampak*

<p>mengeluarkan kudup, bunganya terus tumbuh lalu gugusan-gugusan buah anggur tumbuh sehingga masak. ^{40:11} Piala^j Firaun sedang berada di tanganku dan saya mengambil buah-buah anggur itu dan memerasnya ke dalam piala Firaun lalu memberi piala itu ke atas tapak tangan Firaun.”^{p 40:12} Yosef berkata kepadanya, “Inilah tafsirannya: Tiga ranting itu adalah tiga hari. ^{40:13} “Dalam tiga hari lagi Firaun akan mengangkat kepalamu^p dengan mengembalikanmu kepada jawatanmu dan engkau akan meletakkan piala Firaun ke dalam tangannya seperti kebiasaanmu sebelumnya sewaktu engkau adalah tukang minumannya. ^{40:14} Cuma ingatilah saya apabila keadaanmu menjadi baik^h dan tolong bermurah hati terhadap saya^j dengan memberitahu hal saya ini kepada Firaun, ^t sehingga engkau mengeluarkan saya dari penjara ini. ^{h 40:15} Sebab sebenarnya saya diculik dari tanah orang Ibrani dan di sini pun saya tidak melakukan apa-apa sehingga boleh membuat mereka harus memasukkan saya ke dalam lubang ini.” ^{40:16} Ketua tukang bakar roti melihat bahawa dia mentafsir mimpi itu dengan tafsiran yang bagus, lalu berkata kepada Yosef, “Dalam mimpiku ada^h juga tiga bakul^p roti di atas</p>	<p>dan saya mengambil buah-buah anggur tersebut dan memerasnya ke dalam piala Firaun lalu meletakkan piala itu ke atas tapak tangan Firaun.”^{40:12} Yosef berkata kepadanya, “Inilah tafsirannya: Tiga ranting itu melambangkan tiga hari. ^{40:13} “Tiga hari dari sekarang Firaun akan mengembalikan maruahmu dengan mengembalikanmu kepada jawatanmu dan engkau akan meletakkan cawan Firaun ke dalam tangannya seperti kebiasaanmu sebelum ini iaitu sewaktu engkau menjadi tukang minuman baginda. ^{40:14} Saya hanya minta kau mengingati saya apabila keadaanmu menjadi baik dan tolong bermurah hati terhadap saya dengan memberitahu hal saya ini kepada Firaun, supaya saya boleh dikeluarkan dari penjara ini. ^{40:15} Sebab sebenarnya saya diculik dari tanah orang Ibrani dan di sini pun saya tidak melakukan apa-apa kesalahan yang membuat saya harus dimasukkan ke dalam lubang ini.” ^{40:16} Apabila ketua pembakar roti mendengar bahawa tafsiran mimpi itu bagus, dia pun mahu menceritakan mimpinya kepada Yosef. Katanya, “Dalam mimpi saya, ada juga tiga bakul roti di atas kepala saya. ^{40:17} Dalam bakul yang teratas ada bermacam-macam kuih-muih makanan Firaun. Tetapi burung-burung sedang memakannya dari bakul yang di atas kepala saya.”^{40:18}</p>	<p>pressed them into Pharaoh’s cup, and I gave the cup into Pharaoh’s hand.”^{40:12} Joseph said to him, “This is its interpretation: the three branches are three days. ^{40:13} Within three more days, Pharaoh will lift up your head, and restore you to your office. You will give Pharaoh’s cup into his hand, the way you did when you were his cup bearer. ^{40:14} But remember me when it will be well with you, and please show kindness to me, and make mention of me to Pharaoh, and bring me out of this house. ^{40:15} For indeed, I was stolen away out of the land of the Hebrews, and here also have I done nothing that they should put me into the dungeon.”^{40:16} When the chief baker saw that the interpretation was good, he said to Joseph, “I also was in my dream, and behold, three baskets of white bread were on my head. ^{40:17} In the uppermost basket there were all kinds of baked food for Pharaoh, and the birds ate them out of the basket on my head.”^{40:18} Joseph answered, “This is its interpretation. The three baskets are three days.</p>
--	--	---

- ^{j 40:11} *piala trjmhn lain: cawan.* Biasanya raja minum wain menggunakan bekas yg berbentuk *piala*, tetapi istilah b. Ibrani am dan boleh diterjemah sebagai *cawan* juga.
- ^{p 40:11} Makna *mengangkat kepala* di sini adalah *memulihkan maruah*. (Orang yg tdk malu lagi tdk perlu menekurkan kepalanya.) Terdapat permainan kata di antara kegunaan frasa *mengangkat kepala* di sini dan di ayat 19 & 20 yg bermakna *mencabut kepala* dari badan (atau *mengangkat kepala* dgn menggantungkan dr leher) dan *mengembalikan pangkat*.
- ^{p 40:13} Makna *mengangkat kepala* di sini ialah *memulihkan maruah*. (Orang yg tdk malu lagi tdk perlu menekurkan kepalanya.) Terdapat permainan kata di antara kegunaan frasa *mengangkat kepala* di sini dan di ayat 19 & 20 yg mana ia bermakna *mencabut kepala* dari badan dan *mengembalikan pangkat*.
- ^{h 40:14} *Cuma ingatilah saya apabila keadaanmu menjadi baik hrfh: Cuma ingatilah saya bersamamu apabila ia menjadi baik bagi mu juga.* Agaknya frasa *bersamamu* bermakna, selain *memikirkan diri sendiri*, *ingatilah saya juga*.
- ^{j 40:14} *tolong bermurah hati terhadap saya trjmhn 2: tolong tunjukkan kasih kepada saya tfsrn 3: tolong tunjukkan terima kasihmu kepada saya hrfh: tolong membuat kepada saya kasih/kasih-setia/terima-kasih*
- ^{t 40:14} *memberitahu hal saya ini kepada Firaun tfsrn lain: memberitahu kepada Firaun apa yang berlaku di sini dengan saya*
- ^{h 40:14} *penjara ini hrfh: rumah ini*
- ^{h 40:16} *ada hrfh: lihat / nampak*

<p>kepalaku. ^t 40:17 Dalam bakul yang teratas ada bermacam-macam makanan Firaun yang dibuat oleh tukang bakar roti. Tetapi burung-burung sedang memakannya dari bakul yang di atas kepalaku.” 40:18 Yosef menjawab dengan berkata, “Inilah tafsirannya: Tiga bakul itu adalah ^h tiga hari. 40:19 Dalam tiga hari lagi Firaun akan mengangkat kepalamu ^p dari badanmu ^h dan menggantungkan dirimu di pokok kayu ^t dan burung-burung akan memakan dagingmu dari badanmu.” 40:20 Pada hari yang ketiga adalah hari jadi Firaun. Dia mengadakan jamuan untuk semua pelayannya. ^j Dia mengangkat kepala ^p ketua minuman di antara pelayan-pelayannya. 40:21 Dia mengembalikan semula pangkat kepada ketua minuman itu atas urusan minuman. Dialah yang meletakkan piala di atas tapak tangan Firaun semula. 40:22 Ketua pembakar roti digantung seperti yang Yosef tafsirkan mimpi mereka itu. 40:23 Walau bagaimanapun ketua minuman itu tidak teringat akan Yosef, dia terlupa pula. ^h</p> <p><i>Yosef Dilantik Memerintah Seluruh Mesir (41:1-57)</i></p>	<p>Yosef membalas, “Inilah tafsirannya: Tiga bakul itu melambangkan tiga hari. 40:19 Tiga hari dari sekarang Firaun akan memisahkan kepalamu dari badanmu dan menggantungkan badanmu di pokok kayu dan burung-burung akan memakan daging badanmu.” 40:20 Tiga hari dari masa itu adalah hari jadi Firaun. Pada hari itu Firaun mengadakan jamuan untuk semua pegawainya. Hari itulah dia mengembalikan maruah ketua minuman di antara pegawai-pegawainya 40:21 dan juga mengembalikan pangkatnya kepadanya sebagai pengurus minuman. Dialah yang memberi cawan minum ke dalam tangan Firaun semula. 40:22 Badan ketua pembakar roti digantungkan di atas kayu seperti tafsiran mimpi yang diberikan kepada mereka oleh Yosef. 40:23 Walau bagaimanapun ketua minuman itu tidak teringat akan Yosef, dia terlupa pula.</p> <p><i>Yosef Dilantik Memerintah Seluruh Mesir (41:1-57)</i></p>	<p>40:19 Within three more days, Pharaoh will lift up your head from off you, and will hang you on a tree; and the birds will eat your flesh from off you.” 40:20 On the third day, which was Pharaoh’s birthday, he made a feast for all his servants, and he lifted up the head of the chief cup bearer and the head of the chief baker among his servants. 40:21 He restored the chief cup bearer to his position again, and he gave the cup into Pharaoh’s hand; 40:22 but he hanged the chief baker, as Joseph had interpreted to them. 40:23 Yet the chief cup bearer didn’t remember Joseph, but forgot him.</p> <p><i>Joseph Appointed to Rule Over All Egypt (41:1-57)</i></p>
---	--	---

^p 40:16 Bakul yg dimaksudkan adalah tohor dan lebar spt pongkes yg digunakan utk membawa tanah dr lubang di atas kepala. Itu sebabnya ia boleh dibawa bertingkat-tingkat.

^t 40:16 *tiga bakul roti di atas kepalaku tfsrn lain: tiga bakul yang dianyam jarang-jarang.* Perkataan yg diterjemah sbg *roti* tdk diketahui makna tepatnya.

^h 40:18 adalah **hrfh: mereka**

^p 40:19 Makna *mengangkat kepala* di sini adalah *mencabut kepala* dari badan.

^h 40:19 *dari badanmu hrfh: dari atas mu.* Sama dlm kegunaan kedua.

^t 40:19 *mengangkat kepalamu dari badanmu tfsrn lain: mengangkat kepalamu dari mu dengan menggantungkan dirimu dari leher*

^t 40:19 *menggantungkan dirimu di pokok kayu tfsrn lain: menusuk dirimu di kayu*

^j 40:20 *pelayan trjmh 2: hamba trjmh 3: pegawai.* Oleh sebab orang yg melayan raja menjadi pegawainya, kebanyakan terjemahan b. Ingeris menggunakan istilah *pegawai*.

^p 40:20 Makna *mengangkat kepala* di sini adalah *memulihkan maruah* atau mungkin *mengembalikan pangkat*.

^h 40:23 *dia terlupa pula hrfh: dia terlupanya pula.* Secara harfiah ini bermakna *dia terlupa Yosef*, tetapi terkandung dlm itu adalah terlupa tentang keadaan Yosef juga. Bermakna dia langsung tdk ingat Yosef dan keperluannya utk keluar dr penjara.

Mimpi Firaun	Mimpi Firaun	Pharaoh's Dream
<p>41:1 Selepas dua tahun penuh^h Firaun bermimpi dan dia berdiri dekat sungai Nil.^{e h 41:2} Dari sungai Nil naik keluar^t tujuh ekor lembu betina^h yang rupanya^j elok^h dan badannya^h gemuk lalu mereka meragut di rumput mensiang.^{p t 41:3} Kemudian^h tujuh ekor lembu betina yang lain naik keluar dari sungai Nil yang rupanya tidak elok dan badannya kurus kering dan ia berdiri bersisian kawanan pertama di tebing sungai Nil.^{41:4} Kemudian lembu yang rupanya tidak elok dan badannya kurus kering memakan daging tujuh ekor lembu yang rupanya elok dan badannya gemuk. Setelah itu Firaun terbangun.</p> <p>41:5 Kemudian dia tidur sekali lagi dan bermimpi untuk kedua kalinya. Ada^h tujuh bulir^j tumbuh naik pada satu tangkai yang bijinya bernas^h dan baik.^{41:6} Kemudian ada^h yang tumbuh tujuh bulir yang bijinya tak berisi^h selepasnya dan dilayur oleh angin timur.^{j 41:7} Kemudian bulir-bulir yang bijinya</p>	<p>41:1 Selepas dua tahun penuh Firaun bermimpi dan dalam mimpinya dia berdiri berdekatan sungai Nil.^{41:2} Tujuh ekor lembu betina yang kelihatan licin berkilau dan berbadan gemuk keluar dari sungai Nil lalu meragut rumput mensiang.^{41:3} Selepas kawanan pertama tujuh ekor lembu betina yang lain keluar dari sungai Nil yang kelihatan buruk dan berbadan kurus kering dan ia berdiri bersisian dengannya di tebing sungai Nil.^{41:4} Kemudian lembu yang hodoh dan berbadan kurus kering memakan tujuh ekor lembu yang kelihatan elok dan berbadan gemuk. Setelah itu Firaun terbangun dari tidurnya.</p> <p>41:5 Kemudian dia tidur dan bermimpi sekali lagi. Ada tujuh bulir tumbuh pada satu tangkai yang bijinya bernas dan sihat.^{41:6} Berikutnya tumbuhlah tujuh bulir yang bijinya dilayur oleh angin panas dan tidak berisi.^{41:7} Kemudian bulir-bulir yang bijinya tak berisi itu menelan habis tujuh bulir yang bijinya berisi dan</p>	<p>41:1 At the end of two full years, Pharaoh dreamed: and behold, he stood by the river. 41:2 Behold, there came up out of the river seven cattle, sleek and fat, and they fed in the marsh grass.^{41:3} Behold, seven other cattle came up after them out of the river, ugly and thin, and stood by the other cattle on the brink of the river.^{41:4} The ugly and thin cattle ate up the seven sleek and fat cattle. So Pharaoh awoke.</p> <p>41:5 He slept and dreamed a second time: and behold, seven heads of grain came up on one stalk, healthy and good. 41:6 Behold, seven heads of grain, thin and blasted with the east wind, sprung up after them. 41:7 The thin heads of grain swallowed up the seven healthy</p>

^{h 41:1} *Selepas dua tahun penuh hrhf: Terjadilah pada hujung dua tahun hari-hari. Makna dua tahun hari-hari adalah semua hari dalam dua tahun.*

^{e 41:1} *Nil ejaan Ibrani: 'Ye'or atau 'Haye'or (dgn artikel). (Huruf e itu ialah e pepet.) Nama moden Nil digunakan.*

^{h 41:1} *dan dia berdiri dekat sungai Nil hrhf: dan lihat dia berdiri dekat sungai Nil*

^{t 41:2} *Dari sungai Nil naik keluar tfsrn 1: Dari berdiri dalam sungai naik keluar ~tfsrn 2: Dari dalam air sungai naik keluar*

^{h 41:2} *Tujuh lembu betina ... hrhf: Lihat, tujuh lembu betina ... Dlm b. Ibrani, terdapat satu perkataan yg bermakna lembu betina (spt cow dlm b. Inggeris). Oleh sebab ia tdk penting dlm cerita, istilah betina tdk perlu selalu dimasukkan. Kami memasukkannya dua kali sahaja.*

^{j 41:2} *rupanya trjmhn lain: kelihatan. Sama dlm ayat 18.*

^{h 41:2} *elok hrhf: cantik / lawa trjmhn 2: sihat trjmhn 3: licin berkilau. Agaknya perkataan cantik merujuk kpd rupa yg sihat yg biasanya menyebabkan bulunya licin berkilau. Sama dlm ayat 18.*

^{h 41:2} *badannya hrhf: daging. Sama dlm ayat 3, 18, 19.*

^{p 41:2} *Tdk jelas adakah lembu ini berdiri dlm air dan kemudian keluar dr sungai, ataupun mereka muncul dr bawah air. (Dlm dunia yg nyata ia tdk akan muncul dr bawah air, tetapi ia boleh berlaku dlm mimpi.) Kami menganggap ia berdiri dlm air.*

^{t 41:2} *meragut di rumput mensiang ~tfsrn lain: meragut di tebing sungai*

^{h 41:3} *Kemudian hrhf: Dan lihat. Sama dlm ayat 19.*

^{h 41:5} *Ada hrhf: Lihat. Sama dlm ayat 6.*

^{j 41:5} *bulir trjmhn lain: bulir gandum. Sama dlm ayat 6. Tdk dapat diketahui dgn pasti apakah jenis bijirin ini, tetapi kemungkinan besar ia adalah gandum.*

^{h 41:5} *bernas hrhf: gemuk*

^{h 41:6} *Kemudian ada hrhf: Dan lihat*

^{h 41:6} *tak berisi hrhf: kurus*

^{j 41:6} *angin timur trjmhn 2: angin panas trjmhn 3: angin gurun trjmhn 4: angin gurun yang panas. Angin dr timur datang dr padang gurun dan oleh itu ia panas dan kering.*

<p>nipis itu menelan tujuh bulir yang bijinya berisi^h dan bernas itu. Setelah itu Firaun bangun dan ianya^h mimpi.</p> <p>^{41:8} Pada pagi esok rohnya resah dan dia mengutus orang memanggil semua tukang sihir Meşir dan semua yang pandai-pandai.^t Firaun menceritakan kepada mereka mimpinya.^p Tiada yang dapat mentafsirkannya^h untuk Firaun.^t</p> <p>Yosef Dipanggil</p> <p>^{41:9} Kemudian ketua minuman bercakap kepada Firaun dengan berkata, “Hari ini saya mahu menyentuh semula kisah kesalahanku.^{h t} ^{41:10} Waktu itu Firaun murka terhadap hamba-hambanya dan memasukkan saya ke dalam penahanan di rumah ketua penjaga^p – saya dan ketua pembakar roti.^{41:11} Pada suatu malam kami bermimpi sebuah mimpi, saya dan dia bermimpi masing-masing^h dengan tafsiran mimpinya tersendiri.^{41:12} Di situ bersama kami ada teruna^p orang Ibrani,^j hamba kepada ketua penjaga. Kami memberitahu</p>	<p>bernas itu. Setelah itu Firaun terbangun dan sedar bahawa ia adalah mimpi.</p> <p>^{41:8} Pada pagi esok hati Firaun resah dan dia mengutus orang memanggil semua tukang sihir Meşir dan semua yang pandai-pandai ilmu. Firaun menceritakan kepada mereka mimpinya. Tiada satupun orang yang dapat mentafsirkan mimpi-mimpi itu untuknya.</p> <p>Yosef Dipanggil</p> <p>^{41:9} Kemudian ketua minuman berkata kepada Firaun, “Ampun tuanku, seribu kali ampun. Hari ini patik mahu menyentuh semula kisah kesalahan patik tempoh hari.^{41:10} Waktu itu tuanku murka terhadap hamba-hamba tuanku dan memasukkan patik dan ketua pembakar roti ke dalam pertahanan di estet ketua penjaga Potifar.^{41:11} Pada suatu malam kami berdua bermimpi sebuah mimpi, masing-masing dengan tafsiran mimpinya sendiri.^{41:12} Bersama kami di situ ada seorang teruna berbangsa Ibrani, hamba kepada ketua penjaga. Kami menceritakan mimpi-mimpi kami</p>	<p>and full ears. Pharaoh awoke, and behold, it was a dream.</p> <p>^{41:8} In the morning, his spirit was troubled, and he sent and called for all of Egypt’s magicians and wise men. Pharaoh told them his dreams, but there was no one who could interpret them to Pharaoh.</p> <p>Joseph Called</p> <p>^{41:9} Then the chief cup bearer spoke to Pharaoh, saying, “I remember my faults today.^{41:10} Pharaoh was angry with his servants, and put me in custody in the house of the captain of the guard, me and the chief baker.^{41:11} We dreamed a dream in one night, I and he. We dreamed each man according to the interpretation of his dream.^{41:12} There was with us there a young man, a Hebrew, servant to the captain of the guard, and we told him, and he interpreted to us our dreams. To each man according</p>
---	---	--

^{h 41:7} *berisi* **hrfh**: *gemuk*

^{h 41:7} *ianya* **hrfh**: *lihat*

^{t 41:8} *semua tukang sihir Meşir dan semua yang pandai-pandai* ~**tfsrn lain**: *semua tukang sihir Meşir yang pandai-pandai*

^{p 41:8} *mimpinya*. Dlm b. Ibrani, ia adalah *mimpinya* bukan *mimpi-mimpinya*, sebab Firaun menganggap ia adalah dua bahagian dlm satu mimpi. Tetapi dlm bahagian kedua ayat ini ia dipanggil *mereka*, bermakna *mimpi-mimpi*.

^{h 41:8} *mentafsirkannya* **hrfh**: *mentafsirkan mereka*. Rupanya Firaun menganggap kedua-dua mimpi itu sbg satu (tafsiran), manakala tukang-tukang sihir menganggapnya sbg dua mimpi yg berlainan tafsirannya. Mungkin itulah sebabnya mereka tdk dapat menafsirkannya dgn tepat atau sebab Firaun menolak tafsiran yg diberi oleh mereka.

^{t 41:8} *Tiada yang dapat mentafsirkannya untuk Firaun*. **Tfsrn 1**: *Tiada yang dapat mentafsirkannya dengan tepat untuk Firaun*. ~**Tfsrn 2**: *Tiada yang dapat memberikan apa-apa tafsirannya kepada Firaun*. Tfsrn 1 menganggap mereka memang memberi tafsiran, tetapi ia ditolak oleh Firaun sbg tafsiran yg salah. Tfsrn 2 menganggap mereka langsung tdk memberi apa-apa tafsiran. Kami lebih cenderung kpd tfsrn 1.

^{h 41:9} *kesalahanku* **hrfh**: *dosaku*. Perkataan ini biasanya digunakan ttg kesalahan terhadap Tuhan, tetapi ia boleh juga digunakan ttg kesalahan terhadap raja. Kemungkinan besar dia maksudkan kesalahan terhadap raja dr 40:1. Ada juga kemungkinan dia ingat bahawa dia tiada memberitahu raja ttg Yosef, tetapi utk itu mungkin istilah lain akan digunakan.

^{t 41:9} *Hari ini saya mahu menyentuh semula kisah kesalahanku*. ~**tfsrn 2**: *Hari ini saya ingat semula kesalahanku*. * ~**tfsrn 3**: *Hari ini saya mahu menyebut tentang kesalahanku*. ~**tfsrn 4**: *Hari ini saya diingati tentang kesalahanku*.

^{p 41:10} *Ketua penjaga* ini ialah *Potifar*.

^{h 41:11} *masing-masing* **hrfh**: *orang*. Sama dlm ayat 12.

^{p 41:12} Dia dipanggil *teruna* atau *lelaki mudah* tetapi pd masa peristiwa itu, dia berumur 28 tahun, sebab dua tahun kemudian dia berumur 30 tahun (rujuk ayat 41:1 & 41:46). Waktu itu dia masih bujang.

^{j 41:12} *orang Ibrani* **trjmh** *lain*: *yang berbangsa Ibrani*

kepadanya dan dia mentafsirkan mimpi-mimpi kami untuk kami, masing-masing sesuai dengan mimpinya dia tafsirkan. ^{41:13} Maka, ia berlaku sama seperti dia mentafsirkan untuk kami. Begitu terjadi **bahawa** saya dikembalikan ke jawatanku manakala dia digantung.”^t

Tafsiran Mimpi dan Nasihat

^{41:14} Jadi Firaun mengutus orang memanggil Yosef dan mereka cepat-cepat membawanya^h dari lubang itu. ^p Dia bercukur^t dan menyalin baju luarnya lalu datang kepada Firaun. ^{41:15} Firaun berkata kepada Yosef, “Aku telah termimpi **suatu** mimpi tetapi tidak ada yang dapat mentafsirkannya. Aku mendengar dikatakan mengenai kau **bahawa** kau mendengar mimpi untuk mentafsirkannya.” ^{41:16} Yosef menjawab Firaun dengan berkata, “Bukan saya^h **tetapi** Allah akan menjawab **mengenai** kebajikan Firaun.”^{t p}

^{41:17} Firaun berkata kepada Yosef, “Dalam mimpiku^h saya berdiri di tebing **sungai Nil**. ^{41:18} Dari **sungai Nil** naik **keluar** tujuh **ekor** lembu **yang** badannya gemuk dan rupanya elok lalu mereka meragut di rumput mensiang. ^{41:19}

kepadanya dan dia mentafsirkan mimpi kami masing-masing dan tafsirannya adalah sesuai dengan mimpi kami masing-masing juga. ^{41:13} Maka, berlakulah **hal yang** sama seperti tafsiran yang diberikannya kepada kami: patik dikembalikan ke jawatan patik semula manakala **badan** ketua pembakar roti digantung **pada kayu**.”

Tafsiran Mimpi dan Nasihat

^{41:14} Jadi Firaun mengutus orang memanggil Yosef dan dengan cepat dia dibawa dari penjara di bawah tanah itu. Dia bercukur dan menyalin pakaiannya lalu dibawa menghadap Firaun. ^{41:15} Firaun berkata kepada Yosef, “Beta termimpi dan tidak ada **orang** yang dapat mentafsirkannya. Beta mendengar orang kata **bahawa** kau berkebolehan mentafsirkan mimpi.” ^{41:16} Yosef menjawab, “Patik sendiri tidak dapat **tetapi** Allah akan memberi jawapan **mengenai** kebajikan tuanku.”

^{41:17} Firaun berkata kepada Yosef, “Dalam mimpi beta, beta berdiri di tebing **sungai Nil**. ^{41:18} Tujuh **ekor** lembu yang kelihatan licin berkilau dan berbadan gemuk keluar dari **sungai Nil** lalu mereka meragut rumput mensiang. ^{41:19} Kemudian tujuh

to his dream he interpreted. ^{41:13} As he interpreted to us, so it was. He restored me to my office, and he hanged him.”

The Dream's Interpretation and Advice

^{41:14} Then Pharaoh sent and called Joseph, and they brought him hastily out of the dungeon. He shaved himself, changed his clothing, and came in to Pharaoh. ^{41:15} Pharaoh said to Joseph, “I have dreamed a dream, and there is no one who can interpret it. I have heard it said of you, that when you hear a dream you can interpret it.” ^{41:16} Joseph answered Pharaoh, saying, “It isn't in me. God will give Pharaoh an answer of peace.”

^{41:17} Pharaoh spoke to Joseph, “In my dream, behold, I stood on the brink of the river: ^{41:18} and behold, there came up out of the river seven cattle, fat and sleek. They fed in the marsh grass, ^{41:19} and behold,

^{t 41:13} dia digantung. **hrfh:** dia gantung. **Tfsrn 1:** ketua pembakar roti dipancung kepala dan badannya digantung pada kayu. ~**tfsrn 2:** ketua pembakar roti dipancung kepala dan badannya disusuk pada kayu. ~**tfsrn 3:** ketua pembakar roti digantung pada tali di lehernya. Tfsrn yg diikuti di 40:19 harus juga diikuti di sini. Dlm b. Melayu, tfsrn 3 boleh diterjemah secara harfiah sebab ia akan difahami begitu juga. Hanya satu terjemahan Inggeris memahaminya begitu, tetapi fahaman itu tdk mustahil. Pd masa itu ada juga kebiasaan membunuh orang sebegitu, kemudian barulah menyusuk badannya pd kayu yang tinggi di tempat di mana ramai orang akan melihatnya. Oleh itu fahaman yg begitu tdk lari drpd kebiasaan mereka.

^{h 41:14} mereka cepat membawanya **hrfh:** mereka membuatnya berlari

^{p 41:14} Istilah lubang yg digunakan di sini sama dgn yg di 40:15. Agaknya ia adalah penjara bawah tanah. Kali pertama ia dikeluarkan dr lubang, ia dijual menjadi hamba. Kali ini ia akan dibebaskan drpd perhambannya.

^{t 41:14} Dia bercukur **tfsrn lain:** Dia mencukur janggutnya dan rambutnya

^{h 41:16} Bukan saya **hrfh:** Tanpa saya. Ini tdk bermakna Yosef tdk diperlukan, cuma bahawa dia bukan punca tafsiran.

^{t 41:16} Bukan saya **tetapi** Allah akan menjawab **mengenai** kebajikan Firaun. ~**Tfsrn 2:** Bukan saya **tetapi** Allah akan memberi jawapan makna mimpi itu yang mensejahterakan Firaun. * **Tfsrn 3:** Bukan saya **tetapi** Allah akan memberi jawapan yang menyenangkan hati Firaun. **Tfsrn 4:** Bukan saya **tetapi** Allah akan memberi jawapan yang menunjukkan dia mengambil berat akan Firaun.

^{p 41:16} kebajikan **lbrani:** syalom. Pd permulaan kisah Yosef (37:14), dia diutus utk memeriksa kebajikan (syalom) abangnya. Di sini dia akan ‘memeriksa’ kebajikan (syalom) Firaun.

^{h 41:17} Dalam mimpiku **hrfh:** Lihat, dalam mimpiku

Kemudian tujuh ekor lembu yang lain naik keluar dari sungai Nil yang dahsyat dan hodoh dan bentuk badannya terlalu kurus kering seperti yang tidak pernah aku lihat di seluruh tanah Mesir teruknya. ^{41:20} Lembu-lembu yang kurus dan hodoh itu memakan tujuh lembu yang pertama yang gemuk. ^{41:21} Ia masuk ke dalam perut mereka tetapi tidak boleh diketahui bahawa ia masuk ke dalam perutnya; ^h ia tetap kelihatan buruk sama seperti pada mulanya. Kemudian saya terbangun.

^{41:22} Dalam mimpiku aku melihat juga tujuh bulir tumbuh naik pada satu tangkai yang bijinya bernas dan baik. ^{41:23} Kemudian ^h tumbuh selepasnya tujuh bulir yang kecut tak berisi ^h dan dilayur oleh angin timur. ^{41:24} Bulir-bulir yang tak berisi itu menelan tujuh bulir yang baik. Aku memberitahunya ^h kepada ahli-ahli sihir ^t tetapi tiada yang dapat menerangkannya kepada ku.

^{41:25} Yosef berkata kepada Firaun, "Mimpi Firaun adalah satu. Ia adalah apa yang akan Allah lakukan, dan ^{dia} memberitahunya kepada Firaun. ^{41:26} Tujuh lembu yang baik itu adalah ^h tujuh tahun. Mereka dan tujuh bulir yang baik adalah tujuh tahun. Mimpi itu satu. ^{41:27} Tujuh lembu yang kurus kering dan buruk yang naik keluar selepasnya adalah tujuh tahun. Tujuh bulir yang bijinya tak berisi yang dilayur oleh angin timur akan menjadi tujuh tahun kebuluran.

ekor lembu yang lain keluar dari sungai Nil yang kelihatan dahsyat dan buruk dan badannya terlalu kurus kering. Ia lebih dahsyat daripada yang pernah beta lihat di seluruh tanah Mesir. ^{41:20} Kawanan lembu yang kurus dan hodoh itu memakan kawanan tujuh lembu yang pertama yang gemuk. ^{41:21} Kawanan lembu pertama dimakan kawanan lembu kedua itu tetapi tidak boleh diketahui kawanan lembu pertama itu sudah dimakan oleh kawanan lembu kedua itu atau tidak kerana kawanan lembu kedua itu tetap kelihatan kurus kering dan buruk sama seperti pada mulanya. Kemudian beta terjaga dari tidur.

^{41:22} Dalam bahagian kedua mimpi beta, beta melihat tujuh bulir tumbuh pada satu tangkai yang bijinya bernas dan baik. ^{41:23} Selepas itu tumbuhlah tujuh bulir yang kecut tak berisi dan dilayur oleh angin timur. ^{41:24} Bulir-bulir yang tak berisi itu menelan tujuh bulir yang baik. Beta menceritakan mimpi beta itu kepada ahli-ahli sihir tetapi tiada yang dapat menerangkannya bagi beta.

^{41:25} Yosef berkata kepada Firaun, "Dua bahagian mimpi tuanku merujuk perkara yang sama. Allah telah mewahyukan kepada tuanku terlebih dahulu apa yang akan dilakukannya. ^{41:26} Tujuh lembu yang baik itu dan tujuh bulir yang baik melambangkan tujuh tahun. Dua bahagian mimpi itu mempunyai tafsiran yang sama saja. ^{41:27} Tujuh lembu yang kurus kering dan buruk yang datang selepasnya juga melambangkan tujuh tahun. Ia sama dengan tujuh bulir yang bijinya tak berisi yang dilayur oleh angin timur; ia melambangkan tujuh tahun

seven other cattle came up after them, poor and very ugly and thin, such as I never saw in all the land of Egypt for ugliness. ^{41:20} The thin and ugly cattle ate up the first seven fat cattle, ^{41:21} and when they had eaten them up, it couldn't be known that they had eaten them, but they were still ugly, as at the beginning. So I awoke.

^{41:22} I saw in my dream, and behold, seven heads of grain came up on one stalk, full and good: ^{41:23} and behold, seven heads of grain, withered, thin, and blasted with the east wind, sprung up after them. ^{41:24} The thin heads of grain swallowed up the seven good heads of grain. I told it to the magicians, but there was no one who could explain it to me."

^{41:25} Joseph said to Pharaoh, "The dream of Pharaoh is one. What God is about to do he has declared to Pharaoh. ^{41:26} The seven good cattle are seven years; and the seven good heads of grain are seven years. The dream is one. ^{41:27} The seven thin and ugly cattle that came up after them are seven years, and also the seven empty heads of grain blasted with the east wind; they will be seven years of famine.

^h 41:21 masuk ke dalam perutnya hrhf: masuk ke bahagian dalamnya

^h 41:23 Kemudian hrhf: Dan lihat

^h 41:23 tak berisi hrhf: kurus

^h 41:24 memberitahunya hrhf: berkata

^t 41:24 ahli-ahli sihir tfsrn 1: ahli-ahli sihir dan orang yang pandai-pandai tfsrn 2: ahli-ahli sihir. Walaupun Firaun menyebutnya secara ringkas di sini, kami percaya bahawa mereka ialah kumpulan orang yg sama dgn yg disebut di 41:8.

^h 41:26 adalah hrhf: mereka. Sama dlm ayat 27.

<p>^{41:28} Ia seperti yang telah saya beritahukan kepada Firaun: apa yang akan Allah lakukan di menunjukkan kepada Firaun. ^{41:29} Sesungguhnya ^h tujuh tahun yang mendatang ini akan menjadi tahun yang akan mempunyai hasil yang berkelimpahan di seluruh tanah Mesir. ^{41:30} Kemudian akan datang ^h tujuh tahun kebuluran berikutnya di mana semua kelimpahan di tanah Mesir akan dilupai ^j dan kebuluran akan memusnahkan tanah ini. ^{41:31} Jadi kelimpahan di tanah ini tidak akan diketahui lagi ^t disebabkan kebuluran yang menyusulinya terlalu berat. ^{41:32} Mengenai pengulangan mimpi dua kali kepada Firaun, itu adalah kerana perkara itu sudah ditetapkan oleh Allah dan Allah akan melakukannya dengan segera. ^{41:33} Jadi sekarang biarlah Firaun mencari seorang yang cerdas dan bijaksana lalu melantik dia di atas tanah Mesir. ^{41:34} Biar Firaun bertindak untuk melantik pegawai-pegawai tadbir atas tanah Mesir, dan mengambil ^p satu per lima daripada hasil tanah Mesir dalam tujuh tahun yang berkelimpahan. ^{41:35} Biar mereka memungut semua makanan tersebut ^t dari tahun-tahun yang bagus yang mendatang ini dan mengumpulkan ^h bijirin ^j itu di kota-kota untuk dijaga di bawah tangan Firaun. ^{41:36} Ia akan menjadi bekalan makanan ^h untuk tanah ini</p>	<p>kebuluran yang akan datang. ^{41:28} Ia seperti perkara yang telah patik beritahukan kepada tuanku; apa yang akan Allah lakukan, di mewahyukannya terlebih dahulu kepada tuanku. ^{41:29} Sesungguhnya tujuh tahun yang mendatang ini akan menjadi tahun yang berkelimpahan di seluruh tanah Mesir. ^{41:30} Tetapi berikutnya akan datang tujuh tahun kebuluran di mana semua kelimpahan di tanah Mesir akan dilupai dan tanah ini akan dimusnahkan oleh kebuluran itu. ^{41:31} Jadi disebabkan kebuluran yang terlalu dahsyat yang menyusuli kelimpahan di tanah ini, kelimpahan itu tidak akan diingati lagi. ^{41:32} Pengulangan mimpi tuanku itu bererti Allah sudah menetapkan hal itu dan di akan melakukannya dengan segera.</p> <p>^{41:33} Jadi sekarang patik menasihati tuanku agar mencari seorang yang cerdas dan bijaksana lalu melantik dia sebagai wizurai atas seluruh negara Mesir. ^{41:34} Patik cadangkan lagi agar tuanku melantik para pegawai tadbir atas setiap kawasan tanah Mesir, dan mengarahkan mereka memungut satu per lima daripada hasil bijirin negara Mesir dalam tujuh tahun yang berkelimpahan nanti. ^{41:35} Di bawah kekuasaan tuanku biarlah mereka memungut semua bijirin tersebut dari tahun-tahun yang bagus yang mendatang ini serta menyimpan dan menjaga bijirin itu di kota-kota. ^{41:36} Ia</p>	<p>^{41:28} That is the thing which I spoke to Pharaoh. What God is about to do he has shown to Pharaoh. ^{41:29} Behold, there come seven years of great plenty throughout all the land of Egypt. ^{41:30} There will arise after them seven years of famine, and all the plenty will be forgotten in the land of Egypt. The famine will consume the land, ^{41:31} and the plenty will not be known in the land by reason of that famine which follows; for it will be very grievous. ^{41:32} The dream was doubled to Pharaoh, because the thing is established by God, and God will shortly bring it to pass.</p> <p>^{41:33} “Now therefore let Pharaoh look for a discreet and wise man, and set him over the land of Egypt. ^{41:34} Let Pharaoh do this, and let him appoint overseers over the land, and take up the fifth part of the land of Egypt’s produce in the seven plenteous years. ^{41:35} Let them gather all the food of these good years that come, and lay up grain under the hand of Pharaoh for food in the cities, and let them keep it. ^{41:36} The food will be for a store to the land against the seven years of famine,</p>
--	---	---

^h 41:29 Sesungguhnya **hrfh**: Lihat

^h 41:30 Kemudian datanglah **hrfh**: Dan naiklah

^j 41:30 di mana semua kelimpahan di tanah Mesir akan dilupai **trjmh** lain: **yang begitu teruk** sehingga semua kelimpahan di tanah Mesir akan susah diingati lagi

^t 41:31 kelimpahan di tanah ini tidak akan diketahui lagi **Tfsrn 1**: kelimpahan di tanah ini tidak akan diingati lagi ~**tfsrn 2**: kelimpahan di tanah ini tidak akan dialami lagi **sedikit pun** *. Tfsrn 2 bermakna kebuluran itu akan sangat dahsyat sehingga ia menghapuskan ingatan akan kemakmuran yg dialami sebelum itu (atau ingatan mengenainya menjadi samar-samar).

^p 41:34 Yg mengambil dlm b. Ibrani ialah Firaun. Bermakna, Firaun bertindak melalui orang bawahannya.

^t 41:35 Ada pentafsir yg memahami ayat ini mengarahkan mereka mengumpulkan semua bijirin dari 7 tahun yg berlimpah, tetapi kami memahaminya sbg 1/5 drpd hasil tanah dlm 7 tahun yg berlimpah, sesuai dgn ayat 34.

^h 41:35 mengumpulkan **hrfh**: *timbunan*

^j 41:35 bijirin **trjmh** lain: *gandum*. Selain drpd *gandum*, tanaman bijirin di Mesir ialah *barli* dan *milet* tetapi yg utama adalah *gandum* sebab ia adalah bahan untuk membuat roti. Oleh sebab bijirin boleh disimpan lama, maka itulah yg mereka kumpulkan.

^h 41:36 bekalan makanan **hrfh**: *makanan untuk disimpan*

<p>dalam tujuh tahun kebuluran yang akan terjadi itu di tanah Meşir agar orang dan tanah ini tidak akan dibinasakan^h dalam kebuluran itu.”</p> <p>Yosef Dilantik Menjadi Wizurai Negara Meşir</p> <p>^{41:37} Kata-kata^p Yosef baik di mata Firaun dan semua pegawainya.^h ^{41:38} Firaun berkata kepada pegawainya, “Dapatkan seorang yang lain dicari yang Roh Allah^t ada padanya^j seperti orang ini?”</p> <p>^{41:39} Kemudian Firaun berkata kepada Yosef, “Oleh kerana Allah memberi semua pengetahuan ini kepada engkau,^j maka tiada orang yang secerdas dan sebijaksana kau.^{41:40} Engkaulah yang akan menjadi atas^j semua yang ku perintah^h dan semua orang ku akan mematuhi kata-kata kau; hanya sebagai raja aku akan lebih besar daripada kau.”</p>	<p>akan menjadi bekalan makanan untuk negara ini dalam menghadapi tujuh tahun kebuluran yang akan datang itu di negara Meşir agar orang dan negara ini tidak akan mati dalam kebuluran itu.” Demikainlah tafsiran mimpi dan cadangan Yosef.</p> <p>Yosef Dilantik Menjadi Wizurai Negara Meşir</p> <p>^{41:37} Tafsiran mimpi dan cadangan Yosef diterima baik oleh Firaun dan semua pegawainya.^{41:38} Firaun berkata kepada pegawainya, “Mana mungkin kita dapat mencari seorang lain yang ada Roh Allah seperti Yosef ini?”</p> <p>^{41:39} Kemudian Firaun berkata kepada Yosef, “Oleh kerana Allah memberikan semua pengetahuan ini kepada engkau, maka tiada orang yang setanding dengan kecerdasan dan kebijaksanaan kau.^{41:40} Engkaulah yang akan menjadi wizurai atas seluruh Meşir dan semua orang beta akan mematuhi perintah kau; hanya dalam pangkat beta sebagai raja beta akan lebih tinggi kedudukan daripada</p>	<p>which will be in the land of Egypt; that the land not perish through the famine.”</p> <p>Joseph Appointed Viceroy of Egypt</p> <p>^{41:37} The thing was good in the eyes of Pharaoh, and in the eyes of all his servants. ^{41:38} Pharaoh said to his servants, “Can we find such a one as this, a man in whom is the Spirit of God?” ^{41:39} Pharaoh said to Joseph, “Because God has shown you all of this, there is no one so discreet and wise as you. ^{41:40} You shall be over my house, and according to your word will all my people be ruled. Only in the throne I will be greater than you.”</p>
---	--	--

^h ^{41:36} *dibinasakan hrhf*: *dipotong*. Perkataan *dipotong* atau *dipisahkan* digunakan utk kemusnahan yg akan datang menimpa orang dan negara Meşir.

^p ^{41:37} Istilah b. Ibrani *kata-kata* ini adalah amat luas maknanya; ia boleh juga bermakna *hal* atau *perkara*, dan secara tdk langsung, *rancangan* dsb. Hampir semua pentafsir memahaminya di sini sbg *rancangan*. Walau bagaimanapun, *rancangan* itu tdk dapat diterima baik kalau *tafsiran mimpi* itu tdk diterima terlebih dahulu, dan oleh itu kami menganggap *tafsiran mimpi* termasuk dlm makna *kata-kata*.

^h ^{41:37} *pegawainya hrhf*: *hambanya*. Sama dlm ayat berikut.

^t ^{41:38} *Roh Allah Tfsrn 1: Roh Allah Tfsrn 2: roh Allah / kuasa dan ilham Allah Tfsrn 3: kuasa dan ilham ilahi / kuasa dan ilham allah(-allah)*. Tafsiran istilah ini agak kompleks sebab mungkin maksud Firaun lain dan lain fahaman pengarang, iaitu Musa. Orang Meşir tdk menyembah Allah yg esa, melainkan mereka ada banyak “allah.” Lagi pula mereka tdk percaya bahawa Roh Allah adalah oknum ketiga dlm Allah Tritunggal spt orang Kristian. Oleh itu, kemungkinan besar Firaun tdk memikirkan hal yg sama kalau kita sebut “Roh Allah”, melainkan *kuasa dan ilham ilahi / kuasa dan ilham allah(-allah)*. Walau bagaimanapun, mungkin pengarang memahami bahawa Firaun diilham menyebut kebenaran ttg *Roh Allah* yg ada pada Yosef. (Huruf besar dlm ejaan *Roh* itu menunjukkan ada keperibadian roh itu, manakala *roh* dgn huruf kecil merujuk kuasa atau ilham dan bukan keperibadian.) Kami mengejanya *Roh Allah* menurut fahaman kami apa yg dimaskudkan oleh Allah dan bukan yg dimaksudkan oleh Firaun, walaupun Firaun yg menyebutnya. Bagi orang yg mahu menulis menurut fahaman Firaun, eloklah ditulis sbg *roh allah-allah, roh ilahi* atau secara idiomatik *kuasa dan ilham ilahi*.

^j ^{41:38} *padanya trjmhn lain: dalamnya*. Istilah b. Ibrani ini boleh ditafsir sbg *dalam* atau *pada* atau dlm konteks lain *dekat*.

^j ^{41:39} *Allah memberi semua pengetahuan ini kepada mu trjmhn lain: Allah memberitahu semua ini kepada mu*

^j ^{41:40} *Engkaulah yang akan menjadi atas trjmhn lain: Engkaulah yang akan menjadi wazir besar/ perdana menteri atas*

^h ^{41:40} *Engkaulah yang akan menjadi atas semua yang ku perintah dan semua orang ku akan mematuhi kata-katamu; hanya sebagai raja aku akan lebih besar daripada mu. hrhf: Engkaulah yang akan menjadi atas rumahku dan semua orang ku akan menciumi mulutmu; hanya mengenai takhta aku lebih besar daripada mu. Di sini rumahku bermakna semua yg Firaun perintah, iaitu seluruh negara Meşir. Frasa menciumi mulutmu ditafsir sbg mengikuti perintah. Frasa mengenai takhta difahami sbg rujukan kpd pangkat raja sebab raja biasanya memerintah drpd takhtanya.*

<p>^{41:41} Seterusnya Firaun berkata kepada Yosef, “Lihat,^p saya melantik^h engkau atas seluruh tanah Mesir.” ^{41:42} Kemudian Firaun menanggalkan cincin mohornya^p dari tangannya sendiri dan memasangnya pada tangan Yosef. Dan dia memakaikannya dengan pakaian linen halus dan memasang kalung emas^t pada lehernya. ^{41:43} Dia menaikannya di rata^p kedua kepunyaannya^t dan mereka berseru di hadapannya, “Berlutut!”^t Dengan demikian dia diberi kuasa atas seluruh tanah Mesir.</p> <p>^{41:44} Firaun juga berkata kepada Yosef, “Aku adalah Firaun dan aku mengisytiharkan bahawa tidak sesiapa pun^t diizinkan mengangkat tangannya atau kakinya tanpa izin kau di seluruh tanah Mesir. ^{41:45} Firaun memanggil nama Yosef Şafnat-Pa`neahⁿ dan memberi kepadanya Asnat, anak perempuan Potiferaⁿ,ⁿ imam kota Onⁿ sebagai isteri. Setelah itu Yosef berkuasa atas seluruh tanah Mesir.^t</p> <p>^{41:46} Yosef berumur 30 tahun</p>	<p>kau.”</p> <p>^{41:41} Seterusnya Firaun berkata kepada Yosef, “Dengan ini beta melantik engkau sebagai wizarai atas seluruh negara Mesir.” ^{41:42} Kemudian Firaun menanggalkan cincin mohornya dari jarinya sendiri dan menyarungkannya pada jari Yosef. Dan dia mengenakan pakaian linen halus padanya dan memasang kalung emas pada lehernya. ^{41:43} Dalam upacara perlantikan Yosef sebagai wizarai, dia disuruh menaiki kereta kuda untuk orang yang kedua terpenting di bawah Firaun dan kakitangan kerajaan berjalan di hadapannya dan berseru, “Berlutut!” Dengan demikian Yosef dilantik secara rasmi sebagai wizarai atas seluruh negara Mesir.</p> <p>^{41:44} Firaun juga berkata kepada Yosef, “Beta adalah raja dan beta mengisytiharkan bahawa tidak sesiapa pun diizinkan membuat perkara-perkara sekecil apa jua walau menggerakkan tangan pun tanpa izin kau di seluruh negara Mesir. ^{41:45} Firaun menamakan Yosef dengan nama lain iaitu Şafnat-Pa`neah kepada Yosef dan juga memberikannya Asnat, anak Potiferaⁿ, imam kota On untuk diperisterikan. Setelah itu Yosef berkuasa atas seluruh negara Mesir.</p> <p>^{41:46} Yosef berumur 30 tahun</p>	<p>^{41:41} Pharaoh said to Joseph, “Behold, I have set you over all the land of Egypt.” ^{41:42} Pharaoh took off his signet ring from his hand, and put it on Joseph’s hand, and arrayed him in robes of fine linen, and put a gold chain about his neck, ^{41:43} and he made him to ride in the second chariot which he had. They cried before him, “Bow the knee!” He set him over all the land of Egypt.</p> <p>^{41:44} Pharaoh said to Joseph, “I am Pharaoh, and without you shall no man lift up his hand or his foot in all the land of Egypt.” ^{41:45} Pharaoh called Joseph’s name Zaphenath-Paneah; and he gave him Asenath, the daughter of Potiphara priest of On as a wife. Joseph went out over the land of Egypt.</p> <p>^{41:46} Joseph was thirty years</p>
---	---	---

^p ^{41:41} Perkataan *lihat* di sini menunjukkan pengumuman atau pelantikan rasmi.

^h ^{41:41} *melantik hrhf*: memberi

^p ^{41:42} *Cincin mohor* adalah cap rasmi yg dikenakan kpd dokumen tanah liat supaya apa yg ditulis di situ wajib diikuti.

^t ^{41:42} *kalung emas Tfsrn 1: rantai emas ~tfsrn 2: relang emas*. Maksudnya *relang emas* ialah perhiasan emas istimewa yg lebar yg juga melambangkan pangkat Yosef. Kalau ia sekalung *rantai emas*, ia mungkin bukan khusus utk pangkat itu.

^p ^{41:43} Jenis *rata* ini beroda dua, ditarik kuda, dan sering dipakai utk peperangan. (dalam b. Inggeris, *chariot*.)

<http://ms.wikipedia.org/wiki/Rata>.

^t ^{41:43} *kereta kuda kedua kepunyaannya Tfsrn 1: kereta kuda kepunyaannya untuk orang yang berpangkat kedua di Mesir Tfsrn 2: kereta kuda kepunyaannya sebagai naibnya Tfsrn 3: kereta kuda kepunyaannya yang nombor dua terbaik*

^t ^{41:43} *Berlutut!* ~tfsrn lain: *Beri jalan!** Kedua-dua tafsiran ini disokong oleh banyak terjemahan.

^t ^{41:44} *Aku adalah Firaun dan aku mengisytiharkan bahawa tidak sesiapa pun ... ~tfsrn lain: Walaupun aku adalah Firaun, tidak sesiapa pun ...*

ⁿ ^{41:45} Nama *Pa`neah* mungkin bermakna *hidup* atau *kehidupan*. Makna bahagian pertama nama itu tdk diketahui.

ⁿ ^{41:45} Nama *Potifera* bermakna *hadiah dari Allah Re*, sama spt nama *Potifar* (37:36).

ⁿ ^{41:45} Kota *On* juga dipanggil *Heliopolis* dlm b. Yunani, yg bermakna *Kota Matahari*. Ia terletak 7 batu (11 km) ke utara dr bandaraya moden *Kaherah* (b. Inggeris: *Cairo*).

^t ^{41:45} *Setelah itu Yosef berkuasa atas seluruh tanah Mesir. ~tfsrn lain: Setelah itu Yosef mengelilingi seluruh negara Mesir. Hrfh: Dan Yosef keluar ke atas tanah Mesir.*

<p>sewaktu dia berdiri di hadapan Firaun raja Mesir. ^t Setelah Yosef keluar dari hadapan Firaun dia menjelajahi seluruh tanah Mesir. ^t 41:47 Dalam tujuh tahun berkelimpahan tanah menghasilkan penghasilan yang amat banyak sekali. ^h 41:48 Dia mengumpulkan sebahagian daripada semua makanan dalam tujuh tahun berkelimpahan yang terjadi di tanah Mesir itu dan menyimpan ^h makanan itu di kota-kota. Dalam setiap kota, dia menyimpan makanan yang ditanam disekeliling kota itu. ^t 41:49 Yosef menyimpan amat banyak sekali bijirin, seperti pasir di laut sehingga dia berhenti menyukatnya sebab tiada lagi cara menyukatnya.</p> <p>^{41:50} Dua anak lelaki dilahirkan kepada Yosef yang dilahirkan oleh Asnat binti Potefera` imam kota On sebelum tiba tahun kebuluran. ^j 41:51 Yosef memanggil nama yang sulung Menasyeh. ⁿ Katanya, “Sebab Allah membuat saya lupa semua kesusahanku dan semua rumah bapaku.” ^t 41:52 Nama yang kedua dipanggilnya Efraim. ⁿ Katanya, “Sebab Allah membuat saya berhasil ^t di tanah kesengsaraanku.”</p> <p>^{41:53} Seterusnya tujuh tahun</p>	<p>sewaktu dia berhadapan dengan Firaun raja Mesir. Setelah dia keluar dari hadapan Firaun dia menjelajahi seluruh negara Mesir untuk menilai keadaannya. ^t 41:47 Seperti yang diramalkan dalam tafsiran mimpi Firaun, berlakulah tujuh tahun berkelimpahan di mana tanah menghasilkan sangat banyak bijirin. ^t 41:48 Yosef mengumpulkan sebahagian daripada semua bijirin yang dihasilkan pada tujuh tahun berkelimpahan yang terjadi di negara Mesir itu dan menyimpan bijirin itu di kota-kota. Di setiap kota, dia menyimpan bijirin yang ditanam dari ladang-ladang yang berada di sekeliling kota itu. ^t 41:49 Yosef menyimpan amat banyak sekali bijirin, sebanyak pasir di tepi laut sehingga orang-orangnya berhenti menyukatnya sebab ia tidak tersukatkan lagi.</p> <p>^{41:50} Sebelum tiba tahun-tahun kebuluran, Yosef mendapat dua orang anak lelaki. Mereka dilahirkan oleh Asnat binti Potefera` anak imam kota On. ^t 41:51 Yosef menamakan anak yang sulung sebagai Menasyeh. Katanya, “Saya menamakannya begitu sebab Allah membuat saya lupa semua kesusahan yang saya alami di rumah bapaku.” ^t 41:52 Anak yang kedua dinamakannya Efraim. Katanya, “Saya menamakannya begitu sebab Allah membuat saya berhasil di negara tempat berlakunya kesengsaraanku.”</p> <p>^{41:53} Seterusnya tujuh tahun</p>	<p>old when he stood before Pharaoh king of Egypt. Joseph went out from the presence of Pharaoh, and went throughout all the land of Egypt. ^t 41:47 In the seven plenteous years the earth produced abundantly. ^t 41:48 He gathered up all the food of the seven years which were in the land of Egypt, and laid up the food in the cities: the food of the field, which was around every city, he laid up in the same. ^t 41:49 Joseph laid up grain as the sand of the sea, very much, until he stopped counting, for it was without number.</p> <p>^{41:50} To Joseph were born two sons before the year of famine came, whom Asenath, the daughter of Potiphera priest of On, bore to him. ^t 41:51 Joseph called the name of the firstborn Manasseh, “For”, he said, “God has made me forget all my toil, and all my father’s house.”</p> <p>^{41:52} The name of the second, he called Ephraim: “For God has made me fruitful in the land of my affliction.”</p> <p>^{41:53} The seven years of plenty,</p>
--	--	---

^t **41:46** Yosef berumur 30 tahun sewaktu dia berdiri di hadapan Firaun raja Mesir. ~tfsrn lain: Yosef berumur 30 tahun sewaktu dia dilantik wizurai Firaun raja Mesir. / Yosef berumur 30 tahun sewaktu dia mulai berkhidmat untuk Firaun raja Mesir.

^t **41:46** Setelah Yosef keluar dari hadapan Firaun dia menjelajahi seluruh tanah Mesir. Tfsrn lain: Sewaktu Yosef keluar dari hadapan Firaun dia berkuasa atas seluruh tanah Mesir.

^h **41:47** banyak-banyak hrfh: dengan genggamang-genggamang

^h **41:48** menyimpan hrfh: menempatkan

^j **41:50** sebelum datangnya tahun kebuluran trjmh lain: dalam tahun-tahun kelimpahan

ⁿ **41:51** Nama Menasyeh berbunyi spt perkataan yg bermakna dia yang menyebabkan melupakan

^t **41:51** Allah membuat saya lupa semua kesusahanku dan semua rumah bapaku. Tfsrn 1: Allah membuat saya lupa semua kesusahan yang saya alami di rumah bapaku. Tfsrn 2: Allah membuat saya lupa semua kesusahanku dan kerinduan ku terhadap semua orang dalam keluarga bapaku.

ⁿ **41:52** Nama Efraim berbunyi spt perkataan yg bermakna berbuah, berhasil atau subur. Ia boleh merujuk kpd berhasil atau mendapat anak.

^t **41:52** Allah membuat saya berhasil ~tfsrn 2: Allah memberikan saya anak * ~tfsrn 3: Allah membuat saya berhasil dan memberikan saya anak hrfh: Allah membuat saya berbuah. Istilah berbuah di sini mungkin merujuk kpd kedua-dua berhasil dan mendapat anak. Dlm b. Inggeris kedua-dua konsep ini boleh merangkumi istilah fruitful, tetapi tiada satu istilah yg sesuai dlm b. Melayu.

berkelimpahan yang berlaku di tanah Meşir berakhir ^{41:54} dan tujuh tahun kebuluran bermula sama seperti yang dikatakan Yosef. Kebuluran berlaku di semua tanah **di kawasan itu** tetapi di seluruh tanah Meşir ada makanan. ^{h 41:55} Apabila semua **penduduk** tanah Meşir menjadi lapar, mereka ^h berseru kepada Firaun untuk makanan. Firaun menyuruh ^h semua **penduduk** Meşir pergi kepada Yosef dan membuat apa yang disuruhnya. ^h

^{41:56} Sesudah kebuluran itu berada di seluruh permukaan tanah, ^t Yosef membuka gudang-gudang bijirin ^m dan menjual bijirin kepada **penduduk** Meşir sebab ^t kebuluran di tanah Meşir makin teruk. ^{41:57} **Orang dari** seluruh bumi **juga** datang ke Meşir untuk membeli bijirin dari Yosef sebab kebuluran itu teruk di seluruh bumi. ^t

Saudara-Saudara Yosef Pergi Ke Meşir (42:1-38)

Saudara-Saudara Yosef Pergi Ke Meşir

^{42:1} Ya`aqob dengar ^h bahawa ada bijirin di Meşir dan berkata ^h kepada anak-anaknya, “Kenapa kamu tengok satu sama yang lain **saja?**” ^{t 42:2} Katanya **lagi**, “Tengok, saya mendengar bahawa ada bijirin di Meşir. Pergilah ^h kamu ke sana

berkelimpahan yang berlaku di negara Meşir berakhir ^{41:54} dan tujuh tahun kebuluran bermula sama seperti yang diramalkan oleh Yosef. Kebuluran berlaku di semua negara **di kawasan itu** tetapi di seluruh negara Meşir ada **bekalan** makanan. ^{41:55} Apabila semua **penduduk** negara Meşir menjadi lapar, mereka merayu kepada Firaun untuk meminta makanan. Firaun merujuk semua **penduduk** Meşir kepada Yosef supaya mengikuti saja arahannya. ^{41:56} Sesudah kebuluran itu melanda setiap sudut tanah **Meşir** dan **keadaan bertambah** teruk, Yosef membuka gudang-gudang bijirin dan **mula** menjual bijirin kepada **orang** Meşir. ^{41:57} **Orang dari** semua pelusuk datang ke Meşir untuk membeli bijirin dari Yosef **juga** sebab kebuluran itu teruk di seluruh pelusuk Meşir.

Saudara-Saudara Yosef Pergi Ke Meşir (42:1-38)

Saudara-Saudara Yosef Pergi Ke Meşir

^{42:1} Ya`aqob dengar bahawa ada bijirin di Meşir dan berkata kepada anak-anaknya, “Buat apa kamu **lepak-lepak saja** tanpa berbuat sesuatu?” ^{42:2} Cuba dengar. Saya dengar ada bijirin **dijual** di Meşir. Pergilah kamu ke sana dan belilah bijirin untuk kita agar kita terselamat dan tidak mati **kelaparan.**”

that were in the land of Egypt, came to an end. ^{41:54} The seven years of famine began to come, just as Joseph had said. There was famine in all lands, but in all the land of Egypt there was bread. ^{41:55} When all the land of Egypt was famished, the people cried to Pharaoh for bread, and Pharaoh said to all the Egyptians, “Go to Joseph. What he says to you, do.” ^{41:56} The famine was over all the surface of the earth. Joseph opened all the store houses, and sold to the Egyptians. The famine was severe in the land of Egypt. ^{41:57} All countries came into Egypt, to Joseph, to buy grain, because the famine was severe in all the earth.

Joseph's Brothers Visit Egypt (42:1-38)

Joseph's Brothers Visit Egypt

^{42:1} Now Jacob saw that there was grain in Egypt, and Jacob said to his sons, “Why do you look at one another?” ^{42:2} He said, “Behold, I have heard that there is grain in Egypt. Go down there, and buy for us from there, so that we may live, and

^{h 41:54} **makanan hrhf:** *roti*. Sama dlm ayat 55. Oleh sebab roti adalah makanan utama mereka, kebanyakan bijirin yg disimpan itu tentunya gandum.

^{h 41:55} **mereka hrhf:** *orang*

^{h 41:55} **menyuruh hrhf:** *berkata*

^{h 41:55} **suruh hrhf:** *berkata*

^{t 41:56} *seluruh permukaan tanah tfsrn 1: seluruh permukaan tanah Meşir ~tfsrn 2: seluruh permukaan bumi di kawasan itu*

^{m 41:56} *Yosef membuka gudang-gudang bijirin Manuskrip Ibrani: Yosef membuka semua yang ada pada/dalam mereka. Di sini kami mengikut manuskrip Septuaginta.*

^{t 41:56} *sebab ~tfsrn lain: Walau bagaimanapun,*

^{t 41:57} *sebab kebuluran itu teruk di seluruh bumi. tfsrn: sebab kebuluran itu teruk di seluruh kawasan bumi di sekeliling Meşir. / sebab kebuluran itu teruk di seluruh Timur Tengah.*

^{h 42:1} **dengar hrhf:** *melihat*. Mungkin Ya`aqob melihat orang lain balik dr Meşir dgn bijirin yg dibelinya dan bertanya tentangnya.

^{h 42:1} **dan berkata hrhf:** *dan Ya`aqob berkata*

^{t 42:1} *“Kenapa kamu tengok satu sama yang lain saja?” Tfsrn: “Kenapa kamu tidak bertindak?” / “Kamu harus bertindak.”*

^{h 42:2} **Pergilah hrhf:** *Turun*. Sama dlm ayat 3.

dan belilah bijirin dari sana untuk kita agar kita terus hidup dan tidak mati.”

^{42:3} Jadi sepuluh saudara Yosef pergi untuk membeli bijirin dari Mesir. ^{42:4} Tetapi Ben-Yamin saudara Yosef tidak diutus Ya`aqob bersama saudara-saudaranya sebab **katanya**, “agar ia tidak diapa-apakan.”^j ^{42:5} Jadi anak-anak Israel^j pergi^h untuk membeli bijirin di antara orang lain yang datang sebab ada kebuluran di tanah Kana`an.

^{42:6} Yosef adalah wizurai atas tanah **Mesir** dan dialah yang menjual bijirin kepada semua orang di tanah itu. Saudara-saudaranya datang kepada Yosef dan sujud kepadanya dengan muka ke tanah. ^{42:7} Apabila Yosef ternampak saudara-saudaranya, dia **pun** mengenal mereka, tetapi dia **sendiri** berlaku seperti orang asing kepada mereka. Dia bercakap kasar kepada mereka dan berkata kepada mereka, “Kamu datang dari mana?” Mereka berkata, “Dari tanah Kana`an untuk membeli makanan.”

^{42:8} Walaupun Yosef mengecam saudara-saudaranya, mereka tidak mengecam dia. ^{42:9} Kemudian Yosef teringat mimpi-mimpi yang telah dia termimpi itu mengenai mereka, lalu dia berkata kepada mereka, “Kamu **ini** mata-mata yang datang untuk mengintip^h kelemahan-kelemahan^h tanah ini.

^{42:10} Mereka berkata kepadanya, “Tidak Tuanku; hamba-hambamu **ini** datang untuk membeli makanan. ^{42:11} Kami semua anak satu orang. Kami orang jujur. Hamba-hambamu ini bukan mata-mata.”

^{42:3} Jadi sepuluh abang Yosef pergi untuk membeli bijirin dari Mesir. ^{42:4} Tetapi adik Yosef Ben-Yamin tidak diutus Ya`aqob bersama semua abangnya sebab Ya`aqob takut kalau-kalau ada apa-apa yang berlaku padanya. ^{42:5} Jadi anak-anak Israel menyertai orang lain yang dari Kana`an pergi **ke Mesir** untuk membeli bijirin, **ada juga orang lain yang pergi ke sana** sebab tanah Kana`an pun dilanda kebuluran itu juga.

^{42:6} Yosef adalah wizurai tanah **Mesir** dan dialah yang menjual bijirin kepada sesiapa **yang mahu membelinya**. Abang-abangnya datang kepada Yosef dan sujud kepadanya dengan muka ke tanah. ^{42:7} Apabila Yosef ternampak abang-abangnya, dia pun mengenal mereka, tetapi dia berpura-pura tidak mengenali mereka. Dia bercakap kasar kepada mereka dan bertanya, “Dari mana kamu ini datang?” Jawab mereka, “Dari tanah Kana`an untuk membeli makanan.”

^{42:8} Walaupun Yosef mengecam abang-abangnya, mereka tidak mengecam dia. ^{42:9} Kemudian dia teringat pada mimpi-mimpinya mengenai mereka, lalu dia berkata kepada mereka, “Kamu ‘ni pengintip! Kamu datang untuk mengintip kelemahan-kelemahan negara ini.”

^{42:10} Mereka membantah, “Tidak tuanku; hamba-hambamu ini datang untuk membeli makanan. ^{42:11} Hamba semua berbapa sekandung. Hamba-hambamu ini orang jujur, bukan pengintip.”

not die.” ^{42:3} Joseph’s ten brothers went down to buy grain from Egypt. ^{42:4} But Jacob didn’t send Benjamin, Joseph’s brother, with his brothers; for he said, “Lest perhaps harm happen to him.” ^{42:5} The sons of Israel came to buy among those who came, for the famine was in the land of Canaan.

^{42:6} Joseph was the governor over the land. It was he who sold to all the people of the land. Joseph’s brothers came, and bowed themselves down to him with their faces to the earth. ^{42:7} Joseph saw his brothers, and he recognized them, but acted like a stranger to them, and spoke roughly with them. He said to them, “Where did you come from?” They said, “From the land of Canaan to buy food.”

^{42:8} Joseph recognized his brothers, but they didn’t recognize him. ^{42:9} Joseph remembered the dreams which he dreamed about them, and said to them, “You are spies! You have come to see the nakedness of the land.” ^{42:10} They said to him, “No, my lord, but your servants have come to buy food. ^{42:11} We are all one man’s sons; we are honest men. Your servants are not spies.”

^j ^{42:4} *agar ia tidak diapa-apakan* **trjmh lain**: *agar tidak ada sesuatu berlaku kepadanya*

^j ^{42:5} *Israel* **trjmh lain**: *Ya`aqob*. Kedua-dua nama ini digunakan utk Ya`aqob.

^h ^{42:5} *pergi* **hrfh**: *masuk / datang*

^h ^{42:9} *mengintip* **hrfh**: *melihat*

^h ^{42:9} *kelemahan-kelemahan* **hrfh**: *ketelanjangan*

<p>^{42:12} Tetapi dia berkata kepada mereka, “Tidak, tentu kamu datang untuk melihat kelemahan-kelemahan tanah ini.”</p> <p>^{42:13} Mereka berkata, “Hambamu ini adalah dua-belas saudara. Kami anak-anak kepada seorang lelaki orang di tanah Kana`an. Maklum,^h yang bongsu^h bersama bapa kami sekarang,^h dan yang satu sudah tiada .^j</p> <p>^{42:14} Yosef berkata kepada mereka, “Ia seperti yang telah ku katakan kepada kamu bahawa^h kamu ini mata-mata. ^{42:15} Dengan ini kamu akan diuji^j – demi hidup Firaun.^j Kamu akan meninggalkan tempat ini hanya kalau adik bongsu^h kamu datang ke sini. ^{42:16} Utus salah satu dari antara kamu untuk pergi mengambil saudara kamu sementara kamu yang lain akan dipenjarakan supaya kata-kata kamu boleh diuji apakah kebenaran ada pada kamu. Kalau tidak, demi hidup Firaun^t kamu memang mata-mata. ^{42:17} Kemudian dia memindahkan mereka ke pertahanan selama tiga hari.</p> <p>^{42:18} Pada hari ketiga^j Yosef berkata kepada mereka, “Buatlah</p>	<p>^{42:12} Tetapi Yosef menuduh mereka lagi, “Tidak!, kamu memang datang untuk melihat kelemahan-kelemahan negara ini, bukan?”</p> <p>^{42:13} Sahut mereka lagi, “Hambamu ini adalah dua-belas hambamu ini adalah dua-belas bersaudara semuanya. Hamba-hamba ini anak kepada seorang lelaki di tanah Kana`an. Adik hamba-hamba yang bongsu bersama bapa hamba-hamba sekarang, dan yang seorang sudah tiada.</p> <p>^{42:14} Yosef menegaskan, “Seperti yang telah aku katakan: kamu ‘ni pengintip. ^{42:15} Demi hidup Firaun, kamu akan diuji seperti berikut. Kamu tidak akan meninggalkan tempat ini kecuali adik bongsu kamu datang ke sini. ^{42:16} Utus salah seorang daripada kamu untuk pergi membawa saudara kamu sementara kamu yang lain akan dipenjarakan supaya kata-kata kamu boleh diuji adakah kamu bercakap benar atau tidak. Kalau tidak, demi hidup Firaun kamu memang pengintip. ^{42:17} Kemudian dia memasukkan mereka ke dalam tahanan selama tiga hari.</p> <p>^{42:18} Selepas dua hari Yosef berkata kepada mereka, “Oleh kerana aku ini</p>	<p>^{42:12} He said to them, “No, but you have come to see the nakedness of the land!”</p> <p>^{42:13} They said, “We, your servants, are twelve brothers, the sons of one man in the land of Canaan; and behold, the youngest is this day with our father, and one is no more.”</p> <p>^{42:14} Joseph said to them, “It is like I told you, saying, ‘You are spies!’ ^{42:15} By this you shall be tested. By the life of Pharaoh, you shall not go out from here, unless your youngest brother comes here. ^{42:16} Send one of you, and let him get your brother, and you shall be bound, that your words may be tested, whether there is truth in you, or else by the life of Pharaoh surely you are spies.” ^{42:17} He put them all together into custody for three days.</p> <p>^{42:18} Joseph said to them the third day, “Do this, and live, for</p>
--	--	---

^h 42:13 *Maklum hrhf: Lihat*

^h 42:13 *bongsu hrhf: kecil*

^h 42:13 *sekarang hrhf: hari ini*

^j 42:13 *yang satu sudah tiada trjmhn lain: yang satu hilang entah ke mana tfsrn lain: yang satu sudah meninggal. Mereka pintar dlm cara mereka menyebut hal ini, sebab ia menyindir bahawa dia (Yosef) sudah meninggal tetapi sebenarnya mungkin bermakna dia tdk berada dgn mereka lagi dan mereka tdk tahu dia sudah ke mana.*

^h 42:14 *bahawa hrhf: berkata*

^j 42:15 *demi hidup Firaun trjmhn lain: demi Firaun / aku bersumpah demi hidup Firaun / aku bersumpah atas kuasa Firaun / aku bersumpah demi nama Firaun. Frasa demi hidup Firaun merupakan cara bersumpah bahawa hal itu akan dilaksanakan. Ia seolah-olah memanggil Firaun menjadi penguatkuasa sumpah ini.*

^j 42:15 *Dengan ini kamu akan diuji trjmhn lain: Aku akan memeriksa cerita kamu begini*

^h 42:15 *adik bongsu hrhf: saudara kecil*

^t 42:16 *Fahaman kami ialah frasa demi hidup Firaun hanya merupakan penegasan kpd kenyataan bahawa mereka mata-mata. Pentafsir yg lain memahaminya sbg sumpahan sebenar yg mungkin membawa implikasi bahawa mereka akan dibunuh sbg mata-mata. Dgn tafsiran kedua, ia mungkin boleh diterjemah sbg: kamu memang mata-mata dan demi hidup Firaun kamu akan dihukum setimpal dengan itu.*

^j 42:18 *Pada hari ketiga trjmhn lain: Selepas dua hari. Cara mereka mengira hari dipanggil kiraan merangkumi ('inclusive counting') iaitu hari pertama (hari masuk penjara) sudah dikira sbg satu hari. Jadi, misalnya kalau mereka dimasukkan ke dlm penjara pd hari Isnin, Yosef kembali kpd mereka pd hari Rabu.*

begini dan kamu akan hidup sebab aku takut akan Allah.^{j 42:19} Kalau kamu memang jujur, biarlah salah seorang saudara kamu dipenjarakan di rumah pertahanan kamu dan kamu yang lain pergi bawa bijirin untuk keluarga-keluarga^h kamu yang kelaparan.^{42:20} Kemudian bawa kepada saya adik bongsu^h kamu untuk membuktikan^j kata-kata kamu dan kamu tidak akan dihukum mati. Mereka membuat demikian.

^{42:21} Mereka berkata kepada saudara-saudaranya,^h “Tentu kita dihukum^t disebabkan saudara kita yang telah kita lihat seksaan hatinya semasa minta dikasihani tetapi kita tidak menghiraukannya.^h Oleh yang demikian seksaan ini datang kepada kita.”^{42:22} Reuben membalas mereka dengan berkata, “Bukankah aku berkata kepada kamu,^h ‘Jangan berdosa terhadap budak itu,’^h tetapi kamu tidak mahu mendengar. Nah, tengok, sekarang balasan untuk darahnya^j dituntut juga!”^{42:23} Mereka tidak tahu bahawa Yosef sedang mendengar sebab si penterjemah^p ada di antara mereka.^{42:24} Kemudian dia berpaling daripada mereka dan menangis.^t Sesudah

orang yang takut akan Allah, aku akan memberi kamu satu peluang: buatlah begini supaya kamu akan hidup.^{42:19} Kalau kamu memang jujur, kami akan menahan salah seorang saudara kamu di rumah tahanan ini dan yang lain boleh balik dan bawa pulang bijirin yang akan kamu beli kepada keluarga-keluarga kamu yang kelaparan.^{42:20} Kemudian bawa kepada aku adik bongsu kamu sebagai bukti bahawa kata-kata kamu benar dan kamu tidak akan dibunuh.” Mereka pun menurut perintahnya.

^{42:21} Adik-beradik itu berkata satu sama yang lain, “Tentu kita dihukum sebab kita melihat seksaan hati adik kita semasa dia merayu dikasihani tetapi tidak kita pedulikannya. Itulah sebabnya seksaan ini menghantui kita sekarang.”^{42:22} Reuben mengingatkan mereka, “Bukankah saya katakan kepada kamu, ‘Jangan berdosa terhadap teruna itu,’ tetapi kamu tidak mahu mendengar. Nah, tengok, sekarang balasan untuk darahnya dituntut juga!”^{42:23} Mereka tidak sedar bahawa Yosef faham apa yang mereka cakapkan dalam bahasa Ibrani sebab dia menggunakan penterjemah untuk bercakap dengan mereka.^{42:24} Mendengar kata-kata mereka, Yosef meninggalkan mereka dan menangis. Sesudah itu dia balik kepada mereka

I fear God.^{42:19} If you are honest men, then let one of your brothers be bound in your prison; but you go, carry grain for the famine of your houses.^{42:20} Bring your youngest brother to me; so will your words be verified, and you won't die.”

They did so.^{42:21} They said one to another, “We are certainly guilty concerning our brother, in that we saw the distress of his soul, when he begged us, and we wouldn't listen. Therefore this distress has come upon us.”^{42:22} Reuben answered them, saying, “Didn't I tell you, saying, ‘Don't sin against the child,’ and you wouldn't listen? Therefore also, behold, his blood is required.”^{42:23} They didn't know that Joseph understood them; for there was an interpreter between them.^{42:24} He turned himself away from them, and wept. Then he returned to them, and spoke to them, and took

^{j 42:18} Buat ini dan kamu akan hidup sebab aku takut akan Allah. **trjmh lain:** Oleh sebab aku ini orang yang takut akan Allah, saya akan mengubah peraturannya dan memberi kamu satu peluang: buat ini dan kamu akan hidup. Mula-mula dia akan mengizinkan hanya satu orang pulang utk mendapatkan adik bongsu. Di sini dia mengubah peraturannya agar semua dapat pulang kecuali yg satu. Ini dibuat kononnya sebab dia orang yg takut akan Allah.

^{h 42:19} keluarga-keluarga **hrfh:** rumah-rumah

^{h 42:20} adik bongsu **hrfh:** saudara kecil

^{j 42:20} membuktikan **trjmh lain:** memastikan

^{h 42:21} Salah seorang drpd mereka berkata kepada saudara-saudaranya **hrfh:** Kata orang kepada saudara-saudaranya. Dlm b. Ibrani perkataan orang boleh bermakna seorang atau masing-masing. Perkataan kata di sini berbentuk jamak, dan oleh itu kita tahu bahawa ada lebih drpd seorang yang bercakap.

^{t 42:21} dihukum **tfsrn lain:** bersalah

^{h 42:21} menghiraukannya **hrfh:** mendengar

^{h 42:21} berkata kepada kamu **hrfh:** berkata kepada kamu dengan berkata

^{h 42:22} budak itu **hrfh:** anak itu **trjmh lain:** teruna itu. Yosef berumur 17 tahun pd waktu peristiwa itu.

^{j 42:22} darahnya **trjmh lain:** kematiannya

^{p 42:23} Perkataan penterjemah ada artikel di depannya, bermakna orang ini orang yg ada tugas khas sbg penterjemah. Oleh sebab dalam b. Melayu tiada artikel, kami menggunakan perkataan si di sini sebab ia hampir sama dgn artikel.

^{t 42:23} dia berpaling drpd mereka **tfsrn 1:** dia keluar dr tempat itu supaya tdk kelihatan menangis **tfsrn 2:** dia membelakangi mereka sewaktu menangis

<p>itu, dia balik kepada mereka dan bercakap dengan mereka lagi lalu mengambil Syim`on dari mereka dan mengikat^t dia di depan mata mereka.^p</p> <p>42:25 Kemudian Yosef memerintah orangnya dan mereka mengisi guni^h mereka dengan bijirin. Dia juga memerintahkan orangnya untuk mengembalikan bayaran perak^j setiap orang ke dalam guninya dan untuk memberi bekalan untuk perjalanan mereka. Begitulah dilakukan ke atas mereka.</p> <p>42:26 Kemudian mereka mengangkat bijirin itu ke atas keldai-keldai mereka dan berjalan dari situ. 42:27 Di tempat tidur mereka, salah seorang daripada mereka membuka guninya untuk memberi makanan kepada keldainya dan ternampak bayaran peraknya – tengok, ia di mulut guninya. 42:28 Katanya kepada saudara-saudaranya, “Bayaran perak ku dikembalikan – tengok, malah ia ada di dalam guniku!” Hati mereka menjadi kecut^h dan mereka gementar. Masing-masing^h berkata kepada saudaranya, “Apa ini yang Allah telah lakukan kepada kita?”</p> <p>42:29 Seterusnya mereka tiba di tempat bapa mereka Ya`aqob di tanah Kana`an^h dan melaporkan kepadanya semua yang terjadi kepada mereka^p dengan berkata,</p>	<p>dan bercakap dengan mereka lagi lalu menyuruh Syim`on diambil daripada mereka dan diikat di depan mata mereka.</p> <p>42:25 Kemudian Yosef memerintah orang-orangnya untuk mengisi guni abang-abangnya dengan bijirin dan mengembalikan bayaran kepingan perak mereka masing-masing ke dalam guninya di atas bijirin yang di dalamnya. Dia juga menyuruh mereka untuk memberi bekalan makanan untuk perjalanan mereka. Semua itu dilakukan untuk mereka.</p> <p>42:26 Kemudian mereka memuatkan guni-guni bijirin itu di atas keldai-keldai mereka dan berangkat pulang.</p> <p>42:27 Di tempat tidur mereka, salah seorang daripada mereka membuka guninya untuk memberi makanan kepada keldainya dan apabila dia melihat ke dalam mulut guninya, dia terkejut kerana ada bayaran kepingan peraknya sendiri di dalam. 42:28 Katanya kepada saudara-saudaranya, “Bayaran perak saya dikembalikan. Malah ia ada di dalam guni saya!” Hati mereka gementar ketakutan. Mereka berkata satu sama yang lain, “Eh! Apa yang Allah buat kepada kita?”</p> <p>42:29 Setiba mereka di tanah Kana`an di rumah bapa mereka Ya`aqob, mereka melaporkan kepadanya semua yang terjadi kepada mereka. Kata mereka, 42:30 “Wizurai Meşir itu</p>	<p>Simeon from among them, and bound him before their eyes.</p> <p>42:25 Then Joseph gave a command to fill their bags with grain, and to restore each man’s money into his sack, and to give them food for the way. So it was done to them.</p> <p>42:26 They loaded their donkeys with their grain, and departed from there. 42:27 As one of them opened his sack to give his donkey food in the lodging place, he saw his money. Behold, it was in the mouth of his sack. 42:28 He said to his brothers, “My money is restored! Behold, it is in my sack!” Their hearts failed them, and they turned trembling one to another, saying, “What is this that God has done to us?”</p> <p>42:29 They came to Jacob their father, to the land of Canaan, and told him all that had happened to them, saying, 42:30 “The man, the lord of the</p>
--	--	--

^t **42:24** mengikat **tsrn 2: membelenggu / menggari tsrn 3: memenjarakan**. Makna mengikat di sini tdk semestinya bermakna diikat dgn tali; ia boleh merangkumi *membelenggu*. Perkataan yg sama juga mengandungi makna *memenjarakan*. Semuanya adalah cara untuk menjadikan seseorang menjadi banduan.

^p **42:24** Reuben ialah anak sulung. Syim`on ialah anak kedua. Oleh sebab Reuben menentang tindakan saudara-saudara itu terhadap Yosef, Yosef tdk mahu memenjarakan Reuben. Jadi Syim`on diambil sbg ketua kumpulan yg menjual Yosef. Agaknya adik-beradik itu tdk tahu kenapa Syim`on dipilih utk dipenjarakan.

^h **42:25** **guni hrffh: penyimpan / bekas** Kata berikutnya dlm ayat yg sama dipanggil *guni*, dan oleh itu ia boleh dipanggil *guni* di sini.

^j **42:25** **bayaran perak trjmhn 2: bayaran wang perak trjmhn 3: bayaran kepingan perak trjmhn 4: wang perak trjmhn 5: wang**. Pd zaman itu, orang belum menggunakan syiling. Mereka hanya menggunakan kepingan perak yg tdk tentu bentuknya dan yg ditimbang. Oleh itu ia berfungsi sbg wang tetapi ia bukan wang dlm fahaman moden.

^h **42:28** **Hati mereka menjadi kecut hrffh: Hati mereka keluar**

^h **42:28** **Masing-masing hrffh: Seorang**

^h **42:29** **tiba di bapa mereka Ya`aqob di tanah Kana`an hrffh: tiba kepada bapa mereka Ya`aqob kepada tanah Kana`an**

^p **42:29** Walaupun secara am mereka *melaporkan semua*, mereka tdk melaporkan hal-hal yg lebih menakutkan, spt kenyataan bahawa mereka semua dipenjarakan.

<p>^{42:30} “Lelaki yang menjadi tuan tanah itu bercakap kasar dengan kami dan menuduh kami^h mengintip tanah itu. ^{42:31} Kami berkata kepadanya, ‘Kami jujur. Kami bukan mata-mata. ^{42:32} Kami adalah 12 bersaudara, anak bapa kami; yang seorang sudah tiada dan yang bongsu^h sekarang berada dengan bapa kami di tanah Kana`an.’</p> <p>^{42:33} Lalu lelaki yang adalah tuan tanah itu berkata kepada kami, ‘Melalui ini aku akan tahu bahawa kamu jujur; tinggalkan dengan aku salah seorang saudara kamu dan ambil bijirin untuk kelaparan keluarga kamu dan pergi. ^{42:34} Kemudian bawalah adik bongsu^h kamu kepada ku maka aku akan tahu bahawa kamu bukan mata-mata dan bahawa kamu jujur. Aku akan mengembalikan^h saudara kamu Syim`on malah kamu boleh mengelilingi tanah ini. ^t</p> <p>^{42:35} Sewaktu mereka mengosongkan guni-guni mereka, adui,^h dalam guni mereka ada bayaran perak mereka masing-masing. ^h Apabila mereka dan bapa mereka melihat pundi-pundi perak mereka, mereka takut. ^{42:36} Bapa mereka Ya`aqob berkata kepada mereka, “Kamu membuat aku tanpa anak; Yosef tiada, Syim`on tiada, bahkan kamu mahu mengambil Ben-Yamin. Apa-apapun menentangi aku.”</p> <p>^{42:37} Kata Reuben kepada bapanya, “Kau boleh membunuh kedua-dua anak ku kalau saya</p>	<p>bercakap kasar dengan kami dan menuduh kami dengan mengatakan kami ialah pengintip negara Meşir. ^{42:31} Kami berkata kepadanya, ‘Kami orang jujur. Kami bukan pengintip. ^{42:32} Kami adalah 12 saudara, kami berbapa sekandung; yang seorang sudah tiada dan yang bongsu sekarang berada bersama bapa kami di tanah Kana`an.’</p> <p>^{42:33} Lalu wizurai Meşir itu berkata kepada kami, ‘Aku akan tahu bahawa kamu jujur dengan cara begini; tinggalkan salah seorang saudara kamu dengan aku dan bawa bijirin untuk keluarga kamu yang kelaparan itu dan pulang. ^{42:34} Kemudian bawalah adik bongsu kamu kepada ku maka aku akan tahu bahawa kamu bukan pengintip dan bahawa kamu jujur. Aku akan melepaskan saudara kamu Syim`on malah kamu boleh bebas pergi ke mana-mana sahaja di tanah ini.</p> <p>^{42:35} Sewaktu mereka mengosongkan guni-guni mereka, masing-masing mereka rasa terkejut kerana mereka nampak ada bayaran kepingan perak mereka masing-masing di dalam guni mereka. Apabila mereka bersama bapa mereka melihat pundi-pundi perak itu, mereka pun takut. ^{42:36} Bapa mereka Ya`aqob berkata kepada mereka, “Kamu akan menyebabkan ayah kehilangan semua anak ayah; Sudahlah Yosef tiada, Syim`on pun tiada, sekarang Ben-Yamin pula yang kamu mahu ambil. Semuanya menyiksakan ayah.”</p> <p>^{42:37} Kata Reuben kepada bapanya, “Ayah boleh membunuh kedua-dua anak saya kalau saya tidak</p>	<p>land, spoke roughly with us, and took us for spies of the country. ^{42:31} We said to him, ‘We are honest men. We are no spies. ^{42:32} We are twelve brothers, sons of our father; one is no more, and the youngest is this day with our father in the land of Canaan.’</p> <p>^{42:33} The man, the lord of the land, said to us, ‘By this I will know that you are honest men: leave one of your brothers with me, and take grain for the famine of your houses, and go your way. ^{42:34} Bring your youngest brother to me. Then I will know that you are not spies, but that you are honest men. So I will deliver your brother to you, and you shall trade in the land.’”</p> <p>^{42:35} As they emptied their sacks, behold, each man’s bundle of money was in his sack. When they and their father saw their bundles of money, they were afraid. ^{42:36} Jacob, their father, said to them, “You have bereaved me of my children! Joseph is no more, Simeon is no more, and you want to take Benjamin away. All these things are against me.”</p> <p>^{42:37} Reuben spoke to his father, saying, “Kill my two sons, if I don’t bring him to</p>
---	--	--

^{h 42:30} menuduh kami hrffh: menempatkan kami / meletakkan kami. Mungkin perkataan menempatkan di sini bermakna mengkategorikan atau memperlakukan.

^{h 42:32} yang bongsu hrffh: yang kecil

^{h 42:34} adik bongsu hrffh: saudara kecil

^{h 42:34} mengembalikan hrffh: memberi

^{t 42:34} boleh mengelilingi tanah ini tfsrn 1: boleh mengelilingi tanah ini / bebas pergi ke mana-mana di tanah ini ~tfsrn 2: boleh mengelilingi tanah ini berdagang *

^{h 42:35} adui hrffh: lihat

^{h 42:35} mereka masing-masing hrffh: lelaki

<p>tidak membawa dia kembali kepadamu. Serahkan^h dia ke dalam^h tangan saya^j dan saya akan mengembalikannya kepadamu.”</p> <p>42:38 Tetapi Ya`aqob berkata, “Anak ku Ben-Yamin tidak akan pergi^h dengan kamu sebab saudaranya sudah mati dan dia saja yang tertinggal daripada anak Rahel.^p Kalau ia ditimpa kecelakaan dalam perjalanan yang kamu akan tempuh,^h kamu akan menyebabkan ubanku masuk alam bakaⁱ dengan kehibaan.^{tj}”</p>	<p>mengembalikannya kepada ayah. Serahkan dia kepada saya dan saya akan mengembalikannya kepada ayah.”</p> <p>42:38 Tetapi Ya`aqob berkata, “Ayah tidak akan mengizinkan Ben-Yamin pergi bersama kamu sebab abangnya sudah mati dan dia saja yang tinggal daripada anak Rahel. Kalau ada apa-apa terjadi kepadanya dalam perjalanan kamu, ayah akan menderita dan penderitaan yang kamu berikan itu akan membuat ayah yang sudah tua dan beruban ini mati.</p>	<p>you. Entrust him to my care, and I will bring him to you again.”</p> <p>42:38 He said, “My son shall not go down with you; for his brother is dead, and he only is left. If harm happens to him along the way in which you go, then you will bring down my gray hairs with sorrow to Sheol.”</p>
<p><i>Saudara-Saudara Yosef Pergi Ke Mesir untuk Kali Kedua (43:1 – 45:28)</i></p> <p>Ya`aqob Mengutus Anak-Anaknya ke Mesir Sekali Lagi</p> <p>43:1 Kebuluran itu tetap teruk^h di tanah Kana`an.^{t 43:2} Setelah mereka habis makan bijirin yang mereka bawa dari Mesir, bapa mereka berkata kepada mereka, “Baliklah ke sana untuk membeli sedikit makanan untuk kita.”^j</p> <p>43:3 Yehudah berkata kepadanya, “Lelaki itu memberi amaran tegas kepada kami dengan berkata,</p>	<p><i>Saudara-Saudara Yosef Pergi Ke Mesir untuk Kali Kedua (43:1 – 45:28)</i></p> <p>Ya`aqob Mengutus Anak-Anaknya ke Mesir Sekali Lagi</p> <p>43:1 Kebuluran yang amat teruk itu masih lagi berterusan di tanah Kana`an.^{43:2} Setelah bijirin yang dibawa dari Mesir sudah habis dimakan, bapa mereka Ya`aqob berkata kepada mereka, “Baliklah ke Mesir untuk membeli sedikit bijirin untuk kita.”</p> <p>43:3 Yehudah menjawab kepada bapanya, “Wizurai Mesir itu memberi amaran tegas kepada kami bahawa</p>	<p><i>Saudara Joseph’s Brothers Go to Egypt for the Second Time (43:1 – 45:28)</i></p> <p>Israel Agrees to Send His Sons to Egypt Again</p> <p>43:1 The famine was severe in the land.^{43:2} When they had eaten up the grain which they had brought out of Egypt, their father said to them, “Go again, buy us a little more food.”</p> <p>43:3 Judah spoke to him, saying, “The man solemnly warned us, saying, ‘You shall</p>

^h 42:37 Serahkan **hrfh**: Beri

^h 42:37 ke dalam **hrfh**: ke atas

^j 42:37 Serahkan dia ke dalam tangan saya **trjmh** lain: Saya akan bertanggungjawab atas dia

^h 42:38 pergi **hrfh**: turun

^p 42:38 Drpd dua isteri dan dua gundik Ya`aqob, hanya Rahel saja yg dipilih oleh Ya`aqob sbg isteri dan yang dicintainya. Mungkin itu sebabnya dia bercakap seolah-olah tiada isteri yg lain. Oleh itu, dia lebih menghargai kedua-dua anak Rahel drpd anak yg lain.

^h 42:38 tempuh **hrfh**: jalan

ⁱ 42:38 alam baka **lbrani**: **syool**. **Syeol** adalah tempat orang mati, samada yg baik ataupun yg jahat. **Trjmh** 2: alam maut **Trjmh** 3: alam orang mati **Trjmh** 4: kubur **Trjmh** 5: kematian. Kalau **Trjmh** 5 diikuti, ia mungkin berbunyi begini: kamu akan menyebabkan aku yang beruban ini meninggal dengan kesedihan. / kamu akan menyebabkan aku yang beruban ini mati kesedihan.

^t 42:38 menyebabkan ubanku masuk alam baka dengan kehibaan. ~**tfsrn** 2: menyebabkan kesedihan membawa ubanku masuk ke dalam alam baka. / menyebabkan aku yang beruban ini mati kesedihan * **Tfsrn** 2 membawa fahaman bahawa kesedihan akan menyebabkan kematian Ya`aqob.

^j 42:38 **Trjmh** lain: Aku sudah tua dan rambut ku sudah beruban. Kalau kamu membawa Ben-Yamin dalam perjalanan dan sesuatu yang buruk berlaku kepadanya, ia akan begitu menyedihkan aku sehingga aku akan meninggal dunia.

^h 43:1 teruk **hrfh**: berat

^t 43:1 di tanah **Kana`an** **tfsrn** 2: di kawasan di keliling Mesir

^j 43:1 “Baliklah membeli sedikit makanan untuk kita.” **Trjmh** lain: “Baliklah ke **Mesir untuk** membeli makanan/ bijirin yang secukupnya untuk kita.” Ya`aqob tdk mahu sedikit saja bijirin; dia mahu secukupnya utk ramai orang. Itu hanya cara dia bercakap utk tidak memperbesar-besarkan perkara itu.

‘Kamu tidak akan melihat mukaku kecuali adik kamu bersama kamu.’
43:4 Kalau kau mengutus saudara kami bersama kami, kami akan pergi^h membeli makanan untuk kau. **43:5** Kalau kau tidak mengutusnya, kami tidak akan pergi, sebab lelaki itu berkata kepada kami, ‘Kamu tidak akan melihat mukaku kecuali saudara kamu bersama kamu.’”
43:6 Israel berkata, “Kenapa kamu membuat jahat kepada ku dengan memberitahu lelaki itu **bahawa** ada lagi saudara lain?”
43:7 Mereka menjawab, “Lelaki itu bertanya dengan teliti^j mengenai kami dan keluarga kita dengan berkata, ‘Apakah bapa kamu masih hidup? Apakah kamu ada saudara **lain**?’ Kami memberitahu dia hal-hal yang ditanyainya. ^hMacam mana kami boleh tahu bahawa dia akan berkata, ‘Bawa^h saudara kamu **ke sini**?’”
43:8 Kemudian Yehudah berkata kepada bapanya Israel, “Utus teruna itu bersama saya supaya kami boleh bertolak pergi agar kita boleh hidup dan tidak mati; kami dan juga kau dan juga anak-anak muda kami. **43:9** Saya sendiri akan menjadi penjaminnya. Engkau boleh menuntut **kehilangannya** dari tangan saya kalau saya tidak membawanya **kembali** kepadamu. Saya akan menempatkannya di depan mu. **Kalau tidak**, saya akan bersalah terhadap mu sepanjang masa. ^j**43:10** Kalau dikira betul, ^hsekiranya kami tidak berlengah-lengah, sekarang kami sudah dapat **pergi-balik** dua kali **sudah**.”

kami langsung tidak boleh berjumpa dengannya lagi kalau adik bongsu kami tidak ikut bersama. **43:4** Kalau ayah izinkan adik bongsu kami ikut sama, kami akan pergi membeli bijirin untuk ayah. **43:5** Kalau tidak, kami tidak akan pergi, sebab wizurai itu berkata bahawa kami langsung tidak boleh berjumpa dengannya kalau adik bongsu kami tidak ikut bersama.”

43:6 Israel berkata, “Kenapa kamu menyusahkan ayah dengan memberitahu wizurai Mesir **bahawa** kamu masih ada saudara lain?”

43:7 Mereka menjawab, “Wizurai Mesir bertanya khasnya mengenai kami dan keluarga kami. Katanya, ‘Kamu masih ada bapa lagikah? Kamu ada saudara **lainkah**?’ Kami **hanya** memberitahu dia hal-hal yang ditanyainya. Macam mana **pula** kami tahu **yang** dia akan menyuruh kami membawa adik **bongsu** kami **ke sana**?’”

43:8 Kemudian Yehudah berkata kepada bapanya Israel, “Biarkan teruna itu ikut bersama saya supaya kami boleh bertolak segera agar kita **semua** boleh hidup dan tidak mati; kami, ayah dan anak-anak muda kami juga. **43:9** Saya sendiri akan menjadi penjamin Ben-Yamin. Ayah boleh menuntut **apa-apa** dari saya **atas** **kehilangannya** kalau saya tidak membawanya **kembali** kepada ayah. Saya akan membawanya balik untuk berhadapan dengan ayah **semula**. **Kalau tidak**, sayalah yang akan bersalah terhadap ayah seumur hidup. **43:10** Kalau dikira; kalau ayah tidak melengah-lengahkan kami, sekarang kami sudah dapat **pergi-balik** dua kali

not see my face, unless your brother is with you.’ **43:4** If you’ll send our brother with us, we’ll go down and buy you food, **43:5** but if you’ll not send him, we’ll not go down, for the man said to us, ‘You shall not see my face, unless your brother is with you.’”

43:6 Israel said, “Why did you treat me so badly, telling the man that you had another brother?”

43:7 They said, “The man asked directly concerning ourselves, and concerning our relatives, saying, ‘Is your father still alive? Have you another brother?’ We just answered his questions. Is there any way we could know that he would say, ‘Bring your brother down?’”

43:8 Judah said to Israel, his father, “Send the boy with me, and we’ll get up and go, so that we may live, and not die, both we, and you, and also our little ones. **43:9** I’ll be collateral for him. From my hand will you require him. If I don’t bring him to you, and set him before you, then let me bear the blame forever, **43:10** for if we hadn’t delayed, surely we would have returned a second time by now.”

^h **43:4** *pergi hrhf: turun*. Sama dlm ayat 5.

^j **43:7** *khasnya trjmhn lain: dengan teliti*

^h **43:7** *Kami memberitahu dia hal-hal yang ditanyainya itu. hrhf: Kami memberitahu dia atas mulutnya hal-hal itu. Frasa atas mulutnya di sini adalah kiasan yg bermakna apa yang dia tanya.*

^h **43:7** *bawa hrhf: buat turun / bawa turun*

^j **43:7** *sepanjang masa trjmhn lain: sepanjang umur hrhf: semua hari-hari*

^h **43:10** *Kira; hrhf: Sebab*

<p>43:11 Jadi bapa mereka Israel berkata, “Kalau begitu, buat begini; bawa hasil tanah yang terbaik di dalam guni^h kamu dan bawa^h kepada lelaki itu hadiah; sedikit balsam, sedikit madu, damar tragakan^p dan mur,^p pistasio dan badam.ⁿ 43:12 Bawa dua kali ganda bayaran perak dalam tangan kamu termasuk perak yang dikembalikan dalam mulut guni-guni; kamu harus mengembalikannya.^h Barangkali ia kesilapan.^{43:13} Bawa bersama saudara kamu, bangun^t dan balik kepada lelaki itu.^{43:14} Semoga El-Syaday^t memberi rahmat kepada kamu di hadapan lelaki itu sehingga dia melepaskan saudara kamu yang lain dan Ben-Yamin. Mengenai aku, kalau aku kehilangan anak, aku kehilangan anaklah.^j</p> <p>43:15 Jadi lelaki-lelaki itu membawa hadiah itu dan mereka membawa dalam tangannya dua kali ganda bayaran perak dan membawa Ben-Yamin, dan mereka bangun pergi^h ke Mesir lalu berdiri di hadapan Yosef.^{43:16} Yosef nampak Ben-Yamin bersama mereka dan berkata kepada pengurus rumahnya,^h</p>	<p>lagi.” 43:11 Jadi bapa mereka Israel berkata, “Ya, kalau terpaksa begitu, buatlah begini; bawa hasil tanah yang terbaik di dalam guni kamu untuk diberikan kepada wizurai Mesir itu sebagai hadiah, seperti sedikit balsam, sedikit madu, damar tragakan dan mur, pistasio dan badam.^{43:12} Bawa bersama kamu dua kali ganda bayaran perak, termasuk perak yang dikembalikan dalam mulut guni-guni kamu itu; kamu haruslah membawanya balik dan mengembalikannya. Barangkali ia suatu kesilapan.^{43:13} Bawa bersama adik bongsu kamu dan bertolak segera pergi kepada wizurai Mesir itu.^{43:14} Semoga Allah yang Berdaulat menunjukkan rahmatnya kepada kamu di hadapan wizurai itu sehingga dia membiarkan saudara kamu Syim`on dan Ben-Yamin pulang. Mengenai ayah, kalau ayah terpaksa kehilangan anak, ayah terpaksa menerima hakikatnya. 43:15 Jadi adik-beradik itu pun membawa hadiah tersebut dan juga membawa bersama mereka bayaran perak yang dua kali ganda banyaknya. Ben-Yamin pun ikut serta. Mereka segera bertolak ke Mesir dan akhirnya dapat menghadap Yosef sekali lagi.^{43:16} Apabila Yosef melihat bahawa Ben-Yamin bersama mereka, dia berkata kepada pengurus rumahnya,</p>	<p>43:11 Their father, Israel, said to them, “If it must be so, then do this. Take from the choice fruits of the land in your bags, and carry down a present for the man, a little balm, a little honey, spices and myrrh, nuts, and almonds; ^{43:12} and take double money in your hand, and take back the money that was returned in the mouth of your sacks. Perhaps it was an oversight. ^{43:13} Take your brother also, get up, and return to the man. ^{43:14} May God Almighty give you mercy before the man, that he may release to you your other brother and Benjamin. If I am bereaved of my children, I am bereaved.”</p> <p>43:15 The men took that present, and they took double money in their hand, and Benjamin; and got up, went down to Egypt, and stood before Joseph. ^{43:16} When Joseph saw Benjamin with them, he said to the steward of his house, “Bring the men into the house, and butcher an</p>
---	---	--

^h **43:11** *guni hrffh*: *penyimpan / bekas*. Istilah yg sama digunakan di **42:25**.

^h **43:11** *bawa hrffh*: *buat turun / bawa turun*

^p **43:11** *damar tragatan* (b. Inggeris *tragacanth*) ialah sejenis getah keras dr tumbuhan *Astragalus spp.* yg digunakan sbg ubat utk batuk, cirit-birit, dan kebakaran kulit.

^p **43:11** *Mur* ialah sejenis damar dr sj belukar *Commiphora spp.* yg digunakan utk pewangi dan ubat. Baunya manis tetapi rasanya pahit.

ⁿ **43:11** *pistasio nama saintifik: Pistacia vera* || *batam nama saintifik: Prunus dulcis*. Kedua-duanya adalah makanan istimewa.

^h **43:12** *mengembalikannya hrffh*: *mengembalikannya dalam tangan kamu*

^t **43:13** Perkataan *bangun* sering kali digunakan utk *mendesak membuat* atau *menyuruh membuat dengan segera*.

^t **43:14** *El-Syaday tfsrn 1: Allah yang Berdaulat tfsrn 2: Allah Maha-Kuasa tfsrn 3: Allah Maha-Memadai / Maha-Memberkati*

^j **43:14** *kalau aku kehilangan anak, saya kehilangan anaklah. trjmhn 2: kalau aku kehilangan anak, aku terpaksa menerima hakikat itu. trjmhn 3: kalau aku kehilangan anak, begitulah nasibku. trjmhn 4: kalau aku kehilangan anak, aku tidak berdaya membuat apa-apa. trjmhn 5: kalau aku kehilangan anak, ia tidak boleh dielak.*

^h **43:15** *pergi hrffh*: *turun*

^h **43:16** *pengurus rumahnya hrffh*: *orang yang atas rumahnya*

<p>“Bawa lelaki-lelaki ini ke rumahku dan sembelih ternakan^h dan sediakan jamuan sebab lelaki-lelaki ini akan makan bersamaku tengah hari ini. ^{43:17} Pengurus itu^h pun melakukan seperti yang dikatakan Yosef dan membawa lelaki-lelaki itu ke halaman rumah Yosef.</p> <p>^{43:18} Lelaki-lelaki itu takut sebab mereka dibawa ke rumah Yosef. Mereka berkata, ^t “Ini mengenai hal bayaran perak yang dikembalikan ke dalam guni-guni kita kali pertama kita di sini. Kita dibawa ke sini agar dia dapat memperdayakan kita, ^t menahan kita^h dan mengambil kita sebagai hamba dan juga mengambil keldai-keldai kita. ^{43:19} Mereka menghampiri pengurus rumah Yosef^h dan bercakap dengannya di pintu rumah itu. ^{43:20} Mereka berkata, “Ampun Tuanku, kali pertama kami memang datang^h untuk membeli makanan. ^{43:21} Terjadi bahawa apabila kami datang ke tempat menginap dan membuka guni-guni, lihat, bayaran perak setiap orang berada di mulut guninya, perak dengan beratnya yang sama semasa mereka membayar. Kami ada membawanya balik di tangan kami. ^{43:22} Kami juga ada membawa bersama^h perak yang lain di tangan kami untuk membeli makanan. Kami tidak tahu siapa memasukkan perak kami di dalam guni-guni kami.</p> <p>^{43:23} Dia berkata, “Damai sejahtera kepada kamu! Jangan takut. Allah kamu dan Allah bapa</p>	<p>“Bawa orang ini ke rumahku dan sembelih ternakan dan sediakan jamuan sebab mereka ini akan makan bersamaku tengah hari ini. ^{43:17} Pengurus itu pun menuruti arahan Yosef dan membawa adik-beradik itu ke halaman rumah Yosef.</p> <p>^{43:18} Mereka berasa takut sebab mereka dibawa ke rumah Yosef. Mereka berkata, “Ini mengenai hal bayaran perak yang dikembalikan ke dalam guni-guni kita kali pertama kita ke sini. Kita dibawa ke sini agar dia dapat memperdayakan kita, menahan kita dan mengambil kita sebagai hamba dan juga mengambil keldai kita.” ^{43:19} Mereka menghampiri pengurus rumah Yosef dan bercakap dengannya di pintu rumah itu. ^{43:20} Kata mereka, “Ampun tuanku, kali pertama kami kami ke sini kami memang datang untuk membeli makanan. ^{43:21} Tetapi semasa pulang, apabila kami berhenti di tempat menginap dan membuka guni-guni kami, kami terkejut sekali kerana kami dapati ada bayaran perak setiap orang untuk bijirinnya di mulut guni kami masing-masing dan jumlah peraknya tepat seperti yang dibayar kami masing-masing. Kami ada membawa balik perak itu bersama kami. ^{43:22} Kami membawa bersama kami perak yang lain untuk membeli makanan. Kami tidak tahu siapa yang memasukkan perak kami ke dalam guni-guni kami.</p> <p>^{43:23} Pengurus rumah berkata, “Bawa bertenang! Jangan takut. Saya ada terima bayaran perak kamu itu.</p>	<p>animal, and prepare; for the men will dine with me at noon.” ^{43:17} The man did as Joseph commanded, and the man brought the men to Joseph’s house.</p> <p>^{43:18} The men were afraid, because they were brought to Joseph’s house; and they said, “Because of the money that was returned in our sacks at the first time, we’re brought in; that he may seek occasion against us, attack us, and seize us as slaves, along with our donkeys.” ^{43:19} They came near to the steward of Joseph’s house, and they spoke to him at the door of the house, ^{43:20} and said, “Oh, my lord, we indeed came down the first time to buy food. ^{43:21} When we came to the lodging place, we opened our sacks, and behold, each man’s money was in the mouth of his sack, our money in full weight. We have brought it back in our hand. ^{43:22} We have brought down other money in our hand to buy food. We don’t know who put our money in our sacks.”</p> <p>^{43:23} He said, “Peace be to you. Don’t be afraid. Your God, and the God of your father, has</p>
---	---	---

^h 43:16 *sembelih ternakan hrhf: sembelih sembelihan*. Tdk dikatakan apa jenis ternakan harus disembelih; mungkin ia kambing atau kambing biri-biri (domba).

^h 43:17 *pengurus itu hrhf: lelaki itu*

^t 43:18 *berkata tfsrn lain: fikir*

^t 43:18 *agar dia dapat memperdayakan kita tfsrn lain: agar dia dapat menyerang kita hrhf: agar dia dapat berguling atas kita*

^h 43:18 *menahan kita hrhf: jatuh ke atas kita / menjatuhkan diri atas kita*

^h 43:19 *pengurus rumah Yosef hrhf: lelaki yang atas rumah Yosef*

^h 43:20 *datang hrhf: turun*

^h 43:22 *membawa bersama hrhf: membawa turun / menyebabkan turun*

kamu memberi kepada kamu harta karun di dalam guni-guni kamu itu. Saya ada terima bayaran perak kamu itu.”^h Kemudian dia membawa Syim`on keluar kepada mereka.

43:24 Kemudian lelaki itu membawa lelaki-lelaki itu ke dalam rumah Yosef dan memberi air basuh; lalu mereka mencuci kaki mereka. Dia juga memberi makanan untuk keldai-keldai mereka.

43:25 Mereka menyediakan hadiah untuk kedatangan Yosef pada tengah hari sebab mereka telah mendengar bahawa mereka akan makan makanan^h di situ.

43:26 Apabila Yosef datang ke rumahnya, mereka membawa kepadanya dalam rumah hadiah itu yang di tangan mereka. Seterusnya mereka sujud ke tanah kepadanya.

43:27 Dia tanya tentang kesejahteraan mereka,^p dan dia berkata, “Sejahterakah bapa kamu yang tua yang telah kamu katakan? Adakah dia masih hidup?”

43:28 Mereka berkata, “Sejahterahlah hambamu bapa kami; dia masih hidup.” Lalu mereka membongkokkan badan menunjukkan penghormatan.

43:29 Kemudian dia melayangkan matanya^h dan melihat saudaranya Ben-Yamin, anak ibunya. Katanya, “Inikah saudara kamu yang bongsu^h yang telah kamu katakan kepada ku?” Dia juga berkata, “Semoga Allah berkenan kepada mu, anakku.”^{43:30} Seterusnya Yosef tergesa-gesa keluar sebab rasa sayang^j terhadap adiknya^h

Harta karun diberi kepada kamu di dalam guni-guni kamu oleh Allah kamu yang juga Allah bapa kamu.” Kemudian dia membawa Syim`on keluar dari penjara bertemu dengan mereka.

43:24 Kemudian pengurus rumah membawa adik-beradik itu masuk ke dalam rumah Yosef dan memberi mereka air basuh; lalu mereka mencuci kaki mereka. Dia juga memberi makanan untuk keldai-keldai mereka.

43:25 Mereka menyediakan hadiah-hadiah untuk kedatangan Yosef pada tengah hari sebab mereka diberitahu bahawa mereka akan makan tengah hari di situ.

43:26 Apabila Yosef tiba di rumahnya, saudara-saudaranya mempersembahkan hadiah-hadiah kepadanya yang dibawa bersama mereka ke rumahnya. Seterusnya mereka sujud ke lantai di hadapannya.

43:27 Yosef bertanya tentang kesejahteraan mereka, dan dia bertanya, “Sihatkah bapa kamu yang tua yang telah kamu sebutkan itu? Dia masih hidup, ‘kan?”

43:28 Mereka menjawab, “Hambamu bapa kami masih hidup dan sihat walafiat.” Lalu mereka membongkokkan badan penuh hormat.

43:29 Kemudian Yosef memandang mereka dan melihat saudaranya Ben-Yamin, saudara yang sekandung dengannya. Katanya, “Jadi, inikah adik bongsu yang telah kamu sebutkan kepada ku?” Kemudian dia berkata kepada Ben-Yamin, “Semoga Allah berkenan kepada mu, orang muda.”

43:30 Seterusnya Yosef dilanda rasa sayang terhadap adiknya dan hendak

given you treasure in your sacks. I received your money.” He brought Simeon out to them.

43:24 The man brought the men into Joseph’s house, and gave them water, and they washed their feet. He gave their donkeys fodder.

43:25 They prepared the present for Joseph’s coming at noon, for they heard that they should eat bread there.

43:26 When Joseph came home, they brought him the present which was in their hand into the house, and bowed themselves down to him to the earth. **43:27** He asked them of their welfare, and said, “Is your father well, the old man of whom you spoke? Is he yet alive?”

43:28 They said, “Your servant, our father, is well. He is still alive.” They bowed down humbly.

43:29 He lifted up his eyes, and saw Benjamin, his brother, his mother’s son, and said, “Is this your youngest brother, of whom you spoke to me?” He said, “God be gracious to you, my son.” **43:30** Joseph hurried, for his heart yearned over his brother; and he sought a place to weep. He entered into his

^h 43:23 Saya ada terima bayaran perak kamu. hrfh: Perak kamu telah datang kepada ku.

^h 43:25 makanan hrfh: roti

^p 43:27 Masalah besar Yosef bermula apabila dia pergi melihat kesejahteraan (syalom) saudara-saudaranya (37:14). Sekarang dia bertanya ttg kesejahteraan (syalom) mereka dgn rela.

^h 43:29 melayangkan matanya hrfh: menaikkan matanya / mengangkat matanya

^h 43:29 yang bongsu hrfh: yang kecil

^j 43:30 rasa sayang trjmhn 2: rasa sayang dan rindu

^h 43:30 adiknya hrfh: saudaranya

<p>meluap-luap dan dia hampir mahu menangis.^t Jadi dia masuk ke biliknya dan menangis di situ.</p> <p>43:31 Sesudah itu dia mencuci mukanya dan keluar dan dapat mengawal perasaannya.^j Lalu dia berkata, “Hidangkan makanan.”^h</p> <p>43:32 Mereka menghidangkan dia berasingan dan saudara-saudaranya pun berasingan dan orang-orang Mesir yang makan bersamanya juga makan berasingan. Sebab orang-orang Mesir tidak boleh makan makanan dengan orang Ibrani, kerana ia adalah menjijikkan bagi orang Mesir.^{43:33} Mereka duduk berhadapan dengannya, dari anak sulung menurut hak sulung, dan yang lebih muda mengikut urutan umurnya. Lelaki-lelaki itu saling berpandangan satu sama yang lain sambil terpegun.^{43:34} Dia memberi hidangan istimewa^j dari makanan yang depannya kepada mereka, tetapi hidangan Ben-Yamin lima kali ganda^h besar daripada hidangan mereka semua. Mereka minum bersamanya sehingga menjadi mabuk.^j</p> <p>Yosef Menguji Saudara-Saudaranya</p> <p>44:1 Kemudiannya Yosef^h mengarahkan pengurus rumahnya dengan berkata, “Penuhilah guni-guni lelaki-lelaki ini dengan makanan sebanyak keldai mereka dapat memuatkan, dan letakkan bayaran perak mereka masing-</p>	<p>menangis. Jadi dia terus masuk ke biliknya dan menangis di situ.</p> <p>43:31 Sesudah dia berhenti menangis, dia mencuci mukanya dan keluar dan dapat mengawal perasaannya. Lalu dia menyuruh supaya makanan dihidangkan.</p> <p>43:32 Yosef makan berasingan, saudara-saudaranya pun makan berasingan juga, dan orang-orang Mesir yang makan di situ pun makan berasingan dari mereka sebab orang Mesir tidak boleh makan bersama-sama dengan orang Ibrani sebab bagi mereka, makan dengan bangsa lain adalah menjijikkan.^{43:33} Saudara-saudara itu diberikan tempat duduk di hadapan Yosef mengikut urutan umur, daripada anak sulung sampailah yang bongsu. Mereka terpegun dan saling berpandangan sebab mereka tidak tahu bagaimana dia dapat menyusun mereka begitu.^{43:34} Ketika hidangan istimewa yang Yosef pilih dari mejanya dihidangkan kepada mereka, hidangan Ben-Yamin lima kali ganda besar daripada hidangan saudara-saudaranya yang lain. Jadi mereka berpesta dan minum bersama Yosef sehingga suasana pun meriah.</p> <p>Yosef Menguji Saudara-Saudaranya</p> <p>44:1 Kemudiannya Yosef mengarahkan pengurus rumahnya begini, “Penuhilah guni-guni mereka dengan bijirin sebanyak muatan keldainya, dan letakkan bayaran perak mereka masing-masing di mulut guninya.^{44:2} Ambil piala perakku dan</p>	<p>room, and wept there.</p> <p>43:31 He washed his face, and came out. He controlled himself, and said, “Serve the meal.”</p> <p>43:32 They served him by himself, and them by themselves, and the Egyptians, that ate with him, by themselves, because the Egyptians don’t eat bread with the Hebrews, for that is an abomination to the Egyptians.^{43:33} They sat before him, the firstborn according to his birthright, and the youngest according to his youth, and the men marveled one with another.^{43:34} He sent portions to them from before him, but Benjamin’s portion was five times as much as any of theirs. They drank, and were merry with him.</p> <p>Joseph Tests His Brothers</p> <p>44:1 He commanded the steward of his house, saying, “Fill the men’s sacks with food, as much as they can carry, and put each man’s money in his sack’s mouth.^{44:2} Put my cup, the silver cup, in the sack’s</p>
---	---	---

^t 43:30 dia hendak menangis sudah. tfsrn lain: dia mencari tempat untuk menangis.

^j 43:31 dapat/ berjaya mengawal perasaannya trjmhn 2: dapat/berjaya menyembunyikan perasaannya hrffh: dapat/berjaya mengawal dirinya

^h 43:31 “Hidangkan makanan.” hrffh: “Kamu letakkan roti.” Suruhan ini diberi kpd lebih drpd satu orang bermakna ada beberapa orang yg menyediakan dan menghidangkan makanan.

^j 43:34 hidangan istimewa trjmhn 2: hidangan tambahan trjmhn 3: makanan istimewa. Ini bukan makanan utama (roti), tetapi makanan tambahan yg istimewa, spt daging, kuih-muih, gajus, dsb.

^h 43:34 lima kali ganda hrffh: lima tangan

^j 43:34 mabuk trjmhn 2: senang hati. Dlm konteks ini, keadaan mereka dianggap baik dan bukan sesuatu yg negatif. Agaknya mereka tdk mabuk betul, hanya ke peringkat senang hati.

^h 44:1 Yosef hrffh: Dia

^h 44:1 pengurus rumahnya hrffh: orang yang atas rumahnya. Sama dlm ayat 4.

<p>masing di mulut guninya. ^{44:2} Pialaku – piala perak, letakkan di mulut guni yang bongsu^h bersama bayaran perak untuk bijirannya. Dia pun melaksanakan sesuai dengan arahan^h yang Yosef ucapkan.</p> <p>^{44:3} Pada subuh esoknya mereka dan keldai^h mereka ditolong berangkat.^h ^{44:4} Mereka keluar dari kota dan belum^h pergi jauh apabila Yosef berkata kepada pengurus rumahnya, “Bangun, kejar lelaki-lelaki itu sampai kedapatan. Kemudian katakan kepada mereka, ‘Kenapa kamu membalas kejahatan kepada kebaikan?’ ^{44:5} Bukankah piala itu^h apa yang tuanku minum darinya? Apatah lagi, dia menenung dengannya. Yang kamu lakukan itu jahat.’”</p> <p>^{44:6} Setelah dia dapat mengejar mereka dia mengucapkan kata-kata itu kepada mereka. ^{44:7} Tetapi mereka berkata kepada dia, “Kenapa tuanku berkata dengan kata-kata demikian? Tidak mungkin hamba-hambamu berbuat seperti kata-kata ini. ^{44:8} Ingat,^h bayaran perak yang kami temui di mulut guni-guni kami, kami cuba mengembalikan kepada mu dari tanah Kana`an! Mana mungkin kami mencuri dari rumah tuanmu perak atau emas? ^{44:9} Yang mana piala itu ditemui dengannya daripada hamba-hambamu ini, biar dia dibunuh manakala kami yang lain^h menjadi hamba-hamba Tuanku.</p> <p>^{44:10} Dia juga berkata, “Baiklah,^h biarkan ia dilakukan menurut kata-</p>	<p>letakkannya di mulut guni adik bongsu bersama bayaran peraknya untuk bijirin. Dia pun melaksanakan arahan Yosef.</p> <p>^{44:3} Pada subuh esoknya, ada orang menolong mereka memuatkan keldai mereka untuk berangkat. ^{44:4} Mereka keluar dari kota dan belum berjalan jauh apabila Yosef berkata kepada pengurus rumahnya, “Cepat, kejar saudara-saudara itu sampai kedapatan. Kemudian katakan kepada mereka, ‘Kenapa perbuatan baik dibalas dengan jahat?’ ^{44:5} Bukankah tuan aku minum dengan menggunakan piala yang hilang itu? Apatah lagi dia juga menggunakannya untuk membuat penenungan. Tindakan kamu ini memang jahat.’”</p> <p>^{44:6} Setelah dia dapat mengejar mereka dia mengucapkan kata-kata itu kepada mereka. ^{44:7} Tetapi mereka berkata kepada dia, “Kenapa tuanku melemparkan tuduhan yang sedemikian? Tidak mungkin hamba-hambamu ini berbuat seperti tuduhan itu. ^{44:8} Ingat, sejauh dari tanah Kana`an pun kami cuba mengembalikan kepada mu bayaran perak yang kami temui di mulut guni-guni kami! Mana mungkin kami mencuri perak atau emas dari rumah tuanmu? ^{44:9} Kalau piala itu ditemui pada sesiapa di antara hamba-hambamu ini, biar dia dibunuh manakala kami yang lain menjadi hamba-hamba tuanku.</p> <p>^{44:10} Pengurus Yosef menjawab, “Baiklah, biarkan ia dilakukan</p>	<p>mouth of the youngest, with his grain money.” He did according to the word that Joseph had spoken.</p> <p>^{44:3} As soon as the morning was light, the men were sent away, they and their donkeys. ^{44:4} When they had gone out of the city, and were not yet far off, Joseph said to his steward, “Up, follow after the men. When you overtake them, ask them, ‘Why have you rewarded evil for good?’ ^{44:5} Isn’t this that from which my lord drinks, and by which he indeed divines? You have done evil in so doing.’”</p> <p>^{44:6} He overtook them, and he spoke these words to them. ^{44:7} They said to him, “Why does my lord speak such words as these? Far be it from your servants that they should do such a thing! ^{44:8} Behold, the money, which we found in our sacks’ mouths, we brought again to you out of the land of Canaan. How then should we steal silver or gold out of your lord’s house? ^{44:9} With whomever of your servants it is found, let him die, and we also will be my lord’s slaves.”</p> <p>^{44:10} He said, “Now also let it be according to your words: he</p>
---	---	--

^h 44:2 *yang bongsu hrffh: yang kecil*

^h 44:2 *arahan hrffh: kata*

^h 44:3 *keldai hrffh: keldai jantan. Dlm b. Ibrani ada satu perkataan yg bermakna keldai jantan.*

^h 44:3 *ditolong berangkat hrffh: dikirim / diutus*

^h 44:4 *belum hrffh: tidak*

^h 44:5 *itu hrffh: ini*

^h 44:8 *Ingat hrffh: Lihat*

^h 44:9 *yang lain hrffh: juga*

^h 44:10 *Baiklah hrffh: Juga sekarang*

kata kamu, kecuali, yang mana **piala** itu ditemui dengannya, dia akan menjadi hamba kepada ku manakala kamu **yang lain** akan **dianggap** tidak bersalah.

44:11 Mereka masing-masing segera menurunkan guninya ke tanah lalu mereka masing-masing membuka guninya. **44:12** Kemudian dia memeriksanya bermula dengan yang sulung^h dan berakhir dengan yang bongsu.^h Piala itu ditemui di guni Ben-Yamin. **44:13** Mereka mengoyakkan pakaian mereka. Kemudian setiap orang menaikkan **guninya sendiri pada** keldainya lalu mereka balik ke kota itu.

44:14 Yehuda dan saudara-saudaranya datang ke rumah Yosef dan dia masih berada di situ. Mereka terus sujud^h ke tanah di hadapannya. **44:15** Yosef berkata kepada mereka, “Perbuatan apa yang telah kamu buat ini? Tidakkah kamu tahu bahawa seorang seperti aku **ini** memang pandai menenung? **44:16** Yehudah berkata, “Apa **yang** boleh kami katakan kepada Tuanku? **Ya**, apa **yang** boleh dikatakan? Bagaimana kami boleh membuktikan kebenaran **diri** kami? Allah sudah menjumpai kesalahan hamba-hambamu **ini**. Sekarang^h kami hamba-hamba tuanku, kami dan juga **dia** yang piala itu ditemui pada tangannya.

44:17 Dia berkata, “Tidak mungkin bagi aku untuk membuat begitu.^h Orang di mana piala itu ditemui dalam tangannya; dialah

menurut kata-kata kamu, kecuali kalau **piala** itu ditemui pada sesiapa, orang itu akan menjadi hambaku manakala kamu **yang lain** akan **dianggap** tidak bersalah.

44:11 Mereka masing-masing segera menurunkan guninya ke tanah lalu membukanya. **44:12** Kemudian pengurus Yosef memeriksa **guni mereka masing-masing**, bermula dengan anak sulung dan berakhir dengan anak bongsu. Piala itu ditemui di guni **anak bongsu, iaitu** Ben-Yamin. **44:13** Semua adik-beradik itu mengoyakkan pakaian **mereka** sendiri **sebab mereka terlalu susah hati**. Kemudian setiap orang menaikkan **kembali guni masing-masing di atas keldainya** lalu mereka balik ke kota itu.

44:14 Adik-beradik itu datang ke rumah Yosef **dengan** dipimpin oleh Yehuda. Mereka terus sujud ke tanah di hadapan Yosef yang masih berada di situ. **44:15** Yosef bertanya, “Kamu fikir apa yang boleh kamu buat? Tidakkah kamu tahu bahawa seorang seperti aku **ini dapat mengetahui apa saja melalui penenunganku?** **44:16** Yehudah menjawab, “Apa yang dapat kami jawab kepada tuanku? Apa yang boleh kami katakan? Bagaimana kami boleh membela diri? Allah sudah membongkar kesalahan hamba-hambamu ini. Sekarang kami hamba-hamba **ialah** tuanku, kami dan juga dia yang piala itu ditemui dalam guninya.

44:17 Yosef menjawab, “Tidak mungkin aku berbuat demikian. Aku hanya akan memperhambakan orang yang piala itu ditemui dalam guninya.

with whom it is found will be my slave; and you will be blameless.”

44:11 Then they hurried, and each man took his sack down to the ground, and each man opened his sack. **44:12** He searched, beginning with the eldest, and ending at the youngest. The cup was found in Benjamin’s sack. **44:13** Then they tore their clothes, and each man loaded his donkey, and returned to the city.

44:14 Judah and his brothers came to Joseph’s house, and he was still there. They fell on the ground before him. **44:15** Joseph said to them, “What deed is this that you have done? Don’t you know that such a man as I can indeed divine?”

44:16 Judah said, “What will we tell my lord? What will we speak? Or how will we clear ourselves? God has found out the iniquity of your servants. Behold, we are my lord’s slaves, both we, and he also in whose hand the cup is found.”

44:17 He said, “Far be it from me that I should do so. The man in whose hand the cup is found, he will be my slave; but as for

^h **44:12** *sulung hrffh: besar*

^h **44:12** *bongsu hrffh: kecil*

^h **44:14** *terus sujud hrffh: jatuh*

^h **44:16** *Sekarang hrffh: Lihat*

^h **44:17** *begitu hrffh: itu*

yang akan menjadi hamba kepada ku, dan kamu pulanglah^h dengan sejahtera kepada bapa kamu.”

44:18 Kemudian Yehudah mendekatinya dan berkata, “Ampun Tuanku, bolehkah hambamu bercakap sepatah^h di telinga Tuanku?^t Janganlah marah^h dengan hambamu sebab tuanku seperti Firaun.

44:19 Tuanku pernah menanyai hamba-hambanya **ini** dengan berkata, ‘Kamu ada bapa atau saudara **lain**?’^j **44:20** dan kami berkata kepada Tuanku, ‘Kami ada bapa **yang** tua dan anak usia lanjutnya **yang** bongsu,^h dan abangnya^h **seibu** meninggal; dia seorang yang tertinggal bagi ibunya. Oleh itu bapanya menyayanginya.’ **44:21** Anda berkata kepada hamba-hambamu **ini**, ‘Bawa dia kepada aku^h agar saya dapat melihatnya.’^h **44:22** Kami berkata kepada Tuanku, ‘Pemuda^h itu tidak boleh meninggalkan bapanya. Kalau dia meninggalkan bapanya dia akan mati.’ **44:23** Anda berkata kepada hamba-hambamu **ini**, ‘Kalau adik bongsu^h kamu tidak datang kamu tidak akan melihat kembali mukaku.’

44:24 Oleh itu apabila kami pulang kepada hambamu bapaku,

Kamu **yang lain** pulanglah kepada bapa kamu dengan sejahtera.”

44:18 Kemudian Yehudah mendekati Yosef dan berkata, “Ampun tuanku, bolehkah hambamu berbincang secara peribadi dengan tuanku? **Mohon tuanku** janganlah marah dengan hambamu **ini** sebab **hamba tahu** tuanku **berkuasa** sama seperti Firaun **untuk menghukum ataupun untuk melepaskan**.

44:19 Tuanku pernah menanyai hamba-hambamu ini samada kami ada bapa atau saudara **lain**^{44:20} dan kami menjawab bahawa kami ada **seorang** bapa yang tua dan anak bongsunya **dilahirkan sewaktu** dia lanjut usia. Abang **sekandungnya** sudah meninggal; tinggal dia seorang saja anak yang tertinggal bagi ibunya. Oleh itu bapanya **sangat menyayanginya**.^{44:21} Tuanku mengarahkan hamba-hambamu **ini**, supaya membawanya kepada tuanku agar tuan dapat melihatnya.’ **44:22** Kami menjawab bahawa pemuda itu tidak boleh meninggalkan bapanya. Bapanya akan mati jika dia meninggalkannya.^{44:23} Tuanku **juga** berkata kepada hamba-hambamu, jika sekiranya adik bongsu kami tidak ikut serta, kami tidak akan diizinkan menghadap tuanku kembali.’

44:24 Oleh itu apabila kami pulang kepada hambamu bapa kami, kami

you, go up in peace to your father.”

44:18 Then Judah came near to him, and said, “Oh, my lord, please let your servant speak a word in my lord’s ears, and don’t let your anger burn against your servant; for you are even as Pharaoh.

44:19 My lord asked his servants, saying, ‘Have you a father, or a brother?’ **44:20** We said to my lord, ‘We have a father, an old man, and a child of his old age, a little one; and his brother is dead, and he alone is left of his mother; and his father loves him.’ **44:21** You said to your servants, ‘Bring him down to me, that I may set my eyes on him.’ **44:22** We said to my lord, ‘The boy can’t leave his father: for if he should leave his father, his father would die.’ **44:23** You said to your servants, ‘Unless your youngest brother comes down with you, you will see my face no more.’

44:24 When we came up to your servant my father, we told

^h 44:17 *pulanglah hrffh: naiklah*

^h 44:18 *sepatah hrffh: kata / perkataan*

^t 44:18 *bolehkah hambamu bercakap sepatah di telinga tuanku? tfsrn 1: bolehkah hambamu membuat rayuan? tfsrn 2: bolehkah hambamu bercakap terus-terang? tfsrn 3: bolehkah hambamu mengatakan sesuatu lagi? tfsrn 4: bolehkah hambamu bercakap secara peribadi dengan Tuanku?*

^h 44:18 *marah hrffh: hidung membakar*

^j 44:19 *Kamu ada bapa atau saudara lain? trjmh lain: Kamu ada bapa atau saudara yang tertinggal di tanah Kana'an?*

^h 44:20 *yang bongsu hrffh: yang kecil tfsrn lain: yang muda*

^h 44:20 *abangnya hrffh: saudaranya*

^h 44:21 *Bawa dia kepada aku hrffh: Bawa dia turun kepada aku / Buat dia turun kepada aku*

^h 44:21 *agar saya dapat melihatnya. hrffh: dan aku akan menaruh/meletakkan mataku atas dia.*

^h 44:22 *pemuda hrffh: budak. Ben-Yamin ini sudah berkahwin dan beranak, tetapi dianggap muda oleh abang-abangnya sebab dia anak bongsu.*

^h 44:23 *adik bongsu hrffh: saudara kecil*

kami ada melaporkan kepadanya kata-kata Tuanku. ^{44:25} Kemudian bapa kami mengarahkan kami, 'Balik membeli sedikit makanan untuk kita.' ^{44:26} Kami berkata, 'Kami tidak boleh pergi. ^h Kalau adik bongsu ^h bersama kami, kami akan pergi juga, sebab kami tidak boleh melihat muka lelaki itu kalau adik bongsu tidak bersama kami.' ^{44:27} Hambamu bapa kami berkata kepada kami, 'Kamu tahu bahawa isteri ku ^p melahirkan dua anak bagi ku. ^{44:28} Yang satu keluar dari bersama ku. Aku berkata, "Tentu dia dicabik-cabik," ⁱ dan aku tidak melihatnya sejak itu lagi. ^{44:29} Kalau kamu mengambil juga yang ini dari bersama ku, ^h dan ia ditimpa kecelakaan dalam perjalanan yang kamu akan jalan, kamu akan menyebabkan ubanku masuk alam baka ⁱ dengan jahat.' ^j

^{44:30} Jadi sekarang apabila saya pulang ke hambamu bapaku dan pemuda itu tiada bersama kami – **maklum** nyawanya terjalin dengannya ^j – ^{44:31} dia akan melihat bahawa pemuda itu tiada, lalu dia akan mati. **Bermakna** hamba-hambamu akan menyebabkan uban hambamu bapa kami turun ke alam baka dengan kehibaan. ^p ^{44:32} Lagipun hambamu **ini** telah

melaporkan kata-kata tuanku kepadanya. ^{44:25} Selepas beberapa lama waktunya, bapa kami mengarahkan kami, supaya baliklah **ke Mesir untuk** membeli sedikit makanan. ^{44:26} Kami mengatakan kepadanya bahawa kami tidak akan pergi kecuali kami **membawa** adik bongsu bersama kami, sebab tanpa dia kami tidak boleh menghadapi wizurai. Kami akan pergi juga kalau dia ikut serta. ^{44:27} Hambamu bapa kami berkata kepada kami, 'Kamu tahu **'kan** bahawa isteri ayah, **Rahel, hanya** melahirkan dua orang anak bagi ayah. ^{44:28} Yang seorang keluar rumah dan tidak pernah balik. Hati ayah berkata, "Tentu dia sudah dicabik-cabik **binatang buas,**" dan sejak itu ayah tidak melihatnya lagi. ^{44:29} Kalau kamu membawa yang seorang ini daripada ayah juga, dan **sekiranya** dia ditimpa kecelakaan dalam perjalanan kamu, kamu akan menyebabkan ayah mati **akibat** kesedihan memandangkan ayah memang sudah tua.'

^{44:30} Nyawa hambamu bapa kami terjalin erat sekali dengan pemuda itu **sehingga dia tidak dapat hidup tanpanya**. Jadi apabila hamba pulang tanpa pemuda itu, ^{44:31} dan **jika** bapa kami mendapati bahawa dia tidak bersama, maka dia benar-benar akan mati. **Bermakna** hamba-hambamu akan menyebabkan hambamu bapa kami yang memang sudah tua mati akibat kesedihan. ^{44:32} Lagipun

him the words of my lord. ^{44:25} Our father said, 'Go again, buy us a little food.' ^{44:26} We said, 'We can't go down. If our youngest brother is with us, then we will go down: for we may not see the man's face, unless our youngest brother is with us.' ^{44:27} Your servant, my father, said to us, 'You know that my wife bore me two sons: ^{44:28} and the one went out from me, and I said, "Surely he is torn in pieces"; and I haven't seen him since. ^{44:29} If you take this one also from me, and harm happens to him, you will bring down my gray hairs with sorrow to Sheol.'

^{44:30} Now therefore when I come to your servant my father, and the boy is not with us; since his life is bound up in the boy's life; ^{44:31} it will happen, when he sees that the boy is no more, that he will die. Your servants will bring down the gray hairs of your servant, our father, with sorrow to Sheol. [†] ^{44:32} For your servant became collateral for

^h ^{44:26} **pergi hrhf:** turun. Sama kali kedua.

^h ^{44:26} **adik bongsu hrhf:** saudara kecil. Sama kali kedua.

^p ^{44:27} Drpd dua isteri dan dua gundik Ya`aqob, hanya Rahel saja yg dipilihnya sbg isteri dan dicintainya. Mungkin sebab itulah dia bercakap seolah-olah tiada isteri yg lain. Oleh itu, dia lebih menghargai kedua-dua anak Rahel drpd anak yg lain.

ⁱ ^{44:28} **dicabik-cabik** Istilah **b. Ibrani** ini merujuk khas kpd cara binatang buas mencabik-cabik mangsanya.

^h ^{44:29} **bersama ku hrhf:** bersama muka ku

ⁱ ^{44:29} **alam baka Ibrani: syeol.** Istilah ini adalah tempat orang mati, samada yg baik ataupun yg jahat. **trjmh 2:** alam maut **trjmh 3:** alam orang mati **trjmh 4:** kubur **trjmh 5:** kematian. Kalau Trjmh 5 diikuti, ia mungkin berbunyi begini: *kamu akan menyebabkan aku yang beruban ini meninggal dengan kehibaan. / kamu akan menyebabkan aku yang beruban ini mati kehibaan.* Bandingkan dgn 42:38. Sama dlm ayat 31.

^j ^{44:29} **jahat trjmh lain:** musibat / penderitaan / dukacita. Perkataan **b. Ibrani** ini yg bermakna **jahat / kejahatan**, luas maknanya dan boleh merangkumi makna istilah **kehibaan** yg digunakan di 42:38 & 44:31.

^j ^{44:30} **nyawanya terjalin dengannya trjmh 2:** nyawanya bergantung kepadanya **trjmh 3:** nyawanya begitu terjalin dengannya **sehingga nyawanya bergantung kepadanya**

^p ^{44:31} Walaupun boleh dikatakan bahawa wizurai itu (iaitu Yosef) akan bertanggungjawab atas kematian bapa mereka, Yehudah menyebutnya seolah-olah mereka adik-beradiklah yg akan bertanggungjawab supaya dia tdk melemparkan tuduhan kpd wizurai.

menjadi penjamin pemuda itu dengan bapaku dengan berkata, ‘Kalau saya tidak membawanya **balik** kepadamu, saya akan bertanggungjawab kepada bapaku sepanjang masa.’^j

^{44:33} Jadi tolong biarkan hambamu **ini** tinggal **di sini** sebagai pengganti pemuda itu **menjadi** hamba tuanku, manakala pemuda itu pulang^h dengan saudara-saudaranya.^{44:34} Sebab macam mana saya boleh pulang kepada bapaku sedangkan pemuda itu tidak bersama saya? Saya tidak mahu melihat^h kejahatan yang akan menemui bapaku.”

Yosef Membongkar Identitinya

^{45:1} Pada ketika itu Yosef tidak dapat mengawal diri **lagi** mengenai semua yang berdiri di hadapannya. Jadi dia berseru, “Semua orang keluar dari bersamaku.” Oleh itu tiada seorang **pun** berdiri dengannya^t ketika Yosef memberitahu siapa dirinya kepada saudara-saudaranya.^{45:2} Kemudian dia menangis kuat-kuat.^h Orang-orang Mesir mendengarnya^t dan **orang dalam** rumah Firaun **pun** mendengar **mengenainya**.^t

^{45:3} Seterusnya Yosef berkata kepada saudara-saudaranya, “Akulah Yosef! Apakah bapaku masih hidup? Saudara-saudaranya

hambamu **ini** telah menjadi penjamin pemuda itu pada bapa hamba dengan berkata, jika dia tidak dibawa balik, hambalah yang akan bertanggungjawab seumur hidup kepada bapa.

^{44:33} Disebabkan semua itu, hambamu **ini** minta izin biarlah **hamba saja yang** ditahan **di sini sebagai** hamba tuanku sebagai pengganti pemuda itu, manakala dia **dibenarkan** pulang **ke** rumah dengan abang-abangnya.^{44:34} Jika tidak, bagaimana hamba boleh pulang menghadap bapa hamba kalau pemuda itu tidak dibawa bersama? Hamba tidak sampai hati mahu melihat kesedihan yang bakal menimpa bapa hamba **itu**.”

Yosef Membongkar Identitinya

^{45:1} Pada ketika itu Yosef tidak dapat mengawal emosinya **lagi** di depan semua pelayannya. Jadi dia menyuruh mereka semua keluar dari situ. Oleh itu tiada seorang **pun** pelayan berada **di dalam** bersamanya ketika dia membongkar rahsianya kepada adik-beradiknya **tentang** siapa **sebenarnya** dia.^{45:2} Kemudian dia menangis kuat sekali sehingga orang-orang Mesir **di luar yang disuruh keluar tadi** mendengarnya, dan **berita itu sampai kepada orang** di istana Firaun **juga**.

^{45:3} Sesudah **dia selesai menangis** Yosef berkata kepada adik-beradiknya, “Akulah Yosef! Betulkah bapaku masih hidup? Mereka

the boy to my father, saying, ‘If I don’t bring him to you, then I will bear the blame to my father forever.’

^{44:33} Now therefore, please let your servant stay instead of the boy, my lord’s slave; and let the boy go up with his brothers.

^{44:34} For how will I go up to my father, if the boy isn’t with me?—lest I see the evil that will come on my father.”

Joseph Reveals His Identity

^{45:1} Then Joseph couldn’t control himself before all those who stood before him, and he cried, “Cause everyone to go out from me!” No one else stood with him, while Joseph made himself known to his brothers.^{45:2} He wept aloud. The Egyptians heard, and the house of Pharaoh heard.

^{45:3} Joseph said to his brothers, “I am Joseph! Does my father still live?” His brothers couldn’t answer

^j ^{44:32} *sepanjang masa* trjmh lain: *sepanjang umur* hrfh: *semua hari-hari*

^h ^{44:33} *pulang* hrfh: *naik*. Sama dlm ayat 34.

^h ^{44:34} *Saya tidak mahu melihat* hrfh: *Agar saya tidak melihat*

^t ^{45:1} *tiada seorang pun berdiri dengannya* tfsrn: *tiada seorang pun kakitangannya / pelayannya / pembantunya berdiri dengannya.*

Orang yg dimaksudkan di sini ialah orang Mesir yg di bawah naungan Yosef.

^h ^{45:2} *Dia menangis kuat-kuat.* hrfh: *Dia memberi suaranya dalam menangis.*

^t ^{45:2} *Orang-orang Mesir mendengarnya* tfsrn lain: *Orang-orang Mesir mendengar mengenainya.* Tsrn 1 bermakna orang yg berada berdekatan mendengar suara Yosef menangis. Kemungkinan besar yg mendengarnya ialah orang yg dikeluarkannya tadi dr ruang itu. Tfrsn 2 bermakna cerita ttg tangisan Yosef disebar luas.

^t ^{45:2} *orang dalam rumah Firaun mendengar mengenainya* tfsrn lain: *orang dalam rumah Firaun mendengarnya.* Tsrn 1 bermakna cerita ttg tangisan Yosef diceritakan kpd orang di istana Firaun. Tfrsn 2 bermakna istana Firaun berdekatan dgn rumah Yosef dan mereka mendengar suara Yosef menangis.

<p>tidak dapat memberi jawapan kepadanya sebab mereka terpegun^j di hadapannya.</p> <p>^{45:4} Jadi Yosef berkata kepada saudara-saudaranya, “Mari mendekati aku.” Mereka pun mendekatinya dan dia berkata, “Akulah Yosef saudara kamu yang telah kamu jual^h untuk dibawa ke Mesir. ^{45:5} Tetapi jangan gemas atau jengkel terhadap diri sendiri^j sekarang sebab kamu menjual aku ke sini sebab Allah mengutus aku mendahului kamu untuk mengekalkan kehidupan. ^{45:6} Sebab sekarang ini baru ada dua tahun kebuluran di tanah ini. ^t Masih ada lima tahun lagi di mana tiada membajak atau menuai. ^{45:7} Allah mengutus aku mendahului kamu untuk menjadikan kamu saki-baki^t di tanah ini dan mengekalkan kehidupan kamu dengan penyelamatan besar. ^t ^{45:8} Kesimpulannya, ^j bukan kamu yang mengutus aku ke sini melainkan Allah. Dia pun menjadikan aku bapa kepada Firaun^t dan tuan seluruh istananya^t bahkan ketua atas seluruh tanah Mesir.</p> <p>^{45:9} Jadi pergi^h cepat-cepat kepada bapaku. Katakan^j kepadanya begini, ‘Anakmu Yosef berkata, “Allah telah menjadikan saya tuan seluruh Mesir. Datanglah^h kepada saya tanpa berlengah-</p>	<p>tercengang menyedari bahawa mereka menghadapi Yosef sehingga mereka tidak dapat menjawab apa-apa.</p> <p>^{45:4} Jadi Yosef berkata kepada adik-beradiknya, “Marilah dekat sini.” Mereka pun mendekatinya dan dia berkata, “Akulah Yosef saudara kamu yang telah kamu jual untuk dibawa ke Mesir. ^{45:5} Tetapi janganlah berasa kesal atau jengkel terhadap diri kamu sekarang kerana menjual aku ke sini. Sebenarnya Allahlah yang mengutus aku mendahului kamu untuk menyelamatkan kita dan orang lain. ^{45:6} Sekarang ini baru dua tahun kebuluran di bumi. Masih ada lima tahun lagi di mana orang tidak akan dapat membuat pembajakan atau penuaian. ^{45:7} Allah mengutus aku mendahului kamu untuk menjadikan kamu saki-baki di bumi dan mengekalkan kehidupan kamu bersama dengan ramai lagi yang diselamatkan. ^{45:8} Kesimpulannya, bukan kamu yang mengutus aku ke sini melainkan Allah. ^{45:9} Dia pun menjadikan aku konsulat dan penasihat terutama bagi Firaun dan ketua istananya bahkan ketua atas seluruh negara Mesir.</p> <p>^{45:9} Jadi bergegaslah pulang kepada bapa. Katakan kepadanya begini, ‘Anak ayah Yosef berkata, “Allah telah menjadikan saya ketua seluruh Mesir. Datanglah kepada saya dengan</p>	<p>him; for they were terrified at his presence.</p> <p>^{45:4} Joseph said to his brothers, “Come near to me, please.”</p> <p>They came near. “He said, I am Joseph, your brother, whom you sold into Egypt. ^{45:5} Now don’t be grieved, nor angry with yourselves, that you sold me here, for God sent me before you to preserve life. ^{45:6} For these two years the famine has been in the land, and there are yet five years, in which there will be neither plowing nor harvest. ^{45:7} God sent me before you to preserve for you a remnant in the earth, and to save you alive by a great deliverance. ^{45:8} So now it wasn’t you who sent me here, but God, and he has made me a father to Pharaoh, lord of all his house, and ruler over all the land of Egypt.</p> <p>^{45:9} Hurry, and go up to my father, and tell him, ‘This is what your son Joseph says, “God has made me lord of all Egypt. Come down to me.</p>
---	---	--

^j ^{45:4} terpegun trjmhn lain: tercengang

^h ^{45:4} yang telah kamu jual hrffh: yang telah kamu jual aku

^j ^{45:5} jengkel terhadap diri sendiri trjmhn 2: marah terhadap diri sendiri trjmhn 3: menyalahkan diri sendiri trjmhn 4: menyesali diri sendiri hrffh: pedih dalam mata kamu. Kiasan yg sama digunakan di 31:35.

^j ^{45:5} untuk mengekalkan hidup/kehidupan trjmhn 2: untuk mengekalkan hidup/kehidupan orang trjmhn 3: untuk mengekalkan kehidupan kita dan orang lain ~tfsrn lain: untuk mengekalkan hidup kita

^t ^{45:6} tanah ini tfsrn 1: tanah Mesir dan negara-negara di sekelilingnya tfsrn 2: tanah Mesir tfsrn 3: bumi. Secara harfiah tfsrn 3 tdk tepat, tetapi dr pandangan mereka mungkin kawasan mereka adalah seluruh bumi yg penting. Sama dlm ayat 7.

^t ^{45:7} untuk menjadikan kamu saki-baki ~tfsrn 2: untuk menjadikan anak kamu saki-baki / untuk memastikan anak kamu terselamat *

^t ^{45:7} dengan penyelamatan besar tfsrn 1: dengan ramai yang diselamatkan tfsrn 2: dengan penyelamatan yang hebat tfsrn 3: agar menjadi negara besar

^j ^{45:8} Kesimpulannya trjmhn lain: Sebenarnya hrffh: Dan sekarang

^t ^{45:8} bapa kepada Firaun tfsrn: konsul/penasihat terutama Firaun

^t ^{45:8} seluruh istananya tfsrn 1: seluruh istananya termasuk orangnya tfsrn 2: semua bangunan istananya hrffh: seluruh rumahnya

^h ^{45:9} pergi hrffh: naik / kamu naik

^j ^{45:9} Katakan trjmhn lain: Kamu katakan

^h ^{45:9} Datanglah hrffh: Turun

<p>lengah.^{h 45:10} Kamu akan tinggal di tanah Gosen dan kamu akan berdekatan dengan saya; kamu dan anak kamu dan anak kepada anak kamu, dan kawan-an domba dan kambing dan lembu-lembu dan semua yang ada pada kamu.^{45:11} Saya akan menyara kamu di situ sebab akan ada lima tahun kebuluran lagi agar kamu tidak jatuh miskin; kamu dan keluarga^h kamu dan semua yang ada pada kamu.”^t</p> <p>^{45:12} Nah,^h mata kamu dan mata saudaraku Ben-Yamin boleh melihat bahawa mulut ku sendirilah yang bercakap dengan kamu.^{t 45:13} Jadi laporkan kepada bapaku segala kemuliaanku^j di Mesir dan semua yang telah kamu lihat. Dan cepat-cepat bawa balik^h bapaku ke sini.”</p> <p>^{45:14} Kemudian dia memeluk^h saudaranya Ben-Yamin dan menangis. Ben-Yamin pun menangis sewaktu berpeluk.^{h 45:15} Dia mencium semua saudaranya dan menangis atas mereka. Selepas membuat begitu saudara-saudaranya berbual-bual dengannya.</p> <p>Adik-Beradik Yosef Balik ke Bapa Mereka di Kana'an</p> <p>^{45:16} Apabila berita^j didengar di rumah Firaun yang berkata, “Saudara-saudara Yosef telah datang,” ia baik di mata Firaun dan di mata pegawai-pegawainya.^h</p>	<p>tidak berlengah-lengah.^{45:10} Ayah akan diberi tempat tinggal di daerah Gosen berdekatan dengan saya. Bawa bersama bapa ke situ anak dan cucu, kawan-an domba, kambing dan lembu, dan semua kepunyaan masing-masing.^{45:11} Akan ada lima tahun kebuluran lagi. Oleh itu saya akan menyara makanan untuk ayah di situ agar ayah tidak jatuh miskin; ayah, keluarga ayah dan semua orang yang di bawah naungan ayah.” Begitulah yang harus dikatakan kepada ayah.</p> <p>^{45:12} Nah, oleh kerana aku bercakap dengan kamu tanpa perantaraan penterjemah, kamu dan adikku Ben-Yamin boleh melihat dengan mata sendiri bahawa aku memang Yosef.^{45:13} Jadi tolong laporkan kepada ayah segala kemuliaanku di Mesir dan semua yang telah kamu lihat dan cepat-cepatlah bawa ayah datang ke sini.”</p> <p>^{45:14} Kemudian Yosef memeluk adiknya Ben-Yamin dan kedua-duanya pun menangis.^{45:15} Dia mencium semua abangnya dan menangis di bahu mereka sewaktu berpeluk. Selepas itu adik-beradiknya berbual-bual dengannya.</p> <p>Adik-Beradik Yosef Balik ke Bapa Mereka di Kana'an</p> <p>^{45:16} Apabila berita bahawa adik-beradik Yosef telah datang sampai di istana Firaun, ia dipandang baik oleh Firaun dan semua pegawainya.^{45:17} Jadi Firaun berjumpa dengan Yosef</p>	<p>Don't wait.^{45:10} You shall dwell in the land of Goshen, and you will be near to me, you, your children, your children's children, your flocks, your herds, and all that you have.^{45:11} There I will nourish you; for there are yet five years of famine; lest you come to poverty, you, and your household, and all that you have.”^{45:12} Behold, your eyes see, and the eyes of my brother Benjamin, that it is my mouth that speaks to you.^{45:13} You shall tell my father of all my glory in Egypt, and of all that you have seen. You shall hurry and bring my father down here.”</p> <p>^{45:14} He fell on his brother Benjamin's neck, and wept, and Benjamin wept on his neck.^{45:15} He kissed all his brothers, and wept on them. After that his brothers talked with him.</p> <p>Joseph's Brothers Return to Their Father in Canaan</p> <p>^{45:16} The report of it was heard in Pharaoh's house, saying, “Joseph's brothers have come.” It pleased Pharaoh well, and his servants.^{45:17} Pharaoh</p>
--	--	--

^{h 45:9} berlengah-lengah **hrfh:** berdiri

^{h 45:11} keluarga **hrfh:** rumah

^{t 45:8} semua yang ada pada anda **tfsrn 1:** semua **orang** yang di bawah naungan bapa **tfsrn 2:** semua **ternakan** bapa **tfsrn 3:** semua **barang** bapa

^{h 45:12} Nah **hrfh:** Lihat

^{t 45:12} mulut ku **sendirilah** yang bercakap dengan kamu **tfsrn 1:** aku bercakap dengan kamu **tanpa perantaraan penterjemah** **tfsrn 2:** aku **sendirilah** yang bercakap dengan kamu

^{j 45:13} kemuliaanku **trjmh lain:** penghormatanku

^{h 45:13} bawa balik **hrfh:** menyebabkan turun

^{h 45:14} memeluk **hrfh:** menyebabkan turun jatuh kepada leher

^{h 45:14} menangis sewaktu berpeluk **hrfh:** menangis atas lehernya

^{j 45:16} berita **trjmh lain:** laporan

^{h 45:16} pegawai-pegawainya **hrfh:** hamba-hambanya

^{45:17} Jadi Firaun berkata kepada Yosef, “Katakan ini kepada saudara-saudaramu; ‘Muatkan ternakan kamu dan balik ke^h tanah Kana`an. ^{45:18} Bawa bapa kamu dan **seisi** rumah kamu dan datang kepada ku dan aku akan memberi kepada kamu tanah Meşir yang terbaik dan kamu akan makan kelimpahan tanah ini.’^t

^{45:19} Kau juga disuruh supaya **memesankan**, ‘Ambil untuk diri sendiri dari tanah Meşir pedati-pedati untuk anak-anak kamu dan isteri-isteri kamu. Kemudian ambillah^h bapa kamu dan datang. ^{45:20} Jangan mata kamu menyayangi semua barang^h kamu yang akan ditinggalkan sebab yang terbaik dari seluruh tanah Meşir akan menjadi kepunyaan kamu.’”

^{45:21} Jadi anak-anak Israel melakukannya. Yosef memberi kepada mereka pedati-pedati menurut arahan Firaun,^h dan dia memberi kepada mereka bekalan untuk perjalanan mereka. ^{45:22} Kepada mereka semua masing-masing dia memberi pesalin pakaian, tetapi kepada Ben-Yamin dia memberi **seberat** tiga ratus **syekel** perak^p dan lima pesalin pakaian. ^{45:23} Kepada bapanya dia mengirim begini: sepuluh ekor keldai jantan yang membawa yang terbaik dari Meşir dan sepuluh ekor keldai betina yang membawa bijirin dan roti^j dan makanan lain untuk bapanya dalam perjalanan.

dan berkata kepada Yosef, “Berikan pesanan beta ini kepada saudara-saudaramu; ‘Muatkan keldai kamu dan balik ke tanah Kana`an. ^{45:18} Bawa bapa kamu dan **seisi** rumah kamu dan balik ke sini. Beta akan memberi kamu kawasan Meşir yang terbaik dan kamu akan makan dan menikmati segala yang tumbuh di tanah itu.’

^{45:19} Kau harus **berpesan** juga, ‘Bawa balik dari negara Meşir pedati untuk **dinaiki** anak-anak dan isteri-isteri kamu. Kemudian bawa bapa kamu dan balik ke sini. ^{45:20} Janganlah rasa sayang pada semua barang kamu yang akan ditinggalkan di Kana`an sebab kamu akan mendapat yang terbaik dari seluruh negara Meşir.’”
Begitulah arahan Firaun.

^{45:21} Jadi anak-anak Israel menuruti arahan Firaun itu. Yosef memberi pedati-pedati kepada mereka seperti yang diarahkan Firaun dan juga memberi bekalan untuk perjalanan mereka. ^{45:22} Yosef memberi satu pesalin pakaian kepada setiap abangnya tetapi kepada Ben-Yamin dia memberi lima pesalin pakaian dan **seberat** tiga ratus **syekel** perak. ^{45:23} Untuk bapanya dia mengirim yang berikut: sepuluh ekor keldai jantan yang dimuatkan dengan **hasil** terbaik Meşir, dan sepuluh ekor keldai betina yang dimuatkan bijirin dan roti dan makanan lain untuk perjalanannya **datang ke Meşir nanti.** ^{45:24} Dia mengucap selamat jalan kepada adik-

said to Joseph, “Tell your brothers, ‘Do this. Load your animals, and go, travel to the land of Canaan. ^{45:18} Take your father and your households, and come to me, and I will give you the good of the land of Egypt, and you will eat the fat of the land.’

^{45:19} Now you are commanded: do this. Take wagons out of the land of Egypt for your little ones, and for your wives, and bring your father, and come. ^{45:20} Also, don’t concern yourselves about your belongings, for the good of all of the land of Egypt is yours.”

^{45:21} The sons of Israel did so. Joseph gave them wagons, according to the commandment of Pharaoh, and gave them provision for the way. ^{45:22} He gave each one of them changes of clothing, but to Benjamin he gave three hundred pieces of silver and five changes of clothing. ^{45:23} He sent the following to his father: ten donkeys loaded with the good things of Egypt, and ten female donkeys loaded with grain and bread and provision for his father by the way. ^{45:24} So he sent his brothers away, and they departed. He said to them, “See

^h ^{45:17} balik ke **hrfh**: pergi masuk

^t ^{45:18} kamu akan makan kelimpahan tanah ini ~**tfsrn** lain: kamu akan makan yang terbaik di tanah ini * **hrfh**: kamu akan makan lemak tanah ini

^h ^{45:19} ambillah **hrfh**: angkat

^h ^{45:20} barang **hrfh**: bekas dan perkakas. Ini boleh merujuk kpd barang dapur sahaja atau barang secara amnya. Kami ikut tafsiran bahawa ini barang secara amnya.

^h ^{45:21} menurut arahan Firaun **hrfh**: atas mulut Firaun. Ini bermakna berdasarkan kata-kata Firaun.

^p ^{45:22} Pada zaman itu, utk wang mereka menggunakan perak dlm pelbagai bentuk. Nilainya ditentukan oleh beratnya. Wang syiling belum dicipta pd zaman itu. Syekel adalah sukatan berat. (Di kemudian hari syekel dijadikan sejenis syiling.) Ada jangkaan yang mengatakan bahawa 1 syekel = 11.5 gram. Yang lain berpendapat bahawa 1 syekel = 14.5 gram. Mengikut jangkaan pertama, 300 syekel perak itu lebih-kurang 3.45 kg, (7.6 paun). Menurut jangkaan kedua, 300 syekel = 4.35 kg (9.6 paun).

^j ^{45:23} roti **trjmh** lain: makanan

<p>^{45:24} Dia mengucapkan selamat jalan kepada saudara-saudaranya^j dan mereka pun berjalan. Dia berkata kepada mereka, “Jangan bergaduh dalam perjalanan.”^t</p> <p>^{45:25} Mereka pergi^h dari Mesir dan datang ke tanah Kana`an ke bapa mereka Ya`aqob. ^{45:26} Mereka melaporkan kepadanya dengan berkata, “Yosef masih hidup! Bahkan dia pemerintah seluruh tanah Mesir! Hatinya menjadi kaku^h sebab^j dia tidak dapat^t mempercayai mereka. ^{45:27} Kemudian mereka menyatakan semua kata-kata Yosef yang telah diucapkannya kepada mereka. Dia pun melihat pedati-pedati yang dikirim Yosef itu untuk membawanya. Akhirnya^j semangatⁱ Ya`aqob bapa mereka dipulihkan. ^{45:28} Kemudian Israel berkata, “Cukup!^h Anakku Yosef masih hidup!^t Aku akan pergi^h melihatnya sebelum aku mati.”</p> <p><i>Israel (Ya`aqob) dan Keluarganya Berpindah ke Mesir (46:1 – 47:31)</i></p> <p>Allah Mengesahkan Janjinya kepada Ya`aqob</p> <p>^{46:1} Kemudian Israelⁿ dan semua yang ada padanya^t berangkat.</p>	<p>beradiknya dan mereka pun bertolak. Sewaktu mereka berangkat dia berkata, “Jangan bergaduh dalam perjalanan.”</p> <p>^{45:25} Jadi mereka pulang dari Mesir. Setiba mereka di rumah bapa mereka di tanah Kana`an, ^{45:26} mereka memberitahunya dengan berkata, “Yosef masih hidup! Bahkan dia ialah ketua seluruh negara Mesir!” Hati Ya`aqob tergamam. Baginya kata-kata mereka terlalu sukar dipercayainya. ^{45:27} Apabila semua pesanan Yosef diberitahu kepadanya, dan dia melihat pedati-pedati yang dikirim Yosef itu untuk membawanya ke Mesir, kegamamannya pun hilang. ^{45:28} Kemudian Israel berkata, “Cukup! Sekarang ayah percaya bahawa anak ayah, Yosef, masih hidup! Ayah akan pergi melihatnya sebelum ayah meninggal.”</p> <p><i>Israel (Ya`aqob) dan Keluarganya Berpindah ke Mesir (46:1 – 47:31)</i></p> <p>Allah Mengesahkan Janjinya kepada Ya`aqob</p> <p>^{46:1} Kemudian Israel dan semua orangnya berangkat dari Kana`an</p>	<p>that you don't quarrel on the way.”</p> <p>^{45:25} They went up out of Egypt, and came into the land of Canaan, to Jacob their father. ^{45:26} They told him, saying, “Joseph is still alive, and he is ruler over all the land of Egypt.” His heart fainted, for he didn't believe them. ^{45:27} They told him all the words of Joseph, which he had said to them. When he saw the wagons which Joseph had sent to carry him, the spirit of Jacob, their father, revived. ^{45:28} Israel said, “It is enough. Joseph my son is still alive. I will go and see him before I die.”</p> <p><i>Israel (Jacob) and Family Move to Egypt (46:1 – 47:31)</i></p> <p>God Confirms His Promise to Jacob</p> <p>^{46:1} Israel traveled with all that he had, and came to</p>
---	---	--

^j ^{45:24} Dia mengucapkan selamat jalan kepada saudara-saudaranya **trjmh** 2: Dia menyuruh saudara-saudaranya berjalan **trjmh** 3: Dia mengizinkan saudara-saudaranya berjalan **hrfh**: Dia mengutus/mengirim saudara-saudaranya

^t ^{45:24} Jangan bergaduh dalam perjalanan. **tfsr** 2: Jangan risau dalam perjalanan. **tfsr** 3: Jangan menjadi takut dalam perjalanan. **hrfh**: Jangan gementar/bergegar dalam perjalanan.

^h ^{45:25} pergi **hrfh**: naik

^h ^{45:26} kaku **hrfh**: kebas

^t ^{45:26} Hatinya menjadi kaku **~tfsr** 2: Hatinya menjadi terpegun

^j ^{45:26} sebab **trjmh** lain: dan

^j ^{45:27} Akhirnya **trjmh** lain: Selepas itu / Kemudian

ⁱ ^{45:27} semangat **lbrani**: *ruah* / *ruh*. **trjmh** lain: roh **hrfh**: roh. Perkataan b. Ibrani ini serumpun dgn perkataan b. Arab *roh* yg dipinjam oleh b. Melayu.

^h ^{45:27} dipulih **hrfh**: dihidupkan / hidup

^h ^{45:28} Cukup **hrfh**: Banyak

^t ^{45:28} Cukup *sudah!* Anakku Yosef masih hidup! **tfsr** lain: *Sekarang aku sudah cukup puas hati.* Anakku Yosef masih hidup! / Apa lagi yang mahu diidamkan? Anakku Yosef masih hidup!

^h ^{45:28} pergi **hrfh**: berjalan

ⁿ ^{46:1} Nama *Israel*, nama baru yg diberi kpd *Ya`aqob*. (32:28) sering digunakan sewaktu pimpinan dan kuasanya dititikberatkan.

^t ^{46:1} semua yang ada padanya **tfsr**: Ini merujuk kpd semua keturunan Ya`aqob, hamba-hamba, dan sebanyak mana barang yg boleh dibawa. Mereka tinggal dlm khemah dan sudah tentu khemah-khemah itu juga dibawa.

<p>Apabila dia datang ke kota Beer-Syeba, dia mengorbankan korban-korban^p kepada Allah bapanya Yiş'haq.^p</p> <p>46:2 Allah bercakap kepada Israel dalam visi-visi malam^p dan berkata, “Ya`aqob, Ya`aqob.” Dia berkata, “Saya.”^h</p> <p>46:3 Dia berkata, “Akulah Allah, Allahⁱ bapamu.^j Jangan takut pergi^h ke Meşir, sebab aku akan menjadikan engkau bangsa besar di sana. 46:4 Aku akan pergi ke Meşir bersamamu, dan aku memang akan membawamu balik^h juga. ^t Yosef akan menutup matamu dengan tangannya.”^h</p> <p>46:5 Selepas itu Ya`aqob bertolak^j dari Beer-Syeba. Anak-anak Israel membawa bapa mereka Ya`aqob dan anak-anak mereka dan isteri-isteri mereka menaiki pedati yang Firaun kirimkan untuk membawa mereka. 46:6 Mereka juga membawa ternakan mereka dan kepunyaan mereka yang mereka perolehi di tanah Kana`an. Akhirnya Ya`aqob dan semua zuriatnya bersama dia datang ke Meşir. 46:7 Dia membawa</p>	<p>menuju ke Meşir. Mereka berhenti di kota Beer-Syeba tempat Israel mengorbankan beberapa ekor ternakan kepada Allah yang disembah bapanya Yiş'haq.</p> <p>46:2 Allah bercakap kepada Israel dalam visi malam. Katanya, “Ya`aqob, Ya`aqob.” Ya`aqob menjawab, “Saya.”</p> <p>46:3 Allah berkata, “Akulah Allah, iaitu Allah yang disembah bapamu. Jangan takut pergi ke Meşir, sebab aku akan menjadikan kamu bangsa besar di sana. 46:4 Aku akan pergi ke Meşir bersama kamu, dan aku memang akan membawamu balik juga. Yosef akan menutup matamu dengan tangannya selepas engkau meninggal.” Itulah yang didengar oleh Ya`aqob dalam visinya.</p> <p>46:5 Selepas itu Ya`aqob dan rombongannya meneruskan perjalanan mereka dari Beer-Syeba. Anak-anak Ya`aqob membawa bapa mereka, anak-anak mereka dan isteri-isteri mereka menaiki pedati yang dikirim Firaun untuk membawa Ya`aqob ke Meşir. 46:6 Mereka juga membawa ternakan mereka dan kepunyaan yang diperoleh mereka di tanah Kana`an. Akhirnya Ya`aqob dan semua keturunannya tiba di Meşir. 46:7 Dia membawa bersamanya ke Meşir anak</p>	<p>Beersheba, and offered sacrifices to the God of his father, Isaac.</p> <p>46:2 God spoke to Israel in the visions of the night, and said, “Jacob, Jacob!” He said, “Here I am.”</p> <p>46:3 He said, “I am God, the God of your father. Don’t be afraid to go down into Egypt, for there I will make of you a great nation. 46:4 I will go down with you into Egypt. I will also surely bring you up again. Joseph will close your eyes.”</p> <p>46:5 Jacob rose up from Beersheba, and the sons of Israel carried Jacob, their father, their little ones, and their wives, in the wagons which Pharaoh had sent to carry him. 46:6 They took their livestock, and their goods, which they had gotten in the land of Canaan, and came into Egypt—Jacob, and all his seed with him, 46:7 his sons, and his sons’ sons with him, his daughters, and his sons’</p>
--	--	--

^p **46:1** Tdk dikatakan jenis ternakan apakah yang dikorbankan. Kemungkinan besar ia adalah domba.

^p **46:1** Abraham (21:32-33) dan Yiş'haq (26:23-25) pernah menyembah Allah di Beer-Syeba. Yiş'haq membina mazbah di situ, dan mungkin mazbah itulah tempat Israel mengorbankan ternakan, dan itulah sebabnya dia memanggilnya sbg Allah Yiş'haq.

^p **46:2** Tdk dikatakan apakah yg dilihat, tetapi rupanya ada sesuatu yg dilihat oleh Ya`aqob sebab ia dipanggil *visi*. Mungkin ia berlaku lebih drpd sekali dan oleh itulah ia dipanggil *visi-**visi***. Banyak terjemahan b. Inggeris menterjemahnya sbg *visi* saja dan bukan *visi-**visi***. Makna *visi malam* adalah ia bukan mimpi, tetapi sesuatu yg dilihatnya di waktu malam semasa dia dlm keadaan sedar atau bersawai ataupun ‘menurun’ disebabkan pengaruh Allah.

^h **46:2** *Saya.* **hrfh:** Lihat. **trjmh lain:** *Saya di sini.*

ⁱ **46:3** Dua perkataan utk Allah digunakan di sini. Yg pertama ialah *El*, dan yg kedua ialah *Elohim*. Nama *El* digunakan oleh bangsa-bangsa lain di Kana`an juga utk Allah.

^j **46:3** *Akulah Allah, Allah bapamu.* **trjmh 2:** *Akulah Allah,iaitu Allah bapamu.* **trjmh 3:** *Aku ini Allah,iaitu Allah bapamu.*

^h **46:3** *pergi* **hrfh:** *turun.* Sama dlm ayat 4.

^h **46:4** *membawamu balik* **hrfh:** *membuatmu naik / menyebabkan mu naik.* Perkataan *naik* di sini merujuk kpd balik ke Kana`an. Perkataan *mu* di sini merujuk kpd Ya`aqob dan keturunannya, bermakna janji ini akan digenapi dlm keturunan Ya`aqob dan bukan dirinya sendiri. Tetapi mayatnya memang dibawa balik ke Kana`an (50:12).

^t **46:4** *aku memang akan membawamu balik juga* **Tfsrn 1:** Perkataan *mu* merujuk kpd Ya`aqob sendiri sahaja. Mayat Ya`aqob memang dibawa balik ke Kana`an (50:12), tetapi dia tdk balik semasa dia hidup. **Tfsrn 2:** Perkataan *mu* merujuk kpd Ya`aqob dan semua keturunannya. **Tfsrn 3:** Perkataan *mu* merujuk kpd keturunan Ya`aqob saja. Lihat juga 15:13-15.

^h **46:4** *Yosef akan menutup matamu dengan tangannya.* **hrfh:** *Dan Yosef akan meletakkan tangannya atas matamu.* Hampir semua pentafsir memahaminya sbg perbuatan menutup mata selepas seorang meninggal.

^j **46:5** *bertolak* **trjmh lain:** *meneruskan perjalanan* **hrfh:** *bangun / berdiri* **tfsrn 2:** *bangun* * **tfsrn 3:** *membuat keputusan bertolak*

bersamanya ke Meşir anak-anak lelakinya, anak-anak lelaki kepada anak-anak lelakinya, anak-anak perempuannya, anak-anak perempuan kepada anak-anak lelakinya – kesemua zuriatnya.

Orang-Orang Israel Yang Pergi ke Meşir

^{46:8} Inilah nama-nama bani Israel yang pergi ke Meşir (**iaitu** Ya`aqob dan anak-anak lelakinya).

Anak sulung Ya`aqob **ialah** Reuben. ^{46:9} Anak-anak lelaki Reuben **adalah** Hanokh, Palu, Heşron dan Karmi. ^{46:10} Anak-anak lelaki Syim`on **adalah** Yemuel, ^e Yamin, Ohad, ^m Yakhin, Şohar ^e dan Syaul, anak perempuan Kana`an. ^{46:11} Anak-anak lelaki Lewi **adalah** Gersyon, Qehat dan Merari. ^{46:12} Anak-anak lelaki Yehudah **adalah** `Er, Onan, Syelah, Pereş^p dan Zerah. Tetapi `Er dan Onan telah mati di tanah Kana`an. Anak-anak lelaki Pereş **adalah** Heşron dan Hamul. ^{46:13} Anak-anak lelaki Yisakhar **adalah** Tola`, Puwah, Yasyub^e dan Syimron. ^{46:14} Anak-anak lelaki Zebulon **adalah** Sered, Elonⁿ dan Yahleel. ^{46:15} Itulah anak-anak lelaki Leah yang dilahirkannya untuk Ya`aqob di Padan-Aram dan Dinah anak perempuannya. ^p Semua anak lelaki dan anak perempuan **berjumlah** 33orang. ^{i p}

^{46:16} Anak-anak lelaki Gad **adalah** Şifyon, Hagi, Syuni, Eşbon,

lelakinya, cucu lelakinya, anak perempuannya, cucu perempuannya – **pendek kata** semua keturunannya.

Orang-Orang Israel Yang Pergi ke Meşir

^{46:8} Berikut adalah nama-nama anak-anak lelaki Israel yang pergi ke Meşir (**iaitu** Ya`aqob dan anak-anak lelakinya).

Anak sulung Ya`aqob **adalah** Reuben. ^{46:9} Anak-anak lelaki Reuben **adalah** Hanokh, Palu, Heşron dan Karmi. ^{46:10} Anak-anak lelaki Syim`on **adalah** Yemuel, Yamin, Ohad, Yakhin, Şohar dan Syaul. **Syaul adalah** anak perempuan Kana`an. ^{46:11} Anak-anak lelaki Lewi **adalah** Gersyon, Qehat dan Merari. ^{46:12} Anak-anak lelaki Yehudah **adalah** `Er, Onan, Syelah, Pereş dan Zerah. Tetapi `Er dan Onan telah mati di tanah Kana`an **sebelum penghijrahan ke Meşir**. Anak-anak lelaki Pereş **adalah** Heşron dan Hamul. ^{46:13} Anak-anak lelaki Yisakhar **adalah** Tola`, Puwah, Yasyub dan Syimron. ^{46:14} Anak-anak lelaki Zebulon **adalah** Sered, Elon dan Yahleel. ^{46:15} Anak-anak lelaki tersebut **adalah** anak Leah yang dilahirkannya untuk Ya`aqob di Padan-Aram. Selain mereka Ya`aqob ada juga seorang anak perempuan bernama Dinah. Jumlah keturunan Ya`aqob dari **isterinya** Leah **adalah** 33 orang.

^{46:16} Anak-anak lelaki Gad **adalah** Şifyon, Hagi, Syuni, Eşbon, `Eri,

daughters, and he brought all his seed with him into Egypt.

The Israelites Who Went to Egypt

^{46:8} These are the names of the children of Israel, who came into Egypt, Jacob and his sons: Reuben, Jacob's firstborn.

^{46:9} The sons of Reuben: Hanoch, Pallu, Hezron, and Carmi. ^{46:10} The sons of Simeon: Jemuel, Jamin, Ohad, Jachin, Zohar, and Shaul the son of a Canaanite woman.

^{46:11} The sons of Levi: Gershon, Kohath, and Merari. ^{46:12} The sons of Judah: Er, Onan, Shelah, Perez, and Zerah; but Er and Onan died in the land of Canaan. The sons of Perez were Hezron and Hamul. ^{46:13} The sons of Issachar: Tola, Puvah, Iob, and Shimron. ^{46:14} The sons of Zebulun: Sered, Elon, and Jahleel. ^{46:15} These are the sons of Leah, whom she bore to Jacob in Paddan Aram, with his daughter Dinah. All the souls of his sons and his daughters were thirty-three.

^{46:16} The sons of Gad: Ziphion, Haggi, Shuni, Ezbon,

^{e 46:10} **Ejaan** nama *Yemuel* di Bil 26:12 & 1Taw 4:24 ialah *Nemuel*.

^{m 46:10} Nama *Ohad* tiada dlm daftar **manuskrip** terjemahan Septuaginta. Ia juga tiada dlm daftar nama di Bil 26:12-13 & 1Taw 4:24.

^{e 46:10} **Ejaan** nama *Şohar* di Bil 26:13 & 1Taw 4:24 ialah *Şerah*.

^{p 46:12} *Pereş* ini ialah moyang raja Daud.

^{e 46:13} Nama *Yasyub* dieja *Yob* dlm manuskrip Masoretik. Kebanyakan manuskrip lain mengejanya *Yasyub*.

^{n 46:14} Nama *Elon* ialah nama orang Het di 26:34 juga.

^{p 46:15} Perkataannya dalam *perempuannya* merujuk kpd Ya`aqob dan bukan Leah sebab ia maskulin.

^{i 46:15} *orang hrhf: jiwa lbrannya: nefesy* (yg berkait rapat dgn pijaman dr b. Arab *nafas*.)

^{p 46:15} Dlm jumlah 33 orang, isteri-isteri anak Ya`aqob tdk dikira. Jumlah yg tersenarai adalah 34 orang. Banyak cara para pentafsir mengira utk cuba mencapai jumlah 33. 1). Mengira `Er dan Onan, tetapi tdk mengira Ya`aqob atau Dinah. 2). Mengira Dinah, `Er dan Onan, tetapi tdk mengira Ohad (46:10) sebab namanya dlm senarai dianggap kesilapan. 3). Mengira Dinah dan Ya`aqob tetapi tdk mengira `Er dan Onan. 4). Menganggap ada anak perempuan Ya`aqob yg lain tetapi tdk tersenarai, dan tdk mengira `Er, Onan atau Ya`aqob.

<p>‘Eri, Arodi dan Areli. ^{46:17} Anak-anak lelaki Asyir adalah Yimnah, Yisywah, Yisywi, dan Beri ah. Šeraħ adalah saudari mereka. Anak-anak lelaki Beri ah adalah Heber dan Malkiel. ^{46:18} Itulah anak-anak lelaki dan cucu Zilpah yang diberi oleh Laban kepada anak perempuannya Leah. Dia melahirkan anak-anak ini untuk Ya`aqob, sebanyak 16 orang. ⁱ</p> <p>^{46:19} Anak-anak lelaki Raħel, isteri Ya`aqob adalah Yosef dan Ben-Yamin. ^{46:20} Dan dilahirkan bagi Yosef di tanah Mešir adalah Menasyeh dan Efraim melalui Asnat, anak perempuan Potifera` imam kota On. ^h ^{46:21} Anak-anak lelaki Ben-Yamin adalah Bela`, Bekher, Asybel, Gera, Na`aman, Ehi, Rosy, Mupim, Hupim ^e dan Ard. ^{46:22} Itulah anak-anak lelaki dan cucu Raħel yang dilahirkan bagi Ya`aqob, semuanya 14 orang. ⁱ</p> <p>^{46:23} Anak-anak lelaki Dann adalah Husyim. ^{46:24} Anak-anak lelaki Naftali adalah Yaħšeel, Guni, Yešer dan Syilem. ^{46:25} Itulah anak-anak lelaki dan cucu Bilhah yang telah Laban berikan kepada Raħel anak perempuannya. Dia melahirkan anak-anak itu bagi Ya`aqob, semuanya 7 orang. ⁱ</p> <p>^{46:26} Semua orang yang pergi ke Mešir bersama Ya`aqob, ^t yang berpunca ^h dari badannya ^h selain isteri-isteri anak-anak lelaki dan cucu Ya`aqob, semuanya 66 orang. ⁱ ^{46:27} Anak-anak lelaki Yosef yang</p>	<p>Arodi dan Areli. ^{46:17} Anak-anak lelaki Asyir adalah Yimnah, Yisywah, Yisywi, dan Beri ah. Šeraħ adalah saudari mereka. Anak-anak lelaki Beri ah adalah Heber dan Malkiel. ^{46:18} Orang tersebut adalah anak dan cucu Zilpah. Zilpah adalah hamba yang diberi oleh Laban kepada anak perempuannya Leah. Anak dan cucu tersebut adalah keturunan Ya`aqob dari gundiknya Zilpah, sebanyak 16 orang.</p> <p>^{46:19} Anak lelaki Raħel, isteri Ya`aqob adalah Yosef dan Ben-Yamin. ^{46:20} Menasyeh dan Efraim dilahirkan bagi Yosef di negara Mešir oleh isterinya Asnat, anak perempuan Potifera`, imam kota On. ^{46:21} Anak lelaki Ben-Yamin adalah Bela`, Bekher, Asybel, Gera, Na`aman, Ehi, Rosy, Mupim, Hupim dan Ard. ^{46:22} Anak dan cucu tersebut adalah keturunan Ya`aqob melalui isterinya Raħel; jumlah mereka 14 orang.</p> <p>^{46:23} Anak lelaki Dann adalah Husyim. ^{46:24} Anak-anak lelaki Naftali adalah Yaħšeel, Guni, Yešer dan Syilem. ^{46:25} Itulah anak lelaki dan cucu Bilhah yang dilahirkannya bagi Ya`aqob. Bilhah adalah hamba yang diberi oleh Laban kepada anak perempuannya Raħel. Jumlah mereka adalah 7 orang.</p> <p>^{46:26} Jumlah orang yang pergi ke Mešir bersama Ya`aqob, yang adalah zuriatnya sendiri, tidak termasuk isteri-isteri kepada anak-anak lelakinya dan cucunya, adalah 66 orang. ^{46:27} Anak-anak lelaki Yosef</p>	<p>Eri, Arodi, and Areli. ^{46:17} The sons of Asher: Imnah, Ishvah, Ishvi, Beriah, and Serah their sister. The sons of Beriah: Heber and Malchiel. ^{46:18} These are the sons of Zilpah, whom Laban gave to Leah, his daughter, and these she bore to Jacob, even sixteen souls.</p> <p>^{46:19} The sons of Rachel, Jacob’s wife: Joseph and Benjamin. ^{46:20} To Joseph in the land of Egypt were born Manasseh and Ephraim, whom Asenath, the daughter of Potiphera, priest of On, bore to him. ^{46:21} The sons of Benjamin: Bela, Becher, Ashbel, Gera, Naaman, Ehi, Rosh, Mupim, Huppim, and Ard. ^{46:22} These are the sons of Rachel, who were born to Jacob: all the souls were fourteen. ^{46:23} The son of Dan: Hushim. ^{46:24} The sons of Naphtali: Jahzeel, Guni, Jezer, and Shillem. ^{46:25} These are the sons of Bilhah, whom Laban gave to Rachel, his daughter, and these she bore to Jacob: all the souls were seven.</p> <p>^{46:26} All the souls who came with Jacob into Egypt, who were his direct descendants, besides Jacob’s sons’ wives, all the souls were sixty-six. ^{46:27} The sons of Joseph, who</p>
--	---	--

ⁱ ^{46:18} orang **hrfh**: jiwa **lbraninya**: *nefesy*

^h ^{46:20} **Hrfh**: Dan telah lahir bagi Yosef di tanah Mešir yang dilahirkan Asnat anak perempuan Potifera` imam **kota** On **iaitu** Menasyeh dan Efraim.

^e ^{46:21} Nama **Hupim** dieja **Hufam** di Bil 26:29.

ⁱ ^{46:22} orang **hrfh**: jiwa **lbraninya**: *nefesy*

ⁱ ^{46:25} orang **hrfh**: jiwa **lbraninya**: *nefesy*

^t ^{46:26} Semua orang yang pergi ke Mešir bersama Ya`aqob **tfsrn lain**: Semua orang Ya`aqob yang pergi ke Mešir / Semua keturunan Ya`aqob yang pergi ke Mešir **hrfh**: Semua jiwa kepada Ya`aqob yang pergi ke Mešir

^h ^{46:26} berpunca **hrfh**: keluar

^h ^{46:26} badannya **hrfh**: pinggulnya. Di sini pinggul adalah eufemisme utk kemaluan.

ⁱ ^{46:26} orang **hrfh**: jiwa **lbraninya**: *nefesy*

<p>dilahirkan baginya di Meşir ada dua orang.ⁱ Jadi semua orang dari rumah Ya`aqob yang pergi ke Meşir berjumlah 70 orang.</p> <p>Yosef Berjumpa dengan Bapanya di Gosyen</p> <p>46:28 Ya`aqob^h mengutus Yehudah mendahuluinya kepada Yosef untuk menunjukkan jalan^h ke Gosyen. Kemudian mereka pergi ke tanah Gosyen.^{46:29} Seterusnya Yosef memasang abah-abah dan mengikat kereta kudanya padanya^p lalu pergi^h ke Gosyen berjumpa dengan bapanya Israel. Apabila terjumpa sahaja dia dengan bapanya,^t dia memeluknya^h dan menangis^j lama di lehernya.</p> <p>46:30 Kemudian Ya`aqob berkata kepada Yosef, “Aku sedia mati sekarang selepas aku melihat mukamu, sebab kau masih hidup.”^j</p> <p>46:31 Kemudian Yosef berkata kepada saudara-saudaranya dan seluruh keluarga^h bapanya, “Biarkan saya pulang^h dan melaporkan kepada^j Firaun dengan berkata kepadanya, ‘Saudara-saudaraku dan keluarga bapaku yang di tanah Kana`an telah datang kepada saya.’^{46:32} Lelaki-lelaki itu adalah gembala kawanan sebab mereka pemelihara^h ternakan.</p>	<p>yang dilahirkan baginya di Meşir adalah dua orang. Jadi seluruh keluarga Ya`aqob yang pergi ke Meşir adalah seramai 70 orang.</p> <p>Yosef Berjumpa dengan Bapanya di Gosyen</p> <p>46:28 Ya`aqob mengutus Yehudah mendahuluinya berjumpa dengan Yosef supaya ia dapat menunjukkan jalan ke Gosyen. Kemudian mereka semua pergi ke wilayah Gosyen.^{46:29} Seterusnya Yosef menyuruh hambanya memasang abah-abah pada kudanya dan mengikat kereta kudanya pada kuda tersebut. Lalu dia pergi ke Gosyen bertemu dengan bapanya Israel. Ketika terjumpa sahaja dengan bapanya, dia pun memeluknya dan menangis berterusan sampai titisan air matanya jatuh ke atas leher bapanya.^{46:30} Kemudian Ya`aqob berkata kepada Yosef, “Aku sedia mati sekarang selepas aku melihat mukamu, sebab sekarang aku tahu kau masih hidup.”</p> <p>46:31 Kemudian Yosef berkata kepada saudara-saudaranya dan semua orang dalam kumpulan bapanya, “Biarkan saya pulang dulu dan memberi laporan kepada Firaun begini, ‘Saudara-saudara patik dan semua orang yang ikutserta dengan bapa patik yang dulu tinggal di tanah Kana`an telah datang kepada patik.’^{46:32} Mereka itu gembala dan pemelihara ternakan. Mereka</p>	<p>were born to him in Egypt, were two souls. All the souls of the house of Jacob, who came into Egypt, were seventy.</p> <p>Joseph Meets With His Father In Goshen</p> <p>46:28 He sent Judah before him to Joseph, to show the way before him to Goshen, and they came into the land of Goshen.^{46:29} Joseph prepared his chariot, and went up to meet Israel, his father, in Goshen. He presented himself to him, and fell on his neck, and wept on his neck a good while.</p> <p>46:30 Israel said to Joseph, “Now let me die, since I have seen your face, that you are still alive.”</p> <p>46:31 Joseph said to his brothers, and to his father’s house, “I will go up, and speak with Pharaoh, and will tell him, ‘My brothers, and my father’s house, who were in the land of Canaan, have come to me.’^{46:32} These men are shepherds, for they have been keepers of livestock, and they have brought their flocks, and their</p>
---	--	--

ⁱ 46:27 orang **hrfh**: jiwa **lbrannya**: *nefesy*. Sama dlm kegunaan kedua.

^h 46:26 *badannya* **hrfh**: *pinggulnya*. Di sini *pinggul* adalah eufemisme utk *kemaluan*.

^h 46:26 *menunjukkan jalan* **hrfh**: *mengajar di depannya*

^p 46:29 Tentu sekali bukan Yosef sendiri yg menyediakan kereta kudanya melainkan hamba-hambanya.

^h 46:29 *pergi* **hrfh**: *naik*

^t 46:29 *Apabila terjumpa sahaja dia dengan bapanya* **tfsrn lain**: *Dia menghadirkan dirinya di hadapan bapanya* **hrfh**: *dia kelihatan kepadanya*. Dlm terjemahan harfiah itu, *dia* merujuk kpd *Yosef* manakala *nya* merujuk kpd *bapanya Ya`aqob*.

^h 46:29 *memeluknya* **hrfh**: *jatuh atas lehernya*

^j 46:29 *menangis-nangis* **trjmh lain**: *menangis lama* **hrfh**: *menangis lagi / masih menangis*

^j 46:30 “*Aku sedia meninggal sekarang selepas aku melihat mukamu, sebab kau masih hidup.*” **trjmh lain**: “*Aku sedia meninggal sekarang sebab aku sudah melihat dengan mataku sendiri bahawa kau masih hidup.*”

^h 46:31 *keluarga* **hrfh**: *rumah*. Sama dlm kegunaan kedua. *Rumah bapanya* di sini bermakna semua yg di bawah naungan bapa, termasuk hamba dan pelayan, dan bukan setakat keluarga sahaja.

^h 46:31 *pulang* **hrfh**: *naik*

^j 46:31 *melaporkan kepada* **trjmh 2**: *memberi laporan kepada* **trjmh 3**: *memberitahu*

^h 46:32 *pemelihara* **hrfh**: *lelaki-lelaki*. Sama dlm ayat 34.

Kawanan **kambing dan domba** mereka dan kawanan lembu mereka serta semua yang ada pada mereka telah mereka bawa.’ ^{46:33} Apabila Firaun memanggil kamu, dia akan berkata, ‘Apa kerja kamu?’^{j 46:34} Kamu harus berkata, ‘**Kami** pemelihara ternakan. **Itu kerja** hamba-hamba tuanku sejak muda sampai sekarang, kami dan juga bapa-bapa kami,’ agar kamu dapat tinggal di tanah Gosen sebab semua gembala kawanan ^t **adalah** menjijikkan **bagi** orang Mesir.”^j

Yosef Memperkenalkan Bapanya dan Saudaranya kepada Firaun

^{47:1} Seterusnya Yosef datang dan memberikan laporan kepada^j Firaun. Katanya, “Bapaku, saudara-saudaraku dan kawanan **kambing dan domba** mereka dan kawanan lembu mereka serta semua yang ada pada mereka telah datang dari tanah Kana`an dan mereka berada di tanah Gosen.”^{47:2} Dari semua saudaranya dia telah mengambil lima orang dan dia menghadapkan mereka kepada^j Firaun.

^{47:3} Firaun berkata kepada saudara-saudaranya, “Apa kerja kamu?” Mereka berkata kepada Firaun, “Hamba-hambamu **ini** gembala kawanan, kami dan juga bapa-bapa kami.”^{47:4} Mereka berkata kepada Firaun juga, “Kami datang untuk tinggal sementara^j di tanah ini sebab tiada rumput^j

membawa bersama mereka kawanan **kambing, domba** dan lembu mereka serta semua kepunyaan mereka.’ ^{46:33} Apabila Firaun memanggil kamu **menghadap baginda**, baginda akan bertanya, ‘Apa kerja kamu?’^{46:34} Kamu harus menjawab, ‘**Kami adalah** penternak. **Itulah kerja** hamba-hamba tuanku sejak muda sampai sekarang, kami dan juga nenek-moyang kami.’ Dengan demikian kamu akan diizinkan tinggal di wilayah Gosen sebab bagi orang Mesir semua penternak binatang adalah menjijikkan **dan oleh itu mereka tidak akan mahu kamu tinggal berdekatan dengan mereka.**” Begitulah nasihat Yosef.

Yosef Memperkenalkan Bapanya dan Saudaranya kepada Firaun

^{47:1} Seterusnya Yosef **pergi** masuk **menghadap** Firaun dan memberikan laporan kepada baginda. Katanya, “Bapa patik dan saudara-saudara patik telah datang dari tanah Kana`an dan mereka berada di wilayah Gosen **sekarang**. Mereka membawa bersama kawanan **kambing, domba** dan lembu mereka serta semua kepunyaan mereka.”^{47:2} Kemudian dia membawa lima orang **saudaranya** yang telah dipilihnya daripada antara semua saudaranya untuk menghadap Firaun.

^{47:3} Firaun bertanya kepada saudara-saudara Yosef, “Apa kerja kamu?” Mereka menjawab, “Hamba-hambamu **ini** gembala, kami dan juga nenek moyang kami.”^{47:4} Tambah mereka lagi, “Kami datang untuk tinggal sementara di negara ini memandangkan tiada rumput di tanah Kana`an untuk kawanan hamba-

herds, and all that they have.’^{46:33} It will happen, when Pharaoh summons you, and will say, ‘What is your occupation?’^{46:34} that you shall say, ‘Your servants have been keepers of livestock from our youth even until now, both we, and our fathers:’ that you may dwell in the land of Goshen; for every shepherd is an abomination to the Egyptians.”

Joseph Presents His Brothers to the King

^{47:1} Then Joseph went in and told Pharaoh, and said, “My father and my brothers, with their flocks, their herds, and all that they own, have come out of the land of Canaan; and behold, they are in the land of Goshen.”^{47:2} From among his brothers he took five men, and presented them to Pharaoh. ^{47:3} Pharaoh said to his brothers, “What is your occupation?”

They said to Pharaoh, “Your servants are shepherds, both we, and our fathers.”^{47:4} They said to Pharaoh, “We have come to live as foreigners in the land, for there is no pasture for your servants’ flocks. For the famine is severe in the land of Canaan. Now therefore, please let your

^{j 46:33} ‘Apa kerja kamu?’ trjmhn lain: ‘Kamu membuat apa?’

^{t 46:34} semua gembala kawanan ~tfsrn lain: semua gembala kawanan yang orang asing

^{j 46:34} sebab semua gembala kawanan menjijikkan/keji/kumuh bagi orang Mesir trjmhn lain: sebab orang Mesir tidak suka bergaul atau tinggal berkumpul dengan gembala

^{j 47:1} memberi laporan kepada trjmhn 2: memberitahu trjmhn 3: melaporkan kepada

^{j 47:2} menghadapkan mereka kepada trjmhn lain: memperkenalkan mereka kepada hrhf: membuat mereka berdiri di hadapan

^{j 47:4} tinggal sementara trjmhn lain: menjadi penduduk sementara. Sbg penduduk sementara, mereka memiliki lebih banyak hak drpd orang asing biasa.

^{j 47:4} rumput trjmhn lain: ragutan

<p>untuk kawanan hamba-hambamu sebab kemarau^h ini teruk^h di tanah Kana`an. Jadi^h tolong izinkan hamba-hambamu menetap di tanah Gosyen.</p> <p>^{47:5} Firaun bercakap kepada Yosef dengan berkata, “Nah, bapamu dan saudara-saudaramu telah datang kepada mu. ^{47:6} Tanah Meşir berada di hadapanmu;^j tempatkanlah bapamu dan saudara-saudaramu di tanah yang terbaik dan biarkan mereka tinggal di tanah Gosyen. Kalau kau tahu ada di antara mereka lelaki-lelaki yang mahir, lantiklah mereka menjadi ketua-ketua ternakan atas milikku.”</p> <p>Yosef Menghadapkan Bapanya kepada Firaun</p> <p>^{47:7} Kemudian Yosef membawa masuk bapanya Ya`aqob dan menghadapkannya kepada^j Firaun. Ya`aqob memberkati Firaun. ^{47:8} Firaun berkata kepada Ya`aqob, “Berapa umurmu?”^h ^{47:9} Ya`aqob berkata kepada Firaun, “Tahun-tahun^h pengembaraanku^t 130 tahun; tahun-tahun hidupku sedikit dan susah,^t dan tidak mencapai tahun-tahun hidup bapa-bapaku dalam hari-hari pengembaraan mereka. ^{47:10} Kemudian Ya`aqob memberkati Firaun^t sekali lagi dan keluar dari hadirat^h Firaun.</p>	<p>hambamu sebab kemarau teruk di sana. Jadi tolong izinkan hamba-hambamu tinggal di wilayah Gosyen.</p> <p>^{47:5} Firaun berkata kepada Yosef, “Nah, bapamu dan saudara-saudaramu telah datang kepada mu. ^{47:6} Kamu memang bebas memilih mana-mana tempat di Meşir; tempatkanlah bapamu dan saudara-saudaramu di wilayah Gosyen, tempat terbaik untuk menetap. Jika ada di antara mereka yang kau kenal adalah orang-orang yang mahir menggembala, lantiklah mereka menjadi ketua-ketua penjaga semua ternakan beta sendiri.”</p> <p>Yosef Menghadapkan Bapanya kepada Firaun</p> <p>^{47:7} Kemudian Yosef membawa bapanya Ya`aqob untuk dihadapkan kepada Firaun. Ya`aqob mengucapkan berkat atas Firaun. ^{47:8} Firaun bertanya kepada Ya`aqob, “Berapa umurmu?”^h ^{47:9} Ya`aqob menjawabnya, “Pengembaraan beta di dunia ini menjangkau 130 tahun; kehidupanku pendek dan susah, dan tidak sepanjang kehidupan bapa dan nenek moyang patik dalam waktu pengembaraan mereka di dunia ini. ^{47:10} Kemudian Ya`aqob mengucapkan berkat atas Firaun sekali lagi dan keluar dari hadiratnya.</p>	<p>servants dwell in the land of Goshen.”</p> <p>^{47:5} Pharaoh spoke to Joseph, saying, “Your father and your brothers have come to you. ^{47:6} The land of Egypt is before you. Make your father and your brothers dwell in the best of the land. Let them dwell in the land of Goshen. If you know any able men among them, then put them in charge of my livestock.”</p> <p>Joseph Presents His Father to the King</p> <p>^{47:7} Joseph brought in Jacob, his father, and set him before Pharaoh, and Jacob blessed Pharaoh. ^{47:8} Pharaoh said to Jacob, “How many are the days of the years of your life?”^h ^{47:9} Jacob said to Pharaoh, “The days of the years of my pilgrimage are one hundred thirty years. Few and evil have been the days of the years of my life, and they have not attained to the days of the years of the life of my fathers in the days of their pilgrimage.” ^{47:10} Jacob blessed Pharaoh, and went out</p>
--	---	---

^h 47:4 kemarau **hrfh**: kebuluran

^h 47:4 teruk **hrfh**: berat

^h 47:4 Jadi **hrfh**: Sekarang

^j 47:6 Tanah Meşir berada di hadapanmu **trjmh** 2: Seluruh tanah Meşir terbuka kepadamu **trjmh** 3: Kau bebas memilih mana-mana tempat di tanah Meşir **trjmh** 4: Pemilihan tempat di Meşir terpulang kepada kau

^j 47:7 menghadapkannya kepada **trjmh** lain: memperkenalkannya kepada **hrfh**: membuatnya berdiri di hadapan

^h 47:8 “Berapa umurmu?” **hrfh**: “Berapa hari-hari tahun-tahun hidupmu?”

^h 47:9 Tahun-tahun **hrfh**: Hari-hari tahun-tahun. Sama dlm kegunaan kedua & ketiga.

^t 47:9 pengembaraan **tfsrn** 1: kehidupan **tfsrn** 2: pengembaraan. Sama dlm kegunaan kedua.

^t 47:9 susah **tfsrn** 2: sedih **tfsrn** 3: jahat **hrfh**: jahat

^t 47:10 memberkati Firaun **tfsrn** lain: mengucapkan selamat tinggal kepada Firaun

^h 47:10 dari hadirat **hrfh**: dari depan

<p>^{47:11} Jadi Yosef menempatkan semula^h bapanya dan saudara-saudaranya. Dia memberi kepada mereka kepunyaan di tanah Meşir, di tanah terbaik di tanah Ra`meses,^p seperti yang diperintahkan Firaun. ^{47:12} Yosef juga membekalkan bapanya, saudara-saudaranya dan seluruh keluarga^h bapanya dengan makanan^h menurut jumlah mulut anak.^t</p> <p>Yosef Mentadbir Meşir Dalam Musim Kebuluran</p> <p>^{47:13} Tiada makanan^h di seluruh tanah^t sebab kebuluran itu sangat teruk^h sehingga seisi tanah Meşir dan tanah Kana`an^t lemah lesu disebabkan kebuluran itu. ^{47:14} Jadi Yosef mengumpulkan semua perak^j yang terdapat^h di tanah Meşir dan di tanah Kana`an untuk bijirin yang mereka beli. Seterusnya Yosef membawa perak itu ke rumah Firaun. ^{47:15} Setelah perak dari tanah Meşir dan dari tanah Kana`an habis, seluruh Meşir datang kepada Yosef dan berkata,^j “Berikanlah makanan^h kepada kami, sebab perak kami habis.</p>	<p>^{47:11} Jadi Yosef memilih tempat penempatan semula untuk bapanya dan saudara-saudaranya di Meşir. Dia memindahkan mereka ke situ dan memberikan tanah itu kepada mereka. Sesuai dengan perintah Firaun dia memilih tanah yang terbaik, iaitu di daerah Ra`meses. ^{47:12} Yosef juga membekalkan bapanya, saudara-saudaranya dan seluruh keluarga bapanya dengan makanan menurut jumlah anak mereka masing-masing.</p> <p>Yosef Mentadbir Meşir Dalam Musim Kebuluran</p> <p>^{47:13} Tiada makanan di seluruh kawasan bumi itu sebab kebuluran itu sangat teruk sehingga semua orang di tanah Meşir dan tanah Kana`an lemah lesu disebabkan kebuluran itu. ^{47:14} Jadi dengan menjual bijirin yang tersimpan itu, Yosef mengumpulkan semua perak yang terdapat di negara Meşir dan di tanah Kana`an. Seterusnya dia menyerahkan perak itu ke dalam khazanah istana Firaun. ^{47:15} Setelah orang dari tanah Meşir dan dari tanah Kana`an kehabisan perak, orang Meşir datang kepada Yosef beramai-ramai dan meminta, “Perak kami sudah habis. Berikanlah kami</p>	<p>from the presence of Pharaoh.</p> <p>^{47:11} Joseph placed his father and his brothers, and gave them a possession in the land of Egypt, in the best of the land, in the land of Rameses, as Pharaoh had commanded. ^{47:12} Joseph nourished his father, his brothers, and all of his father’s household, with bread, according to their families.</p> <p>Joseph Administer\$ Egypt During the Famine</p> <p>^{47:13} There was no bread in all the land; for the famine was very severe, so that the land of Egypt and the land of Canaan fainted by reason of the famine. ^{47:14} Joseph gathered up all the money that was found in the land of Egypt, and in the land of Canaan, for the grain which they bought: and Joseph brought the money into Pharaoh’s house. ^{47:15} When the money was all spent in the land of Egypt, and in the land of Canaan, all the Egyptians came to Joseph, and said, “Give us</p>
--	---	---

^{h 47:11} *memindahkan hrhf: menempatkan / menyebabkan tinggal*

^{p 47:11} Waktu itu Ra`meses belum wujud, tetapi daerah itu diberi nama Ra`meses di kemudian hari apabila ada kota bernama Ra`meses di situ. Ra`meses merujuk kpd kota dan daerah di keliling kota itu.

^{h 47:12} *keluarga hrhf: rumah. Rumah di sini bermakna semua yg di bawah naungan bapa, termasuk hamba dan pelayan, dan bukan setakat keluarga saja.*

^{h 47:12} *makanan hrhf: roti*

^{t 47:12} *menurut berapa mulut anak tfsrn 1: menurut berapa anak dalam setiap keluarga tfsrn 2: dengan makanan yang secukupnya untuk mereka tfsrn 3: semuanya dengan makanan yang secukupnya termasuk anak-anak mereka*

^{h 47:13} *makanan hrhf: roti*

^{t 47:13} *tanah tfsrn 1: kawasan tfsrn 2: bumi*

^{h 47:13} *teruk hrhf: berat*

^{t 47:13} *seisi tanah Meşir dan tanah Kana`an tfsrn 1: orang di tanah Meşir dan tanah Kana`an tfsrn 2: tanah Meşir dan tanah Kana`an. Tfsrn 2 bermakna tanah yg menjadi lemah lesu, bukan orang.*

^{j 47:14} *perak trjmhn lain: wang / duit. Ini merujuk kpd kepingan perak dan bukan syiling atau mata wang, tetapi ia ditimbang dan digunakan sbg wang. Sama dlm ayat 15, 16 & 18.*

^{h 47:14} *terdapat hrhf: boleh dicari*

^{j 47:15} *seluruh Meşir datang kepada Yosef dan berkata trjmhn 2: orang Meşir datang kepada Yosef beramai-ramai dan meminta trjmhn 3: seolah-olah semua orang Meşir datang kepada Yosef dan sama-sama berkata. Frasa seluruh Meşir adalah hiperbola; bukan setiap individu atau seorang drpd setiap keluarga datang. Frasa beramai-ramai mungkin lebih tepat utk keadaan sebenarnya.*

^{h 47:15} *makanan hrhf: roti*

<p>Kenapa kami harus mati di hadapanmu?”^j</p> <p>47:16 Yosef berkata, “Berikanlah ternakan kamu dan aku akan memberinya kepada kamu untuk ternakan kamu kalau perak kamu sudah habis.”^j 47:17 Jadi mereka membawa ternakan mereka kepada Yosef dan Yosef memberi kepada mereka makanan^h sebagai tukaran untuk kuda-kuda, kambing, biri-biri,^h lembu-lembu^h dan keldai-keldai. Dia menyara mereka pada tahun itu dengan makanan sebagai tukaran untuk semua ternakan mereka.</p> <p>47:18 Habis tahun itu, mereka^p datang kepadanya dalam tahun kedua dan berkata kepadanya, “Kami tidak akan cuba menyembunyikan dari tuanku^j bahawa oleh kerana perak^j kami habis dan ternakan lembu sudah diberi kepada tuanku, tiada lagi yang tertinggal di hadapan tuanku^t kecuali tubuh kami dan tanah kami. 47:19 Kenapa kami harus mati di depan matamu,^{h,j} baik kami mahupun tanah kami?^h Belilah</p>	<p>makanan. Tidaklah baik membiarkan kami mati di depan matamu!”</p> <p>47:16 Yosef berkata, “Kalau perak kamu sudah habis, berikanlah ternakan kamu dan aku akan memberi bijirin kepada kamu sebagai penukarnya.” 47:17 Jadi mereka membawa ternakan mereka kepada Yosef dan Yosef memberi kepada mereka makanan sebagai tukaran untuk kuda-kuda, kambing, biri-biri, lembu-lembu dan keldai-keldai. Dia menyara mereka pada tahun itu dengan makanan sebagai tukaran untuk semua ternakan mereka.</p> <p>47:18 Sehabis tahun itu, mereka datang lagi kepada Yosef dan berkata, “Kami tidak akan cuba menyembunyikan hakikatnya dari tuanku bahawa oleh kerana perak kami habis dan ternakan lembu sudah diberikan kepada tuanku, tiada lagi yang tertinggal pada kami untuk berdagang dengan tuanku kecuali tubuh dan tanah kami. 47:19 Tidak baik kami mati di depan matamu dan tanah menjadi terbiar. Belilah kami dan tanah kami sebagai tukaran untuk</p>	<p>bread, for why should we die in your presence? For our money fails.”</p> <p>47:16 Joseph said, “Give me your livestock; and I will give you food for your livestock, if your money is gone.”</p> <p>47:17 They brought their livestock to Joseph, and Joseph gave them bread in exchange for the horses, and for the flocks, and for the herds, and for the donkeys: and he fed them with bread in exchange for all their livestock for that year.</p> <p>47:18 When that year was ended, they came to him the second year, and said to him, “We will not hide from my lord how our money is all spent, and the herds of livestock are my lord’s. There is nothing left in the sight of my lord, but our bodies, and our lands. 47:19 Why should we die before your eyes, both we and our land? Buy us and our land for bread, and we and our land will be servants to</p>
---	--	---

^j **47:15** Kenapa kami harus mati di hadapanmu? **Trjmhn 2:** Anda mahu kami mati di hadapan **matamu** kah? **Trjmhn 3:** Apa gunanya kami mati di hadapan **matamu**? **Trjmhn 4:** Janganlah biarkan kami mati di hadapan **matamu**. **Trjmhn 5:** Tidak baik membiarkan kami mati di hadapan **matamu**. **Trjmhn 6:** Kalau tidak, kami akan mati di hadapan **matamu**. **Trjmhn 7:** Kalau kami tidak makan, kami akan mati di hadapan **matamu**.

^j **47:16** kalau perak **kamu sudah** habis **trjmhn 2:** sebab perak **kamu sudah** habis **trjmhn 3:** Oleh sebab perak **kamu sudah** habis Terjemahan 3 boleh digunakan kalau frasa ini dipindahkan ke permulaan ayat.

^h **47:17** makanan **hrfh:** roti **trjmhn lain:** gandum. Sama kali kedua & dlm ayat 19. Sebenarnya dia tdk membeli roti, melainkan bahan membuat roti, iaitu gandum.

^h **47:17** kambing, biri-biri **hrfh:** ternakan kawatan. Istilah kawatan ini merujuk khas kpd kambing atau biri-biri atau kedua-duanya.

^h **47:17** lembu-lembu **hrfh:** ternakan lembu-lembu / ternakan kawatan. Istilah kawatan ini merujuk khas kpd lembu. (Istilahnya lain drpd yg merujuk kpd kambing dan biri-biri.)

^p **47:18** Perkataan mereka di sini merujuk kpd orang Mesir.

^j **47:18** Tuanku **trjmhn lain:** Tuan kami

^j **47:18** perak **trjmhn lain:** wang / duit. Ini merujuk kpd kepingan perak dan bukan syiling atau mata wang, tetapi ia ditimbang dan digunakan sbg wang.

^t **47:18** tiada tertinggal di hadapan Tuanku **tfsrn 1:** tiada tertinggal **pada kami** untuk berdagang dengan Tuanku **tfsrn 2:** tiada apa-apa tertinggal **pada kami** yang boleh dilihat oleh Tuanku

^h **47:19** di depan matamu **hrfh:** kepada matamu

^j **47:19** Kenapa kami harus mati di depan matamu **trjmhn 2:** Anda mahu kami mati di hadapan matamu? **trjmhn 3:** Apa gunanya kami mati di hadapan matamu? **trjmhn 4:** Janganlah biarkan kami mati di hadapan matamu. **trjmhn 5:** Tidak baik membiarkan kami mati di hadapan matamu.

^h **47:19** baik kami mahupun tanah kami **hrfh:** juga kami juga tanah kami

<p>kami dan tanah kami sebagai tukaran untuk makanan^h dan kami serta tanah kami akan menjadi hamba-hamba kepada Firaun. Berikanlah kami benih^t agar kami dapat hidup dan tidak mati dan tanah itu tidak menjadi terbiar.^j</p> <p>47:20 Jadi Yosef membeli semua huma^j di Meşir untuk Firaun kerana setiap orang di Meşir menjual bidang tanah mereka sebab kebuluran itu dahsyat bagi mereka.^h Jadi Firaunlah yang empunya semua tanah itu.^{t h 47:21} Dia memindahkan orang ramai itu ke kota-kota,^m dari sempadan hujung Meşir sampai ke hujungnya.^j</p> <p>47:22 Hanya tanah imam-imam sahaja yang tidak dibelinya^h sebab imam-imam mendapat peruntukan makanan^t daripada Firaun dan mereka makan peruntukan mereka yang diberikan kepada mereka oleh Firaun.^h Itulah sebabnya mereka tidak menjual tanah mereka.</p> <p>47:23 Kata Yosef kepada orang ramai, “Lihat, hari ini^j saya telah membeli kamu dan tanah kamu untuk Firaun. Nah, inilah^h benih;^t</p>	<p>makanan dan kami akan menjadi hamba-hamba Firaun. Tanah kami akan menjadi kepunyaan Firaun. Berikanlah kami benih agar kami dapat hidup dan tidak mati. Kami dapat menanam benih itu agar tanah itu tidak menjadi terbiar.</p> <p>47:20 Jadi Yosef membeli semua huma di Meşir untuk Firaun sebab setiap orang di Meşir terpaksa menjual setiap bidang tanah mereka disebabkan oleh kebuluran itu yang sungguh menyengsarakan mereka. Dengan demikianlah Firaun memperolehi semua tanah itu.^{47:21} Yosef memindahkan semua orang desa ke kota-kota di seluruh Meşir yang dari sebelah hujung sempadan yang satu hingga ke sebelah hujung sempadan yang lain.</p> <p>47:22 Hanya tanah para imam saja yang tidak dijual kepada Yosef sebab para imam menerima peruntukan makanan daripada Firaun dan daripada peruntukan itulah mereka mendapat makan. Itulah sebabnya mereka tidak perlu menjual tanah mereka.</p> <p>47:23 Kata Yosef kepada orang ramai, “Hari ini dengan sahnya saya telah membeli kamu semua dan tanah kamu untuk Firaun. Nah, inilah benih bagi</p>	<p>Pharaoh. Give us seed, that we may live, and not die, and that the land won't be desolate.”</p> <p>47:20 So Joseph bought all the land of Egypt for Pharaoh, for every man of the Egyptians sold his field, because the famine was severe on them, and the land became Pharaoh's.^{47:21} As for the people, he moved them to the cities from one end of the border of Egypt even to the other end of it.</p> <p>47:22 Only he didn't buy the land of the priests, for the priests had a portion from Pharaoh, and ate their portion which Pharaoh gave them. That is why they didn't sell their land.</p> <p>47:23 Then Joseph said to the people, “Behold, I have bought you and your land today for Pharaoh. Behold, here is seed</p>
--	---	--

^{h 47:19} **makanan hrhf:** *roti trjmhn lain: gandum*. Sebenarnya dia tdk membeli *roti*, melainkan bahan membuat roti, iaitu *gandum*.

^{t 47:19} **benih tfsrn 1:** *benih untuk dijadikan makanan dan untuk ditanam tfsrn 2: benih untuk ditanam tfsrn 3: benih untuk dijadikan makanan*

^{j 47:19} **terbiar trjmhn lain:** *tandus*. Maknanya tanah tdk menghasilkan apa-apa yg berguna bagi manusia dan bukannya tiada apa-apa yg tumbuh di situ.

^{j 47:20} **huma trjmhn lain:** *tanah ladang / tanah*

^{h 47:20} **teruk bagi mereka hrhf:** *teruk atas mereka / kuat atas mereka*

^{t 47:20} **semua tanah itu tfsrn 1: semua huma itu tfsrn 2: seluruh negara itu ***

^{h 47:20} **Jadi Firaunlah yang mempunyai semua tanah itu. hrhf:** *Dan tanah itu adalah kepada Firaun.*

^{m 47:21} **Dia memindahkan orang itu ke kota-kota Manuskrip Samaria, Septuaginta:** *Dia memperhambakan orang-orang itu*

^{j 47:21} **kota-kota, dari sempadan hujung Meşir sampai ke hujung trjmhn 2: kota-kota, dari sempadan utara Meşir sampai ke sempadan selatan trjmhn 3: kota-kota, dari hujung utara Meşir sampai ke hujung selatan trjmhn 4: kota-kota Meşir, dari sempadan ke sempadan trjmhn 5: kota-kota di seluruh Meşir**

^{h 47:22} **yang tidak dibelinya hrhf:** *dia tidak membeli*

^{t 47:22} **peruntukan makanan tfsrn 2: peruntukan makanan tfsrn 3: peruntukan wang tfsrn 4: gaji tfsrn 5: kecukupan / keperluan. Tfsrn 2** bermakna istilah ini boleh merujuk kpd wang atau makanan. Tfsrn 5 bermakna Firaun menampung keperluan imam-imam.

^{h 47:22} **yang diberi kepada mereka oleh Firaun hrhf:** *yang Firaun telah memberi kepada mereka*

^{j 47:23} **Lihat, hari ini trjmhn 2: Hari ini dengan sahnya trjmhn 3: Hari ini dengan rasmi**

^{h 47:23} **Nah, inilah hrhf:** *Lihat*

<p>tanami tanah dengannya.^{t 47:24} Pada setiap penuaian^h kamu harus memberi satu per lima^j tuaian kepada Firaun, manakala empat per lima^j kepunyaan kamu,^h untuk benih huma dan untuk makanan kamu dan mereka yang dalam rumah-rumah kamu dan untuk memberi makan kepada anak kamu.^{47:25} Mereka berkata, “Anda telah menghidupkan^j kami; semoga kami memperoleh^h rahmat di mata tuanku.^t Kami akan menjadi hamba-hamba kepada Firaun.</p> <p>^{47:26} Jadi Yosef menetapkan peraturan yang berkuat-kuasa sampai hari ini^p atas seluruh tanah Meşir bahawa satu per lima^j daripada hasil tanah harus diberi kepada Firaun. Hanya tanah imam-imam saja tidak menjadi kepunyaan Firaun.^j</p> <p>Ya`aqob Bersedia Meninggal ^{47:27} Orang Israel^t tinggal di tanah Meşir di tanah Gosyen. Mereka mendapat hartanah^t di situ dan mereka subur dan menjadi sangat banyak.^{47:28} Ya`aqob tinggal di tanah Meşir 17 tahun lamanya. Hari-hari tahun</p>	<p>kamu; tanami tanah dengannya.^{47:24} Pada setiap penuaian kamu haruslah memberi satu per lima tuaian kepada Firaun, manakala empat per lima adalah kepunyaan kamu, untuk benih yang ditanam dan untuk makanan kamu, orang dalam rumah kamu dan anak kamu.^{47:25} Mereka berkata, “Tuanku telah menyelamatkan kami; kami pun berterima kasih terhadap tuanku. Kami sanggup menjadi hamba Firaun.</p> <p>^{47:26} Jadi Yosef menetapkan peraturan yang berkuat kuasa sampai sekarang atas seluruh negara Meşir bahawa satu per lima daripada hasil tanah harus diberikan kepada Firaun. Hanya tanah para imam saja tidak menjadi milik Firaun dan tidak berada di bawah peraturan itu.</p> <p>Ya`aqob Bersedia Meninggal ^{47:27} Orang Israel tinggal di negara Meşir di wilayah Gosyen. Mereka mendapat hartanah di situ dan mereka subur dan menjadi sangat banyak.^{47:28} Ya`aqob tinggal di tanah Meşir selama 17 tahun kemudian meninggal dunia. Seluruh kehidupannya menjangkau</p>	<p>for you, and you shall sow the land.^{47:24} It will happen at the harvests, that you shall give a fifth to Pharaoh, and four parts will be your own, for seed of the field, for your food, for them of your households, and for food for your little ones.”^{47:25} They said, “You have saved our lives! Let us find favor in the sight of my lord, and we will be Pharaoh’s servants.”</p> <p>^{47:26} Joseph made it a statute concerning the land of Egypt to this day, that Pharaoh should have the fifth. Only the land of the priests alone didn’t become Pharaoh’s.</p> <p>Jacob Prepares to Die ^{47:27} Israel lived in the land of Egypt, in the land of Goshen; and they got themselves possessions therein, and were fruitful, and multiplied exceedingly.^{47:28} Jacob lived in the land of Egypt seventeen</p>
--	---	---

^{t 47:23} *Nah, inilah benih; Tfsrn 1: Yosef memberi benih kdp mereka pd masa dia bercakap. Tfsrn 2: Yosef meyakinkan mereka bahawa dia akan memberi benih kpd mereka kemudiannya.*

^{t 47:23} *Nah, inilah benih; tanami tanah dengannya. Tfsrn 2: Nah, inilah benih supaya kamu dapat menanami tanah dengannya. Tfsrn 3: Nah, inilah benih. Kamu boleh menanami tanah dengannya.*

^{h 47:24} *Pada setiap penuaian hrhf: Akan terjadi pada pengumpulan-pengumpulan / Akan terjadi pada penuaian-penuaian*

^{j 47:24} *satu per lima trjmhn 2: 20% / dua-puluh peratus. Sama dlm ayat 26.*

^{j 47:24} *empat per lima trjmhn 2: 80% / lapan-puluh peratus*

^{h 47:24} *empat per lima kepunyaan kamu hrhf: empat tangan-tangan akan menjadi kepada kamu. Perkataan tangan di sini bermakna bahagian.*

^{j 47:25} *menghidupkan trjmhn 2: menyelamatkan trjmhn 3: menyara*

^{h 47:25} *memperoleh hrhf: mencari / menemui*

^{t 47:25} *semoga kami memperoleh rahmat di mata Tuanku Tfsrn 1: kami pun berterimakasih terhadap Tuanku ~Tfsrn 2: kami sanggup membuat kehendak Tuanku ~Tfsrn 3: semoga kami berkenan di mata Tuanku Tfsrn 4: Oleh sebab Tuanku telah berbuat baik terhadap kami. Tfsrn 1 & 2 menganggap ini sbg kiasan dlm b. Ibrani.*

^{p 47:26} *Perkataan hari ini atau sekarang bermakna ia berkuatkuasa sampai masa buku ini ditulis, iaitu zaman Musa.*

^{j 47:26} *satu per lima trjmhn 2: 20% / dua puluh peratus*

^{j 47:26} *Hanya tanah imam-imam saja tidak menjadi kepunyaan Firaun. Trjmhn 2: Hanya tanah para imam saja tidak menjadi kepunyaan Firaun dan tidak berada di bawah peraturan itu. Trjmhn 3: Oleh sebab tanah para imam tidak menjadi kepunyaan Firaun, mereka sahaja yang tidak perlu membayar satu per lima itu.*

^{t 47:27} *Orang Israel tfsrn lain: Israel iaitu Ya`aqob*

^{t 47:27} *hartanah tfsrn lain: harta / kepunyaan / milik*

<p>kehidupan Ya`aqob adalah 147 tahun. ^{47:29} Apabila hari-hari kematian Israel menjelang, dia memanggil anaknya Yosef untuk berkata kepadanya, “Kalau aku telah memperoleh^h rahmat di mata mu, tolong letakkan tanganmu di bawah pangkal pahaku^p untuk bersumpah bahawa^j engkau akan berlaku dengan kemurahan^j dan taat setia.^t Janganlah menguburkan ku di Meşir. ^{47:30} Melainkan apabila saya berbaring dengan bapa dan moyangku,^{h t} kamu harus membawa ku dari Meşir dan menguburkan ku dalam kubur mereka.”^p Dia berkata, “Aku akan melakukannya menurut katamu.”^{47:31} Katanya, “Bersumpahlah kepada saya.” Jadi dia bersumpah kepadanya. Lalu Israel bertunduk^t di atas^h tongkatnya.^m</p>	<p>147 tahun. ^{47:29} Apabila Israel sedar kematiannya sudah dekat, dia menyuruh orang memanggil anaknya Yosef dan berkata kepadanya, “Kalau ayah berkenan di mata mu, tolong letakkan tanganmu di bawah pangkal paha ayah untuk bersumpah bahawa engkau akan bermurah hati dan taat setia kepada ayah untuk tidak menguburkan ayah di Meşir, ^{47:30} melainkan apabila ayah meninggal seperti bapa dan moyang ayah, kamu harus membawa jenazah ayah dari Meşir dan menguburkannya dalam kubur mereka.” Yosef menjawab, “Aku akan melakukannya sesuai dengan permintaan ayah.”^{47:31} Katanya, “Bersumpahlah kepada ayah.” Jadi Yosef bersumpah kepadanya bahawa ia akan melakukannya. Lalu Israel berdiri dan bertunduk kepada Yosef sambil bertopang pada tongkatnya.</p>	<p>years. So the days of Jacob, the years of his life, were one hundred forty-seven years. ^{47:29} The time drew near that Israel must die, and he called his son Joseph, and said to him, “If now I have found favor in your sight, please put your hand under my thigh, and deal kindly and truly with me. Please don’t bury me in Egypt, ^{47:30} but when I sleep with my fathers, you shall carry me out of Egypt, and bury me in their burying place.” He said, “I will do as you have said.” ^{47:31} He said, “Swear to me,” and he swore to him. Israel bowed himself on the bed’s head.</p>
--	---	--

^{h 47:29} memperoleh hrffh: mencari / menemui

^{p 47:29} Istilah *pangkal paha* adalah eufemisme utk kemaluan. Tangannya ditaruh di bawa kemaluan Ya`aqob. Dlm adat mereka, ini adalah satu cara mereka memperkukuhkan janji, atau membuat janji suci, atau sumpah yg wajib ditunaikan. Tidaklah diketahui sebenarnya apa yg dilambangkan oleh perbuatan aneh ini. Ada orang berpendapat ia mempunyai kaitan dgn sunat dan janji yg diberi kpd Abraham mengenai sunat (lihat 17:1-14). Tindakan ini juga dibuat di 24:2 dgn Abraham.

^{j 47:29} tolong letakkan tanganmu di bawah pangkal pahaku **untuk bersumpah bahawa** ... trjmhn 2: tolong bersumpah bahawa ... trjmhn 3: tolong letakkan tanganmu di bawah pangkal pahaku **sebagai tanda engkau bersumpah bahawa** ... trjmhn 4: tolong letakkan tanganmu di bawah pangkal pahaku Kalau trjmhn 4 digunakan, ia haruslah disertai dgn nota kaki spt berikut: Tindakan ini melambangkan bahawa orang yg melakukannya bersumpah utk melakukan hal yg dijanjikannya.

^{j 47:29} kemurahan trjmhn 2: kasih setia trjmhn 3: kasih trjmhn 4: kasihan trjmhn 5: kebaikan b. Ibrani: *hesed*

^{t 47:29} taat setia trjmhn 2: ketaatan trjmhn 3: kesetiaan tfsrn 2: kebenaran b. Ibrani: *emet*. Dua perkataan ini digunakan bersama di 24:27, 49; dan 32:10 juga.

^{h 47:30} bapa dan moyangku hrffh: bapa-bapaku. Dlm b. Ibrani istilah *bapa* boleh merangkumi moyang.

^{t 47:30} apabila saya berbaring dengan bapa dan moyangku tfsrn 1: apabila saya meninggal sama seperti bapa dan moyangku tfsrn 2: apabila saya meninggal dan dipersatukan dengan bapa dan moyangku / apabila saya meninggal dan ikut serta bapa dan moyangku tfsrn 3: apabila saya dikuburkan bersama bapa dan moyangku tfsrn 4: apabila rohku berkumpul bersama bapa dan moyangku

^{p 47:30} Cara penguburan orang Israel lain drpd yg lain. Mayat dibaringkan dlm gua atau lubang yg dipahat ke dalam cenuram batu lalu lubang itu ditutup dgn batu besar. Dalam sebuah kubur, terdapat tempat utk membaringkan beberapa mayat, sehingga 9 mayat. Apabila mayat tinggal tulang saja, tulang-tulang itu dipindahkan ke dlm lubang yg agak kecil, dan bekas tempat baringnya boleh digunakan sekali lagi utk mayat baru. Dgn cara itu akhirnya tulang-tulang semua nenek moyang dikumpulkan ke dlm satu lubang.

^{t 47:31} Israel bertunduk tfsrn 1: Israel bertunduk/bersujud kepada Yosef tfsrn 2: Israel bertunduk/bersujud **untuk menyembah Allah** tfsrn 3: *badan* Israel terbongkok. Tfsrn 3 bermakna badan Ya`aqob terbongkok dr keadaan duduk atas katil.

^{h 47:31} atas hrffh: kepala

^{m 47:31} di atas tongkatnya manuskrip Masoretik: di kepala katilnya *. Teks didasarkan Septuaginta. Tindakan ini disebut di Ibr 11:21.

<p><i>Ya`aqob Diberitahu Janji Allah untuk Orang Israel Kelak (48:1 – 50:26)</i></p> <p>Ya`aqob Memberkati Anak-Anak Yosef</p> <p>^{48:1} Selepas hal-hal tersebut,^h seseorang berkata kepada Yosef, “Ketahuilah,^h bapamu sakit.”^j Jadi dia membawa kedua-dua anaknya Menasyeh dan Efraim bersamanya pergi kepada bapanya. ^{48:2} Kemudian orang memberitahu Ya`aqob dengan berkata, “Maklumlah,^h anakmu Yosef telah datang kepada mu. Jadi Israel mengumpulkan tenaganya^h dan duduk atas katilnya.^j</p> <p>^{48:3} Ya`aqob berkata kepada Yosef, “El-Syadayⁿ menampakkan dirinya kepada ku di Luz di tanah Kana`an dan memberkati saya. ^{48:4} Dia berkata kepada saya, ‘Ketahuilah,^h aku akan membuat mu subur^h dan memperbanyakkan mu dan menjadikan mu kumpulan banga-bangsa,^{h,j} dan akan ku berikan tanah ini kepada zuriatmu yang menyusuli mu sebagai milik buat selama-lamanya.’^p</p> <p>^{48:5} Sekarang dua anak lelaki mu Efraim dan Menasyeh yang dilahir</p>	<p><i>Ya`aqob Diberitahu Janji Allah untuk Orang Israel Kelak (48:1 – 50:26)</i></p> <p>Ya`aqob Memberkati Anak-Anak Yosef</p> <p>^{48:1} Beberapa lama kemudian, seseorang memberitahu Yosef, “Ketahuilah, kesihatan bapamu semakin merosot.” Jadi dia membawa kedua-dua anaknya, Menasyeh dan Efraim bersamanya pergi bertemu bapanya. ^{48:2} Apabila Ya`aqob diberitahu bahawa anaknya Yosef telah datang kepadanya, dia menguatkan dirinya dan duduk di atas katilnya.</p> <p>^{48:3} Ya`aqob berkata kepada Yosef, “El-Syaday – Allah yang Berdaulat – menampakkan dirinya kepada ayah di Luz di tanah Kana`an dan memberkati ayah ^{48:4} dengan berkata, ‘Ketahuilah, aku akan membuat mu subur dan memperbanyakkan keturunanmu serta menjadikan keturunanmu kumpulan bangsa-bangsa. Aku akan memberikan tanah ini sebagai milik buat selama-lamanya kepada zuriatmu selepas mu.’</p> <p>^{48:5} Sekarang dua anak mu Efraim dan Menasyeh yang dilahirkan bagi</p>	<p><i>Israel Informed How God Will Fulfill His Promises to His People (48:1 – 50:26)</i></p> <p>Jacob Blesses Joseph’s Sons Ephraim and Manasseh</p> <p>^{48:1} After these things, someone said to Joseph, “Behold, your father is sick.” He took with him his two sons, Manasseh and Ephraim. ^{48:2} Someone told Jacob, and said, “Behold, your son Joseph comes to you,” and Israel strengthened himself, and sat on the bed.</p> <p>^{48:3} Jacob said to Joseph, “God Almighty appeared to me at Luz in the land of Canaan, and blessed me, ^{48:4} and said to me, ‘Behold, I will make you fruitful, and multiply you, and I will make of you a company of peoples, and will give this land to your seed after you for an everlasting possession.’”</p> <p>^{48:5} Now your two sons, who were born to you in the land of</p>
---	---	---

^{h 48:1} tersebut **hrfh:** itu

^{h 48:1} Ketahuilah **hrfh:** Lihat

^{j 48:1} “Maklum, bapamu sakit.” **trjmh 2:** “Maklum, kesihatan bapamu merosot.” **trjmh 3:** “Kesihatan bapamu sangat merisaukan.” **trjmh 4:** “Bapamu dijangka tidak akan hidup lama lagi.” Dlm konteks ini, mesej ini bermakna bapanya mungkin akan meninggal tidak lama lagi. Biasanya kita memakai eufemisme utk hal spt ini.

^{h 48:2} Maklumlah **hrfh:** Lihat

^{h 48:2} mengumpulkan tenaganya **hrfh:** menguatkan diri

^{j 48:2} Jadi Israel mengumpulkan tenaganya dan duduk atas katilnya. **trjmh 2:** Jadi Israel dengan segala tenaganya berusaha untuk duduk atas katilnya. **trjmh 3:** Jadi Israel duduk atas katilnya, dan itu memerlukan segala tenaganya

^{n 48:3} El-Syaday **atau:** Allah yang Berdaulat. El bermakna Allah, manakala Syaday biasanya dianggap merujuk kpd kuasa, dan sering diterjemah sebagai Mahakuasa dlm b. Melayu. Oleh itu, El-Syaday biasanya diterjemah sebagai Allah Mahakuasa. Ada juga yg menterjemahnya sebagai Allah yang Berdaulat (iaitu Sovereign God dlm b. Inggeris). Walau bagaimanapun, makna sebenar Syaday tdk diketahui dgn pasti. Nama ini digunakan di 17:1, 28:3 dan 35:11 juga.

^{h 48:4} Ketahuilah **hrfh:** Lihat

^{h 48:4} subur **hrfh:** berbuah

^{h 48:4} banga-bangsa **hrfh:** orang-orang

^{j 48:4} menjadikan mu kumpulan banga-bangsa **trjmh 2:** menjadikan **keturunanmu** kumpulan banga-bangsa **trjmh 3:** menjadikan mu **bapa kepada** kumpulan banga-bangsa

^{p 48:4} Peristiwa yg dimaksudkan oleh Ya`aqob berlaku di 35:9-13. Dlm fahaman mereka, semua keturunan terkandung dlm orang itu, dan oleh itu dia sendiri menjadi bangsa-bangsa dsb.

bagi mu di tanah Mesir sebelum saya datang kepada mu di ^h Mesir, mereka milikmu ^h sama seperti Reuben dan Syim`on ^p adalah milikmu. ^j **48:6** Anak lelaki mu yang engkau peroleh ^h dan yang menyusuli mereka akan menjadi milikmu. Dalam **hal** warisan, mereka akan dikira ^h menurut nama abang-abang mereka. **48:7** Waktu saya datang dari Padan, saya kematian Rahele di tanah Kana`an dalam perjalanan ke Efrat semasa ia agak jauh lagi. Saya menguburkannya di situ dalam perjalanan ke Efrat, iaitu **dekat** Bet-Lehem. ^p

48:8 Lalu Israel melihat anak-anak Yosef dan berkata, “Siapa mereka ini?” ^{t p} **48:9** Yosef berkata kepada bapanya, “Mereka anak ku yang Allah anugerahkan ^j kepada ku di sini.” Katanya, “Bawalah mereka kepada ku agar saya dapat memberkati mereka.” **48:10** Adapun mata Israel kabur disebabkan tua; ^h dia tidak dapat melihat **dengan jelas**. Jadi dia membawa mereka kepadanya dan dia mencium mereka dan memeluk mereka. **48:11** Lalu Israel berkata kepada Yosef, “Saya **langsung** tidak menyangka saya dapat melihat mukamu **semula**. Tengok, Allah telah menunjukkan zuriatmu kepada

mu di tanah Mesir sebelum ayah datang kepada mu di Mesir **akan dikira sebagai** anakku sama seperti Reuben dan Syim`on adalah anakku. **48:6** Anak lelaki yang dilahirkan kepada mu selepas ini akan berbakapakan engkau. Dalam **hal** mewarisi **tanah di Kana`an nanti**, mereka akan mewarisi sebidang tanah di dalam tanah **milik** dua orang abang mereka. **48:7** Waktu ayah datang dari Padan, ayah kematian **ibumu**, Rahele di tanah Kana`an dalam perjalanan ke Efrat semasa ia agak jauh lagi. Ayah menguburkannya di situ dalam perjalanan ke Efrat, iaitu **dekat** Bet-Lehem.

48:8 Lalu Israel melihat **ke arah** anak-anak Yosef dan bertanya, “Siapa mereka ini?” **48:9** Yosef menjawabnya, “Mereka anak ku yang Allah anugerahkan kepada ku di sini.” Kata Israel, “Bawalah mereka kepada ku agar ayah dapat mengucapkan berkat atas mereka.” **48:10** Adapun mata Israel kabur disebabkan umur lanjutnya; dia tidak dapat melihat **dengan jelas lagi**. Jadi Yosef membawa kedua-dua anaknya kepadanya dan dia mencium dan memeluk mereka. **48:11** Lalu Israel berkata kepada Yosef, “Tidak disangka-sangka bahawa ayah dapat melihat mukamu **semula di dunia ini**. Tengok, Allah telah mengizinkan ayah melihat keturunanmu juga.” **48:12**

Egypt before I came to you into Egypt, are mine; Ephraim and Manasseh, even as Reuben and Simeon, will be mine. **48:6** Your issue, whom you become the father of after them, will be yours. They will be called after the name of their brothers in their inheritance. **48:7** As for me, when I came from Paddan, Rachel died by me in the land of Canaan on the way, when there was still some distance to come to Ephrath, and I buried her there on the way to Ephrath (the same is Bethlehem).”

48:8 Israel saw Joseph’s sons, and said, “Who are these?” **48:9** Joseph said to his father, “They are my sons, whom God has given me here.”

He said, “Please bring them to me, and I will bless them.” **48:10** Now the eyes of Israel were dim for age, so that he couldn’t see. He brought them near to him; and he kissed them, and embraced them. **48:11** Israel said to Joseph, “I didn’t think I would see your face, and behold, God has let me see your seed also.” **48:12** Joseph brought them out from between his knees, and he bowed himself

^h **48:5** *di hrhf: ke*

^h **48:5** *milikku hrhf: kepada ku. Di sini kepada ku bermakna milikku atau anakku.*

^p **48:5** *Reuben dan Syim`on adalah anak sulung dan anak kedua Ya`aqob.*

^j **48:5** *mereka milikku sama seperti Reuben dan Syim`on adalah milikku. trjmhn 2: mereka akan dikira anakku sama seperti Reuben dan Syim`on adalah anakku. trjmhn 3: mereka dijadikan anak angkatku sehingga mereka anakku sama seperti Reuben dan Syim`on adalah anakku.*

^h **48:6** *dikira hrhf: dipanggil*

^p **48:7** *Mungkin dia menceritakan hal Rahele yg meninggal sewaktu dia cuma mempunyai dua orang anak saja sebab dgn menjadikan dua anak Yosef itu sbg anak angkatnya, mereka juga menjadi anak Rahele. Oleh itu dia memperbanyakkan anak Rahele menjadi empat orang.*

^t **48:8** *Lalu Israel melihat anak-anak Yosef dan berkata, “Siapa mereka ini?” tfsrn lain: Apabila Israel melihat anak-anak Yosef dia berkata, “Siapa mereka ini?”*

^p **48:8** *Kebanyakan pentafsir berpendapat ini bukan jenis soalan utk mendapat maklumat melainkan soalan rasmi yg digunakan dlm upacara mengangkat anak. Tetapi ada juga yg berpendapat penglihatan Israel kabur dan dia mahu memastikan bahawa mereka memang anak Yosef.*

^j **48:9** *anugerahkan trjmhn lain: memberikan*

^h **48:10** *kabur dari tuanya hrhf: berat dengan tua*

<p>saya juga.”^{48:12} Kemudian Yosef membawa mereka dari dekat lutut-lututnya^t dan bersujud dengan mukanya ke tanah.^t</p> <p>^{48:13} Seterusnya Yosef membawa kedua-duanya kepada Israel, Efraim di sebelah tangan kanannya ke sebelah kiri Israel, dan Menasyeh di sebelah kirinya ke sebelah kanan Israel. Dia menempatkan mereka dekat dia.</p> <p>^{48:14} Tetapi Israel menghulurkan tangan kanannya dan meletakkannya di atas kepala Efraim walaupun dia yang bongsu,^h dan tangan kirinya di atas kepala Menasyeh sehingga tangannya bersilang walaupun Menasyeh anak sulung.^{48:15}</p> <p>Setelah itu dia memberkati Yosef^m dan berkata, “Allah yang bapa-bapaku Abraham dan Yiş’haq berjalan di hadapannya, Allah yang menggembalikan^j ku sejak aku ada sampai hari ini,^{48:16} Pesuruh^j yang menebus ku daripada semua kejahatan^j memberkati teruna-teruna ini,^p dan semoga dalam mereka namaku dan nama bapa-bapaku Abraham dan Yiş’haq disebut. Semoga mereka menjadi banyak sampai menjadi ramai di bumi.</p> <p>^{48:17} Yosef melihat bahawa bapanya meletakkan tangan kanannya di atas kepala Efraim dan itu tidak baik^h di matanya. Jadi dia memegang tangan</p>	<p>Kemudian Yosef membawa anak-anaknya ke sebelah-menyebelah lutut bapanya dan bersujud di hadapannya dengan mukanya menghadap ke tanah.</p> <p>^{48:13} Seterusnya Yosef membawa kedua-dua anaknya menghadap dekat kepada Israel. Efraim dipegang dengan tangan kanannya dan Menasyeh dengan tangan kirinya agar Efraim berada di sebelah kiri Israel manakala Menasyeh berada di sebelah kanannya.^{48:14} Tetapi Israel menghulurkan tangan kanannya dan menjamah kepala Efraim walaupun dialah yang bongsu. Kemudian dia menyilangkan tangannya dan menjamah kepala Menasyeh dengan tangan kirinya walaupun Menasyeh anak sulung.^{48:15-16} Setelah itu, dia memberkati Yosef dan anak-anaknya. Katanya, “Datukku Abraham dan bapaku Yiş’haq menjalankan hidup mereka di sisi Allah, dan dialah yang menggembalikan ku sepanjang umur ku sampai hari ini.^{48:16} Dia juga Pesuruh yang telah menyelamatkan ku daripada semua yang tidak baik. Semoga dia memberkati teruna-teruna ini, dan semoga dalam mereka namaku dan nama datukku, Abraham dan bapaku, Yiş’haq diabadikan. Semoga keturunan mereka bertambah banyak sampai menjadi ramai di bumi.</p> <p>^{48:17} Yosef melihat bahawa bapanya meletakkan tangan kanannya di atas kepala Efraim dan dia merasakan bahawa ia tidak sesuai. Jadi dia memegang tangan bapanya untuk</p>	<p>with his face to the earth.</p> <p>^{48:13} Joseph took them both, Ephraim in his right hand toward Israel’s left hand, and Manasseh in his left hand toward Israel’s right hand, and brought them near to him.</p> <p>^{48:14} Israel stretched out his right hand, and laid it on Ephraim’s head, who was the younger, and his left hand on Manasseh’s head, guiding his hands knowingly, for Manasseh was the firstborn.^{48:15} He blessed Joseph, and said, “The God before whom my fathers Abraham and Isaac walked, the God who has fed me all my life long to this day,^{48:16} the angel who has redeemed me from all evil, bless the lads, and let my name be named on them, and the name of my fathers Abraham and Isaac. Let them grow into a multitude in the midst of the earth.”</p> <p>^{48:17} When Joseph saw that his father laid his right hand on the head of Ephraim, it displeased him. He held up his father’s hand, to remove it from</p>
--	--	---

^t 48:12 dari dekat lutut-lututnya **tfsrn lain:** dari atas lutut-lututnya **hrfh:** dari dengan lutut-lututnya

^t 48:12 tanah **tfsrn lain:** lantai

^h 48:14 Efraim walaupun dia yang bongsu **hrfh:** Efraim dan dialah yang kecil **tfsrn lain:** Efraim; dialah anak bongsu

^m 48:15 Setelah itu dia memberkati Yosef **Trjmhn kuno Vulgate:** Dan dia memberkati anak-anak Yosef. **Trjmhn kuno Septuaginta:** Dan dia memberkati mereka. Di sini, mereka merujuk kpd anak-anak Yosef.

^j 48:16 menggembala ku **trjmhn 2:** menjaga dan memimpin ku **trjmhn 3:** menjaga ku **trjmhn 4:** memimpin ku

^j 48:16 Pesuruh **trjmhn 2:** Malaikat **trjmhn 3:** Utusan. Dlm konteks lain, kami menterjemah ini sbg malaikat, tetapi apabila ia merujuk kpd penjelmaan Allah kami menterjemahnya sbg Pesuruh. Pesuruh juga disebut di 16:7; 21:17; 22:11, 15; 24:7, 40; 31:11; 32:1-2.

^j 48:16 daripada semua kejahatan **trjmhn 2:** daripada semua bahaya **trjmhn 3:** daripada diapa-apakan **trjmhn 4:** daripada semua kesusahan. Dlm konteks ini perkataan ini lebih merujuk kpd bahaya atau keadaan buruk, bukan kejahatan dari segi moral.

^p 48:16 Umur anak-anak Yosef dijangka hampir 20 tahun. Itu sebabnya kami menggunakan istilah teruna di sini.

^h 48:17 tidak baik **hrfh:** jahat. Istilah b. Ibrani *ra`a`* ini sangat luas maknanya, termasuk tidak baik, kurang menyenangkan, susah, jahat dsb.

<p>bapanya untuk memindahkannya dari atas kepala Efraim ke atas kepala Menasyeh.^{p 48:18} Kata Yosef kepada bapanya, “Janganlah buat begitu, bapaku, sebab inilah anak sulung.^t Letakkan tangan kananmu di atas kepala dia.”</p> <p>^{48:19} Tetapi bapanya membantah dan berkata, “Saya tahu anakku, saya tahu. Saya juga tahu bahawa dia akan menjadi suku-kaum, dan dia akan menjadi besar juga. Walau macam mana pun, saudaranya yang bongsu akan menjadi lebih besar daripada dia dan zuriatnya akan menjadi sebanyak satu bangsa penuh.^t</p> <p>^{48:20} Seterusnya dia memberkati mereka pada hari itu dengan berkata, “Dengan nama kamu masing-masing^t orang Israel akan mengucapkan berkat begini:^h ‘Semoga Allah menjadikan engkau seperti Efraim dan seperti Menasyeh.’” Dengan demikian dia menempatkan Efraim di hadapan Menasyeh.</p> <p>^{48:21} Kemudian Israel berkata kepada Yosef, “Ketahuilah,^h saya akan mati, tetapi Allah akan menyertai kamu dan membawa kamu balik ke tanah bapa-bapa kamu.^{48:22} Saya akan memberikan kepada mu lebih daripada saudara-saudaramu,^t iaitu kawasan kota Syekhem^t yang telah saya ambil</p>	<p>memindahkannya dari atas kepala Efraim ke atas kepala Menasyeh.^{48:18} Kata Yosef kepada bapanya, “Ayah, janganlah buat begitu, sebab inilah anak sulung. Letakkan tangan kanan ayah di atas kepala dia.”</p> <p>^{48:19} Tetapi bapanya membantah. Katanya, “Ayah tahu anakku, ayah tahu. Ayah juga tahu bahawa keturunan Menasyeh akan menjadi suku-kaum yang agak besar juga. Walau bagaimanapun, keturunan adik bongsunya akan menjadi lebih besar daripada keturunannya sehingga mereka menjadi seramai satu bangsa penuh.</p> <p>^{48:20} Seterusnya dia memberkati mereka pada hari itu. Katanya, “Pada masa depan orang Israel akan mengucapkan berkat dengan menggunakan nama kamu masing-masing begini: ‘Semoga Allah menjadikan engkau seperti Efraim dan Menasyeh.’” Dengan demikian dia mengutamakan Efraim daripada Menasyeh.</p> <p>^{48:21} Kemudian Israel berkata kepada Yosef, “Ketahuilah, tidak lama lagi ayah akan meninggal, tetapi Allah akan menyertai kamu dan membawa kamu balik ke tanah nenek moyang kamu.^{48:22} Lebih daripada saudara-saudaramu ayah akan memberikan kepada mu, kawasan kota Syekhem yang telah ayah ambil daripada tangan</p>	<p>Ephraim’s head to Manasseh’s head.^{48:18} Joseph said to his father, “Not so, my father; for this is the firstborn; put your right hand on his head.”</p> <p>^{48:19} His father refused, and said, “I know, my son, I know. He also will become a people, and he also will be great. However, his younger brother will be greater than he, and his seed will become a multitude of nations.”</p> <p>^{48:20} He blessed them that day, saying, “In you will Israel bless, saying, ‘God make you as Ephraim and as Manasseh’” He set Ephraim before Manasseh.</p> <p>^{48:21} Israel said to Joseph, “Behold, I am dying, but God will be with you, and bring you again to the land of your fathers.^{48:22} Moreover I have given to you one portion above your brothers, which I took out of the hand of the Amorite with my sword and with my bow.”</p>
---	--	--

^{p 48:17} Dlm adat mereka, tangan kanan yg membawa berkat utama, dan ia harus diberi kpd anak sulung.

^{t 48:18} *Jangan membuat begitu, bapaku, sebab inilah anak sulung. tfsrn lain: Bapa silap; jangan letakkan tangan kanan atas dia, sebab inilah anak sulung.*

^{t 48:19} *menjadi sebanyak satu bangsa penuh tfsrn 2: menjadi banyak bangsa tfsrn 3: menjadi satu bangsa penuh hrhf: menjadi bangsa-bangsa penuh*

^{t 48:20} *Dengan nama kamu masing-masing tfsrn 2: Dalam kau dan kedua-dua anakmu tfsrn 3: Dalam kau hrhf: Dengan/Dalam kau. Walaupun istilah kau mufrad (bentuk tunggal), kami menganggap ia merujuk kpd masing-masing dua anak itu. Tfsrn 2 menganggap kau merujuk kpd Yosef. Tfsrn 3 menganggap kau merujuk kpd Yosef atau Efraim sbg wakil kedua-dua anak itu.*

^{h 48:20} *mengucapkan berkat begini hrhf: memberkati dengan berkata*

^{h 48:21} *Ketahuilah hrhf: Lihat*

^{t 48:22} *Saya akan memberi kepada mu lebih daripada saudara-saudaramu tfsrn 2: Saya akan memberi kepada mu – yang berada di atas saudara-saudaramu tfsrn 3: Saya akan memberi kepada mu daripada kepada saudara-saudaramu hrhf: Saya akan memberi kepada mu (satu/lebih) atas saudara-saudaramu*

^{t 48:22} *iaitu kawasan kota Syekem tfsrn 2: (satu) lereng bukit/gunung / rabung bukit/gunung tfsrn 3: Saya memberi kepada mu daripada kepada saudara-saudaramu hrhf: (satu) bahu. Nama Sykemem bermakna bahu.*

<p>daripada tangan orang Emor dengan pedangku dan panahku.^p</p> <p>Pemberkatan dan Nubuatan Ya`aqob</p> <p>^{49:1} Selepas itu Ya`aqob memanggil anak-anaknya dan berkata, “Berkumpullah dan aku akan memberitahu kamu apa yang akan berlaku^h kepada kamu^j pada hari-hari yang akan datang.^j ^{49:2} Wahai anak-anak Ya`aqob,^j berkumpullah dan dengarlah, dengarlah bapa kamu Israel.</p> <p>^{49:3} Reuben, engkaulah anak sulungku, hasil kudratku dan cena pertama tenaga kelelakianku, unggul dalam martabat dan kuasa ^{49:4} tetapi perosak seperti air banjir dan tidak akan menjadi unggul sebab kau masuk^h katil bapamu dan mencemarinya – dia masuk tempat tidur ku!^{h m p}</p> <p>^{49:5} Syim`on dan Lewi adalah saudara sesifat; alat-alat^j keganasan mereka adalah pisau sunat^t mereka. ^{49:6} Wahai jiwa ku, janganlah masuk permuafakatan mereka, wahai hati ku,^h janganlah dipersatukan^j dengan kumpulan mereka. Sebab dalam berang mereka, mereka telah membunuh orang dan dalam kesukaan mereka,</p>	<p>orang Emor dengan pedang dan panah ayah.</p> <p>Pemberkatan dan Nubuatan Ya`aqob</p> <p>^{49:1} Selepas itu Ya`aqob memanggil anak-anaknya. Sesudah mereka semua tiba dia berkata, “Berkumpullah dan aku akan memberitahu kamu apa yang akan berlaku kepada kamu dan keturunan kamu pada masa depan. ^{49:2} Wahai anak-anak Ya`aqob, berkumpullah dan dengarlah, dengarlah kata-kata bapa kamu Israel.</p> <p>^{49:3} Reuben, engkaulah anak sulungku, hasil kudratku dan bukti pertama tenaga kelakianku, unggul dalam martabat dan kuasa. ^{49:4} Tetapi kau perosak seperti air banjir dan tidak akan menjadi unggul sebab kau masuk katil bapamu dan mencemarinya dengan meniduri gundik bapa. Kau masuk tempat tidur ku!</p> <p>^{49:5} Syim`on dan Lewi adalah saudara sesifat; alat keganasan mereka adalah pisau sunat. ^{49:6} Wahai jiwa ku, janganlah masuk permuafakatan mereka, wahai hati ku, janganlah bersubahat dengan mereka. Sebab mereka melumpuhkan lembu sesuka hati malah dalam berang mereka membunuh orang. ^{49:7} Disebabkan kemarahan mereka yang dahsyat, ya,</p>	<p>Jacob's Speaks His Last Words to His Sons</p> <p>^{49:1} Jacob called to his sons, and said: “Gather yourselves together, that I may tell you that which will happen to you in the days to come.</p> <p>^{49:2} Assemble yourselves, and hear, you sons of Jacob. Listen to Israel, your father.</p> <p>^{49:3} “Reuben, you are my firstborn, my might, and the beginning of my strength; excelling in dignity, and excelling in power.</p> <p>^{49:4} Boiling over like water, you shall not excel; because you went up to your father's bed, then defiled it. He went up to my couch.</p> <p>^{49:5} “Simeon and Levi are brothers. Their swords are weapons of violence.</p> <p>^{49:6} My soul, don't come into their council. My glory, don't be united to</p>
---	--	--

^p ^{48:22} Tdk diketahui samada ia merujuk kpd peristiwa di mana Syim`on dan Lewi membunuh semua lelaki di kota Syekhem (Per/Kej 34) atau peristiwa lain yg tdk ditulis dlm Al-Kitab.

^h ^{49:1} berlaku **hrfh**: memanggil

^j ^{49:1} kepada kamu **trjmh** 2: kepada kamu **dan keturunan kamu** **trjmh** 3: kepada kamu **sebangsa**

^j ^{49:1} pada hari-hari yang akan datang **trjmh** lain: di belakang hari **hrfh**: pada hari-hari akhir

^j ^{49:2} **Wahai** anak-anak Ya`aqob **trjmh** lain: **Wahai** anak-anakku

^h ^{49:4} masuk **hrfh**: naik. Sama dlm kegunaan kedua.

^h ^{49:4} tempat tidur **hrfh**: kerusi panjang / sofa. Dia menggunakan istilah kedua utk tempat yg sama. Kami menggunakan *tempat tidur* sebab ia lebih sesuai dlm b. Melayu dan kerana ia berbunyi spt tempat yg sama.

^m ^{49:4} dia masuk tempat tidur ku **Trjmh** Septuaginta: kau masuk tempat tidur ku

^p ^{49:4} Peristiwa berkenaan dikisahkan di 35:22 di mana Reuben bersetubuh dgn gundik bapanya.

^j ^{49:5} alat-alat **trjmh** lain: senjata-senjata **hrfh**: alat-alat / bekas-bekas **Manuskrip** lain: menyelesaikan

^t ^{49:5} pisau sunat ~tfsrn lain: pedang-pedang. Rupa-rupanya ini merujuk kpd peristiwa di Per/Kej 34. Di situ pisau sunat dan pedang menjadi alat keganasan, dan oleh itu susah memilih yg mana satu dimaksudkan.

^h ^{49:6} hati **hrfh**: kemuliaan / hormat. Kalau vokal yg lain digunakan, perkataan ini menjadi *hati* (organ). Walaupun *hormat* adalah yg tepat, maknanya secara kiasan adalah *hati*.

^j ^{49:6} dipersatukan **trjmh** 2: bermesyuarat **trjmh** 3: ikut serta **hrfh**: alat-alat / bekas-bekas **Manuskrip** lain: menyelesaikan

<p>mereka telah memotong tendon hamstring lembu.^{p 49:7} Terkutuklah kemarahan mereka sebab ia kuat dan keberangan mereka sebab ia keras. <i>Aku</i>^p akan memisahkan mereka di kalangan Ya`aqob dan menyelerakkan mereka di kalangan Israel.</p> <p>^{49:8} Wahai Yehudah, saudara-saudaramu akan memujimu sebab tanganmu akan memegang^h leher-leher musuh-musuhmu. Anak-anak lelaki bapamu akan bersujud kepada engkau.^{49:9} Anakku Yehudah adalah singa muda. Engkau telah naik dari mangsa. Seperti singa jantan atau bentina yang telah duduk lalu meniarap; siapa akan membangunkannya?^{49:10} Cogan alam tidak akan beralih daripada Yehudah dan tombak kerajaan dari di antara kakinya^{jj} sehingga datangnya <i>dia</i> yang berhak atasnya.^t Kepada <i>dia</i> adalah kepatuhan bangsa-bangsa.^h</p> <p>^{49:11} Dia akan menambat keldainya kepada pokok anggur – ya, keldai jantannya ditambatnya kepada pokok anggur yang terbaik. Dia akan membasuh pakaiannya dalam wain – ya, dalam darah buah anggur dia akan membasuh</p>	<p>keberangan mereka yang kejam, terkutuklah mereka sehingga keturunan mereka akan diselerakkan Allah di kalangan keturunan Ya`aqob; ya, keturunan mereka akan dicampur-adukkan Allah di kalangan kaum Israel yang lain.</p> <p>^{49:8} Wahai Yehudah, kaummu akan dipuji kaum saudara-saudaramu; ya, terhadap kaummu anak-anak bapamu akan bersujud sebab tangan keturunanmu akan memegang leher musuhmu menakluki mereka.^{49:9} Engkau anakku Yehudah seperti singa muda yang telah memakan mangsanya lalu naik ke tempat tidur. Dan seperti singa jantan atau betina yang telah duduk lalu meniarap; siapakah yang berani membangunkannya?^{49:10} Cogan alam tidak akan terlepas daripada suku-kaum Yehudah; ya, tombak kerajaan tidak akan beralih daripada keturunannya sehingga datangnya <i>dia</i> yang berhak memegangnya. Orang itu akan dipatuhi bangsa-bangsa.</p> <p>^{49:11} Zaman itu akan begitu makmur sehingga orang dapat menambat keldainya kepada pokok anggur – ya, keldai jantannya kepada pokok anggur yang terbaik – tanpa mempedulikan kalau ia memakannya. Wain mereka akan begitu berlimpah sehingga</p>	<p>their assembly; for in their anger they killed men. In their self-will they hamstrung cattle. ^{49:7} Cursed be their anger, for it was fierce; and their wrath, for it was cruel. I will divide them in Jacob, and scatter them in Israel. ^{49:8} “Judah, your brothers will praise you. Your hand will be on the neck of your enemies. Your father’s sons will bow down before you. ^{49:9} Judah is a lion’s cub. From the prey, my son, you have gone up. He stooped down, he crouched as a lion, as a lioness. Who will rouse him up? ^{49:10} The scepter will not depart from Judah, nor the ruler’s staff from between his feet, until he comes to whom it belongs. To him will the obedience of the peoples be. ^{49:11} Binding his foal to the vine, his donkey’s colt to the</p>
---	--	--

^{p 49:6} Para pentafsir percaya frasa mereka telah potong tendon hamstring lembu sebenarnya merujuk kpd menyunat orang-orang (atau pemimpin-pemimpin) di Syekhem. Itu bermakna susunan tindakan mereka diterbalikkan dlm puisi Ya`aqob, sebab sebenarnya mereka menyunat orang-orang itu dahulu, kemudian membunuh mereka (Per/Kej 34).

^{p 49:7} Oleh sebab ini merupakan nubuat, *Aku* di sini merujuk kpd Allah dan bukannya Ya`aqob sendiri.

^{h 49:8} memegang leher hrfh: berada pada leher

^{j 49:10} **Trjmhn 2:** Seorang keturunan Yehudah akan sentiasa memegang kuasa pemerintahan negara Israel dan ia tidak akan berpindah kepada orang daripada suku-kaum lain ... **Trjmhn 3:** Semua raja negara Israel akan datang daripada keturunan Yehudah; pangkat ini tidak akan berpindah kepada orang dari suku-kaum lain ... Cogan alam atau tombak kerajaan ini adalah tanda pemerintahan. Sesiapa yg memegang cogan alam, dialah yg memerintah.

^{j 49:10} dari di antara kakinya **trjmhn lain:** daripada keturunannya. Ada kemungkinan besar dari di antara kakinya merujuk kpd alat kelamin lelaki yg berada di antara kakinya, dan secara tdk langsung kpd keturunannya yg bersumber dr alat kelamin tersebut. Kebanyakan terjemahan menganggap bahawa dari di antara kakinya hanya merujuk tempat cogan alam sewaktu dipegang oleh raja atau mereka mahu menterjemahkannya secara harfiah saja.

^{t 49:10} sehingga datangnya *dia* yang berhak atasnya. ~tfsrn 2: sehingga ufti dibawa kepadanya. ~tfsrn 3: sehingga pemerintah itu datang tfsrn 4: sehingga Syiloh datang.

^{h 49:10} bangsa-bangsa hrfh: orang-orang

<p>jubah-jubahnya. ^{49:12} Matanya akan dikaburkan^t oleh wain manakala giginya akan diputihkan oleh susu.^t</p> <p>^{49:13} Zebulun akan tinggal berdekatan pinggir laut. ^t Dia akan menjadi tempat berlindung^j untuk kapal-kapal. Kota Sidon akan berada di sisinya.^j</p> <p>^{49:14} Yisakar adalah keldai kuat yang berbaring di antara dua sempadan. ^t ^{49:15} Dia telah melihat^p tempat menetap yang baik dan bahawa tanah itu permai. Jadi dia telah membungkukkan bahunya untuk mengangkat beban dan dia telah menjadi hamba rodi.^p</p> <p>^{49:16} Dann akan menghakimi^p orangnya^p sebagai salah satu kaum Israel. ^t ^{49:17} Dann akan menjadi^t ular di lorong – ya, ular berbisa di jalan yang memagut tumit kuda^h</p>	<p>mereka dapat membasuh pakaian mereka di dalamnya – ya, di dalam darah buah anggur mereka dapat membasuh jubah-jubah mereka. ^{49:12} Mata mereka akan dikaburkan oleh wain manakala gigi mereka akan diputihkan oleh susu yang begitu berlimpah.</p> <p>^{49:13} Kaum Zebulun akan tinggal berdekatan pinggir laut. Mereka akan menjadi tempat berlindung untuk kapal-kapal. Kota Sidon akan berada di sebelah mereka.</p> <p>^{49:14} Kaum Yisakar seperti keldai kuat yang berbaring di antara dua sempadan. ^{49:15} Apabila mereka melihat tempat menetap yang baik di mana tanahnya permai, mereka akan sanggup membungkukkan badan mereka untuk memikul beban dan menjadi hamba rodi.</p> <p>^{49:16} Kaum Dann-lah yang akan membawa keadilan kepada bangsanya Israel. ^{49:17} Kaum Dann akan menjadi seperti ular di lorong – ya, ular berbisa di jalan yang memagut tumit kuda</p>	<p>choice vine; he has washed his garments in wine, his robes in the blood of grapes. ^{49:12} His eyes will be red with wine, his teeth white with milk. ^{49:13} “Zebulun will dwell at the haven of the sea. He will be for a haven of ships. His border will be on Sidon. ^{49:14} “Issachar is a strong donkey, lying down between the saddlebags. ^{49:15} He saw a resting place, that it was good, the land, that it was pleasant. He bows his shoulder to the burden, and becomes a servant doing forced labor. ^{49:16} “Dan will judge his people, as one of the tribes of Israel. ^{49:17} Dan will be a serpent on the trail,</p>
--	---	--

^t ^{49:12} dikaburkan ~tfsrn lain: merah / dimerahkan

^t ^{49:12} Matanya akan dikaburkan oleh wain manakala giginya akan diputihkan oleh susu. tfsrn lain: Matanya lebih gelap daripada wain manakala giginya lebih putih daripada susu. Tfsrn kedua ini merujuk Yehudah sendiri dan bermakna bahawa dia seorang yg kacak manakala tfsrn dlm teks merujuk kpd keturunannya.

^t ^{49:13} laut ~tfsrn lain: tasik. Kita tdk pasti apakah ini merujuk kpd Laut Mediteranian ataupun Tasik Galilea. Bahasa Ibrani tdk membezakan laut drpd tasik (iaitu air masin drpd air tawar).

^j ^{49:13} tempat berlindung trjmhn lain: pelabuhan

^j ^{49:13} Kota Sidon akan berada di sisinya. trjmhn lain: Kota Sidon akan berada di sempadannya.

^t ^{49:14} sempadan tfsrn 2: kandang tfsrn 3: beg pelana tfsrn 4: api

^t ^{49:14} Yisakar adalah keldai kuat yang berbaring di antara dua sempadan. tfsrn 2: Yisakar adalah keldai pengembara yang berbaring di antara dua sempadan. tfsrn 3: Yisakar adalah keldai kurus kering yang berbaring di antara dua sempadan.

^p ^{49:15} telah melihat. Bahasa nubuatan sering menyebut sesuatu yg akan berlaku di kemudian hari spt ia sudah berlaku. Cara bercakap itu menunjukkan kepastian dlm nubuatan.

^p ^{49:15} Fahaman para pentafsir mengenai ayat ini bahawa kaum Yisakar sanggup diperhambakan oleh orang Kana'an supaya mereka dapat tetap tinggal di tempat yg baik itu.

^p ^{49:16} Nama Dann bermakna menghakimi atau menghukum. (Kami mengejanya dgn dua n untuk membezakannya drpd perkataan b. Melayu dan, walaupun ejaan Ibraninya hanya ada satu n.)

^p ^{49:16} Perkataan orangnya boleh merujuk kpd kaum Dann atau seluruh bangsa Israel. Kami menganggap ia merujuk kpd seluruh Israel.

^t ^{49:16} Tfsrn 1: Kaum Dann-lah yang akan membawa keadilan kepada bangsanya Israel. Tfsrn 2: Dann akan menghakimi orang dalam kaumnya sama seperti kaum Israel yang lain.

^t ^{49:17} Dann akan menjadi ... ~tfsrn lain: Semoga Dann menjadi ...

^h ^{49:17} tumit kuda hrffh: tumit-tumit kuda. Jamak ini menunjukkan bahawa ini aktiviti biasa utk ular.

<p>sehingga penunggangnya terpelanting ke belakang.”^p</p> <p>49:18 Kemudian Ya`aqob berkata, “Ya Yahweh, saya betul-betul mengingini^t penyelamatan mu.”^p</p> <p>49:19 Gad akan diserang oleh penyerang tetapi ia akan menyerang tumit mereka.</p> <p>49:20 Bagi Asyer makanannya^h akan mewah dan dia akan membekalkan^j makanan istimewa untuk raja.^t</p> <p>49:21 Naftali adalah rusa betina yang bebas, yang melahirkan anak-anak rusa yang cantik.^t</p> <p>49:22 Yosef adalah pokok muda yang berbuah, ya, pokok muda yang berbuah dekat mata air. Rantingnya menjalar ke atas tembok.^t 49:23 Pemanah-pemanah^j telah melepaskan^p anak-anak panah terhadapnya sebab mereka bermusuhan dengannya, ya, mereka geram terhadapnya.^p</p> <p>49:24 Tetapi panahnya tetap teguh dan tangannya^t tetap lembut disebabkan tangan-tangan^j penolong^t Ya`aqob yang kuat, ya,</p>	<p>sehingga penunggangnya terpelanting ke belakang.”</p> <p>49:18 Kemudian Ya`aqob berkata, “Ya Yahweh, saya betul-betul mengingini penyelamatan mu.”^p</p> <p>49:19 Kaum Gad akan diserang oleh penyerang tetapi mereka akan berlawan lalu mengejar penyerang itu.</p> <p>49:20 Bagi kaum Asyer makanannya akan mewah dan mereka akan membekalkan makanan istimewa untuk raja.</p> <p>49:21 Kaum Naftali seperti rusa betina yang bebas, dan yang melahirkan anak-anak yang cantik.</p> <p>49:22 Yosef seperti pokok muda yang berbuah, ya, pokok muda yang berbuah dekat mata air. Rantingnya menjalar ke atas tembok. 49:23 Pemanah-pemanah akan melepaskan anak-anak panah ke arahnya sebab mereka bermusuhan dengannya, ya, mereka geram terhadapnya.</p> <p>49:24 Tetapi panahnya tidak bergegar dan tangannya tidak menjadi kaku. Itu disebabkan kuasa penolong Ya`aqob yang kuat, nama gembala dan batu</p>	<p>an adder in the path, That bites the horse’s heels, so that his rider falls backward.</p> <p>49:18 I have waited for your salvation, Yahweh.</p> <p>49:19 “A troop will press on Gad, but he will press on their heel.</p> <p>49:20 “Asher’s food will be rich. He will yield royal dainties.</p> <p>49:21 “Naphtali is a doe set free, who bears beautiful fawns.</p> <p>49:22 “Joseph is a fruitful vine, a fruitful vine by a spring. His branches run over the wall.</p> <p>49:23 The archers have severely grieved him, shot at him, and persecute him:</p> <p>49:24 But his bow remained strong. The arms of his hands were made strong,</p>
---	--	--

- ^p **49:17** Oleh sebab Dann akan menjadi kaum kecil, kiasan ini membandingkannya dengan sesuatu yg kecil yang boleh mengalahkan yg besar.
- ^t **49:18** saya betul-betul mengingini ~tfsrn lain: saya menunggu-nunggu
- ^p **49:18** Rupa-rupanya doa ini meluahkan keinginan Ya`aqob utk pertolongan Allah bagi kaum Dann dan Gad (atau salah satu drpd dua kaum itu) disebabkan kesudahan yg akan dialami mereka.
- ^h **49:20** makanannya hrhf: rotinya
- ^j **49:20** membekalkan trjmhn 2: menyediakan trjmhn 3: memberi trjmhn 4: membuat
- ^t **49:20** membekalkan makanan istimewa untuk raja. ~tfsrn lain: membuat makanan yang cukup istimewa untuk raja.
- ^t **49:21** ~Tfsrn 2: Naftali adalah rusa betina yang dibebaskan, yang menyebut kata-kata yang indah. ~Tfsrn 3: Naftali adalah pokok kayu rimbun terbantin yang mengeluarkan dahan-dahan yang indah.
- ^t **49:22** ~Tfsrn 2: Yosef adalah anak keldai liar, ya, seekor keldai liar dekat mata air ataupun anak-anak keldai betina yang liar atas lereng bukit.
- ^j **49:23** Pemanah-pemanah trjmhn lain: Musuh-musuh
- ^p **49:23** telah melepaskan. Bahasa nubuatan sering menyebut sesuatu yg akan berlaku di kemudian hari seakan-akan ia sudah berlaku. Cara bercakap itu menunjukkan kepastian dlm nubuatan. Tetapi para pentafsir yg lain menganggap ini memang merujuk kpd masa yg lampau.
- ^p **49:23** Kami menganggap ayat ini merupakan nubuatan yg merujuk kpd masa depan spt ayat 15 (lihat nota di situ). Kalau begitu, ia boleh difahami sbg serangan secara fizikal. Kalau ia dianggap merujuk kpd masa yg lampau, ia merupakan kiasan ttg pengalaman pahit Yosef ketika ramai orang telah berbuat jahat terhadapnya. Anak panah sering digunakan dlm Alkitab sbg gambaran tuduhan yg dilemparkan orang.
- ^t **49:24** tangannya tfsrn 2: otot tangannya tfsrn 3: urat tangannya tfsrn 4: tangannya yang kuat hrhf: lengan tangannya / lengan tapak tangannya
- ^j **49:24** tangan-tangan trjmhn 2: kekuatan trjmhn 3: pertolongan trjmhn 4: diperkuatkan oleh
- ^t **49:24** penolong ~tfsrn 2: pelindung

<p>disebabkan nama^m gembala,^p batu Israel,^p ^{49:25} disebabkan Allah bapamu.^j Dia akan menolong mu, ya, El-Syaday^t akan memberkati engkau dengan berkat dari langit^p atas, berkat dari air yang berada^p di bawah serta berkat buah dada dan rahim.^p ^{49:26} Berkat bapamu melebihi berkat moyangku. Ia lebih besar daripada berkat gunung-gunung yang abadi, ya, ia melebihi limpahan hasil bukit-bukit yang kekal. Biar ia turun ke atas kepala Yosef, ya, ke atas ubun pemimpin di antara saudara-saudaranya.^j ^{tp}</p> <p>^{49:27} Ben-Yamin adalah serigala yang mencabik-cabik. Pada sebelah pagi ia melahap mangsa; sebelah petang ia membahagi-bahagikan jarahannya.</p> <p>^{49:28} Semua mereka ini adalah dua belas kaum Israel dan begitulah yang diucapkan bapa mereka atas mereka. Dia memberkati^p mereka setiap</p>	<p>Israel,^{49:25} dan Allah bapamu. Dia akan menolong mu, ya, yang berdaulat akan memberkati engkau dengan berkat dari langit atas, berkat dari air yang berada di bawa serta berkat buah dada dan rahim.^{49:26} Berkat yang dilepaskan saya melebihi berkat yang dilepaskan moyangku. Ia lebih besar daripada berkat hasil gunung-gunung yang abadi, ya, ia melebihi limpahan hasil bukit-bukit yang kekal. Biar berkat itu turun ke atas kepalamu Yosef, ya, ke atas ubunmu; kau yang memimpin di antara saudara-saudaramu.</p> <p>^{49:27} Ben-Yamin seperti serigala yang ganas. Pada sebelah pagi ia melahap sebahagian mangsanya; sebelah petang ia membagi-bagikan jarahannya.</p> <p>^{49:28} Semua anak Ya`aqob tersebut adalah pengasas dua belas kaum Israel. Begitulah yang diucapkan bapa mereka atas mereka masing-masing. Dia mengucapkan berkat dan nubuat</p>	<p>by the hands of the Mighty One of Jacob, (from there is the shepherd, the stone of Israel), ^{49:25} even by the God of your father, who will help you; by the Almighty, who will bless you, with blessings of heaven above, blessings of the deep that lies below, blessings of the breasts, and of the womb. ^{49:26} The blessings of your father have prevailed above the blessings of your ancestors, above the boundaries of the ancient hills. They will be on the head of Joseph, on the crown of the head of him who is separated from his brothers. ^{49:27} "Benjamin is a ravenous wolf. In the morning he will devour the prey. At evening he will divide the plunder." ^{49:28} All these are the twelve tribes of Israel, and this is what their father spoke to them and blessed them. He blessed everyone according to his</p>
--	--	--

^m ^{49:24} Perkataan *nama* boleh didapati dlm trjmhn kuno Aramaik (Aramaic) dan Siriak (Syriac). Teks Ibrani yg ada sekarang harus diubah satu vokal utk mendapat perkataan *nama*. (Vokal tdk ditulis dlm teks awal dan oleh itu ia mungkin salah.)

^p ^{49:24} *gembala*. Kiasan memanggil Allah *gembala* merujuk kpd Allah sbg penjaga dan pemandu.

^p ^{49:24} *batu Israel*. Batu ini spt batu asas atau batu dasar rumah yg kuat dan tetap. Orang boleh 'membina' kehidupan mereka atas Allah itu. Ia menunjukkan sesuatu yg boleh diharap.

^j ^{49:25} *Allah bapamu trjmhn 2: Allah yang disembah bapamu trjmhn 3: Allah yang saya bapamu sembah trjmhn 4: Allahku*

^t ^{49:25} *El-Syaday tfsrn 1: Allah yang berdaulat ~tfsrn 2: Allah yang maha kuasa*. Rujuk 17:1 dan nota di situ.

^p ^{49:25} *langit*. Ini merujuk kpd hujan dan embun yg datang dr langit.

^p ^{49:25} *air yang berada di bawah*. Ini merujuk kpd air yg naik dan keluar dr mata air. **hrfh**: *air yang berbaring di bawah*

^p ^{49:25} *buah dada dan rahim*. Ini merujuk kpd anak-anak. **hrfh**: *buah dada-buah dada dan rahim*

^j ^{49:26} *pemimpin di antara saudara-saudaranya trjmhn lain: putera di antara saudara-saudaranya / berpangkat lebih tinggi daripada saudara-saudaranya*

^t ^{49:26} *dia yang pemimpin di antara saudara-saudaranya. ~Tfsrn 2: dia yang terpisah daripada saudara-saudaranya*. Dahulu dia terpisah drpd saudaranya oleh jarak jauh. Sekarang dia terpisah drpd mereka kerana pangkat yg tinggi.

^p ^{49:26} *turun ke atas kepala ... ke atas ubun*. Ini hanya bermakna dia mahu berkat itu turun ke atas Yosef sendiri, atau Yosef sendiri mengalami berkat itu bersama dgn semua keturunannya.

^p ^{49:28} *memberkati*. Perkataan *berkat* di sini lebih luas maknanya drpd biasa. Dgn lebih tepat ia boleh diterjemahkan sbg *berkat dan/atau nubuat*.

<p>seorang sesuai dengan berkatnya dia memberkati mereka.^t</p> <p>Ya`aqob Meninggal dan Dikuburkan di Kana`an</p> <p>49:29 Kemudian Ya`aqob^h memberi arahan kepada mereka.^h Katanya, “Saya hampir dikumpulkan^j kepada orang ku.^t Kuburkanlah saya bersama bapa dan datuk ku^h di gua yang berada di petak tanah `Efron, orang Het,^{49:30} iaitu di gua yang di tanah di Makhpelah^t di sebelah timur kota Mamre^t yang di tanah Kana`an yang dibeli Abraham sebagai tempat mengubur dari `Efron orang Het bersama dengan ladangnya.</p> <p>49:31 Abraham dan isterinya Sarah dikuburkan di situ, Yiş`haq dan isterinya Ribqah dikuburkan di situ, dan saya pun menguburkan Leah di situ.^{49:32} Petak tanah dan gua itu dibeli daripada orang Het.”</p> <p>49:33 Setelah Ya`aqob menyelesaikan arahnya kepada anak-anak lelakinya, dia menarik kakinya ke dalam katilnya^j lalu menghembuskan nafasnya yang terakhir dan dikumpulkan kepada orangnya.</p> <p>50:1 Meninggal saja Ya`aqob, Yosef memeluk bapanya muka ke muka.^h Dia juga menangisnya sambil mencium-ciumnya.^{50:2}</p>	<p>atas setiap individu sesuai dengan berkat atau nubuat yang harus diterima oleh dia dan kaumnya yang seterusnya.</p> <p>Ya`aqob Meninggal dan Dikuburkan di Kana`an</p> <p>49:29-30 Kemudian Ya`aqob memberi arahan kepada mereka. Katanya, “Sekejap lagi saya akan disatukan dengan leluhur ku di alam maut. Bawalah mayatku ke tanah Kana`an dan kuburkan bersama bapa dan datuk ku di gua yang berada di Makhpelah di sebelah timur kota Mamre. Petak tanah itu dibeli Abraham daripada `Efron orang Het sebagai kubur keluarganya.</p> <p>49:31 Abraham dan isterinya Sarah dikuburkan di situ, Yiş`haq dan isterinya Ribqah dikuburkan di situ, dan saya pun menguburkan isteriku Leah di situ. ^{49:32} Petak tanah dan gua itu memang kepunyaan kita sebab ia dibeli daripada orang Het.”</p> <p>49:33 Setelah Ya`aqob menyelesaikan arahnya kepada anak-anak, dia berbaring lagi sambil menarik kakinya ke dalam katilnya lalu menghembuskan nafasnya yang terakhir dan disatukan dengan leluhurnya.</p> <p>50:1 Meninggal saja Ya`aqob, Yosef memeluk bapanya muka ke muka. Dia juga menangisnya sambil mencium-ciumnya.^{50:2} Yosef mengarahkan</p>	<p> blessing.</p> <p>Jacob Dies and His Sons Bury Him in Canaan as He had Commanded Them</p> <p>49:29 He instructed them, and said to them, “I am to be gathered to my people. Bury me with my fathers in the cave that is in the field of Ephron the Hittite,^{49:30} in the cave that is in the field of Machpelah, which is before Mamre, in the land of Canaan, which Abraham bought with the field from Ephron the Hittite as a burial place.</p> <p>49:31 There they buried Abraham and Sarah, his wife. There they buried Isaac and Rebekah, his wife, and there I buried Leah.^{49:32} the field and the cave that is therein, which was purchased from the children of Heth.”^{49:33} When Jacob made an end of charging his sons, he gathered up his feet into the bed, and yielded up the spirit, and was gathered to his people.</p> <p>50:1 Joseph fell on his father’s face, wept on him, and kissed him.^{50:2} Joseph commanded his servants, the physicians, to</p>
--	---	--

^t **49:28 Tfsrn 1:** Dia mengucapkan berkat atas setiap individu sesuai dengan berkat yang harus diterimanya. ~ **Tfsrn 2:** Dia mengucapkan berkat atas setiap individu sesuai dengan *apa yang dia dengar daripada Tuhan* harus diterimanya. Persoalannya di sini, bagaimana Ya`aqob tahu *berkat* yg sesuai utk setiap individu? Kebanyakan yg diucapkannya merupakan nubuat, dan oleh itu ia semestinya telah didengarnya drpd Tuhan.

^h **49:29 Ya`aqob hrhf:** dia

^h **49:29 memberi arahan kepada mereka hrhf:** menyuruh mereka / memerintah mereka

^j **49:29 dikumpulkan trjmhn 2:** disatukan dengan **trjmhn 3:** menyertai

^t **49:29 Tfsrn 1:** Saya akan disatukan dengan leluhur ku di alam maut. **Tfsrn 2:** Saya akan meninggal dunia

^h **49:29 bapa dan datuk ku hrhf:** bapa-bapaku

^t **49:30 Tfsrn 1:** Makhpelah ialah nama tempat. **Tfsrn 2:** Makhpelah ialah nama gua itu.

^t **49:30 di sebelah timur kota Mamre ~tfsrn 2:** dekat **kota** Mamre ~ **tfsrn 3:** di hadapan **kota** Mamre **hrhf:** di hadapan **kota** Mamre

^j **49:33 Kemudian dia menarik kakinya ke dalam katilnya trjmhn lain:** Kemudian dia **berbaring lagi** dan menarik kakinya ke dalam katilnya. Di **48:2** dia duduk atas katilnya. Di sini dia berbaring lagi dan menarik kakinya ke dalam katilnya sebelum meninggal.

^h **50:1 Yosef memeluk bapanya muka ke muka hrhf:** Yosef jatuh atas muka bapanya

<p>Yosef mengarahkan doktor-doktor yang melayaninya untuk memumiakan^j bapanya. Maka doktor-doktor tersebut memumiakan Israel. ^{50:3} Mereka menyelesaikan untuknya proses memumiakannya dalam masa 40 hari sebab sebegitulah lamanya masa yang diperlukan untuk proses pemumiaan.^j Orang-orang Mesir pula meratapinya selama 70 hari.</p> <p>^{50:4} Setelah hari-hari meratapinya sudah berlalu, Yosef berkata kepada pegawai Firaun,^h “Kalau saya telah memperoleh rahmat di mata kamu, tolong bercakap di telinga Firaun dengan berkata, ^{50:5} ‘Ayahku telah menyuruh saya bersumpah dengan berkata, “Lihat, saya akan meninggal. Kuburilah saya di tanah Kana`an dalam kubur yang telah saya gali untuk diri sendiri.” Jadi, tolong izinkanlah saya pergi ke sana^h untuk menguburkan ayahku. Selepas itu saya akan balik.”</p> <p>^{50:6} Firaun berkata, “Pergilah ke sana^h untuk menguburkan ayahmu menurut^j sumpah yang dia suruh kau angkat.” ^{50:7} Jadi Yosef pergi ke sana untuk menguburkan ayahnya. Pergilah juga bersamanya semua^j pegawai Firaun,^h iaitu pegawai istana^h dan semua pegawai tanah Mesir.^h ^{50:8} Seluruh rumah^p Yosef dan saudara-</p>	<p>doktor-doktor yang melayaninya untuk memumiakan jenazah bapanya. Maka doktor-doktor tersebut memumiakan jenazah Israel. ^{50:3} Maka doktor-doktor tersebut memumiakan jenazah Israel. Proses itu selesai dalam masa 40 hari sebab pemumiaan memakan begitu lama. Orang-orang Mesir pula meratapinya selama 70 hari.</p> <p>^{50:4} Setelah masa meratapinya selesai, Yosef berpesan kepada Firaun melalui pegawainya, “Kalau saya berkenan di mata kamu, tolong katakan kepada Firaun begini, ^{50:5} ‘Ayahku telah menyuruh saya mengangkat sumpah dengan berkata, “Sudah tiba waktunya saya akan meninggal. Kuburkanlah saya di tanah Kana`an di dalam kubur yang telah saya gali untuk diri sendiri.” Jadi, tolong izinkanlah saya pergi ke sana untuk menguburkan ayahku. Selepas itu saya akan kembali ke sini.”</p> <p>^{50:6} Yosef menerima pesan balik dari Firaun yang berkata, “Pergilah ke Kana`an untuk menguburkan ayahmu menurut sumpah yang dia suruh kau angkat.” ^{50:7} Jadi Yosef pergi ke sana untuk menguburkan ayahnya. Pergilah juga bersamanya semua pegawai Firaun, iaitu pegawai istana dan semua pegawai negara Mesir. ^{50:8} Hampir semua yang tinggal bersama Yosef,</p>	<p>embalm his father; and the physicians embalmed Israel. ^{50:3} Forty days were fulfilled for him, for that is how many the days it takes to embalm. The Egyptians wept for him for seventy days.</p> <p>^{50:4} When the days of weeping for him were past, Joseph spoke to the house of Pharaoh, saying, “If now I have found favor in your eyes, please speak in the ears of Pharaoh, saying, ^{50:5} ‘My father made me swear, saying, “Behold, I am dying. Bury me in my grave which I have dug for myself in the land of Canaan.” Now therefore, please let me go up and bury my father, and I will come again.”</p> <p>^{50:6} Pharaoh said, “Go up, and bury your father, just like he made you swear.”</p> <p>^{50:7} Joseph went up to bury his father; and with him went up all the servants of Pharaoh, the elders of his house, all the elders of the land of Egypt, ^{50:8} all the house of Joseph, his brothers, and his father’s house.</p>
---	--	--

^j ^{50:2} memumiakan **trjmh** lain: mengawetkan. Orang Mesir kunolah yg paling pakar memumiakan/mengawetkan mayat. Ia hanya dilakukan utk orang besar spt raja.

^j ^{50:3} **Trjmh 2:** Mereka menyelesaikan proses itu dalam masa 40 hari sebab proses pemumiaan memakan masa yang begitu lama.
Trjmh 3: Mereka menyelesaikan proses itu dalam 40 hari seperti kebiasaan mereka.

^h ^{50:4} pegawai Firaun **tfsrn** lain: keluarga Firaun **hrfh:** rumah Firaun

^h ^{50:5} pergi ke sana **hrfh:** naik. Sama dlm ayat 7.

^h ^{50:6} Pergilah ke sana **hrfh:** Naiklah

^j ^{50:6} menurut **trjmh** lain: sesuai dengan

^j ^{50:7} semua **trjmh** lain: ramai. Walaupun perkataan semua digunakan, itu hanya utk menekankan banyaknya orang yang pergi; bukan setiap pegawai telah pergi.

^h ^{50:7} pegawai Firaun **hrfh:** hamba Firaun

^h ^{50:7} pegawai istana **hrfh:** pengetua rumah

^h ^{50:7} pegawai tanah Mesir **hrfh:** pengetua tanah Mesir

^p ^{50:8} Seluruh rumah ... Ini merujuk kpd semua yg tinggal dengan mereka, samada keluarga atau hamba atau pelayan. Istilah rumah di sini bermakna semua yg ada di bawah naungannya.

<p>saudaranya serta rumah arwah ayahnya^p pergi juga; hanya anak-anak kecil mereka, kawanan domba dan kambing dan kawanan lembu tertinggal di tanah Gosen.^p 50:9 Rata^p dan askar berkuda^t menyertai dia. Perarakan mereka itu sangat besar dan hebat.^t</p> <p>50:10 Apabila mereka tiba di Goren Ha-Atad^t yang di seberang sungai Yordan,^t mereka meratap di situ dengan kuat dan pilu. Yosef berkabung untuk bapanya selama tujuh hari. 50:11 Ketika penduduk tanah itu – orang Kana`an – melihat perkabungan di Goren Ha-Atad, mereka berkata, “Betapa pilunya orang Meşir meratap.” Oleh itu mereka memanggil nama tempat yang di seberang sungai Yordan itu Abel Mişraim.ⁿ</p> <p>50:12 Jadi demikianlah anak-anak Ya`aqob^h melaksanakan untuknya sama seperti dia menyuruh mereka. 50:13 Ya, anak-anaknya telah membawanya ke tanah Kana`an lalu menguburkannya di dalam gua di petak tanah di Makhpelah. Abraham telah membeli petak tanah kubur di sebelah timur kota Mamre itu sebagai milik tetap daripada `Efron orang Het. 50:14 Setelah itu Yosef balik ke Meşir, dia dan saudara-</p>	<p>saudara-saudaranya dan arwah ayahnya pergi juga; hanya anak-anak kecil, domba, kambing dan lembu mereka yang ditinggalkan di tanah Gosen dengan penjaganya.^{50:9} Kumpulan Yosef disertai perarakan rata dan askar berkuda. Perarakan itu sangat besar dan hebat.</p> <p>50:10 Apabila mereka tiba di Goren Ha-Atad yang di seberang sungai Yordan, mereka meratap di situ dengan kuat dan pilu. Yosef berkabung untuk bapanya selama tujuh hari. 50:11 Ketika orang Kana`an – penduduk tanah itu – melihat perkabungan di Goren Ha-Atad, mereka berkata, “Betapa pilunya orang Meşir meratap.” Oleh itu mereka menamakan tempat di seberang sungai Yordan itu Abel Mişraim yang bermakna ‘ratapan Meşir’.</p> <p>50:12 Dengan demikian anak-anak Ya`aqob selesai melaksanakan untuk bapa mereka sesuai dengan suruhannya. 50:13 Ya, mereka telah membawa jenazahnya ke tanah Kana`an lalu menguburkannya di dalam gua di petak tanah di Makhpelah. Abraham telah membeli petak tanah kubur yang terletak di sebelah timur kota Mamre itu sebagai milik tetap daripada `Efron orang Het. 50:14 Setelah itu Yosef kembali ke Meşir bersama saudara-saudaranya</p>	<p>Only their little ones, their flocks, and their herds, they left in the land of Goshen.^{50:9} There went up with him both chariots and horsemen. It was a very great company.</p> <p>50:10 They came to the threshing floor of Atad, which is beyond the Jordan, and there they lamented with a very great and severe lamentation. He mourned for his father seven days. 50:11 When the inhabitants of the land, the Canaanites, saw the mourning in the floor of Atad, they said, “This is a grievous mourning by the Egyptians.” Therefore its name was called Abel Mizraim, which is beyond the Jordan.</p> <p>50:12 His sons did to him just as he commanded them, 50:13 for his sons carried him into the land of Canaan, and buried him in the cave of the field of Machpelah, which Abraham bought with the field, for a possession of a burial site, from Ephron the Hittite, before Mamre. 50:14 Joseph returned into Egypt – he, and his brothers, and all that went up with him to bury his father,</p>
--	--	---

^p **50:8** rumah ayahnya. Oleh sebab keturunan Ya`aqob sudah disebut, orang yg dimaksudkan oleh *rumah ayahnya* hanyalah hamba dan pelayan.

^p **50:8** hanya ... Sudah tentu ada orang lain yang tertinggal utk menjaga anak-anak kecil dan ternakan.

^p **50:9** Jenis *rata* ini beroda dua, ditarik kuda, dan sering dipakai utk peperangan (b. Inggerisnya *chariot*).

<http://ms.wikipedia.org/wiki/Rata>. Rupanya semua ini hanya utk perarakan yg gilang-gemilang sebab perlindungan tdk begitu diperlukan.

^t **50:9** askar berkuda **tfsrn 2:** orang berkuda **tfsrn 3:** kuda **tfsrn 4:** pemandu rata

^t **50:9** Perarakan mereka itu sangat besar dan hebat. **Trjmhn lain:** Pasukan peserta itu sangat besar dan hebat. **Tfsrn 2:** Perarakan itu hebat betul. **Tfsrn 3:** Perarakan itu sangat besar dan hebat. **Tfsrn 4:** Tentera itu sangat kuat. **Hrfh:** Perkhemahan itu sangat berat. Istilah berat dlm b. Ibrani ada juga makna mulia/kemuliaan yg di sini boleh diterjemah sbg *besar dan hebat*.

^t **50:10** Goren Ha-Atad **Tfsrn 2:** batu pengirikan di Atad **Tfsrn 3:** batu pengirikan bernama Atad **Tfsrn 4:** batu pengirikan si Atad **Tfsrn 5:** batu pengirikan semak duri

^t **50:10** seberang **barat sungai** Yordan **Tfsrn 2:** seberang **barat sungai** Yordan **Tfsrn 3:** dekat **sungai** Yordan **Tfsrn 4:** seberang **timur sungai** Yordan

ⁿ **50:11** Abel Mişraim bermakna *ratapan Meşir*.

^h **50:12** anak-anak Ya`aqob **hrfh:** anak-anaknya

saudaranya serta semua yang telah pergi^h bersamanya untuk menguburkan bapanya.

Yosef Menenangkan Hati Saudara-Saudaranya

50:15 Setelah saudara-saudara Yosef melihat bahawa bapa mereka sudah meninggal, mereka berkata, “Mungkin Yosef geram dan betul-betul mahu membalas dendam terhadap kita atas semua kejahatan yang telah kita lakukan terhadapnya. **50:16** Jadi mereka mengirimkan pesan kepada Yosef yang berkata, “Sebelum dia meninggal, bapamu telah menyuruh dengan berkata: **50:17** ‘Katakanlah begini kepada Yosef, “Saya sungguh-sungguh minta agar engkau memaafkan kesalahan dan dosa saudara-saudaramu, sebab mereka memang telah melakukan kejahatan terhadap engkau. Oleh itu tolong maafkan kesalahan abdi-abdi Allah yang disembah bapamu.” Yosef menangis mendengar kata-kata yang diucapkan kepadanya. **50:18** ‘Selepas itu saudara-saudaranya pun datang kepadanya. Mereka bersujud kepadanya^h dan berkata, “Lihat, kami adalah hamba mu.”

50:19 Tetapi Yosef berkata kepada mereka, “Janganlah takut, sebab apakah saya mengambil alih tempat Allah? **50:20** Kamu merancang kejahatan terhadap saya tetapi Allah merancang kebaikan, iaitu mendatangkan keadaan yang ada pada hari ini untuk menyelamatkan ramai orang. **50:21** Jadi sekarang janganlah takut. Aku akan menyara^j kamu dan anak-anak^h kamu.”

serta semua yang telah pergi dengannya untuk mengebumikan bapanya.

Yosef Menenangkan Hati Saudara-Saudaranya

50:15 Setelah saudara-saudara Yosef menyedari akan keadaan mereka selepas bapa mereka meninggal, mereka berkata, “Kita takut kalau-kalau Yosef geram terhadap kita dan betul-betul mahu membalas dendam atas semua kejahatan yang telah kita lakukan terhadapnya. **50:16** Jadi mereka mengirimkan pesan kepada Yosef yang berkata, “Sebelum dia meninggal, bapamu telah berpesan begini: **50:17** ‘Berilah pesanan ini kepada Yosef, “Saya sungguh-sungguh minta agar engkau memaafkan kesalahan dan dosa saudara-saudaramu, sebab mereka memang telah melakukan kejahatan terhadap engkau. Oleh itu tolong maafkan kesalahan mereka yang juga abdi-abdi Allah yang disembah bapamu.” Yosef menangis mendengar kata-kata mereka. **50:18** ‘Selepas itu saudara-saudaranya pun datang kepadanya. Mereka bersujud kepadanya dan berkata, “Nah, kami ini adalah hamba mu.”

50:19 Tetapi Yosef menjawab mereka, “Janganlah takut. Takkanlah saya mengambil alih tempat Allah untuk menghukum orang! **50:20** Kamu memang merancang kejahatan terhadap saya, tetapi dalam keadaan yang sama Allah merancang kebaikan, sehingga ramai orang diselamatkan seperti yang berlaku sekarang ini. **50:21** Jadi sekarang janganlah takut. Aku akan menyara kamu dan anak-anak kamu.”

after he had buried his father.

Joseph Reassures His Brothers

50:15 When Joseph’s brothers saw that their father was dead, they said, “It may be that Joseph will hate us, and will fully pay us back for all of the evil which we did to him.” **50:16** They sent a message to Joseph, saying, “Your father commanded before he died, saying, **50:17** ‘You shall tell Joseph, “Now please forgive the disobedience of your brothers, and their sin, because they did evil to you.”’ Now, please forgive the disobedience of the servants of the God of your father.” Joseph wept when they spoke to him. **50:18** His brothers also went and fell down before his face; and they said, “Behold, we are your servants.”

50:19 Joseph said to them, “Don’t be afraid, for am I in the place of God? **50:20** As for you, you meant evil against me, but God meant it for good, to bring to pass, as it is this day, to save many people alive. **50:21** Now therefore don’t be afraid. I will nourish you and your little ones.” He comforted them, and spoke kindly to them.

^h 50:14 telah pergi hrhf: telah naik

^h 50:18 Mereka bersujud kepadanya hrhf: Mereka jatuh di hadapan mukanya

^h 50:20 untuk menyelamatkan ramai orang hrhf: agar ramai orang dibuat hidup / agar dihidupkan ramai orang

^j 50:21 menyara trjmhn 2: membekalkan makanan bagi trjmhn 3: membekalkan makanan dan lain-lain bagi. Ada pentafsir yg percaya ini merujuk kpd makanan tetapi yg lain berfikir bahawa keperluan lain juga dimaksudkan.

^h 50:21 anak-anak hrhf: yang kecil

<p>Demikianlah dia menenangkan mereka dan memujuk hati mereka.^h</p> <p>Yosef Meninggal ^{50:22} Yosef tinggal di Meşir, dia dan semua keturunan bapanya.^j Yosef hidup selama 110 tahun.^{50:23} Yosef sempat melihat keturunan^h Efraim sampai ke generasi ketiga.^t Anak-anak Makhir bin Menasyeh pun dilahir pada lutut Yosef.^j ^{50:24} Pada suatu hari Yosef berkata kepada saudara-maranya,^h “Tidak lama lagi saya akan meninggal. Allah memang akan melawat kamu^j dan membawa kamu dari tanah ini ke tanah yang telah dijanjikannya kepada Abraham, Yiş’haq dan Ya`aqob.” ^{50:25} Lalu Yosef menyebabkan anak-anak Israel bersumpah. Katanya, “Allah memang akan melawat kamu. Jadi, kamu harus membawa^h tulang ku dari sini balik ke tanah Kana`an.” ^{50:26} Jadi Yosef meninggal pada umur 110 tahun. Mereka memumiakan dia lalu memasukkannya ke dalam keranda di Meşir.</p>	<p>Demikianlah dia menenangkan mereka dan memujuk hati mereka.</p> <p>Yosef Meninggal ^{50:22} Yosef dan semua keturunan bapanya menetap di Meşir. Yosef menemui ajalnya pada umur 110 tahun.^{50:23} Yosef sempat melihat cucu anaknya Efraim. Anak-anak Makhir bin Menasyeh bin Yosef pun dia sempat melihat dan dikira sebagai anak Yosef sendiri.^{50:24} Pada suatu hari Yosef berkata kepada saudara-maranya, “Tidak lama lagi saya akan meninggal. Allah memang akan campur tangan dalam keadaan kamu dan membawa kamu dari tanah ini ke tanah yang telah dijanjikannya kepada Abraham, Yiş’haq dan Ya`aqob.^{50:25} Jadi, kamu harus membawa rangka tulang ku dari sini balik ke tanah Kana`an.” Lalu Yosef menyuruh anak-anak Israel bersumpah untuk berbuat demikian dan mereka pun bersumpah. ^{50:26} Maka Yosef meninggal pada umur 110 tahun. Mereka memumiakan jenazahnya lalu memasukkannya ke dalam keranda di Meşir.</p>	<p>Joseph Dies ^{50:22} Joseph lived in Egypt, he, and his father’s house. Joseph lived one hundred ten years.^{50:23} Joseph saw Ephraim’s children to the third generation. The children also of Machir, the son of Manasseh, were born on Joseph’s knees. ^{50:24} Joseph said to his brothers, “I am dying, but God will surely visit you, and bring you up out of this land to the land which he swore to Abraham, to Isaac, and to Jacob.” ^{50:25} Joseph took an oath of the children of Israel, saying, “God will surely visit you, and you shall carry up my bones from here.” ^{50:26} So Joseph died, being one hundred ten years old, and they embalmed him, and he was put in a coffin in Egypt.</p>
---	--	---

^h 50:21 *memujuk hati mereka* **hrfh:** *memujuk hati mereka*

^j 50:22 *semua keturunan bapanya* **trjmh lain:** *semua yang bekas di bawah naungan bapanya* **hrfh:** *rumah bapanya*. Istilah rumah bapanya ini merangkumi semua keturunan bapanya, isteri atau suami mereka, dan semua hamba dan pelayan atau sesiapa yg lain yg tinggal bersama mereka.

^h 50:23 *keturunan* **hrfh:** *anak-anak*

^t 50:23 *Yosef semp*at melihat keturunan Efraim sampai ke **generasi** ketiga. **Tfsrn 1:** *Yosef semp*at melihat cicitnya **daripada** keturunan **anakny**a Efraim. **~Tfsrn 2:** *Yosef semp*at melihat cicit **anakny**a, Efraim.

^j 50:23 *dilahir pada lutut Yosef*. **trjmh 2:** *dikira sebagai anak Yosef sendiri*. **trjmh 3:** *dijadikan anak angkat Yosef*. **trjmh 4:** *diberi warisan sebagai anak Yosef*. **tfsrn 1:** *dikira sebagai anak Yosef sendiri*. **tfsrn 2:** *diasuh oleh Yosef*. **tfsrn 3:** *diterima dalam keluarga oleh Yosef*. Kebanyakan percaya kiasan ini merujuk kpd menjadikan mereka anak angkat dan oleh itu pewaris langsung spt anak kandung yg lain.

^h 50:24 *saudara-maranya* **hrfh:** *saudara-saudaranya*. Istilah ini boleh juga merangkumi saudara-mara. Oleh sebab ajal Yosef panjang dan dia juga anak kesebelas, kemungkinan besar saudaranya yg lain sudah meninggal dan dia bercakap kpd keturunan mereka.

^j 50:24 *melawat kamu* **trjmh 2:** *campur tangan dalam keadaan kamu* **trjmh 3:** *berpihak kamu* **trjmh 4:** *menyebelahi kamu* **trjmh 5:** *menolong kamu* **trjmh 6:** *membantu kamu*

^h 50:25 *membawa* **hrfh:** *kasi naik / menyebabkan naik*. Asal istilah *naik* digunakan utk perjalanan, secara automatik ia merujuk kpd pergi ke tanah Kana`an / tanah Israel / Yerusalem.